

CUCKOO INTERNATIONAL

CUCKOO | CUCKOO CO-CREATED | wonderLab | wonderdewi | wönderklean+



CUCKOO+
Service Group



CUCKOO INTERNATIONAL (MAL) BERHAD

(No. Pendaftaran 201401026804 (1102894-H))

Level 16, Menara Bangkok Bank, Laman Sentral Berjaya,
No. 105, Jalan Ampang, 50450, Kuala Lumpur.

T 1-800-88-8181

W www.cuckoo.com.my
www.wonderlab.com.my
www.wonderklean.com.my

CUCKOO
INTERNATIONAL

CUCKOO INTERNATIONAL (MAL) BERHAD
(No. Pendaftaran 201401026804 (1102894-H))

PROSPEKTUS

PROSPEKTUS

PROSPEKTUS INI BERTARIKH 26 MAC 2025

CUCKOO INTERNATIONAL

CUCKOO | CUCKOO CO-CREATED | wonderLab | wonderdewi | wönderklean+

CUCKOO INTERNATIONAL (MAL) BERHAD

(No. Pendaftaran 201401026804 (1102894-H))

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 dan dianggap didaftarkan di bawah Akta Syarikat, 2016)

TAWARAN AWAM PERMULAAN ("IPO") SEHINGGA 365,364,000 SAHAM BIASA DALAM CUCKOO INTERNATIONAL (MAL) BERHAD ("SAHAM") ("SAHAM IPO") BERSEMPENA DENGAN PENYENARAIAN DAN SEBUT HARGA BAGI KESELURUHAN 1,432,800,000 SAHAM TERBITAN DIPERBESAR DI PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD MERANGKUMI TAWARAN UNTUK JUALAN SEHINGGA 222,084,000 SAHAM SEDIA ADA ("SAHAM TAWARAN") DAN TERBITAN AWAM SEBANYAK 143,280,000 SAHAM BAHARU ("SAHAM TERBITAN") YANG MELIBATKAN:

- (I) TAWARAN INSTITUSI SEHINGGA 322,380,000 SAHAM IPO KEPADA PELABUR INSTITUSI MALAYSIA DAN ASING DAN PELABUR TERPILIH, TERMASUK PELABUR BUMIPUTERA YANG DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI MALAYSIA PADA HARGA INSTITUSI YANG DITENTUKAN MELALUI PROSES BOOKBUILDING ("HARGA INSTITUSI"); DAN
- (II) TAWARAN RUNCIT SEBANYAK 42,984,000 SAHAM TERBITAN YANG TERSEDIA UNTUK PERMOHONAN OLEH PEKERJA SYARIKAT DAN ANAK SYARIKATNYA ("KUMPULAN") YANG LAYAK, ORANG YANG TELAH MENYUMBANG KEPADA KEJAYAAN KUMPULAN DAN ORANG AWAM MALAYSIA PADA HARGA RUNCIT SEBANYAK RM1.29 SETIAP SAHAM TERBITAN ("HARGA RUNCIT"), YANG PERLU DIBAYAR SECARA PENUH SEMASA PERMOHONAN DAN TERTAKLUK KEPADA PEMBAYARAN BALIK PERBEZAAN ANTARA HARGA RUNCIT DAN HARGA RUNCIT AKHIR (SEBAGAIMANA YANG DITETAPKAN DALAM PROSPEKTUS INI) JIKA HARGA RUNCIT AKHIR ADALAH KURANG DARIPADA HARGA RUNCIT,

TERTAKLUK KEPADA PERUNTUKAN PENARIKAN BALIK DAN PENGAGIHAN SEMULA. HARGA RUNCIT AKHIR AKAN SAMA DENGAN YANG LEBIH RENDAH ANTARA:

- (A) HARGA RUNCIT; ATAU
- (B) HARGA INSTITUSI.

Penasihat Utama Tunggal, Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama, Penaja Jamin Pengurusan, dan Penaja Jamin Bersama

Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama dan Penaja Jamin Bersama



RHB INVESTMENT BANK BERHAD
(No. Pendaftaran 197401002639 (19663-P))
(Organisasi Peserta Bursa Securities)



AmInvestment Bank

AMINVESTMENT BANK BERHAD
(No. Pendaftaran 197501002220 (23742-V))
(Organisasi Peserta Bursa Securities)

TIADA SEKURITI AKAN DIUMPUK ATAU DITERBITKAN BERDASARKAN PROSPEKTUS INI SELEPAS ENAM BULAN DARI TARIKH PROSPEKTUS INI. SC TELAH MELULUSKAN TERBITAN, TAWARAN ATAU PELAWAAN UNTUK IPO KAMI.

PROSPEKTUS INI TELAH DIDAFTARKAN OLEH SC. KELULUSAN DAN PENDAFTARAN PROSPEKTUS INI TIDAK BOLEH DIANGGAP UNTUK MENUNJUKKAN BAHAWA SC MENGESYORKAN IPO KAMI ATAU BERTANGGUNGJAWAB UNTUK KETEPATAN MANA-MANA KENYATAAN YANG DIBUAT, PENDAPAT YANG DINYATAKAN ATAU LAPORAN YANG TERKANDUNG DALAM PROSPEKTUS INI. SC TIDAK, DALAM APA CARA SEKALIPUN, MEMPERTIMBANGKAN MERIT SAHAM KAMI YANG DITAWARKAN UNTUK PELABURAN.

SC TIDAK BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP SEBARANG KETIDAKDEDAHAN PIHAK SYARIKAT KAMI DAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KANDUNGAN PROSPEKTUS INI, TIDAK MEMBUAT REPRESENTASI MENGENAI KETEPATAN ATAU KESEMPURNAANNYA, DAN DENGAN JELAS MENAFIKAN APA-APA LIABILITI UNTUK APA-APA KERUGIAN YANG MUNGKIN ANDA ALAMI YANG TIMBUL DARIPADA ATAU DALAM PERGANTUNGAN PADA KESELURUHAN ATAU MANA-MANA BAHAGIAN KANDUNGAN PROSPEKTUS INI.

PELABUR DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PROSPEKTUS INI. SEKIRANYA RAGU-RAGU, SILA BERUNDING DENGAN PENASIHAT PROFESIONAL.

UNTUK MAKLUMAT MENGENAI FAKTOR RISIKO YANG PERLU DIPERTIMBANGKAN OLEH BAKAL PELABUR, LIHAT "FAKTOR RISIKO" YANG BERMULA PADA HALAMAN 167.

PENYENARAIAN DIPOHON: PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

NOTIS PENTING

Semua istilah yang digunakan dalam Prospektus ini ditakrifkan di bawah “Definisi” bermula pada halaman xii, “Glosari Istilah Teknikal” bermula pada halaman xx dan “Pembentangan Maklumat” bermula pada halaman ix.

PERNYATAAN TANGGUNGJAWAB

Pengarah, Promoter dan Pemegang Saham Menjual kami telah melihat dan meluluskan Prospektus ini. Mereka secara bersama dan individu menerima tanggungjawab penuh untuk ketepatan maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, dan berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka yang terbaik, mereka mengesahkan bahawa tiada pernyataan palsu atau mengelirukan atau fakta lain yang jika ditinggalkan, akan membuat sebarang kenyataan dalam Prospektus ini palsu atau mengelirukan.

RHB Investment Bank, sebagai Penasihat Utama Tunggal, Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama, Penaja Jamin Pengurusan, dan Penaja Jamin Bersama, mengakui bahawa, berdasarkan semua maklumat yang ada dan dengan pengetahuan dan kepercayaannya yang terbaik, Prospektus ini merupakan pendedahan penuh dan benar mengenai semua fakta penting mengenai IPO kami.

PERNYATAAN PENAFIAN

Syarikat kami telah mendapat kelulusan Bursa Securities untuk penyenaian dan sebut harga untuk Saham kami. Penerimaan masuk ke Senarai Rasmi Bursa Securities tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit IPO, Syarikat atau Saham kami.

Prospektus ini, bersama-sama dengan Borang Permohonan, juga telah diserahkan kepada Pendaftar Syarikat, yang tidak bertanggungjawab terhadap kandungannya.

Anda harus bergantung pada penilaian anda sendiri untuk menilai merit dan risiko pelaburan anda. Sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan mengenai tindakan yang perlu diambil, anda harus segera berunding dengan broker saham, pengurus bank, peguam cara, akauntan atau penasihat profesional anda yang lain.

PERNYATAAN LAIN

Anda harus mengambil perhatian bahawa anda boleh mendapatkan rekursa di bawah Seksyen 248, 249 dan 357 CMSA untuk pelanggaran undang-undang sekuriti termasuk apa-apa pernyataan dalam Prospektus ini yang palsu, mengelirukan, atau dari mana terdapat peninggalan material; atau untuk apa-apa tindakan yang mengelirukan atau memperdaya berhubung dengan Prospektus ini atau kelakuan mana-mana orang lain berkaitan dengan Syarikat kami.

Saham kami ditawarkan kepada orang awam berdasarkan pendedahan penuh dan tepat semua maklumat material mengenai IPO kami, yang menjadi tanggungjawab mana-mana orang yang dinyatakan dalam Seksyen 236 CMSA.

Saham kami dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah (“**SAC**”). Pengelasan ini kekal sah dari tarikh penerbitan Prospektus ini sehingga semakan pematuhan Syariah berikutnya yang dijalankan oleh SAC. Status baharu akan diterbitkan dalam senarai terkini sekuriti patuh Syariah, pada Jumaat terakhir bulan Mei dan November.

NOTIS PENTING

Prospektus ini diterbitkan semata-mata berhubung dengan IPO kami. Saham kami ditawarkan semata-mata berdasarkan maklumat yang terkandung dan representasi yang dibuat dalam Prospektus ini. Syarikat, Pengarah, Promoter, Pemegang Saham Menjual, Penasihat Utama Tunggal, Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama, Penaja Jamin Pengurusan, dan Penaja Jamin Bersama kami tidak memberi kebenaran kepada sesiapa pun untuk memberikan apa-apa maklumat atau membuat apa-apa representasi yang tidak terkandung dalam Prospektus ini. Apa-apa maklumat atau representasi yang tidak terkandung dalam Prospektus ini tidak boleh dipercayai sebagai telah dibenarkan oleh Syarikat, Pengarah, Promoter, Pemegang Saham Menjual, Penasihat Utama Tunggal, Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama, Penaja Jamin Pengurusan, dan Penaja Jamin Bersama kami atau mana-mana pengarah masing-masing, atau mana-mana orang lain yang terlibat dalam IPO kami.

Prospektus ini telah disediakan dalam konteks IPO di bawah undang-undang Malaysia. Ia tidak mematuhi undang-undang mana-mana bidang kuasa selain Malaysia dan belum dan tidak akan diserahkan, didaftarkan atau diluluskan menurut atau di bawah mana-mana perundangan sekuriti atau yang setara yang berkenaan atau dengan atau oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia atau badan berkaitan yang lain dalam mana-mana bidang kuasa selain Malaysia.

Pengedaran Prospektus ini dan IPO kami adalah tertakluk pada undang-undang Malaysia. Prospektus ini tidak akan diedarkan di luar Malaysia kecuali setakat sebagai sebahagian daripada memorandum tawaran yang diedarkan kepada pelabur institusi asing di luar Malaysia berkaitan dengan IPO kami. Syarikat, Pengarah, Promoter, Pemegang Saham Menjual, Penasihat Utama Tunggal, Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama, Penaja Jamin Pengurusan, dan Penaja Jamin Bersama kami tidak memberi kebenaran dan tidak bertanggungjawab untuk pengedaran Prospektus ini kecuali setakat sebagai sebahagian daripada memorandum tawaran yang diedarkan kepada institusi asing dan pelabur terpilih di luar Malaysia berkaitan dengan IPO kami. Tiada tindakan telah diambil untuk membenarkan apa-apa tawaran Saham kami berdasarkan Prospektus ini dalam mana-mana bidang kuasa selain Malaysia. Oleh itu, Prospektus ini tidak boleh digunakan untuk tujuan dan tidak merupakan tawaran untuk langganan atau belian atau pelawaan untuk melanggan atau membeli Saham kami dalam mana-mana bidang kuasa atau dalam apa jua keadaan yang tawaran sedemikian tidak dibenarkan atau sah atau kepada mana-mana orang yang menyalahi undang-undang untuk membuat tawaran atau pelawaan sedemikian. Pengedaran Prospektus ini dan penawaran Saham kami dalam bidang kuasa tertentu yang lain mungkin dihadkan oleh undang-undang. Bakal pelabur yang mungkin memiliki Prospektus ini dikehendaki memaklumkan diri mereka dan mematuhi sekatan tersebut.

Kami tidak akan, sebelum bertindak atas apa-apa penerimaan berkenaan dengan IPO kami, membuat atau terikat untuk membuat apa-apa pertanyaan sama ada anda mempunyai alamat berdaftar di Malaysia dan tidak akan dianggap menerima apa-apa liabiliti sama ada apa-apa pertanyaan atau penyiasatan dibuat berkaitan dengannya atau tidak.

Adalah menjadi tanggungjawab anda sepenuhnya untuk memastikan bahawa permohonan anda untuk IPO kami akan mematuhi terma IPO kami dan tidak akan melanggar mana-mana undang-undang negara atau bidang kuasa selain Malaysia yang anda mungkin tertakluk. Kami akan terus menganggap bahawa anda telah menerima IPO kami di Malaysia dan akan tertakluk pada undang-undang Malaysia yang berkaitan dengannya. Walau bagaimanapun, kami berhak, mengikut budi bicara mutlak kami, untuk menganggap apa-apa penerimaan sebagai tidak sah jika kami percaya bahawa penerimaan tersebut mungkin melanggar mana-mana undang-undang atau keperluan undang-undang atau kawal selia yang berkenaan.

Adalah menjadi tanggungjawab anda sepenuhnya untuk berunding dengan penasihat undang-undang dan atau penasihat profesional anda yang lain mengenai undang-undang yang IPO kami atau anda adalah tertakluk atau mungkin tertakluk. Syarikat, Pengarah, Promoter, Pemegang Saham Menjual, Penasihat Utama Tunggal, Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama, Penaja Jamin Pengurusan, dan Penaja Jamin Bersama kami dan mana-mana penasihat lain berhubung dengan IPO kami tidak akan menerima apa-apa tanggungjawab atau liabiliti sekiranya mana-mana permohonan yang anda buat akan menyalahi undang-undang, tidak boleh dikuatkuasakan, boleh dielakkan atau tidak sah di mana-mana negara atau bidang kuasa.

NOTIS PENTING

Saham kami belum dan tidak akan didaftarkan di bawah Akta Sekuriti A.S., dan tidak boleh ditawarkan, dijual atau dihantar dalam Amerika Syarikat (sebagaimana dijelaskan dalam Peraturan S di bawah Akta Sekuriti A.S.), kecuali menurut pengecualian daripada, atau urusan niaga yang tidak tertakluk pada, keperluan pendaftaran di bawah Akta Sekuriti A.S. Oleh itu, Saham kami ditawarkan dan dijual hanya di luar Amerika Syarikat dalam urusan niaga luar pesisir berdasarkan Peraturan S di bawah Akta Sekuriti A.S.

Saham kami belum diluluskan atau tidak diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa A.S., mana-mana Suruhanjaya Sekuriti Negeri di Amerika Syarikat atau mana-mana pihak berkuasa kawal selia Amerika Syarikat yang lain, juga tidak ada pihak berkuasa yang disebutkan di atas yang meluluskan atau mengesahkan merit IPO kami atau mengesahkan ketepatan atau kecukupan Prospektus ini. Apa-apa representasi yang sebaliknya adalah kesalahan jenayah di A.S.

Saham kami tidak ditawarkan atau dijual dan tidak boleh ditawarkan atau dijual kepada orang yang berada di atau yang merupakan pemastautin di Republik Korea ("**Korea**"), dan Prospektus ini serta sebarang dokumen atau bahan lain yang berkaitan dengan tawaran atau jualan Saham kami tidak boleh diagih atau diedarkan, secara langsung atau tidak langsung, di Korea. Orang yang berada di dalam atau yang merupakan pemastautin Korea tidak akan dibenarkan untuk memperoleh, secara langsung atau tidak langsung, Saham kami.

Saham kami tidak tertakluk kepada kelulusan Financial Services Commission of Korea ("**FSC**") dan Financial Supervisory Service of Korea, mahupun mana-mana pihak berkuasa yang disebutkan di atas melulus atau mengesahkan merit IPO kami atau mengesahkan ketepatan atau kecukupan Prospektus ini. Sebarang perwakilan yang sebaliknya adalah tertakluk kepada sekatan jenayah dan/atau pentadbiran di bawah Akta Perkhidmatan Pelaburan Kewangan dan Pasaran Modal dan peraturan berkaitan Korea ("**Akta Pasaran Modal Korea**").

Walaupun IPO kami tidak tertakluk kepada kelulusan FSC, penyata pendaftaran sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal Korea tidak diserahkan kepada, dan diterima oleh FSC. Lihat Seksyen 9.3.1 Prospektus ini untuk butiran lanjut tentang risiko sekatan tertentu kepada Syarikat dan / atau Pengarah kami di bawah Akta Pasaran Modal Korea.

PROSPEKTUS ELEKTRONIK/PERMOHONAN SAHAM INTERNET

Prospektus ini juga boleh dilihat atau dimuat turun dari laman web Bursa Securities di www.bursamalaysia.com. Kandungan Prospektus elektronik dan salinan Prospektus ini yang didaftarkan dengan SC adalah sama.

Internet bukanlah medium yang selamat sepenuhnya. Permohonan Saham Internet anda mungkin tertakluk pada risiko semasa transmisi data, ancaman keselamatan komputer seperti virus, penggodam dan pencuri data, kerosakan perisian komputer dan kejadian lain yang berada di luar kawalan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet. Risiko ini tidak boleh ditanggung oleh Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet.

Berhubung dengan apa-apa rujukan dalam Prospektus ini kepada tapak internet pihak ketiga ("**Laman Internet Pihak Ketiga**"), sama ada melalui pautan hiper atau melalui keterangan mengenai Laman Internet Pihak Ketiga, anda mengakui dan bersetuju bahawa:

- (i) kami dan Penasihat Utama Tunggal kami tidak menyokong dan tidak mempunyai kaitan dalam apa-apa cara sekalipun dengan Laman Internet Pihak Ketiga. Oleh itu, kami dan Penasihat Utama Tunggal kami tidak bertanggungjawab terhadap ketersediaan atau kandungan apa-apa data, fail atau bahan lain yang disediakan di Laman Internet Pihak Ketiga. Anda hendaklah menanggung semua risiko yang berkaitan dengan akses kepada atau penggunaan Laman Internet Pihak Ketiga;

NOTIS PENTING

- (ii) kami dan Penasihat Utama Tunggal kami tidak bertanggungjawab terhadap kualiti produk atau perkhidmatan di Laman Internet Pihak Ketiga, terutamanya dalam memenuhi mana-mana terma bagi apa-apa perjanjian anda dengan Laman Internet Pihak Ketiga. Kami dan Penasihat Utama Tunggal kami juga tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan atau kos yang anda mungkin alami atau tanggung sehubungan dengan atau akibat berurusan dengan Tapak Internet Pihak Ketiga atau penggunaan atau pergantungan pada mana-mana data, maklumat, fail atau bahan lain yang disediakan oleh pihak tersebut; dan
- (iii) apa-apa data, maklumat, fail atau bahan lain yang dimuat turun daripada Laman Internet Pihak Ketiga dilakukan mengikut budi bicara dan risiko anda sendiri. Kami dan Penasihat Utama Tunggal kami tidak bertanggungjawab, menanggung liabiliti atau berkewajipan atas apa-apa kerosakan pada sistem komputer anda atau kehilangan data akibat daripada memuat turun apa-apa data, maklumat, fail atau bahan lain seperti itu.

Apabila Prospektus Elektronik dihoskan di laman web Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet, anda dinasihatkan bahawa:

- (i) Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet hanya bertanggungjawab berkenaan dengan integriti kandungan Prospektus Elektronik, iaitu setakat kandungan Prospektus Elektronik yang terletak di pelayan web Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet yang boleh dilihat melalui pelayar web anda atau perisian lain yang berkaitan. Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet tidak akan bertanggungjawab terhadap integriti kandungan Prospektus Elektronik yang telah diperolehi daripada pelayan web Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet dan selepas itu disampaikan atau disebarkan dengan apa-apa cara kepada anda atau pihak lain;
- (ii) sungguhpun semua langkah yang munasabah telah diambil untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang disediakan dalam Prospektus Elektronik, ketepatan dan kebolehpercayaan Prospektus Elektronik tidak dapat dijamin kerana internet bukanlah medium yang selamat sepenuhnya; dan
- (iii) Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet tidak bertanggungjawab (sama ada dalam tort atau kontrak atau yang lain) terhadap apa-apa kerugian, kerosakan atau kos, yang anda atau mana-mana orang lain mungkin alami atau tanggung disebabkan oleh, sebagai akibat daripada atau sehubungan dengan apa-apa ketidaktepatan, perubahan, pengubahan, pemadaman atau peninggalan berkenaan dengan maklumat yang diberikan dalam Prospektus Elektronik yang mungkin timbul sehubungan dengan atau akibat apa-apa kerosakan pelayar web atau perisian lain yang berkaitan, apa-apa kerosakan pada komputer peribadi, sistem operasi atau perisian lain milik anda atau mana-mana pihak ketiga, virus atau ancaman keselamatan yang lain, capaian tanpa izin kepada maklumat atau sistem yang berkaitan dengan laman web Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet, dan/atau masalah yang berlaku semasa transmisi data yang mungkin mengakibatkan salinan maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap dimuat turun atau dipaparkan pada komputer peribadi anda.

JADUAL WAKTU INDIKATIF

Jadual waktu indikatif IPO kami dinyatakan di bawah:

Peristiwa	Masa dan/atau tarikh
Pembukaan Tawaran Institusi ⁽¹⁾	26 Mac 2025
Penerbitan Prospektus / Pembukaan Tawaran Runcit	10.00 pagi 26 Mac 2025
Penutupan Tawaran Runcit	5.00 petang 10 April 2025
Penutupan Tawaran Institusi	10 April 2025
Tarikh Penetapan Harga	14 April 2025
Pengundian permohonan untuk Saham Terbitan kami di bawah Tawaran Runcit	17 April 2025
Pengumpulan / pemindahan Saham IPO kami kepada pemohon yang berjaya	28 April 2025
Penyenaraian	30 April 2025

Nota:

- (1) Selain Tawaran Institusi kepada Pelabur Utama. Perjanjian Penempatan Utama Induk bagi pemerolehan dan/atau langganan Saham IPO kami oleh Pelabur Utama telah dimeterai pada 10 Mac 2025.

Sekiranya terdapat apa-apa perubahan pada jadual waktu, kami akan mengiklankan notis perubahan dalam akhbar harian Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia yang diedarkan secara meluas di Malaysia dan membuat pengumuman di laman web Bursa Securities.

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PEMBENTANGAN MAKLUMAT	ix
PERNYATAAN BERPANDANGAN KE HADAPAN	x
DEFINISI	xii
GLOSARI ISTILAH TEKNIKAL.....	xx
1. DIREKTORI KORPORAT	1
2. PENGENALAN	5
2.1 KELULUSAN DAN SYARAT	5
2.2 MORATORIUM ATAS SAHAM KAMI	6
3. RINGKASAN PROSPEKTUS	8
3.1 BUTIRAN UTAMA IPO KAMI.....	8
3.2 PERNIAGAAN KAMI.....	9
3.3 PENGGUNAAN PEROLEHAN	12
3.4 FAKTOR RISIKO	12
3.5 PENGARAH DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA.....	13
3.6 PROMOTER DAN PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL KAMI	14
3.7 SOROTAN MAKLUMAT KEWANGAN DAN OPERASI	15
3.8 DASAR DIVIDEN	17
4. BUTIRAN IPO KAMI.....	18
4.1 BUTIRAN IPO KAMI DAN PELAN AGIHAN	18
4.2 PEMEGANG SAHAM MENJUAL.....	24
4.3 ASAS PENGIRAAN HARGA SAHAM IPO KAMI DAN MEKANISME PEMBAYARAN BALIK	26
4.4 PENCAIRAN	27
4.5 PENGGUNAAN PEROLEHAN	29
4.6 KOMISEN PENAJA JAMINAN, PEMBROKERAN DAN YURAN PENEMPATAN	35
4.7 BUTIRAN PENAJA JAMINAN, PENEMPATAN DAN PENGATURAN BERKUNCI.....	36
4.8 PERDAGANGAN DAN PENYELESAIAN DI PASARAN SEKUNDER.....	43
5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI.....	45
5.1 PROMOTER DAN PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL KAMI	45
5.2 LEMBAGA PENGARAH	53
5.3 AMALAN LEMBAGA	73
5.4 PENGURUSAN KANAN UTAMA.....	79
5.5 PENGAKUAN OLEH PROMOTER, PENGARAH DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI	88
5.6 HUBUNGAN KELUARGA DAN PERKAITAN.....	88
6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN KAMI.....	89
6.1 SYARIKAT KAMI.....	89
6.2 STRUKTUR PEMEGANGAN SAHAM KUMPULAN KAMI	91
6.3 ANAK SYARIKAT KAMI.....	93
6.4 PENGAMBILALIHAN AWAM.....	93
7. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN.....	94
7.1 GAMBARAN KESELURUHAN DAN LATAR BELAKANG.....	94
7.2 ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN	97
7.3 KEKUATAN DAYA SAING.....	98

JADUAL KANDUNGAN

7.4	RANCANGAN DAN STRATEGI MASA DEPAN.....	106
7.5	MODEL PERNIAGAAN, PRODUK DAN PERKHIDMATAN KAMI	111
7.6	PENILAIAN DAN KUTIPAN PELANGGAN	123
7.7	JENIS, SUMBER DAN KETERSEDIAAN BAHAN INPUT	125
7.8	PENGURUSAN PERGUDANGAN, LOGISTIK, PENGANGKUTAN SERTA JUALAN DAN INVENTORI	126
7.9	KAWALAN KUALITI DAN WARANTI PRODUK	127
7.10	PERKHIDMATAN PELANGGAN	128
7.11	TEKNOLOGI DAN PERLINDUNGAN DATA	128
7.12	PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	129
7.13	PEMBEKAL UTAMA	130
7.14	PELANGGAN UTAMA	134
7.15	KEBERMUSIMAN	134
7.16	UNDANG-UNDANG MENGAWAL DAN PERATURAN YANG MENGAWAL	134
7.17	KETIDAKPATUHAN.....	134
7.18	KELULUSAN, LESEN, PERMIT DAN PENDAFTARAN UTAMA	142
7.19	HAK HARTA INTELEK, PATEN, TANDA DAGANGAN DAN PENDAFTARAN	142
7.20	HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN MATERIAL	142
7.21	PERGANTUNGAN MATERIAL TERHADAP KONTRAK, PERJANJIAN ATAU PENGATURAN LAIN	143
7.22	GANGGUAN PERNIAGAAN	147
7.23	PEKERJA.....	148
7.24	ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS.....	149
8.	LAPORAN IMR	153
9.	FAKTOR RISIKO.....	167
9.1	RISIKO BERKAITAN DENGAN PERNIAGAAN DAN OPERASI KAMI....	167
9.2	RISIKO BERKAITAN DENGAN INDUSTRI DI MANA KAMI BEROPERASI.....	181
9.3	RISIKO BERKAITAN DENGAN SAHAM KAMI	186
10.	URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN.....	191
10.1	URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN KUMPULAN KAMI	191
10.2	PEMANTAUAN DAN PENGAWASAN URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN.....	204
11.	KONFLIK KEPENTINGAN.....	206
11.1	KEPENTINGAN DALAM ENTITI YANG PERDAGANGANNYA SAMA SEPERTI KUMPULAN KAMI, PELANGGAN KAMI DAN/ATAU PEMBEKAL KAMI.....	206
11.2	PENGAKUAN OLEH PENASIHAT MENGENAI KONFLIK KEPENTINGAN	209
12.	MAKLUMAT KEWANGAN.....	213
12.1	MAKLUMAT KEWANGAN LAMPAU	213
12.2	PERBINCANGAN DAN ANALISIS PIHAK PENGURUSAN MENGENAI KEADAAN KEWANGAN DAN KEPUTUSAN OPERASI	217
12.3	KECAIRAN DAN SUMBER MODAL	247
12.4	PERMODALAN DAN KETERHUTANGAN	261
12.5	DASAR DIVIDEN	262
13.	LAPORAN AKAUNTAN.....	263
14.	LAPORAN AKAUNTAN MELAPOR MENGENAI PRO FORMA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN	355

JADUAL KANDUNGAN

15.	MAKLUMAT TAMBAHAN.....	366
15.1	MODAL SAHAM.....	366
15.2	PETIKAN PERLEMBAGAAN KAMI.....	366
15.3	SEKURITI DIDEPOSIT DAN HAK PENDEPOSIT.....	377
15.4	BATASAN HAK UNTUK MEMILIKI SEKURITI DAN/ATAU MELAKSANAKAN HAK MENGUNDI.....	377
15.5	PENGHANTARAN BALIK MODAL, PENGIRIMAN KEUNTUNGAN DAN PERCUKAIAN.....	378
15.6	KONTRAK MATERIAL.....	378
15.7	LITIGASI MATERIAL.....	380
15.8	PERSETUJUAN.....	380
15.9	DOKUMEN TERSEDIA UNTUK PEMERIKSAAN.....	380
16.	TATACARA PERMOHONAN.....	382
16.1	PEMBUKAAN DAN PENUTUPAN PERMOHONAN.....	382
16.2	KAEDAH PERMOHONAN.....	382
16.3	KELAYAKAN.....	383
16.4	PERMOHONAN DENGAN MENGGUNAKAN BORANG PERMOHONAN.....	384
16.5	PERMOHONAN DENGAN MENGGUNAKAN PERMOHONAN SAHAM ELEKTRONIK.....	385
16.6	PERMOHONAN DENGAN MENGGUNAKAN PERMOHONAN SAHAM INTERNET.....	385
16.7	KUASA LEMBAGA KAMI DAN RUMAH TERBITAN KAMI.....	385
16.8	TERLEBIH / TERKURANG LANGGANAN.....	386
16.9	PEMOHON YANG TIDAK BERJAYA / BERJAYA SEPARA.....	387
16.10	PEMOHON YANG BERJAYA.....	388
16.11	PERTANYAAN.....	389
LAMPIRAN I	UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG MENGAWAL.....	390
LAMPIRAN II	KELULUSAN, LESEN, PERMIT DAN PENDAFTARAN UTAMA.....	396
LAMPIRAN III	HAK HARTA INTELEK, PATEN, TANDA DAGANGAN DAN PENDAFTARAN.....	402
LAMPIRAN IV	HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN MATERIAL.....	407

PEMBENTANGAN MAKLUMAT

Semua rujukan kepada “Syarikat kami” adalah kepada CUCKOO International (MAL) Berhad. Semua rujukan kepada “Kumpulan kami”, “kami” atau “diri kami” adalah kepada Syarikat kami dan anak-anak syarikat kami secara keseluruhan, kecuali jika konteks memerlukan sebaliknya.

Melainkan konteks memerlukan sebaliknya, rujukan “Pengurusan” adalah rujukan untuk Pengarah dan Pengurusan Kanan Utama kami pada tarikh Prospektus ini, dan pernyataan mengenai kepercayaan, jangkaan, anggaran dan pendapat kami adalah daripada Pengarah dan Pengurusan Kanan Utama kami.

Semua rujukan kepada “Pemegang Saham Menjual” adalah kepada CKH, Koo Bon Hak, Hoe Kian Choon, Mak Foong Ling, Toh Seng Lee, Goh Hui Teng, Lye Siew Lay, Tan Yu Liang dan Mak Wai Hoong. Semua rujukan kepada “Promoter” adalah kepada CKH, Koo Bon Hak dan Hoe Kian Choon.

Semua rujukan kepada “anda” adalah kepada bakal pelabur kami.

Semua rujukan kepada “Kerajaan” adalah kepada Kerajaan Malaysia; dan rujukan kepada “RM” dan “sen” adalah kepada mata wang Malaysia yang sah. Apa-apa percanggahan dalam jadual antara jumlah yang disenaraikan dan jumlah keseluruhan dalam Prospektus ini adalah disebabkan oleh pelarasan pembundaran. Singkatan dan akronim lain yang digunakan di sini ditakrifkan dalam bahagian “Definisi” dan istilah teknikal yang digunakan di sini ditakrifkan dalam bahagian “Glosari Istilah Teknikal”. Perkataan yang menunjukkan mufrad hendaklah, jika berkenaan, termasuk majmuk dan sebaliknya dan perkataan yang menunjukkan jantina maskulin hendaklah, jika berkenaan, termasuk jantina feminin dan neuter dan sebaliknya. Rujukan kepada orang hendaklah termasuk orang sebenar, firma, syarikat, badan korporat dan perbadanan.

Apa-apa rujukan kepada mana-mana peruntukan statut, aturan, pengaturan, enakmen, garis panduan atau peraturan bursa saham hendaklah (jika konteksnya membenarkan), ditafsirkan sebagai rujukan kepada peruntukan statut, aturan, pengaturan, enakmen, garis panduan atau peraturan bursa saham tersebut (mengikuti mana-mana yang berkenaan) sebagaimana yang diubah suai oleh mana-mana undang-undang bertulis atau (jika berkenaan) pindaan atau penggubalan semula statut, aturan, pengaturan, enakmen, garis panduan atau peraturan bursa saham yang sedang berkuat kuasa.

Rujukan kepada tarikh dan masa hendaklah merujuk kepada tarikh dan masa di Malaysia, melainkan dinyatakan sebaliknya. Rujukan kepada “LPD” dalam Prospektus ini adalah kepada 28 Februari 2025, iaitu tarikh boleh laksana terakhir sebelum pendaftaran Prospektus ini dengan SC.

Prospektus ini termasuk data statistik yang disediakan oleh kami dan pelbagai pihak ketiga dan memetik unjuran pihak ketiga mengenai pertumbuhan dan prestasi industri di mana kami beroperasi. Data ini diambil atau diperolehi daripada maklumat yang diterbitkan oleh sumber industri dan daripada data dalaman kami. Dalam setiap kes tersebut, sumbernya dinyatakan dalam Prospektus ini, sekiranya tiada sumber dinyatakan, boleh diandaikan bahawa maklumat itu berasal daripada kami atau dipetik daripada Laporan IMR yang disertakan dalam Seksyen 8 Prospektus ini. Kami telah melantik Frost & Sullivan untuk menyediakan semakan pasaran dan industri bebas yang berkaitan dengan gambaran keseluruhan ekonomi dan industri yang kami beroperasi. Dalam menyusun data mereka untuk semakan, Frost & Sullivan bergantung pada metodologi penyelidikannya, sumber industri, bahan yang diterbitkan, pangkalan data persendirian dan hubungan langsung dalam industri. Selain itu, unjuran pihak ketiga yang dipetik dalam Prospektus ini tertakluk pada ketidakpastian yang ketara yang boleh menyebabkan data sebenar berbeza secara material daripada angka yang diunjurkan. Kami tidak dapat memberi jaminan kepada anda bahawa unjuran akan dicapai, dan anda tidak seharusnya meletakkan pergantungan yang tidak wajar pada data statistik dan unjuran pihak ketiga yang dipetik dalam Prospektus ini.

Maklumat di laman web kami, atau mana-mana laman web yang dipautkan secara langsung atau tidak langsung ke laman web kami tidak membentuk sebahagian daripada Prospektus ini dan anda tidak seharusnya bergantung padanya untuk tujuan keputusan anda sama ada untuk melabur dalam Saham kami atau tidak. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara kandungan laman web tersebut yang berkaitan dengan Kumpulan kami dan Prospektus ini, maklumat yang terkandung dalam Prospektus ini akan diguna pakai.

PERNYATAAN BERPANDANGAN KE HADAPAN

Prospektus ini mengandungi pernyataan berpandangan ke hadapan. Semua pernyataan selain pernyataan fakta lampau yang disertakan dalam Prospektus ini, termasuk, tanpa had, pernyataan berkenaan kedudukan kewangan, strategi perniagaan, rancangan dan prospek masa depan kami, dan objektif Kumpulan kami untuk operasi masa hadapan, adalah pernyataan berpandangan ke hadapan. Pernyataan berpandangan ke hadapan tersebut melibatkan risiko yang diketahui dan tidak diketahui, ketidakpastian, keadaan luar jangka dan faktor lain yang boleh menyebabkan keputusan sebenar kami, prestasi atau pencapaian kami, atau keputusan industri, berbeza secara material daripada apa-apa keputusan, prestasi atau pencapaian masa hadapan yang dinyatakan atau tersirat oleh pernyataan berpandangan ke hadapan sedemikian. Pernyataan berpandangan ke hadapan sedemikian adalah berdasarkan pelbagai andaian mengenai strategi perniagaan masa kini dan masa hadapan kami serta persekitaran di mana kami akan beroperasi pada masa hadapan. Pernyataan berpandangan ke hadapan tersebut mencerminkan pandangan semasa Kumpulan kami berkenaan dengan peristiwa masa hadapan dan bukan jaminan bagi prestasi masa hadapan.

Pernyataan berpandangan ke hadapan boleh dikenal pasti melalui penggunaan istilah yang berpandangan ke hadapan seperti perkataan “harap”, “percaya”, “rancang”, “niat”, “anggar”, “jangka”, “hasrat”, “ramal”, “mungkin”, “akan” dan “boleh” atau ungkapan yang serupa dan termasuk semua pernyataan yang bukan fakta lampau. Pernyataan berpandangan ke hadapan tersebut termasuk, tanpa had, pernyataan yang berkaitan dengan:

- (i) strategi perniagaan, trend dan kedudukan daya saing kami;
- (ii) rancangan dan objektif kami untuk operasi masa hadapan;
- (iii) kedudukan kewangan kami;
- (iv) peluang pertumbuhan yang berpotensi;
- (v) pendapatan masa hadapan, aliran tunai dan kecairan kami;
- (vi) keupayaan kami untuk membayar dividen; dan
- (vii) persekitaran kawal selia dan kesan peraturan masa hadapan.

Keputusan sebenar kami mungkin berbeza secara material daripada maklumat yang terkandung dalam pernyataan berpandangan ke hadapan hasil daripada beberapa faktor di luar kawalan kami, termasuk, tanpa batasan:

- (i) persekitaran ekonomi, perniagaan, sosial, politik dan pelaburan umum di Malaysia dan di peringkat global;
- (ii) dasar, perundangan dan peraturan kerajaan;
- (iii) kadar faedah, kadar cukai dan kadar pertukaran;
- (iv) kelewatan, lebihan kos, kekurangan tenaga kerja dan perubahan lain yang mempengaruhi pelaksanaan rancangan pengembangan kami;
- (v) persekitaran berdaya saing dalam industri di mana kami beroperasi;
- (vi) pergantungan pada kelulusan, lesen dan permit;
- (vii) kenaikan kadar sewa pejabat, outlet dan pusat pengedaran kami;
- (viii) kewajipan dan komitmen tetap dan luar jangka; dan
- (ix) apa-apa faktor lain di luar kawalan kami yang termasuk tindakan penganas, pandemik, epidemik atau bencana alam.

PERNYATAAN BERPANDANGAN KE HADAPAN

Faktor tambahan yang boleh menyebabkan keputusan, prestasi atau pencapaian sebenar kami berbeza secara material termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang dibincangkan dalam Seksyen 9 Prospektus ini mengenai “Faktor Risiko” dan Seksyen 12.2 Prospektus ini mengenai “Perbincangan dan Analisis Pihak Pengurusan Mengenai Keadaan Kewangan dan Keputusan Operasi”. Kami tidak boleh memberi apa-apa jaminan bahawa pernyataan berpandangan ke hadapan yang dibuat dalam Prospektus ini akan direalisasikan. Pernyataan berpandangan ke hadapan sedemikian dibuat hanya pada tarikh Prospektus ini.

Sekiranya kami menyedari apa-apa perubahan material berikutnya atau perkara baharu yang timbul dari tarikh pendaftaran Prospektus ini tetapi sebelum tarikh pengumpulan Saham IPO kami yang akan menjejaskan perkara yang didedahkan dalam Prospektus ini, kami akan mengeluarkan prospektus tambahan atau penggantian, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengikut peruntukan Seksyen 238(1) CMSA dan Perenggan 1.02, Bab 1 Bahagian II (Divisyen 6) Garis Panduan Prospektus (Prospektus Tambahan dan Penggantian).

DEFINISI

Definisi berikut akan digunakan di seluruh Prospektus ini melainkan istilah itu ditakrifkan sebaliknya atau konteksnya memerlukan sebaliknya:

SYARIKAT DALAM KUMPULAN KAMI

CGT	: CUCKOO Global Technology Sdn Bhd (No. Pendaftaran 201601022643 (1193582-P))
Syarikat	: CUCKOO International (MAL) Berhad (No. Pendaftaran 201401026804 (1102894-H))
CUCKOO Singapore	: CUCKOO International (S) Pte Ltd (No. Pendaftaran 201616841Z)
Kumpulan	: Secara bersama, Syarikat dan anak syarikatnya, iaitu CGT dan CUCKOO Singapore

SYARIKAT INDUK DAN BERKAITAN KUMPULAN

CKH	: CUCKOO Homesys Co., Ltd., syarikat induk kami. Sila rujuk kepada Seksyen 5.1.2(i) untuk profil CKH
CUCKOO Electronics	: CUCKOO Electronics Co., Ltd., syarikat bersekutu kami dan anak syarikat langsung milik penuh CUCKOO Holdings
CUCKOO Holdings	: CUCKOO Holdings Co., Ltd., syarikat induk muktamad kami. Sila rujuk kepada Seksyen 5.1.2(iv) untuk profil CUCKOO Holdings
Kumpulan CUCKOO Holdings	: CUCKOO Holdings dan kumpulan syarikatnya (termasuk CKH dan CUCKOO Electronics)

UMUM

A.S. atau Amerika Syarikat	: Amerika Syarikat, wilayah dan tanah miliknya, mana-mana negeri di Amerika Syarikat dan Daerah Columbia
Abletech	: Abletech Solutions Sdn Bhd
ACCA	: Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun U.K.
ADA	: Ejen depositori yang dibenarkan
AGM	: Mesyuarat Agung Tahunan
Akta	: Akta Syarikat, 2016 Malaysia
Akta Sekuriti A.S.	: Akta Sekuriti Amerika Syarikat tahun 1933, sebagaimana yang dipinda
AmlInvestment Bank	: AmlInvestment Bank Berhad
ATM	: Mesin juruwang automatik
BNM	: Bank Negara Malaysia
Bookrunner Bersama	: Secara bersama, RHB Investment Bank dan AmlInvestment Bank

DEFINISI

Borang Permohonan	: Secara bersama, Borang Permohonan Putih dan Borang Permohonan Merah Jambu
Borang Permohonan Merah Jambu	: Borang permohonan untuk permohonan Saham Terbitan kami di bawah Tawaran Runcit oleh Orang yang Layak yang disertakan bersama dengan Prospektus ini
Borang Permohonan Putih	: Borang permohonan untuk permohonan Saham Terbitan kami di bawah Tawaran Runcit oleh Orang Awam Malaysia yang disertakan bersama dengan Prospektus ini
Bumiputera	: Dalam konteks: <ul style="list-style-type: none">(i) individu - Melayu, dan orang asli dan anak kelahiran Sabah dan Sarawak sebagaimana yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia;(ii) syarikat - syarikat yang memenuhi, antara lain, kriteria berikut atau kriteria lain yang mungkin dikenakan oleh MITI:<ul style="list-style-type: none">(a) didaftarkan di bawah Akta atau Akta Syarikat, 1965 sebagai syarikat persendirian;(b) pemegang sahamnya adalah 100% Bumiputera; dan(c) lembaga pengarahnya (termasuk kakitangannya) adalah sekurang-kurangnya 51% Bumiputera; dan(iii) koperasi - koperasi yang pemegang saham atau ahli koperasinya adalah sekurang-kurangnya 95% Bumiputera atau kriteria lain yang mungkin dikenakan oleh MITI
Bursa Depository	: Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd
Bursa Securities	: Bursa Malaysia Securities Berhad
CAGR	: Kadar pertumbuhan tahunan kompaun
CCC atau CF	: Sijil penyiapan dan pematuhan atau sijil layak untuk menduduki, atau sijil sedemikian dengan mana-mana nama lain yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang terpakai bagi Semenanjung Malaysia, Undang-undang Kecil Bangunan 1951 atau Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 2022 Sabah, dan Jadual Keempat Ordinan Bangunan 1994 Sarawak, dan mana-mana undang-undang kecil atau perundangan sedemikian yang berkaitan yang terpakai pada masa itu
CDS	: Sistem Depositori Pusat
CMSA	: Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan, 2007 Malaysia

DEFINISI

COVID-19	: Penyakit Koronavirus (COVID-19), penyakit pernafasan berjangkit yang pertama kali merebak pada 2019 dan telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada 2020, yang menjejaskan banyak negara di seluruh dunia
CUCKOO Brunei	: CK Electronics Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai CUCKOO International (B) Sdn Bhd)
CUCKOO Electronics Malaysia	: CUCKOO Electronics Malaysia Sdn Bhd
CUCKOO Indonesia	: PT CUCKOO Global Indonesia
Dividen Pra-IPO	: Dividen sebanyak RM73,377,610.50 yang diisytiharkan oleh Syarikat kami pada 22 April 2024 dan dibayar pada 25 April 2024
EBITDA	: Perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan
EIS	: Sistem Insurans Pekerjaan
EPS	: Perolehan sesaham
ESG	: Alam sekitar, sosial dan tadbir urus
FPE	: Tempoh kewangan berakhir 30 September
Frost & Sullivan atau IMR	: Frost & Sullivan GIC Malaysia Sdn Bhd, penyelidik pasaran bebas
Fujiaire	: Fujiaire Global Sdn Bhd
FYE	: Tahun kewangan berakhir 31 Disember
Garis Panduan Ekuiti	: Garis Panduan Ekuiti yang dikeluarkan oleh SC
Garis Panduan Prospektus	: Garis Panduan Prospektus yang dikeluarkan oleh SC
GP	: Untung kasar
Great Hoe Holdings	: Great Hoe Holdings Sdn Bhd
Harga Institusi	: Harga bagi setiap Saham IPO yang perlu dibayar oleh pelabur di bawah Tawaran Institusi yang akan ditentukan pada Tarikh Penentuan Harga melalui bookbuilding
Harga Runcit	: Harga permulaan RM1.29 setiap Saham Terbitan yang perlu dibayar sepenuhnya semasa permohonan di bawah Tawaran Runcit, tertakluk pada pelarasan sebagaimana diperincikan dalam Seksyen 4.3.1 Prospektus ini
Harga Runcit Akhir	: Harga akhir bagi setiap Saham Terbitan yang perlu dibayar oleh pelabur di bawah Tawaran Runcit, bersamaan dengan Harga Runcit atau Harga Institusi, yang mana lebih rendah, yang akan ditentukan pada Tarikh Penentuan Harga
Hari Pasaran	: Hari yang Bursa Securities dibuka untuk perdagangan sekuriti

DEFINISI

IFRS	: Piawaian Perakaunan IFRS sebagaimana dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa
Institusi Kewangan Bertauliah	: Institusi kewangan yang diberi kuasa mengambil bahagian dalam Permohonan Saham Internet berkenaan dengan pembayaran untuk Saham IPO kami
Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian	: Institusi kewangan yang mengambil bahagian untuk Permohonan Saham Elektronik
Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet	: Institusi kewangan yang mengambil bahagian dalam Permohonan Saham Internet
IPO	: Tawaran awam permulaan sehingga 365,364,000 Saham IPO yang merangkumi Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan, secara bersama
IRAS	: Lembaga Hasil Dalam Negeri Singapura
IT	: Teknologi maklumat
Juruaudit atau Akauntan Melapor	: KPMG PLT
Kad Pengenalan	: Kad Pengenalan Malaysia
KDNK	: Keluaran Dalam Negara Kasar
Kerajaan	: Kerajaan Malaysia
Kumpulan Fujiaire	: Fujiaire dan Fujicare Sdn Bhd
KWSP	: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
Laporan IMR	: Laporan penyelidikan pasaran bebas bertarikh 12 Mac 2025 yang disediakan oleh Frost & Sullivan, sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 8 Prospektus ini
Lembaga atau Lembaga Pengarah	: Lembaga pengarah Syarikat kami
LHDNM	: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
LPD	: 28 Februari 2025, iaitu tarikh boleh laksana terakhir sebelum pendaftaran Prospektus ini dengan SC
LSK	: LSK Mattress Marketing Sdn Bhd
MASB	: Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MCCG	: Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang dikeluarkan oleh SC
MFRS	: Piawaian Perakaunan MFRS sebagaimana dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MIA	: Institut Akauntan Malaysia

DEFINISI

MITI	: Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia
MyIPO	: Perbadanan Harta Intelek Malaysia
NA	: Aset bersih yang boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat kami
NBV	: Nilai buku bersih
NLC	: Kanun Tanah Negara, 1965
OGAWA Malaysia	: Healthy World Lifestyle Sdn Bhd
Orang Awam Malaysia	: Warganegara Malaysia, dan syarikat, persatuan, koperasi dan institusi yang diperbadankan atau diuruskan di bawah undang-undang Malaysia
Orang yang Layak	: Secara bersama, pekerja Kumpulan kami, dan orang yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan kami yang layak untuk mengambil bahagian dalam Tawaran Runcit
Pasaran Utama	: Pasaran Utama Bursa Securities
PAT	: Keuntungan selepas cukai
PBT	: Keuntungan sebelum cukai
Pelabur Utama	: Secara bersama, Albizia Capital Pte Ltd, Areca Capital Sdn Bhd, Datuk Lim Boon Siong (Pengarah Eksekutif Fujiare Global Sdn Bhd), Lee Swee Kiat & Sons Sdn Bhd, M & A Value Partners Asset Management Malaysia Sdn. Bhd., Schonfeld Global Master Fund L.P., dan Schonfeld IR Master Fund Pte. Ltd.
Pemegang Saham Menjual	: Secara bersama, CKH, Koo Bon Hak, Hoe Kian Choon, Mak Foong Ling, Toh Seng Lee, Goh Hui Teng, Lye Siew Lay, Tan Yu Liang dan Mak Wai Hoong
Pemegang Syer Substansial	: CKH, CUCKOO Holdings, Koo Bon Hak, dan Hoe Kian Choon
Penaja Jamin Bersama	: Secara bersama, RHB Investment Bank dan AmInvestment Bank
Penaja Jamin Pengurusan	: RHB Investment Bank
Pendaftar Saham	: Boardroom Share Registrars Sdn Bhd
Penerimaan Masuk	: Penerimaan masuk Saham kami ke Senarai Rasmi Pasaran Utama Bursa Securities
Pengarah	: Pengarah Syarikat kami dan dalam erti kata yang diberikan dalam Seksyen 2(1) CMSA
Pengurusan Kanan Utama	: Pengurusan kanan utama kami, iaitu Hoe Kian Choon, Yeong Kian Peng, Toh Seng Lee dan Goh Hui Teng
Penyelaras Global Bersama	: Secara bersama, RHB Investment Bank dan AmInvestment Bank

DEFINISI

Penyenaraian	: Penyenaraian dan sebut harga bagi keseluruhan Saham terbitan diperbesar di Pasaran Utama Bursa Securities
Peraturan Bursa Depository	: Peraturan Bursa Depository sebagaimana dikeluarkan menurut SICDA
Peraturan S	: Peraturan S di bawah Akta Sekuriti A.S.
Perbelanjaan Berasaskan Saham	: Perbelanjaan sekali sebanyak RM137.5 juta ditanggung selaras dengan skim opsyen saham pekerja, di mana 4,887,437 opsyen dengan harga laksana RM1.00 setiap Saham telah diberikan pada 15 Oktober 2022 sebagai ganjaran kepada Pengarah dan pasukan pengurusan kami.
Perjanjian Penaja Jaminan Runcit	: Perjanjian penaja jaminan runcit bertarikh 10 Mac 2025 antara Syarikat kami, Penaja Jamin Pengurusan dan Penaja Jamin Bersama untuk penaja jaminan Saham Terbitan kami di bawah Tawaran Runcit
Perjanjian Penempatan	: Perjanjian penempatan yang akan dimeterai antara Syarikat kami, Pemegang Saham Menjual, Penyelaras Global Bersama dan Bookrunner Bersama berkenaan dengan bilangan Saham IPO yang akan ditawarkan di bawah Tawaran Institusi
Perjanjian Penempatan Utama Induk	: Perjanjian penempatan utama induk bertarikh 10 Mac 2025 antara Syarikat kami, Pemegang Saham Menjual, Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama dan Pelabur Utama seperti yang diperincikan dalam Seksyen 4.1.1 Prospektus ini
Perjanjian Pengedaran CKH	: Perjanjian pengedaran yang dipinda dan dinyatakan semula bertarikh 18 Oktober 2024 antara Syarikat kami dan CKH
PERKESO	: Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia
Perlembagaan	: Perlembagaan Syarikat kami
Permohonan	: Permohonan untuk Saham IPO kami di bawah Tawaran Runcit melalui Borang Permohonan, Permohonan Saham Elektronik atau Permohonan Saham Internet
Permohonan Saham Elektronik	: Permohonan untuk Saham IPO kami di bawah Tawaran Runcit melalui ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian
Permohonan Saham Internet	: Permohonan untuk Saham IPO kami di bawah Tawaran Runcit melalui Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet
Peruntukan Borang Merah Jambu	: Peruntukan sebanyak 14,328,000 Saham Terbitan kepada Orang yang Layak di bawah Tawaran Runcit
Pinjaman BoC	: Kemudahan perbankan bagi kemudahan pinjaman bertempoh sebanyak CNY119,000,000 (bersamaan dengan RM76,302,800 menurut syarat kemudahan tersebut) dan kemudahan swap kadar faedah dan swap mata wang bersilang yang diperolehi daripada Bank of China (Malaysia) Berhad yang telah dibayar secara penuh pada November 2024.

DEFINISI

PKP	: Perintah kawalan pergerakan yang dilaksanakan sebagai langkah pencegahan oleh kerajaan persekutuan Malaysia untuk membendung penularan wabak COVID-19
Promoter	: Secara bersama, CKH, Koo Bon Hak dan Hoe Kian Choon
Prospektus	: Prospektus ini bertarikh 26 Mac 2025 yang dikeluarkan oleh Syarikat kami
Prospektus Elektronik	: Salinan Prospektus ini yang dikeluarkan, diedarkan atau disebarikan melalui internet, dan / atau medium storan elektronik, termasuk tetapi tidak terhad kepada CD-ROM (cakera padat ingatan baca sahaja)
Rekod Pendeposit	: Rekod pemegang sekuriti yang ditubuhkan oleh Bursa Depository di bawah Peraturan Bursa Depository
RHB Investment Bank atau Penasihat Utama Tunggal	: RHB Investment Bank Berhad
Rumah Terbitan	: Malaysian Issuing House Sdn Bhd
Saham	: Saham biasa dalam Syarikat kami
Saham IPO	: Secara bersama, Saham Terbitan dan Saham Tawaran
Saham Lebihan	: Mana-mana Saham Terbitan yang diperuntukkan kepada Orang Yang Layak tetapi tidak diambil oleh mereka
Saham Tawaran	: Saham sedia ada kami yang ditawarkan oleh Pemegang Saham Menjual menurut Tawaran untuk Jualan
Saham Terbitan	: 143,280,000 Saham baharu yang akan diterbitkan oleh Syarikat kami menurut Terbitan Awam
SC	: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
Senarai Rasmi	: Senarai yang menyatakan semua sekuriti yang tersenarai di Bursa Securities
SICDA	: Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991 Malaysia
SSM	: Suruhanjaya Syarikat Malaysia
SST	: Cukai jualan dan cukai perkhidmatan
Syarat Penyenaian	: Syarat Penyenaian Pasaran Utama Bursa Securities
Tahun Kewangan dalam Semakan	: Tahun kewangan dalam semakan untuk tujuan Prospektus ini yang merangkumi FYE2021, FYE2022 dan FYE2023
Tarikh Penentuan Harga	: Tarikh Harga Institusi dan Harga Runcit Akhir akan ditentukan

DEFINISI

Tawaran Institusi	: Tawaran sehingga 322,380,000 Saham IPO pada Harga Institusi, tertakluk pada peruntukan penarikan balik dan peruntukan semula sebagaimana dinyatakan dalam Prospektus ini, kepada (i) pelabur institusi dan terpilih Malaysia, termasuk pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh MITI; dan (ii) pelabur institusi dan terpilih asing di luar Amerika Syarikat bergantung pada Peraturan S
Tawaran Runcit	: Tawaran sebanyak 42,984,000 Saham Terbitan pada Harga Runcit, tertakluk pada peruntukan penarikan balik dan peruntukan semula, untuk diperuntukkan mengikut cara berikut: (i) 28,656,000 Saham Terbitan untuk permohonan oleh Orang Awam Malaysia melalui pengundian; dan (ii) 14,328,000 Saham Terbitan dikhaskan untuk permohonan oleh Orang yang Layak
Tawaran untuk Jualan	: Tawaran untuk jualan sehingga 222,084,000 Saham Tawaran oleh Pemegang Saham Menjual kami
Tempoh Kewangan dalam Semakan	: Tempoh kewangan dalam semakan bagi tujuan Prospektus ini merangkumi FPE2023 dan FPE2024
Terbitan Awam	: Terbitan awam sebanyak 143,280,000 Saham Terbitan
Terbitan Bonus	: Terbitan bonus sebanyak 1,240,601,593 Saham baharu kepada pemegang saham sedia ada kami yang diuruskan oleh Syarikat kami sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 6.1.2 Prospektus ini
WHO	: Pertubuhan Kesihatan Dunia
<u>Mata Wang dan Unit</u>	
RM dan sen	: Ringgit Malaysia dan sen, mata wang Malaysia yang sah
CNY	: Yuan Renminbi China, mata wang sah Republik Rakyat China
KRW	: Won Korea Selatan, mata wang sah Republik Korea
SGD	: Dolar Singapura, mata wang Singapura yang sah
USD	: Dolar Amerika Syarikat, mata wang Amerika Syarikat yang sah
%	: Peratus

GLOSARI ISTILAH TEKNIKAL

Penyedia Perkhidmatan 3PL	: Penyedia perkhidmatan logistik pihak ketiga yang kami lantik untuk tujuan pergudangan dan logistik.
Pesanan aktif	: Pesanan daripada pelanggan yang (i) telah membuat pembelian secara terus dan sedang menerima perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan; (ii) mempunyai kontrak sewa yang aktif; atau (iii) mempunyai kontrak langganan yang aktif untuk perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan penjagaan di rumah
Pekerja kontrak	: Pekerja Kumpulan kami yang terlibat dalam kontrak jangka tetap
Produk Jenama CUCKOO	: Produk yang membawa jenama “CUCKOO” termasuk penapis air, penapis udara, periuk serbaguna, mesin basuh dan pengering, dan mesin lari, yang kebanyakannya dikilangkan atau diperoleh oleh Kumpulan CUCKOO Holdings
Pusat Galleria CUCKOO	: Sebuah pusat runcit dan pengalaman di mana pelanggan boleh mendapat tahu tentang sejarah Syarikat kami dan produk serta perkhidmatan kami, serta jualan dan promosi produk Jenama CUCKOO dan produk CUCKOO Co-Created
CUCKOO Brandkiosk	: Kereta tolak dengan keluasan sehingga 100 kaki persegi yang biasanya terletak di pusat membeli-belah, pasar raya dan pasar raya besar, dan digunakan untuk promosi produk Jenama CUCKOO dan produk CUCKOO Co-Created
CUCKOO Brandstore	: Cawangan Runcit yang Lebih Besar dengan keluasan sehingga 1,000 kaki persegi yang biasanya terletak di pusat membeli-belah, pasar raya dan pasar raya besar, dan digunakan untuk promosi produk Jenama CUCKOO dan produk CUCKOO Co-Created
Produk CUCKOO Co-Created	: Produk yang membawa jenama “CUCKOO Co-Created” termasuk tilam, penyaman udara dan kerusi urut yang dibangunkan dengan kerjasama rakan kongsi perniagaan
CUCKOO e-Brandshop	: Platform e-dagang yang dikendalikan oleh Syarikat kami di mana pelanggan boleh melihat dan membeli produk Jenama CUCKOO, boleh diakses di https://www.cuckoo.com.my/e-brandshop
Pasukan Jualan CUCKOO	: Terdiri daripada Pengurus Jualan dan Wakil Jualan
Pusat Servis CUCKOO+	: Premis yang digunakan oleh Kumpulan Servis CUCKOO+
Kumpulan Servis CUCKOO+	: Merangkumi Pengurus Servis dan Pakar Servis
Hab Latihan CUCKOO	: Premis yang digunakan oleh Pasukan Jualan CUCKOO
e-Brandstores	: Platform jualan yang boleh diakses melalui domain unik yang dikendalikan oleh pekerja kontrak dan kontraktor bebas di bawah Pasukan Jualan CUCKOO, Pasukan Wonder Star dan Kumpulan Servis CUCKOO+, di mana pelanggan boleh melihat dan membeli-belah untuk rangkaian produk dan perkhidmatan kami

GLOSARI ISTILAH TEKNIKAL

Peralatan rumah	: Peranti elektrik atau bukan elektrik yang digunakan terutamanya di rumah, tetapi juga secara amnya dalam lingkungan komersial, untuk melakukan kerja dan tugas rutin seperti membersihkan, memasak, menyejukkan, dan lain-lain.
Barangan isi rumah	: Pelbagai jenis barangan yang digunakan terutamanya di rumah, tetapi juga secara amnya dalam lingkungan komersial, untuk meningkatkan keselesaan, penyusunan, kehidupan harian, dan lain-lain. Kategori ini termasuk perabot dan kelengkapan rumah yang lain
Kontraktor bebas	: Kakitangan kontrak yang terlibat dalam kontrak jangka tetap dari enam bulan hingga dua tahun, yang bukan pekerja Kumpulan
ISO	: Pertubuhan Penstandardan Antarabangsa
Pembelian secara terus	: Tindakan memperoleh produk dengan membuat bayaran penuh kepada penjual pada masa pembelian atau melalui bayaran bulanan berdasarkan pilihan yang disediakan oleh institusi perbankan. Pemilikan dipindahkan kepada pembeli sebaik sahaja pembayaran selesai.
Pelan Sewaan	: Pilihan untuk memperoleh produk melalui pembayaran bulanan berdasarkan syarat yang disediakan oleh penjual. Ini membenarkan penggunaan produk untuk tempoh tertentu di bawah perjanjian. Pemilikan dipindahkan kepada pengguna selepas melengkapkan kontrak sewa tanpa ada bayaran tertunggak.
Cawangan runcit	: CUCKOO Brandstores dan CUCKOO Brandkiosks, Wonder Stores dan Pusat Galleria CUCKOO
Pengurus Jualan	: Pekerja kontrak yang terutamanya menguruskan Wakil Jualan
Wakil Jualan	: Kontraktor bebas yang menjalankan jualan produk Jenama CUCKOO dan produk CUCKOO Co-Created
Pengurus Servis	: Kakitangan kontrak Kumpulan yang terutamanya menguruskan Pakar Servis
Pakar Servis	: Kontraktor bebas yang terutamanya (i) menjalankan perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan kami seperti penghantaran, pemasangan, servis berkala, pemeriksaan dan penyelenggaraan, dan pembaikan produk, dan (ii) menjalankan jualan silang produk Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created
SKU	: Unit penyimpanan stok
WonderKlean e-Brandshop	: Platform e-dagang yang dikendalikan oleh Syarikat kami di mana pelanggan boleh melihat dan membeli-belah untuk perkhidmatan WonderKlean, yang boleh diakses di https://store.cuckoo.com.my/wonderklean
WonderLab e-Brandshop	: Platform e-dagang yang dikendalikan oleh Syarikat kami di mana pelanggan boleh melihat dan membeli produk WonderLab dan WonderDewi, yang boleh diakses di https://wonderlab.com.my/all-product

GLOSARI ISTILAH TEKNIKAL

Rakan Jualan WonderLab	: Pekerja kontrak yang mengendali dan menguruskan Wonder Store Kumpulan, dan yang dari semasa ke semasa boleh ditempatkan di kedai penjagaan peribadi pihak ketiga di mana produk WonderLab dan WonderDewi kami disimpan.
Pasukan Jualan WonderLab	: Merangkumi Pasukan Wonder Star dan Rakan Jualan WonderLab
Pengurus Jualan Wonder	: Pekerja kontrak yang terutamanya menguruskan Wonder Stars
Pasukan Wonder Star	: Merangkumi Pengurus Jualan Wonder dan Wonder Stars
Wonder Stars	: Kontraktor bebas yang menjalankan jualan produk WonderLab dan WonderDewi
Wonder Store	: Cawangan Runcit yang digunakan untuk jualan dan promosi produk WonderLab dan WonderDewi

1. DIREKTORI KORPORAT**LEMBAGA PENGARAH**

Nama	Kewarganegaraan / Jantina	Jawatan	Alamat
Koo Bon Hak	Korea / Lelaki	Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas	104-2204, 206 Seolleung-ro Gangnam-gu Seoul 06281 Republic of Korea
Hoe Kian Choon	Malaysia / Lelaki	Pengarah Eksekutif Bukan Bebas / Ketua Pegawai Eksekutif	Unit 17, Villa Yarl No. 1 Jalan Awan Selimpat Taman Yarl 58200 Kuala Lumpur Malaysia
Low May-Teng	Malaysia / Perempuan	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan	No 16, Jalan SS 4C/9 Kelana Jaya 47301 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan Malaysia
Kwon Yoo Kyung	Korea / Perempuan	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	#202, 91, Sapyeong-daero 6-gil Seocho-gu Seoul 06583 Republic of Korea
Marieta binti Abdull Hamid	Malaysia / Perempuan	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	21, Aman Kiara Jalan Kiara 5 Mont Kiara 50480 Kuala Lumpur Malaysia

JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

Nama	Jawatan	Jawatan pengarah
Low May-Teng	Pengerusi	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan
Kwon Yoo Kyung	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Marieta binti Abdull Hamid	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

Nama	Jawatan	Jawatan pengarah
Kwon Yoo Kyung	Pengerusi	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Low May-Teng	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan
Marieta binti Abdull Hamid	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

1. DIREKTORI KORPORAT

SETIAUSAHA SYARIKAT : **Tan Tong Lang**
Setiausaha dan Tadbir Urus Profesional Bertauliah
(No. Keahlian MAICSA: 7045482)
(No. SSM PC: 202208000250)
No. 38, Jalan Taming Indah 2
Taman Taming Indah
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tan Lay Khoon
Setiausaha dan Tadbir Urus Profesional Bertauliah
(No. Keahlian MAICSA: 7077867)
(No. SSM PC: 202208000544)
No. 41, Jalan Udang Pasir 1
Taman Megah Kepong
52100 Kuala Lumpur
Malaysia

PEJABAT BERDAFTAR : B-21-1, Level 21, Tower B
Northpoint Mid Valley City
No. 1, Medan Syed Putra Utara
59200 Kuala Lumpur
Malaysia
No. Telefon: +603 9770 2200

IBU PEJABAT : Level 16, Menara Bangkok Bank
Laman Sentral Berjaya
No. 105, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia
No. Telefon: 1800 88 8181 (bebas tol)
+603 9078 2839
Laman web: www.cuckoo.com.my
E-mel: info@cuckoo.com.my

**PENASIHAT UTAMA TUNGGAL,
PENYELARAS GLOBAL
BERSAMA, BOOKRUNNER
BERSAMA, PENAJA JAMIN
PENGURUSAN DAN PENAJA
JAMIN BERSAMA** : **RHB Investment Bank Berhad**
Level 10, Tower One
RHB Centre
Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia
No. Telefon: +603 9287 3888

**PENYELARAS GLOBAL
BERSAMA, BOOKRUNNER
BERSAMA, DAN PENAJA
JAMIN BERSAMA** : **AmInvestment Bank Berhad**
Level 22, Bangunan AmBank Group
No. 55, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur
Malaysia
No. Telefon: +603 2036 2633

**JURUAUDIT DAN AKAUNTAN
MELAPOR** : **KPMG PLT**
Level 10, KPMG Tower
No. 8 First Avenue, Bandar Utama
47800 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
No. Telefon: +603 7721 3388

1. DIREKTORI KORPORAT

Rakan kongsi yang bertanggungjawab: Eric Kuo Sze-Wei
Kelayakan profesional: Ahli Institut Akauntan Malaysia (No. Keahlian MIA: CA34269) dan Akauntan Bertauliah Australia (No. Keahlian CPA: 9314666)

PENASIHAT UNDANG-UNDANG : *Kepada Syarikat kami mengenai undang-undang Malaysia*

Rahmat Lim & Partners

Suite 33.01, Level 33
The Gardens North Tower
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
Malaysia
No. Telefon: +603 2299 3888

Kepada Syarikat kami mengenai undang-undang sekuriti persekutuan Amerika Syarikat dan undang-undang Singapura

Clifford Chance Pte. Ltd.

12 Marina Boulevard #25-00
Marina Bay Financial Centre Tower 3
Singapore 018982
No. Telefon: +65 6410 2200

Kepada Syarikat kami mengenai undang-undang Korea

Jipyong LLC

26F, Grand Central A
14 Sejong-daero, Jung-gu
Seoul 04527
Republic of Korea
No. Telefon: +82 2 6200 1600

Kepada Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama, Penaja Jamin Pengurusan, dan Penaja Jamin Bersama mengenai undang-undang Malaysia

Christopher & Lee Ong

Level 22, Axiata Tower
No. 9 Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Malaysia
No. Telefon: +603 2273 1919

Kepada Penyelaras Global Bersama dan Bookrunner Bersama mengenai undang-undang sekuriti persekutuan Amerika Syarikat

Baker & McKenzie.Wong& Leow

8 Marina Boulevard #05-01
Marina Bay Financial Centre Tower 1
Singapore 018981
No. Telefon: +65 6338 1888

1. DIREKTORI KORPORAT

PENYELIDIK PASARAN BEBAS : Frost & Sullivan GIC Malaysia Sdn Bhd

Level 6.06, KPMG Tower
8 First Avenue
Bandar Utama
47800 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
No. Telefon: +603 2023 2000

Nama rakan kongsi yang menandatangani: Narciso Podda
(Pegawai, Perkhidmatan Perniagaan & Kewangan)

Kelayakan profesional: Sarjana Muda dalam Pentadbiran
Perniagaan dari Universiti Bocconi, Itali dan Sarjana dalam
Ekonomi dan Kewangan Antarabangsa dari Universiti
Chulalongkorn, Thailand

*(Sila rujuk kepada Seksyen 8 Prospektus ini untuk profil firma
dan rakan kongsi yang menandatangani)*

RUMAH TERBITAN : Malaysian Issuing House Sdn Bhd

Aras 11, Menara Symphony
No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim
Seksyen 13
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
No. Telefon: +603 7890 4700

PENDAFTAR SAHAM : Boardroom Share Registrars Sdn Bhd

Aras 11, Menara Symphony
No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim
Seksyen 13
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
No. Telefon: +603 7890 4700

PENYENARAIAH DIPOHON : Pasaran Utama Bursa Securities

2. PENGENALAN

2.1 KELULUSAN DAN SYARAT

2.1.1 SC

- (i) SC telah, melalui suratnya bertarikh 6 November 2024, meluluskan pelepasan yang kami pohon daripada perlu mematuhi syarat berikut di bawah Garis Panduan Ekuiti. Butiran pelepasan yang dipohon dan syarat-syarat sepadan yang dikenakan oleh SC dinyatakan di bawah:

<u>Rujukan</u>	<u>Butiran pelepasan yang dipohon</u>	<u>Syarat yang dikenakan (jika ada)</u>
Perenggan 2(a) dan 2(b) Lampiran 4, Bahagian IV Garis Panduan Ekuiti	Pelepasan daripada mematuhi syarat berkenaan dengan penempatan Saham IPO kami yang akan ditawarkan di bawah Tawaran Institusi kepada orang yang berkaitan dengan ejen penempatan kami.	-

- (ii) SC telah, melalui suratnya bertarikh 21 Januari 2025 ("**Surat Kelulusan**"), meluluskan IPO kami dan Penyenaraian kami di bawah Seksyen 214(1) CMSA, tertakluk pada pematuhan dengan syarat berikut:

<u>Butiran syarat yang dikenakan</u>	<u>Status pematuhan</u>
RHB Investment Bank dan Syarikat kami akan mematuhi sepenuhnya keperluan Garis Panduan Ekuiti dan Garis Panduan Prospektus yang berkaitan dengan pelaksanaan Penyenaraian kami	Akan dipatuhi

SC telah, melalui Surat Kelulusan, meluluskan permohonan kami di bawah keperluan ekuiti Bumiputera untuk syarikat tersenarai awam menurut Penyenaraian kami, tertakluk kepada Syarikat kami memperuntukkan Saham yang bersamaan 12.5% daripada jumlah Saham terbitan kami yang diperbesarkan kepada pelabur Bumiputera yang akan diluluskan oleh MITI selaras dengan Penyenaraian kami. Selain itu, sekurang-kurangnya 50% daripada saham yang ditawarkan kepada pelabur Awam Malaysia melalui pengundian akan diperuntukkan kepada pelabur awam Bumiputera.

2.1.1 Bursa Securities

Bursa Securities telah, melalui suratnya bertarikh 5 Mac 2025, meluluskan penerimaan masuk kami ke Senarai Rasmi dan Penyenaraian kami ("**Surat Kelulusan Bursa Securities**").

Dalam Surat Kelulusan Bursa Securities, Syarikat kami dan RHB Investment Bank dikehendaki mematuhi syarat berikut:

<u>No.</u>	<u>Butiran syarat yang dikenakan</u>	<u>Status pematuhan</u>
(i)	Membuat pengumuman yang berkaitan menurut perenggan 8.1 dan 8.2 Nota Amalan 21 Syarat Penyenaraian. Berkenaan ini, kami dinasihatkan untuk memasukkan kod saham, nama pendek saham dan Kod Nombor Pengenalan Sekuriti Antarabangsa (ISIN) semasa membuat pengumuman pada jadual waktu IPO kami.	Akan dipatuhi
(ii)	Memberikan kepada Bursa Securities dengan salinan jadual pengagihan yang menunjukkan pematuhan kepada keperluan tebaran pegangan sekuriti awam berdasarkan keseluruhan modal saham terbitan kami pada hari pertama penyenaraian.	Akan dipatuhi

2. PENGENALAN

2.1.2 MITI

MITI telah, melalui suratnya bertarikh 19 November 2024, mengambil maklum dan tidak mempunyai bantahan terhadap Penyenaraian kami.

2.2 MORATORIUM KE ATAS SAHAM KAMI

2.2.1 Moratorium menurut Garis Panduan Ekuiti

Menurut Garis Panduan Ekuiti, Saham kami yang dipegang oleh CKH, Koo Bon Hak dan Hoe Kian Choon selepas IPO kami tertakluk kepada moratorium untuk tempoh enam bulan dari tarikh Penyenaraian kami sebagaimana yang dinyatakan di bawah:

Pemegang saham	Bil. Saham	%⁽¹⁾
CKH	745,056,000	52.0
Koo Bon Hak	157,608,000	11.0
Hoe Kian Choon	143,280,000	10.0
Jumlah	1,045,944,000	73.0

Nota:

- (1) Berdasarkan jumlah sebanyak 1,432,800,000 Saham diperbesar kami selepas IPO kami.

CKH, Koo Bon Hak dan Hoe Kian Choon telah menerima sepenuhnya moratorium dan menyediakan aku janji bertulis bahawa mereka tidak akan menjual, memindah atau menyerahkan hak mana-mana bahagian pemegangan saham masing-masing di bawah moratorium semasa tempoh moratorium, menurut Garis Panduan Ekuiti.

Moratorium diendors secara khusus pada sijil saham yang mewakili Saham kami yang dipegang oleh CKH, Koo Bon Hak dan Hoe Kian Choon yang berada di bawah moratorium untuk memastikan bahawa Pendaftar Saham kami tidak akan mendaftarkan apa-apa penjualan, pemindahan atau penyerahan hak yang tidak mematuhi sekatan moratorium sedemikian. Selaras dengan sekatan tersebut, Pendaftar Saham akan mengeluarkan sijil saham yang mewakili blok saham moratorium dengan klausa moratorium diendors padanya bersama dengan surat yang memberikan butiran mengenai moratorium kepada Bursa Depository.

2. PENGENALAN

2.2.2 Moratorium sukarela

(i) **Hoe Kian Choon**

Menurut surat aku janji bertarikh 18 Julai 2024 yang dikeluarkan oleh Hoe Kian Choon kepada Syarikat kami, CKH dan Koo Bon Hak, Hoe Kian Choon telah bersetuju dan berjanji untuk tidak menjual, memindah atau menyerahkan hak Saham kami yang dipegang olehnya selepas IPO kami untuk tempoh tambahan selama 18 bulan dari tarikh sebaik selepas tamat tempoh moratorium yang disebut dalam Perenggan 2.2.1 Prospektus ini. Dalam tempoh tambahan ini, Hoe Kian Choon boleh menggadai dan/atau mencagarkan Sahamnya kepada institusi kewangan Malaysia yang dikawal selia oleh BNM ("MFI") ("**Gadaian/Cagaran HKC**") untuk tujuan mendapatkan pembiayaan peribadi. Dalam keadaan sedemikian, Hoe Kian Choon hendaklah memastikan bahawa adalah menjadi syarat dalam pengaturan pembiayaan dengan MFI bahawa CKH akan diberi hak penolakan pertama untuk memperoleh Saham yang tertakluk pada Gadaian/Cagaran HKC jika MFI memanggil Gadaian/Cagaran HKC menurut syarat pengaturan pembiayaan.

(ii) **Toh Seng Lee, Goh Hui Teng, Mak Wai Hoong, Tan Yu Liang dan Lye Siew Lay**

Menurut surat-surat aku janji yang dikeluarkan kepada Syarikat kami, CKH dan Koo Bon Hak oleh Toh Seng Lee, Goh Hui Teng, Mak Wai Hoong, Tan Yu Liang dan Lye Siew Lay bertarikh 18 Julai 2024, masing-masing telah bersetuju dan berjanji untuk tidak menjual, memindah atau menyerahkan hak Saham masing-masing yang dipegang oleh mereka selepas IPO kami untuk tempoh dua tahun dari tarikh Penyenaraian kami. Dalam tempoh ini, mereka masing-masing boleh menggadai dan/atau mencagarkan Saham masing-masing kepada MFI ("**Gadaian/Cagaran**") untuk tujuan mendapatkan pembiayaan peribadi. Dalam keadaan sedemikian, mereka hendaklah memastikan bahawa adalah menjadi syarat dalam pengaturan pembiayaan dengan MFI bahawa CKH akan diberi hak penolakan pertama untuk memperoleh Saham yang tertakluk pada Gadaian/Cagaran sekiranya MFI memanggil Gadaian/Cagaran menurut syarat-syarat pengaturan pembiayaan.

Butiran Saham yang akan dipegang di bawah moratorium sukarela sebagaimana diterangkan dalam sub-perenggan (i) dan (ii) di atas dinyatakan di bawah:

Nama	Bil. Saham	%⁽¹⁾
Hoe Kian Choon	143,280,000	10.0
Toh Seng Lee	4,298,401	0.3
Goh Hui Teng	4,298,401	0.3
Mak Wai Hoong	4,298,399	0.3
Tan Yu Liang	4,298,399	0.3
Lye Siew Lay	4,298,400	0.3
Jumlah	164,772,000	11.5

Nota:

- (1) Berdasarkan jumlah sebanyak 1,432,800,000 Saham diperbesar kami selepas IPO kami.

3. RINGKASAN PROSPEKTUS

Ringkasan Prospektus ini hanya menyerlahkan maklumat penting daripada bahagian lain Prospektus ini. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang mungkin penting kepada anda. Anda hendaklah membaca dan memahami kandungan keseluruhan prospektus sebelum memutuskan sama ada untuk melabur dalam Saham kami.

3.1 BUTIRAN UTAMA IPO KAMI

Tertakluk kepada terma dan syarat yang dibentangkan dalam Prospektus ini, IPO kami berjumlah sehingga 365,364,000 Saham IPO, mewakili 25.5% daripada jumlah bilangan diperbesar sebanyak 1,432,800,000 Saham yang terdiri daripada:

- Tawaran Institusi pada Harga Institusi yang akan ditetapkan dengan cara bookbuilding; dan
- Tawaran Runcit pada Harga Runcit sebanyak RM1.29 setiap Saham Terbitan, perlu dibayar penuh semasa permohonan dan tertakluk kepada pembayaran balik perbezaan antara Harga Runcit dan Harga Runcit Akhir sekiranya Harga Runcit Akhir adalah lebih rendah daripada Harga Runcit.

Syarikat berhasrat untuk memperuntukkan Saham IPO dengan cara berikut:

	Terbitan Awam		Tawaran untuk Jualan		Jumlah	
	Bil. Saham	% ⁽¹⁾	Bil. Saham	% ⁽¹⁾	Bil. Saham	% ⁽¹⁾
Tawaran Runcit						
Orang Awam Malaysia (melalui pengundian)						
- Bumiputera	14,328,000	1.0	-	-	14,328,000	1.0
- Bukan Bumiputera	14,328,000	1.0	-	-	14,328,000	1.0
Orang yang Layak	14,328,000	1.0	-	-	14,328,000	1.0
Tawaran Institusi						
Pelabur Institusi dan terpilih ⁽²⁾	100,296,000	7.0	42,984,000	3.0	143,280,000	10.0
Pelabur Bumiputera dikenal pasti yang diluluskan oleh MITI	-	-	179,100,000	12.5	179,100,000	12.5
Jumlah	143,280,000	10.0	222,084,000	15.5	365,364,000	25.5

Permodalan pasaran semasa Penyenaraian (berdasarkan Harga Runcit dan bilangan Saham terbitan diperbesar selepas IPO kami) (RM) **1,848,312,000**

Nota-nota:

- Dikira berdasarkan jumlah sebanyak 1,432,800,000 Saham diperbesar selepas IPO kami.
- Termasuk pelabur institusi asing dan terpilih di luar Amerika Syarikat berhubung dengan Peraturan S.

Selaras dengan Garis Panduan Ekuiti, Saham kami yang dipegang oleh CKH, Koo Bon Hak dan Hoe Kian Choon selepas IPO kami adalah tertakluk kepada moratorium bagi tempoh enam bulan dari tarikh Penyenaraian kami. Di samping itu, menurut:

- surat aku janji bertarikh 18 Julai 2024 yang dikeluarkan oleh Hoe Kian Choon kepada Syarikat kami, CKH dan Koo Bon Hak, Hoe Kian Choon telah bersetuju dan mengaku janji tidak akan menjual, memindah atau menyerahkan hak Saham kami yang dipegang olehnya selepas IPO kami bagi tempoh tambahan selama 18 bulan dari tarikh sejurus selepas tarikh tamat tempoh moratorium pertama yang dirujuk di atas; dan
- surat aku janji bertarikh 18 Julai 2024 yang dikeluarkan kepada Syarikat kami, CKH dan Koo Bon Hak oleh Toh Seng Lee, Goh Hui Teng, Mak Wai Hoong, Tan Yu Liang dan Lye Siew Lay masing-masing, di mana setiap mereka telah bersetuju dan mengaku janji tidak akan menjual, memindah atau menyerahkan hak Saham masing-masing yang dipegang oleh mereka selepas IPO kami bagi tempoh dua tahun dari tarikh Penyenaraian kami.

3. RINGKASAN PROSPEKTUS

3.2 PERNIAGAAN KAMI

Syarikat kami telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai syarikat sendiri berhad pada 24 Julai 2014 dengan nama CUCKOO International (MAL) Sdn Bhd dan dianggap berdaftar di bawah Akta tersebut. Pada 5 Ogos 2024, Syarikat kami telah ditukar menjadi syarikat awam berhad dan menggunakan nama kami sekarang iaitu CUCKOO International (MAL) Berhad untuk memudahkan Penyenaian kami.

Kami terlibat terutamanya dalam perdagangan dan penyewaan peralatan rumah, tilam dan perabot, perdagangan produk penjagaan kecantikan, penyediaan servis penjagaan rumah dan aktiviti pegangan pelaburan. Syarikat kami ialah pengedar tunggal dan eksklusif produk Jenama CUCKOO di Malaysia, Singapura dan Brunei.

Kami ialah syarikat yang berdedikasi untuk memupuk gaya hidup sihat untuk pelanggan kami melalui peralatan rumah, barangan isi rumah, produk penjagaan kulit dan makanan bernutrisi kami, dan servis penjagaan rumah dalam empat segmen perniagaan kami: Jenama CUCKOO; CUCKOO Co-Created; WonderLab dan WonderDewi; serta WonderKlean, di Malaysia dan di mana ditunjukkan, Singapura dan Brunei, seperti di bawah:




Nota-nota:

- (1) Juga boleh didapati di Singapura.
- (2) Juga boleh didapati di Brunei.

Kami memperoleh hasil kami terutamanya daripada sewaan dan jualan terus produk kami, dan penyediaan perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan untuk produk sedemikian di bawah segmen Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created kami.

Sumbangan hasil kami oleh aktiviti perniagaan bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan dinyatakan di bawah:



3. RINGKASAN PROSPEKTUS

Nota:

- (1) Lain-lain merangkumi hasil daripada segmen WonderLab dan WonderDewi, segmen WonderKlean dan perkhidmatan sokongan dan penyelenggaraan IT kami.

Kumpulan kami telah menerima anugerah berikut baru-baru ini:

Tahun	Anugerah dan Akreditasi	Badan Penganugerahan
2017, 2018, 2019, 2020, 2021, 2022, 2023, 2024	Anugerah Jenama Dipercayai dalam Kategori Penapis Air	EmasReader's Digest
2019, 2020, 2021, 2022, 2023, 2024	Anugerah Syarikat Terbaik untuk BekerjaHR Asia di Asia	
2020, 2023, 2024	Anugerah Syarikat Paling Prihatin	HR Asia
2020, 2021, 2022, 2023, 2024	Anugerah Pengalaman Pelanggan Terbaik	CXP
2022, 2023	Anugerah Tahunan Syarikat Penapis Air	Frost & Sullivan Rumah Malaysia
2022, 2023, 2024	Anugerah Perak untuk Kategori Produk dan Kedai Pembaikan Rumah	Putra Aria Brand Awards / Putra Brand Awards
2023	Anugerah Perak untuk Kategori Peralatan Peribadi, Isi Rumah dan Luar Rumah	Putra Brand Awards

Bagi butiran lanjut mengenai (i) sejarah kami, lihat Seksyen 7.1 Prospektus ini; (ii) struktur kumpulan kami, lihat Seksyen 6.2 Prospektus ini; dan (iii) perniagaan kami, lihat Seksyen 7.5 Prospektus ini.

Kekuatan daya saing kami adalah seperti berikut:

- (i) kami telah membina **kehadiran jenama yang kukuh** di Malaysia dalam masa 10 tahun yang lalu bagi membolehkan kami: (i) mempromosi imej positif yang didedikasikan untuk memupuk gaya hidup sihat bagi pelanggan kami; (ii) mendapat pelanggan baharu; dan (iii) membina kesetiaan jenama untuk mengekalkan pelanggan sedia ada kami serta menjual lebih banyak produk dan perkhidmatan kami kepada mereka;
- (ii) kami mempunyai **model perniagaan yang berkesan memberi tumpuan kepada penyediaan pelan sewaan yang fleksibel pada kadar yang berpatutan** bagi membolehkan kami mengekal dan mengembangkan perniagaan kami;
- (iii) kami telah **mempelbagaikan penawaran produk dan perkhidmatan kami** dengan terus berusaha untuk memahami keperluan dan keutamaan pelanggan di pasaran tempatan kami sambil memanfaatkan jenama CUCKOO;
- (iv) kami telah **menggunakan pelbagai sistem digital** dalam pengurusan jualan, pengebilan, rantai bekalan dan inventori, pemantauan kualiti servis, kutipan, pemprosesan kredit pelanggan dan analisis data pelanggan untuk membantu memacu kecekapan dalam operasi kami dan memberikan kemudahan kepada pelanggan kami;
- (v) kami mempunyai **rangkaian pengedaran saluran omni** yang membolehkan kami mengedarkan produk dan perkhidmatan kami secara meluas. Ini meningkatkan jangkauan pasaran kami kerana kami dapat berhubung dengan pelanggan kami melalui titik sentuh pilihan mereka, sekali gus menyediakan kebolehcapaian dan keterlihatan produk dan perkhidmatan kami;
- (vi) kami mempunyai **rangkaian kakitangan jualan dan perkhidmatan yang mantap dan berinsentif untuk memacu prestasi jualan**, yang kami memotivasi dengan pelan pampasan yang didorong oleh jualan;
- (vii) kami **secara konsisten mengekalkan hasil yang stabil** dengan menggalakkan kadar kutipan yang lebih tinggi, mengimbangi nisbah penjualan langsung dengan pelan sewaan, menguruskan perbelanjaan pendahuluan kami melalui pengaturan perkongsian hasil. Kadar kutipan yang lebih tinggi menyebabkan aliran tunai yang lebih baik yang membolehkan kami membiayai pembelian produk daripada pembekal dan membayar komisen jualan dan seterusnya mengembangkan hasil secara stabil; dan

3. RINGKASAN PROSPEKTUS

- (viii) kami **mempunyai pasukan Pengurusan Kanan Utama yang berpengalaman**, yang diketuai oleh CEO kami, Hoe Kian Choon, yang mempunyai lebih 18 tahun pengalaman dalam industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah, dan beliau disokong oleh pasukan Pengurusan Kanan Utama kami yang berpengalaman yang berpangkalan di Malaysia yang mempunyai 19 hingga 25 tahun pengalaman dalam bidang kepakaran masing-masing termasuk dalam industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia.

Rancangan dan strategi masa depan kami adalah seperti berikut:

- (i) kami merancang untuk terus memanfaatkan kehadiran jenama kami yang kukuh, model perniagaan yang berkesan, dan rangkaian pengedaran saluran omni untuk memanfaatkan industri yang semakin berkembang di Malaysia dengan meningkatkan produk SKU dan servis penjagaan rumah, yang kami percaya akan menyokong **pertumbuhan bahagian pasaran kami dalam industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah**.
- (ii) kami merancang **mengembangkan rangkaian pengedaran saluran omni kami**. Kami berhasrat untuk meningkatkan titik sentuh pelanggan dan pengalaman pelanggan terutamanya dengan:
- memperkenalkan CUCKOO “bayar dan bawa” Brandshops di Malaysia;
 - mengembangkan rangkaian produk untuk menjadikannya tersedia melalui CUCKOO e-Brandshop kami dan WonderLab e-Brandshop; dan
 - membuka lima outlet runcit pihak ketiga dan terus mengembangkan saluran pengedaran kami di Singapura, dan memanfaatkan rangkaian pengedaran lebih banyak rakan kongsi seperti gedung membeli-belah dan kedai runcit untuk membina kesedaran jenama. Untuk butiran lanjut, lihat Seksyen 7.5.5.4 Prospektus ini.

Kami berhasrat untuk mengembangkan lagi Pasukan Jualan CUCKOO sebanyak kira-kira 20% kepada lebih 7,000 kakitangan pada 2025 untuk mengembangkan rangkaian pengedaran kami dengan mengembangkan jejak pengedaran Pasukan Jualan CUCKOO kami di kawasan di mana kami mempunyai kadar penembusan kedai runcit yang lebih rendah, yang termasuk Kelantan, Terengganu, Pahang dan Melaka.

- (iii) kami merancang meningkatkan kecekapan operasi dan keupayaan untuk berkhidmat kepada pasaran yang lebih besar melalui peningkatan keupayaan logistik dan sistem pengurusan gudang, dan menaik taraf pelayan data.

3.3 PENGGUNAAN PEROLEHAN

Jumlah perolehan kasar sebanyak kira-kira RM184.8 juta daripada Terbitan Awam akan digunakan oleh Kumpulan kami dengan cara berikut, dan seperti yang dibentangkan dalam Seksyen 4.5 Prospektus ini:

Penggunaan perolehan	Jumlah perolehan		Anggaran jangka masa untuk penggunaan dari tarikh Penyenaraian
	(RM'juta)	%	
Modal untuk membiayai pembelian produk bagi pengembangan perniagaan sewa	104.7	56.7	Dalam tempoh 12 bulan
Pembayaran balik pinjaman bank	40.0	21.6	Dalam tempoh 9 bulan
Perbelanjaan modal:			
(a) Pembukaan 'Brandshops'	5.0	2.7	Dalam tempoh 24 bulan
(b) Penaikan taraf sistem IT	5.6	3.0	Dalam tempoh 24 bulan
Pengembangan perniagaan Singapura	10.0	5.4	Dalam tempoh 24 bulan
Anggaran perbelanjaan Penyenaraian	19.5	10.6	Segera
JUMLAH	184.8	100.0	

3. RINGKASAN PROSPEKTUS

3.4 FAKTOR RISIKO

Perniagaan kami tertakluk pada beberapa faktor risiko, yang mana kebanyakannya mungkin mempunyai kesan buruk yang material kepada operasi perniagaan, kedudukan kewangan dan prestasi kami. Bagi butiran lanjut mengenai faktor risiko, lihat Seksyen 9 Prospektus ini.

Risiko berkaitan dengan perniagaan dan operasi kami:

- (a) **Operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami bergantung kepada Kumpulan CUCKOO Holdings** - kami telah diberikan, antara lain, hak tunggal dan eksklusif untuk mengedar produk Jenama CUCKOO di Malaysia, Singapura dan Brunei menurut Perjanjian Pengedaran CKH. Sekiranya perjanjian ini ditamatkan tanpa sebarang pengaturan alternatif yang dibuat, CKH tidak lagi perlu membekalkan kami dengan produk Jenama CUCKOO dan kami akan dikehendaki untuk berhenti menggunakan tanda dagangan "CUCKOO" di Malaysia, Singapura dan Brunei;
- (b) **Sebarang gangguan dalam bekalan produk kami daripada pembekal kami akan mempunyai kesan yang buruk terhadap operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami** - risiko bekalan melibatkan pembekal kami mengalami kapasiti pengeluaran berkurangan, kegagalan untuk memenuhi tarikh akhir pengeluaran dan piawaian kualiti produk kami serta juga gangguan penghantaran dan pelabuhan. Sekiranya pembekal gagal untuk mengeluarkan atau menghantar produk secukupnya dengan kualiti yang memuaskan untuk memenuhi keperluan kami tepat pada masanya, ianya akan menyebabkan kesan yang buruk terhadap perniagaan kami;
- (c) **Kami memerlukan modal pendahuluan dan aliran tunai yang mampan untuk menawarkan pelan sewaan produk kami kepada pelanggan** - modal perniagaan kami memerlukan kami mempunyai modal pendahuluan yang signifikan untuk membiayai pembelian produk daripada pembekal kami dan membayar komisen jualan, sementara aliran masuk tunai operasi kami bergantung dengan kutipan bayaran sewa daripada pelanggan kami sepanjang tempoh kontrak mereka. Oleh itu, sekiranya sumber modal tidak tersedia kepada kami tepat pada masanya atau sejumlah yang ketara daripada pelanggan kami gagal untuk menyelesaikan pembayaran mereka tepat pada masanya atau langsung tidak melakukan bayaran, operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami akan terkesan secara buruk dan material;
- (d) **Kami mungkin tidak mampu mendapatkan sumber pembiayaan yang lain untuk membiayai pembelian produk untuk menawarkan pelan sewaan kepada pelanggan kami** - kami akan perlu bergantung pada pembiayaan pihak ketiga daripada menanggung jumlah terhutang yang lebih tinggi daripada pembekal kami untuk membiayai pembelian produk baru dan membayar balik liabiliti dagangan sedia ada kami. Kami mungkin tidak dapat pembiayaan tambahan tepat pada masanya atau dengan terma yang diterima pada masa depan, jika ada, yang boleh menyebabkan kesan buruk terhadap operasi perniagaan dan kedudukan kewangan kami;
- (e) **Kami tertakluk kepada risiko berkaitan pembayaran yang timbul daripada keingkaran atau pembayaran lewat pelanggan kami** - sekiranya kebolehpercayaan kredit pelanggan kami merosot, atau sekiranya sejumlah signifikan pelanggan kami gagal untuk menyelesaikan bayaran mereka tepat pada masanya disebabkan sebarang sebab, kami mungkin akan mengalami kerugian kemerosotan nilai dan operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami akan terkesan dengan buruk; dan
- (f) **Perniagaan kami bergantung pada imej jenama kami** - faktor-faktor yang boleh menjejaskan imej jenama kami termasuk ulasan negatif, kegagalan keselamatan atau kualiti produk, dan pemalsuan. Sebarang kejadian yang memberi impak negatif kepada jenama dan/ atau reputasi kami akan menghalang pelanggan daripada membeli produk dan/ atau perkhidmatan kami serta tidak menggalak rakan perniagaan kami menjalankan perniagaan dengan kami.

3. RINGKASAN PROSPEKTUS

Risiko berkaitan dengan industri di mana kami beroperasi

- (a) **Kami berhadapan dengan persaingan sengit dalam industri peralatan rumah dan barangan isi rumah daripada banyak pemain asing dan tempatan.** Tidak ada jaminan bahawa kami mampu bersaing dengan jayanya dengan pesaing kami, dan kegagalan untuk berbuat demikian boleh memberikan kesan yang buruk kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami; dan
- (b) **Perniagaan dan prospek perkembangan masa hadapan kami bergantung pada permintaan pengguna terhadap produk dan pelan sewaan kami.** Sekiranya kami menjangka permintaan pengguna dengan salah, kami akan menanggung kos pembangunan, pengeluaran dan pemasaran yang tidak dapat dipulihkan dan ini akan memberikan kesan yang buruk kepada operasi dan keadaan kewangan kami.

Risiko Berkaitan dengan Saham Kami

- (a) **Kami dan Pengarah Kami** mungkin tertakluk kepada sekatan di bawah Akta Perkhidmatan Pelaburan Kewangan dan Pasaran Modal serta peraturan berkaitan di Republik Korea ("**Korea**") ("**Akta Pasaran Modal Korea**"). Sehingga tarikh Prospektus ini, kami belum mengemukakan penyata pendaftaran sekuriti yang diperlukan di bawah Akta Pasaran Modal Korea kerana ia akan mengakibatkan pelanggaran peraturan di Malaysia, dan kami tidak berjaya memperoleh pengecualian bagi keperluan ini di Korea. Selaras dengan Akta Pasaran Modal Korea, jika didapati bertanggungjawab, **kami dan Pengarah Kami** mungkin dikenakan, antara lain, denda dan/atau hukuman penjara, surcaj, serta sekatan yang berkaitan dengan IPO.

3.5 PENGARAH DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA

Pengarah dan Pengurusan Kanan Utama kami adalah seperti berikut:

Nama	Jawatan
<u>Pengarah</u>	
Koo Bon Hak	Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas
Hoe Kian Choon	Pengarah Eksekutif Bukan Bebas dan Ketua Pegawai Eksekutif
Low May-Teng	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan
Kwon Yoo Kyung	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Marieta binti Abdull Hamid	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
<u>Pengurusan Kanan Penting</u>	
Hoe Kian Choon	Pengarah Eksekutif Bukan Bebas dan Ketua Pegawai Eksekutif
Yeong Kian Peng	Ketua Pegawai Kewangan
Toh Seng Lee	Ketua Pegawai Operasi
Goh Hui Teng	Ketua Pegawai Pemasaran

Sila rujuk kepada Seksyen 5.2 dan 5.4 Prospektus ini untuk butiran lanjut.

3. RINGKASAN PROSPEKTUS

3.6 PROMOTER DAN PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL KAMI

Butiran pemegangan saham Promoter dan Pemegang Syer Substansial kami dalam Syarikat kami sebelum dan selepas IPO kami adalah seperti berikut:

Nama	Warganegara / Negara Pmer-badanan	Setakat LPD dan sebelum IPO ⁽¹⁾ kami				Selepas IPO ⁽²⁾ kami			
		Langsung		Tidak Langsung		Langsung		Tidak Langsung	
		Bil. Saham	%	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%
<u>Promoter dan Pemegang Syer Substansial</u>									
CKH	Republik Korea	806,424,244	62.54	-	-	745,056,000	52.00	-	-
Koo Bon Hak	Korea	256,422,997	19.89	⁽³⁾ 806,424,244	62.54	157,608,000	11.00	⁽³⁾ 745,056,000	52.00
Hoe Kian Choon	Malaysia	147,363,326	11.43	⁽⁴⁾ 36,364,146	2.82	143,280,000	10.00	-	-
<u>Pemegang Syer Substansial</u>									
CUCKOO Holdings	Republik Korea	-	-	⁽⁵⁾ 806,424,244	62.54	-	-	⁽⁵⁾ 745,056,000	52.00

Nota-nota:

- (1) Berdasarkan jumlah bilangan sebanyak 1,289,520,000 Saham setakat LPD dan sebelum IPO kami.
- (2) Berdasarkan jumlah bilangan diperbesar sebanyak 1,432,800,000 Saham selepas IPO kami.
- (3) Dianggap mempunyai kepentingan melalui CKH dan CUCKOO Holdings menurut Seksyen 8(4) Akta.
- (4) Dianggap mempunyai kepentingan melalui pasangan beliau, Mak Foong Ling, menurut Seksyen 59(11)(c) Akta.
- (5) Dianggap mempunyai kepentingan melalui CKH menurut Seksyen 8(4) Akta.

Koo Bon Hak dan Hoe Kian Choon ialah pemilik benefisial kami. Sila rujuk kepada Seksyen 5.1 Prospektus ini untuk butiran lanjut.

3. RINGKASAN PROSPEKTUS

3.7 SOROTAN KEWANGAN DAN OPERASI

Berikut membentangkan ringkasan maklumat kewangan disatukan kami bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan, dan seperti yang dibentangkan dalam Seksyen 12 dan 13 Prospektus ini:

	Teraudit		Tidak Teraudit		Teraudit
	FYE2021 RM'000	FYE2022 RM'000	FYE2023 RM'000	FPE2023 RM'000	FPE2024 RM'000
Hasil	1,139,076	1,046,446	1,116,649	823,003	930,365
Kos jualan	(738,736)	(661,439)	(746,534)	(545,533)	(640,428)
GP	400,340	385,007	370,115	277,470	289,937
Pendapatan lain	17,653	12,458	3,825	3,362	3,280
Perbelanjaan pengedaran	(58,009)	(77,889)	(84,870)	(56,392)	(63,388)
Perbelanjaan pentadbiran ⁽¹⁾	(51,303)	(201,059)	(62,740)	(44,155)	(53,835)
Kerugian bersih atas rosot nilai instrumen kewangan	(20,661)	(27,772)	(52,258)	(43,498)	(36,014)
Keputusan daripada aktiviti kendalian	288,020	90,745	174,072	136,787	139,980
Pendapatan kewangan	1,637	2,473	2,739	2,065	10,901
Kos kewangan	(40,230)	(41,246)	(38,180)	(37,460)	(14,597)
PBT	249,427	51,972	138,631	101,392	136,284
Perbelanjaan cukai	(62,991)	(49,917)	(51,762)	(42,286)	(32,595)
PAT	186,436	2,055	86,869	59,106	103,689
PAT berkaitan dengan:					
Pemilik Syarikat kami	186,694	2,440	87,260	59,232	104,003
Kepentingan tak mengawal	(258)	(385)	(391)	(126)	(314)
PAT	186,436	2,055	86,869	59,106	103,689
Perbelanjaan komprehensif lain:					
Item yang atau mungkin dikelaskan semula kemudiannya kepada untung atau rugi:					
Perbezaan terjemahan mata wang asing untuk operasi asing	(70)	(502)	(706)	(550)	1,183
Jumlah pendapatan komprehensif	186,366	1,553	86,163	58,556	104,872
Jumlah pendapatan komprehensif berkaitan dengan:					
Pemilik Syarikat kami	186,624	1,938	86,554	58,682	105,186
Kepentingan tak mengawal	(258)	(385)	(391)	(126)	(314)
Jumlah pendapatan komprehensif	186,366	1,553	86,163	58,556	104,872
EBITDA (RM'000)	366,172	156,064	234,312	183,305	176,128
PAT dilaraskan (RM'000) ⁽²⁾	186,436	151,081	100,585	59,106	103,689
Margin EBITDA (%) ⁽³⁾	32.1	14.9	21.0	22.3	18.9
Margin GP (%)	35.1	36.8	33.1	33.7	31.2
Margin PBT (%)	21.9	5.0	12.4	12.3	14.6
Kadar cukai berkesan (%) ⁽⁴⁾	25.3	96.0	37.3	41.7	23.9
Margin PAT (%)	16.4	0.2	7.8	7.2	11.1
Margin PAT terlaras (%)	16.4	14.4	9.0	7.2	11.1
EPS asas dan dicairkan (sen) ⁽⁵⁾	13.0	0.2	6.1	4.1	7.3
Nisbah penggearan (kali) ⁽⁶⁾	0.3	0.2	0.1	-	0.4

3. RINGKASAN PROSPEKTUS**Nota-nota:**

- (1) Perbelanjaan pentadbiran kami meningkat dalam FYE2022 berbanding dengan FYE2021 sebanyak RM149.7 juta disebabkan terutamanya oleh pengiktirafan sekali sahaja sebanyak RM137.5 juta menurut skim opsyen saham pekerja untuk memberi ganjaran kepada Pengarah dan pasukan pengurusan kami dalam FYE2022. Lihat Seksyen 12.2.3 Prospektus ini bagi butiran lanjut.
- (2) Jadual di bawah membentangkan pengiraan dalam mencapai PAT dilaraskan kami bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan masing-masing:

	<u>FYE2021</u>	<u>FYE2022</u>	<u>FYE2023</u>	<u>FPE2023</u>	<u>FPE2024</u>
	<u>RM'000</u>	<u>RM'000</u>	<u>RM'000</u>	<u>RM'000</u>	<u>RM'000</u>
PAT	186,436	2,055	86,869	59,106	103,689
Tambah/(Tolak):					
Perbelanjaan Berasaskan Saham	-	137,509	-	-	-
Cukai makmur	-	11,517	-	-	-
Perbelanjaan cukai tambahan yang timbul daripada SVDP2.0 ^(a)	-	-	13,716	-	-
PAT dilaraskan	<u>186,436</u>	<u>151,081</u>	<u>100,585</u>	<u>59,106</u>	<u>103,689</u>

Nota:

- (a) Untuk mengurangkan risiko cukai bahawa LHDN mungkin mengangap pendapatan faedah pajakan kewangan sebagai sebahagian daripada yang dianggap amaun keuntungan di bawah Peraturan-Peraturan Pajakan Cukai Pendapatan 1986 yang sepatutnya dikenakan cukai pendahuluan dan bukannya sepanjang tempoh kontrak sewa, kami telah menyertai Program Pendedahan Sukarela Khas 2.0. Lihat Seksyen 12.2.3 Prospektus ini bagi butiran lanjut.
- (3) Dikira berdasarkan EBITDA dibahagi dengan hasil.
- (4) Dikira berdasarkan pencukaian dibahagi dengan PBT.
- (5) Dikira berdasarkan PAT berkaitan dengan pemilik Syarikat kami dibahagi dengan sebanyak 1,432,800,000 Saham diperbesar sebaik sahaja selepas IPO kami.
- (6) Dikira berdasarkan jumlah pinjaman dan peminjaman bank dan jumlah liabiliti pajakan, dibahagi dengan jumlah ekuiti.

	Teraudit			
	<u>FYE2021</u>	<u>FYE2022</u>	<u>FYE2023</u>	<u>FPE2024</u>
	<u>RM'000</u>	<u>RM'000</u>	<u>RM'000</u>	<u>RM'000</u>
Aset bukan semasa	656,661	633,642	752,040	904,464
Aset semasa	500,008	608,552	522,968	586,582
Jumlah aset	<u>1,156,669</u>	<u>1,242,194</u>	<u>1,275,008</u>	<u>1,491,046</u>
Liabiliti bukan semasa	240,746	98,849	14,433	158,155
Liabiliti semasa	348,680	437,040	463,219	504,041
Jumlah liabiliti	<u>589,426</u>	<u>535,889</u>	<u>477,652</u>	<u>662,196</u>
Ekuiti berkaitan dengan pemilik Syarikat kami / NA	568,177	707,624	799,066	830,874
Kepentingan tak mengawal	(934)	(1,319)	(1,710)	(2,024)
Jumlah ekuiti	<u>567,243</u>	<u>706,305</u>	<u>797,356</u>	<u>828,850</u>
Jumlah ekuiti dan liabiliti	<u>1,156,669</u>	<u>1,242,194</u>	<u>1,275,008</u>	<u>1,491,046</u>

3. RINGKASAN PROSPEKTUS

	Teraudit			Tidak	Teraudit
	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2023	FPE2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Tunai bersih daripada/(yang diguna dalam) aktiviti kendalian	60,613	149,496	103,389	89,827	(114,026)
Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	(4,166)	(25,825)	(40,630)	(40,662)	(216)
Tunai bersih (yang digunakan)/daripada dalam aktiviti pembiayaan	(49,929)	(74,930)	(111,475)	(76,228)	132,086
Peningkatan/(Penurunan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	6,518	48,741	(48,716)	(27,063)	17,844
Tunai dan kesetaraan tunai pada permulaan tahun kewangan	78,717	85,240	133,483	133,483	84,099
Kesan turun naik kadar pertukaran atas tunai yang dipegang	5	(498)	(668)	(564)	344
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan	85,240	133,483	84,099	105,856	102,287

3.8 DASAR DIVIDEN

Kami menyasarkan nisbah pembayaran sekurang-kurangnya 20% daripada keuntungan bersih kami berkaitan dengan pemilik Syarikat kami bagi setiap tahun kewangan secara penyatuan selepas mengambil kira keperluan modal kerja, modal penyelenggaraan (yang merujuk kepada modal yang diguna terutamanya untuk penyelenggaraan Cawangan Runcit dan Pusat Servis CUCKOO+ kami) dan modal komited kami, tertakluk pada mana-mana undang-undang yang terpakai, syarat lesen dan obligasi kontrak serta dengan syarat pengagihan tersebut tidak akan memudaratkan keperluan tunai kami atau mana-mana rancangan yang diluluskan oleh Lembaga kami.

Setakat LPD, Kumpulan kami mempunyai kemudahan perbankan dengan Bank of China (Malaysia) Berhad, Affin Islamic Bank Berhad, AmBank (M) Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad, yang kami dilarang daripada mengisytiharkan dividen tanpa kebenaran bertulis institusi kewangan tersebut. Sekatan ini akan kekal selagi kemudahan itu masih ada, melainkan terma diubah atau dipinda.

Kami tidak mengisytiharkan atau membayar apa-apa dividen kepada pemegang saham kami bagi FYE2021, FYE2022, dan FPE2024. Bagi FYE2023, kami mengisytiharkan dividen sebanyak RM73.4 juta (nisbah pembayaran dividen sebanyak 84.1%) yang telah dibayar pada 25 April 2024 ("**Dividen**"). Dividen tersebut dibiayai sepenuhnya melalui dana yang dijana secara dalaman, dan Pengarah kami mengesahkan bahawa dividen tersebut yang diisytihar dan dibayar tidak dijangka akan menjejaskan pelaksanaan dan implementasi rancangan dan strategi Kumpulan kami pada masa depan. Kami tidak berhasrat untuk mengisytiharkan apa-apa dividen sebelum Penyenaraian kami.

Pelabur harus ambil perhatian bahawa dasar dividen ini hanya menerangkan hasrat semasa kami dan tidak akan membentuk pernyataan yang mengikat secara sah berhubung dengan dividen masa depan kami yang tertakluk pada pengubahsuaian (termasuk tidak mengisytiharkannya) mengikut budi bicara Lembaga kami. Tidak ada jaminan bahawa kami akan dapat membayar dividen atau Lembaga kami akan mengisytiharkan dividen pada masa depan. Tidak ada jaminan juga bahawa dividen masa depan yang diisytiharkan oleh Lembaga kami, jika ada, tidak akan berbeza secara material daripada tahap dividen lampau. Lihat Seksyen 9.1.4 Prospektus ini untuk faktor-faktor yang boleh menjejaskan atau menyekat keupayaan kami untuk membayar dividen.

4. BUTIRAN IPO KAMI

4.1 BUTIRAN IPO KAMI DAN PELAN AGIHAN

IPO kami adalah tertakluk kepada terma dan syarat Prospektus ini dan apabila diterima, Saham IPO kami dijangka akan diperuntukkan mengikut cara yang diterangkan di bawah, tertakluk kepada penarikan balik dan pengagihan semula seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.1.4 Prospektus ini.

IPO kami terdiri daripada Tawaran Institusi dan Tawaran Runcit, berjumlah sehingga 365,364,000 Saham IPO, mewakili 25.5% daripada jumlah Saham terbitan diperbesar kami.

4.1.1 Tawaran Institusi

Tawaran Institusi melibatkan penawaran sehingga 322,380,000 Saham IPO (terdiri daripada 100,296,000 Saham Terbitan dan sehingga 222,084,000 Saham Tawaran), mewakili sehingga 22.5% daripada jumlah Saham terbitan diperbesar kami dan tertakluk kepada penarikan balik dan pengagihan semula seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.1.4 Prospektus ini, pada Harga Institusi yang akan diperuntukkan mengikut cara berikut:

- (i) sehingga 179,100,000 Saham Tawaran, mewakili sehingga 12.5% daripada jumlah keseluruhan Saham terbitan diperbesar kami kepada pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh MITI; dan
- (ii) 100,296,000 Saham Terbitan dan sehingga 42,984,000 Saham Tawaran, mewakili sehingga 10.0% daripada jumlah Saham terbitan diperbesar kami kepada orang berikut:
 - (a) pelabur Institusi Malaysia dan pelabur terpilih (selain pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh MITI); dan
 - (b) pelabur institusi asing dan pelabur terpilih di luar Amerika Syarikat bergantung pada Peraturan S.

Sebagai sebahagian daripada Tawaran Institusi, pada 10 Mac 2025, Syarikat kami, Pemegang Saham Menjual, Penyelaras Global Bersama, Bookrunners Bersama dan Pelabur Utama telah memasuki Perjanjian Penempatan Utama Induk di mana Pelabur Utama telah bersetuju untuk memperoleh dan/atau melanggan secara agregat 64,724,000 Saham IPO, mewakili kira-kira 4.5% daripada jumlah Saham terbitan diperbesar kami, pada Harga Institusi, tertakluk kepada terma Perjanjian Penempatan Utama Induk dan perjanjian penempatan utama individu. Tiada Pelabur Utama akan secara individu memperoleh atau melanggan 5.0% atau lebih daripada jumlah bilangan Saham terbitan diperbesar kami di bawah perjanjian penempatan utama individu.

Perjanjian penempatan utama adalah bersyarat, antara lain, Perjanjian Penaja Jaminan Runcit dan Perjanjian Penempatan sedang dalam proses memuktamadkan dan tidak ditamatkan selaras dengan terma masing-masing.

4. BUTIRAN IPO KAMI

4.1.2 Tawaran Runcit

Tawaran Runcit melibatkan penawaran 42,984,000 Saham Terbitan, mewakili kira-kira 3.0% daripada jumlah bilangan Saham terbitan diperbesar kami, tertakluk kepada penarikan balik dan pengagihan semula seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.1.4 Prospektus ini, pada Harga Runcit yang akan diperuntukkan dengan cara berikut:

(i) Orang Awam Malaysia

28,656,000 Saham Terbitan, mewakili 2.0% daripada jumlah Saham terbitan diperbesar kami, akan disediakan untuk permohonan oleh Orang Awam Malaysia melalui pengundian, di mana sekurang-kurangnya 50.0% akan diketepikan untuk pelabur Bumiputera, termasuk individu, syarikat, persatuan, koperasi dan/atau institusi.

(ii) Orang yang Layak

14,328,000 Saham Terbitan, mewakili 1.0% daripada jumlah Saham terbitan diperbesar kami, akan disediakan untuk permohonan oleh Orang yang Layak seperti berikut:

Orang yang Layak ⁽¹⁾	Bil. orang	Bilangan agregat Saham Terbitan yang diperuntukkan
Pekerja Kumpulan kami yang layak ⁽²⁾	1,323	8,596,800
Orang yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan kami ⁽³⁾	3,416	5,731,200
Jumlah	4,739	14,328,000

Nota:

(1) Tertakluk kepada penarikan balik dan pengagihan semula seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.1.4 Prospektus ini, semua Orang yang Layak memohon sebarang jumlah Saham Lebihan (seperti yang ditakrifkan di bawah) melebihi peruntukan mereka yang telah ditetapkan.

(2) Kriteria peruntukan kepada pekerja kami yang layak adalah berdasarkan, antara lain, faktor berikut:

- (i) untuk pekerja tetap kami, tempoh berkhidmat dengan Syarikat kami, kekananan dan jawatan; serta
- (ii) untuk pekerja kontrak kami, kekananan dan jawatan.

Bilangan Saham Terbitan yang diperuntukkan kepada Pengurusan Kanan Utama kami, iaitu Yeong Kian Peng, ialah 1,000,000 Saham Terbitan.

(3) Kriteria untuk peruntukan kepada orang yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan kami (iaitu kontraktor bebas kami) adalah berdasarkan tahun sumbangan mereka kepada Kumpulan kami.

4. BUTIRAN IPO KAMI

4.1.3 Ringkasan Saham IPO kami untuk diperuntukkan

Secara ringkasnya, Saham IPO kami akan diperuntukkan di bawah Tawaran Runcit dan Tawaran Institusi (tertakluk kepada penarikan balik dan pengagihan semula seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.1.4 Prospektus ini) dengan cara berikut:

Kategori	Terbitan Awam		Tawaran untuk Dijual		Jumlah	
	Bil. Saham	% ⁽¹⁾	Bil. Saham	% ⁽¹⁾	Bil. Saham	% ⁽¹⁾
Tawaran Runcit:						
Orang yang Layak						
- Pekerja Kumpulan kami yang layak	8,596,800	0.6	-	-	8,596,800	0.6
- Orang yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan kami	5,731,200	0.4	-	-	5,731,200	0.4
Orang Awam Malaysia (melalui pengundian)						
- Pelabur bumiputera	14,328,000	1.0	-	-	14,328,000	1.0
- Pelabur bukan Bumiputera	14,328,000	1.0	-	-	14,328,000	1.0
Jumlah kecil	42,984,000	3.0	-	-	42,984,000	3.0
Tawaran Institusi:						
Pelabur bumiputera diluluskan oleh MITI	-	-	179,100,000	12.5	179,100,000	12.5
Institusi Malaysia dan asing serta pelabur terpilih	100,296,000	7.0	42,984,000	3.0	143,280,000	10.0
Jumlah kecil	100,296,000	7.0	222,084,000	15.5	322,380,000	22.5
Jumlah	143,280,000	10.0	222,084,000	15.5	365,364,000	25.5

Nota:

(1) Berdasarkan jumlah bilangan sebanyak 1,432,800,000 Saham diperbesar kami.

Penyempurnaan Tawaran Runcit dan Tawaran Institusi adalah bersyarat antara satu sama lain. IPO kami juga tertakluk kepada keperluan tebaran pegangan saham awam di bawah Syarat Penyenaraian seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.1.5 Prospektus ini.

Tiada lebihan peruntukan atau pilihan “greenshoe” yang akan meningkatkan bilangan Saham IPO.

4. BUTIRAN IPO KAMI

4.1.4 Penarikan balik dan pengagihan semula

IPO kami adalah tertakluk kepada langganan minimum seperti yang diterangkan dalam Seksyen 4.1.5 di bawah dan penarikan balik dan pengagihan semula berikut:

- (i) jika Saham Tawaran kami yang diperuntukkan kepada pelabur Bumiputera yang dikenal pasti serta diluluskan oleh MITI ("**Tranche MITI**") terkurang langganan dan terdapat terlebih langganan untuk Saham Terbitan kami oleh pelabur awam Bumiputera di bawah Tawaran Runcit, Saham Tawaran tersebut akan ditarik balik daripada baki Tranche MITI dan diperuntukkan kepada pelabur awam Bumiputera di bawah Tawaran Runcit.

Jika selepas pengagihan semula di atas, Tranche MITI masih terkurang langganan, Saham Tawaran akan ditarik balik daripada baki Tranche MITI dan diperuntukkan mengikut cara berikut:

- (a) pertama, kepada pelabur institusi Malaysia di bawah Tawaran Institusi; dan
 - (b) kedua, jika terdapat terlebih langganan yang sepadan untuk Saham Terbitan kami oleh Orang Awam Malaysia di bawah Tawaran Runcit, kepada Orang Awam Malaysia di bawah Tawaran Runcit;
- (ii) jika Saham Terbitan kami yang diperuntukkan kepada Orang yang Layak terkurang langganan mengikut prosedur peruntukan Saham Lebihan (seperti yang ditakrifkan di bawah) yang dinyatakan di bawah, Saham Terbitan tersebut boleh diperuntukkan kepada institusi Malaysia dan asing serta pelabur terpilih di bawah Tawaran Institusi atau Orang Awam Malaysia di bawah Tawaran Runcit atau gabungan kedua-duanya, mengikut budi bicara Penyelaras Global Bersama dan kami;
 - (iii) tertakluk kepada perkara (i) dan (ii) di atas, jika terdapat terlebih langganan dalam Tawaran Runcit dan terdapat terkurang langganan yang sepadan dalam Tawaran Institusi, Saham IPO kami mungkin akan ditarik balik daripada Tawaran Institusi dan diperuntukkan kepada Tawaran Runcit; dan
 - (iv) tertakluk kepada perkara (i) dan (ii) di atas, jika terdapat terlebih langganan dalam Tawaran Institusi dan terdapat terkurang langganan yang sepadan dalam Tawaran Runcit, Saham Terbitan kami mungkin akan ditarik balik daripada Tawaran Runcit dan diperuntukkan kepada Tawaran Institusi.

Penarikan balik dan pengagihan semula tidak akan digunakan sekiranya terdapat terlebih langganan atau terkurang langganan dalam kedua-dua Tawaran Runcit dan Tawaran Institusi.

Sebarang Saham Terbitan yang diperuntukkan kepada Orang yang Layak tetapi tidak dilanggan oleh mereka ("**Saham Lebihan**") hendaklah disediakan kepada Orang yang Layak lain yang telah memohon lebihan Saham Terbitan (jika ada) sebagai tambahan kepada peruntukan Saham Terbitan yang telah ditetapkan bagi mereka. Saham Lebihan akan diperuntukkan kepada Orang yang Layak lain dalam keutamaan berikut:

- (a) pertama, peruntukan secara pro-rata kepada Orang yang Layak yang telah memohon Saham Lebihan berdasarkan bilangan Saham Lebihan yang dipohon; dan
- (b) kedua, untuk meminimumkan lot ganjil.

4. BUTIRAN IPO KAMI

Lembaga Pengarah kami berhak untuk memperuntukkan Saham Lebihan yang digunakan mengikut cara yang difikirkan sesuai dan mustahak demi kepentingan terbaik Syarikat kami, tertakluk kepada peruntukan sedemikian dibuat secara adil dan saksama, dan bahawa niat Lembaga Pengarah kami seperti yang dinyatakan dalam perkara (a) dan (b) di atas tercapai. Lembaga Pengarah kami juga berhak untuk menerima atau menolak sebarang permohonan Saham Lebihan, sepenuhnya atau sebahagian, tanpa memberikan sebarang sebab.

Setelah selesai, langkah-langkah yang melibatkan perkara (a) dan (b) di atas tidak akan diulang. Sekiranya terdapat Saham Lebihan selepas itu, baki tersebut akan disediakan untuk penarikan balik dan pengagihan semula seperti yang dinyatakan dalam (ii) di atas. Sebarang Saham Terbitan di bawah Tawaran Runcit yang tidak dipohon selepas tertakluk kepada peruntukan penarikan balik dan pengagihan semula di atas akan ditaja jamin oleh Penaja Jamin Bersama kami mengikut terma dan syarat Perjanjian Penaja Jaminan Runcit.

Setakat LPD, sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami:

- (i) tiada pemegang syer substansial kami, Pengarah atau Pengurusan Kanan Utama yang telah menyatakan bahawa mereka berhasrat untuk melanggan Saham IPO kami, selain daripada Saham IPO yang disediakan untuk permohonan oleh Orang yang Layak di bawah Tawaran Runcit; dan
- (ii) tiada orang yang bercadang untuk melanggan lebih daripada 5.0% Saham IPO kami.

Permintaan untuk Saham IPO kami hendaklah terlebih dahulu dipenuhi dengan Saham Terbitan, dan selepas itu, sebarang lebihan permintaan akan dipenuhi dengan Saham Tawaran.

4.1.5 Langganan minimum

Tiada langganan minimum dari segi jumlah perolehan yang akan diperolehi daripada IPO kami. Walau bagaimanapun, untuk mematuhi keperluan tebaran pegangan saham awam Syarat Penyenaraian, tahap langganan minimum dari segi bilangan Saham ialah bilangan Saham yang perlu dipegang oleh pemegang saham awam. Menurut Syarat Penyenaraian, kami dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya 25.0% daripada jumlah bilangan Saham kami di tangan bilangan minimum 1,000 pemegang saham awam, setiap satu memegang tidak kurang daripada 100 Saham pada masa Penyenaraian kami.

Jika syarat tebaran pegangan saham awam yang disebutkan di atas tidak dipenuhi, kami mungkin tidak dapat meneruskan Penyenaraian kami. Sila rujuk kepada Seksyen 9.3.8 Prospektus ini untuk butiran mengenai risiko kelewatan atau kegagalan Penyenaraian kami.

4.1.6 Kelas saham dan taraf

Pada tarikh Prospektus ini, kami hanya mempunyai satu kelas saham, iaitu saham biasa dalam Syarikat kami.

Saham Terbitan kami akan, apabila diumpukkan dan diterbitkan, mempunyai taraf yang sama dalam semua aspek dengan Saham sedia ada kami termasuk hak mengundi, dan akan berhak kepada semua hak, dividen dan pengagihan lain yang mungkin diisytiharkan, dibayar atau dibuat selepas tarikh pengumpulan Saham Terbitan kami, tertakluk kepada mana-mana Peraturan Bursa Depository yang terpakai.

4. BUTIRAN IPO KAMI

Tertakluk kepada sebarang hak istimewa yang terikat kepada mana-mana Saham yang mungkin kami terbitkan pada masa hadapan, pemegang saham kami hendaklah, mengikut kadar jumlah yang dibayar atau dikreditkan ke atas Saham yang dipegang oleh mereka, berhak untuk berkongsi keuntungan yang dibayar oleh kami dalam bentuk dividen dan pengagihan lain. Begitu juga, jika kami dibubarkan, menurut Perlembagaan kami, pemegang saham kami berhak mendapat lebihan (jika ada) selepas apa-apa pembayaran keutamaan menurut Akta dan liabiliti kami dipenuhi.

Pada mesyuarat agung kami, setiap pemegang saham berhak untuk mengundi secara sendiri, melalui proksi, oleh peguam atau wakil lain yang diberi kuasa. Tertakluk kepada Syarat Penyenaian, sebarang resolusi untuk diundi pada mesyuarat hendaklah diputuskan melalui cara pengundian. Pada pengundian, setiap pemegang saham yang hadir sama ada secara sendiri atau melalui proksi, oleh peguam atau wakil lain yang diberi kuasa, hendaklah mempunyai satu undi untuk setiap Saham yang dipegang atau diwakili. Seorang proksi mungkin tetapi tidak semestinya ahli Syarikat kami.

4.1.7 Modal saham

Selepas IPO kami selesai, modal saham terbitan diperbesar kami adalah seperti berikut:

Butiran	Bil. Saham	RM
Setakat LPD	1,289,520,000	186,427,633
Untuk diterbitkan menurut Terbitan Awam	143,280,000	⁽¹⁾ 177,945,745
Modal saham terbitan diperbesar semasa Penyenaian	1,432,800,000	364,373,378
Harga Runcit (RM)		1.29
Permodalan pasaran pada Penyenaian (berdasarkan Harga Runcit dan jumlah Saham terbitan diperbesar selepas IPO kami)		1,848,312,000

Nota:

- (1) Dikira berdasarkan Harga Runcit dan selepas ditolak anggaran perbelanjaan penyenaian kira-kira RM6.9 juta yang dikaitkan secara langsung dengan Terbitan Awam dan diimbangi dengan modal saham kami.

4. BUTIRAN IPO KAMI

4.2 PEMEGANG SAHAM MENJUAL

Saham Tawaran yang akan ditawarkan oleh setiap Pemegang Saham Menjual dan pegangan saham langsung masing-masing dalam Syarikat kami sebelum dan selepas IPO kami, dan hubungan material mereka dengan Kumpulan kami dalam tempoh tiga tahun yang lalu adalah seperti berikut:

Nama / Alamat	Hubungan material dengan Kumpulan kami	Setakat LPD / Sebelum IPO kami		Saham Tawaran Ditawarkan			Selepas IPO kami	
		Bil. Saham	% ⁽⁴⁾	Bil. Saham	% ⁽⁴⁾	% ⁽⁵⁾	Bil. Saham	% ⁽⁵⁾
CKH / 349, Emtibeuibuk-ro, Siheung-si, Gyeonggi-do 15117, Republik Korea	Promoter dan pemegang syer substansial	806,424,244	62.5	61,368,244	4.8	4.3	745,056,000	52.0
Koo Bon Hak / 104-2204, 206 Seolleung-ro, Gangnam- gu, Seoul 06281, Republik Korea	Promoter, pemegang syer substansial dan Pengarah	256,422,997	19.9	98,814,997	7.7	6.9	157,608,000	11.0
Hoe Kian Choon / Unit 17, Villa Yarl, No. 1 Jalan Awan Selimpat, Taman Yarl, 58200 Kuala Lumpur, Malaysia	Promoter, pemegang syer substansial, Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif	147,363,326	11.4	4,083,326	0.3	0.3	143,280,000	10.0
Mak Foong Ling ⁽¹⁾ / Unit 17, Villa Yarl, No. 1 Jalan Awan Selimpat, Taman Yarl, 58200 Kuala Lumpur, Malaysia	Pemegang saham dan bekas pekerja kami	36,364,146	2.8	36,364,146	2.8	2.5	-	-
Toh Seng Lee / No. 38, Garden Manor, Jalan Sierramas Utama, 47000 Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan, Malaysia	Pemegang saham dan Ketua Pegawai Operasi	8,589,058	0.7	4,290,657	0.3	0.3	4,298,401	0.3
Goh Hui Teng ⁽²⁾ / No. 38, Garden Manor, Jalan Sierramas Utama, 47000 Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan, Malaysia	Pemegang saham dan Ketua Pegawai Pemasaran	8,589,058	0.7	4,290,657	0.3	0.3	4,298,401	0.3

4. BUTIRAN IPO KAMI

Nama / Alamat	Hubungan material dengan Kumpulan kami	Setakat LPD / Sebelum IPO kami		Saham Tawaran Ditawarkan			Selepas IPO kami	
		Bil. Saham	% ⁽⁴⁾	Bil. Saham	% ⁽⁴⁾	% ⁽⁵⁾	Bil. Saham	% ⁽⁵⁾
Lye Siew Lay / No. 196, Jalan SS9A/6, Seri Setia, 47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia	Pemegang saham dan Pengurus Kanan Bahagian Kawalan Kualiti dan Bahagian Pemulihan	8,589,057	0.7	4,290,657	0.3	0.3	4,298,400	0.3
Tan Yu Liang / C-38-01, Nidoz Residence, Desa Petaling, No. 22, Jalan 2/125, Taman Desa Petaling, 57100 Kuala Lumpur, Malaysia	Pemegang saham dan mantan Ketua Pegawai Strategi	8,589,057	0.7	4,290,658	0.3	0.3	4,298,399	0.3
Mak Wai Hoong ⁽³⁾ / Unit 3, Villa Yarl, No. 1, Jalan Awan Selimpat, Taman Yarl, 58200 Kuala Lumpur, Malaysia	Pemegang saham dan mantan Ketua Pegawai Hasil	8,589,057	0.7	4,290,658	0.3	0.3	4,298,399	0.3
Jumlah		1,289,520,000	100.0	222,084,000	17.2	15.5	1,067,436,000	74.5

Nota-nota:

- (1) Mak Foong Ling ialah pasangan kepada Hoe Kian Choon dan kakak kepada Mak Wai Hoong.
- (2) Goh Hui Teng ialah pasangan kepada Toh Seng Lee.
- (3) Mak Wai Hoong ialah adik kepada Mak Foong Ling dan adik ipar kepada Hoe Kian Choon.
- (4) Berdasarkan jumlah 1,289,520,000 Saham sebelum IPO kami.
- (5) Berdasarkan jumlah bilangan Saham diperbesar sebanyak 1,432,800,000 selepas IPO kami.

4. BUTIRAN IPO KAMI

4.3 ASAS PENGIRAAN HARGA SAHAM IPO KAMI DAN MEKANISME PEMBAYARAN BALIK

4.3.1 Harga Runcit

Harga Runcit telah ditentukan dan dipersetujui antara Pengarah kami dan Pemegang Saham Menjual, bersama-sama dengan Penyelaras Global Bersama, selepas mengambil kira faktor berikut:

- (i) nisbah harga perolehan sebanyak kira-kira 21.2 kali berdasarkan EPS Kumpulan kami kira-kira RM0.06 selepas mengambil kira PAT bergabung teraudit kami serta boleh diagihkan kepada pemilik RM87.3 juta untuk FYE2023 dan jumlah saham diperbesar kami sebanyak 1,432,800,000 semasa Penyenaian;
- (ii) pro forma NA disatukan seSaham sebanyak RM0.70 pada 30 September 2024 selepas melaraskan penggunaan perolehan daripada Terbitan Awam kami dan berdasarkan jumlah saham diperbesar kami sebanyak 1,432,800,000 semasa Penyenaian;
- (iii) prestasi kewangan dan sejarah operasi kami yang terperinci seperti yang diterangkan masing-masing dalam Seksyen 12.1 dan 12.2 Prospektus ini;
- (iv) kekuatan daya saing kami serta rancangan masa hadapan dan prospek Kumpulan kami seperti yang diterangkan dalam Seksyen 7.3 dan 7.4 Prospektus ini;
- (v) gambaran keseluruhan dan pandangan industri penyewaan untuk industri peralatan rumah dan barangan isi rumah di mana Kumpulan kami beroperasi serta keadaan pasaran semasa seperti yang diterangkan dalam Seksyen 8 Prospektus ini;
- (vi) keadaan pasaran semasa, termasuk prestasi pasaran indeks global utama dan syarikat yang terlibat dalam perniagaan serupa yang disenaraikan di bursa saham, arah aliran pasaran semasa serta sentimen pelabur; dan
- (vii) prestasi pasaran Bursa Securities dan jangkaan permintaan untuk Saham IPO kami.

Harga Runcit Akhir akan ditentukan selepas Harga Institusi ditetapkan, pada Tarikh Penentuan Harga dan akan lebih rendah daripada:

- (i) Harga Runcit; atau
- (ii) Harga Institusi.

Jika Harga Runcit Akhir adalah lebih rendah daripada Harga Runcit, perbezaan antara Harga Runcit dan Harga Runcit Akhir akan dibayar balik kepada pemohon yang berjaya tanpa sebarang faedah ke atasnya. Sila rujuk kepada Seksyen 4.3.3 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai mekanisme pembayaran balik.

Harga Runcit Akhir dan Harga Institusi akan diumumkan dalam masa dua Hari Pasaran dari Tarikh Penentuan Harga melalui Rangkaian Maklumat Penyenaian Bursa. Di samping itu, semua pemohon yang berjaya akan diberi notis bertulis mengenai Harga Runcit Akhir dan Harga Institusi, berserta dengan notis peruntukan Saham IPO kami.

4. BUTIRAN IPO KAMI

4.3.2 Harga Institusi

Harga Institusi akan ditentukan melalui proses penawaran awal di mana bakal pelabur institusi dan terpilih akan dijemput untuk membida bahagian Tawaran Institusi dengan menyatakan bilangan Saham IPO kami yang akan mereka peroleh dan harga yang mereka sedia untuk bayar bagi Saham IPO kami berkenaan dengan Tawaran Institusi. Selepas proses penawaran awal selesai, Harga Institusi akan ditetapkan oleh Pengarah kami dan Pemegang Saham Menjual dengan berunding bersama Penyelaras Global Bersama pada Tarikh Penentuan Harga.

4.3.3 Mekanisme pembayaran balik

Jika Harga Runcit Akhir adalah lebih rendah daripada Harga Runcit, perbezaan antara Harga Runcit dan Harga Runcit Akhir akan dibayar balik kepada pemohon yang berjaya tanpa sebarang faedah ke atasnya. Bayaran balik akan dibuat:

- (i) dalam bentuk cek untuk dihantar melalui pos biasa ke alamat yang dikekalkan dengan Bursa Depository untuk permohonan yang dibuat melalui Borang Permohonan; atau
- (ii) dengan mengkreditkan ke dalam akaun pemohon yang berjaya dengan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian untuk permohonan yang dibuat melalui Permohonan Saham Elektronik atau dengan mengkreditkan ke dalam akaun pemohon yang berjaya dengan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian Internet untuk permohonan yang dibuat melalui Permohonan Saham Internet,

dalam tempoh 10 Hari Pasaran dari tarikh pengundian akhir permohonan, atas risiko sendiri pemohon yang berjaya. Untuk butiran lanjut mengenai mekanisme pembayaran balik, sila rujuk kepada Seksyen 16.9 Prospektus ini.

4.3.4 Permodalan pasaran yang dijangkakan

Berdasarkan Harga Runcit dan jumlah saham diperbesar kami sebanyak 1,432,800,000 selepas IPO kami, jumlah permodalan pasaran kami semasa Penyenaiaan adalah kira-kira RM1.85 bilion.

4.4 PENCAIRAN

Pencairan dikira sebagai perbezaan antara Harga IPO kami yang dibayar oleh pelabur runcit, institusi dan terpilih untuk Saham kami dan pro forma NA disatukan seSaham kami selepas IPO kami.

Jadual berikut menggambarkan kesan dalam pro forma NA disatukan Kumpulan kami untuk setiap Saham kepada pemegang saham kami, dengan mengandaikan Harga Runcit adalah sama dengan Harga Runcit Akhir / Harga Institusi.

		<u>RM</u>
Harga Runcit Akhir / Harga Institusi	(A)	1.29
Pro forma NA disatukan seSaham pada 30 September 2024 selepas penggunaan perolehan daripada Terbitan Awam kami	(B)	0.70
Pencairan dalam pro forma NA disatukan seSaham kepada pelabur baharu	(A – B)	0.59
Pencairan dalam pro forma NA disatukan seSaham kepada pelabur baharu sebagai peratusan daripada Harga Runcit Akhir / Harga Institusi	(A - B) / (A)	45.7%

4. BUTIRAN IPO KAMI

Kecuali seperti yang didedahkan di bawah, tiada perbezaan ketara antara Harga Runcit kami dan kos tunai efektif Saham kami yang diperolehi oleh Promoter, Pengarah, pemegang syer substansial, Pengurusan Kanan Utama kami atau orang yang berkaitan dengan mereka, atau sebarang urus niaga yang dilakukan oleh mereka yang memberikan mereka hak untuk memperoleh mana-mana Saham kami dalam tempoh tiga tahun yang lalu dan sehingga LPD:

<u>Nama</u>	<u>Tarikh</u>	<u>Diumpukkan / Dipindahkan</u>	<u>Bil. Saham</u>	<u>Jumlah keseluruhan (RM)</u>	<u>Harga purata setiap Saham (RM)</u>
CKH	10 Julai 2024 ⁽¹⁾	Dipindahkan	1,669,690	1,669,690	*
	11 Julai 2024 ⁽²⁾	Diumpukkan	775,832,249	-	-
Jumlah			777,501,939	1,669,690	*
Koo Bon Hak	10 Julai 2024 ⁽¹⁾	Dipindahkan	530,920	530,920	*
	11 Julai 2024 ⁽²⁾	Diumpukkan	246,695,498	-	-
Jumlah			247,226,418	530,920	*
Hoe Kian Choon	6 April 2023 ⁽³⁾	Diumpukkan	3,258,292	3,258,292	1.00
	11 Julai 2024 ⁽²⁾	Diumpukkan	141,773,045	-	-
Jumlah			145,031,337	3,258,292	0.02
Goh Hui Teng	6 April 2023 ⁽³⁾	Diumpukkan	325,829	325,829	1.00
	11 Julai 2024 ⁽²⁾	Diumpukkan	8,263,229	-	-
Jumlah			8,589,058	325,829	1.00
Toh Seng Lee	6 April 2023 ⁽³⁾	Diumpukkan	325,829	325,829	1.00
	11 Julai 2024 ⁽²⁾	Diumpukkan	8,263,229	-	-
Jumlah			8,589,058	325,829	0.04
Mak Foong Ling	11 Julai 2024 ⁽²⁾	Diumpukkan	34,984,659	-	-
Jumlah			34,984,659	-	-

Nota-nota:

- * Boleh Diabaikan
- (1) Selaras dengan pemindahan saham daripada Hoe Kian Choon kepada CKH dan Koo Bon Hak pada 10 Julai 2024.
- (2) Menurut Terbitan Bonus yang telah dilaksanakan untuk memudahkan IPO kami. Sila rujuk kepada Seksyen 6.1.2 Prospektus ini untuk butiran lanjut.
- (3) Selaras dengan pelaksanaan opsyen yang diberikan di bawah skim opsyen saham pekerja yang telah dilaksanakan sepenuhnya pada 6 April 2023.

4. BUTIRAN IPO KAMI

4.5 PENGGUNAAN PEROLEHAN

Kami menjangka akan menggunakan perolehan kasar kira-kira RM184.8 juta daripada Terbitan Awam kami dengan cara berikut:

Penggunaan perolehan	Jumlah perolehan ⁽¹⁾		Anggaran jangka masa anggaran untuk penggunaan dari tarikh Penyenaraian kami
	(RM'juta)	%	
Modal untuk membiayai pembelian produk bagi pengembangan perniagaan sewa	104.7	56.7	Dalam tempoh 12 bulan
Pembayaran balik pinjaman bank	40.0	21.6	Dalam tempoh 9 bulan
Perbelanjaan modal:			
(a) Pembukaan 'Brandshop'	5.0	2.7	Dalam tempoh 24 bulan
(b) Peningkatan taraf sistem IT	5.6	3.0	Dalam tempoh 24 bulan
Pengembangan CUCKOO Singapore	10.0	5.4	Dalam tempoh 24 bulan
Anggaran perbelanjaan Penyenaraian	19.5	10.6	Segera
Jumlah	184.8	100.0	

Nota:

- (1) Berdasarkan andaian bahawa Harga Institusi dan Harga Runcit Akhir akan sama dengan Harga Runcit.

Jika perolehan sebenar adalah lebih rendah daripada belanjawan di atas, perolehan tersebut hendaklah diperuntukkan mengikut urutan keutamaan berikut:

- (i) pertama, untuk perbelanjaan penyenaraian kami seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.5.5 Prospektus ini;
- (ii) kedua, untuk membayar balik pinjaman bank kami seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.5.2 Prospektus ini;
- (iii) ketiga, untuk perbelanjaan modal kami seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.5.3 Prospektus ini;
- (iv) keempat, supaya modal kami dapat membiayai pembelian produk untuk pengembangan perniagaan sewa seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.5.1 Prospektus ini; dan
- (v) akhir sekali, untuk pengembangan CUCKOO Singapore seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.5.4 Prospektus ini.

Jika perolehan sebenar adalah lebih tinggi daripada belanjawan di atas, lebihan akan digunakan untuk modal untuk membiayai pembelian produk bagi pengembangan perniagaan sewa.

4. BUTIRAN IPO KAMI

Sebarang kekurangan pada mana-mana perolehan yang diperuntukkan di atas akan dibiayai melalui dana yang dijana secara dalaman dan/atau pembiayaan luaran. Sementara menunggu penggunaan perolehan kasar daripada Terbitan Awam untuk tujuan yang dinyatakan di atas, dana tersebut akan diletakkan dalam deposit jangka pendek dengan institusi kewangan Islam berlesen atau instrumen pasaran wang jangka pendek Islam.

Syarikat kami tidak akan menerima sebarang perolehan daripada Tawaran untuk Jualan. Tawaran untuk Jualan akan meningkatkan perolehan kasar kira-kira RM286.5 juta berdasarkan Harga Runcit, yang akan terakru sepenuhnya kepada Pemegang Saham Menjual. Pemegang Saham Menjual akan menanggung yuran penempatan mereka sendiri berkenaan IPO kami.

Butiran lanjut mengenai penggunaan perolehan daripada Terbitan Awam kami adalah seperti berikut:

4.5.1 Modal untuk membiayai pembelian produk bagi pengembangan perniagaan sewa

Kami berhasrat untuk memperuntukkan sejumlah kira-kira RM104.7 juta atau 56.7% daripada jumlah perolehan kasar daripada Terbitan Awam kami untuk membiayai pembelian produk yang berkaitan pengembangan perniagaan sewa Kumpulan kami.

Pertumbuhan perniagaan sewa kami bergantung kepada ketersediaan aliran tunai untuk membiayai pembelian produk kami daripada pembekal kami dan membayar komisen jualan kami. Ini kerana perniagaan kami menawarkan Pelan Sewaan yang memberi pelanggan kami keupayaan untuk mengguna dan membayar produk kami melalui pembayaran sewa bulanan sepanjang tempoh kontrak sewa tanpa perlu membuat bayaran penuh terlebih dahulu bagi produk tersebut. Kebiasaannya kami menawarkan kontrak sewa kepada pelanggan kami untuk produk kami dalam tempoh antara 36 bulan hingga 84 bulan manakala tempoh kredit yang diberikan oleh pembekal kami adalah antara 30 hari hingga 90 hari.

Selanjutnya, keupayaan kami untuk mengembangkan perniagaan sewa kami adalah bergantung kepada keupayaan kami untuk mengutip bayaran daripada pelanggan kami (lihat Seksyen 7.6 Prospektus ini untuk butiran lanjut tentang semakan penilaian kredit yang kami lakukan ke atas pelanggan dan kutipan pembayaran kami). Ini menyebabkan ketidakpadanan aliran tunai disebabkan perbezaan masa kerana kami membayar pembekal untuk pembelian produk dan kutipan bayaran sewa bulanan daripada pelanggan kami.

Selaras dengan rancangan kami untuk mengembangkan bahagian pasaran di Malaysia, kami berhasrat untuk memperuntukkan perolehan untuk membiayai pembelian awal produk serta memenuhi permintaan yang semakin meningkat bagi Pelan Sewaan di Malaysia, seperti yang diramalkan oleh Frost & Sullivan seperti yang dinyatakan dalam Laporan IMR dalam Seksyen 8 Prospektus ini. Kami menjangkakan akan membeli produk daripada pembekal sedia ada kami, dan berkemungkinan daripada pembekal baharu untuk pelancaran produk baharu bagi mengembang dan mempelbagaikan penawaran produk kami di bawah semua segmen perniagaan kami.

4.5.2 Pembayaran balik pinjaman bank

Kami berhasrat untuk memperuntukkan RM40.0 juta atau sejumlah kira-kira 21.6% daripada jumlah perolehan kasar Terbitan Awam ke arah pembayaran balik sebahagian daripada kemudahan pinjaman berjangka iaitu sebanyak RM220.0 juta yang diperolehi daripada Bank of China (Malaysia) Berhad ("**Kemudahan BoC**").

4. BUTIRAN IPO KAMI

Kemudahan BoC diperoleh untuk membayar balik sebahagian jumlah yang hutang yang tertunggak selama lebih daripada 90 hari pada 31 Julai 2024 kepada CKH, termasuk sebarang caj faedah sehingga 31 Disember 2023 (“**Faedah 2023**”). Jumlah yang dihutang timbul terutamanya daripada pembelian produk Jenama CUCKOO daripada CKH. Faedah 2023 berada pada julat 4.0% hingga 7.2% ke atas jumlah hutang kami yang tertunggak kepada CKH dan ditentukan dengan merujuk kepada kadar faedah secara berpanjangan yang dikenakan oleh institusi kewangan ke atas pinjaman bank sedia ada kami. Kadar faedah ke atas amaun hutang kami yang tertunggak kepada CKH untuk FYE2024 berada dalam julat 4.0% hingga 4.8% dan ditentukan secara bersesuaian dengan merujuk kepada kadar faedah yang dikenakan oleh institusi kewangan ke atas pinjaman bank sedia ada kami.

Setakat LPD, jumlah tertunggak di bawah Kemudahan BoC ialah RM183.4 juta. Kemudahan BoC menanggung kadar faedah kos dana (COF) serta 1.0% setahun (kadar berkesan kira-kira 4.8% setahun setakat LPD). Kemudahan BoC akan dibayar balik dalam tempoh 36 bulan bermula sebulan dari 31 Julai 2024, iaitu tarikh pengeluaran pertama, tertakluk kepada pendahuluan mandatori sebanyak RM40.0 juta menjelang 31 Ogos 2025. Pembayaran balik Kemudahan BoC di atas dijangka akan menghasilkan penjimatan faedah kira-kira RM1.9 juta setahun.

Sebagai tambahan kepada Kemudahan BoC, kami telah memperoleh kemudahan pembiayaan daripada AmBank(M) Berhad sebanyak RM55.0 juta dan Affin Islamic Bank Berhad sebanyak RM35.0 juta, untuk membayar sebahagian baki jumlah hutang tertunggak kami selama lebih daripada 90 hari kepada CKH, termasuk sebarang faedah, dan baki jumlah tertunggak telah diselesaikan melalui dana yang dijana secara dalaman.

4.5.3 Perbelanjaan modal

(a) Pembukaan 'Brandshop'

Kami ingin memperuntukkan kira-kira RM5.0 juta atau 2.7% daripada jumlah perolehan kasar daripada Terbitan Awam ke arah pengenalan dan pembukaan 10 kedai Jenama CUCKOO “cash and carry” (“**CUCKOO Brandshop**”) dalam tempoh dua tahun akan datang, selaras dengan strategi kami untuk mengembangkan rangkaian pengedaran saluran omni kami. Kami ingin mengendalikan dan menguruskan CUCKOO Brandshop ini secara langsung.

CUCKOO Brandshop akan membolehkan kami memenuhi keperluan pelanggan yang ingin membeli dan mengumpul produk dengan segera selepas pembayaran penuh. Setakat LPD, tidak ada cawangan sedia ada kami yang menyediakan kaedah penjualan dan pengumpulan produk Jenama CUCKOO ini. Brandshop ini berkeluasan sekurang-kurangnya 1,000 kaki persegi bagi membolehkan kami memaparkan rangkaian penuh produk Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created kami, dan menyimpan produk yang lebih kecil untuk dijual. Selain itu, kami juga ingin menjalankan demonstrasi produk di CUCKOO Brandshop. Kami juga akan menyediakan perkhidmatan pembaikan dan pertukaran periuk nasi Jenama CUCKOO di Brandshop ini untuk memberikan pengalaman pelanggan yang lebih baik. Brandshop ini akan dikendalikan dan diuruskan oleh pekerja tetap kami, kerana CUCKOO Brandstores dan CUCKOO Brandkiosk sedia ada kami dikendalikan dan diuruskan oleh Pengurus Jualan yang terdiri daripada pekerja kontrak.

Sila rujuk kepada Seksyen 7.4.2 Prospektus ini untuk butiran lanjut tentang rancangan pengembangan rangkaian pengedaran saluran omni, termasuk pengenalan CUCKOO Brandshop kami. Kami ingin membuka (i) tiga CUCKOO Brandshop pada tahun 2025 di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor. Kos penubuhannya dianggarkan berjumlah RM1.5 juta; dan (ii) tujuh CUCKOO Brandshop pada 2026 di Sabah, Selangor, Melaka, Perak, Kedah, Kelantan dan Terengganu, di mana kos penubuhannya dianggarkan

4. BUTIRAN IPO KAMI

berjumlah RM3.5 juta. Lokasi Brandshop tertakluk kepada perubahan selaras dengan semakan berterusan berdasarkan faktor-faktor di bawah.

Faktor yang akan diambil kira semasa memilih lokasi untuk Brandshop kami termasuk:

- (a) terma sewa kedai termasuk tempoh penyewaan yang ditawarkan;
- (b) keterlihatan dan kebolehcapaian cawangan oleh pelanggan sedia ada dan bakal pelanggan
- (c) kos persediaan untuk cawangan; dan
- (d) nilai strategik lokasi.

Kami telah menganggarkan kos indikatif untuk pembukaan sepuluh Brandshop berjumlah kira-kira RM5.0 juta. Pecahan untuk anggaran kos penyediaan bagi satu Brandshop yang mempunyai keluasan kira-kira 3,000 kaki persegi adalah seperti berikut:

Butiran	Persediaan Pertama (RM'000)
Kos persediaan (pengubahsuaian)	400
Deposit utiliti	21
Deposit sewa	64
Kos lain	15
Jumlah	500

Jika jumlah sebenar yang diperlukan untuk pembukaan Brandshop adalah lebih rendah daripada anggaran, lebih itu akan digunakan sebagai modal untuk membiayai pembelian produk untuk pengembangan perniagaan sewa kami. Sebaliknya, jumlah lebihan yang diperlukan untuk pembukaan Brandshop akan dibiayai daripada jumlah yang diperuntukkan untuk modal bagi membiayai pembelian produk untuk pengembangan perniagaan sewa kami.

(b) **Penaikan taraf sistem IT**

Kami ingin memperuntukkan kira-kira RM5.6 juta atau 3.0% daripada jumlah perolehan kasar daripada Terbitan Awam untuk menaik taraf sistem IT semasa kami dengan (i) mempertingkatkan sistem pengurusan gudang dalaman kami; (ii) menyediakan pelayan fizikal; dan (iii) mempertingkatkan keupayaan pelayan awan peribadi sedia ada kami dengan memindahkan data ke pelayan awan awam.

Sistem pengurusan gudang semasa Kumpulan kami melibatkan pasukan gudang kami memasukkan penerimaan stok ke dalam perancangan sistem sumber perusahaan ("ERP") kami secara manual. Sila lihat Seksyen 7.8.3 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai sistem pengurusan gudang kami. Kami ingin meningkatkan sistem pengurusan gudang dalaman melalui pengenalan sistem kod bar yang akan dibangunkan oleh jabatan IT dalaman kami dan dilaksanakan sepenuhnya menjelang akhir 2025. Sistem kod bar akan mengautomatiskan penerimaan resit stok ke dalam sistem ERP kami dan pengesanan produk. Sistem kod bar akan dilaksanakan secara berperingkat di semua gudang kami di seluruh Malaysia. Ini akan menyelaraskan operasi dan proses kami yang diperlukan untuk menyokong pertumbuhan perniagaan kami.

4. BUTIRAN IPO KAMI

Selanjutnya, kami juga ingin menyediakan pelayan fizikal sebagai tambahan kepada pelayan awan sedia ada kami untuk meningkatkan keselamatan data dan untuk memberi layanan kepada pangkalan pelanggan kami yang semakin meningkat. Pelayan fizikal membolehkan kami mengurus akses. Penyimpanan data yang disimpan dalam pelayan fizikal adalah lebih baik, dan mengurangkan kelemahan keselamatan tertentu kerana pelayan fizikal ini tidak dikongsi dengan pengguna lain. Di samping itu, pelayan fizikal bertindak sebagai sandaran data kami yang disimpan di pelayan awan dan harus membantu untuk memastikan kesinambungan perniagaan sekiranya berlaku sebarang serangan siber pada pelayan awan.

Selain itu, berbanding pelayan awan peribadi sedia ada kami, pelayan awan awam menawarkan skalabiliti yang lebih baik untuk memenuhi keperluan pemprosesan dan penyimpanan data kami yang semakin meningkat. Pelayan awan awam yang kami ingin gunakan juga akan meningkatkan kelajuan pelayan apabila menambah pengguna baharu pada aplikasi mudah alih CUCKOO+ kami, mengurangkan penggunaan tenaga dan meningkatkan pemulihan waktu henti dan kelajuan pemprosesan pelayan semasa lonjakan trafik yang mendadak.

Sila rujuk kepada Seksyen 7.4.3 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai rancangan kami berkenaan meningkatkan kecekapan operasi dan keupayaan kami untuk berkhidmat kepada pasaran yang lebih besar.

Anggaran kos untuk menaik taraf sistem IT, berdasarkan sebut harga yang diperoleh daripada vendor, adalah seperti berikut:

Butiran	Anggaran kos (RM'000)
Penambahbaikan sistem pengurusan gudang (pelaksanaan sistem kod bar yang dibangunkan secara dalaman)	
- Kos persediaan termasuk kos perkakasan	1,990
- Perisian dan tenaga kerja	1,480
Persediaan dan peningkatan pelayan	
- Persediaan pada suku ketiga 2025, dan langganan lesen dan penyelenggaraan pelayan fizikal sehingga suku ketiga 2027	360
- Persediaan pelayan awan awam oleh penyedia perkhidmatan pada suku kedua 2025, dan langganan lesen dan penyelenggaraan pelayan awan sehingga suku kedua 2027	1,770
Jumlah	5,600

Jika jumlah sebenar yang diperlukan untuk menaik taraf sistem IT kami adalah lebih rendah daripada yang dianggarkan, lebihan itu akan digunakan sebagai modal untuk membiayai pembelian produk untuk pengembangan perniagaan sewa kami. Sebaliknya, sebarang jumlah lebihan yang diperlukan untuk penaikan taraf sistem IT kami akan dibiayai daripada jumlah yang diperuntukkan untuk modal digunakan yang untuk membiayai pembelian produk bagi pengembangan perniagaan sewa kami.

4. BUTIRAN IPO KAMI

4.5.4 Pengembangan CUCKOO Singapore

Kami berhasrat untuk memperuntukkan sejumlah kira-kira RM10.0 juta atau 5.4% daripada jumlah perolehan kasar daripada Terbitan Awam untuk membiayai pengembangan perniagaan kami di Singapura. Perolehan sedemikian dijangka akan membiayai operasi harian CUCKOO Singapore yang merangkumi pengembangan rangkaian pengedaran jualan CUCKOO Singapore dan menjalankan lebih banyak kempen jualan dan promosi untuk membina pertalian jenama yang lebih kukuh, serta mempelbagaikan tawaran produk untuk memenuhi permintaan pengguna di Singapura. Sila lihat Seksyen 7.4.2 Prospektus ini untuk melihat rancangan kami untuk meningkatkan titik sentuh pelanggan, termasuk membuka cawangan runcit dan mengembangkan saluran pengedaran kami di Singapura.

Pengiraan anggaran kos rancangan pengembangan adalah seperti berikut:

Item	Anggaran kos (RM'juta)	Anggaran jangka masa untuk penggunaan daripada tarikh Penyenaraian kami
Iklan dan promosi	6.1	Dalam tempoh 24 bulan
Persediaan dan penyelenggaraan stor	1.2	Dalam tempoh 24 bulan
Perbelanjaan operasi	2.7	Dalam tempoh 24 bulan
Jumlah	10.0	

Perolehan yang diperuntukkan akan didenominasi dalam RM manakala penggunaan perolehan untuk rancangan pengembangan di Singapura adalah dalam SGD. Jika jumlah RM sebenar yang diperlukan adalah lebih tinggi daripada jumlah RM yang dinyatakan di atas disebabkan oleh pergerakan dalam kadar pertukaran, defisit akan dibiayai melalui dana yang dijana secara dalaman. Walau bagaimanapun, jika jumlah RM sebenar yang diperlukan pada tarikh pembayaran adalah lebih rendah daripada jumlah RM yang ditetapkan di atas disebabkan oleh pergerakan dalam kadar pertukaran, lebihan tersebut akan digunakan sebagai modal untuk membiayai pembelian produk untuk pengembangan perniagaan sewa kami.

Jika jumlah sebenar yang diperlukan untuk pengembangan perniagaan di Singapura adalah lebih rendah daripada yang dianggarkan, lebihan itu akan digunakan sebagai modal untuk membiayai pembelian produk untuk pengembangan perniagaan sewa kami. Sebaliknya, sebarang lebihan jumlah yang diperlukan untuk pengembangan perniagaan di Singapura akan dibiayai daripada jumlah yang diperuntukkan untuk modal untuk membiayai pembelian produk bagi pengembangan perniagaan sewa kami.

4. BUTIRAN IPO KAMI

4.5.5 Anggaran perbelanjaan penyenaian

Kami berhasrat untuk memperuntukkan sejumlah kira-kira RM19.5 juta atau 10.6% daripada perolehan Terbitan Awam untuk membiayai anggaran perbelanjaan penyenaian yang terdiri daripada yang berikut:

Butiran	RM'juta
Yuran profesional ⁽¹⁾	11.9
Yuran kepada pihak berkuasa	1.1
Komisen penaja jaminan, yuran pembrokeran dan yuran penempatan	4.5
Yuran dan perbelanjaan lain yang berkaitan Penyenaian dan luar jangka kami ⁽²⁾	2.0
Jumlah	19.5

Nota-nota:

- (1) Ini termasuk yuran nasihat untuk, antara lain, Penasihat Utama Tunggal, penasihat undang-undang, Akauntan Melapor dan IMR kami.
- (2) Ini termasuk caj sampingan lain atau perbelanjaan berkaitan Terbitan Awam.

Jika jumlah sebenar yang diperlukan untuk membayar anggaran perbelanjaan penyenaian adalah lebih rendah daripada yang dianggarkan, lebihan tersebut akan digunakan sebagai modal untuk membiayai pembelian produk bagi pengembangan perniagaan sewa kami. Sebaliknya, sebarang jumlah lebihan yang diperlukan untuk membayar anggaran perbelanjaan penyenaian akan dibiayai daripada jumlah yang diperuntukkan untuk modal untuk membiayai pembelian produk bagi pengembangan perniagaan sewa kami.

4.6 KOMISEN PENAJA JAMINAN, PEMBROKERAN DAN YURAN PENEMPATAN

4.6.1 Yuran pembrokeran

Kami akan membayar yuran pembrokeran Saham Terbitan kami di bawah Tawaran Runcit pada kadar 1.0% (tidak termasuk cukai terpakai) daripada Harga Runcit Akhir dengan semua permohonan yang berjaya yang mengandungi cop sama ada organisasi yang mengambil bahagian dalam Bursa Securities, ahli Persatuan Bank-bank dalam Malaysia, ahli Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia dan/atau Rumah Terbitan.

Penyelaras Global Bersama dan Bookrunner Bersama berhak mengenakan komisen pembrokeran kepada pemohon yang berjaya di bawah Tawaran Institusi. Untuk mengelakkan keraguan, komisen pembrokeran yang berada di bawah Tawaran Institusi tidak akan dibayar oleh kami atau Pemegang Saham Menjual.

4.6.2 Komisen Penaja Jaminan

Seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian Penaja Jaminan Runcit, kami akan membayar komisen penaja jaminan 1.6% (tidak termasuk cukai terpakai) kepada Penaja Jaminan dan Penaja Jamin Bersama daripada Harga Runcit yang didarab dengan jumlah bilangan Saham IPO yang ditaja jamin di bawah Tawaran Runcit.

4. BUTIRAN IPO KAMI

4.6.3 Yuran Penempatan

Kami dan Pemegang Saham Menjual akan membayar yuran penempatan sebanyak 1.5% (tidak termasuk cukai terpakai) kepada Penyelaras Global Bersama dan Bookrunner Bersama dan boleh membayar yuran budi bicara sehingga 0.5% (tidak termasuk cukai terpakai) daripada Harga Institusi yang didarab dengan bilangan Saham IPO yang diletakkan kepada pelabur Malaysia dan asing mengikut perjanjian penempatan dan pelabur terpilih.

4.7 BUTIRAN PENAJA JAMINAN, PENEMPATAN DAN PENGATURAN BERKUNCI

4.7.1 Penaja jamin

Kami telah pada 10 Mac 2025, menandatangani Perjanjian Penaja Jaminan dengan Penaja Jamin Bersama kami untuk menaja jamin 42,984,000 Saham Terbitan di bawah Tawaran Runcit, secara berasingan dan tidak bersama (atau bersama dan berasingan) tertakluk kepada peruntukan penarikan balik dan pengagihan semula seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.1.4 Prospektus ini dan atas terma dan syarat Perjanjian Penaja Jaminan Runcit.

Syarat-syarat penting Perjanjian Penaja Jaminan Runcit adalah seperti berikut:

- (i) obligasi menaja jamin Penaja Jamin Pengurusan dan Penaja Jamin Bersama adalah tertakluk kepada syarat terdahulu tertentu yang perlu dipatuhi atau dikecualikan pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan atau jika tiada yang dinyatakan, pada atau sebelum tarikh tutup Tawaran Runcit ("**Tarik Tutup**"), seperti yang dinyatakan dalam Prospektus ini. Setakat yang dibenarkan undang-undang, Penaja Jamin Pengurusan (bertindak bagi pihak sendiri dan Penaja Jamin Bersama), boleh atas budi bicara tunggalnya (setelah berunding dengan Penaja Jamin Bersama) mengecualikan pematuhan mana-mana syarat terdahulu atau melanjutkan tarikh akhir untuk mematuhi mana-mana yang sama;
- (ii) Penaja Jamin Pengurusan (untuk dan bagi pihak Penaja Jamin Bersama) boleh pada bila-bila masa sebelum tarikh Penyenaraian, menamatkan, membatalkan dan menarik balik komitmen menaja jamin masing-masing dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat kami, jika:
 - (a) terdapat sebarang pelanggaran atau kegagalan pada pihak Syarikat kami untuk melaksanakan sebarang obligasi yang terkandung dalam Perjanjian Penaja Jaminan Runcit yang tidak dapat dipulihkan atau, jika dapat dipulihkan, tidak dipulihkan kepada kepuasan Penaja Jamin Pengurusan dalam masa tujuh "**Hari Perniagaan**" (merupakan sebarang hari (selain daripada Sabtu, Ahad atau hari lain yang merupakan cuti umum di Kuala Lumpur) atau di mana Bursa Securities dibuka untuk perdagangan sekuriti dan bank dibuka untuk perniagaan perbankan am di Kuala Lumpur) dari masa penerimaan notis pelanggaran diberi kepada Syarikat kami oleh Penaja Jamin Pengurusan (setelah berunding dengan, dan bagi pihak Penaja Jamin Bersama) atau tarikh lain yang pihak-pihak bersetuju bersama secara bertulis, tetapi dalam sebarang keadaan tidak melebihi Tarikh Tutup;

4. BUTIRAN IPO KAMI

- (b) berlakunya sebarang kejadian atau penemuan sebarang fakta atau keadaan yang menjadikan mana-mana waranti yang dinyatakan dalam Perjanjian Penaja Jaminan Runcit tidak benar, tidak tepat, tidak betul atau mengelirukan atau tidak lagi menjadi benar, tepat dan betul atau menjadi mengelirukan, dalam sebarang aspek atau mana-mana antara aku janji yang dibuat oleh Syarikat kami di bawah Perjanjian Penaja Jaminan Runcit tidak dipatuhi, dilanggar dan / atau gagal dilaksanakan dalam sebarang aspek yang tidak dapat dipulihkan atau, jika dapat dipulih, tidak dipulihkan kepada kepuasan Penaja Jamin Pengurusan dalam masa tujuh Hari Perniagaan dari masa penerimaan notis pelanggaran demikian diberi kepada Syarikat kami oleh Penaja Jamin Pengurusan (setelah berunding dengan, dan bagi pihak Penaja Jamin Bersama) atau tarikh lain di mana pihak-pihak kepada Perjanjian Penaja Jaminan Runcit boleh bersetuju bersama secara bertulis, tetapi dalam sebarang keadaan, tidak melebihi Tarikh Tutup:
- (c) Syarikat kami menahan sebarang maklumat daripada Penaja Jamin Pengurusan dan Penaja Jamin Bersama, yang mempunyai "**Kesan Buruk Material**" (merupakan sebarang kejadian, perkembangan atau peristiwa, atau siri kejadian, perkembangan atau peristiwa, yang, pada pendapat tunggal dan munasabah Penaja Jamin Pengurusan, boleh atau dijangka mempunyai kesan buruk material (termasuk sebarang kesan buruk material prospektif) atau perubahan, sama ada secara individu atau dalam agregat, dan sama ada atau tidak terhasil dalam perjalanan biasa perniagaan, atau pada mana-mana yang berikut: (A) keadaan (kewangan atau sebaliknya), komitmen kontrak, pengurusan, hal-ehwal umum, perniagaan, aset, kecairan, liabiliti, prospek, pendapatan, aku janji, ekuiti pemegang saham, hartanah atau keputusan operasi Kumpulan kami, diambil secara keseluruhan, atau Syarikat Kami; (B) keupayaan Syarikat kami atau mana-mana Pemegang Saham Menjual untuk melaksanakan obligasi kami atau mereka di bawah atau berkaitan dengan, atau untuk menyempurnakan urus niaga yang dipertimbangkan oleh, Prospektus ini atau Perjanjian Penaja Jaminan Runcit, Perjanjian Penempatan, setiap pengaturan berkunci, Perjanjian Penempatan Utama Induk, dan setiap perjanjian pelaburan asas individu (secara bersama "**Perjanjian-perjanjian Urus Niaga**"); (C) keupayaan Syarikat kami atau mana-mana anak syarikat kami untuk menjalankan perniagaan kami dan untuk memiliki atau menyewa aset dan harta kami atau aset dan hartanya seperti digambarkan dalam Prospektus ini; atau (D) IPO kami termasuk tetapi tidak terhad kepada kejayaan IPO kami atau pengagihan atau penjualan Saham IPO kami menurut IPO kami);
- (d) pada pendapat tunggal dan munasabah Penaja Jamin Pengurusan, telah berlaku, terjadi atau menjadi berkesan sebarang kejadian atau siri kejadian di luar kawalan munasabah Syarikat kami, Penaja Jamin Pengurusan dan Penaja Jamin Bersama disebabkan "**Force Majeure**" (seperti ditakrifkan di sini) yang akan mempunyai Kesan Buruk atau akan ataupun mungkin menjadikan sebarang obligasi di bawah Perjanjian Penaja Jaminan Runcit tidak dapat dilaksanakan menurut termannya. "**Force Majeure**" ertinya sebab yang tidak dapat dijangka dan di luar kawalan munasabah pihak yang menuntut Force Majeure yang tidak dapat dielakkan atau dihalang melalui ramalan, perancangan dan pelaksanaan munasabah termasuk tetapi tidak terhad kepada:
1. perang, tindakan peperangan, sabotaj, permusuhan, serangan, pencerobohan dengan kekerasan bersenjata, tindakan tentera, negara atau musuh, perang saudara atau kekecohan, perampasan, keganasan;

4. BUTIRAN IPO KAMI

2. rusuhan, pemberontakan terhadap pihak berkuasa yang ditubuhkan, kekecohan awam, gangguan, pemberontakan, penentangan bersenjata terurus terhadap kerajaan, pemberontakan, pengambilalihan tentera atau rampasan kuasa;
 3. bencana alam termasuk tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, kebakaran, ribut, petir, badai, letupan, kemalangan, atau bencana alam lain; atau
 4. sebarang kejadian tempatan, negara atau antarabangsa atau cetusan penyakit, atau pandemik (termasuk sebarang kemerosotan material pandemik atau endemik COVID-19 sedia ada) epidemik, pelaksanaan perintah berkurung atau langkah-langkah serupa untuk mengawal penyebaran sebarang epidemik, sebarang cetusan atau peningkatan material permusuhan atau kecemasan negara, sama ada peperangan telah diisytiharkan atau tidak, pemberontakan atau konflik bersenjata atau kejadian keganasan (sama ada atau tidak melibatkan pasaran kewangan), berlakunya sebarang malapetaka atau krisis atau kecemasan lain atau mana-mana kejadian atau siri kejadian bersifat force majeure, atau kemerosotan mana-mana keadaan sedemikian;
- (e) telah berlakunya sebarang rekuisisi kerajaan yang akan mempunyai Kesan Buruk Material;
- (f) telah berlakunya sebarang perubahan buruk material dalam pasaran monetari, kewangan dan modal negara atau antarabangsa (termasuk keadaan pasaran saham dan kadar faedah), keadaan politik atau ekonomi atau kawalan pertukaran atau kadar pertukaran mata wang yang akan mempunyai Kesan Buruk Material, atau akan mempunyai atau berkemungkinan mempunyai kesan buruk material (sama ada dalam pasaran utama atau berhubung dengan urusan di pasaran sekunder) terhadap nilai atau harga Saham IPO kami. Bagi mengelak sebarang keraguan, dan tanpa menjejaskan yang di atas, jika FTSE Bursa Malaysia KLCI ("**Indeks**") adalah, pada penutupan perdagangan biasa di Bursa Securities pada mana-mana Hari Pasaran:
1. pada atau sebelum tarikh Perjanjian Penaja Jaminan Runcit; dan
 2. sebelum Tarikh Tutup.
- kurang daripada 90% paras Indeks pada penutupan terakhir perdagangan biasa di bursa relevan pada Hari Pasaran sejurus sebelum tarikh Perjanjian Penaja Jaminan Runcit dan kekal pada atau lebih rendah daripada paras tersebut untuk sekurang-kurangnya tiga Hari Pasaran berturut-turut, ia akan dianggap sebagai perubahan buruk material dalam keadaan pasaran saham;
- (g) perdagangan dalam saham atau sekuriti secara amnya di Bursa Securities, Singapore Exchange Securities Trading Limited, Bursa Saham Hong Kong, Nasdaq, Bursa Saham New York atau Bursa Saham London PLC, telah disekat atau digantung atau harga minimum telah ditubuhkan di Bursa Securities, Singapore Exchange Securities Trading Limited, Bursa Saham Hong Kong, Bursa Saham New York atau Bursa Saham London untuk tiga Hari Pasaran berturut-turut atau lebih;

4. BUTIRAN IPO KAMI

- (h) telah diumumkan atau dikuatkuasakan sebarang undang-undang baharu atau perubahan dalam undang-undang dalam mana-mana bidang kuasa, pentafsiran atau pemakaian oleh mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa relevan yang boleh: (i) mempunyai Kesan Buruk Material; atau (ii) pada pendapat tunggal dan munasabah Penaja Jamin Pengurusan, menjejaskan kejayaan IPO kami atau Penyenaraian atau yang akan mempunyai atau berkemungkinan mempunyai kesan menjadikannya tidak praktik untuk menguatkuasakan kontrak untuk mengumpul dan / atau memindahkan Saham IPO kami atau menjadikan sebarang obligasi di bawah Perjanjian Penaja Jaminan Runcit tidak dapat dilaksanakan menurut termanya;
- (i) IPO kami dihentikan atau dilewatkan oleh Syarikat kami atau mana-mana pihak berkuasa relevan atas sebarang sebab sama sekali (kecuali kelewatan demikian telah diluluskan oleh Penaja Jamin Pengurusan);
- (j) Tarikh Tutup tidak berlaku menjelang 10 April 2025 atau tarikh lanjutan lain seperti yang boleh dipersetujui secara bertulis oleh Penaja Jamin Pengurusan;
- (k) Penyenaraian tidak berlangsung menjelang 22 Mei 2025 atau tarikh lanjutan lain seperti yang boleh dipersetujui secara bertulis oleh Penaja Jamin Pengurusan;
- (l) sebarang permulaan prosiding undang-undang, siasatan, pertanyaan atau tindakan rasmi terhadap mana-mana ahli Kumpulan kami atau mana-mana pengarah atau pegawai eksekutif Kumpulan kami, atau mana-mana antara Pemegang Saham Menjual, yang akan mempunyai Kesan Buruk Material atau pada pendapat tunggal dan munasabah Penaja Jamin Pengurusan, menjadikannya tidak praktik untuk memasarkan IPO kami atau menguatkuasakan kontrak untuk mengumpul dan / atau memindah Saham IPO kami;
- (m) sebarang pelanggaran mana-mana antara obligasi Syarikat kami atau Pemegang Saham Menjual di bawah mana-mana satu Perjanjian Urus Niaga yang mempunyai Kesan Buruk Material;
- (n) mana-mana satu antara Perjanjian Urus Niaga (i) setelah ditamatkan atau ditarik balik menurut termanya; (ii) tidak lagi mempunyai sebarang kesan sama sekali, atau (iii) ditukar atau ditambah termanya dan penukaran atau penambahan demikian akan mempunyai Kesan Buruk Material;
- (o) mana-mana antara resolusi atau kelulusan berhubung dengan antara lain, IPO kami, Penyenaraian, urus niaga yang dipertimbangkan oleh setiap daripadanya (termasuk pelaksanaan Perjanjian Penaja Jaminan Runcit), pengumpulan dan penerbitan Saham Terbitan dan penerbitan, pendaftaran dan penyerahan Prospektus, dibatalkan, ditarik balik, digantung atau tidak lagi mempunyai sebarang kesan sama sekali, atau ditukar atau ditambah termanya yang akan mempunyai Kesan Buruk Material;
- (p) jika Penyenaraian ditarik balik atau tidak diperoleh atau diperoleh tetapi tertakluk kepada syarat yang tidak dapat diterima oleh Penaja Jamin Pengurusan;

4. BUTIRAN IPO KAMI

- (q) jika SC atau mana-mana pihak berkuasa relevan lain mengeluarkan perintah menurut undang-undang Malaysia, atau larangan ke atas Syarikat kami atau mana-mana antara Pemegang Saham Menjual telah dikenakan atas sebarang sebab, supaya menjadikannya tidak praktik untuk memasarkan IPO kami atau menguatkuasakan kontrak untuk mengumpul, menjual dan / atau memindahkan Saham IPO kami;
- (r) sebarang penyata fakta material yang terkandung dalam Prospektus ini dan permohonan atau borang untuk Saham IPO kami di bawah Tawaran Runcit yang menyertai Prospektus ini ("**Dokumen Tawaran**") telah menjadi atau didapati adalah tidak benar, tidak tepat atau mengelirukan dalam sebarang aspek, atau perkara-perkara telah timbul atau disedari yang akan, jika mana-mana antara Dokumen Tawaran diterbitkan pada masa itu, menjadi pengabaian material daripadanya;
- (s) pada pendapat tunggal dan munasabah Penaja Jamin Pengurusan, terdapat perubahan atau perkembangan dalam undang-undang pencukaaian, pelaburan asing atau kawalan pertukaran mata wang di Malaysia, atau Singapura atau pengumuman perubahan atau perkembangan sedemikian yang akan mempunyai Kesan Buruk Material;
- (t) moratorium perbankan telah diisytiharkan oleh pihak berkuasa relevan di Malaysia, Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah (atau mana-mana ahlinya) atau United Kingdom, atau gangguan aktiviti perbankan komersil, perdagangan pertukaran asing atau penyelesaian sekuriti atau perkhidmatan penyelesaian telah berlaku di Malaysia, Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah (atau mana-mana ahlinya) atau United Kingdom yang akan mempunyai Kesan Buruk Material;
- (u) sebarang moratorium, penggantungan atau sekatan (termasuk, tanpa had, sebarang penganan atau keperluan untuk sebarang had harga minimum atau maksimum atau julat harga) dalam atau pada perdagangan mana-mana sekuriti Syarikat kami atau mana-mana sekutu Syarikat kami yang tersenarai atau disebut harga di bursa saham atau pasaran tanpa kaunter; atau
- (v) sebarang kejadian lain di mana Kesan Buruk Material telah berlaku atau berkemungkinan berlaku.

4.7.2 Penempatan

Kami dan Pemegang Saham Menjual dijangka akan memeterai Perjanjian Penempatan dengan Penyelaras Global Bersama dan Bookrunner Bersama berhubung dengan penempatan sehingga 322,380,000 Saham IPO di bawah Tawaran institusi, tertakluk kepada peruntukan penarikan balik dan pengagihan semula seperti dinyatakan dalam Seksyen 4.1.4 Prospektus ini. Kami dan Pemegang Saham Menjual akan diminta, dalam beberapa asas, untuk memberikan pelbagai representasi, waranti dan aku janji, dan untuk menanggung rugi Penyelaras Global Bersama dan Bookrunner Bersama kami terhadap liabiliti tertentu berkaitan dengan IPO kami. Terma Perjanjian Penempatan adalah tertakluk kepada rundingan dan mungkin termasuk peristiwa penamatan yang berbeza daripada yang berada di bawah Perjanjian Penaja Jaminan Runcit seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.7.1 Prospektus ini.

4. BUTIRAN IPO KAMI

4.7.3 Pengaturan Berkunci

- (i) Kami telah bersetuju bahawa tertakluk kepada tawaran di bawah IPO kami dan pengecualian tertentu, kami tidak akan tanpa persetujuan bertulis terdahulu Penyelaras Global Bersama dan Bookrunner Bersama, pada dan dari tarikh surat berkunci sehingga tarikh enam bulan dari tarikh Penyenaaraian ("**Tarikh Penyenaaraian**") ("**Tempoh Berkunci**"), secara langsung atau tidak langsung, bersyarat atau tanpa syarat:
- (a) menerbit, mengumpul, menawarkan, menggadai, menjual, memasuki kontrak untuk menjual, memajak, mencagar, menyerahkan hak, menerbit atau menjual sebarang opsiyen atau kontrak untuk membeli, membeli sebarang opsiyen atau kontrak untuk menjual, memberi atau bersetuju untuk memberi sebarang opsiyen, hak, kontrak atau waran untuk membeli atau melanggan, atau mewujudkan sebarang beban ke atas, meminjamkan, hipotek atau sebaliknya memindahkan atau melupus, atau bersetuju untuk memindahkan atau melupus mana-mana Saham termasuk sebarang kepentingan dalamnya (atau mana-mana sekuriti boleh ditukar menjadi atau boleh dilaksanakan atau boleh ditukar untuk Saham kami atau terutamanya serupa dengan, Saham kami) termasuk mana-mana Saham yang dipegang dalam perbendaharaan (A) yang kami pegang pada tarikh surat berkunci dan (B) yang kami peroleh selepas tarikh surat berkunci, selain daripada menurut IPO kami, tidak kira sama ada urusan niaga sedemikian akan dijelaskan dengan penghantaran mana-mana Saham atau sekuriti lain, secara tunai atau sebaliknya;
 - (b) memasuki sebarang perjanjian pertukaran, perlindungan atau derivatif atau perjanjian, urusan niaga atau pengaturan lain yang memindahkan kepada orang lain, secara keseluruhan atau sebahagiannya, mana-mana antara kesan ekonomi pemilikan Saham kami (atau mana-mana sekuriti yang boleh ditukar atau boleh dilaksanakan atau boleh ditukar untuk atau yang mewakili hak untuk menerima atau terutamanya serupa dengan, Saham kami) tidak kira sama ada mana-mana urusan niaga sedemikian akan dijelaskan dengan penghantaran mana-mana Saham atau sekuriti lain, secara tunai atau sebaliknya.
 - (c) mendeposit mana-mana antara Saham kami (atau mana-mana sekuriti boleh ditukar atau boleh ditukar untuk atau yang membawa hak untuk melanggan atau membeli atau yang mewakili hak untuk menerima atau terutamanya serupa dengan, Saham kami) dalam mana-mana kemudahan penerimaan depositori.
 - (d) bersetuju untuk melakukan atau mengumumkan sebarang tujuan untuk melakukan mana-mana antara yang di atas atau tawaran atau penjualan, mana-mana antara Saham kami (atau mana-mana sekuriti lain yang boleh dilaksanakan atau boleh ditukar untuk atau boleh ditukar menjadi atau yang mewakili hak untuk menerima, atau terutamanya serupa dengan, Saham demikian) atau sebarang kepentingan dalamnya atau berhubung dengannya, berkaitan dengan yang di atas; atau
 - (e) bersetuju untuk memasuki atau memberi kesan, atau memasuki atau memberi kesan kepada sebarang urusan niaga dengan kesan ekonomi sama seperti mana-mana urusan niaga yang digambarkan dalam Seksyen 4.7.3(i)(a) hingga (d) di atas.

4. BUTIRAN IPO KAMI

- (ii) Pemegang Saham Menjual, melainkan Mak Foong Ling yang tidak akan memegang sebarang Saham selepas IPO kami, telah bersetuju bahawa tertakluk kepada tawaran di bawah IPO kami dan pengecualian tertentu, mereka tidak akan tanpa persetujuan bertulis terdahulu Penyelaras Global Bersama dan Bookrunner Bersama, semasa Tempoh Berkunci, secara langsung atau tidak langsung, bersyarat atau tanpa syarat:
- (a) menawar, menggadai, menjual, memasuki kontrak untuk menjual, memajak, mencagar, menyerahkan hak, menerbit atau menjual sebarang opsiyen atau kontrak untuk membeli, membeli sebarang opsiyen atau kontrak untuk menjual, memberi atau bersetuju untuk memberi sebarang opsiyen, hak, kontrak atau waran untuk membeli atau melanggan, atau mewujudkan sebarang beban ke atas, meminjamkan, hipotek atau sebaliknya memindahkan atau melupus, atau bersetuju untuk memindahkan atau melupus mana-mana Saham termasuk sebarang kepentingan dalamnya (atau mana-mana sekuriti boleh ditukar menjadi atau boleh dilaksanakan atau boleh ditukar untuk Saham atau terutamanya serupa dengan, Saham) (i) yang mereka pegang pada tarikh surat berkunci dan (ii) diperoleh oleh mereka selepas tarikh surat berkunci dan sehingga dan termasuk Tarikh Penyenaian (selain daripada Saham yang ditawarkan dan dijual oleh Pemegang saham (sebagai pemegang saham menjual) berhubung dengan IPO kami, (bersama "**Saham Relevan**"), tidak kira sama ada sebarang urusan niaga sedemikian akan dijelaskan dengan penghantaran mana-mana Saham Relevan atau sekuriti lain, secara tunai atau sebaliknya.
 - (b) memasuki sebarang perjanjian pertukaran, perlindungan atau derivatif atau perjanjian, urusan niaga atau pengaturan lain yang memindahkan kepada orang lain, secara keseluruhan atau sebahagiannya, mana-mana antara kesan ekonomi pemilikan Saham Relevan (atau mana-mana sekuriti boleh ditukar atau boleh dilaksanakan atau boleh ditukar untuk atau yang mewakili hak untuk menerima atau terutamanya serupa dengan, Saham Relevan) tidak kira sama ada mana-mana urusan niaga sedemikian akan dijelaskan dengan penghantaran mana-mana Saham Relevan atau sekuriti lain, secara tunai atau sebaliknya.
 - (c) mendeposit mana-mana antara Saham Relevan (atau mana-mana sekuriti boleh ditukar atau boleh ditukar untuk atau yang membawa hak untuk melanggan atau membeli atau yang mewakili hak untuk menerima atau terutamanya serupa dengan, Saham Relevan) dalam mana-mana kemudahan penerimaan depositori;
 - (d) bersetuju untuk melakukan atau mengumumkan sebarang tujuan untuk melakukan mana-mana antara yang di atas atau tawaran atau penjualan, mana-mana antara Saham Relevan (atau mana-mana sekuriti lain yang boleh dilaksanakan atau boleh ditukar untuk atau boleh ditukar menjadi atau yang mewakili hak untuk menerima, atau terutamanya serupa dengan, Saham Relevan demikian) atau sebarang kepentingan dalamnya atau berhubung dengannya, berkaitan dengan yang di atas;
 - (e) menjual, memindah atau sebaliknya melupuskan sebarang kepentingan dalam sebarang saham dalam mana-mana syarikat atau entiti lain yang dikawal oleh mereka yang secara langsung, atau melalui syarikat lain atau entiti lain secara tidak langsung, pemilik benefisial Saham Relevan; atau

4. BUTIRAN IPO KAMI

- (f) bersetuju untuk memasuki atau memberi kesan, atau memasuki atau memberi kesan kepada sebarang urusan niaga dengan kesan ekonomi sama seperti mana-mana urusan niaga yang digambarkan dalam Seksyen 4.7.3(ii)(a) hingga (e) di atas.

Tambahan lagi, Hoe Kian Choon, Toh Seng Lee, Goh Hui Teng, Lye Siew Lay, Tan Yu Liang dan Mak Wai Hoong bersetuju bahawa selepas luputnya Tempoh Berkunci, sekatan dalam Seksyen 4.7.3(ii)(a) akan kekal terpakai terhadap Saham Relevan dari tarikh luput Tempoh Berkunci ("**Tarikh Luput Tempoh Berkunci**") sehingga tarikh 18 bulan dari Tarikh Luput Tempoh Berkunci ("**Tempoh Berkunci Kedua**"), kecuali bahawa Tempoh Berkunci Kedua tidak akan terpakai jika mana-mana Saham Relevan akan dicagar atau digadai kepada institusi kewangan Malaysia yang dikawal oleh BNM ("**MFI**") bagi tujuan memperoleh pembiayaan peribadi dengan syarat bahawa pemegang saham tersebut akan memastikan bahawa ianya syarat dalam pengaturannya pembiayaan dengan MFI bahawa CKH akan diberi hak penolakan pertama untuk memperoleh Saham Relevan yang tertakluk kepada cagaran atau gadaian tersebut, jika MFI membuat panggilan terhadap cagaran atau gadaian menurut terma pengaturannya kewangan tersebut.

Sekatan dalam Seksyen-seksyen 4.7.3(i) dan (ii) di atas tidak terpakai terhadap tawaran, pemindahan dan penjualan mana-mana Saham oleh Pemegang Saham Menjual yang diterbitkan atau dijual menurut IPO kami.

4.8 PERDAGANGAN DAN PENYELESAIAN DI PASARAN SEKUNDER

Selepas Penyenaraian, Saham kami akan didagangkan melalui Bursa Securities dan diselesaikan melalui penyelesaian kemasukan buku melalui CDS, yang dikendalikan oleh Bursa Depository. Ini akan dilaksanakan berdasarkan Bursa Depository dan peruntukan SICDA. Sehubungan itu, kami tidak akan menyampaikan sijil saham kepada pelanggan atau pembeli Saham IPO kami.

Pemilik benefisial Saham kami dikehendaki di bawah Peraturan Bursa Depository untuk mengekalkan Saham kami dalam Akaun CDS, sama ada secara langsung atas nama mereka atau melalui penama yang diberi kuasa. Orang yang namanya terdapat dalam Rekod Pendeposit kami yang diselenggarakan oleh Bursa Depository akan dianggap sebagai pemegang saham kami berkenaan dengan bilangan Saham yang dikreditkan ke dalam Akaun CDS masing-masing.

Urus niaga dalam Saham kami di bawah sistem penyelesaian kemasukan buku akan ditunjukkan oleh Akaun CDS penjual yang didebitkan dengan bilangan Saham yang dijual dan Akaun CDS pembeli dikreditkan dengan bilangan Saham yang diperoleh. Tiada duti setem pindahan pada masa ini perlu dibayar untuk Saham kami yang diselesaikan secara kemasukan buku, walaupun terdapat yuran pemindahan nominal sebanyak RM10.00 yang perlu dibayar untuk setiap pindahan yang tidak diurusniagakan di pasaran.

Saham yang dipegang dalam Akaun CDS tidak boleh dikeluarkan daripada CDS kecuali dalam keadaan berikut:

- (i) untuk memudahkan pembelian balik saham;
- (ii) untuk memudahkan penukaran sekuriti hutang;
- (iii) untuk memudahkan proses penstrukturan semula syarikat;
- (iv) jika badan korporat dikeluarkan daripada Senarai Rasmi;
- (v) untuk memudahkan pembetulan sebarang kesilapan; dan

4. BUTIRAN IPO KAMI

- (vi) dalam sebarang keadaan lain seperti yang ditentukan oleh Bursa Depository dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan SC.

Dagangan saham syarikat yang disenaraikan di Bursa Securities biasanya dilakukan dalam “lot dagang” sebanyak 100 saham. Pelabur yang ingin berdagang kurang daripada 100 saham dikehendaki berdagang di bawah pasaran lot ganjil. Penyelesaian dan pembayaran perdagangan yang dilakukan atas dasar “sedia” di Bursa Securities biasanya berlaku pada Hari Pasaran kedua selepas tarikh urus niaga.

Pelanggan Saham kami tidak akan dapat menjual atau sebaliknya berurusan dalam Saham kami (kecuali melalui pemindahan kemasukan buku ke Akaun CDS lain dalam keadaan yang tidak melibatkan perubahan dalam pemilikan benefisial) sebelum memulakan dagangan di Bursa Securities.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

5.1 PROMOTER DAN PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL KAMI

5.1.1 Pemegangan saham Promoter dan Pemegang Syer Substansial kami

Butiran pemegangan saham Promoter dan Pemegang Syer Substansial kami dalam Syarikat kami sebelum dan selepas IPO kami adalah seperti berikut:

Nama	Setakat LPD dan sebelum IPO ⁽¹⁾ kami				Selepas IPO ⁽²⁾ kami			
	Langsung		Tidak Langsung		Langsung		Tidak Langsung	
	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%
Promoter dan Pemegang Syer Substansial								
CKH	806,424,244	62.5	-	-	745,056,000	52.0	-	-
Koo Bon Hak	256,422,997	19.9	⁽³⁾ 806,424,244	62.5	157,608,000	11.0	⁽³⁾ 745,056,000	52.0
Hoe Kian Choon	147,363,326	11.4	⁽⁴⁾ 36,364,146	2.8	143,280,000	10.0	-	-
Pemegang Syer Substansial								
CUCKOO Holdings	-	-	⁽⁵⁾ 806,424,244	62.5	-	-	⁽⁵⁾ 745,056,000	52.0

Nota-nota:

- (1) Berdasarkan jumlah bilangan sebanyak 1,289,520,000 Saham setakat LPD dan sebelum IPO kami.
- (2) Berdasarkan jumlah bilangan diperbesar sebanyak 1,432,800,000 Saham selepas IPO kami.
- (3) Dianggap mempunyai kepentingan melalui CKH dan CUCKOO Holdings menurut Seksyen 8(4) Akta.
- (4) Dianggap mempunyai kepentingan melalui pasangan beliau, Mak Foong Ling, menurut Seksyen 59(11)(c) Akta.
- (5) Dianggap mempunyai kepentingan melalui CKH menurut Seksyen 8(4) Akta.

Promoter dan Pemegang Syer Substansial kami tidak mempunyai hak mengundi yang berbeza daripada pemegang saham lain Syarikat kami.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Selain daripada yang dipaparkan di atas, tidak terdapat orang yang dapat, secara langsung atau tidak langsung, bersama atau berasingan, melakukan kawalan terhadap Syarikat kami. Setakat LPD, tidak terdapat pengaturan yang mana operasi sebegini mungkin mengakibatkan pertukaran kawalan Syarikat kami pada tarikh yang terkemudian terhadap IPO kami dan Penyenaraian kami.

5.1.2 Profil Promoter dan Pemegang Syer Substansial kami

(i) CKH


Promoter dan Pemegang Syer Substansial

CKH ditubuhkan di Korea Selatan di bawah Akta Komersial Republik Korea sebagai syarikat terhad oleh saham (*ju-sik-hoe-sa*) pada 1 Disember 2017. Penubuhan CKH dikaitkan dengan penyusunan semula dalaman bahagian perniagaan CUCKOO Electronics Co., Ltd. (kini dikenali sebagai CUCKOO Holdings) melalui prosedur pembahagian syarikat yang ditetapkan di bawah Akta Komersial Republik Korea yang diluluskan oleh pemegang saham CUCKOO Electronics Co., Ltd (kini dikenali sebagai CUCKOO Holdings) dengan tarikh berkuat kuasa pembahagian pada 1 Disember 2017 dan yang melibatkan perkara yang berikut:

- pemindahan perniagaan sewa peralatan rumah CUCKOO Electronics Co., Ltd. (kini dikenali sebagai CUCKOO Holdings) kepada CKH. Ini mengakibatkan CUCKOO Holdings dan pemegang sahamnya memegang saham secara langsung dalam CKH; dan
- pemindahan perniagaan peralatan pemanas elektrik CUCKOO Electronics Co., Ltd. (kini dikenali sebagai CUCKOO Holdings) kepada CUCKOO Electronics Co., Ltd. semasa ("**CUCKOO Electronics**"). Ini mengakibatkan CUCKOO Electronics menjadi anak syarikat milik penuh CUCKOO Holdings.

(secara kolektif, "**Penyusunan Semula Dalaman CUCKOO Korea**").

Sebelum Penyusunan Semula Dalaman CUCKOO Korea: Sejurus selepas Penyusunan Semula Dalaman CUCKOO Korea:



CKH menukarkan namanya ke nama semasanya pada 11 Disember 2017 dan ia tersenarai pada Korea Exchange pada 11 Januari 2018.

CKH dan anak syarikatnya terlibat terutamanya dalam (i) pengilangan barangan kegunaan rumah, barangan plastik, penapis cecair (penapis air); (ii) pengilangan, penyewaan dan jualan perabot rumah, peralatan dapur dan peralatan elektrik; dan (iii) mengimport dan mengeksport dan perkhidmatan selepas jualan untuk produk yang sebelumnya.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Setakat LPD:

- (a) modal saham diterbitkan CKH ialah KRW2,243,733,000 yang terdiri daripada 22,437,330 saham biasa sebanyak KRW100 setiap satu;
- (b) pengarah CKH ialah Koo Bon Hak, Lee Sung Ho, Ha Dae Young dan Kim Sang Hee; dan
- (c) Pemegang Syer Substansial CKH dan pemegangan saham masing-masing dalam CKH adalah seperti berikut:

Nama	Saham biasa			
	Langsung		Tidak Langsung	
	Bil. saham	%	Bil. saham	%
CUCKOO Holdings ⁽¹⁾	9,097,905	40.6	-	-
Koo Bon Hak	4,606,180	20.5	⁽²⁾ 9,097,905	40.6
• Baring Asset Management Korea Limited (akaun pelanggan) ⁽³⁾	1,397,144 ⁽⁶⁾	6.2		
• Baring High Dividend Equity Fund ⁽⁴⁾				
• Baring High Dividend Balanced 60 Securities Investment Trust-Equity Balanced Fund ⁽⁴⁾				

(sebagai pemegang bersama)⁽⁵⁾

Nota-nota:

- (1) CUCKOO Holdings tersenarai pada Korea Exchange. Sila rujuk kepada Seksyen 5.1.2(iv) Prospektus ini untuk butiran lanjut.
- (2) Dianggap mempunyai kepentingan melalui CUCKOO Holdings menurut Seksyen 8(4) Akta.
- (3) Baring Asset Management Korea Limited dimiliki sepenuhnya oleh Baring Asset Management (Asia) Limited. Aktiviti utama Baring Asset Management Korea Limited termasuk perniagaan pelaburan kolektif, nasihat pelaburan dan perniagaan pengurusan dana ekuiti swasta.
- (4) Baring Asset Management Korea Limited merupakan pengurus pelaburan kolektif bagi Baring High Dividend Equity Fund dan Baring High Dividend Balanced 60 Securities Investment Trust-Equity Balanced Fund (secara kolektif, "**Dana Baring**"). Dana Baring adalah bersifat budi bicara dan disediakan untuk pelaburan oleh orang awam.
- (5) Di bawah Akta Perkhidmatan Pelaburan Kewangan dan Pasaran Modal Korea ("**FISCMA**"), entiti yang telah bersetuju untuk bersama-sama memperoleh, mengundi atau melupuskan sekuriti dianggap sebagai pemegang bersama yang pegangan sahamnya perlu diagregatkan di bawah FISCMA.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

- (6) Berdasarkan maklumat terkini yang diperoleh daripada Baring Korea mengenai pemegangan saham Baring Korea dan Dana Baring dalam CKH pada 31 Januari 2025.

Pengarah, Promoter dan Pengurusan Kanan Utama tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam Barings Asset Management Korea Limited, dan Dana Baring.

(ii) Koo Bon Hak

Promoter, Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas dan Pemegang Syer Substansial

Koo Bon Hak, seorang lelaki warganegara Korea berusia 56 tahun, dilantik ke Lembaga kami pada 11 Mei 2015. Sebagai Pengerusi Lembaga, beliau kini bertanggungjawab memimpin Lembaga kami dalam penggunaan pakai amalan tadbir urus korporat yang baik, termasuk memastikan langkah-langkah yang wajar diambil untuk memudahkan keberkesanan komunikasi pemegang amanah. Tambahan lagi, beliau bertanggungjawab memimpin Lembaga kami melakukan tanggungjawabnya secara berkesan, termasuk menetapkan agenda Lembaga kami dan memastikan bahawa Pengarah kami menerima maklumat yang menyeluruh dan tepat pada masanya untuk memudahkan sumbangan mereka di mesyuarat Lembaga.

Beliau menamatkan pengajian dari Korea University dengan Ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan pada Februari 1992, dan Ijazah Sarjana Sains Perakaunan dari University of Illinois pada Mei 1994.

Beliau memulakan kerjayanya pada Januari 1995 bila beliau menyertai jabatan sokongan pengurusan di CUCKOO Holdings (pada masa itu dikenali sebagai Sungkwang Electronics Co., Ltd.). Beliau dinaikkan pangkat menjadi pengarah pada Disember 1999 dan kemudiannya menjadi Ketua Pegawai Eksekutif pada November 2006, di mana beliau bertanggungjawab untuk pengurusan operasi hari ke sehari syarikat, dan pembangunan dan pelaksanaan rancangan perniagaan syarikat dan strategi korporat. Beliau juga menguruskan pembangunan produk dan pembangunan strategi pemasaran untuk memacu pertumbuhan hasil.

Selepas Penyusunan Semula Dalaman CUCKOO Korea pada Disember 2017, beliau menyandang jawatan semasa beliau sebagai (i) pengarah bukan eksekutif CUCKOO Holdings, dan (ii) Ketua Pegawai Eksekutif, pengarah eksekutif dan wakil pengarah CKH, kedua-duanya merupakan syarikat awam tersenarai pada Korea Exchange. Pada Mac 2019, beliau juga dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, pengarah eksekutif dan wakil pengarah CUCKOO Electronics. Tanggungjawab beliau dari sebelumnya Penyusunan Semula Dalaman CUCKOO Korea kekal tidak berubah oleh penyusunan semula tersebut.

Tambahan lagi, pada Mei 2015, beliau dilantik sebagai seorang pengarah Syarikat kami di mana beliau terlibat dalam semakan semula, dan menasihati, pengurusan aliran tunai Kumpulan kami. Pada 12 Julai 2024, beliau melupakan peranan eksekutifnya dan menjadi Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas kami di mana beliau menyandang tanggungjawab semasa beliau.

Setakat LPD, beliau juga ialah pengarah dan pemegang saham beberapa syarikat sendiri berhad lain seperti dipaparkan dalam Seksyen 5.2.3 Prospektus ini.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

(iii) Hoe Kian Choon

Promoter, Pengarah Eksekutif Bukan Bebas, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pemegang Syer Substansial

Hoe Kian Choon, seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 50 tahun, ialah pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan kami. Beliau mempunyai lebih daripada 18 tahun pengalaman dalam industri penyewaan untuk peralatan rumah dan barangan isi rumah. Beliau dilantik ke Lembaga kami pada 5 September 2014 dan bertanggungjawab mengetuai dan menyelia keseluruhan arah Kumpulan kami yang termasuk membangunkan dan melaksanakan rancangan strategik demi memastikan kesinambungan dan perkembangan perniagaan Kumpulan kami.

Beliau menamatkan pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Putra Malaysia pada Ogos 1999. Selepas penamatan pengajian, beliau mengasas bersama satu perniagaan restoran di bawah nama syarikat U-8 Sdn Bhd. Pada April 2000, beliau menyertai AsiaEP.com Berhad sebagai pengurus jualan, pemasaran dan perkhidmatan pelanggan, satu jawatan yang beliau sandang sehingga beliau meninggalkan syarikat tersebut pada April 2004.

Pada April 2004, beliau menubuh bersama Isomedia (M) Sdn Bhd ("**Isomedia**"), sebuah perniagaan yang melibatkan pendaftaran nama domain, dan hos laman sesawang dan reka bentuk, di mana beliau ialah seorang pengarah dan Pemegang Syer Substansial. Pada Jun 2006, Isomedia menukarkan namanya kepada One2Source Sdn Bhd dan aktiviti utamanya kepada membekalkan perkhidmatan pemasaran pelbagai saluran untuk industri perabot. Beliau juga bertanggungjawab untuk jualan dan pembangunan perniagaan. One2Source Sdn Bhd dibubarkan pada April 2008.

Pada April 2007, beliau menyertai Woongjin Coway (M) Sdn Bhd (kini dikenali sebagai Coway (Malaysia) Sdn Bhd) ("**Coway**") sebagai Pengurus Jualan. Pada Januari 2008, beliau dinaikkan pangkat menjadi Pengurus Utama Jualan di mana beliau bertanggungjawab untuk jualan Coway di seluruh negara. Beliau kemudiannya berjaya menyandang jawatan Pengurus Utama Kanan Jualan pada Oktober 2009, di mana tanggungjawab beliau berkembang untuk merangkumi penyeliaan pasukan perkhidmatan, dan juga menguruskan operasi seluruh negara untuk Coway sehingga pemergiannya pada Ogos 2014.

Pada September 2014, beliau mengasas Syarikat kami sebagai Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif, di mana beliau memulakan perniagaan kami melalui pengedaran dan jualan sistem penulenan air CUCKOO dan periuk nasi di Malaysia. Di bawah pimpinan beliau, beliau telah memimpin pasukan pengurusan dalam pertumbuhan dan perkembangan perniagaan kami.

Pada September 2020, beliau menubuhkan perniagaan Abletech Solutions Sdn Bhd ("**Abletech**") (sila rujuk kepada Seksyen 5.2.3(ii) untuk butiran lanjut mengenai aktiviti utama Abletech). Beliau dilantik sebagai pengarah Abletech pada Mei 2020 dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan pada September 2020 sehingga pemergiannya pada Disember 2023. Selepas itu, pada Mei 2024, beliau melupuskan keseluruhan pemegang sahamnya yang lebih kurang 65% dalam Abletech.

Pencapaian ketara beliau dalam kapasiti peribadinya termasuk anugerah The Most People-Focused CEO by Human Resources Online di HR Excellence Awards 2022, Entrepreneur of the Year (Consumer Goods Industry) pada 2022 oleh Asia Pacific Enterprise Awards, dan Young Entrepreneur of the Year di bawah Asia Corporate Excellence & Sustainability Awards (ACES) yang dianjurkan oleh MORS Group pada 2023.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Setakat LPD, beliau juga ialah pengarah dan pemegang saham beberapa syarikat sendiri berhad lain seperti dipaparkan dalam Seksyen 5.2.3 Prospektus ini, dan beliau tidak menyandang apa-apa jawatan pengarah dalam syarikat awam tersenarai.

(iv) CUCKOO Holdings *Pemegang Syer Substansial*

CUCKOO Holdings ditubuhkan di Korea Selatan di bawah Akta Komersial Republik Korea pada 15 November 1978 sebagai sebuah syarikat terhad oleh saham (*ju-sik-hoe-sa*) di bawah nama Sungkwang Electronics Co., Ltd. Syarikat tersebut menukarkan namanya kepada CUCKOO Electronics Co., Ltd. pada 29 Oktober 2002. Ia tersenarai pada Korea Exchange pada 6 Ogos 2014 dan kemudiannya menukarkan namanya kepada nama semasanya pada 1 Disember 2017.

CUCKOO Holdings terutamanya terlibat dalam pemegangan pelaburan sementara anak syarikatnya terlibat dalam pengilangan, penyewaan dan jualan perabot rumah, peralatan dapur dan peralatan elektrik.

Setakat LPD:

- (a) modal saham diterbitkan CUCKOO Holdings ialah KRW3,556,218,500 yang terdiri daripada 35,562,185 saham biasa sebanyak KRW100 setiap satu;
- (b) pengarah CUCKOO Holdings ialah Koo Bon Hak, Koo Ja Shin, Heo Jun Young, Kim Dae Yeol dan Lee Myo Seung; dan
- (c) Pemegang Syer Substansial CUCKOO Holdings dan pemegangan saham masing-masing dalam CUCKOO Holdings setakat LPD adalah seperti berikut:

Nama	Saham biasa			
	Langsung		Tidak Langsung	
	Bil. saham	%	Bil. saham	%
Koo Bon Hak	16,042,975	45.1	-	-
Koo Bon Jin ⁽¹⁾	5,413,890	15.2	-	-

Nota:

- (1) Koo Bon Jin ialah saudara kandung Koo Bon Hak, Promoter, Pemegang Syer Substansial dan Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas kami.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

5.1.3 Perubahan dalam pemegangan saham Promoter dan Pemegang Syer Substansial kami

Selain daripada yang dipaparkan di bawah, tidak terdapat perubahan dalam pemegangan saham Promoter dan Pemegang Syer Substansial kami dalam Syarikat kami dalam tiga tahun yang lepas sehingga LPD:

Nama	Pada 31 Disember 2022 ⁽¹⁾				Pada 31 Disember 2023 ⁽²⁾			
	Langsung		Tidak Langsung		Langsung		Tidak Langsung	
	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%
CKH	28,922,305	65.7	-	-	28,922,305	59.1	-	-
Koo Bon Hak	9,196,579	20.9	⁽⁴⁾ 28,922,305	65.7	9,196,579	18.9	⁽⁴⁾ 28,922,305	59.1
Hoe Kian Choon	4,532,599	10.3	⁽⁵⁾ 1,379,487	3.1	⁽⁷⁾ 7,790,891	15.9	⁽⁵⁾ 1,379,487	2.8
CUCKOO Holdings	-	-	⁽⁶⁾ 28,922,305	65.7	-	-	⁽⁶⁾ 28,922,305	59.1
Nama	Pada 31 Disember 2024 ⁽³⁾				Setakat LPD ⁽³⁾			
	Langsung		Tidak Langsung		Langsung		Tidak Langsung	
	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%
CKH	⁽⁸⁾ 806,424,244	62.5	-	-	⁽⁸⁾ 806,424,244	62.5	-	-
Koo Bon Hak	⁽⁸⁾ 256,422,997	19.9	⁽⁴⁾⁽⁸⁾ 806,424,244	62.5	⁽⁸⁾ 256,422,997	19.9	⁽⁴⁾⁽⁸⁾ 806,424,244	62.5
Hoe Kian Choon	⁽⁸⁾ 147,363,326	11.4	⁽⁵⁾⁽⁸⁾ 36,364,146	2.8	⁽⁸⁾ 147,363,326	11.4	⁽⁵⁾⁽⁸⁾ 36,364,146	2.8
CUCKOO Holdings	-	-	⁽⁶⁾⁽⁸⁾ 806,424,244	62.5	-	-	⁽⁶⁾⁽⁸⁾ 806,424,244	62.5

Nota-nota:

- (1) Berdasarkan jumlah bilangan sebanyak 44,030,970 Saham.
- (2) Berdasarkan jumlah bilangan sebanyak 48,918,407 Saham, menurut pelaksanaan opsi saham pekerja di mana saham diperuntukkan pada 6 April 2023.
- (3) Berdasarkan jumlah bilangan sebanyak 1,289,520,000 Saham, menurut Terbitan Bonus seperti diperincikan dalam Seksyen 6.1.2 Prospektus ini.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

- (4) Dianggap mempunyai kepentingan melalui CKH dan CUCKOO Holdings menurut Seksyen 8(4) Akta.
- (5) Dianggap mempunyai kepentingan melalui pasangan beliau, Mak Foong Ling, menurut Seksyen 59(11)(c) Akta.
- (6) Dianggap mempunyai kepentingan melalui CKH menurut Seksyen 8(4) Akta.
- (7) Hoe Kian Choon diperuntukkan 3,258,292 Saham pada 6 April 2023 menurut pelaksanaan pilihan yang diberikan kepadanya di bawah skim opsyen saham pekerja, pada harga pelaksanaan RM1.00 se Saham.
- (8) Selepas pemindahan daripada Hoe Kian Choon sebanyak 1,669,690 Saham kepada CKH dan 530,920, Saham kepada Koo Bon Hak pada 10 Julai 2024 dan Terbitan Bonus pada 11 Julai 2024.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

5.1.4 Amaun atau manfaat dibayar atau untuk dibayar kepada Promoter dan Pemegang Syer Substansial kami

Selain daripada yang dipaparkan di bawah, agregat imbuhan dan manfaat barangan yang dibayar atau akan dibayar kepada Promoter kami yang juga merupakan Pengarah kami seperti dipaparkan dalam Seksyen 5.2.4 Prospektus ini dan amaun yang diurusniagakan dengan CUCKOO Holdings dan kumpulan syarikatnya seperti dipaparkan dalam Seksyen 10.1.2 Prospektus ini, tidak terdapat amaun atau manfaat lain yang dibayar atau dicadangkan untuk dibayar atau diberikan kepada Promoter dan/atau Pemegang Syer Substansial dalam dua tahun sebelum tarikh Prospektus ini:

Promoter dan Pemegang Syer Substansial	Dividen dibayar pada 25 April 2024 (RM'000)
CKH	43,383
Koo Bon Hak	13,795
Hoe Kian Choon	11,686

5.2 LEMBAGA PENGARAH

5.2.1 Pemegangan saham Pengarah kami

Selain daripada Koo Bon Hak dan Hoe Kian Choon, seperti dipaparkan dalam Seksyen 5.1.1 Prospektus ini, tiada Pengarah kami memegang Saham kami, secara langsung atau tidak langsung, setakat LPD dan segera selepas IPO kami.

5.2.2 Profil Pengarah kami

Sila rujuk kepada profil Koo Bon Hak dan Hoe Kian Choon yang dipaparkan dalam Seksyen 5.1.2 Prospektus ini. Profil Pengarah lain kami adalah seperti berikut:

(i) Low May-Teng
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan

Low May-Teng, seorang wanita warganegara Malaysia berusia 54 tahun, ialah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan kami. Beliau dilantik ke Lembaga kami pada 12 Julai 2024. Beliau juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko kami, dan ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan kami.

Beliau menerima kelayakan ACCA dari Association of Chartered Certified Accountants, United Kingdom pada 1994. Beliau juga ialah akauntan bertauliah di bawah Institut Akauntan Malaysia.

Beliau memulakan kerjayanya di IBM Malaysia Sdn Bhd ("**IBM Malaysia**") sebagai Penolong Akauntan pada Mac 1995. Sepanjang tempoh beliau di IBM Malaysia sehingga pemergiannya pada April 2008, beliau menyandang pelbagai jawatan dan peranan yang melibatkan pelaporan dan analisis kewangan, jaminan kawalan operasi dan kewangan, dan mengendalikan operasi jualan.

Pada Jun 2008, beliau menyertai SAP Malaysia Sdn Bhd ("**SAP Malaysia**") sebagai Pengawal Kanan di mana beliau bertanggungjawab untuk operasi kewangan dalam negara pasaran baru muncul seperti Pakistan, Vietnam dan Kemboja sehingga Julai 2009.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Pada Julai 2009, beliau kembali ke IBM Malaysia dan menyandang jawatan Juruaudit Profesional Kanan di mana beliau merupakan sebahagian daripada pasukan audit dalaman yang menjalankan audit dalaman dan penyiasatan mengenai tuduhan ketidakpatuhan dengan tadbir urus IBM Malaysia. Beliau juga menyelia operasi dan perkara-perkara berkaitan kewangan di satu daripada anak syarikat IBM Malaysia. Pada April 2013, beliau menyandang jawatan Pengurus Perakaunan Kanan IBM Malaysia, di mana beliau menguruskan satu pasukan untuk melakukan pengurusan lejar am bulanan dan memastikan pelaporan yang tepat pada masa dan urus niaga kewangan syarikat yang tepat. Pada Mei 2015, beliau dijabat semula sebagai Pengurus Kanan Analisis Kewangan di mana beliau memimpin IBM Malaysia dalam transformasinya ke syarikat awan dan juga bertanggungjawab untuk jualan dan analisis kewangannya sehingga Februari 2017.

Pada Mac 2017, beliau menyertai Tech Data Advanced Solutions (M) Sdn Bhd sebagai Pengawal Kewangan di mana beliau menyelia arah strategik dan semua perkara operasi dan kewangan syarikat sehingga pemergian beliau pada Januari 2020.

Pada Mac 2020, beliau kembali ke SAP Malaysia dan menyandang jawatan semasa beliau sebagai Ketua Pegawai Kewangan sehingga kini di mana beliau memberikan sokongan komersial dalam rundingan kontrak dan melaksanakan matlamat dan strategi transformasi kewangan/pentadbiran global.

Sejak Oktober 2023, beliau juga berkhidmat sebagai seorang pengarah bukan eksekutif bebas Parkwood Holdings Berhad ("**Parkwood Holdings**"), sebuah syarikat awam tersenarai di Bursa Securities, dan kini ialah Pengerusi Jawatankuasa Imbuhan, dan ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pencalonannya.

Setakat LPD, beliau tidak menyandang apa-apa jawatan pengarah atau saham dalam syarikat sendiri berhad lain seperti dipaparkan dalam Seksyen 5.2.3 Prospektus ini.

(ii) Kwon Yoo Kyung
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Kwon Yoo Kyung, seorang wanita warganegara Korea berusia 56 tahun, ialah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas kami. Beliau dilantik ke Lembaga kami pada 12 Julai 2024. Beliau juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan kami, dan ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko.

Pada Februari 1993, beliau menamatkan pengajian dari Ewha Woman's University, Seoul dengan Ijazah Sarjana Muda dalam Kewartawanan dan Penyiaran. Beliau mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman kerja dalam institusi kewangan global di mana beliau menyandang pelbagai jawatan kepimpinan.

Beliau memulakan kerjayanya pada Januari 1993 di jabatan audit dalaman HSBC Bank (Korea), cawangan Seoul. Beliau kemudiannya dipindahkan ke jabatan perkhidmatan perdagangan pada Ogos 1993 di mana beliau kekal sehingga Disember 1995. Selepas itu, beliau bekerja di jabatan kawal kewangan dari Disember 1995 sehingga November 2000, di mana beliau bertanggungjawab untuk laporan kewangan dan kawal selia bulanan kepada ibu pejabat dan pihak berkuasa lain, dan melakukan pelaporan kewangan dan risiko untuk produk pasaran global kepada ibu pejabat.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Pada November 2000, beliau menyertai Deutsche Bank (Korea), cawangan Seoul sebagai Ketua Perakaunan Kewangan dan Pelaporan Pengurusan. Beliau juga dipindahkan ke Deutsche Securities Korea dan menyandang jawatan Pemangku Ketua Pegawai Kewangan pada Jun 2003 dan seterusnya, Ketua Pegawai Kewangan pada Ogos 2005, satu jawatan yang beliau sandang sehingga pemergian beliau pada Mac 2008. Sebagai Ketua Pegawai Kewangan Deutsche Securities Korea, beliau bertanggungjawab memastikan penyata kewangan disediakan dan diterbitkan menurut Prinsip Perakaunan yang Diterima pada Amnya (GAAP) oleh Amerika Syarikat dan Korea, dan menyelaraskan ramalan kewangan dan rancangan tahunan. Beliau juga memberikan sokongan operasi dan maklumat kewangan kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan penting lain Deutsche Securities Korea dan juga Ketua Pegawai Kewangan serantau Deutsche Bank yang bertapak di Hong Kong.

Pada Mac 2008, beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Morgan Stanley Securities Korea, di mana beliau mengetuai semua perkara berkaitan kewangan, termasuk penerimaan pakai piawai kewangan dikemas kini, penyemakan audit dan fungsi kewangan dalam sumber Syarikat sehingga pemergian beliau dari syarikat tersebut pada Ogos 2011.

Pada masa itu, beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Societe Generale Securities Korea Co., Ltd ("**SG Securities Korea**") pada Ogos 2011 dan terus menyandang jawatan tersebut sehingga Mei 2022, di mana beliau bertanggungjawab untuk pengurusan tunai, perbendaharaan dan perkara-perkara berkaitan kewangan untuk audit kawal selia. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Negara untuk kedua-dua Societe Generale cawangan Seoul dan SG Securities Korea pada Jun 2022. Beliau menyandang jawatan ini sehingga peletakan jawatannya pada Julai 2023 untuk mengambil satu jeda kerjaya sehingga kini.

Setakat LPD, beliau juga ialah seorang pengarah syarikat sendirian berhad seperti dipaparkan dalam Seksyen 5.2.3 Prospektus ini, dan beliau tidak menyandang apa-apa jawatan pengarah dalam syarikat awam tersenarai.

(iii) Marieta binti Abdull Hamid
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Marieta binti Abdull Hamid, seorang wanita warganegara Malaysia berusia 41 tahun, ialah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas kami dan ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, dan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan kami. Beliau dilantik ke Lembaga kami pada 15 Oktober 2024.

Beliau menamatkan pengajian dengan dua ijazah dalam Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dan Ijazah Sarjana Muda Perundangan dari University of Melbourne, Australia pada Ogos 2007. Beliau memperoleh Sijil Amalan Undang-undang daripada Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Malaysia pada September 2009 dan diterima ke Mahkamah Tinggi Malaya sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara pada Februari 2012.

Pada Oktober 2007, beliau menyertai Sime Darby Berhad (dahulunya dikenali sebagai Sime Darby Holdings Sdn Bhd) ("**Sime Darby**") sebagai Eksekutif di bawah jabatan Undang-undang Kumpulan. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Eksekutif Kanan pada Julai 2010, satu jawatan yang beliau sandang sehingga beliau menyertai Messrs Raja, Darryl & Loh ("**RDL**") pada Februari 2011 untuk menjalankan pelatihan beliau.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Pada penyempurnaan sembilan bulan pelatihannya di RDL, beliau kembali ke peranannya sebagai Eksekutif Kanan di Sime Darby sehingga kenaikan pangkatnya menjadi Penolong Timbalan Presiden II Kumpulan Undang-undang pada Julai 2012. Beliau menyandang jawatan yang sama sehingga pemergiannya dari Sime Darby pada Januari 2015.

Sepanjang masa beliau di Sime Darby, beliau membantu dalam pelbagai penyatuan, pemerolehan, usaha sama dan urus niaga merentas sempadan melibatkan Sime Darby dan anak syarikatnya dalam bahagian pertanian, hartanah, motor, penjagaan kesihatan dan tenaga.

Pada Februari 2015, beliau menyertai Messrs PW Tan & Associates dan menyandang jawatan semasa beliau sebagai rakan, di mana beliau menasihati satu rangkaian perkara berkaitan korporat dan komersial termasuk penyatuan dan pemerolehan, dan urus niaga usaha sama dan telah bertindak dalam projek perbelanjaan modal utama, projek dan konsesi infrastruktur.

Sejak Ogos 2022, beliau juga telah berkhidmat sebagai pengarah bukan eksekutif bebas Able Global Berhad ("**Able Global**"), sebuah syarikat awam tersenarai di Bursa Securities, dan buat semasa ialah Pengerusi Jawatankuasa Pencalonannya, dan ahli Jawatankuasa Auditnya dan Jawatankuasa Imbuhannya.

Setakat LPD, beliau juga ialah pengarah dan pemegang saham beberapa syarikat sendiri berhad seperti dipaparkan dalam Seksyen 5.2.3 Prospektus ini.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

5.2.3 Aktiviti perniagaan utama yang dilakukan oleh Pengarah kami di luar Kumpulan kami

Jadual yang berikut memaparkan jawatan pengarah utama Pengarah kami dan aktiviti perniagaan utama di luar Kumpulan kami setakat LPD (“**Penglibatan Semasa**”), dan jawatan pengarah utama di luar Kumpulan kami untuk lima tahun yang lepas sebelum LPD (“**Penglibatan Lampau**”):

(i) Koo Bon Hak

Nama syarikat	Aktiviti utama	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan	Kepentingan ekuiti (%)		Jawatan Pengarah	
			Langsung	Tidak Langsung	Tarikh pelantikan	Tarikh letak jawatan
Penglibatan Semasa						
CUCKOO Holdings	Syarikat pemegangan pelaburan dan melalui anak syarikatnya, pengilangan, penyewaan dan jualan perabot rumah, peralatan dapur, dan peralatan elektrik	Pengarah dan pemegang saham	45.1	-	2 Oktober 2003	-
CKH	Pengilangan, penyewaan dan jualan perabot rumah, peralatan dapur, dan peralatan elektrik	Pengarah, wakil Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pemegang saham	20.5	40.6	1 Disember 2017	-
CUCKOO Electronics	Pengilangan dan jualan perabot rumah, peralatan dapur, dan peralatan elektrik	Pengarah, wakil Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pemegang saham	-	100.0	29 Mac 2019	-
CUCKOO Electronics Malaysia	Aktiviti harta tanah dengan hartanah milik sendiri atau disewa	Pengarah dan pemegang saham	-	100.0	12 Februari 2016	-

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Nama syarikat	Aktiviti utama	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan	Kepentingan ekuiti (%)		Jawatan Pengarah	
			Langsung	Tidak Langsung	Tarikh pelantikan	Tarikh letak jawatan
CUCKOO Oceania Pty. Ltd.	Jualan dan penyewaan perniagaan peralatan rumah	Pengarah dan pemegang saham	-	100.0	30 Jun 2020	-
Qingdao CUCKOO Electronics Co., Ltd.	Memorong, menjual, mengimport dan mengeksport peralatan elektronik rumah tangga, periuk masak, periuk tekanan dan lain-lain peralatan dapur,	Pengarah dan pemegang saham	-	100.0	1 November 2008	-
Shenyang Homesys Trading Co., Ltd.	<ul style="list-style-type: none"> • Import dan eksport produk, agen untuk import dan eksport produk; dan • Memorong, perniagaan runcit dan e-perdagangan peralatan dapur, peralatan bilik air, keperluan seharian dan peralatan rumah 	Pengarah dan pemegang saham	-	100.0	1 Julai 2019	-

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Nama syarikat	Aktiviti utama	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan	Kepentingan ekuiti (%)		Jawatan Pengarah	
			Langsung	Tidak Langsung	Tarikh pelantikan	Tarikh letak jawatan
CUCKOO Liaoning Electronic Commerce Co., Ltd.	<ul style="list-style-type: none"> E-perdagangan peralatan rumah, peralatan dapur dan peralatan elektrik; dan Perniagaan memborong dan jualan runcit peralatan dapur, peralatan bilik air, keperluan harian dan peralatan rumah 	Pengarah dan pemegang saham	-	100.0	3 April 2020	-
CUCKOO Appliances Private Limited	Perniagaan import, eksport, pemrosesan, pembungkusan, pembungkusan semula, pengilangan, pemasangan, dagangan, pemerolehan, jualan peralatan rumah dan peralatan dapur terutamanya alat penulenan air, alat penapis udara, periuk nasi elektrik dan lain-lain barangan putih dalam India atau mana-mana negara lain	Pengarah dan pemegang saham	16.7	83.3	6 Mac 2018	-
CUCKOO Indonesia	Perniagaan memborong peralatan dan peralatan rumah	Pengarah dan pemegang saham	-	71.6	25 Mei 2021	-

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Nama syarikat	Aktiviti utama	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan	Kepentingan ekuiti (%)		Jawatan Pengarah	
			Langsung	Tidak Langsung	Tarikh pelantikan	Tarikh letak jawatan
CUCKOO Electronics America, Inc.	Memborong dan menjual runcit peralatan rumah seperti periuk nasi elektrik, gelombang mikro dan alat penapis udara	Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, Setiausaha dan pemegang saham	-	100.0	27 Disember 2016	-
CUCKOO Rental America, Inc.	Penyewaan barangan am	Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, Setiausaha dan pemegang saham	-	100.0	27 Januari 2021	-
CUCKOO Vina Co., Ltd.	Perniagaan runcit peralatan rumah	Pengarah dan pemegang saham	-	100.0	1 Februari 2019	-
nTop Corporation	Mengilang dan menjual pinggan aluminium bersalut resin flourokarbon	Pemegang saham	25.7	42.2	-	-

Penglibatan Lampau

Tiada

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI**(ii) Hoe Kian Choon**

Nama syarikat	Aktiviti utama	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan	Kepentingan ekuiti (%)		Jawatan Pengarah	
			Langsung	Tidak Langsung	Tarikh pelantikan	Tarikh letak jawatan
<u>Penglibatan Semasa</u>						
Great Hoe Holdings	Aktiviti syarikat pemegang, eksport & import pelbagai barangan tanpa apa-apa pengkhususan tertentu yang tidak dikelaskan di tempat lain ("t.t.t.l"); dan aktiviti harta tanah dengan hartanah milik sendiri atau disewa t.t.t.l	Pengarah dan pemegang saham	90.0	-	6 Disember 2017	-
Six Fun Media Sdn Bhd	Aktiviti syarikat pemegang, pengeluaran semula media terakam, dan aktiviti pengeluaran wayang gambar, video dan program televisyen	Pengarah dan pemegang saham	20.8	-	28 Mei 2021	-
Smart Circle Resources Sdn Bhd	Pelaburan hartanah, aktiviti harta tanah dengan hartanah milik sendiri atau disewa t.t.t.l.	Pengarah dan pemegang saham	-	50.0	15 Julai 2020	-
Gazeum Sdn Bhd	Memborong kopi, teh, koko dan lain-lain minuman; aktiviti syarikat pemegang	Pemegang Saham	60.6	-	25 Oktober 2021	15 Mac 2024

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Nama syarikat	Aktiviti utama	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan	Kepentingan ekuiti (%)		Jawatan Pengarah	
			Langsung	Tidak Langsung	Tarikh pelantikan	Tarikh letak jawatan
Palaterium Sdn Bhd	Menjalankan semua atau apa-apa perniagaan pemborong, peruncit, pengimport, pengeksport, pemprosesan, agen penerimaan dan penghantaran, pembawa dan pengedar produk berkaitan koko, kopi dan semua jenis produk makanan	Pemegang Saham	-	70.0	5 November 2021	15 Februari 2024
Strictly Gourmet Sdn Bhd	Memborong kopi, teh, koko dan lain-lain minuman, Menjalankan semua atau apa-apa perniagaan pemborong, peruncit produk berkaitan koko, kopi & semua jenis produk makanan	Pemegang Saham	-	100.0	-	-
Kejap Food Sdn Bhd	Aktiviti perkhidmatan makanan lain, jualan runcit makanan, minuman dan produk tembakau melalui gerai atau pasar; gerai makanan mudah alih	Pemegang Saham	-	51.0	-	-

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Nama syarikat	Aktiviti utama	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan	Kepentingan ekuiti (%)		Jawatan Pengarah	
			Langsung	Tidak Langsung	Tarikh pelantikan	Tarikh letak jawatan
Purple Cane (Sixth) Sdn Bhd	Pemegangan pelaburan dalam syarikat berhad yang terutama terlibat dalam perniagaan teh	Pemegang Saham	2.0	-	-	-
Gourmet Nation Sdn Bhd	Perniagaan sebagai pengedar, pemborong, pengimport, dan pengedar koko, produk berkaitan kopi dan selainnya berurusan dalam semua jenis produk makanan; Perniagaan restoran, kafe, kiosk, teh dan perkhidmatan catering	Pemegang Saham	20.1	51.0	-	-

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

<u>Nama syarikat</u>	<u>Aktiviti utama</u>	<u>Penglibatan dalam aktiviti perniagaan</u>	<u>Kepentingan ekuiti (%)</u>		<u>Jawatan Pengarah</u>	
			<u>Langsung</u>	<u>Tidak Langsung</u>	<u>Tarikh pelantikan</u>	<u>Tarikh letak jawatan</u>
<u>Penglibatan Lampau</u>						
Abletech Solutions Sdn Bhd	Agensi pengiklanan yang melakukan rancangan media dan pembelian media; Pengurusan majlis; E-perdagangan (pasaran); E-perdagangan dan penyelesaian IT; Perniagaan dagangan semua jenis produk dengan rangkaian luas barangan dan perkhidmatan (peralatan elektronik rumah, produk bayi dan kanak-kanak, produk penjagaan ibu) melalui jualan runcit dan atas talian	Pengarah	-	-	20 Mei 2020	31 Disember 2023

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Nama syarikat	Aktiviti utama	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan	Kepentingan ekuiti (%)		Jawatan Pengarah	
			Langsung	Tidak Langsung	Tarikh pelantikan	Tarikh letak jawatan
Movon Sdn Bhd	Perniagaan jualan langsung, jualan dan pemasaran produk dan perkhidmatan (peralatan rumah/pejabat, peralatan sekuriti, produk bayi dan kanak-kanak, produk penjagaan ibu, kosmetik dan produk penjagaan kulit dan satu rangkaian luas barangan, produk perkhidmatan dan penyelesaian) dan lain-lain aktiviti perkhidmatan teknologi maklumat	Pengarah	-	-	28 Mei 2021	31 Disember 2023
Ablepay Sdn Bhd	Memberikan skim bayaran mudah, skim pembiayaan peribadi dan perkhidmatan pinjaman wang	Pengarah	-	-	2 September 2021	31 Disember 2023
Seventyfive Group Sdn Bhd	Aktiviti syarikat pemegangan kreatif (Agensi kreatif)	Pengarah	-	-	10 Februari 2021	26 Februari 2021
Mystartr Group Sdn Bhd	Perkhidmatan penasihat pelaburan, aktiviti syarikat pemegangan; Platform ekuiti pendanaan ramai.	Pengarah	-	-	1 Ogos 2022	18 Mac 2024

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Nama syarikat	Aktiviti utama	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan	Kepentingan ekuiti (%)		Jawatan Pengarah	
			Langsung	Tidak Langsung	Tarikh pelantikan	Tarikh letak jawatan
Dynamic Directions Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Wonderklean Multiservices Sdn Bhd)	Dagangan am, Menjalankan perniagaan pemasaran semua jenis barangan, produk, komoditi dan perkhidmatan	Pengarah	-	-	9 Oktober 2020	9 Disember 2020
Wonderkare Service Sdn Bhd	Perkhidmatan perundingan pengurusan perniagaan	Pengarah	-	-	15 Mei 2020	Syarikat ini dibubarkan pada 3 Mei 2024
(iii) Low May-Teng						
Nama syarikat	Aktiviti utama	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan	Kepentingan ekuiti (%)		Jawatan Pengarah	
			Langsung	Tidak Langsung	Tarikh pelantikan	Tarikh letak jawatan
<u>Penglibatan Semasa</u>						
Parkwood Holdings Berhad	Pemegangan pelaburan di mana anak syarikatnya terlibat terutamanya dalam pembangunan hartanah dan pelaburan hartanah	Pengarah	-	-	4 Oktober 2023	-

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

<u>Nama syarikat</u>	<u>Aktiviti utama</u>	<u>Penglibatan dalam aktiviti perniagaan</u>	<u>Kepentingan ekuiti (%)</u>		<u>Jawatan Pengarah</u>	
			<u>Langsung</u>	<u>Tidak Langsung</u>	<u>Tarikh pelantikan</u>	<u>Tarikh letak jawatan</u>
<u>Penglibatan Lampau</u>						
Crossroads Community Bhd	Aktiviti pemegangan syarikat	Pengarah	-	-	15 Januari 2008	Syarikat ini dibubarkan pada 4 Disember 2020

(iv) Kwon Yoo Kyung

<u>Nama syarikat</u>	<u>Aktiviti utama</u>	<u>Penglibatan dalam aktiviti perniagaan</u>	<u>Kepentingan ekuiti (%)</u>		<u>Jawatan Pengarah</u>	
			<u>Langsung</u>	<u>Tidak Langsung</u>	<u>Tarikh pelantikan</u>	<u>Tarikh letak jawatan</u>
<u>Penglibatan Semasa</u>						
JA Consulting Co., Ltd.	Pembangunan harta tanah dan perkhidmatan perundingan	Pengarah dan pemegang saham	15.0	-	7 Oktober 2021	-
<u>Penglibatan Lampau</u>						
Tiada	-	-	-	-	-	-

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

(v) Marieta binti Abdull Hamid

Nama syarikat	Aktiviti utama	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan	Kepentingan ekuiti (%)		Jawatan Pengarah	
			Langsung	Tidak Langsung	Tarikh pelantikan	Tarikh letak jawatan
<u>Penglibatan Semasa</u>						
Able Global Berhad	Pemegangan pelaburan di mana anak syarikatnya terlibat terutamanya dalam pengilangan tin, kaleng dan pengilangan dan jualan produk makanan dan minuman dan memberikan perkhidmatan pengurusan	Pengarah	-	-	19 Ogos 2022	-
All Series Sdn Bhd	Memberikan perundingan, perkhidmatan data dan pengurusan dan teknologi maklumat; Memperoleh nasihat dan bantuan perunding dan pakar; Perunding sumber manusia	Pemegang saham	50.0	-	-	-
Myseminars Bhd	Sdn Penerbit buku undang-undang, surat khabar, jurnal, semakan, buku majalah; Melaksanakan kajian lepasan ijazah dan memberi perundingan akademik; Seminar dan bengkel dalam bidang sumber manusia	Pemegang saham	80.0	-	-	-

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Nama syarikat	Aktiviti utama	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan	Kepentingan ekuiti (%)		Jawatan Pengarah	
			Langsung	Tidak Langsung	Tarikh pelantikan	Tarikh letak jawatan
Data Solutions Sdn Bhd	Memberikan perundingan, data dalam produk berdasarkan teknologi maklumat, peralatan komputer dan perisian; Perniagaan berkaitan e-perdagangan dan kajian pembangunan pengetahuan teknikal dan operasi pusat panggilan; Seminar dan bengkel dalam bidang sumber manusia	Pemegang saham	40.0	-	-	-
Effectus Sdn Bhd	Pemegangan pelaburan dalam dan memberikan sokongan pengurusan kepada syarikat sendiri berhad yang terlibat dalam mengimport, mengeksport dan dagangan produk minyak ikan	Pemegang saham	95.0	-	-	-
<u>Penglibatan Lampau</u>						
Ahlan Trading Sdn Bhd	Dorman	Pengarah	-	-	26 Januari 2016	Syarikat ini dibubarkan pada 22 April 2022

Penglibatan Pengarah kami seperti dipaparkan di atas tidak termasuk saham dalam syarikat awam tersenarai yang dipegang oleh Pengarah kami sebagai pemegang saham minoriti (kurang daripada 5.0% daripada jumlah bilangan saham diterbitkan syarikat awam tersenarai) dan dalam mana mereka tidak menyangand apa-apa pengarah, dan hanya untuk tujuan dagangan dan pelaburan peribadi.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Penglibatan:

- (i) Hoe Kian Choon, Pengarah Eksekutif Bukan Bebas dan Ketua Pegawai Eksekutif kami, dalam perniagaan lain di luar Kumpulan kami tidak menghalang beliau daripada memperuntukkan atau memberikan masa dan usaha beliau kepada Kumpulan kami kerana operasi hari ke sehari perniagaan lain itu diuruskan oleh pasukan pengurusan dan personel syarikat masing-masing, atau syarikat itu adalah syarikat pemegang pelaburan yang menjanakan pendapatan pasif. Beliau hanya menghadiri mesyuarat lembaga pengarah di mana dia berkhidmat dan dengan itu melaksanakan bidang tanggungjawab utamanya sebagai pengarah syarikat tersebut. Beliau telah dan akan terus memastikan bahawa beliau dapat memenuhi dan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan berkesan sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas dan Ketua Pegawai Eksekutif kami; dan
- (ii) Pengarah Bukan Eksekutif kami dalam perniagaan lain di luar Kumpulan kami tidak menghalang mereka daripada memperuntukkan atau memberi masa dan usaha mereka kepada Kumpulan kami.

Oleh yang demikian, Lembaga kami berpendapat bahawa ini tidak akan menjejaskan sumbangan mereka kepada dan prestasi untuk Kumpulan kami.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

5.2.4 Imbuan dan manfaat barangan material Pengarah

Agregat imbuan dan manfaat barangan material (termasuk apa-apa imbuan kontinjen atau tertunggak) dibayar dan dicadangkan untuk dibayar kepada Pengarah kami untuk perkhidmatan yang diberikan mereka dalam semua kapasiti dalam Kumpulan kami bagi FYE2024 dan FYE2025 adalah seperti dipaparkan di bawah:

FYE2024 (Dibayar)	Gaji	Yuran Pengarah	Bonus	Elaun	Manfaat barangan	Caruman kepada KWSP, PERKESO dan SIP	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pengarah Eksekutif							
Hoe Kian Choon	1,027	-	(1)335	60	-	231	(2)1,653
Koo Bon Hak	-	152	-	-	-	-	152
Pengarah Bukan Eksekutif							
Low May-Teng	-	23	-	-	-	-	23
Kwon Yoo Kyung	-	23	-	-	-	-	23
Marieta binti Abdull Hamid	-	10	-	-	-	-	10

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

FYE2025 (Dicadangkan)	Gaji	Yuran Pengarah	Bonus	Elaun	Manfaat barangan	Caruman kepada KWSP, PERKESO dan SIP	Jumlah	Jumlah sebenar yang dibayar 2024 sehingga LPD
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<u>Pengarah Eksekutif</u>								
Hoe Kian Choon	1,022	-	(3)-	62	-	(3)167	1,251	229
<u>Pengarah Bukan Eksekutif</u>								
Koo Bon Hak ⁽⁴⁾	-	324	-	-	-	-	324	-
Low May-Teng	-	48	-	-	-	-	48	-
Kwon Yoo Kyung	-	48	-	-	-	-	48	-
Marieta binti Abdull Hamid	-	48	-	-	-	-	48	-

Nota-nota:

- (1) Bonus berkaitan dengan tahun kewangan sebelumnya.
- (2) Ini termasuk bonus dan caruman KWSP yang berkaitan bagi FYE2023 tetapi dibayar pada FYE2024.
- (3) Bonus dan caruman KWSP yang berkaitan, jika ada, yang akan dibayar berkenaan tahun kewangan sebelumnya masih belum ditentukan setakat LPD.
- (4) Koo Bon Hak menyandang jawatan sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas kami pada 12 Julai 2024.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Imbuan Pengarah kami, yang termasuk yuran Pengarah, bonus dan elaun lain sebegini dan juga manfaat lain, mesti dipertimbangkan dan disyorkan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan kami dan kemudiannya diluluskan oleh Lembaga kami. Yuran Pengarah kami mesti diluluskan lagi oleh pemegang saham kami di mesyuarat agung.

Pengarah kami tidak melaksanakan sebarang opsyen saham bagi FYE2024 dan FYE2025. Setakat LPD, tidak terdapat opsyen tertunggak berkaitan Saham kami.

5.2.5 Perjanjian perkhidmatan dengan Pengarah kami

Setakat LPD, tidak terdapat perjanjian perkhidmatan yang sedia ada atau dicadangkan antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan kami dengan Pengarah kami yang diberi manfaat pada penamatan penggajian.

5.3 AMALAN LEMBAGA

Lembaga kami diamanahkan dengan tanggungjawab keseluruhan arah, strategi, prestasi dan penyeliaan Kumpulan kami. Lembaga kami juga komited untuk mencapai dan mengekalkan piawai tadbir urus korporat yang tinggi.

5.3.1 Lembaga

Lembaga kami telah menerima pakai carter lembaga yang menetapkan, antara lain, tanggungjawab utama yang berikut, yang berkhidmat sebagai rujukan untuk membantu Lembaga kami dalam menjalankan tugas fidusiari mereka:

- (i) menyemak dan meluluskan rancangan korporat tahunan untuk Kumpulan kami, yang termasuk keseluruhan strategi korporat, strategi kesinambungan, rancangan pembangunan dan pemasaran, rancangan sumber manusia, rancangan kewangan dan belanjawan, rancangan kawal selia dan rancangan pengurusan risiko dan memastikan bahawa rancangan-rancangan sebegini disepadukan secara berkesan dan diimbangkan secara wajar;
- (ii) mempromosi dan menerima pakai amalan terbaik berkaitan pengurusan risiko, perundangan, pengurusan pematuhan dan sistem kawalan dalaman untuk melindungi reputasi Kumpulan kami, pekerja dan aset termasuk menyediakan penyata ringkasan tadbir urus korporat dalam pematuhan dengan MCCG untuk laporan tahunan;
- (iii) mengawal hubungan antara Kumpulan kami dan pengurusan Syarikat kami ("**Pengurusan**"), pemegang saham dan pemegang amanah, dan untuk membangunkan dan melaksanakan program hubungan pelabur atau dasar komunikasi pemegang saham untuk Kumpulan kami;
- (iv) menanggung tanggungjawab bersama dengan Pengurusan untuk kesinambungan tadbir urus dalam Kumpulan kami termasuk menetapkan strategi kesinambungan, keutamaan dan sasaran Kumpulan kami dan memastikan strategi, keutamaan dan sasaran sebegini dan juga prestasi terhadap sasaran ini dimaklumkan kepada pemegang amanah dalaman dan luar;
- (v) meluluskan dasar pencalonan, pemilihan, dasar penggantian, dan pakej imbuan untuk ahli Lembaga kami, ahli Jawatankuasa Lembaga, calon Pengarah Lembaga anak syarikat berfungsi dan pegawai utama kami, dan belanjawan tenaga kerja tahunan untuk Kumpulan kami, termasuk pengurusan rancangan penggantian, melatih, menetapkan pampasan, pelantikan dan di mana sesuai menggantikan Pengurusan atau personel pengurusan penting;

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

- (vi) menyemak dan meluluskan dasar pelaburan dan garis panduan untuk dana lebih Kumpulan kami, dasar peruntukan aset dan dasar mengenai had pendedahan ke atas pelaburan dengan institusi perbankan;
- (vii) menyemak dan meluluskan laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko dan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk laporan tahunan; dan
- (viii) menyemak isu-isu konflik kepentingan berkaitan seorang Pengarah atau orang yang berkaitan termasuk meluluskan urusan niaga pihak berkaitan, tertakluk kepada kelulusan pemegang saham, di mana diperlukan.

Tambahan lagi, peranan dan tanggungjawab Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas dan Ketua Pegawai Eksekutif kami dipisahkan dengan jelas untuk mempertingkatkan lagi dan mengekalkan imbalan kuasa dan kebertanggungjawaban.

Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas kami bertanggungjawab terutamanya untuk yang berikut:

- (i) menyelia dan memastikan keberkesanan semua aspek fungsi Lembaga kami, termasuk komposisi, struktur, proses, dan prestasinya;
- (ii) memimpin Lembaga kami dalam menerima pakai dan melaksanakan amalan tadbir urus korporat yang baik;
- (iii) bertanggungjawab menganjurkan dan memastikan kelancaran cecap fungsi dan mesyuarat Lembaga kami;
- (iv) menetapkan agenda Lembaga kami dan memastikan bahawa Pengarah menerima maklumat yang sempurna dan tepat dalam waktu untuk memudahkan sumbangan yang berkesan daripada semua Pengarah di mesyuarat Lembaga kami;
- (v) menggalakkan perhubungan yang membina dan penuh hormat antara para Pengarah, dan antara Lembaga dan Pengurusan yang membina satu persekitaran yang sesuai untuk dialog terbuka dan usaha sama; dan
- (vi) memastikan langkah-langkah yang wajar diambil untuk memberikan komunikasi yang berkesan dengan pemegang amanah dan pandangan pemegang amanah dimaklumkan kepada Lembaga kami sebagai satu keseluruhan.

Sebaliknya, Ketua Pegawai Eksekutif kami bertanggungjawab terutamanya untuk pelaksanaan strategi perniagaan dan dasar yang di rumuskan oleh Lembaga kami dan juga menyelia pengurusan dan operasi hari ke sehari Kumpulan kami.

Butiran ahli Lembaga kami, tarikh tamat tempoh pejabat semasa untuk setiap daripada Pengarah dan tempoh untuk mana Pengarah kami telah berkhidmat dalam jawatan setakat LPD adalah seperti berikut:

Pengarah	Tarikh tamat tempoh pejabat semasa	Anggaran bil. tahun dalam jawatan setakat LPD
Koo Bon Hak	Pada AGM tahun 2025	10
Hoe Kian Choon	Pada AGM tahun 2025	11
Low May-Teng	Pada AGM tahun 2025	Kurang daripada setahun
Kwon Yoo Kyung	Pada AGM tahun 2025	Kurang daripada setahun
Marieta binti Abdull Hamid	Pada AGM tahun 2025	Kurang daripada setahun

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Selain daripada Koo Bon Hak yang mewakili CKH, tiada Pengarah kami mewakili mana-mana pemegang saham korporat. Untuk butiran mengenai sekutu dan hubungan keluarga antara Promoter, Pemegang Syer Substansial, Pengarah dan Pengurusan Kanan Utama, sila rujuk kepada Seksyen 5.6 Prospektus ini.

5.3.2 Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko terdiri daripada ahli yang berikut:

Nama	Jawatan	Jawatan Pengarah
Low May-Teng	Pengerusi	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan
Kwon Yoo Kyung	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Marieta binti Abdull Hamid	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko menjalankan, antara lain, fungsi yang berikut:

(i) Pelaporan Kewangan

Menyemak penyata kewangan sukuan dan tahunan Kumpulan kami yang disediakan oleh Pengurusan, di mana perlu, bersama dengan juruaudit luar, menumpu terutamanya pada:

- (a) apa-apa perubahan signifikan terhadap dasar dan amalan perakaunan;
- (b) perkara-perkara signifikan yang diserlahkan termasuk isu-isu pelaporan kewangan, keputusan signifikan yang dilakukan oleh Pengurusan, peristiwa atau urusan niaga signifikan dan luar biasa, dan bagaimana perkara-perkara ini ditangani;
- (c) pelarasan signifikan yang timbul daripada audit;
- (d) pematuhan dengan piawai perakaunan dan keperluan perundangan lain; dan
- (e) tanggapan yang berterusan.

(ii) Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

- (a) menyelia dan mengesyorkan strategi pengurusan risiko dan dasar dan tahap toleransi risiko untuk kelulusan Lembaga kami;
- (b) menjalankan semakan berkala mengenai keberkesanan sistem kawalan dalaman dan rangka kerja pengurusan risiko yang diguna pakai dalam Kumpulan kami dan berpuas hati bahawa metodologi yang digunakan membenarkan pengenalpastian, analisis, penilaian, pemantauan dan komunikasi risiko secara tetap dan tepat pada masanya yang akan membolehkan Kumpulan kami mengurangkan kerugian dan memaksimumkan peluang;
- (c) melakukan pengenalpastian dan menilai risiko mengenai pemerolehan atau pelupusan aset/perniagaan utama, atau kepelbagaian perniagaan atau penyatuan perniagaan;

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

- (d) mengesyorkan kepada Lembaga kami langkah-langkah untuk mempertingkatkan sistem kawalan dalaman yang diperolehi daripada penemuan juruaudit dalaman dan luar dan daripada perundingan dengan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko; dan
- (e) melapor kepada Lembaga kami apa-apa penipuan atau penyelewengan yang disyaki, kekurangan kawalan dalaman yang serius atau pelanggaran undang-undang, peraturan dan syarat yang disyaki yang dibawa kepada pengetahuannya dan cukup penting untuk mendapatkan perhatian Lembaga kami.

(iii) Audit Dalaman

- (a) menyemak keberkesanan fungsi audit dalaman, termasuk kebolehan, kecekapan dan kelayakan pasukan audit dalaman dan/atau juruaudit dalaman sumber luar (jika ada) untuk melakukan tugasnya;
- (b) menyemak kecukupan skop, fungsi, kecekapan, sumber dan belanjawan dan bahawa ia mempunyai kuasa dan kebebasan yang diperlukan daripada pengurusan untuk menjalankan kerjanya;
- (c) menyemak dan meluluskan rancangan audit dalaman dan laporan audit dalaman dan, di mana perlu, memastikan bahawa tindakan yang wajar diambil pada cadangan yang di buat oleh fungsi audit dalaman;
- (d) menyemak apa-apa perkara mengenai penggajian atau pelantikan (dan pelantikan semula) juruaudit dalaman dan/atau dari sumber luar (seperti mana yang berkenaan) dan sebab-sebab peletakan jawatan atau penamatan mana-mana pihak; dan
- (e) meminta dan menyemak apa-apa audit khas yang Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko anggap perlu.

(iv) Audit Luar

- (a) menyemak rancangan audit juruaudit luar, sifat dan skop rancangan audit, laporan audit, penilaian kawalan dalaman dan penyelarasan juruaudit luar;
- (b) menyemak penilaian prestasi tahunan, termasuk kesesuaian dan kebebasan juruaudit luar dan membuat cadangan kepada Lembaga kami mengenai pelantikan dan pelantikan semula juruaudit luar;
- (c) menyemak laporan audit juruaudit luar, dan surat pengurusan dan respons pengurusan terhadap surat pengurusan;
- (d) menyemak penemuan juruaudit luar yang timbul daripada audit, terutamanya apa-apa komen dan respons terhadap cadangan audit serta bantuan yang diberi oleh pekerja Kumpulan kami bagi memastikan tindakan yang wajar telah diambil; dan
- (e) menyemak dengan juruaudit luar untuk Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman Kumpulan kami untuk dimasukkan ke dalam laporan tahunan.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

(v) Urus niaga Pihak Berkaitan / Situasi Konflik Kepentingan

- (a) menyemak apa-apa urus niaga pihak berkaitan dan situasi konflik kepentingan yang timbul, berkekalan atau boleh timbul dalam Kumpulan kami termasuk apa-apa urus niaga, prosedur atau jalan perlakuan yang menimbulkan persoalan integriti Pengurusan dan langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan, menyingkirkan atau mengurangkan konflik sebegini; dan
- (b) memastikan bahawa Kumpulan kami mempunyai prosedur dan proses yang cukup tersedia untuk mengawal dan mengawasi urus niaga pihak berkaitan dan menyemak proses-proses ini.

(vi) Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

Menyediakan laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko kepada Lembaga kami untuk dimasukkan dalam laporan tahunan dan menyemak penyata Lembaga kami mengenai pematuhan dengan MCCG untuk dimasukkan dalam laporan tahunan tersebut.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko boleh mendapatkan nasihat daripada pihak bebas dan profesional lain dalam menjalankan tugas mereka.

5.3.3 Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan kami terdiri daripada ahli yang berikut:

<u>Nama</u>	<u>Jawatan</u>	<u>Jawatan Pengarah</u>
Kwon Yoo Kyung	Pengerusi	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Low May-Teng	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan
Marieta binti Abdull Hamid	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan menjalankan, antara lain, fungsi yang berikut:

(i) Perkara Pencalonan

- (a) menubuhkan kriteria dan proses pilihan yang wajar (kelayakan dan kesesuaian), proses pengambilan bekerja dan mengesyorkan kepada Lembaga, calon-calon untuk semua pengarah Syarikat kami dan ahli jawatankuasa Lembaga yang berkenaan;
- (b) merumus dan menjalankan semakan tahunan mengenai rancangan kesinambungan Lembaga dan pengurusan kanan kami, mengambil kira saiz, struktur dan komposisi semasa Lembaga dan pengurusan kanan kami dan juga campuran kemahiran, pengetahuan, pengalaman, kepelbagaian dan kecekapan semasa seperti diperlukan oleh Syarat Penyenaraian;

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

- (c) memudahkan penilaian tahunan mengenai keberkesanan Lembaga kami sebagai satu keseluruhan, sumbangan pelbagai jawatankuasa Lembaga dan setiap individu Pengarah kepada keberkesanan proses membuat keputusan Lembaga kami dan membuat cadangan kepada Lembaga kami mengenai pengundian semula / pelantikan semula pengarah menurut penilaian yang memuaskan prestasi dan sumbangan Pengarah kami kepada Lembaga kami;
- (d) menyemak pada dasar tahunan, tempoh perkhidmatan setiap Pengarah bebas; dan
- (e) menjalankan semakan tahunan program latihan yang dihadiri Pengarah kami untuk setiap tahun kewangan dan juga mengenal pasti program latihan yang diperlukan oleh Pengarah kami bagi menjalankan tugas mereka dan untuk membolehkan mereka mengikuti perkembangan dan trend industri.

(ii) Perkara Imbuan


- (a) memastikan penubuhan prosedur formal dan telus untuk membangunkan dasar, strategi dan rangka kerja untuk imbuan Pengarah eksekutif dan pengurusan kanan kami;
- (b) melaksanakan dasar dan prosedur imbuan termasuk menyemak semula dan mengesyorkan kepada Lembaga kami mengenai pakej imbuan Pengarah dan personel pengurusan kanan kami dalam semua bentuk, terutamanya mengenai sama ada imbuan kelak wajar terhadap sumbangan setiap daripada Pengarah dan personel pengurusan kanan kami, dengan mengambil kira tahap kepakaran, komitmen dan tanggungjawab yang diambil, dengan atau tanpa nasihat profesional bebas lain atau nasihat luar lain, dengan rujukan kepada dasar dan prosedur imbuan Syarikat kami;
- (c) memastikan yuran dan manfaat berbayar kepada Pengarah kami, dan apa-apa pampasan untuk kehilangan pekerjaan Pengarah eksekutif kami diluluskan oleh pemegang saham di mesyuarat agung; dan
- (d) memberi satu pendedahan imbuan yang terperinci untuk individu Pengarah kami dan lima pengurusan kanan tertinggi, yang termasuk yuran, gaji, bonus, manfaat barangan dan lain-lain emolumen.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

5.4 PENGURUSAN KANAN UTAMA

5.4.1 Struktur pelaporan pengurusan

Struktur pelaporan pengurusan Kumpulan kami adalah seperti berikut:



5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

5.4.2 Pemegangan saham Pengurusan Kanan Utama kami

Sila rujuk kepada Seksyen 5.1.1 Prospektus ini untuk maklumat mengenai pemegangan saham Hoe Kian Choon dalam Syarikat kami. Butiran pemegangan saham Pengurusan Kanan Utama kami dalam Syarikat kami sebelum dan selepas IPO kami adalah seperti berikut:

Pengurusan Kanan Utama	Setakat LPD dan sebelum IPO ⁽¹⁾ kami				Selepas IPO ⁽²⁾ kami			
	Langsung		Tidak Langsung		Langsung		Tidak Langsung	
	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%
Yeong Kian Peng	-	-	-	-	1,000,000 ⁽³⁾	*	-	-
Toh Seng Lee	8,589,058	0.7	-	-	4,298,401	0.3	-	-
Goh Hui Teng	8,589,058	0.7	-	-	4,298,401	0.3	-	-

Nota-nota:

* Boleh diabaikan

(1) Berdasarkan jumlah bilangan kami sebanyak 1,289,520,000 Saham sebelum IPO kami.

(2) Berdasarkan jumlah bilangan diperbesar kami sebanyak 1,432,800,000 Saham selepas IPO kami.

(3) Dianggap bahawa Yeong Kian Peng melanggan sepenuhnya peruntukan beliau di bawah Peruntukan Borang Merah Jambu.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

5.4.3 Profil Pengurusan Kanan Utama kami

Sila rujuk kepada Seksyen 5.1.2(iii) Prospektus ini untuk profil Hoe Kian Choon, Ketua Pegawai Eksekutif kami. Profil Pengurusan Kanan Utama lain kami adalah seperti berikut:

(i) Yeong Kian Peng
Ketua Pegawai Kewangan

Yeong Kian Peng, seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 50 tahun, ialah Ketua Pegawai Kewangan kami. Beliau bertanggungjawab menyelia perancangan dan semakan kewangan, pengurusan aliran tunai, pelaporan kewangan Kumpulan kami dan juga perkara-perkara perundangan dan pematuhan.

Beliau menamatkan pengajian dari Universiti Putra Malaysia dengan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan pada Ogos 1999. Beliau ialah ahli Association of Chartered Certified Accountants sejak Mei 2003 dan ahli fellow sejak Mei 2008. Beliau juga ialah Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia sejak September 2003.

Beliau menyertai KPMG Malaysia pada Januari 2000 sebagai Penolong Audit. Beliau dinaikkan pangkat menjadi Sekutu Kanan pada Januari 2002 dan menyandang jawatan tersebut sehingga beliau meninggalkan KPMG Malaysia pada Jun 2003. Pada Julai 2003, beliau menyertai Malaysian Airline System Berhad sebagai Eksekutif Audit Kanan, di mana beliau mengendalikan audit dalaman syarikat sehingga Januari 2005.

Beliau menyertai Ernst & Young (Shanghai) pada Februari 2005 sebagai Akauntan Kanan sehingga September 2006. Pada Oktober 2006, beliau menyertai KPMG Huazhen (Shanghai) sebagai Penolong Pengurus Audit. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Pengurus Audit dan menyandang jawatan itu sehingga Disember 2008.

Beliau kembali ke Malaysia pada Februari 2009 dan bekerja dengan Tranglo Sdn Bhd, sebuah syarikat pembayaran merentas sempadan, sebagai Pengurus Kewangan Kanan sehingga Ogos 2010, di mana beliau bertanggungjawab mengendalikan perakaunan syarikat dan pematuhan dengan syarat pelaporan Bank Negara Malaysia.

Pada September 2010, beliau menyertai Huawei Technologies (Malaysia) Sdn Bhd ("**Huawei**") sebagai Ketua Pematuhan Serantau. Pada Mac 2013, beliau dinaikkan pangkat menjadi Naib Pengarah Pusat Perkhidmatan Perakaunan Bersama Malaysia Jabatan Penutupan Akaun dan Analisis Laporan dan menyandang jawatan itu sehingga November 2014. Tanggungjawab beliau termasuk menyelia pelaporan perakaunan dan kewangan untuk Huawei di rantau Asia Pasifik.

Pada Disember 2014, beliau menyertai redONE Network Sdn Bhd ("**redONE Network**") sebagai Pengarah Kewangan di mana beliau bertanggungjawab untuk perakaunan syarikat, belanjawan, pelaporan kewangan, pengurusan harga dan pengurusan perbendaharaan. Beliau meninggalkan redONE Network pada Mei 2018 dan menyertai Kumpulan kami, menyandang jawatan dan bertanggungjawab semasa beliau.

(ii) Toh Seng Lee
Ketua Pegawai Operasi

Toh Seng Lee, seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 41 tahun, ialah Ketua Pegawai Operasi kami. Beliau bertanggungjawab terutamanya untuk penyeliaan operasi Kumpulan kami yang termasuk jualan, servis, kutipan, perancangan perkembangan perniagaan, pengurusan rangkaian bekalan, dan teknologi maklumat.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Beliau memperoleh Diploma dalam Komunikasi Massa dari Han Chiang College Malaysia pada Jun 2004. Beliau kemudiannya menamatkan pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Kewartawanan dan Komunikasi Massa dari Ming Chuan University, Taiwan pada Jun 2008.

Beliau memulakan kerjayanya di WaterShop Matrix Valley (M) Sdn Bhd sebagai Penolong Pengurus Francais pada Julai 2004, di mana beliau bertanggungjawab untuk jualan dan operasi. Beliau meninggalkannya pada Julai 2006 untuk melanjutkan pengajiannya di Ming Chuan University, Taiwan.

Pada September 2008, beliau menyertai Woongjin Coway (M) Sdn Bhd (kini dikenali sebagai Coway (Malaysia) Sdn Bhd) ("**Coway**") sebagai Eksekutif Pentadbiran Jualan Kanan. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Penolong Pengurus pada Mac 2010 dan Pengurus pada Mac 2012, satu jawatan yang beliau sandang sehingga pemergian beliau dari Coway pada Ogos 2014. Tanggungjawab beliau termasuk jualan dan rancangan servis dan sokongan organisasi.

Pada September 2014, beliau menyertai Kumpulan kami sebagai Ketua Pengurus Natural di mana beliau mengendalikan prestasi jualan. Pada Mac 2017, beliau dinaikkan pangkat menjadi Pengarah Jualan Luar Negara Syarikat kami dan menyandang jawatan itu sehingga Oktober 2017. Tanggungjawab beliau berkembang untuk merangkumi penyeliaan strategi dan prestasi jualan CUCKOO Singapore dan CUCKOO Brunei (sebagai sub-pengedar kami di Brunei) sehingga Oktober 2017. Dari November 2017 hingga Jun 2019, beliau dilantik sebagai Pengarah Presiden CUCKOO Indonesia, di mana beliau bertanggungjawab menubuhkan dan mengembangkan perniagaan CUCKOO Indonesia.

Pada Julai 2019, beliau dipindah kembali ke Malaysia dan menyandang peranan Ketua Pegawai Kredit di mana beliau bertanggungjawab untuk bahagian kutipan. Pada perjawatan semula sebagai Ketua Pegawai Pelanggan pada November 2019, tanggungjawab beliau diperkembangkan untuk merangkumi bahagian servis. Pada Julai 2022, beliau menjadi Ketua Pegawai Operasi di mana beliau menyandang tanggungjawab semasa beliau.

(iii) Goh Hui Teng
Ketua Pegawai Pemasaran

Goh Hui Teng, seorang wanita warganegara Malaysia berusia 42 tahun, ialah Ketua Pegawai Pemasaran kami. Beliau bertanggungjawab terutamanya untuk penyeliaan pemasaran, pembangunan produk, sumber manusia dan pentadbiran, pengurusan runcit dan aset, perkhidmatan pelanggan, dan pelatihan.

Beliau memperoleh Sijil Komunikasi Penggajian dari IACT College (dahulunya dikenali sebagai Institute Advertising Communication Training) ("**IACT College**") pada Jun 2002. Beliau kemudiannya memperoleh Diploma dalam Pengiklanan dan Diploma dalam Komunikasi Pemasaran dari IACT College pada Ogos 2004.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan di Yellow Gecko Sdn Bhd pada September 2004 dan menyandang jawatan tersebut sehingga April 2005. Tanggungjawab beliau termasuk menguruskan akaun pelanggan syarikat tersebut.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Pada April 2005, beliau menyertai Journal Multimedia Sdn Bhd sebagai Eksekutif Pengurusan Majlis di mana beliau terlibat terutamanya dalam penyediaan dan penyelarasan majlis sehingga pemergian beliau pada Januari 2006. Dari Februari 2006 hingga Februari 2007, beliau bekerja dengan Asia Media Monitoring Sdn Bhd sebagai Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, di mana beliau mengendalikan pembangunan perniagaan dan perkhidmatan pelanggan untuk akaun baharu.

Pada Mac 2007, beliau menyertai Woongjin Coway (M) Sdn Bhd (kini dikenali sebagai Coway (Malaysia) Sdn Bhd) ("**Coway**") sebagai Eksekutif Pengiklanan dan Promosi. Beliau dinaikkan pangkat beberapa kali sementara di Coway, iaitu sebagai Eksekutif Pengiklanan dan Promosi Kanan pada Mac 2008, Penolong Pengurus pada Mac 2009 dan Pengurus pada Mac 2012, satu jawatan yang beliau sandang sehingga Ogos 2014. Sepanjang tempoh beliau dengan Coway, beliau bertanggungjawab mengendalikan komunikasi jenama, perhubungan awam dan majlis.

Beliau menyertai Kumpulan kami pada September 2014 sebagai Pengurus Pemasaran Kanan. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Pengarah Pemasaran pada Januari 2017 di mana beliau bertanggungjawab menyelia pemasaran, perkhidmatan pelanggan dan pelatihan. Selepas itu, beliau dijawat semula sebagai Ketua Pegawai Pemasaran pada Julai 2019, di mana beliau menyandang tanggungjawab semasa beliau.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

5.4.4 Jawatan Pengarah utama dan aktiviti perniagaan utama yang dilakukan oleh Pengurusan Kanan Utama di luar Kumpulan kami

Jadual yang berikut memaparkan jawatan pengarah utama dan aktiviti perniagaan utama Pengurusan Kanan Utama kami di luar Kumpulan kami setakat LPD (“**Penglibatan Semasa**”), dan jawatan pengarah utama di luar Kumpulan kami untuk lima tahun yang lepas sebelum LPD (“**Penglibatan Lampau**”):

(i) Yeong Kian Peng

Nama syarikat	Aktiviti Utama	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan	Kepentingan ekuiti (%)		Jawatan Pengarah	
			Langsung	Tidak Langsung	Tarikh pelantikan	Tarikh peletakan jawatan
<u>Penglibatan semasa</u>						
Six Fun Media Sdn Bhd	Aktiviti syarikat pemegangan; pengeluaran semula media terakam; dan wayang gambar, aktiviti pengeluaran video dan program televisyen	Pemegang saham	12.5	-	-	-

Penglibatan lampau

Tiada

(ii) Toh Seng Lee

Nama syarikat	Aktiviti Utama	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan	Kepentingan ekuiti (%)		Jawatan Pengarah	
			Langsung	Tidak Langsung	Tarikh pelantikan	Tarikh peletakan jawatan
<u>Penglibatan semasa</u>						
TSL The Starting Line Sdn Bhd	Agen Komisen untuk semua jenis peralatan rumah, sebagai penganjur majlis, pameran, pesta promosi, latihan dan perkhidmatan berkaitan lain,	Pengarah dan pemegang saham	100.0	-	23 Mei 2016	-

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Nama syarikat	Aktiviti Utama	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan	Kepentingan ekuiti (%)		Jawatan Pengarah	
			Langsung	Tidak Langsung	Tarikh pelantikan	Tarikh peletakan jawatan
Smart Circle Resources Sdn Bhd	Pelaburan hartanah; aktiviti harta tanah dengan hartanah milik sendiri atau disewakan t.t.t.l	Pengarah dan pemegang saham	-	25.0	6 Ogos 2020	
MNHero Sdn Bhd	Pendanaan awam untuk amal	Pemegang saham	0.5	-	-	-
Six Fun Media Sdn Bhd	Aktiviti syarikat pemegangan; pengeluaran semula media terakam; dan wayang gambar, aktiviti pengeluaran video dan program televisyen	Pemegang saham	16.7	-	-	-
Affinity Merger Sdn Bhd	Membeli, menjual, menyewa dan mengoperasi harta tanah milik sendiri atau disewa	Pemegang saham	13.0	-	-	-
Achievement Meet Sdn Bhd	Perniagaan kafe dan restoran	Pemegang saham	15.0	-	-	-
<u>Penglibatan lampau</u>						
NCM Team Holding (M) Sdn Bhd	Pemegangan pelaburan (dalam sekuriti tidak tersenarai)	Pengarah	-	-	4 Ogos 2016	Syarikat dibubarkan pada 21 September 2023
360 Holdings Sdn Bhd	Eksport dan import pelbagai barangan tanpa apa-apa pengkhususan t.t.t.l.	Pengarah	-	-	6 Disember 2017	9 Mac 2020

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI**(iii) Goh Hui Teng**

Nama syarikat	Aktiviti Utama	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan	Kepentingan ekuiti (%)		Jawatan Pengarah	
			Langsung	Tidak Langsung	Tarikh pelantikan	Tarikh peletakan jawatan
Penglibatan semasa						
Six Fun Media Sdn. Bhd.	Aktiviti syarikat pemegangan; pengeluaran semula media terakam; dan wayang gambar, aktiviti pengeluaran video dan program televisyen	Pengarah dan pemegang saham	16.7	-	28 Mei 2021	-
Gazeum Sdn Bhd	Memborong kopi, teh, koko dan lain minuman; aktiviti syarikat pemegang.	Pemegang saham	0.8	-	-	-
Penglibatan lampau						
Wonderklean Service Sdn Bhd	Aktiviti pembersihan bangunan dan perindustrian lain t.t.t.l.	Pengarah	-	-	28 April 2020	Syarikat dibubarkan pada 2 Mac 2023
360 Holdings Sdn Bhd	Eksport dan import pelbagai barangan tanpa apa-apa pengkhususan t.t.t.l.	Pengarah	-	-	6 Disember 2017	9 Mac 2020
Wealth Mastermind (M) Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Wonderlab Resources (M) Sdn Bhd)	Dagangan am; menjalankan perniagaan pemasaran semua jenis barangan, produk, komoditi dan perkhidmatan	Pengarah	-	-	9 Oktober 2020	28 Mei 2024

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Penglibatan Pengurusan Kanan Utama kami seperti dipaparkan di atas, tidak mengambil kira saham dalam syarikat awam tersenarai yang dipegang oleh Pengurusan Kanan Utama kami sebagai pemegang saham minoriti (kurang daripada 5.0% daripada jumlah bilangan saham diterbitkan syarikat awam tersenarai) dan dalam mana mereka tidak menyandang apa-apa jawatan pengarah, dan hanya untuk tujuan dagangan dan pelaburan peribadi.

Penglibatan Pengurusan Kanan Utama kami dalam perniagaan lain di luar Kumpulan kami tidak menjejaskan komitmen mereka, kebolehan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dan sumbangan berterusan kepada pengurusan dan operasi hari ke sehari Kumpulan kami kerana operasi hari ke sehari perniagaan lain itu diuruskan oleh pasukan pengurusan dan personel syarikat masing-masing, atau syarikat yang disebut adalah syarikat pemegang pelaburan yang menjanakan pendapatan pasif.

5.4.5 Imbuan dan manfaat barangan material Pengurusan Kanan Utama

Sila rujuk kepada Seksyen 5.1.4 Prospektus ini untuk imbuan dan manfaat barangan material Hoe Kian Choon. Agregat imbuan dan manfaat barangan material (termasuk apa-apa imbuan kontinjen atau tertunggak) yang dibayar dan dicadangkan untuk dibayar kepada Pengurusan Kanan Utama kami untuk perkhidmatan yang diberikan atau akan diberikan kepada kami dalam semua kapasiti dalam Kumpulan kami bagi FYE2024 dan FYE2025 adalah seperti berikut:

Pengurusan Kanan Utama	Julat imbuan		Amaun sebenar yang dibayar pada FYE2025 sehingga LPD ⁽¹⁾
	FYE2024 (Dibayar)	FYE2025 (Dicadangkan)	
	RM'000	RM'000	RM'000
Yeong Kian Peng	700 – 750	650 – 700	100 -150
Toh Seng Lee	850 – 900	800 – 850	100 -150
Goh Hui Teng	650 – 700	600 – 650	100 -150

Nota:

(1) Ini termasuk bonus dan caruman KWSP yang berkaitan untuk FYE2024, tetapi dibayar pada FYE2025.

Imbuan yang di atas untuk Pengurusan Kanan Utama kami termasuk gaji, bonus, elaun, caruman kepada KWSP, PERKESO dan SIP, dan manfaat lain mesti dipertimbangkan dan disyorkan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan dan kemudiannya diluluskan oleh Lembaga kami.

Pengurusan Kanan Utama kami tidak melaksanakan sebarang opsiyen saham bagi FYE2024 dan FYE2025. Setakat LPD, tidak terdapat opsiyen tertunggak berkaitan Saham kami.

5.4.6 Perjanjian perkhidmatan dengan Pengurusan Kanan Utama kami

Setakat LPD, tidak terdapat perjanjian perkhidmatan yang sedia ada atau dicadangkan antara syarikat dalam Kumpulan kami dan Pengurusan Kanan Utama kami yang memberikan manfaat pada penamatan penggajian.

5. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SYER SUBSTANSIAL, PENGARAH, DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

5.5 PENGAKUAN OLEH PROMOTER, PENGARAH DAN PENGURUSAN KANAN UTAMA KAMI

Tiada Promoter, Pengarah dan Pengurusan Kanan Utama kami adalah atau pernah terlibat dalam mana-mana daripada peristiwa yang berikut (sama ada di dalam atau di luar Malaysia):

- (i) dalam tempoh 10 tahun yang lalu, satu petisyen di bawah mana-mana undang-undang kebangkrutan atau ketidaksolvenan telah difailkan (dan tidak dibatalkan) terhadap beliau atau apa-apa perkongsian di mana beliau merupakan rakan kongsi atau mana-mana perbadanan di mana beliau ialah pengarah atau Pengurusan Kanan Utama;
- (ii) tidak layak untuk bertindak sebagai pengarah bagi mana-mana perbadanan, atau daripada mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan mana-mana perbadanan;
- (iii) dalam tempoh 10 tahun yang lalu, didakwa atau disabitkan dalam prosiding jenayah, atau dinamakan subjek bagi prosiding jenayah yang belum selesai;
- (iv) dalam tempoh 10 tahun yang lalu, apa-apa penghakiman telah di buat terhadap beliau, atau penemuan kesalahan, salah nyata, ketidakjujuran, ketidakcekapan atau penyelewengan di pihaknya, yang melibatkan pelanggaran mana-mana undang-undang atau keperluan kawal selia yang berkaitan dengan pasaran modal;
- (v) dalam tempoh 10 tahun yang lalu, menjadi subjek apa-apa prosiding sivil, yang melibatkan dakwaan penipuan, salah nyata, ketidakjujuran, ketidakcekapan atau penyelewengan di pihak beliau yang berkaitan dengan pasaran modal;
- (vi) merupakan subjek apa-apa perintah, penghakiman atau keputusan mana-mana mahkamah, kerajaan, atau pihak berkuasa atau badan kawal selia, yang melarang beliau daripada terlibat dalam apa-apa jenis amalan atau aktiviti perniagaan buat sementara waktu;
- (vii) merupakan subjek apa-apa penyiasatan semasa atau prosiding disiplin, atau dalam 10 tahun yang lepas pernah ditegur atau dikeluarkan apa-apa amaran oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia, bursa sekuriti atau derivatif, badan profesional atau agensi kerajaan; atau
- (viii) apa-apa keputusan yang tidak memuaskan terhadap beliau.

5.6 HUBUNGAN KELUARGA DAN PERKAITAN

Selain daripada yang dipaparkan di bawah, tidak terdapat hubungan keluarga atau perkaitan antara Promoter, Pemegang Syer Substansial, Pengarah dan Pengurusan Kanan Utama kami:

- (i) Koo Bon Hak, Promoter, Pemegang Syer Substansial dan Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas kami, ialah:
 - (a) Ketua Pegawai Eksekutif, pengarah, wakil pengarah dan Pemegang Syer Substansial CKH; dan
 - (b) pengarah dan Pemegang Syer Substansial CUCKOO Holdings.
- (ii) Toh Seng Lee, Ketua Pegawai Operasi kami ialah pasangan Goh Hui Teng, Ketua Pegawai Pemasaran kami.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN KAMI

6.1 SYARIKAT KAMI

Syarikat kami telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat sendiri berhad pada 24 Julai 2014 di bawah nama CUCKOO International (MAL) Sdn Bhd dan dianggap berdaftar di bawah Akta tersebut. Pada 5 Ogos 2024, Syarikat kami telah ditukar menjadi syarikat awam berhad dan menggunakan nama semasa kami sekarang iaitu CUCKOO International (MAL) Berhad untuk memudahkan Penyenaiaan kami.

Tempat utama perniagaan Syarikat kami adalah di Aras 16, Menara Bangkok Bank, Laman Sentral Berjaya, No. 105, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia. Kami terlibat terutamanya dalam perdagangan dan penyewaan peralatan rumah, tilam dan perabot, perdagangan produk penjagaan kecantikan, penyediaan perkhidmatan penjagaan rumah dan aktiviti pegangan pelaburan. Butiran lanjut mengenai aktiviti perniagaan kami dinyatakan dalam Seksyen 7.1 Prospektus ini.

Pada LPD, kami mempunyai dua anak syarikat, dan Kumpulan kami tidak mempunyai usaha sama atau syarikat bersekutu. Sila rujuk kepada Seksyen 6.3 Prospektus ini untuk maklumat lanjut.

6.1.1 Modal saham dan perubahan dalam modal saham

Pada LPD, modal saham terbitan kami adalah RM186,427,633 yang terdiri daripada 1,289,520,000 Saham. Butiran perubahan kepada modal saham terbitan kami untuk Tahun Kewangan dalam Semakan dan sehingga LPD ditunjukkan di bawah:

Tarikh pengumuman	Sifat urusan niaga	Bil. Saham diumpukkan	Pertimbangan (RM)	Modal saham terbitan kumulatif	
				Bil. Saham	RM
6 April 2023	Skim opsyen saham pekerja ("ESOS")	4,887,437	4,887,437	48,918,407	⁽¹⁾ 186,427,633
11 Julai 2024	Terbitan Bonus ⁽²⁾	1,240,601,593	-	1,289,520,000	186,427,633

Nota:

- (1) Modal saham terbitan meningkat daripada RM44,030,970 kepada RM186,427,633 melalui penerbitan 4,887,437 Saham baharu melalui ESOS di mana harga pelaksanaan saham baharu di bawah ESOS adalah RM1.00, dan apabila opsyen saham dilaksanakan, jumlah daripada rizab opsyen saham yang terdiri daripada nilai kumulatif perkhidmatan pekerja yang diterima untuk penerbitan opsyen saham dipindahkan ke modal saham.
- (2) Sila lihat Seksyen 6.1.2 Prospektus ini untuk maklumat lanjut mengenai Terbitan Bonus.

Pada LPD, tiada waran tertunggak, opsyen, sekuriti boleh tukar tertunggak atau modal yang tidak dipanggil dalam Syarikat kami. Di samping itu, tiada diskaun, terma khas atau terma pembayaran ansuran yang terpakai bagi pembayaran pertimbangan bagi apa-apa pengumpulan Saham kami.

Semasa penyelesaian IPO kami, modal saham diperbesar kami akan meningkat kepada RM364,373,378 yang terdiri daripada 1,432,800,000 Saham.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN KAMI**6.1.2 Terbitan Bonus**

Pada 11 Julai 2024, Syarikat kami menyelesaikan Terbitan Bonus sebanyak 1,240,601,593 Saham baharu kepada pemegang saham sedia ada kami bagi tujuan meningkatkan bilangan Saham terbitan kami untuk memudahkan IPO dan Penyenaraian kami. Terbitan Bonus telah dilaksanakan tanpa mengambil modal daripada perolehan tertahan atau rizab Syarikat kami dan saham baharu tersebut telah diterbitkan tanpa sebarang pertimbangan. Pemegangan saham berkesan pemegang saham sedia ada kami dalam Syarikat kami sebelum dan selepas Terbitan Bonus adalah sama, dan adalah seperti berikut:

Nama	Sebelum Terbitan Bonus				Selepas Terbitan Bonus			
	Langsung		Tidak langsung		Langsung		Tidak langsung	
	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%
CKH	30,591,995	62.5	-	-	806,424,244	62.5	-	-
CUCKOO Holdings	-	-	⁽¹⁾ 30,591,995	62.5	-	-	⁽¹⁾ 806,424,244	62.5
Koo Bon Hak	9,727,499	19.9	⁽²⁾ 30,591,995	62.5	256,422,997	19.9	⁽²⁾ 806,424,244	62.5
Hoe Kian Choon	5,590,281	11.4	⁽³⁾ 1,379,487	2.8	147,363,326	11.4	⁽³⁾ 36,364,146	2.8
Mak Foong Ling	1,379,487	2.8	-	-	36,364,146	2.8	-	-
Toh Seng Lee	325,829	0.7	-	-	8,589,058	0.7	-	-
Goh Hui Teng	325,829	0.7	-	-	8,589,058	0.7	-	-
Lye Siew Lay	325,829	0.7	-	-	8,589,057	0.7	-	-
Tan Yu Liang	325,829	0.7	-	-	8,589,057	0.7	-	-
Mak Wai Hoong	325,829	0.7	-	-	8,589,057	0.7	-	-
Jumlah	48,918,407	⁽⁴⁾100.0			1,289,520,000	⁽⁴⁾100.0		

Nota:


- (1) Dianggap berkepentingan melalui CKH menurut Seksyen 8(4) Akta.
- (2) Dianggap berkepentingan melalui CKH dan CUCKOO Holdings mengikut Seksyen 8(4) Akta.
- (3) Dianggap berkepentingan melalui pasangannya, Mak Foong Ling, menurut Seksyen 59(11)(c) Akta.
- (4) Tidak sepadan disebabkan pembundaran.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN KAMI

6.2 STRUKTUR PEMEGANGAN SAHAM KUMPULAN KAMI

Struktur pemegangan saham kami pada LPD dan selepas IPO dinyatakan di bawah:

Pada LPD (selepas Terbitan Bonus tetapi sebelum IPO kami) ⁽¹⁾




Nota:

- (1) Berdasarkan jumlah Saham kami sebanyak 1,289,520,000 pada LPD.
- (2) Sila rujuk kepada Seksyen 5.1.2 Prospektus ini untuk maklumat lanjut mengenai pemegang saham utama CKH dan CUCKOO Holdings.
- (3) Tidak menambah kerana pembulatan.

Pemilik benefisial syarikat kami ialah Hoe Kian Choon dan Koo Bon Hak.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN KAMI

Selepas IPO kami ⁽¹⁾



Nota:

(1) Berdasarkan bilangan 1,432,800,000 Saham diperbesar selepas IPO kami dan menganggap langganan penuh Saham kami diperuntukkan kepada Orang yang Layak.

(2) Sila rujuk kepada Seksyen 5.1.2 Prospektus ini untuk maklumat lanjut mengenai pemegang saham utama CKH dan CUCKOO Holdings.

Pemilik benefisial syarikat kami ialah Hoe Kian Choon dan Koo Bon Hak.

6. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN KAMI

6.3 ANAK SYARIKAT KAMI

6.3.1 Maklumat mengenai CGT

CGT, anak syarikat milik penuh kami, telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 pada 1 Julai 2016 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah nama CUCKOO Global Technology Sdn Bhd dan dianggap berdaftar di bawah Akta tersebut. CGT terutamanya terlibat dalam pembangunan perisian, penyelenggaraan perisian komputer dan perkhidmatan perundingan. Tempat perniagaan utamanya adalah Aras 16, Menara Bangkok Bank, Laman Sentral Berjaya, No. 105 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia.

Modal saham terbitan CGT pada LPD ialah RM100 yang terdiri daripada 100 saham biasa. Tiada perubahan dalam modal saham terbitan yang diterbitkan CGT selama tiga tahun yang lalu sebelum LPD.

Pada LPD, CGT tidak mempunyai (i) sebarang waran tertunggak, opsyen, sekuriti boleh tukar tertunggak atau modal yang tidak dipanggil; dan (ii) tiada diskaun, terma khas atau terma pembayaran ansuran yang terpakai bagi pembayaran pertimbangan bagi apa-apa pengumpulan saham dalam CGT.

6.3.2 Maklumat mengenai CUCKOO Singapore

CUCKOO Singapore telah diperbadankan di Singapura pada 21 Jun 2016 sebagai sebuah syarikat terhad swasta di bawah nama CUCKOO International (S) Pte Ltd. CUCKOO Singapore terutamanya terlibat dalam perdagangan dan penyewaan peralatan rumah. Alamat berdaftar dan tempat utama perniagaan ialah 11 Irving Place #11-01, 369551 Singapura.

Modal saham terbitan CUCKOO Singapore pada LPD ialah SGD611,050 yang terdiri daripada 550,000 saham biasa. Tiada perubahan dalam modal saham terbitan CUCKOO Singapore selama tiga tahun yang lalu sebelum LPD.

Pada LPD, CUCKOO Singapore tidak mempunyai (i) sebarang waran tertunggak, opsyen, sekuriti boleh tukar tertunggak atau modal yang tidak dipanggil; dan (ii) tiada diskaun, terma khas atau terma pembayaran ansuran yang terpakai untuk pembayaran pertimbangan bagi sebarang pengumpulan saham dalam CUCKOO Singapore.

6.4 PENGAMBILALIHAN AWAM

Sepanjang tahun kewangan yang lalu sehingga LPD, terdapat:

- (i) tiada tawaran pengambilalihan awam oleh pihak ketiga berkenaan dengan Saham kami; dan
- (ii) tiada tawaran pengambilalihan awam oleh Syarikat kami berkenaan dengan saham syarikat lain.

7. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN

7.1 GAMBARAN KESELURUHAN DAN LATAR BELAKANG

Kami adalah sebuah syarikat yang mempunyai visi untuk menjadi “Pencipta Kediaman Sihat”, khusus bagi memupuk gaya hidup sihat untuk pelanggan kami melalui peralatan rumah, barangan isi rumah, produk penjagaan kulit dan makanan bernutrisi dan servis penjagaan rumah. Kami dipandu oleh falsafah ‘Melangkaui Batasan kami untuk menyampaikan produk dan perkhidmatan yang luar biasa kepada pelanggan kami, yang mendorong peningkatan berterusan dalam seluruh strategi dan operasi kami. Kami menawarkan pelbagai Pelan Sewaan untuk pilihan produk kami yang memberikan kebolehcapaian dan fleksibiliti kepada pelanggan kami. Menurut Frost & Sullivan, kami mempunyai bahagian pasaran yang dianggarkan sebanyak 19.6% berdasarkan hasil untuk FYE2024, dan bahagian pasaran dianggarkan sebanyak 23.1% berdasarkan jumlah pesanan aktif setakat 31 Disember 2024, dalam industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia. Menurut Frost & Sullivan, berdasarkan Cawangan Runcit CUCKOO kami, kami mempunyai bilangan cawangan terbesar di Malaysia di kalangan pemain terpilih dalam industri ini pada LPD.

Perniagaan kami merangkumi empat segmen, iaitu, Jenama CUCKOO, CUCKOO Co-Created, WonderLab dan WonderDewi, dan WonderKlean. Lihat Seksyen 7.5 Prospektus ini untuk maklumat lanjut mengenai segmen ini.

Ketua Pegawai Eksekutif kami, Hoe Kian Choon, mengasaskan perniagaan Syarikat kami pada tahun 2014 untuk menjalankan pengedaran periuk nasi CUCKOO dan penapis air di bawah segmen Jenama CUCKOO kami di Malaysia. Selepas itu, beliau bekerjasama dengan CKH dan Koo Bon Hak untuk mengembangkan perniagaan kami. Hoe Kian Choon mengembangkan lagi perniagaan kami bersama-sama dengan Pengurusan Kanan Utama kami yang lain, yang berpangkalan di dalam negara dengan pengalaman dan pemahaman yang luas tentang pasaran tempatan serta pilihan pengguna. Kami mempunyai fleksibiliti untuk memilih dan mengedarkan barisan penuh produk Jenama CUCKOO serta produk jenama lain, menyesuaikan spesifikasi produk dan perkhidmatan kami untuk memenuhi keperluan khusus pasaran tempatan. Dari masa ke masa, kami terus mengembangkan perniagaan dan penawaran produk kami di bawah segmen Jenama CUCKOO kami bagi memasukkan penapis udara, peralatan dapur, peralatan rumah dan penapis air luar kediaman. Pada tahun 2016, kami memperluaskan kehadiran geografi kami ke Singapura dan Brunei bagi memperluaskan jejak kami di pasaran baharu. Sejak tahun 2020, kami telah menjalin kerjasama dengan LSK, Fujiaire dan OGAWA Malaysia untuk mempelbagaikan penawaran produk dan perkhidmatan kami melalui pelancaran kerusiurut, penyaman udara dan tilam masing-masing di bawah segmen CUCKOO Co-Created kami. Pada LPD, kami mempunyai portfolio 64 SKU dalam portfolio peralatan rumah dan barangan isi rumah kami, yang terdiri daripada 54 produk Jenama CUCKOO dan 10 produk CUCKOO Co-Created.

Di bawah segmen Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created kami, kami menawarkan pelbagai Pelan Sewaan untuk peralatan rumah dan barangan isi rumah tertentu untuk memudahkan akses kepada produk kami, di mana pelanggan kami boleh membuat bayaran sewa bulanan, dan akhirnya memiliki produk kami apabila bayaran penuh dibuat pada akhir tempoh kontrak yang berkaitan. Sebagai alternatif, pelanggan juga boleh membuat pembelian secara terus bagi produk kami dengan membuat pembayaran penuh terlebih dahulu. Kami menawarkan perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan bersama-sama dengan sewaan dan jualan terus produk kami sepanjang tempoh Pelan Sewaan kami atau untuk tempoh terhad bagi jualan terus. Perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan tersebut termasuk penghantaran, pemasangan, servis berkala, pemeriksaan dan penyelenggaraan, dan pembaikan produk. Perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan kami juga dijual sebagai pakej secara berasingan daripada produk kami.

7. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN

Hasil kami daripada sewaan dan jualan terus produk kami untuk FYE2021, FYE2022, FYE2023, dan FPE2024 di bawah segmen Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created masing-masing menyumbang kepada 64.6%, 59.2%, 61.4%, dan 65.9% daripada jumlah hasil kami, manakala hasil kami daripada penyediaan perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan menyumbang kepada 34.0%, 39.6%, 37.8%, dan 33.7% daripada jumlah hasil kami masing-masing.

Pada tahun 2020, kami memulakan segmen WonderLab dan WonderDewi kami untuk mempelbagaikan perniagaan kami ke dalam industri produk makanan bernutrisi dan penjagaan kulit, dan untuk mempromosikan piawai penjagaan kulit dan pemakanan yang sihat sebagai sebahagian daripada dedikasi kami untuk memupuk gaya hidup sihat pada pelanggan kami. Di bawah segmen WonderLab dan WonderDewi kami, kami menyediakan penyelesaian kecantikan dan kesejahteraan termasuk penjagaan kulit dan produk makanan bernutrisi. Kami menawarkan pelanggan kami pelan langganan kecantikan dan gaya hidup yang fleksibel, di mana mereka boleh memilih produk penjagaan kulit atau makanan bernutrisi pilihan mereka untuk dihantar kepada mereka setiap bulan pada kadar bulanan. Sebagai alternatif, pelanggan juga boleh membuat pembelian secara terus produk WonderLab dan WonderDewi kami. Bagi FYE2021, FYE2022, FYE2023, dan FPE2024, hasil daripada segmen WonderLab dan WonderDewi masing-masing menyumbang kepada 0.8%, 0.4%, 0.3%, dan 0.1% daripada jumlah hasil kami.

Sejak 2020, kami juga telah menyediakan servis penjagaan rumah, seperti pembasmian kuman dalaman dan servis pembersihan profesional kami di bawah segmen WonderKlean kami yang dijual sebagai pelan langganan. Kami menceburi industri pembasmian kuman dalaman dan servis pembersihan profesional kerana terdapat permintaan untuk servis sedemikian semasa pandemik Covid-19, dan untuk mempromosikan ruang kediaman yang bersih dan selamat sebagai sebahagian daripada visi kami untuk menjadi "Pencipta Kediaman Sihat". Untuk FYE2021, FYE2022, FYE2023, dan FPE2024, hasil daripada segmen WonderKlean kami masing-masing menyumbang kepada 0.5%, 0.7%, 0.5%, dan 0.3% daripada jumlah hasil kami.

Tiada apa-apa dalam Perjanjian Pengedaran CKH atau penamatannya akan menghalang kami, Pengguna yang Diluluskan atau Rakan Kongsi Pihak Ketiga daripada dapat memenuhi kewajipan mereka di bawah mana-mana perjanjian sewa atau perkhidmatan yang dimeterai dengan pelanggan masing-masing berkenaan dengan Produk atau Produk Lain sebelum tamat Tempoh Peralihan di mana perjanjian tersebut telah dimeterai atas terma komersial biasa yang selaras dengan terma Perjanjian Pengedaran CKH.

Sejurus selepas penamatan Perjanjian Pengedaran CKH dan walaupun Tempoh Peralihan masih belum tamat, CKH berhak untuk menjual Produk dan/atau melantik pihak lain sebagai pengedar Produk dalam Wilayah,

7.22 GANGGUAN PERNIAGAAN

Kami tidak mengalami sebarang gangguan perniagaan semasa FYE2021, FYE2022, FYE2023, dan FPE2024 yang mempunyai kesan material terhadap perniagaan kami.

7. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN

7.23 PEKERJA

Pada LPD, kami menggaji sejumlah 1,526 pekerja sepenuh masa di seluruh Malaysia dan Singapura seperti berikut:

Kategori	Malaysia	Singapura	Jumlah
Pekerja tetap ⁽¹⁾	578	16	594
Pekerja kontrak ⁽¹⁾⁽²⁾	931	1	932
Jumlah	1,509	17	1,526

Nota-nota:

- (1) Kami menggaji seorang pekerja tetap asing dan dua orang pekerja kontrak asing.
- (2) 862 pekerja kontrak terdiri daripada Pengurus Jualan, Rakan Jualan WonderLab dan Pengurus Servis kami. Lihat Seksyen 7.5.5.1 Prospektus ini untuk maklumat lanjut.

Kami mungkin dari semasa ke semasa melibatkan lebih ramai pekerja kontrak, atau menukar kontraktor bebas sedia ada kami kepada Pengurus Jualan dan Pengurus Jualan Wonder jika diperlukan.

Jadual berikut menunjukkan pecahan pekerja kami mengikut fungsi perniagaan di Malaysia dan Singapura pada LPD:

Kategori	Bil. pekerja ⁽²⁾	% daripada jumlah
Pengurusan ⁽¹⁾	10	1.5
Operasi dan logistik	196	29.5
Pentadbiran dan tadbir urus	122	18.4
Jualan belakang tabir dan sokongan perkhidmatan pelanggan	336	50.6
Jumlah	664	100.0

Nota-nota:

- (1) Termasuk Pengurusan Kanan Utama kami.
- (2) Terdiri daripada 594 pekerja tetap, 70 pekerja kontrak, dan tidak termasuk 862 pekerja kontrak kami yang membentuk Pengurus Jualan, Rakan Jualan WonderLab dan Pengurus Servis kami. Lihat Seksyen 7.5.5.1 Prospektus ini untuk maklumat lanjut.

Jadual berikut menunjukkan bilangan pekerja dalam Kumpulan kami dikategorikan mengikut lokasi geografi pada LPD:

Negara	Bil. pekerja ⁽¹⁾	% daripada jumlah
Malaysia	648	97.6
Singapura	16	2.4
Jumlah	664	100.0

Nota:

- (1) Terdiri daripada 594 pekerja tetap, 70 pekerja kontrak, dan tidak termasuk 862 pekerja kontrak kami yang membentuk Pengurus Jualan, Rakan Jualan WonderLab dan Pengurus Servis kami. Lihat Seksyen 7.5.5.1 Prospektus ini untuk maklumat lanjut.

7. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN

Pada LPD, pekerja kami tidak tergolong dalam mana-mana kesatuan dan bukan pihak kepada mana-mana perjanjian kolektif. Tambahan pula, kami tidak mengalami sebarang pertikaian industri utama pada masa lalu.

7.24 ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS

Kami mengendalikan perniagaan kami dengan tanggungjawab sosial dan alam sekitar dan bertujuan ke arah piawai tadbir urus korporat yang tinggi.

7.24.1 Dasar ESG

Kami mempunyai buku panduan pengurusan kelestarian yang telah diterima pakai pada Mac 2024 dan menetapkan, antara lain, skop kelestarian, dasar, inisiatif dan struktur tadbir urus kami.

Struktur tadbir urus kelestarian kami menggariskan peranan, tanggungjawab dan proses membuat keputusan yang berkaitan dengan kelestarian dalam Syarikat kami, termasuk pengawasan oleh Lembaga Pengarah kami, Jawatankuasa kelestarian kami dan pasukan kelestarian kami yang berdedikasi.

Lembaga kami menyediakan kepimpinan dan pengawasan terhadap dasar kelestarian kami.

Jawatankuasa Kelestarian kami terdiri daripada Pengurus Kanan Bahagian Operasi dalam Kumpulan kami untuk menyokong Lembaga kami dengan menilai dan mengkaji strategi kelestarian, dasar dan perkara lain yang dilaporkan oleh Kumpulan Kerja Kelestarian kami.

Kumpulan Kerja Kelestarian kami terdiri masing-masing daripada ketua jabatan Bahagian Operasi dalam Kumpulan kami yang bertanggungjawab terutamanya untuk mengenal pasti dan mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan hal-hal kelestarian. Pada LPD, jabatan-jabatan ini termasuk Jabatan Perundangan, Tadbir Urus dan Pematuhan kami, Jabatan Pemasaran kami, Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran kami, Jabatan Perancangan Syarikat kami, dan Jabatan Kewangan kami.

Dasar kelestarian utama Kumpulan kami, yang menggariskan komitmen kami terhadap amalan mampan dan menetapkan hala tuju untuk menyepadukan kelestarian ke dalam operasi, proses membuat keputusan dan penglibatan pihak berkepentingan kami, boleh diringkaskan seperti berikut:

- untuk memastikan bahawa aktiviti kami mewujudkan kepercayaan dan nilai untuk pemegang saham dan pemegang kepentingan kami;
- untuk melaksanakan strategi perniagaan kami dengan cara yang menangani risiko dan peluang ekonomi, alam sekitar dan sosial dengan berkesan; dan
- untuk memastikan pematuhan dengan undang-undang dan peraturan dalam bidang kuasa di mana perniagaan kami beroperasi.

Skop kelestarian kami mentakrifkan sempadan dan bidang tumpuan usaha kelestarian dalam Kumpulan kami, termasuk aspek alam sekitar, sosial dan ekonomi yang dianggap relevan dengan aktiviti utama kami di Malaysia, dan dianggap penting kepada operasi dan pihak berkepentingan kami. Fokus kelestarian kami mengenal pasti bidang penekanan utama untuk inisiatif kelestarian kami yang telah kami laksanakan, seperti mengurangkan pelepasan karbon dengan menguruskan pelupusan sisa, mempromosikan ekuiti sosial, dan meningkatkan ketelusan rantai bekalan.

7. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN

Kami telah menerima pakai proses penilaian material kelestarian untuk membimbing kami dalam mengenal pasti perkara kelestarian yang penting kepada Kumpulan kami. Fasa 1 memberi tumpuan kepada mengenal pasti potensi isu kelestarian dan kesan yang berkaitan dengan Kumpulan kami dan pihak berkepentingan kami, Fasa 2 menilai dan menyusun kedudukan isu kelestarian berdasarkan kepentingan dan potensi kesannya terhadap pihak berkepentingan dan operasi perniagaan, dan Fasa 3 melibatkan semakan hasil dan pemantauan berkala terhadap isu yang dikenal pasti. Beberapa perkara kelestarian yang telah kami kenal pasti sebagai perkara penting termasuk keselamatan produk, pengurusan alam sekitar, pembangunan komuniti dan pematuhan kawal selia.

Rangka kerja kelestarian kami terdiri daripada pelbagai komponen termasuk garis panduan, piawaian dan prinsip kelestarian atau mengukur, mengurus dan melaporkan prestasi kelestarian. Sebagai contoh, kami telah menerima pakai petunjuk prestasi kelestarian yang dinyatakan dalam Panduan Pelaporan Kelestarian (Edisi Ke-3) yang dikeluarkan oleh Bursa Securities ("**Panduan Pelaporan Kelestarian**"), untuk menilai dan menjejaki kemajuan kami ke arah matlamat dan sasaran kelestarian kami. Melangkah ke hadapan, Kumpulan kami akan melaporkan kemajuan dan prestasi amalan ESG kami melalui Penyata Kelestarian (yang merujuk kepada pernyataan naratif pengurusan risiko dan peluang ekonomi, alam sekitar dan sosial material kami, yang akan dimasukkan dalam Laporan Tahunan kami), selaras dengan keperluan Penyenaraian dan Panduan Pelaporan Kelestarian. Kami juga akan melaporkan metrik prestasi kelestarian utama kepada pihak berkepentingan kami, menonjolkan trend dan pencapaian, dan bidang untuk penambahbaikan.

Kumpulan kami telah mengenal pasti metrik prestasi kelestarian utama berikut:

- perlindungan data, privasi dan keselamatan;
- anti rasuah dan korupsi;
- konflik kepentingan;
- pematuhan kawal selia;
- etika dan pematuhan perniagaan;
- digitalisasi;
- keselamatan produk;
- pengalaman dan kepuasan pelanggan;
- krisis perhubungan awam;
- pembangunan komuniti;
- pembelajaran dan pembangunan;
- upah dan sara hidup adil;
- keadaan tempat kerja; dan
- pengurusan alam sekitar (contohnya, pengurusan air, pengurusan tenaga dan pengurusan pelupusan sisa).

7. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN

Pendekatan kami untuk melibatkan pemegang saham dan pihak berkepentingan dalam hal kelestarian melibatkan komunikasi dan kerjasama yang kerap. Kami telah menyediakan mekanisme untuk pemegang saham dan pihak berkepentingan kami untuk berkongsi maklum balas mereka dengan kami, untuk memastikan penjajaran dengan jangkaan pihak berkepentingan, mengumpulkan pandangan dan menangani kebimbangan yang berkaitan dengan prestasi kelestarian kami.

7.24.2 Tanggungjawab sosial korporat

Kami komited untuk menjadi ahli komuniti yang bertanggungjawab di mana kami beroperasi, dan untuk menyokong mereka yang memerlukan, yang mungkin termasuk menaja pelbagai acara, inisiatif dan organisasi. Kami telah mengambil bahagian dalam inisiatif di bawah untuk mewujudkan kesan sosial yang positif dalam komuniti di mana kami beroperasi, untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat yang memerlukan, selaras dengan visi kami untuk menjadi "Pencipta Kediaman Sihat".

Untuk menyokong usaha penjagaan kesihatan semasa pandemik Covid-19, pada tahun 2021, kami menaja penapis air di pusat vaksinasi yang ditubuhkan di seluruh Malaysia di bawah Program Imunisasi Covid-19 Nasional dan memberikan geran tunai RM100,000 kepada My Starfish Foundation untuk menyokong usahanya bagi mendapat dan menyumbang bekalan perubatan Covid-19 ke hospital di Malaysia. Sumbangan dan geran tunai yang kami berikan sebagai sebahagian daripada usaha Covid-19 kami antara tahun 2020 dan tahun 2021 berjumlah kira-kira RM1 juta.

Di bawah program komuniti, "CUCKOO Loves, Cares Project" kami, kami menghubungi komuniti yang terjejas oleh banjir dan bekerja untuk membantu keluarga membersihkan rumah mereka. Pada tahun 2021, kami bekerjasama dengan Yayasan Al-Sultan Abdullah Charity untuk menyumbang tilam yang telah diperbaharui dan 300 set barang keperluan harian dan penting, seperti cerek dan beras, kepada keluarga yang terjejas akibat banjir monsun di Pahang.

Pada tahun 2020, kami menyumbang lebih daripada RM100,000 kepada Kempen SIMPLYSITI di Hati untuk menyokong kewangan kanak-kanak yang menjalani pembedahan jantung di Institut Jantung Negara Malaysia. Kami juga melancarkan CUCKOO Yayasan Seni Kreatif, platform penajaan untuk mencari dan mengembangkan bakat tempatan di Malaysia. Pada LPD, kami telah melabur lebih daripada RM100,000 dalam CUCKOO Yayasan Seni Kreatif. Kami juga bekerjasama dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia dan pasukan kebangsaan, Harimau Malaysia, dari 2019 hingga 2020, sebagai pembekal rasmi penapis air dan panapis udara di asrama pasukan kebangsaan. Pada tahun 2023, kami menaja Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia dengan penapis air, untuk menyokong inisiatif mereka bagi menyediakan rumah separuh jalan untuk pesakit kanser.

Pada tahun 2024, sebagai sebahagian daripada inisiatif kami untuk meningkatkan ekuiti sosial, kami telah menaja organisasi amal seperti My Starfish Foundation dan Pertubuhan Bantuan Wanita. Untuk menyokong kanak-kanak yang kurang bernasib baik dan orang yang kurang berkemampuan, kami juga telah menyediakan penapis air kepada Persatuan Penyayang Kanak-kanak Padmasambhava Klang Selangor, Maahad Tahfiz Al-Firdaus Lil Banat, dan Persatuan Kebajikan dan Sosial Sejahtera Masyarakat Malaysia.

7.24.3 Tadbir urus korporat

Kami komited untuk menegakkan tadbir urus korporat yang baik dan tingkah laku beretika mengikut prinsip dan panduan tadbir urus korporat seperti yang dinyatakan dalam MCCG, yang menetapkan cadangan mengenai amalan tadbir urus korporat berdasarkan tiga prinsip utama tadbir urus korporat iaitu: kepimpinan dan keberkesanan lembaga; audit dan pengurusan risiko yang berkesan; dan integriti dalam pelaporan korporat dan hubungan yang bermakna dengan pihak berkepentingan.

7. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN

Berdasarkan cadangan di atas, pada LPD:

- jawatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat kami dipegang oleh individu yang berbeza;
- kami telah memenuhi cadangan MCCG untuk mempunyai sekurang-kurangnya 30% pengarah wanita di Lembaga kami; dan
- kami juga telah menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan, yang keanggotaannya terdiri daripada semua Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, untuk mengawasi antara lain, pelaporan kewangan, pengurusan risiko, dasar imbuan, konflik yang berpotensi dan transaksi pihak yang berkaitan.

Kami mempunyai Dasar Anti-Rasuah dan Korupsi kami, yang menetapkan garis panduan kepada pekerja kami mengenai dasar dan prosedur kawalan dalaman kami, untuk, antara lain:

- pembayaran dan sogokan;
- proses perolehan kami;
- berurusan dengan pegawai awam;
- pengubahan wang haram;
- anti-rasuah dan korupsi; dan
- konflik kepentingan.

Kami juga mempunyai Dasar Anti-Perhambaan kami, Dasar Pemberi Maklumat, serta Garis Panduan Hadiah, Hiburan dan Hospitaliti Korporat kami untuk Rakan Perniagaan dan Pelanggan.

Pada LPD, tidak ada penyimpangan daripada cadangan MCCG. Kumpulan kami akan terus mematuhi semua aspek MCCG selepas Penyenaraian kami.

8. LAPORAN IMR



Frost & Sullivan GIC Malaysia Sdn. Bhd.

(200701010645)

(768648K)

Tel: +60 3 2023 2000

Fax: +60 3 2023 2100

www.frost.com

Pejabat Utama

Pejabat Iskandar

Level 6.06, KPMG Tower

A-FF-01-03 & B-FF-01-07

8 First Avenue,

Medini 6, Jln Medini Sentral 5,

Bandar Utama,

Bandar Medini Iskandar,

47800 Petaling Jaya

79250 Iskandar Puteri

Selangor, Malaysia

Johor, Malaysia

Tarikh: 12 Mac 2025

Lembaga Pengarah
CUCKOO International (MAL) Berhad
Aras 16, Menara Bangkok Bank
Laman Sentral Berjaya
No. 105, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Tuan/Puan yang dihormati,

Laporan Penyelidikan Pasaran Bebas mengenai Industri Penyewaan Peralatan Rumah dan Barangan Isi Rumah di Malaysia

Kami, Frost & Sullivan GIC Malaysia Sdn Bhd ("**Frost & Sullivan**"), telah menyediakan Laporan Penyelidikan Pasaran Bebas mengenai Industri Penyewaan Peralatan Rumah dan Barangan Isi Rumah di Malaysia ("**Laporan IMR**") untuk dimasukkan ke dalam Prospektus CUCKOO International (MAL) Berhad ("**Syarikat**") bagi Penyenaraian dan sebut harga keseluruhan saham terbitan diperbesar dalam Syarikat di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Prospektus**").

Kami sedar bahawa Laporan IMR ini akan dimasukkan ke dalam Prospektus dan kami mengesahkan bahawa kami menyedari tanggungjawab kami di bawah Seksyen 215 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan, 2007.

Kami mengakui bahawa jika kami menyedari apa-apa perubahan ketara yang mempengaruhi kandungan Laporan IMR ini antara tarikh di sini dan tarikh terbitan Prospektus, kami mempunyai kewajipan berterusan untuk sama ada menyebabkan Laporan IMR ini dikemas kini untuk perubahan dan, jika berkenaan, menyebabkan Syarikat mengeluarkan prospektus tambahan, atau menarik balik persetujuan kami untuk memasukkan Laporan IMR ini dalam Prospektus.

Frost & Sullivan telah menyediakan Laporan IMR ini secara bebas dan objektif, dan telah mengambil penjagaan yang mencukupi untuk memastikan ketepatan dan kelengkapan Laporan IMR ini. Kami percaya bahawa Laporan IMR ini memberikan pandangan yang benar dan adil terhadap industri dalam batasan, antara lain, statistik sekunder dan penyelidikan utama, dan tidak bermaksud lengkap. Penyelidikan kami telah dijalankan dengan perspektif "industri keseluruhan" dan mungkin tidak semestinya mencerminkan prestasi syarikat individu dalam industri. Frost & Sullivan tidak akan bertanggungjawab terhadap keputusan dan/atau tindakan pembaca Laporan IMR ini. Laporan IMR ini juga tidak boleh dianggap sebagai cadangan untuk membeli atau tidak membeli saham mana-mana syarikat atau syarikat seperti yang dinyatakan dalam Laporan IMR ini atau sebaliknya.

Untuk dan bagi pihak Frost & Sullivan GIC Malaysia Sdn Bhd:

Narciso Podda

Pengarah

Perkhidmatan Perniagaan & Kewangan

8. LAPORAN IMR

F R O S T & S U L L I V A N

NOTIS HAK CIPTA

Kandungan Laporan IMR ini adalah hak cipta Frost & Sullivan GIC Malaysia Sdn Bhd.

Semua hak cipta terpelihara.

Kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Frost & Sullivan GIC Malaysia Sdn Bhd, tiada bahagian daripada Laporan IMR ini akan (sama ada secara langsung atau tidak langsung) diberi, dipinjam, dijual semula, atau didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga, dalam sebarang format untuk tujuan komersial dan bukan komersial.

Selain itu, kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Frost & Sullivan GIC Malaysia Sdn Bhd, tiada bahagian Laporan IMR ini akan disalin atau dimasukkan ke dalam, dihantar ke, atau disimpan dalam mana-mana laman web lain, sistem pengambilan elektronik, penerbitan, atau kerja lain dalam apa jua bentuk (sama ada salinan cetak, elektronik, atau sebaliknya) untuk tujuan selain Penyenaraian Syarikat di pasaran utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Sebarang penggunaan maklumat dalam Laporan IMR ini untuk tujuan, tetapi tidak terhad kepada, pengeluaran mana-mana penerbitan atau analisis pihak ketiga hendaklah berdasarkan persetujuan Frost & Sullivan GIC Malaysia Sdn Bhd, dan disertakan dengan pengakuan atau petikan FROST & SULLIVAN sebagai sumbernya.

Kaedah

Untuk tujuan menyediakan laporan ini, Frost & Sullivan telah menjalankan penyelidikan utama yang merangkumi wawancara dengan pakar industri dan pengusaha industri¹, dan penyelidikan sekunder, yang merangkumi ulasan laporan syarikat, laman web rasmi/halaman media sosial, laporan penyelidikan bebas, maklumat daripada persatuan industri/penguatkuasa/organisasi antarabangsa, dan maklumat daripada pangkalan data penyelidikan Frost & Sullivan. Kecuali disediakan dalam sumber yang tersedia untuk umum, data yang diramalkan diperolehi oleh Frost & Sullivan menggunakan analisis data lampau dengan mempertimbangkan persekitaran sosial, ekonomi, dan politik untuk tempoh yang diramalkan.

Pengusaha industri utama yang setanding yang dikenal pasti dalam laporan ini telah dipilih daripada senarai panjang syarikat yang dibangunkan oleh direktori saringan di Malaysia serta perbincangan dengan pengusaha industri. Selepas itu, senarai itu dibentang dan dibincangkan dengan pengusaha industri dan pakar yang bersetuju untuk ditemubual untuk tujuan analisis. Maklumat selanjutnya disahkan melalui maklumat awam melalui penyelidikan sekunder (yang merangkumi tinjauan laporan syarikat, laman web rasmi/saluran media sosial, laporan penyelidikan bebas, maklumat daripada persatuan industri/pihak berkuasa/organisasi dalaman, serta maklumat daripada pangkalan data penyelidikan Frost & Sullivan) dan diperhalusi dengan menghubungi syarikat yang dikenal pasti (misalnya, kaedah telefon, dan platform media sosial rasmi).

Profil Frost & Sullivan GIC Malaysia Sdn Bhd

FROST & SULLIVAN ialah organisasi penyelidikan dan perundingan industri bebas global yang beribu pejabat di Amerika Syarikat dengan lebih dari 60 tahun penubuhannya. Di Malaysia, anak syarikat FROST & SULLIVAN, Frost & Sullivan GIC Malaysia Sdn Bhd, mengendalikan dua pejabat (Selangor dan Iskandar Malaysia) dengan lebih daripada 200 pekerja yang menawarkan penyelidikan pasaran, strategi pemasaran dan penjenamaan dan khidmat nasihat perniagaan di 12 industri. FROST & SULLIVAN terlibat dalam penyediaan laporan penyelidikan pasaran bebas untuk kegiatan pasaran modal, termasuk tawaran awam awal, pengambilalihan terbalik, penggabungan dan pemerolehan, dan usaha penjana dana dan korporat yang berkaitan.

Profil Penandatanganan IMR, Narciso Podda

Narciso Podda ialah Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Perniagaan & Kewangan, untuk Frost & Sullivan GIC Malaysia Sdn Bhd. Narciso Podda mempunyai lebih 15 tahun pengalaman dalam penyelidikan pasaran dan perundingan, termasuk lebih lapan tahun dalam penyelidikan pasaran bebas dan usaha wajar untuk pasaran modal di seluruh rantau Asia Pasifik. Narciso Podda memegang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Bocconi, Itali, dan Sarjana Ekonomi dan Kewangan Antarabangsa daripada Universiti Chulalongkorn, Thailand.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

FROST & SULLIVAN GIC MALAYSIA SDN BHD

Aras 6.06, Menara KPMG
8 First Avenue
Bandar Utama
47800, Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 2023 2000
Faks: +603 2023 2100
www.frost.com

¹ Pakar industri adalah individu yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang industri (contohnya, penganalisis industri). Pengusaha industri adalah individu yang kini atau sebelum ini bekerja dalam industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah.

8. LAPORAN IMR

F R O S T & S U L L I V A N

1 PENGENALAN KEPADA INDUSTRI PENYEWaan PERALATAN RUMAH DAN BARANGAN ISI RUMAH

Industri peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia sedang berkembang, didorong oleh faktor-faktor seperti pertumbuhan penduduk, prospek ekonomi yang berdaya tahan, dan kepelbagaian produk yang lebih banyak. Dalam industri ini, penyewaan produk berkenaan berkembang pada kadar yang lebih tinggi berbanding dengan pembelian secara terus. Bayaran bulanan model sewaan yang lebih rendah menjadikan pilihan ini lebih menarik berbanding dengan pendahuluan dalam pembelian terus, terutamanya bagi kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana. Hutang isi rumah yang tinggi, dan ketersediaan pakej sewaan yang lebih banyak dengan penyelenggaraan berterusan, adalah antara faktor lain yang menyokong pertumbuhan industri.

Syarikat merupakan pengusaha kedua terbesar di Malaysia dalam industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah, berdasarkan hasil (tidak teraudit) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 dan jumlah pesanan aktif pada 31 Disember 2024. Syarikat adalah peneraju pasaran berdasarkan bilangan pusat jualan pada 28 Februari 2025. Dengan memanfaatkan pelbagai pilihan pembayaran ansuran untuk pelan sewaan, Syarikat dapat memberikan fleksibiliti bagi memenuhi anggaran kategori pengguna yang luas. Kepelbagaian produk, perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan dan strategi pengedaran saluran omni, membolehkan Syarikat memperluas pangkalan pelanggannya dan membuat jualan silang kepada pelanggan sedia ada untuk mencapai hasil yang lebih tinggi bagi setiap pelanggan. Kelebihan daya saing ini membantu mengukuhkan kedudukan utama Syarikat di pasaran. Sehubungan itu, Syarikat berada pada kedudukan yang baik untuk merebut potensi pertumbuhan masa depan industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia.

“Peralatan rumah” adalah peranti elektrik atau bukan elektrik yang digunakan terutamanya dalam rumah, tetapi biasanya juga dalam persekitaran komersial, untuk melakukan kerja-kerja rutin dan tugas seperti membersihkan, memasak, menyejuk, dan lain-lain. Peralatan elektrik di rumah boleh terdiri daripada peralatan yang lebih besar seperti peralatan memasak, penyaman udara, peti sejuk, mesin basuh, kerusi urut dan mesin lari, kepada peralatan yang lebih kecil seperti periuk nasi, penapis air dan penapis udara. Peralatan rumah bukan elektrik termasuk pemerah jus manual, pemukul telur, penggiling kopi, pemproses makanan, dan cerek. “Barangan isi rumah” merangkumi pelbagai barangan yang digunakan terutamanya dalam rumah, tetapi umumnya juga dalam persekitaran komersial, untuk meningkatkan keselesaan, mengorganisasi, kehidupan harian, dan lain-lain. Ini secara meluas termasuk perabot seperti tilam, sofa, kerusi, meja, almari, dan hiasan rumah lain seperti langsir dan kelengkapan cadar.

Pengguna mempunyai dua pilihan utama untuk memperoleh peralatan rumah dan barangan isi rumah, iaitu pembelian secara terus dan melalui pelan sewaan. Kedua-dua pilihan boleh melibatkan pembayaran bulanan, tetapi pelan sewaan biasanya menawarkan tempoh pembayaran yang lebih lama dan bayaran bulanan yang lebih rendah berbanding dengan pembelian secara terus.

Jadual 1-1: Pilihan utama untuk pengguna memperoleh peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia

	Garis masa pembayaran	Pemilikan	Perkhidmatan produk
Pembelian secara terus	Bayaran penuh semasa pembelian	Segera	Secara amnya tidak termasuk atau termasuk untuk tempoh yang terhad
	Bayaran bulanan berdasarkan pilihan yang disediakan oleh bank		
Pelan sewaan	Bayaran bulanan berdasarkan pilihan yang disediakan oleh penjual	Selepas tamat kontrak tanpa bayaran tertunggak	Termasuk untuk keseluruhan tempoh pelan sewaan

Nota: [] merujuk kepada rangkaian pelan sewaan Syarikat, yang menawarkan Pelan Sewaan CUCKOO dan CUCKOO GOODPLAN™.

Sumber: Frost & Sullivan

Laporan ini memberi tumpuan kepada industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah, kepada kedua-dua isi rumah dan perniagaan, yang mana jatuh di bawah Jenama CUCKOO dan Jenama CUCKOO Co-Created. Pengusaha industri ini biasanya menawarkan perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan secara berkala dan ad-hoc². Beberapa pengusaha industri di Malaysia terdiri daripada Syarikat, Coway (Malaysia) Sdn Bhd (“Coway”), SK Magic Retail Malaysia Sdn Bhd (“SK Magic”), dan Chungho (M) Sdn Bhd (“Chungho Nais”).

² Perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan terutamanya merujuk kepada apabila pasukan servis pergi ke rumah pelanggan untuk memberi perkhidmatan kepada produk mereka, dan bukannya pelanggan membawa produk ke pusat servis.

8. LAPORAN IMR



Laporan ini tidak termasuk syarikat yang menjana hasil terutamanya dengan menjual produk ini secara terus, seperti gedung membeli-belah (AEON Co. (M) Berhad (“**AEON**”) dan Parkson Holdings Berhad (“**Parkson**”)), kedai khusus seperti perabot rumah (SSF Home Group Berhad) dan kedai peralatan elektrik dan elektronik (Senheng New Retail Berhad (“**SenHeng**”) dan Elitetrax Marketing Sdn Bhd (“**Harvey Norman**”)). Walaupun beberapa jenama seperti LG dan Khind menyediakan pelan sewaan untuk produk mereka, mereka tidak menjana sebahagian besar hasil mereka daripada sewaan, oleh itu mereka dikecualikan dalam laporan ini.

2 GAMBARAN KESELURUHAN MAKROEKONOMI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan kompaun (“**CAGR**”) sebanyak 3.0% dari tahun 2019 hingga 2024.^{3&4} Walau bagaimanapun, terdapat kemerosotan pada tahun 2020 dengan penurunan yang dicatatkan sebanyak -5.5% disebabkan oleh ketidakpastian yang disebabkan oleh persekitaran politik pada awal tahun dan kesan ekonomi daripada pandemik penyakit coronavirus 2019 (“**COVID-19**”). Pada tahun 2021, ekonomi Malaysia telah melantun semula sebanyak 3.3% dan trend positif ini berterusan sehingga tahun 2022, dengan pelonggaran sekatan COVID-19 dan aktiviti perdagangan yang kukuh, menyumbang kepada purata pendapatan isi rumah bulanan yang lebih tinggi. Dengan pendapatan isi rumah yang lebih tinggi, pengguna mungkin berusaha untuk meningkatkan gaya hidup mereka dengan menyewa atau membeli peralatan rumah dan barangan isi rumah yang mereka tidak mampu sebelum ini.

Perbelanjaan isi rumah di Malaysia meningkat seiring dengan pendapatan isi rumah. Dari tahun 2019 hingga 2022, jumlah purata perbelanjaan isi rumah bulanan meningkat daripada RM4,609 kepada RM5,150 pada CAGR sebanyak 3.8%.⁵ Khususnya, jumlah purata perbelanjaan isi rumah bulanan untuk hiasan, peralatan rumah dan penyelenggaraan isi rumah meningkat daripada RM200 kepada RM242 pada CAGR sebanyak 6.6% dalam tempoh yang sama.

Ekonomi Malaysia terbukti berdaya tahan pada tahun 2023 dan 2024, masing-masing berkembang sebanyak 3.6% dan 5.1%.⁶ Prestasi yang mantap ini boleh dikaitkan dengan kekuatan permintaan domestik yang berterusan, yang telah memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ini.⁷ Ekonomi Malaysia disokong oleh inisiatif kerajaan seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke 12.⁸ Ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada CAGR sebanyak 4.1% dalam tempoh dari tahun 2024 hingga 2029F.⁹

Penduduk Malaysia meningkat pada CAGR sebanyak 0.46% dari tahun 2019 hingga 2024E dan dijangka berkembang pada CAGR sebanyak 1.1% dari tahun 2024E hingga 2029F.¹⁰ Dengan jangkaan penduduk Malaysia yang lebih tinggi, industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah juga akan berkembang lebih jauh disebabkan oleh peningkatan asas pengguna.

3 ANALISIS INDUSTRI PENYEWaan PERALATAN RUMAH DAN BARANGAN ISI RUMAH DI MALAYSIA

3.1 SAIZ PASARAN

Anggaran hasil syarikat yang menawarkan penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia ialah RM6.3 bilion pada tahun 2024E. Pada tahun yang sama, dianggarkan terdapat 4.5 juta pesanan aktif di Malaysia.

Pada tahun 2019, pasaran ini berkembang pesat kerana kemasukan SK Magic dan Chungho Nais pada tahun 2018. Pada tahun 2020 dan 2021, industri ini terus berkembang, didorong oleh peningkatan permintaan terhadap peralatan rumah dan barangan isi rumah berikutan penularan wabak COVID-19 apabila pengguna menghabiskan lebih banyak masa di rumah. Dari tahun 2022 hingga 2024E, industri ini stabil selepas pertumbuhan yang kukuh dicapai pada tahun-tahun sebelumnya. Dari tahun 2019 hingga 2024E, industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah berkembang pada CAGR sebanyak

³ Tabung Kewangan Antarabangsa (“**IMF**”) Tinjauan Ekonomi Dunia (“**WEO**”) Oktober 2024

⁴ Jabatan Perangkaan Malaysia (“**DOSM**”), Keluaran Dalam Negeri Kasar, Suku Keempat 2024

⁵ DOSM, Laporan Tinjauan Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia 2022

⁶ DOSM, Keluaran Dalam Negeri Kasar, Suku Keempat 2024

⁷ Bank Negara Malaysia, Perkembangan Ekonomi dan Kewangan di Malaysia pada Suku Keempat 2023, Februari 2024

⁸ Kementerian Kewangan, Tinjauan Ekonomi 2025

⁹ IMF, WEO Oktober 2024

¹⁰ IMF, WEO Oktober 2024

8. LAPORAN IMR


F R O S T & S U L L I V A N

14.4%, kadar yang lebih pantas berbanding industri pembelian terus, yang berkembang pada CAGR kurang daripada 10.0% dalam tempoh yang sama.

Pada tahun 2024E, hasil industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah (tidak termasuk hasil daripada perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan) dianggarkan berkisar antara 10.0% hingga 15.0% daripada jumlah industri peralatan rumah dan barangan isi rumah. Ini menunjukkan peluang untuk model sewaan berkembang dalam industri peralatan rumah dan barangan isi rumah pada tahun-tahun akan datang.

Penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia adalah industri yang semakin berkembang dan berdaya tahan, dan diramalkan akan terus berkembang dalam tempoh dari tahun 2024E hingga 2029F, pada CAGR sebanyak 9.9%. Pertumbuhan industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah akan didorong oleh produk baharu seperti tilam dan penyaman udara, dan ketersediaan pakej menarik daripada pengusaha industri. Pakej sewaan menyediakan fleksibiliti kewangan untuk isi rumah kerana kemudahan pembayaran bulanan, manakala perkhidmatan yang digabungkan seperti pembaikan dan penyelenggaraan memberikan pengalaman yang tidak merumitkan.

Carta 3-1: Saiz Pasaran Industri Penyewaan Peralatan Rumah dan Barangan Isi Rumah di Malaysia, 2019-2029F



Nota: Anggaran saiz pasaran berdasarkan hasil syarikat terutamanya yang terlibat dalam penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah. Untuk perhatian, sebahagian hasil mungkin diperolehi daripada aktiviti lain, selain daripada penyewaan dan/atau jualan peralatan rumah dan barangan isi rumah, seperti melalui penjualan produk secara terus, dan perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan selepas tamat tempoh sewa.

Sumber: Frost & Sullivan

3.2 PEMACU PERMINTAAN DAN TREND PASARAN

3.2.1 Pemacu Permintaan

Industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah biasanya didorong oleh pengguna yang ingin meminimumkan kos pendahuluan, terutamanya pengguna yang tinggal di kawasan bandar dengan kos sara hidup yang tinggi, dan isi rumah dengan kekangan bajet. Pemacu utama yang menyumbang kepada pertumbuhan industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia termasuk yang berikut:

Peningkatan bilangan isi rumah dan hutang isi rumah: Bilangan isi rumah Malaysia meningkat pada CAGR sebanyak 2.8% daripada 7.3 juta pada tahun 2019 kepada 7.9 juta pada tahun 2022¹¹, melebihi pertumbuhan penduduk pada CAGR 0.1% dalam tempoh yang sama¹². Ini disebabkan oleh bilangan orang yang lebih rendah bagi setiap isi rumah yang disebabkan oleh lebih banyak individu yang tinggal sendiri. Jumlah isi rumah yang semakin meningkat dijangka memberi manfaat kepada industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah kerana perluasan bakal pengguna.

Hutang isi rumah agregat di Malaysia meningkat pada CAGR sebanyak 5.2% daripada sekitar RM1.25 trilion pada tahun 2019 kepada RM1.53 trilion pada tahun 2023, dengan nisbah hutang isi rumah kepada KDNK meningkat daripada 82.7% kepada 84.2% dalam tempoh yang sama.^{13&14} Pada Jun 2024, hutang isi rumah agregat meningkat sedikit kepada RM1.57 trilion, menghasilkan nisbah hutang isi rumah kepada KDNK sebanyak 83.8%.¹⁵ Ini menunjukkan bahawa pengguna memperuntukkan sebahagian besar pendapatan isi rumah untuk pembayaran balik hutang, mungkin dengan mengurangkan pembelian bukan keperluan. Oleh sebab peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia secara amnya dianggap

¹¹ DOSM, Laporan Tinjauan Pendapatan Isi Rumah Malaysia 2022

¹² IMF, WEO Oktober 2024

¹³ Bank Negara Malaysia, Tinjauan Kestabilan Kewangan, Separuh Kedua 2019

¹⁴ The Sun, Hutang isi rumah Malaysia mencecah RM1.53 trilion, Mac 2024

¹⁵ Malay Mail, hutang isi rumah Malaysia meningkat kepada RM1.57t dari akhir 2023 hingga Jun 2024 kebanyakannya disebabkan oleh pinjaman perumahan; Kementerian Kewangan berkata nisbah khidmat hutang masih terkawal, Oktober 2024

8. LAPORAN IMR

F R O S T & S U L L I V A N

sebagai pembelian besar, pilihan untuk menyewa peralatan rumah atau barangan isi rumah dengan bayaran bulanan yang lebih rendah akan menarik minat golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang umumnya lebih mementingkan nilai dan mencari produk dengan titik harga yang lebih rendah. Ini dijangka menyumbang kepada pertumbuhan industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah.

Pilihan pembayaran ansuran yang menarik untuk pelan sewaan yang menawarkan fleksibiliti kewangan: Bajet dan kemampuan adalah pertimbangan utama bagi pengguna ketika membuat keputusan pembelian. Pelan sewaan yang menawarkan kos pendahuluan yang lebih rendah menarik minat pengguna dengan bajet yang lebih kecil untuk peralatan rumah atau barangan isi rumah. Selain itu, syarikat biasanya menanggung kos pembaikan dan penyelenggaraan semasa masih dalam tempoh sewa, dengan itu mengurangkan beban kewangan kepada pengguna sekiranya berlaku kerosakan atau penggantian. Selain kemampuan, reka bentuk, ciri, dan fungsi produk sewaan yang unik juga merangsangkan permintaan pengguna. Pelan sewaan yang menyediakan fleksibiliti kewangan bersama-sama dengan pelbagai peralatan rumah dan barangan isi rumah, berada pada kedudukan yang baik untuk mengesyorkan kepada pengguna yang mementingkan kos sambil menawarkan akses kepada produk yang berbeza.

Permintaan berterusan daripada pertubuhan komersial: Peniaga sering memilih untuk menyewa peralatan seperti penapis air dengan perkhidmatan yang tidak merumitkan. Sesetengah peralatan seperti penapis udara juga biasanya disediakan di dalam premis perniagaan, untuk keselesaan pekerja dan tetamu. Tempat awam seperti lapangan terbang, kemudahan penjagaan kesihatan, perniagaan makanan dan hospitaliti, serta pejabat di kedua-dua sektor komersial dan perindustrian, antara lain, juga boleh menggunakan peralatan seperti penapis air dan penapis udara. Peniaga besar mungkin membelanja lebih banyak daripada pengguna isi rumah kerana mereka membeli dalam kuantiti yang lebih besar dan/atau peralatan bernilai lebih tinggi seperti penapis air dengan kapasiti yang lebih besar untuk memenuhi bilangan pengguna yang lebih banyak dalam premis komersial berbanding dengan purata bilangan pengguna dalam isi rumah.

3.2.2 Trend Pasaran

Kesedaran tentang kehidupan dan gaya hidup sihat: Pengguna semakin menyedari pentingnya hidup sihat didorong oleh akses yang lebih besar kepada maklumat mengenai topik ini. Pandemik COVID-19 telah meningkatkan kesedaran kesihatan di kalangan rakyat Malaysia.¹⁶ Akibatnya, pengguna mencari pendekatan yang lebih holistik untuk mencapai kehidupan dan gaya hidup yang sihat, termasuk penggunaan peralatan rumah dan barangan isi rumah yang mereka anggap dapat memberikan manfaat tersebut.

Servis penjagaan rumah untuk memenuhi gaya hidup pengguna yang berbeza: Servis penjagaan rumah membolehkan pengguna menjimatkan masa dan tenaga yang diperlukan untuk penyelenggaraan dan pembersihan rumah, tetapi masih mencapai persekitaran rumah yang lebih bersih. Selain memenuhi jadual pengguna yang sibuk dengan memberikan kemudahan, servis biasanya dilengkapi dengan pembersihan mendalam yang memerlukan pengetahuan dan alat teknikal, di luar kaedah pembersihan biasa.

Saluran dalam talian dan pengaruh media sosial: Bilangan pengguna media sosial di Malaysia meningkat sebanyak 4.8 juta atau kira-kira 20.0% antara awal tahun 2023 dan awal tahun 2024.¹⁷ Pada tahun 2023, kadar penukaran purata untuk platform sosial terpilih berkisar antara 0.54% dan 9.21%.¹⁸ Media sosial membolehkan jenama meningkatkan pendedahan mereka dan mewujudkan kesedaran jenama, berfungsi sebagai sebahagian daripada strategi pemasaran tarikan mereka. Selain itu, testimoni produk pelanggan melalui ulasan dalam talian boleh mempengaruhi keputusan pembelian pengguna.

Kerjasama dengan pengilang/pengeluar dan institusi tempatan: Syarikat boleh mendapatkan produk mereka dari negara yang berbeza dengan pengeluaran berkualiti yang berbeza. Walau bagaimanapun, terdapat trend yang semakin meningkat di mana beberapa syarikat bekerjasama dengan rakan kongsi tempatan untuk menghasilkan peralatan rumah seperti penyaman udara, dan barangan isi rumah seperti katil. Selain pengeluaran, syarikat juga terlibat dalam perkongsian dengan institusi tempatan untuk penyelidikan dan pembangunan, dengan memberi tumpuan kepada bidang seperti penyelidikan mengenai

¹⁶ Herbalife, Meningkatkan Kesihatan Keseluruhan, Tabiat Makan dan Kesihatan Mental disenaraikan sebagai Tiga Matlamat Kesihatan Teratas oleh Rakyat Malaysia yang Semakin Mementingkan Kesihatan, Ogos 2023

¹⁷ DataReportal, Digital 2024: Malaysia

¹⁸ BusinessDasher, Berikut ialah Penanda Aras Kadar Penukaran Purata untuk Platform Pengiklanan Utama, Dikemas kini Oktober 2024

8. LAPORAN IMR

F R O S T & S U L L I V A N

kualiti air dan tidur. Kerjasama ini bertujuan untuk menyampaikan produk yang berkualiti tinggi selain pertimbangan untuk gaya hidup, yang akhirnya memberi manfaat kepada pengguna.

Kebermusiman dalam industri: Industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah menunjukkan turun naik bermusim yang halus. Permintaan untuk produk ini cenderung meningkat sedikit pada sambutan khas seperti Hari Ibu Bapa, kerana pengguna sering membelinya sebagai hadiah. Pengguna juga cenderung untuk menggantikan barang-barang ini semasa musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri atau Tahun Baru Cina. Sebagai contoh, penyaman udara adalah antara produk utama dibeli semasa Hari Raya Aidilfitri.¹⁹ Selain itu, produk tertentu mengalami permintaan yang meningkat semasa keadaan cuaca tertentu; contohnya, jualan penyaman udara dan penyejuk di Shopee meningkat sebanyak 22% semasa cuaca panas pada Mei 2023 berbanding tahun sebelumnya.²⁰ Di samping itu, jualan penyaman udara oleh Syarikat memuncak pada Mei 2023. Penggunaan penapis udara meningkat dalam tempoh berjerebu seperti semasa peristiwa jerebu rentas sempadan pada tahun 2019²¹, seperti yang dibuktikan oleh penjualan penapis udara yang lebih tinggi oleh Syarikat pada bulan September 2019, melebihi bulan-bulan lain pada tahun yang sama. Untuk menyesuaikan diri dengan variasi bermusim ini, syarikat biasanya menyesuaikan pakej promosi mereka dengan sewajarnya, dengan mengambil kira kedua-dua trend bermusim dan keadaan cuaca yang berlaku.

3.3 PRODUK/PERKHIDMATAN PENGGANTI

Terdapat beberapa pengganti peralatan rumah, tetapi mungkin berbeza bergantung kepada fungsi dan ciri. Pengguna sering mempertimbangkan kecekapan dan kos pengganti ini. Pengguna boleh memilih alternatif yang lebih murah seperti kipas atau penyejuk udara untuk mengawal suhu bilik. Pengguna juga boleh menggunakan alternatif lain seperti membeli air botol dan bukannya menggunakan penapis air. Dari segi servis penjagaan rumah, pengguna boleh mencuba untuk menjalankan pembasmian kuman dalaman sendiri tanpa peralatan khusus.

Sebagai alternatif, pengguna juga boleh mempertimbangkan untuk meminjam barang-barang ini daripada rakan atau ahli keluarga, atau memilih perkhidmatan seperti memasak, membersihkan dan perkhidmatan dobi. Walau bagaimanapun, peralatan rumah atau barangan isi rumah tertentu mungkin sukar untuk diangkut dan dipasang kerana ia mungkin memerlukan pemasangan profesional.

3.4 LANDSKAP KOMPETITIF

Di Malaysia, terdapat lebih banyak syarikat yang menawarkan peralatan rumah dan barangan isi rumah melalui pembelian secara terus berbanding dengan yang menawarkan pelan sewaan untuk produk tersebut. Industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia didominasi oleh beberapa pengusaha besar, dengan beberapa pesaing yang lebih kecil yang menjana hasil terutamanya daripada sewaan bulanan yang dibayar oleh pelanggan. Jenama-jenama ini mempunyai cawangan/pejabat dengan kakitangan jualan dan pasukan teknikal yang terletak di pelbagai negeri di seluruh Malaysia.

Sebilangan besar syarikat yang menawarkan pelan sewaan juga menawarkan perkhidmatan menyeluruh, daripada pemasangan hingga perkhidmatan penyelenggaraan selepas penjualan. Sesetengah mungkin memperluaskan perkhidmatan mereka untuk memasukkan servis penjagaan rumah di samping perkhidmatan yang berkaitan dengan produk. Syarikat menghadapi persaingan bukan sahaja daripada syarikat yang menjana hasil terutamanya dengan menjual produk ini secara terus, tetapi juga daripada penyedia khusus yang memberi tumpuan semata-mata kepada penyelenggaraan produk dan servis penjagaan rumah. Mereka juga menghadapi persaingan daripada syarikat yang terutamanya menawarkan perkhidmatan perniagaan ke perniagaan kepada pertubuhan komersial, melalui pakej sewaan dispenser air dan pek air botol besar, kerana Syarikat juga melayani segmen yang sama.

3.4.1 Halangan Kemasukan

Kesukaran mendapatkan bahagian pasaran dalam pasaran yang kompetitif: Industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia terutamanya terdiri daripada beberapa syarikat besar dan beberapa syarikat kecil, masing-masing menawarkan pelbagai produk yang digabung dengan perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan. Persaingan ini sengit di mana pengusaha utama bersaing, antara lain, pembezaan produk, inovasi teknologi, dan perkhidmatan produk. Pengusaha yang mantap dengan pengetahuan industri tersedia untuk mengekalkan kelebihan daya saing, memanfaatkan

¹⁹ SenHeng, Rakyat Malaysia Meluahkan Lebih Banyak Masa untuk Mencari Tawaran Raya pada Tahun 2024 dan Berjimat Besar dengan Senheng, Mei 2024

²⁰ Malay Mail, Heatwave: Penyaman udara yang paling dicari di platform e-dagang, Jun 2023

²¹ CNA, Apabila musim jerebu semakin hampir, perniagaan bersedia untuk lonjakan permintaan topeng, penapis udara, Jun 2023

8. LAPORAN IMR

F R O S T & S U L L I V A N

pengalaman, sumber, dan asas pelanggan mereka bagi menavigasi persekitaran yang kompetitif. Memandangkan jenama sedia ada sudah mantap dan diiktiraf oleh pengguna di Malaysia, ia mungkin mencabar bagi pendatang baharu untuk menembusi pasaran.

Memerlukan pelaburan awal yang tinggi: Industri ini memerlukan pelaburan modal pendahuluan yang tinggi untuk membiayai antara lain, pembelian produk, latihan kakitangan dan komisen jualan, manakala pelanggan boleh membuat bayaran bulanan untuk produk tersebut dalam tempoh antara beberapa bulan hingga beberapa tahun. Ini menjadikan ia mencabar bagi pengusaha baharu untuk mendapat pulangan modal dalam tempoh yang singkat berbanding dengan pengusaha besar kerana kesan negatif kepada aliran tunai yang berkaitan dengan menawarkan pelan sewaan.

3.4.2 Faktor Kejayaan Utama

Jenama yang kukuh dan hubungan pelanggan yang mantap: Syarikat membina jenama mereka dengan menyewakan produk berkualiti dengan reka bentuk, ciri dan fungsi yang unik untuk memenuhi keperluan dan gaya hidup pengguna tempatan yang berkembang pada titik harga yang boleh diterima. Selanjutnya, perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan tepat pada masanya dan sokongan pelanggan yang cepat untuk penyelenggaraan dan penyelesaian masalah membantu membina kesetiaan pelanggan. Syarikat juga boleh melibatkan duta jenama untuk meningkatkan kesedaran jenama, sementara model kontrak sewa dengan tempoh beberapa tahun membantu syarikat untuk melibatkan diri dengan pangkalan pelanggan. Pendekatan ini memupuk hubungan pelanggan yang kukuh dan setia, mewujudkan kesetiaan pelanggan dan menyumbang kepada kejayaan keseluruhan.

Kepelbagaian produk dan perkhidmatan yang disasarkan kepada keperluan pengguna: Syarikat dengan pelbagai produk yang dijual pada titik harga yang berbeza dapat secara konsisten membina keterujaan dan memenuhi keperluan pengguna yang berkembang, dengan itu memperluaskan pasaran yang boleh dijangkau. Selanjutnya, dengan memanfaatkan rekod prestasi yang bagus dan kepuasan pelanggan daripada penjualan produk sebelumnya dan perkhidmatan penyelenggaraan selepas penjualan, syarikat dapat terlibat dalam penjualan silang di pelbagai kategori produk mereka, mempertahankan aliran hasil masa depan. Di samping itu, syarikat yang mengikuti pilihan pasaran terkini dan memahami tingkah laku pengguna boleh kekal kompetitif dengan melancarkan produk dan perkhidmatan baharu bagi menangani perubahan pilihan pengguna.

Strategi pemasaran yang disasarkan untuk menarik pelanggan baharu dan mengekalkan pelanggan sedia ada: Pasukan jualan, pemasaran dan perkhidmatan yang terlatih dan berpengalaman boleh melaksanakan usaha pemasaran yang disasarkan dengan menyampaikan faedah produk dengan berkesan kepada segmen pelanggan tertentu. Sebagai contoh, syarikat boleh mempromosikan produk yang sesuai yang belum digunakan oleh pelanggan semasa menjalankan perkhidmatan produk rutin atau servis penjagaan rumah yang lain. Syarikat yang sering melancarkan kempen atau inisiatif kreatif, yang menawarkan tawaran menarik dengan nilai yang hebat seperti pakej produk yang digabung dan perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan, mempunyai kadar kejayaan yang lebih tinggi untuk menarik dan mengekalkan pelanggan. Di samping itu, sesetengah syarikat menubuhkan pusat pengalaman mereka sendiri untuk mendidik pelanggan yang berpotensi dan menyediakan pengetahuan produk yang komprehensif.

Saluran jualan bercampur dan liputan geografi yang luas: Ketersediaan pelbagai saluran jualan menyediakan kemudahan dan fleksibiliti untuk pelanggan. Sebagai contoh, platform dalam talian menjadi sangat bermanfaat semasa perintah sekatan COVID-19, yang membolehkan pengguna membuat pembelian tanpa perlu mengunjungi kedai secara fizikal. Syarikat terus menggunakan saluran penjualan dalam talian dan/atau saluran omni untuk menarik pelanggan walaupun selepas wabak tersebut. Selain itu, syarikat yang mempunyai liputan geografi yang luas menawarkan pelanggan akses mudah untuk mengalami dan menguji peralatan rumah dan barangan isi rumah sebelum membeli. Kehadiran yang meluas dapat meningkatkan pengiktirafan jenama dan kesetiaan pelanggan dengan meningkatkan keterlihatan dan kesedaran jenama. Kehadiran yang meluas ini, sering disokong oleh rangkaian gudang dan/atau pusat pengedaran serantau, memastikan jangkauan geografi yang lebih luas, penghantaran produk yang cekap, dan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan permintaan bermusim atau pelancaran produk baharu.

3.4.3 Profil Pengusaha Utama

Syarikat mempunyai pusat jualan²² di semua negeri dan Wilayah Persekutuan, kecuali Perlis. Syarikat mempunyai kehadiran yang lebih banyak di wilayah tengah di Malaysia. Khususnya, satu pusat jualan

²² Pusat jualan CUCKOO merujuk kepada Kedai Jenama CUCKOO, Kiosk Jenama CUCKOO, dan Galeri Jenama CUCKOO

8. LAPORAN IMR

F R O S T & S U L L I V A N

CUCKOO melayani kira-kira 92,000 orang (atau kira-kira 23,100 isi rumah) di wilayah tengah, yang diterjemahkan kepada 10.9 pusat jualan per juta orang (atau 43.2 pusat jualan per juta isi rumah).

Jadual 3-1: Anggaran Penduduk dan Kepadatan Penduduk mengikut Wilayah²³ pada 30 Jun 2024 vs Pusat Jualan CUCKOO pada 28 Februari 2025

Malaysia	Penduduk (ribu) (Jun 2024) ⁽¹⁾	Keluasan (kilometer ("km" ²))	Ketumpatan Penduduk (orang / km ²)	Kiraan pusat jualan CUCKOO (Feb 2025) ⁽²⁾	Penembusan pusat jualan CUCKOO (pusat jualan/ juta penduduk) ⁽³⁾	Liputan penduduk pusat jualan CUCKOO (penduduk (ribu) / pusat jualan) ⁽³⁾
Semenanjung Malaysia	27,211	132,492	205	217	8.0	125.4
Tengah	9,383	8,233	1,140	102	10.9	92.0
Pantai Timur	4,705	64,124	73	19	4.0	247.6
Utara	6,763	32,504	208	47	6.9	143.9
Selatan	6,360	27,631	230	49	7.7	129.8
Malaysia Timur	6,249	198,363	32	41	6.6	152.4

Nota: Data terkini yang tersedia pada 28 Februari 2025. (1) Anggaran data penduduk pada 30 Jun 2024; (2) Pusat jualan CUCKOO dikira pada 28 Februari 2025; (3) Dikira berdasarkan data penduduk pada 30 Jun 2024 dan pusat jualan CUCKOO dikira pada 28 Februari 2025.

Sumber: DOSM; IMF; Frost & Sullivan

Jadual 3-2: Bilangan isi rumah Malaysia mengikut Negeri pada 31 Disember 2022 berbanding Pusat Jualan CUCKOO pada 28 Februari 2025

Malaysia	Bilangan isi rumah ('000) (Dis 2022) ⁽¹⁾	Keluasan (km ²)	Isi rumah / keluasan dalam km ²	Kiraan pusat jualan CUCKOO (Feb 2025) ⁽²⁾	Penembusan pusat jualan CUCKOO (pusat jualan/ juta isi rumah) ⁽³⁾	Liputan isi rumah cawangan CUCKOO (isi rumah (ribu) / pusat jualan) ⁽³⁾
Semenanjung Malaysia	6,689.4	132,492	50.5	217	32.4	30.8
Tengah	2,358.7	8,233	286.5	102	43.2	23.1
Pantai Timur	1,021.8	64,124	15.9	19	18.6	53.8
Utara	1,738.2	32,504	53.5	47	27.0	37.0
Selatan	1,570.7	27,631	56.8	49	31.2	32.1
Malaysia Timur	1,219.7	198,363	6.1	41	33.6	29.7
Jumlah Malaysia	7,909.2	330,855	23.9	258	32.6	30.7

Nota: Data terkini yang tersedia pada 28 Februari 2025. (1) Bilangan isi rumah Malaysia setakat 31 Disember 2022, jumlah tidak boleh ditambah disebabkan pembundaran; (2) Pusat jualan CUCKOO dikira pada 28 Februari 2025; (3) Dikira berdasarkan bilangan isi rumah pada 31 Disember 2022 dan pusat jualan CUCKOO dikira pada 28 Februari 2025.

Sumber: DOSM; Frost & Sullivan

Antara pengusaha terpilih, Syarikat mempunyai bilangan pusat jualan terbesar di Malaysia pada 28 Februari 2025. Dengan kehadiran geografi yang luas di Malaysia, Syarikat mampu menarik sejumlah besar pelanggan. Dua pengusaha utama terpilih yang lain memegang lesen jualan langsung dan oleh itu dikehendaki mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai kepada syarikat jualan langsung. Walau bagaimanapun, sekatan ini tidak terpakai kepada Syarikat. Oleh itu, Syarikat mempunyai fleksibiliti yang lebih besar untuk menyesuaikan skim komisen untuk menarik dan mengekalkan ejen jualan dan kakitangan perkhidmatan. Syarikat juga boleh menyesuaikan saluran jualan, harga produk, dan pelan pemasaran, antara lain, untuk bertindak balas terhadap perubahan keadaan pasaran.

Pada 28 Februari 2025, antara pengusaha utama terpilih, Syarikat mempunyai pelbagai kategori produk untuk peralatan rumah dan barangan isi rumah di bawah segmen produk Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created. Hanya Syarikat, melalui jenamanya, WonderKlean, menyediakan servis penjagaan rumah untuk produk yang tidak dijualnya, seperti servis pembasmian kuman dalaman, dan servis pembersihan untuk penyaman udara, mesin basuh, peralatan dapur dan tilam jenama lain.

Jadual 3-3: Pengusaha Utama Terpilih dalam Industri Penyewaan Peralatan Rumah dan Barangan Isi Rumah di Malaysia, Februari 2025

Jenama ⁽¹⁾	Bilangan Negeri dan Wilayah Persekutuan di mana jenama ini wujud ⁽²⁾	Produk	Pusat jualan ⁽³⁾	Bilangan individu / kakitangan jualan	Bilangan individu/ kakitangan servis ⁽⁴⁾	Maklumat pelanggan pada tahun 2024E	Bilangan pesanan aktif pada tahun 2024E
CUCKOO	15	Peralatan rumah dan barangan isi rumah	258	6,633	3,222 termasuk pakar	~ 1.0 juta pesanan aktif ⁽⁵⁾	~ 1.0 juta ⁽⁵⁾

²³ Wilayah Tengah: Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Wilayah Pantai Timur: Kelantan, Terengganu dan Pahang. Wilayah Utara: Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Wilayah Selatan: Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Malaysia Timur: Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

8. LAPORAN IMR


F R O S T & S U L L I V A N

Jenama ⁽¹⁾	Bilangan Negeri dan Wilayah Persekutuan di mana jenama ini wujud ⁽²⁾	Produk	Pusat jualan ⁽³⁾	Bilangan individu / kakitangan jualan	Bilangan individu/kakitangan servis ⁽⁴⁾	Maklumat pelanggan pada tahun 2024E	Bilangan pesanan aktif pada tahun 2024E
					penjagaan rumah		
Coway	15	Peralatan rumah dan barangan isi rumah	200 ⁽⁶⁾	5k-9k ⁽⁷⁾ (anggaran)	~ 7k-9k ⁽⁸⁾ (anggaran)	3.2 juta akaun, di mana 3.1 juta ialah akaun sewaan dan kira-kira ~116k ialah akaun keahlian ⁽⁹⁾	2.6 juta (anggaran)
SK Magic	14	Peralatan rumah	39 ⁽¹⁰⁾	1-3k (anggaran)	~500-1k (anggaran)	~ 220k akaun ⁽¹¹⁾	0.2 juta (anggaran)

Nota: Data untuk setiap syarikat disediakan berdasarkan usaha terbaik mengikut maklumat yang tersedia untuk umum. "N/A" menunjukkan bahawa data/maklumat tidak tersedia; (1) Jenama yang disenaraikan adalah pengusaha utama terpilih yang mempunyai sekurang-kurangnya 30 pusat jualan di Malaysia pada 28 Februari 2025. Jenama disusun berdasarkan jumlah pusat jualan di Malaysia; (2) Merujuk kepada 13 negeri dan 3 Wilayah Persekutuan di Malaysia; (3) Termasuk kedai runcit dan kiosk. Kiraan pusat jualan ialah pada 28 Februari 2025; (4) Kakitangan boleh terlibat dalam jualan silang apabila menyediakan perkhidmatan; (5) Termasuk Jenama CUCKOO dan pesanan aktif CUCKOO Co-Created untuk perbandingan yang lebih baik dengan jenama lain; (6) Termasuk pejabat jualan dan pameran bergerak; (7) Merujuk kepada ahli organisasi jualan aktif setiap bulan pada 2024; (8) Bilangan perkhidmatan orang merujuk kepada Coway Lady sahaja; (9) Tidak termasuk akaun keahlian tidak berbayar, kematangan 5 tahun belum selesai dan akaun keahlian percuma. Akaun sewaan ditukar kepada akaun keahlian selepas tamat tempoh kontrak sewaan; (10) Merujuk kepada lokasi pusat jualan berdaftar yang dinyatakan di laman web mereka; (11) Akaun adalah berdasarkan produk yang disewakan/dijual.

Sumber: Laman Web syarikat Masing-masing; Frost & Sullivan

Carta 3-2: Jumlah Kategori Produk di kalangan Pengusaha Utama Terpilih, 2025



Nota: Termasuk produk di bawah jenama dan produk jenama bersama atau gabungan. Termasuk hanya peralatan rumah dan barangan isi rumah yang mempunyai pilihan sewaan. Data yang dikumpul pada 28 Februari 2025. (1) Penapis air luar kediaman dikira sebagai kategori produk berasingan daripada penapisan dalaman dan kepala pancuran mandian. Katil urut dan kerusi urut dikira sebagai satu kategori produk.

Sumber: Laman web syarikat masing-masing; Frost & Sullivan

Produk Syarikat secara amnya berharga kompetitif (tanpa mengambil kira ciri produk) berbanding pesaingnya dalam industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia pada 28 Februari 2025.

Jadual 3-4: Perbandingan Kategori Produk Utama antara Pengusaha Utama Terpilih dalam Industri Penyewaan Peralatan Rumah dan Barangan Isi Rumah di Malaysia, 2025

	CUCKOO	Coway	SK Magic
Penapis air			
Jumlah # penapis air ⁽¹⁾	11	13	8
Julat harga untuk sewaan (RM sebulan) ⁽²⁾⁽³⁾	65 – 123 (tahun pertama - ke3) 60 – 118 (tahun ke4 - ke5)	69 – 190	80 – 185 ⁽⁴⁾
Julat untuk harga jualan terus (RM) ⁽²⁾	1,999 – 4,500	2,490-8,000	2,400 – 6,500 ⁽⁴⁾
Tempoh sewa ⁽⁵⁾	5 tahun (atau tempoh fleksibel dari 3 hingga 7 tahun di bawah CUCKOO GOODPLAN™ untuk model terpilih)	5 tahun (kecuali dua model sehingga 7 tahun)	3, 5 atau 7 tahun
Penapis udara			
Jumlah # penapis udara ⁽¹⁾	7	4	5
Julat harga untuk sewaan (RM sebulan) ⁽²⁾⁽³⁾	70 – 130 (tahun pertama – ke3) 65 – 125 (tahun ke4 – ke5)	98 – 142 ⁽⁴⁾	100 – 140 ⁽⁴⁾
Julat untuk harga jualan terus (RM) ⁽²⁾	1,800 – 4,000	3,190 – 4,700	3,500 – 4,800 ⁽⁴⁾
Tempoh sewa ⁽⁵⁾	5 tahun	5 tahun	3, 5 atau 7 tahun
Penapis luar kediaman			
Jumlah # penapis luar kediaman ⁽¹⁾	1	1	1

8. LAPORAN IMR

F R O S T & S U L L I V A N

	CUCKOO	Coway	SK Magic
Julat harga untuk sewaan (RM sebulan) ^{(2) (3)}	85	100	105 ⁽⁴⁾
Julat untuk harga jualan terus (RM) ⁽²⁾	2,400	3,500	3,000 ⁽⁴⁾
Tempoh sewa ⁽⁵⁾	5 tahun	5 tahun	3 atau 5 tahun
Penyaman udara			
Jumlah # penyaman udara ⁽¹⁾	2	2	2 (2 siri) ⁽⁶⁾
Julat harga untuk sewaan (RM sebulan) ^{(2) (3)}	98 – 108	100 – 110	150 - 190 (tanpa perkhidmatan)
Julat untuk harga jualan terus (RM) ⁽²⁾	NA	NA	NA
Tempoh sewa ⁽⁵⁾	5 tahun	5 tahun	5 tahun
Kerusiurut			
Jumlah # kerusiurut ⁽¹⁾	1	3 ⁽⁷⁾	NA
Julat harga untuk sewaan (RM sebulan) ^{(2) (3)}	139	120-145	NA
Julat untuk harga jualan terus (RM) ⁽²⁾	7,999	6,000-8,199	NA
Tempoh sewa ⁽⁵⁾	5 tahun	5 tahun	NA
Tilam			
Jumlah # tilam ⁽¹⁾	4 (2 siri)	11 (4 siri)	NA
Julat harga untuk sewaan (RM sebulan) ^{(2) (3)}	99 - 129 (queen) 119 - 149 (king)	109 -139 (queen) 129 - 159 (king)	NA
Julat untuk harga jualan terus (RM) ⁽²⁾	3,699 - 5,199 (queen) 3,999-5,499 (king)	4,500-5,780 (queen) 5,200 - 6,380 (king)	NA
Tempoh sewa ⁽⁵⁾	3-7 tahun (CUCKOO GOODPLAN™)	5 tahun	NA

Nota: Kategori produk dipilih berdasarkan kategori yang tersedia di kalangan sekurang-kurangnya dua pengusaha utama yang dipilih. Termasuk produk di bawah jenama dan jenama bersama atau gabungan. Data untuk setiap syarikat disediakan berdasarkan usaha terbaik mengikut maklumat yang tersedia untuk umum. "NA" menunjukkan bahawa data/maklumat tidak tersedia. Data yang dikumpul pada 28 Februari 2025; (1) Bilangan produk termasuk pengiraan model produk yang berbeza dalam satu siri, dan tidak termasuk rangka katil, penapis dan alat ganti dan tanpa mengira warna; (2) Julat harga mungkin tidak dapat dibandingkan secara terus untuk kategori yang sama antara pengusaha utama yang berbeza, disebabkan oleh ciri produk yang berbeza, dan terma dan syarat pelan sewaan atau tunai. Julat harga diekstrak berdasarkan harga piawai dan tidak termasuk pelan promosi bermusim dan promosi tukar beli, kecuali dinyatakan sebaliknya; (3) Jika tempoh sewa yang berbeza tersedia, titik harga selama 5 tahun atau "5+0" diambil sebagai rujukan; (4) Harga untuk produk dengan perkhidmatan tetap 4 bulan jika berkenaan; (5) merujuk kepada tempoh sewa piawai kecuali dinyatakan sebaliknya; (6) Termasuk WindFree™ Deluxe 1.0HP dan WindFree™ Premium Plus 2.0HP; (7) Tidak termasuk katil urut.

Sumber: Laman web syarikat masing-masing; Frost & Sullivan

3.4.4 Penanda Aras Kewangan Berbanding Pengusaha Utama Terpilih

Syarikat dan anak syarikatnya ("Kumpulan") mempunyai antara margin keuntungan tertinggi sebelum cukai ("PBT"), margin keuntungan selepas cukai ("PAT") dan nisbah semasa yang positif berbanding dengan pengusaha utama yang dipilih, menunjukkan bahawa Kumpulan ini cekap dalam mengurangkan kosnya dan menjana keuntungan daripada operasinya. Kumpulan ini juga mempunyai aliran tunai bersih positif daripada aktiviti operasi, yang penting untuk kelestarian perniagaan.

Jadual 3-5: Penanda Aras Kewangan Pengusaha Utama Terpilih, Industri Peralatan Rumah dan Barangan Isi Rumah di Malaysia, 2023

Syarikat	Tahun kewangan berakhir	Hasil (RM mil) ⁽¹⁾	Margin PBT ⁽²⁾	Margin PAT ⁽³⁾	Nisbah Semasa ⁽⁴⁾	Tunai bersih dari / (digunakan dalam) aktiviti operasi (RM mil)
Syarikat yang menjana hasil terutamanya dengan sewaan						
Kumpulan	31 Disember 2023	1,116.6	12.4%	7.8%	1.1	103.4
Coway (Malaysia) Sdn Bhd	31 Disember 2023	3,795.5	13.4%	9.9%	0.8	(330.6)
SK Magic Retail Malaysia Sdn Bhd	31 Disember 2023	332.5	-8.2%	-8.2%	0.9	(76.6)
Syarikat yang menjana hasil terutamanya dengan menjual produk secara terus ⁽⁵⁾						
AEON Co. (M) Berhad	31 Disember 2023	4,129.0	4.7%	2.8%	0.5	629.9
Parkson Holdings Berhad	31 Disember 2023	3,126.0	3.7% ⁽⁶⁾	1.4% ⁽⁶⁾	1.0	688.8
Senheng New Retail Berhad	31 Disember 2023	1,315.0	2.6%	1.9%	2.1	65.1
LG Electronics (M) Sdn Bhd	31 Disember 2023	619.1	3.0%	2.3%	0.7	(45.6)

Nota: Maklumat berdasarkan data kewangan teraudit terkini yang dilaporkan oleh pengusaha terpilih pada 28 Februari 2025. Senarai pengusaha yang dipilih mungkin tidak lengkap dan maklumat disediakan untuk rujukan sahaja. Pengusaha terpilih telah melaporkan hasil lebih daripada RM200 juta dalam penyata kewangan teraudit terkini yang tersedia pada 28 Februari 2025; (1) Hasil yang dilaporkan mungkin diperolehi daripada aktiviti lain, selain daripada

8. LAPORAN IMR

F R O S T & S U L L I V A N

sewaan dan/atau jualan peralatan rumah dan barangan isi rumah; (2) Dikira berdasarkan PBT dibahagikan dengan hasil; (3) Dikira berdasarkan PAT dibahagikan dengan hasil; (4) Dikira berdasarkan aset semasa dibahagikan dengan liabiliti semasa; (5) AEON, Parkson dan Senheng membawa pelbagai jenama peralatan rumah dan barangan isi rumah manakala LG Electronics (M) Sdn Bhd membawa produk berjenama dan mengedarkannya melalui pusat jualan lain. (6) Nilai merujuk kepada PBT / PAT daripada operasi berterusan.

Sumber: Penyata kewangan teraudit syarikat masing-masing; Frost & Sullivan

3.4.5 Bahagian Pasaran

Syarikat adalah pengusaha kedua terbesar untuk penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia berdasarkan hasil, dengan bahagian pasaran dianggarkan pada 19.6% untuk tahun kewangan yang berakhir 2024. ²⁴ Syarikat juga merupakan pengusaha kedua terbesar berdasarkan jumlah pesanan aktif, dengan bahagian pasaran dianggarkan 23.1% pada 31 Disember 2024.²⁵ Coway adalah pengusaha terbesar dalam industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia berdasarkan hasil dan bilangan pesanan aktif, dengan bahagian pasaran dianggarkan masing-masing 62.2% dan 58.4% pada tahun 2024E.²⁶ Pertumbuhan Syarikat telah disokong oleh pelbagai pelan sewaan untuk memenuhi bajet kategori pengguna yang luas. Pertumbuhannya juga telah disokong oleh kepelbagaian produknya, dan perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan, yang membolehkan Syarikat mengembangkan pangkalan pelanggan dan penjualan silang. Dengan adanya faktor-faktor ini, Syarikat berada pada kedudukan yang baik untuk memperoleh kedudukan yang kukuh dan berkembang dalam tempoh yang diramalkan dalam laporan ini.

4 GAMBARAN KESELURUHAN PASARAN PENAPIS AIR DI MALAYSIA

Dalam industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah, penapis air mewakili kategori produk dengan jualan tertinggi di Malaysia pada tahun 2024E. Penapis air di Malaysia boleh didapati bukan sahaja melalui pengusaha dalam industri sewaan (contohnya Syarikat, Coway dan SK Magic), tetapi juga melalui, antara lain, syarikat jualan langsung (contohnya Amway (Malaysia) Holdings Berhad dan Cosway (M) Sdn Bhd), kedai peralatan elektrik dan elektronik (contohnya Senheng dan Harvey Norman), gedung membeli-belah (contohnya Aeon dan Parkson). Jualan penapis air di Malaysia oleh semua jenis peruncit, dianggarkan sekitar 934,400 unit pada tahun 2024E.²⁷ Syarikat dianggarkan memegang 19.1% bahagian pasaran berdasarkan jumlah penapis air yang disewa dan dijual di Malaysia pada tahun 2024E, menjadikan Syarikat salah satu pengusaha industri utama di ruang ini. ²⁸ Ini disokong oleh pelbagai model yang tersedia untuk memenuhi permintaan pengguna.

²⁴ Kedudukan pasaran Syarikat pada tahun 2024E disahkan dengan membandingkan hasilnya (tidak teraudit) pada tahun 2024E dengan anggaran hasil pengusaha utama lain yang serupa termasuk yang dilaporkan dalam Jadual 3-3. Data hasil mungkin tidak tersedia untuk semua pengusaha pada masa penyelidikan. Oleh itu, Frost & Sullivan telah menganggarkan hasil mereka berdasarkan pelbagai faktor, termasuk berita industri, dan kadar pertumbuhan purata industri. Bahagian pasaran dikira berdasarkan hasil Syarikat (tidak teraudit) yang dijana di Malaysia sebanyak RM1,225.1 juta untuk tahun kewangan berakhir 2024 berbanding anggaran saiz pasaran industri sewaan untuk peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia sebanyak RM6,252.1 juta pada 2024E.

²⁵ Bilangan pesanan aktif merujuk kepada pesanan daripada pelanggan yang (i) telah membuat pembelian secara langsung dan menerima perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan; (ii) mempunyai kontrak sewa aktif; atau (iii) mempunyai kontrak langganan aktif untuk perkhidmatan penyelenggaraan atau servis penjagaan rumah. Kedudukan pasaran Syarikat pada tahun 2024E disahkan dengan membandingkan pesanan aktifnya pada tahun 2024E dengan anggaran pesanan aktif pengusaha utama lain yang serupa termasuk yang dilaporkan dalam jadual 3-3. Data pesanan aktif mungkin tidak tersedia untuk semua pengusaha. Oleh itu, Frost & Sullivan telah menganggarkan pesanan aktif mereka berdasarkan pelbagai faktor, termasuk maklumat sejarah yang tersedia untuk umum, dan perkadaran jumlah akaun sewaan, antara lain. Bahagian pasaran dikira berdasarkan pesanan aktif Syarikat sekitar 1.0 juta berbanding anggaran jumlah pesanan aktif dalam industri sewaan untuk peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia sebanyak 4.5 juta pada tahun 2024E.


²⁶ Bahagian pasaran untuk Coway dikira berdasarkan hasil anggaran Coway (Malaysia) Sdn Bhd sebanyak RM3,886.7 juta berbanding anggaran saiz pasaran industri sewaan untuk peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia pada tahun 2024E sebanyak RM6,252.1 juta, dan anggaran pesanan aktif Coway sekitar 2.6 juta pada tahun 2024E berbanding anggaran jumlah pesanan aktif dalam industri sewaan untuk peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia sebanyak 4.5 juta pada tahun 2024E.

²⁷ Anggaran F&S

²⁸ Kedudukan pasaran Syarikat pada 2024E disahkan dengan membandingkan unit penapis air yang disewa dan dijual pada 2024E berbanding jumlah anggaran unit yang disewa dan dijual di Malaysia pada 2024E. Data unit yang disewa dan / atau dijual mungkin tidak tersedia untuk semua pengusaha. Oleh itu, Frost & Sullivan telah menganggarkan jumlah unit yang disewa dan/atau dijual berdasarkan maklumat yang tersedia untuk umum oleh pengusaha industri dan data proksi statistik, antara lain.

8. LAPORAN IMR

F R O S T & S U L L I V A N

Carta 4-1: Bahagian Pasaran Syarikat mengikut Bilangan Penapis Air yang Disewa dan Dijual di Malaysia, 2024E

Nota: (1) Bahagian pasaran menganggarkan anggaran unit penapis air yang disewa daripada pengusaha terpilih untuk 2024E berdasarkan maklumat yang dikumpul pada 28 Februari 2025; (2) Kategori yang dilabelkan sebagai "Lain-lain" termasuk pengusaha yang terlibat terutamanya dalam penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah kepada isi rumah dan perniagaan dengan bahagian pasaran yang dianggarkan kurang daripada 5.0% pada 2024E, pengusaha dalam industri peralatan rumah dan barangan isi rumah tanpa mengira bahagian pasaran mereka, dan pengusaha lain yang unit yang disewa dan/atau dijual tidak boleh dianggarkan.

Sumber: Frost & Sullivan

5 GAMBARAN KESELURUHAN MAKROEKONOMI SINGAPURA DAN TINJAUAN INDUSTRI PENYEWAAN PERALATAN RUMAH DAN BARANGAN ISI RUMAH

Singapura mempunyai ekonomi yang kukuh. KDNK meningkat daripada Dolar Singapura ("SGD") 481.0 bilion pada tahun 2019 kepada SGD561.9 bilion pada tahun 2024 pada CAGR sebanyak 3.2%.²⁹ Ekonomi diramalkan berkembang pada CAGR 2.5% dari tahun 2024 hingga 2029F.³⁰ Singapura adalah negara terkaya di Asia Tenggara dari segi KDNK per kapita. KDNK per kapita Singapura meningkat daripada SGD84,333.0 pada tahun 2019 kepada SGD94,634.8 pada tahun 2024E, pada CAGR 2.3%,³¹ dan ia diramalkan berkembang pada CAGR 1.8% dari tahun 2024E hingga 2029F.³² Dengan pendapatan per kapita yang tinggi, rakyat Singapura cenderung untuk mencari kemudahan dan keselesaan dengan penyelenggaraan berterusan untuk peralatan rumah dan barangan isi rumah mereka. Model sewa untuk produk ini memenuhi keperluan ini. Jumlah penduduk Singapura berjumlah 5.7 juta pada tahun 2019, dan telah mencapai 5.9 juta pada tahun 2024E. Penduduk dijangka mencapai 6.2 juta menjelang tahun 2029F pada CAGR sebanyak 0.7%. Dengan keluasan tanah hanya 735.6 km²,³³ Singapura mempunyai kepadatan penduduk 8,072 orang / km² pada Jun 2024. Ini memudahkan perkhidmatan peralatan rumah sewa dan barangan isi rumah, dan meminimumkan keperluan untuk mewujudkan rangkaian pusat jualan dan perkhidmatan yang luas oleh pengusaha industri yang berminat untuk menembusi pasaran ini. Ekonomi dan penduduk Singapura yang semakin meningkat menyumbang kepada prospek positif untuk industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah.

Kebanyakan syarikat yang beroperasi di pasaran sewaan Singapura menawarkan barangan isi rumah dan peralatan rumah untuk memenuhi pelbagai keperluan pelanggan. Syarikat-syarikat ini memanfaatkan model perniagaan yang berbeza dalam operasi mereka, termasuk sewaan (contohnya Cuckoo, Coway, *Expats Furniture Rental*), pajakan (contohnya *Lian Huat Furniture Rental*, *Singapore Furniture Rental*) atau langganan (contohnya Electrolux melalui platform Levande mereka). Model perniagaan ini berbeza berdasarkan pemilikan pada akhir kontrak. Perkhidmatan mereka untuk pelbagai peralatan rumah dan barangan isi rumah semasa tempoh kontrak, menyumbang kepada pertumbuhan dan kepelbagaian industri sewaan di Singapura.

6 RINGKASAN PROSPEK DAN TINJAUAN UNTUK SYARIKAT

Syarikat merupakan pengusaha kedua terbesar dalam industri untuk penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia berdasarkan hasil dan jumlah pesanan aktif pada tahun 2024E. Syarikat ialah peneraju pasaran berdasarkan bilangan pusat jualan pada 28 Februari 2025.

Syarikat telah berjaya melaksanakan model perniagaan sewaan, mendapat tarikan melalui pakej sewaan yang menarik sambil juga menyediakan pilihan untuk pengguna membeli produk secara terus. Model perniagaan ini menawarkan fleksibiliti untuk pengguna tanpa mengenakan kos pendahuluan yang tinggi. Penawaran pelbagai produk dan perkhidmatan yang memenuhi pelbagai keperluan pengguna, termasuk servis penjagaan rumah, Syarikat telah membentuk perkongsian strategik dengan pengilang dan pengeluar tempatan untuk memanfaatkan kepakaran mereka dalam menyampaikan produk berkualiti. Syarikat merancang untuk memasukkan lebih banyak kategori produk serta memperkenalkan produk

²⁹ Singstat, Data Utama KDNK Dalam Dolar Berantai (2015), Mengikut Industri (SSIC 2020), Tahunan

³⁰ IMF, WEO Oktober 2024

³¹ Dikira berdasarkan data populasi dari IMF dan data KDNK dari Singstat

³² IMF, WEO Oktober 2024

³³ Singstat, Persekitaran, Data Terkini untuk Jun 2024

8. LAPORAN IMR

F R O S T & S U L L I V A N

baharu dalam kategori sedia ada untuk memenuhi kumpulan pengguna yang lebih luas. Selain peralatan rumah dan barangan isi rumah, Syarikat juga menawarkan produk penjagaan kulit dan makanan bernutrisi melalui jenama WonderLab dan WonderDewi.

Selain itu, Syarikat menyediakan perkhidmatan pelanggan melalui pasukan yang memberi tumpuan kepada sokongan selepas jualan termasuk pemasangan, penyelenggaraan, dan perkhidmatan produk. Pendekatan berpusatkan pelanggan ini memupuk kepercayaan dan kesetiaan, mendorong rujukan positif dari mulut ke mulut dan peluang untuk penjualan silang. Dedikasi Syarikat terhadap inovasi dan teknologi, disokong oleh rakan perniagaannya seperti OGAWA Malaysia, LSK dan Fujiare, membantu mengukuhkan kedudukan Syarikat di pasaran.

Dengan liputan geografi yang luas di Malaysia, Syarikat memastikan akses kepada produknya di seluruh negara, menjangkau pelbagai pelanggan. Untuk meningkatkan kehadiran saluran omni, Syarikat melancarkan tapak e-dagangnya pada Mei 2024. Dengan kedudukan industri yang mendapat manfaat daripada kekuatan daya saing, dan strategi yang unik, Syarikat berada pada kedudukan yang baik untuk pertumbuhan masa depan.

9. FAKTOR RISIKO

ANDA HENDAKLAH MEMPERTIMBANGKAN DENGAN TELITI RISIKO YANG TERTERA DI BAWAH BERSAMA DENGAN MAKLUMAT LAIN YANG TERKANDUNG DALAM PROSPEKTUS INI SEBELUM MELAKUKAN KEPUTUSAN PELABURAN ANDA.

9.1 RISIKO BERKAITAN DENGAN PERNIAGAAN DAN OPERASI KAMI

9.1.1 Operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami bergantung pada Kumpulan CUCKOO Holdings

Mengikut Perjanjian Pengedaran CKH, kami telah diberikan hak tunggal dan eksklusif oleh CKH, untuk mengedar produk Jenama CUCKOO dan lesen untuk menggunakan tanda dagangan "CUCKOO" di Malaysia, Singapura dan Brunei (lihat Seksyen 7.21 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai Perjanjian Pengedaran CKH). Walaupun Perjanjian Pengedaran CKH tidak mempunyai tempoh tamat, perjanjian tersebut boleh ditamatkan sekiranya (i) sama ada CKH atau pihak kami melanggar Perjanjian Pengedaran CKH secara material, dan rundingan antara pihak kami dan CKH serta sebarang usaha pemulihan yang dijalankan untuk memulihkan pelanggaran material tersebut tidak berjaya; (ii) sama ada CKH atau pihak kami tidak lagi berfungsi sebagai usaha berterusan; atau (iii) majoriti daripada saham undian kami diperoleh secara wajib atau operasi kami telah diambil alih atau terkesan dengan peristiwa luar kawalan CKH atau pihak kami seperti peperangan, revolusi, coup d'etat, pergolakan awam atau perubahan ideologi politik Malaysia. Sekiranya Perjanjian Pengedaran CKH ditamatkan tanpa sebarang pengaturan alternatif yang dibuat, CKH tidak lagi perlu membekalkan kami dengan produk Jenama CUCKOO dan kami akan dikehendaki untuk berhenti menggunakan tanda dagangan "CUCKOO" di Malaysia, Singapura dan Brunei. Tambahan pula, pengurangan material dalam kepentingan ekuiti Kumpulan CUCKOO Holdings dalam Syarikat kami mungkin boleh mempunyai kesan buruk terhadap hubungan perniagaan kami dengannya.

Bagi FYE2021, FYE2022, FYE2023 dan FPE2024:

- (i) pembelian produk Jenama CUCKOO kami daripada Kumpulan CUCKOO Holdings membentuk 90.8%, 76.8%, 73.5% dan 66.5% daripada jumlah pembelian Kumpulan kami; dan
- (ii) hasil daripada segmen Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created kami, yang bergantung pada lesen untuk menggunakan tanda dagangan "CUCKOO", meyumbang kepada 98.7%, 98.8%, 99.2% dan 99.6% daripada jumlah hasil Kumpulan kami,

sekiranya Perjanjian Pengedaran CKH digantung atau ditamatkan, atau hubungan perniagaan kami dengan Kumpulan CUCKOO Holdings terkesan dengan buruk disebabkan pengurangan material dalam kepentingan ekuitinya dalam Syarikat kami, operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami boleh terkesan secara material dan buruk.

9.1.2 Sebarang gangguan dalam bekalan produk Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created daripada rakan kongsi perniagaan atau pembekal lain kami akan mempunyai kesan yang buruk terhadap operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami

Memandangkan kami tidak mempunyai kawalan langsung ke atas pengeluaran produk Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created, kami berhadapan dengan risiko bekalan daripada Kumpulan CUCKOO Holdings dan rakan kongsi perniagaan kami, iaitu OGAWA Malaysia, Fujiaire dan LSK. Risiko bekalan melibatkan pembekal kami mengalami kapasiti pengeluaran berkurangan, kegagalan untuk memenuhi tarikh akhir pengeluaran, kegagalan untuk memenuhi piawaian kualiti produk kami serta gangguan penghantaran dan pelabuhan. Sekiranya pembekal gagal untuk mengeluarkan atau menghantar produk secukupnya dengan kualiti yang memuaskan untuk memenuhi keperluan kami tepat pada masanya, ianya akan menyebabkan kesan yang buruk terhadap perniagaan kami.

9. FAKTOR RISIKO

Seterusnya, kami tidak akan dapat mencari pembekal alternatif untuk produk Jenama CUCKOO sekiranya Kumpulan CUCKOO Holdings tidak lagi mampu memenuhi keperluan produk kami pada kos yang boleh terima dan tepat pada masanya. Kami juga tidak dapat terus bergantung pada lesen untuk menggunakan tanda dagangan “CUCKOO” walaupun pembekal alternatif dapat dikenal pasti.

Untuk sesetengah produk CUCKOO Co-Created kami, mungkin akan mengambil masa yang lama untuk mengenal pasti dan melayakkan pembekal baharu, atau dalam kes bagi produk CUCKOO Co-Created kami, rakan kongsi perniagaan baharu yang sesuai, yang mempunyai keupayaan serta sumber untuk menghasilkan produk kami selaras dengan spesifikasi serta perkhidmatan kami dan juga mencapai piawai kawalan kualiti kami, dalam kuantiti yang diperlukan.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang mencukupi untuk mengurangkan kebarangkalian atau menguruskan potensi impak daripada peristiwa sedemikian, khususnya apabila sebuah produk atau perkhidmatan disediakan oleh sumber yang tunggal, boleh memberi kesan buruk dan material terhadap operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

9.1.3 Kami memerlukan modal pendahuluan dan aliran tunai yang mampan untuk menawarkan pelan sewaan produk kami kepada pelanggan

Modal perniagaan kami terutamanya melibatkan penawaran pelan sewaan produk kepada pelanggan kami, yang memerlukan kami untuk mempunyai modal pendahuluan yang signifikan untuk membiayai pembelian produk daripada pembekal kami dan membayar komisen jualan. Seterusnya, aliran masuk tunai operasi kami bergantung pada kutipan bayaran sewa daripada pelanggan kami sepanjang tempoh kontrak mereka. Oleh itu, sekiranya sumber modal seperti dana janaan dalaman dan pinjaman bank tidak tersedia kepada kami tepat pada masanya atau sejumlah yang ketara daripada pelanggan kami gagal untuk menyelesaikan pembayaran mereka tepat pada masanya atau langsung tidak melakukan bayaran, ini akan mempengaruhi aliran tunai dan seterusnya keupayaan kami untuk membiayai pembelian produk daripada pembekal kami dan membayar komisen jualan, yang seterusnya akan menjejaskan pertumbuhan perniagaan sewaan kami. Jika demikian, operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami akan terkesan secara buruk dan material.

Bagi Tahun Kewangan dalam Semakan, kami telah menggunakan sejumlah besar aliran tunai kami untuk membayar balik Kumpulan CUCKOO Holdings, yang telah mengehadkan aliran tunai kami dan oleh itu, pertumbuhan hasil kami. Bagi FYE2021, FYE2022, FY2023 dan FPE2024:

- (i) kami telah membayar RM614.7 juta, RM255.3 juta, RM287.2 juta dan RM358.5 juta masing-masing kepada Kumpulan CUCKOO Holdings; dan
- (ii) jumlah yang masih belum dijelaskan kepada Kumpulan CUCKOO Holdings adalah masing-masing sebanyak RM190.6 juta, RM219.4 juta, RM187.4 juta dan RM47.2 juta.

9. FAKTOR RISIKO

Sebelumnya, kami telah diberikan tempoh pembayaran balik selama 24 bulan dari tarikh invois untuk melakukan bayaran kepada CKH, yang mengurangkan keperluan kami untuk mencari sumber modal. Walau bagaimanapun, selepas 1 Julai 2024, menurut Perjanjian Penedaran CKH, kami dikehendaki untuk melakukan semua bayaran kepada CKH dan/atau membayar semua invois daripada CKH dalam masa 90 hari sebelum tarikh invois atau tarikh penyertaan seperti yang dinyatakan dalam surat muatan, yang mana terkemudian dan berkenaan. Selain itu, pada 31 Julai 2024, kami telah menyelesaikan semua perdagangan belum bayar tertunggak yang terutang kepada Kumpulan CUCKOO Holdings yang tertunggak selama lebih daripada 90 hari, untuk mengurangkan sebarang potensi konflik antara Syarikat kami dan Kumpulan CUCKOO Holdings (lihat Seksyen 10.1.5 Prospektus ini). Tempoh pembayaran balik yang lebih pendek dan penyelesaian ini telah menyebabkan Kumpulan kami mencatatkan aliran tunai negatif daripada aktiviti operasi kami sebanyak RM114.0 juta bagi FPE2024. Walaupun kami boleh mengambil langkah-langkah untuk mengekalkan modal kerja yang mencukupi bagi operasi kami (lihat Seksyen 7.3.7 Prospektus ini bagi butiran lanjut), sekiranya dana janaan dalaman kami tidak mencukupi dan kami terus mengembangkan perniagaan penyewaan kami, aliran tunai daripada aktiviti operasi kami dijangka menjadi negatif untuk tempoh kewangan akan datang.

9.1.4 Kami mungkin tidak mampu mendapatkan sumber pembiayaan yang lain untuk membiayai pembelian produk untuk menawarkan pelan sewaan kepada pelanggan kami yang mungkin memberi impak negatif kepada keupayaan kami untuk mengembang perniagaan sewaan kami

Kami memerlukan perbelanjaan modal yang besar untuk pembelian awal produk, yang ditawarkan dalam tempoh sewa yang lebih panjang di bawah pelan sewaan kami, mengakibatkan kedudukan aliran tunai operasi bersih yang negatif. Bagi FYE2021, FYE2022, FYE2023 dan FPE2024, pembelian produk kami berjumlah, masing-masing, sebanyak RM306.7 juta, RM244.2 juta, RM248.3 juta dan RM260.0 juta.

Sebelum ini, kami bergantung pada tempoh bayaran balik yang lebih panjang kepada CKH yang mengurangkan keperluan kami untuk mencari sumber modal (lihat Seksyen 9.1.3 Prospektus ini untuk butiran lanjut). Seterusnya, bagi membiayai pembelian produk baharu dan pembayaran balik liabiliti dagangan sedia ada, kami perlu bergantung pada pembiayaan pihak ketiga mengelakkan jumlah yang lebih tinggi terutang kepada pembekal kami. Pada 30 September 2024, pinjaman bank berfaedah tertunggak kami berjumlah RM309.7 juta.

Pada LPD, kami tidak berhadapan dengan sebarang masalah untuk mendapatkan sumber pembiayaan lain yang telah memberi kesan material dan buruk terhadap operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami. Walau bagaimanapun, tidak terdapat jaminan bahawa kami boleh mendapatkan modal tambahan tepat pada masanya atau dengan terma yang diterima pada masa yang akan datang, jika ada. Kegagalan untuk mendapatkan pembiayaan yang cukup dengan terma munasabah boleh menanggungkan kebolehan kami untuk meneruskan rancangan perniagaan kami, yang boleh menyebabkan kesan buruk terhadap operasi perniagaan dan kedudukan kewangan kami. Pembiayaan hutang pada masa yang akan datang juga boleh melibatkan terma yang menyekat keanjalan kewangan kami atau menyekat kebolehan kami untuk membayar dividen.

9.1.5 Kami tertakluk kepada risiko berkaitan pembayaran yang timbul daripada keingkaran atau pembayaran lewat pelanggan kami

Kami menawarkan pelbagai pelan sewaan kepada pelanggan kami, di bawah pelan tersebut mereka akan membuat bayaran sewa bulanan sepanjang tempoh penggunaan produk kami. Pada LPD, lebih daripada 80% pelanggan kami melanggan pelan sewaan kami. Bagi FYE2021, FYE2022, FYE2023 dan FPE2024, pendapatan daripada pelan sewaan kami berjumlah, masing-masing, sebanyak RM675.9 juta, RM545.9 juta, RM630.1 juta dan RM577.6 juta, mewakili, masing-masing, 59.3%, 52.2%, 56.4% dan 62.1%, daripada jumlah hasil kami.

9. FAKTOR RISIKO

Pada LPD, tidak terdapat keingkaran atau pembayaran lambat oleh pelanggan kami yang telah memberi kesan material dan buruk terhadap operasi perniagaan dan kedudukan kewangan kami. Lihat Seksyen 7.6.2 Prospektus ini bagi maklumat lanjut mengenai kadar kutipan kami. Walau bagaimanapun, sekiranya kebolehpercayaan kredit pelanggan kami merosot, atau sekiranya sejumlah signifikan pelanggan kami gagal untuk menyelesaikan bayaran mereka tepat pada masanya disebabkan sebarang sebab, termasuk tetapi tidak dihadkan kepada, ketidakmampuan atau ketidakrelaan untuk membuat bayaran, khususnya jika berlaku kegawatan ekonomi, kami mungkin akan mengalami kerugian kemerosotan nilai dan operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami akan terkesan dengan buruk. Tiada jaminan bahawa kami dapat memperoleh kembali sepenuhnya pembayaran daripada pelanggan kami, atau bahawa mereka dapat membuat bayaran kepada kami tepat pada masanya. Sebarang kejadian keingkaran atau kelewatan pembayaran oleh pelanggan kami boleh memberikan kesan yang buruk terhadap operasi kewangan dan keadaan kewangan kami.

Sekiranya kami mengambil semula produk pelanggan disebabkan oleh keingkaran bayaran, produk yang diambil semula (jika diperiksa oleh kami berada dalam keadaan yang berfungsi) boleh digunakan semasa bengkel demonstrasi kami dan juga boleh dipinjamkan kepada pelanggan lain sebagai produk pengganti, semasa pelanggan tersebut menghantar produk mereka untuk dibaiki. Akibatnya, kami mungkin tidak dapat memperoleh semula kos ditanggung berkaitan dengan produk yang diambil semula.

9.1.6 Perniagaan kami bergantung pada kebolehan kami untuk melindungi dan meningkatkan imej jenama kami

Kami percaya bahawa reputasi kami adalah tunjang kepada kebolehan berterusan kami untuk menarik pelanggan dan mengekalkan hubungan dengan rakan kongsi perniagaan kami. Bagi FYE2021, FYE2022, FYE2023 dan FPE2024, hasil daripada jualan produk Jenama CUCKOO kami menyumbang masing-masing sebanyak 95.8%, 89.7%, 85.4% dan 79.0% daripada jumlah hasil kami. Kami telah menjalin kerjasama dengan rakan kongsi perniagaan kami untuk pembangunan dan pengeluaran produk CUCKOO Co-Created kami. Produk sedemikian juga membawa nama "CUCKOO". Kejayaan dan pertumbuhan berterusan kami oleh itu bergantung pada signifikan kepada kebolehan kami untuk melindungi dan mempromosikan jenama kami, dalam pasaran sedia ada kami dan pasaran baharu yang kami berniat untuk tembusi (lihat Seksyen 9.1.11 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai risiko berkaitan dengan strategi perniagaan kami). Ulasan negatif mengenai kami, Kumpulan CUCKOO Holdings, rakan kongsi perniagaan, produk dan perkhidmatan kami, kakitangan kami atau pihak ketiga lain yang bergabung dengan kami dan jenama kami boleh menyebabkan kesan yang buruk terhadap reputasi atau perniagaan kami. Sebagai contoh, pada 2016, terdapat dakwaan tidak berasas bahawa penapis yang digunakan dalam salah satu penapis udara kami mengandungi bahan berbahaya, dan kami juga menerima maklum balas negatif bahawa kenyataan yang dibuat dalam iklan yang berkaitan dengan penapis udara tersebut adalah tidak benar. Bagi menguruskan reputasi Jenama CUCKOO, CKH mengeluarkan kenyataan rasmi untuk membalas dakwaan tersebut, kenyataan ini telah dimuat naik ke laman web korporat kami di Malaysia dan kami telah menggantikan penapis berkaitan untuk menangani kebimbangan pelanggan.

Duta jenama yang menjalin hubungan dengan kami boleh terlibat dengan tingkah laku atau menggunakan platform mereka untuk berkomunikasi secara langsung bersama pelanggan kami dengan cara yang tidak mencerminkan jenama kami dengan baik. Tingkah laku mereka boleh dikaitkan dengan kami atau memberikan kesan yang buruk kepada kami. Adalah mustahil untuk mencegah tingkah laku tersebut, dan langkah berwaspada yang dilakukan oleh kami untuk mengesan aktiviti ini tidak akan berkesan bagi semua kes. Sebarang kejadian yang memberikan kesan negatif terhadap jenama dan/atau reputasi kami boleh menghalang pelanggan daripada membeli produk dan/atau perkhidmatan kami serta mengurangkan keinginan rakan kongsi perniagaan kami daripada menjalankan perniagaan bersama kami.

9. FAKTOR RISIKO

Kegagalan keselamatan atau kualiti produk, sama ada benar atau anggapan semata-mata, termasuklah kecacatan, salah label produk, pencemaran, dan produk dianggap tidak sesuai untuk penggunaan boleh menodai imej jenama kami dan menyebabkan pelanggan kami untuk membeli produk daripada peruncit yang lain. Oleh yang demikian, kami telah berusaha untuk memilih rakan kongsi perniagaan yang mempunyai rekod prestasi yang baik, berkemampuan untuk menyediakan produk yang selamat, berkualiti tinggi dan perkhidmatan pada kos yang boleh diterima. Walau bagaimanapun, tidak terdapat jaminan bahawa rakan kongsi perniagaan kami tidak akan menghadapi kegagalan keselamatan dan kualiti produk bagi produk CUCKOO Co-Created yang dikeluarkan oleh mereka.

Kelemahan keselamatan atau kecacatan lain dalam produk pesaing kami juga akan mengurangkan permintaan pelanggan terhadap produk kami sekiranya para pelanggan menganggap produk kami dan produk pesaing adalah lebih kurang sama atau menganggap bahawa kecacatan tersebut simptomatik dengan kategori produk tersebut. Walaupun kami mengekalkan insurans liabiliti produk dan insurans liabiliti am untuk menampung kerugian kewangan yang mungkin ditanggung disebabkan tuntutan liabiliti produk bagi produk peralatan dapur, produk WonderDewi, dan perkhidmatan WonderKlean kami, tuntutan liabiliti produk terhadap kami (atau terhadap Kumpulan CUCKOO Holdings, berhubungan dengan produk Jenama CUCKOO kami), tidak kira sama ada tuntutan tersebut berasas atau tidak, boleh memberikan kesan negatif terhadap imej jenama kami, dan boleh melebihi perlindungan insurans sedia ada kami dan rizab yang ditetapkan, mengakibatkan kos guaman yang ditanggung berkaitan dengan tuntutan tersebut atau dakwaan memudaratkan lain serta kos untuk memperbetul sebarang kecacatan produk, mana-mana daripadanya boleh memberikan kesan yang buruk terhadap operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

Tambahan pula, produk kami mungkin akan dipalsukan di pasaran, sebagai contoh melalui peniruan tanpa izin, replikasi rekaan kami, pelanggaran tanda dagangan atau salah label oleh pihak ketiga, yang boleh memberi kesan terhadap pengiktirafan pasaran dan persepsi pasaran jenama kami. Walaupun kami memantau sebarang penggunaan tanpa izin bagi rekaan berdaftar dan tanda dagangan kami, serta pemalsuan atau peniruan produk kami untuk memastikan hak harta intelek kami dilindungi, kami tidak dapat memberi anda jaminan bahawa pemalsuan dan peniruan tidak akan berlaku, atau sekiranya perkara tersebut berlaku, bahawa kami boleh mengesan dan menangani masalah tersebut secara efektif atau dalam tempoh yang sewajarnya, jika langsung. Kehadiran produk yang dipalsukan yang signifikan dalam pasaran boleh menyebabkan impak negatif terhadap imej dan nilai jenama kami, membawa kepada kehilangan kepercayaan pelanggan terhadap jenama kami serta mempengaruhi operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami secara material dan buruk.

Mempromosi dan melindungi jenama serta bahagian pasaran kami juga bergantung, sebahagiannya, pada mengawal pengedaran produk kami melalui saluran jualan kami. Sekiranya kami gagal untuk mempromosikan jenama kami atau melindungi dan meningkatkan identiti jenama atau gagal untuk melindungi jenama kami dan kedudukannya, atau sekiranya kami gagal untuk memantau pengedaran atau penggunaan produk oleh kakitangan kami dan kontraktor bebas, atau pekerja sedemikian gagal untuk mematuhi dasar, pengiktirafan pasaran jenama kami boleh merosot. Kami mungkin tidak dapat menjual produk kami pada harga atau kuantiti yang memuaskan, dan akibatnya, operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami boleh terkesan dengan buruk.

9.1.7 Kejayaan kami bergantung pada kebolehan kami untuk mengekalkan dan memperkembangkan rangkaian saluran omni kami

Kami telah menggunakan kaedah strategi pengedaran saluran omni untuk memasarkan dan mengedarkan produk kami melalui pelbagai saluran dalam dan luar talian seperti Pasukan Jualan CUCKOO dan Kumpulan Servis CUCKOO+, cawangan runcit, peruncit pihak ketiga (lihat Seksyen 7.5.5.4 Prospektus ini untuk butiran lanjut), e-Brandstores, platform e-dagang, e-Brandshops di Malaysia dan Singapura. Di Brunei, kami telah memeterai perjanjian sub-pengedaran bersama CUCKOO Brunei bagi penjualan dan pengedaran produk kami.

9. FAKTOR RISIKO

Perkembangan rangkaian jualan kami mungkin tidak membawa kepada perkembangan yang berkadar dengan hasil jualan kami. Untuk mengekalkan dan meningkatkan bahagian pasaran kami, kami menilai secara aktif prestasi operasi rangkaian omni kami di luar dan dalam talian, dan berdasarkan penilaian tersebut, kami boleh menambah atau mengalih keluar cawangan runcit, memeterai pengaturan jualan bersama peruncit pihak ketiga dan rakan kongsi niaga kami pada masa hadapan. Kami mungkin tidak berjaya dalam mana-mana aspek ini. Kebolehan kami untuk mengekalkan dan memperkembangkan saluran jualan dalam dan luar talian kami bergantung pada beberapa faktor, termasuk antara lain, kebolehan kami untuk mengekalkan hubungan dengan peruncit pihak ketiga dan platform e-dagang utama dengan syarat yang boleh diterima secara komersial bagi kami dan kebolehan kami untuk bertindak balas terhadap perubahan dari segi keperluan mereka. Sekiranya kami gagal untuk mengekalkan atau memperkembang rangkaian jualan kami dengan jayanya, operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami boleh terkesan secara material dan buruk.

Di Singapura, kami menawarkan produk kami kepada pelanggan melalui pelbagai platform, seperti kedai serbaneka, kedai runcit peralatan rumah dan platform e-dagang dalam talian. Kebanyakan platform pihak ketiga di luar dan dalam talian boleh memasarkan produk saingan atau menambah kos untuk kami mengambil bahagian dalam aktiviti berkaitan jualan dan pengiklanan. Sekiranya kami dikehendaki untuk menurunkan harga atau menerima syarat yang tidak memberi kami keuntungan, perkara tersebut boleh memberi kesan kepada prestasi jualan produk kami, atau kami mungkin perlu menerima kredit lebih dan risiko lain yang boleh memberikan kesan negatif terhadap operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami. Sekiranya syarat yang dikenakan oleh peruncit pihak ketiga kami dan platform dalam talian yang bekerjasama dengan kami, tidak dapat diterima secara komersial atau kami gagal untuk mengekalkan hubungan dengan mereka, kerugian atau penamatan kontrak kami bersama mereka, atau pengurangan yang ketara dari segi kuantiti jualan, salah satu atau lebih daripadanya, boleh menjejaskan kebolehan kami untuk membawa produk kami ke pasaran, dan akibatnya menjejaskan operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami dengan buruk.

Tambahan pula, tiada jaminan bahawa kami boleh menguruskan secara berkesan pertindihan atau potensi saingan dalam kalangan saluran dalam dan atas talian kami. Persaingan negatif dalam kalangan saluran jualan kami boleh mengakibatkan penurunan jualan secara keseluruhan, yang mungkin memberi kesan material dan buruk terhadap operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

9.1.8 Kami bergantung pada Pengurusan Kanan Utama kami untuk kejayaan dan pertumbuhan berterusan perniagaan kami

Kami sangat bergantung pada Pengurusan Kanan Utama kami untuk menetapkan hala tuju perniagaan yang strategik dan menguruskan perniagaan kami. Kami dipimpin oleh CEO kami, Hoe Kian Choon. Beliau mempunyai lebih 18 tahun pengalaman dalam industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah. Beliau disokong oleh pasukan Pengurusan Kanan Utama kami yang bertapak di Malaysia yang mempunyai sebanyak 19 hingga 25 tahun pengalaman dalam bidang kepakaran mereka masing-masing.

Buat masa sekarang kami tidak mempunyai sebarang perjanjian tidak bersaing dengan Pengurusan Kanan Utama, atau pekerja utama yang lain, dan belum lagi mendapat sebarang insurans kakitangan penting berkaitan dengan individu seperti itu. Kebolehan kami untuk mengekalkan kejayaan yang berterusan dan menghadapi cabaran perniagaan bergantung pada perkhidmatan berterusan dari Pengurusan Kanan Utama kami yang berpengalaman dan kebolehan kami untuk menarik, merekrut, dan mengekalkan kakitangan profesional yang berpengalaman, berbakat dan berkemahiran. Disebabkan kumpulan pekerja berkemahiran semasa yang terhad, persaingan untuk pengurusan kanan, komersial dan profesional kewangan dalam industri kami adalah sengit. Sekiranya berlaku kehilangan perkhidmatan daripada Pengurusan Kanan Utama kami atau pekerja utama yang lain, ketidakupayaan kami untuk merekrut atau melatih pekerja berpengalaman dalam jumlah yang memuaskan atau ketidakupayaan kami untuk mengurus tahap kemerosotan kakitangan tersebut boleh menyebabkan kesan yang buruk kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

9. FAKTOR RISIKO

9.1.9 Operasi kami mungkin dihadkan oleh konvenan hutang semasa dan akan datang dan kegagalan kami untuk mematuhi perkara tersebut boleh mempercepatkan pembayaran balik hutang

Di bawah terma pinjaman bank utama kami dan di bawah mana-mana pengaturan pembiayaan hutang yang mungkin akan kami memeterai pada masa hadapan, kami akan, dan mungkin pada masa hadapan, tertakluk dengan kovenan yang boleh, antara perkara lain, menyekat perniagaan dan operasi Kumpulan kami dan/atau salah satu atau lebih anak syarikat kami. Sekiranya kami melanggar mana-mana konvenan ini, pemberi pinjaman kami berhak untuk mempercepatkan kewajipan hutang kami. Sebarang kemungkiran untuk memenuhi kewajipan hutang kami boleh mengakibatkan kami untuk membayar hutang tersebut sebelum tempoh matangnya dan juga mengehendkan kebolehan kami untuk mendapatkan pembiayaan tambahan, dan ini mungkin akan memberi kesan material yang buruk terhadap aliran dan kecairan tunai kami. Di samping itu, perjanjian pinjaman kami bersama bank tertentu boleh mengandungi klausa kemungkiran bersilang yang menyatakan bahawa jika kami melanggar peruntukan perjanjian pinjaman yang lain, kami juga akan melanggar perjanjian pinjaman mereka. Sekiranya sebarang kemungkiran bersilang berlaku, bank tersebut berhak di bawah perjanjian tersebut untuk mempercepatkan pembayaran balik kesemua atau sebahagian daripada pinjaman yang relevan untuk mendapatkan semula terhadap cagaran bagi kewajipan hutang tersebut.

Tambahan pula, pelan pembayaran balik hutang kami mungkin akan dipercepat sekiranya pemberi pinjaman kami memutuskan bahawa kami berisiko untuk tidak dapat membayar semula kewajipan hutang kami. Sekiranya pembayaran balik pinjaman kami dipercepatkan atau kami mungkir dalam pembayaran balik, mungkin sukar bagi kami untuk membiayai semula hutang kami atau mendapatkan pembiayaan tambahan. Mempunyai kebergantungan hutang yang tinggi boleh menyebabkan kesan yang signifikan terhadap operasi kewangan dan keadaan kewangan kami, seperti menyukarkan kami untuk memenuhi kewajipan di bawah pengaturan pembiayaan kami, memerlukan kami untuk mendedikasikan sebahagian besar aliran tunai daripada operasi kami kepada pembayaran hutang kami, atau memberikan impak negatif terhadap kebolehpercayaan kredit kami, yang mengehendkan kebolehan kami untuk meminjam dana tambahan atas terma yang boleh diterima secara komersial.

9.1.10 Kami tertakluk kepada ketersediaan tenaga kerja bagi operasi jualan dan penyelenggaraan

Operasi jualan dan penyelenggaraan kami memerlukan bekalan bakat untuk terus mengembangkan rangkaian pekerja servis dan jualan kami. Sehubungan itu, kebolehan berterusan kami untuk mengenal pasti, mengupah, menarik, melatih, membangun dan mengekalkan pekerja berkecekapan yang memainkan peranan penting dalam rangkaian saluran omni kami, seperti Pasukan Jualan CUCKOO, Pasukan Jualan WonderLab dan Kumpulan Servis CUCKOO+, yang merupakan pekerja jualan dan servis barisan hadapan yang berurusan secara langsung dengan pelanggan, adalah penting bagi pertumbuhan perniagaan kami.

Pemergian pekerja tidak dapat dijangka dan boleh mengganggu implementasi pelan strategik dan proses-proses perniagaan, terutama sekali jika berlakunya gangguan dalam proses pemindahan maklumat. Saingan yang sengit untuk tenaga kerja berbakat memerlukan kami untuk menawarkan pampasan kompetitif yang merupakan salah satu perbelanjaan utama kami. Oleh itu, kami bertujuan untuk menarik dan mengekalkan pekerja dalam kumpulan utama yang telah dinyatakan sebelum ini dalam rangkaian saluran omni kami melalui pelan ganjaran dan insentif yang menarik.

Pada LPD, kami belum pernah berhadapan dengan sebarang masalah material dengan menarik atau mengekalkan tenaga kerja yang telah memberikan kesan material dan buruk terhadap operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami. Walau bagaimanapun, tidak terdapat jaminan bahawa struktur komisen atau pelbagai insentif yang kami tawarkan boleh terus berjaya dalam menarik atau mengekalkan pekerja jualan dan servis kami atau

9. FAKTOR RISIKO

meningkatkan produktiviti mereka. Kegagalan kami untuk melakukan yang demikian boleh memberikan kesan secara material dan buruk terhadap operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

9.1.11 Kami mungkin tidak dapat menjalankan strategi perniagaan dan rancangan masa hadapan kami dengan berjaya, dan mengurus pertumbuhan kami

Kebolehan kami untuk menjalankan strategi perniagaan kami (seperti yang digambarkan dalam Seksyen 7.4 Prospektus ini) tertakluk kepada pelbagai risiko, seperti kebolehan kami untuk mengembangkan bahagian pasaran kami, mengembangkan rangkaian pengedaran saluran omni kami, dan meningkatkan kecekapan operasi dan kebolehan kami untuk melayani pasaran yang lebih besar. Kami juga perlu, secara berterusan, meningkatkan dan menaik taraf infrastruktur dan teknologi kami, menambah baik kawalan kami terhadap aspek operasi, kewangan dan pengurusan, menguatkan pembekal dan pengurusan rangkaian saluran omni kami, memperhalusi sistem pelaporan dan prosedur kami, serta mengembangkan, melatih dan menguruskan kumpulan kakitangan kami yang kian berkembang. Semua usaha ini memerlukan sumber pengurusan, kewangan dan manusia yang besar.

Usaha kami untuk mempertingkatkan kecekapan operasi kami mungkin tidak dijalankan dengan betul atau gagal untuk mencapai hasil yang diinginkan. Tidak terdapat jaminan bahawa kami akan dapat menguruskan secara berkesan perkembangan kami atau meningkatkan sistem kami untuk menyokong secukupnya operasi kami yang semakin berkembang atau mengekalkan hubungan yang baik dengan pembekal, peruncit pihak ketiga, kakitangan atau pelanggan kami.

Kami percaya bahawa perkembangan masa hadapan kami bergantung bukan sahaja pada usaha untuk terus mencapai demografi teras semasa kami, tetapi juga dengan usaha berterusan untuk menembusi dan memperluas asas pelanggan dan peruncit kami, termasuklah dengan meningkatkan jumlah cawangan runcit kami, memeterai perkongsian dengan kedai beraneka dan kedai runcit peralatan rumah untuk menjual produk kami di platform mereka, mempertingkatkan sistem kami untuk menyokong secukupnya perkembangan kami dan mengekalkan hubungan baik dengan pembekal, peruncit pihak ketiga, kakitangan dan pelanggan kami. Sebelum ini, kami telah mengembangkan penawaran produk kami kepada kategori produk baharu melalui perkongsian perniagaan dan akan terus melakukan perkara tersebut pada masa hadapan. Inisiatif seperti ini mungkin memerlukan pengurusan kami untuk membangunkan kepakaran dalam perkara baharu, menguruskan hubungan perniagaan baharu dan menarik jenis pelanggan yang baharu. Di samping itu, inisiatif seperti ini mungkin memerlukan perhatian yang signifikan daripada pengurusan kami, dan pengalihan perhatian pihak pengurusan dan sumber kami mungkin boleh memberi kesan buruk terhadap kebolehan kami untuk menguruskan operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami. Tambahan pula, perkongsian perniagaan seperti ini mungkin menyebabkan kos untuk ditanggung dan mendedahkan kami kepada risiko pematuhan berkaitan dengan produk baharu yang ditawarkan.

Kami telah berhadapan, dan mungkin akan terus berhadapan dengan, cabaran seperti persaingan dengan pemain pasaran yang lain, penetapan harga, pengedaran, pengambilan kakitangan, isu perundangan dan peraturan-peraturan, dan juga kesukaran dalam meramal demografi dan cita rasa pelanggan dalam pasaran baharu dan semasa yang kami kendalikan.

9. FAKTOR RISIKO

9.1.12 Keadaan kewangan dan perkembangan masa hadapan kami mungkin terkesan dengan turun naik kadar pertukaran mata wang asing

Kami membeli produk Jenama CUCKOO dengan mata wang USD dan selalunya menjual produk ini di dalam Malaysia dengan mata wang fungsian kami, iaitu Ringgit Malaysia (RM). Bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan FPE2024, masing-masing, sebanyak 98.9%, 98.7%, 98.6% dan 98.9% daripada hasil kami telah diurus niaga dalam RM, dan masing-masing, sebanyak 91.0%, 77.7%, 73.8% dan 68.4% daripada pembelian kami telah diurus niaga dalam USD. Sebarang pergerakan yang tidak menguntungkan dalam kadar pertukaran di antara RM dan USD boleh, oleh itu, mempunyai impak negatif terhadap prestasi kewangan kami.

Walaupun kami akan menganggarkan potensi turun naik kadar pertukaran mata wang asing dan mengambil kira anggaran tersebut ketika menentukan harga pelan sewaan kami, disebabkan pelan sewaan kami selalunya mempunyai tempoh kontrak yang panjang dengan jumlah bayaran balik yang sudah ditetapkan, tidak terdapat jaminan bahawa anggaran kami adalah tepat. Sekiranya berlaku peristiwa di mana kami tidak menentukan harga pelan sewaan kami untuk mengambil kira pergerakan yang tidak menguntungkan dalam kadar pertukaran, kami tidak akan dapat memindahkan secara berkesan kepada pelanggan kami sebarang peningkatan kos yang timbul disebabkan pergerakan yang tidak menguntungkan itu. Lihat Seksyen 12.2.2 (iv) Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai turun naik pertukaran mata wang asing kami.

Selain itu, setakat LPD, kami tidak mempunyai sebarang dasar lindung nilai. Walaupun kami hendak melaksanakan dasar lindung nilai pada masa hadapan, mungkin terdapat instrumen lindung nilai terhad yang boleh kami gunakan untuk mengurangkan pendedahan kami terhadap turun naik kadar pertukaran, dan instrumen lindung nilai yang kami gunakan untuk mengurangkan pendedahan risiko pertukaran asing kami mungkin tidak berkesan. Di samping itu, kos bagi instrumen kadar pertukaran asing tersebut mungkin mengalami turun naik yang signifikan dari semasa ke semasa dan mungkin mengatasi potensi faedah daripada pengurangan turun naik mata wang.

9.1.13 Kami tertakluk kepada pelarasan penetapan harga pindaan yang mungkin akan memberi kesan kepada keuntungan kami

Pembelian kami daripada Kumpulan CUCKOO Holdings dikira sebagai urus niaga dalam kumpulan daripada perspektif penetapan harga pindaan Korea Selatan dan Malaysia dan berkemungkinan untuk diteliti oleh pihak berkuasa cukai di Korea Selatan dan Malaysia, sama ada urus niaga dalam kumpulan tersebut telah dijalankan berdasarkan dasar selaras pasaran. Dalam perkara ini, Kumpulan kami, CKH dan CUCKOO Electronics telah bersetuju untuk melakukan pelarasan penetapan harga pindaan dengan usaha munasabah dan dengan niat baik, untuk mematuhi prinsip selaras pasaran.

Dasar penetapan harga pindaan yang diterima pakai adalah berdasarkan kaedah margin bersih transaksional di mana margin keuntungan beroperasi kami akan dilaraskan dengan rujukan kepada julat margin keuntungan beroperasi syarikat setanding terpilih di Malaysia untuk mematuhi prinsip selaras pasaran. Pelarasan penetapan harga pindaan boleh, antara lain, meningkatkan atau mengurangkan keuntungan kami dan kami berkemungkinan untuk menanggung liabiliti cukai. Bagi FYE2021 dan FYE2022, kami menanggung masing-masing sebanyak RM74.3 juta dan RM9.2 juta bagi pelarasan penetapan harga pindaan, manakala tidak terdapat pelarasan penetapan harga pindaan telah berlaku bagi FYE2023, FPE2023 dan FPE2024.

9. FAKTOR RISIKO

Berdasarkan dasar pemindahan harga yang diterima pakai, analisis akan dijalankan pada kadar berterusan untuk menentukan julat margin keuntungan beroperasi yang dicapai oleh syarikat setanding terpilih di Malaysia, dan margin keuntungan beroperasi kami kemudiannya akan ditanda aras berbanding julat margin keuntungan beroperasi tersebut pada kadar tahun ke tahun. Sekiranya margin keuntungan beroperasi kami berada di luar julat margin keuntungan beroperasi syarikat setanding terpilih di Malaysia, maka keuntungan beroperasi kami akan dilaraskan untuk berada dalam julat margin keuntungan beroperasi syarikat setanding terpilih di Malaysia dan sebaliknya. Lihat juga Seksyen 12.2.2 (iii) Prospektus ini bagi butiran mengenai pengaturan penetapan harga pindaan kami.

9.1.14 Kegagalan untuk mengekalkan pelanggan sedia ada kami dan menarik pelanggan baharu dengan cara yang kos efektif mungkin menjejaskan jualan kami

Kejayaan kami bergantung, sebahagiannya, kepada kebolehan kami untuk menarik pelanggan secara kos efektif untuk membeli produk dan perkhidmatan kami, mengekalkan pelanggan sedia ada dan mendorong pelanggan sedemikian untuk terus menggunakan produk dan perkhidmatan kami.

Kami telah membuat, dan kami menjangkakan bahawa kami boleh terus melakukan, pelaburan yang signifikan untuk menarik pelanggan baharu, termasuklah melalui perkongsian korporat, duta jenama, media tradisional, digital dan sosial serta melibatkan diri kami dalam inisiatif penajaan. Kempen pemasaran boleh menjadi mahal dan ia mungkin tidak menyebabkan pemerolehan pelanggan secara kos efektif. Bagi FYE2021, FYE2022, FYE2023 dan FPE2024, perbelanjaan pengiklanan dan pemasaran kami mencecah sebanyak, masing-masing, RM25.6 juta, RM33.7 juta, RM34.1 juta dan RM21.0 juta, mewakili lebih kurang, masing-masing, 2.2%, 3.2%, 3.1% dan 2.3% daripada hasil keseluruhan kami. Kami menjangka perbelanjaan pemasaran kami akan meningkat pada masa hadapan selaras dengan usaha berterusan kami untuk memperkukuh kesedaran terhadap jenama dan produk kami. Walau bagaimanapun, tiada jaminan bahawa usaha pemasaran dan pengiklanan kami akan menyebabkan peningkatan dalam jualan produk kami. Sekiranya mana-mana kempen pemasaran kami terbukti kurang berjaya daripada yang dijangkakan dalam menarik pelanggan, kami mungkin tidak dapat mendapatkan semula perbelanjaan pengiklanan kami, dan jualan bersih kami mungkin gagal mencapai jangkauan pasaran. Salah satu daripadanya boleh memberikan kesan buruk kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

Seterusnya, kebolehan kami untuk menarik pelanggan baharu bergantung pada keberkesanan strategi saluran omni kami dan rangkaian pekerja dalam Pasukan Jualan CUCKOO, Pasukan Jualan WonderLab dan Kumpulan Servis CUCKOO+ (lihat Seksyen 9.1.7 dan Seksyen 9.1.10 Prospektus ini masing-masing untuk butiran lanjut bagi kebergantungan kami kepada rangkaian saluran omni dan tenaga kerja).

9. FAKTOR RISIKO

9.1.15 Kami mungkin akan tertakluk kepada risiko inventori berkaitan dengan keusangan atau pengumpulan inventori akibat produk pesaing dan tempoh pegangan berpanjangan

Kami terdedah kepada risiko inventori disebabkan pelbagai faktor di luar kawalan kami, termasuklah perubahan trend penggunaan dan cita rasa pelanggan, pelancaran produk pesaing, dan bekalan produk Jenama CUCKOO daripada Kumpulan CUCKOO Holdings dan bekalan produk CUCKOO Co-Created daripada rakan kongsi perniagaan kami. Lihat Seksyen 9.1.1 dan 9.1.2 Prospektus ini untuk butiran lanjut. Mengekalkan tahap inventori yang optimum adalah penting untuk kejayaan perniagaan kami. Walaupun kami menyediakan ramalan stok bulanan untuk menguruskan tahap inventori kami, kami mungkin tidak dapat menjangka dengan tepat cita rasa dan permintaan pelanggan serta mengekalkan tahap inventori yang secukupnya pada setiap masa. Pengurangan yang tidak dijangka dalam permintaan pasaran bagi produk jualan kami boleh mengakibatkan inventori berlebihan, dan kami mungkin terpaksa untuk menawarkan diskaun atau menjalankan aktiviti promosi untuk melupuskan inventori yang perlahan pergerakannya, kadangkala pada harga di bawah kos. Sebagai contoh, pada Jun 2019, kami mempunyai inventori berlebihan bagi tempat masakan hibrid Inductwo dan Inductrio kami disebabkan anggaran berlebihan keperluan pasaran yang dibuat dalam ramalan jualan kami, dan kami terpaksa melancarkan promosi pelanggan untuk mengosongkan inventori kami. Sebaliknya, inventori yang berada di bawah stok boleh menyebabkan kami untuk kehilangan jualan.

Bagi FYE2021, FYE2022, FYE2023 dan FPE2024, tempoh perolehan inventori kami masing-masing adalah 49 hari, 67 hari, 62 hari dan 57 hari. Kami mengurus inventori kami dan melakukan pelarasan berdasarkan keperluan produk kami. Peningkatan atau pengurangan tempahan yang tidak dijangka boleh menyebabkan kesan buruk kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

Seterusnya, pengenalan produk baharu dalam industri peralatan dapur yang kerap boleh menyebabkan pengurangan dalam harga jualan purata produk kami dan keusangan kepada inventori sedia ada kami. Secara umumnya, kami menilai kemerosotan inventori secara berkala dan selalunya mengenal pasti penurunan nilai inventori apabila kos produk tersebut lebih rendah daripada nilai boleh direalisasi bersihnya. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh sifat tidak menentu dari segi nilai sesetengah inventori kami, tidak akan terdapat jaminan bahawa kerugian inventori sebenar tidak akan melebihi atau jatuh di bawah peruntukan kami bagi kerugian inventori. Perbezaan dalam anggaran nilai hadapan yang dijangka dan sebarang penurunan harga berkaitan inventori atau aset boleh memberi kesan kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami. Tambahan pula, jualan inventori berlebihan pada harga diskaun atau melalui saluran runcit yang kurang diingini boleh menjejaskan imej jenama kami dan memudaratkan margin kasar kami. Atas sebab kesihatan dan keselamatan, kami juga mungkin dikehendaki untuk melupuskan produk WonderLab dan produk penjagaan kulit WonderDewi serta produk makanan bernutrisi dijual yang sudah tamat tempohnya.

Sebab itu, tiada jaminan bahawa stok keusangan dan pengumpulan stok tidak akan menyebabkan kesan yang buruk kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan pada masa hadapan kami.

9.1.16 Kami mungkin tidak akan dapat melindungi hak harta intelek kami dengan secukupnya, dan kami mungkin dikehendaki untuk mempertahankan diri daripada tuduhan pelanggaran harta intelek atau hak milik pihak ketiga yang lain

Kejayaan produk dan perkhidmatan kami bergantung, sebahagiannya, dengan kebolehan kami untuk melindungi teknologi semasa dan hadapan kami, produk dan perkhidmatan kami, serta melindungi hak harta intelek kami, termasuklah sebarang paten, rahsia perdagangan, hak cipta dan hak tanda dagangan dimiliki oleh Kumpulan CUCKOO Holdings berkaitan dengan produk Jenama CUCKOO kami, atau mana-mana hak sedemikian yang dimiliki bersama rakan kongsi perniagaan kami berkenaan dengan produk CUCKOO Co-Created.

9. FAKTOR RISIKO

Percubaan untuk melindungi teknologi hak milik produk Jenama CUCKOO kami dalam pelbagai bidang kuasa boleh memakan kos yang tinggi dan tidak terdapat jaminan bahawa Kumpulan CUCKOO Holdings akan menjalankan langkah yang sedemikian. Pesaing mungkin bersaing dengan produk dan teknologi kami, dalam bidang kuasa di mana kami, Kumpulan CUCKOO Holdings atau rakan kongsi perniagaan kami, mengikut keadaan, belum memperoleh hak harta intelek.

Pada LPD, kami belum lagi dikehendaki untuk menegaskan hak harta intelek kami atau mempertahankan diri daripada tuduhan pelanggaran harta intelek atau hak milik pihak ketiga. Walau bagaimanapun, sekiranya kami, Kumpulan CUCKOO Holdings, atau rakan kongsi perniagaan kami gagal untuk melindungi hak harta intelek berkaitan dengan produk yang ditawarkan dengan secukupnya, pesaing kami mungkin akan mengeluarkan dan memasarkan produk dan perkhidmatan serupa, yang mungkin akan melemahkan pembezaan produk kami dan memberi kesan yang buruk terhadap operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

Sekiranya produk Jenama CUCKOO, produk CUCKOO Co-Created atau proses pengeluaran kami didapati untuk melanggar hak pihak ketiga, kami, sama ada bersama Kumpulan CUCKOO Holdings atau rakan kongsi perniagaan kami, atau sebaliknya, akan tertakluk kepada liabiliti yang signifikan dan dikehendaki untuk mendapatkan lesen daripada pihak ketiga, membayar royalti berterusan, melakukan reka bentuk semula produk tertentu, atau tertakluk kepada perintah mahkamah yang melarang pengeluaran dan penjualan produk tertentu, atau penggunaan harta intelek dalam bidang kuasa tertentu. Pembelaan terhadap tuntutan pelanggaran serta prosiding undang-undang dan pentadbiran yang berkaitan boleh memakan kos dan masa yang banyak, serta berpotensi mengalihkan usaha dan sumber daripada pekerja teknikal dan pengurusan kami secara signifikan.

9.1.17 Kami mungkin tidak mampu untuk mencari lokasi yang sesuai untuk cawangan runcit dengan syarat yang diterima secara komersial, atau sama sekali

Prestasi kami bergantung pada lokasi cawangan runcit kami. Pengurus Jualan kami selalunya mencadangkan lokasi untuk kedai Jenama CUCKOO dan kiosk Jenama CUCKOO, yang akan kami nilai berdasarkan faktor-faktor seperti, kekerapan pengunjung, aksesibiliti, gred pusat membeli belah dan kadar penyewaan. Bekalan lokasi perdana adalah terhad dan ianya mencabar untuk mendapatkan lokasi sedemikian. Kos penyewaan, terutama sekali dalam lokasi perdana di Malaysia dan Singapura mungkin lebih tinggi daripada harga yang kami anggap sebagai munasabah dari segi komersial. Sekiranya kami mengalami kesukaran untuk mengenal pasti lokasi bersesuaian untuk disewa, operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami mungkin boleh terjejas.

Milenial yang celik teknologi kini menjadi kumpulan pengguna yang lebih ketara, dan sekiranya mereka lebih memilih untuk melihat produk secara fizikal dalam kedai tetapi melakukan pembelian secara dalam talian, ini mungkin mengurangkan jualan yang dilakukan melalui saluran jualan luar talian. Maka, tidak terdapat jaminan bahawa mempunyai kehadiran runcit yang lebih besar, di lokasi perdana atau sebaliknya, boleh meningkatkan operasi perniagaan atau keadaan kewangan kami.

9.1.18 Kami mungkin tidak mampu untuk mengesan dan mencegah penipuan atau salah laku yang dilakukan oleh rakan kongsi perniagaan, pekerja, kontraktor bebas atau pihak ketiga lain

Kami mungkin akan terdedah kepada penipuan atau salah laku lain yang dilakukan oleh rakan kongsi perniagaan, pekerja, kontraktor bebas atau pihak ketiga lain yang boleh menjejaskan reputasi kami dan menyebabkan kami dikenakan litigasi, kerugian kewangan dan sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa kerajaan. Salah laku sedemikian boleh melibatkan menyalahgunakan atau mendedahkan maklumat sensitif, terlibat dalam aktiviti yang tidak wajar seperti menawarkan atau menerima rasuah, kepada atau daripada, pihak bertentangan untuk mendapatkan kelebihan atau keuntungan, atau terlibat dalam salah nyata atau aktiviti penipuan, memperdaya atau aktiviti lain yang tidak wajar.

9. FAKTOR RISIKO

Setakat LPD, kami mempunyai lebih 7,000 pekerja dalam Pasukan Jualan CUCKOO dan Pasukan Jualan WonderLab di seluruh Malaysia dan Singapura. Tidak akan ada jaminan bahawa pekerja sedemikian akan mematuhi terma dan syarat yang mentadbir penggajian atau perkhidmatan mereka dengan kami, atau bahawa kami mungkin dapat mengenal pasti semua kejadian salah laku.

Pada masa lalu, kami mendapat tahu bahawa seorang Wakil Jualan telah terlibat dalam amalan jualan tidak sah, melibatkan manipulasi penipuan dan penduaan nombor kad pengenalan, untuk meningkatkan angka jualan secara buatan serta memperoleh lebih banyak komisen dan faedah lain. Kami telah menamatkan kontrak Wakil Jualan tersebut. Selain itu, kami telah mendapati bahawa sesetengah daripada bekas Wakil Jualan kami telah menerbitkan tawaran promosi dan pemasaran yang mengelirukan, dan memuat naik maklumat yang salah atau sudah lapuk di akaun media sosial mereka yang tidak dapat kami hapuskan.

Kami telah mengetatkan prosedur kawalan dalaman kami untuk memantau operasi kami dan menjamin pematuhan secara menyeluruh yang melibatkan penambahbaikan prosedur operasi piawai kami berkaitan dengan pengiktirafan jualan dan pemantauan pekerja jualan kami. Di samping itu, kami juga mengekalkan rekod pekerja jualan kami dan laman web media sosial mereka untuk melakukan pemeriksaan berkala ke atas kandungan laman web promosi mereka bagi memastikan bahawa mereka kekal mengikuti perkembangan terkini dan mematuhi garis panduan pemasaran kami. Walau bagaimanapun, tiada jaminan bahawa prosedur kawalan dalaman akan dijalankan secara berkesan untuk mengenal pasti semua kejadian ketidakpatuhan atau transaksi mencurigakan tepat pada masanya, sekiranya berlaku, disebabkan perubahan dalam proses perniagaan atau pekerja yang relevan.

Tiada jaminan bahawa penipuan atau salah laku lain tidak akan berlaku pada masa hadapan. Sekiranya penipuan atau salah laku lain berlaku, kejadian tersebut mungkin akan mengakibatkan publisiti negatif bagi kami, dan akan menjejaskan operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami secara material dan buruk.

9.1.19 Sekiranya Wakil Jualan, Pakar Perkhidmatan dan Wonder Stars dianggap sebagai pekerja kami, mungkin terdapat akibat buruk dari segi perniagaan, kewangan cukai, undang-undang dan akibat lain

Di bawah model perniagaan semasa kami, Wakil Jualan kami, dan sesetengah Pakar Perkhidmatan dan Wonder Stars kami berada di bawah kontrak untuk perkhidmatan sebagai kontraktor bebas. Pada masa lalu, kami berhadapan dengan tuntutan undang-undang daripada sebahagian kontraktor bebas sedemikian yang telah berusaha untuk menuntut faedah tertentu dan/atau pampasan dengan mendakwa bahawa mereka memegang status kakitangan, perkara sedemikian masih berterusan pada LPD. Tuntutan sedemikian secara agregat adalah tidak material kepada Kumpulan kami. Ujian untuk mentadbir sama ada seseorang terlibat sebagai kontraktor bebas atau pekerja adalah berdasarkan penemuan fakta berkaitan dengan sifat sebenar hubungan mereka dengan kami. Seterusnya, berkaitan tindakan penguatkuasaan yang dimulakan oleh SOCSO terhadap kami dengan dakwaan bahawa kami dikehendaki untuk mendaftarkan salah satu kontraktor bebas kami kepada SOCSO, yang didakwa oleh SOCSO adalah pekerja kami, Mahkamah Tinggi telah mengesahkan pada Jun 2023, bahawa kontraktor bebas tersebut bukan merupakan pekerja kami. Oleh itu, kami tidak dikehendaki untuk membayar sumbangan kepada SOCSO bagi kontraktor bebas sedemikian.

Walaupun bagaimanapun, tidak terdapat jaminan bahawa tidak akan ada sebarang perubahan kepada undang-undang atau peraturan-peraturan yang mentadbir definisi atau pengelasan kontraktor bebas, atau keputusan badan kehakiman berkaitan dengan kontraktor bebas yang boleh memerlukan pengelasan semula kontraktor bebas sebagai kakitangan kami. Sekiranya perkara sedemikian berlaku, kami mungkin dikehendaki untuk menanggung perbelanjaan tambahan yang signifikan, berpotensi untuk melibatkan perbelanjaan berkaitan dengan pelaksanaan dan pematuhan undang-undang pekerjaan (termasuk gaji minimum, kerja lebih masa, dan keperluan tempoh makan dan rehat), faedah kakitangan (termasuklah keperluan berhubung dengan caruman berkanun dan insurans wajib), cukai, dan penalti.

9. FAKTOR RISIKO

9.1.20 Perlindungan insurans kami mungkin tidak mencukupi

Kami mengekalkan polisi insurans untuk melindungi pelbagai risiko yang relevan kepada keperluan dan operasi perniagaan kami, dan juga mengekalkan polisi insurans pihak ketiga untuk melindungi potensi risiko dan liabiliti tertentu, termasuklah, perompakan, kebakaran, liabiliti produk, jaminan fideliti, kargo marin, kebanjiran, dan liabiliti hartanah. Kami telah membuat tuntutan pada masa dahulu di bawah polisi insurans kami, untuk menampung kerugian yang dialami.

Sebagai contoh, 2,038 unit penapis air dan penapis udara yang kami simpan di gudang yang disewa daripada pihak ketiga telah mengalami kerosakan disebabkan banjir pada FYE2021. Walaupun kami berjaya untuk memenuhi tempahan pelanggan dengan stok dari gudang yang lain dan mendapatkan pembayaran sekitar RM1.3 juta daripada syarikat insurans kami pada FYE2023, tidak ada jaminan bahawa kami mempunyai stok mencukupi untuk melakukan yang sedemikian sekiranya kejadian serupa berlaku pada masa hadapan. Mungkin juga akan berlaku keadaan di mana kami tidak akan dilindungi atau diberi pampasan, sebahagian atau sama sekali, untuk kerugian, kerosakan dan liabiliti tertentu. Sebarang risiko yang tidak dilindungi dengan secukupnya oleh insurans mungkin memberikan kesan yang buruk terhadap operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

Tambahan pula, semua polisi insurans kami tertakluk kepada pembaharuan berkala, yang boleh melibatkan perubahan dalam premium insurans, terma dan had polisi. Sekiranya terdapat peningkatan signifikan dalam premium insurans kami, kami mungkin akan menanggung kos yang lebih tinggi untuk memperbaharui polisi insurans kami. Seterusnya, tidak terdapat jaminan bahawa polisi insurans sedemikian akan terus tersedia kepada kami berdasarkan terma dan kos yang boleh diterima.

9.1.21 Kami bergantung pada pembekal sistem operasi untuk menyokong sesetengah produk dan teknologi kami, termasuklah aplikasi mudah alih CUCKOO+ dan Chatbot kecerdasan buatan kami

Aplikasi mudah alih CUCKOO+ dan Chatbot kecerdasan buatan kami, bergantung pada pengendalian berkesan sesetengah sistem operasi mudah alih, rangkaian dan piawaian yang dijalankan oleh pembekal sistem operasi dan kedai aplikasi (secara kolektif, "Pembekal").

Pembekal yang mengawal sistem dan rangkaian sedemikian kerap memperkenalkan teknologi baharu, dan dari semasa ke semasa, mereka mungkin akan memperkenalkan sistem dan rangkaian baharu atau mengubah suai sistem dan rangkaian yang sedia ada. Seterusnya, kami juga tertakluk kepada dasar, amalan, garis panduan, pensijilan dan terma perkhidmatan platform Pembekal di mana kami menerbitkan aplikasi mudah alih CUCKOO+ dan kandungan kami. Pembekal juga boleh menggantikan struktur yurannya, menambah yuran berkaitan dengan akses dan penggunaan platform atau kedai aplikasi mereka, menghadkan penggunaan maklumat peribadi dan maklumat lain untuk tujuan pengiklanan atau menghadkan bagaimana pengguna boleh berkongsi maklumat di platform mereka atau merentas platform yang lain. Sekiranya kami atau pelanggan kami melanggar terma perkhidmatan, garis panduan, pensijilan atau dasar Pembekal, atau sekiranya Pembekal mempercayai bahawa kami atau pelanggan kami telah melanggar, syarat perkhidmatan, garis panduan, pensijilan atau dasarnya, maka Pembekal tersebut boleh menghadkan atau menghentikan akses kami atau pelanggan kami kepada platform mereka.

Sekiranya mana-mana Pembekal, berhenti menyediakan kami akses kepada platform atau infrastruktur mereka, gagal untuk menyediakan akses yang boleh diharapkan, menghentikan operasi, mengubah suai atau memperkenalkan sistem baharu atau sebaliknya menamatkan perkhidmatan mereka, kelewatan yang disebabkan oleh melayakkan dan penukaran kepada sistem operasi yang lain boleh memakan masa dan kos serta memberikan kesan yang material dan buruk kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

9. FAKTOR RISIKO

9.1.22 Kami mungkin tertakluk kepada prosiding undang-undang, pertikaian peraturan-peraturan dan pertanyaan kerajaan

Pada masa yang lalu, kami telah berhadapan dengan, dari semasa ke semasa, tertakluk kepada tuntutan, tuntutan mahkamah, siasatan kerajaan dan prosiding lain. Walaupun perkara sedemikian bukan material, tiada jaminan bahawa tuntutan pada masa hadapan tidak akan memberikan kesan buruk kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami. Lihat Seksyen 9.1.19 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai tindakan penguatkuasaan yang dimulakan oleh SOCSO terhadap kami.

Litigasi dan prosiding peraturan-peraturan yang boleh kami hadapi mungkin berlarutan dan mahal serta keputusannya sukar untuk dijangka. Sesetengah perkara ini melibatkan tuntutan spekulatif untuk jumlah ganti rugi yang besar atau tidak tentu dan melibatkan tuntutan untuk pelepasan injunksi. Tambahan pula, nama jenama dan reputasi kami mungkin akan terjejas tanpa mengira keputusan prosiding sedemikian, dan kos litigasi kami mungkin signifikan.

Keputusan buruk berhubungan dengan litigasi atau sebarang prosiding undang-undang sedemikian boleh mengakibatkan kos penyelesaian atau penghakiman, penalti dan denda yang signifikan atau memerlukan kami untuk mengubah suai produk atau teknologi kami, menyebabkan produk menjadi tidak tersedia atau memerlukan kami untuk berhenti menawarkan ciri tertentu, semuanya boleh memberikan kesan negatif kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

9.2 RISIKO BERKAITAN DENGAN INDUSTRI DI MANA KAMI BEROPERASI

9.2.1 Kami berhadapan dengan persaingan sengit dalam industri peralatan rumah dan barangan isi rumah

Kami beroperasi dalam industri peralatan rumah dan barangan isi rumah di mana kami berhadapan dengan persaingan daripada pelbagai pemain tempatan dan asing. Persaingan dalam industri peralatan rumah dan barangan isi rumah adalah berdasarkan beberapa faktor, termasuklah harga produk, ciri-ciri dan reka bentuk produk, kualiti, prestasi, inovasi, reputasi, kecekapan tenaga, pengedaran dan insentif kewangan, seperti insentif daya jualan dan rebat jualan.

Pesaing kami selalunya menawarkan pelan sewaan dan pembelian langsung bagi peralatan rumah dan barangan isi rumah mereka dan juga biasanya akan menawarkan perkhidmatan selepas jualan berkala dan ad-hoc. Kami bersaing dengan pesaing dalam pelbagai aspek termasuklah pengalaman pasaran, pengiktirafan jenama, kepelbagaian produk, kecekapan kos, dan sumber kewangan, jualan dan pemasaran serta sumber teknologi. Pesaing kami mungkin mempunyai sumber kewangan dan sumber lain yang jauh lebih besar, termasuk pekerja, penyelidikan dan pembangunan, serta bahagian pasaran keseluruhan yang lebih besar berbanding kami, di samping hubungan yang kukuh dengan peruncit. Sesetengah daripada pesaing kami mungkin juga sanggup untuk mengurangkan harga dan menerima margin keuntungan yang lebih rendah demi bersaing dengan kami. Disebabkan persaingan ini, kami boleh kehilangan bahagian pasaran dan jualan, atau terpaksa untuk mengurangkan harga kami untuk kekal bersaing.

Tambahan pula, peningkatan bertambahan dalam penumpuan pasaran industri peralatan rumah dan barangan isi rumah boleh mengakibatkan persaingan yang lebih sengit bagi kami dan menyebabkan penurunan kedudukan pasaran kami dan sebarang persaingan harga dari semasa ke semasa boleh mengakibatkan pengurangan harga penjualan purata dan margin keuntungan, yang boleh memberikan kesan yang buruk kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

9. FAKTOR RISIKO

Bagi mengekalkan bahagian pasaran kami, kami mungkin terpaksa untuk melancarkan promosi dan aktiviti pelanggan lain yang serupa, terutama sekali semasa musim perayaan seperti Hari Raya dan Tahun Baru Cina, yang boleh memberikan impak buruk kepada margin keuntungan kami.

Tidak akan ada jaminan bahawa kami mampu bersaing dengan jayanya dengan pesaing kami, dan kegagalan untuk berbuat demikian boleh memberikan kesan yang buruk kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

9.2.2 Perniagaan dan prospek perkembangan masa hadapan kami bergantung pada permintaan pengguna terhadap produk dan pelan sewaan kami

Kami beroperasi dalam industri yang tertakluk kepada perubahan yang pantas dan tidak dapat diramal berkenaan permintaan pengguna dan trend. Kejayaan kami bergantung pada kebolehan kami untuk mengenal pasti dan bertindak balas kepada permintaan pengguna dan trend yang selalu berubah, membangunkan produk yang baharu dan menarik atau pelan sewaan tepat pada masanya, dan mencapai penerimaan produk baharu yang sedemikian oleh pelanggan.

Khususnya, kami bergantung pada, setakat tahap yang ketara, permintaan pengguna yang berterusan untuk peralatan rumah, barangan isi rumah, servis penjagaan rumah dan produk penjagaan kulit. Kami tidak dapat menyediakan sebarang jaminan bahawa pengguna akan terus mempunyai permintaan terhadap produk sedemikian atau sama ada kami mampu menjangka dan bertindak balas dengan sewajarnya terhadap cita rasa dan trend pengguna yang kian berubah. Sekiranya cita rasa pengguna beralih daripada produk kami, maka jenama, operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami mungkin akan terkesan secara material dan buruk.

Selain itu, pilihan dan cita rasa pengguna mungkin terpengaruh oleh produk baharu yang muncul dalam pasaran. Sehubungan itu, kami telah mempertingkatkan secara berterusan kesedaran jenama kami dan membangunkan pelan sewaan dan langganan serta menawarkan produk kami bersama dengan produk percuma yang lain, dan juga membangunkan, melancarkan dan mempromosikan produk baharu untuk mengekalkan daya saing kami. Untuk menyokong kenaikan taraf produk dan pelan perluasan kami, kami juga, secara aktif, telah merekrut kakitangan berkebolehan dan meneroka alat kewangan, teknikal atau pemasaran yang lebih baik. Semua tugasan ini melibatkan risiko dan memerlukan rancangan menyeluruh, perbelanjaan dan pelancaran yang efektif. Kami bergantung pada analitik data raya dan tinjauan pasaran untuk menjejaki kesedaran pengguna terhadap jenama kami dan meramal perubahan serta trend permintaan pengguna, dan melaraskan strategi pemasaran dan gabungan produk kami dengan sewajarnya. Sekiranya kami menjangka permintaan pengguna dengan salah, kami akan menanggung kos pembangunan, pengeluaran dan pemasaran yang tidak dapat dipulihkan dan ini akan memberikan kesan yang buruk kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

9.2.3 Perniagaan kami tertakluk kepada peraturan-peraturan dan kelulusan kerajaan, dan kami tertakluk kepada perubahan undang-undang, peraturan-peraturan dan dasar kerajaan dalam pasaran di mana kami beroperasi

Untuk mengendalikan perniagaan kami, kami dikehendaki untuk mendapatkan dan mematuhi pelbagai permit, lesen, persetujuan dan kelulusan lain daripada pihak berkuasa kerajaan. Kegagalan untuk mendapatkan kelulusan kerajaan boleh memberikan kesan yang buruk kepada operasi kami. Undang-undang dan peraturan-peraturan yang relevan kepada pentadbiran Kumpulan kami di pasaran teras kami yang material kepada operasi kami diringkaskan dalam Lampiran I Prospektus ini. Butiran mengenai kelulusan, lesen, permit dan pendaftaran utama yang diperolehi oleh Kumpulan kami untuk operasi perniagaan kami pada LPD dinyatakan dalam Lampiran II Prospektus ini.

9. FAKTOR RISIKO

Tidak terdapat jaminan bahawa kami mampu memenuhi syarat yang diperlukan untuk memperoleh, mengekalkan atau memperbaharui kelulusan kerajaan yang diperlukan atau bahawa kami mampu untuk menyesuaikan diri kepada undang-undang, peraturan atau dasar baharu yang boleh mula berkuat kuasa dari semasa ke semasa berhubungan dengan operasi kami. Tambahan pula, mungkin terdapat kelewatan di perbadanan pentadbiran berkaitan yang relevan dalam penyemakan permohonan kami dan memberikan kelulusan.

Sebagai contoh, kami dikehendaki untuk memperoleh, mengekalkan dan memperbaharui lesen permit perniagaan berhubungan dengan operasi cawangan runcit kami, pusat pengedaran dan hab pengedaran. Selain itu, kami dikehendaki untuk memastikan bahawa hartanah yang diduduki oleh Kumpulan kami mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang relevan. Kegagalan untuk memperoleh lesen, permit dan kelulusan yang diperlukan tepat pada masanya akan menjejaskan kebolehan kami untuk mengendalikan Cawangan Runcit, pusat pengedaran dan hab pengedaran kami serta mendedahkan kami kepada denda dan penalti lain. Seterusnya, sekiranya berlaku kegagalan untuk memperoleh permit dan kelulusan yang relevan, kami mungkin dikehendaki untuk menanggung kos bagi membetulkan ketidakpatuhan, seperti kos penempatan semula.

Pada LPD, kami tidak mematuhi sepenuhnya kepada undang-undang, peraturan-peraturan dan peraturan tertentu. Kami mungkin tertakluk kepada inspeksi, pemeriksaan, pertanyaan dan audit oleh pihak berkuasa kerajaan semasa kami sedang mengambil langkah untuk membetulkan ketidakpatuhan sedemikian. Lihat Seksyen 7.17 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai ketidakpatuhan relevan dan langkah pembetulan yang diambil. Walaupun kami belum, tidak termasuk dengan yang didedahkan dalam Seksyen 7.17 Prospektus ini, menanggung penalti atau berhadapan dengan sebarang tindakan penguatkuasaan yang timbul daripada ketidakpatuhan sedemikian pada LPD, dan tidak ada jaminan bahawa kami tidak akan tertakluk kepada tindakan penguatkuasaan dan penalti selanjutnya pada masa hadapan, yang mungkin bersifat material.

Kebanyakan produk kami juga tertakluk kepada peraturan-peraturan berkaitan dengan pengeluaran, pengimportan dan jualan produk sedemikian. Sebarang kelewatan dalam memperoleh atau membaharui kelulusan yang diperlukan boleh mengakibatkan gangguan berhubungan dengan pengimportan dan sebarang pelanggaran peraturan-peraturan atau syarat berkaitan dengan kelulusan yang relevan akan mengakibatkan denda atau penalti lain.

Perubahan undang-undang, peraturan-peraturan atau dasar kerajaan (termasuk berkaitan pencukaian) juga boleh menjejaskan operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami dengan buruk. Sebagai contoh, mulai 1 Mac 2024, kadar cukai perkhidmatan dan jualan bagi kebanyakan perkhidmatan bercukai di Malaysia meningkat daripada 6% kepada 8%. Sebarang perubahan sedemikian boleh mengakibatkan peningkatan kesengitan persaingan, meningkatkan kos operasi, pengurangan harga atau perubahan dalam struktur harga, yang boleh mengakibatkan kesan buruk kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

9.2.4 Kebocoran keselamatan siber atau kegagalan satu atau lebih sistem teknologi maklumat ("IT") utama boleh mempunyai kesan yang buruk terhadap perniagaan atau reputasi kami

Kami bergantung pada sistem dan infrastruktur IT kami sendiri, serta yang dimiliki oleh pihak ketiga, untuk menyokong perniagaan dan prestasi kami. Kami menggunakan pelbagai penyelesaian teknologi dalaman untuk menjejaki dan menganalisis data bagi menguruskan inventori dan jualan kami, mencegah stok berlebihan, termasuklah sebuah platform di mana pekerja kami boleh menjejaki pembelian yang dibuat oleh pelanggan mereka masing-masing (lihat Seksyen 7.11 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai sistem IT kami). Laman web, aplikasi mudah alih dan penyelesaian teknologi lain kami bergantung pada pelbagai peralatan teknologi lain, termasuklah sistem penempahan dalam talian, pengebilan elektronik dan penyelesaian awan pihak ketiga. Kami juga menggunakan perisian pihak ketiga untuk sesetengah sistem IT kami berdasarkan kontrak, yang kami perbaharui setiap tahun.

9. FAKTOR RISIKO

Data, sistem IT dan infrastruktur kami dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga kami, mungkin terdedah kepada pelbagai potensi risiko, termasuk tetapi tidak terhad kepada, insiden yang berpunca daripada sistem warisan atau sistem tidak bersepadu, atau kedua-duanya, serta kebakaran, bencana alam, kegagalan bekalan kuasa, kegagalan telekomunikasi, serangan pengganas, pecah masuk, korupsi data dan kejadian lain yang serupa. Risiko dan cabaran lain mungkin timbul semasa kami menaik taraf, memodenkan dan menyeragamkan sistem IT kami.

Kami juga boleh berhadapan dengan risiko berpunca daripada kesilapan manusia, salah laku, kegagalan, gangguan, insiden siber atau kebocoran keselamatan sistem atau infrastruktur pihak ketiga. Memandangkan teknik yang digunakan oleh penjenayah siber sering berubah, kegagalan, gangguan, insiden siber atau kebocoran keselamatan lain mungkin tidak dapat dikesan untuk jangka masa yang lama. Kegagalan, gangguan, insiden siber atau kebocoran keselamatan lain terhadap sistem IT dan infrastruktur kami, atau yang dimiliki oleh pihak penyedia perkhidmatan ketiga kami, boleh mengakibatkan kecurian, pemindahan, akses tanpa izin kepada, pendedahan, pengubahsuaian, penyalahgunaan, kehilangan atau pemusnahan data kami atau kakitangan kami atau pihak ketiga yang lain, termasuklah data yang sensitif atau sulit, maklumat peribadi dan harta intelek. Seterusnya, kebolehan kami untuk melindungi dan memantau amalan penyedia perkhidmatan pihak ketiga kami adalah lebih terhad daripada kebolehan kami untuk melindungi dan memantau sistem IT dan infrastruktur tersendiri. Usaha dan pelaburan bagi memantau sistem IT dan infrastruktur kami memakan kos yang besar, dan memandangkan ancaman siber kian berevolusi, kami mungkin perlu mengeluarkan sumber tambahan yang signifikan untuk terus mengubah suai atau mempertingkatkan langkah perlindungan kami atau menyiasat dan memperbaiki sebarang kelemahan keselamatan maklumat.

Selain itu, tidak ada jaminan bahawa usaha kami akan mencegah kegagalan, gangguan, insiden siber atau kebocoran keselamatan lain sistem IT dan infrastruktur kami atau pihak penyedia perkhidmatan pihak ketiga kami, atau kami akan mengesan atau bertindak tepat pada masanya sekiranya berlaku kegagalan, gangguan, insiden siber atau kebocoran keselamatan yang lain. Sebarang kegagalan, gangguan, insiden siber atau kebocoran keselamatan lain yang sedemikian boleh menjejaskan perniagaan kami, termasuk kebolehan kami untuk memperkembangkan perniagaan, mencemarkan reputasi kami, mengakibatkan kenaikan kos tambahan untuk menangani isu data dalaman, keselamatan dan kakitangan, dan menyebabkan pelanggaran undang-undang privasi dan undang-undang terpakai lain serta kewajipan kewangan luaran seperti denda kerajaan, penalti atau prosiding peraturan-peraturan. Kami juga boleh menghadapi usaha pemulihan (liabiliti untuk aset atau maklumat yang dicuri, pembaikan kerosakan sistem, antara lain), peningkatan kos perlindungan keselamatan siber, kerugian hasil yang timbul daripada penggunaan maklumat proprietari tanpa izin, litigasi dan risiko undang-undang, peningkatan premium insurans, kerosakan reputasi yang menjejaskan keyakinan pelanggan dan pelabur kami, serta kerosakan kepada daya saing kami, harga Saham dan nilai pemegang saham jangka panjang. Sebarang kegagalan di pihak kami untuk melindungi sistem IT kami dan data sulit yang dipegang oleh kami dengan secukupnya boleh menyebabkan kesan yang material kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

9. FAKTOR RISIKO

9.2.5 Kami berhadapan dengan risiko berkaitan dengan pendedahan maklumat sulit tanpa izin dan pematuhan kepada undang-undang privasi

Kami menyimpan maklumat yang amat sulit dalam sistem IT kami, termasuk data peribadi, maklumat kewangan, dan jenis maklumat lain berkaitan dengan perniagaan kami, produk dan pelanggan kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada, melalui laman web dan aplikasi mudah alih CUCKOO+ kami (lihat Seksyen 7.11 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai sistem IT kami). Melalui Pasukan Jualan CUCKOO, Pasukan Jualan WonderLab dan Kumpulan Servis CUCKOO+, kami juga mengumpul dan memproses sejumlah besar maklumat yang boleh dianggap, dalam bidang kuasa tertentu, sebagai data peribadi sensitif dan tertakluk kepada peraturan-peraturan undang-undang. Oleh itu, kami perlu memastikan bahawa sebarang pemrosesan, pengumpulan, penggunaan, penyimpanan, penyebaran, pemindahan dan pelupusan data yang merupakan tanggungjawab kami, mematuhi undang-undang perlindungan data dan privasi yang relevan dalam setiap bidang kuasa, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 di Malaysia dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2012 di Singapura.

Kami bergantung pada sistem, perisian, peralatan dan pemantauan yang tersedia secara komersial untuk menyediakan pemrosesan, penghantaran, enkripsi dan penyimpanan maklumat sulit pelanggan dengan selamat, seperti butiran kad kredit dan maklumat peribadi lain. Sistem dan kemudahan kami, sama ada platform e-dagang kami atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga kami, seperti gerbang pembayaran pihak ketiga termasuk Cybersource dan Visa, mungkin terdedah kepada risiko. Lihat Seksyen 9.2.4 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai risiko berpotensi berkaitan dengan kegagalan dan kebocoran sistem IT kami. Sekiranya pelayan kami atau pelayan pihak ketiga yang menyimpan data kami menjadi sasaran pecah masuk secara fizikal atau elektronik atau risiko siber lain, maklumat sulit boleh dicuri, tidak dapat diakses, kehilangan nilai, atau dimusnahkan. Sebarang kebocoran keselamatan berkaitan dengan penyelewengan, kehilangan atau pendedahan tanpa izin yang lain atau penggunaan maklumat sulit pembekal kami, rakan kongsi perniagaan kami dan yang lain, sama ada oleh kami atau pihak ketiga, boleh menyebabkan kami dikenakan penalti sivil dan jenayah, mempunyai kesan negatif terhadap reputasi kami atau mendedahkan kami kepada liabiliti. Seterusnya, persepsi oleh pelanggan kami bahawa kami gagal untuk mematuhi undang-undang privasi atau menangani kebimbangan privasi dengan sewajarnya boleh membahayakan perniagaan kami dan kedudukan kami dengan pelanggan secara material.

9.2.6 Kami tertakluk kepada keadaan ekonomi umum dan perbelanjaan pengguna di Malaysia, serta tekanan inflasi dan peningkatan kos

Sebahagian besar perniagaan kami diperoleh daripada operasi kami di Malaysia, yang mewakili masing-masing sebanyak 98.9%, 98.7%, 98.6% dan 98.9% daripada hasil kami pada FYE2021, FYE2022, FYE2023 dan FPE2024. Oleh itu, operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami bergantung pada perbelanjaan pengguna Malaysia dan keadaan umum ekonomi Malaysia, dan mungkin terjejas teruk oleh keadaan dan perkembangan politik, ekonomi dan sosial secara keseluruhan di Malaysia, yang mana sesetengah daripada perkara tersebut berada di luar kawalan kami. Perkembangan sedemikian melibatkan sebarang perubahan dalam peraturan-peraturan dan dasar kerajaan (seperti kawalan harga, pelarasan kadar faedah, pelarasan jalur dagangan mata wang dan kawalan kadar pertukaran), kepimpinan politik, undang-undang cukai dan kadar faedah, serta sebarang ketidakpastian dalam implementasi pembaharuan ekonomi dan undang-undang, perubahan dalam keadaan buruh (termasuk perubahan dalam peraturan-peraturan berkenaan gaji minimum – lihat seksyen 12.2.2 (ii) Prospektus ini untuk butiran lanjut) dan nasionalisasi aset, yang mungkin menyebabkan pengurangan aktiviti ekonomi di Malaysia.

9. FAKTOR RISIKO

Tekanan inflasi berkaitan dengan keadaan ekonomi domestik dan global atau isu rangkaian bekalan juga boleh memberi kesan kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami. Ketidaktentuan dalam pasaran global disebabkan ketegangan geopolitik dan konflik boleh mengakibatkan inflasi tinggi, peningkatan kadar faedah dan turun naik kadar pertukaran asing yang tinggi, serta mengganggu rangkaian bekalan global. Kami terdedah kepada risiko peningkatan kos disebabkan peningkatan inflasi dan kadar faedah dalam pasaran di mana kami beroperasi, dan mungkin menyebabkan kami untuk menghadapi jumlah jualan yang rendah disebabkan peningkatan harga produk kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada, peningkatan untuk menampung inflasi serta kos pembungkusan dan material, kos operasi dan kos pengangkutan yang lebih tinggi.

Sebarang perkembangan negatif dalam satu atau lebih keadaan yang telah dinyatakan boleh mengakibatkan gangguan kepada perniagaan dan operasi kami atau menyebabkan pengurangan permintaan bagi produk dan perkhidmatan kami, yang seterusnya boleh menyebabkan penurunan hasil kami. Seterusnya, tiada jaminan bahawa gangguan politik tidak akan berlaku di Malaysia atau bahawa gangguan sedemikian tidak akan, secara langsung atau tidak langsung, menjejaskan operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami secara material.

9.2.7 Penarikan balik produk boleh menjejaskan operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami

Pendakwaan mengenai produk yang rosak atau kesan buruk mengenai keselamatan produk atau kegagalan produk mungkin memerlukan kami untuk melakukan penarikan balik produk. Kami juga boleh dikehendaki menurut peraturan-peraturan dan undang-undang terpakai dalam negara di mana kami beroperasi untuk menerima pakai atau meminda dasar pemulangan dan/atau pertukaran yang baru atau sedia ada dari semasa ke semasa. Sekiranya produk kami tidak memenuhi piawai keselamatan produk dan/atau jangkaan pelanggan kami, kami mungkin perlu menjalankan penarikan balik produk untuk melindungi nama jenama dan reputasi kami. Kos yang ditanggung berkaitan dengan penarikan balik produk mungkin mempunyai kesan buruk kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami.

9.3 RISIKO BERKAITAN DENGAN SAHAM KAMI

9.3.1 Syarikat kami dan Pengarah kami mungkin tertakluk kepada sekatan tertentu di bawah Akta Perkhidmatan Pelaburan Kewangan dan Pasaran Modal dan peraturan berkaitan Republik Korea ("Korea") ("Akta Pasaran Modal Korea")

Menurut Artikel 9(7), 119(1) dan 120(1) Akta Perkhidmatan Pelaburan Kewangan dan Pasaran Modal Korea dan Artikel 2-2(2)①2 Peraturan-peraturan mengenai Penerbitan dan Pendedahan Sekuriti, penyata pendaftaran sekuriti ("**Penyata**") mesti dikemukakan kepada dan diterima dengan sewajarnya oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kewangan Korea ("**FSC**"), sekiranya (i) perbadanan asing, yang mempunyai lebih daripada 20% sahamnya dipegang oleh pemastautin Korea pada akhir tahun fiskal terkini, menerbitkan sekuriti dalam bidang kuasa asing; dan (ii) pemastautin Korea boleh memperoleh sekuriti tersebut sama ada semasa penerbitan atau dalam tempoh satu tahun dari tarikh penerbitan. Oleh itu, kami dikehendaki di bawah Akta Pasaran Modal Korea untuk mengemukakan suatu Penyata kepada FSC bagi penerimaannya sebelum penawaran Saham kami, walaupun Saham kami tidak akan ditawarkan, dijual atau dihantar kepada individu yang berada di Korea atau yang merupakan penduduk Korea menurut IPO kami.

9. FAKTOR RISIKO

Pada tarikh Prospektus ini, Penyata tersebut masih belum dikemukakan kepada FSC kerana:

- (i) Penyata tersebut perlu dikemukakan kepada FSC sebelum pendaftaran Prospektus ini dengan SC dan akan didedahkan kepada umum serta-merta selepas dikemukakan kepada FSC, yang akan mengakibatkan pelanggaran Seksyen 241 CMSA serta Garis Panduan Pengiklanan bagi Produk Pasaran Modal dan Perkhidmatan Berkaitan yang dikeluarkan oleh SC;
- (ii) Penyata tersebut perlu merangkumi maklumat (a) yang melebihi pendedahan dalam Prospektus ini; (b) yang belum didedahkan secara umum di Malaysia melalui penerbitan Prospektus ini; dan (c) yang melebihi kandungan yang ditetapkan, di mana kebenaran SC boleh dimohon untuk pendedahan sebelum pendaftaran Prospektus ini seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 241(4)(b) CMSA; dan
- (iii) kami tidak dapat memperoleh pengecualian daripada Perkhidmatan Penyeliaan Kewangan yang diperlukan bagi memastikan pematuhan kami terhadap keperluan di bawah undang-undang Korea (iaitu Akta Pasaran Modal Korea).

Menurut Akta Pasaran Modal Korea, jika didapati bertanggung, Syarikat dan/atau Pengarahnya boleh tertakluk kepada: (i) bagi pengarah, denda tidak melebihi KRW200.0 juta (kira-kira RM610,800 pada LPD) atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun; bagi entiti undang-undang, denda tidak melebihi KRW200.0 juta (kira-kira RM610,800 pada LPD); (ii) surcaj dalam amaun tidak melebihi 3% daripada perolehan yang dikumpul daripada IPO yang dihadkan pada KRW2.0 bilion (kira-kira RM6.1 juta pada LPD); dan (iii) pengumuman secara terbuka pelanggaran tersebut dan memerintahkan pembetulannya, dan apabila dianggap perlu, menggantung atau melarang terbitan, tawaran awam, atau jualan sekuriti atau urus niaga lain yang berkaitan, atau mengenakan langkah-langkah seperti sekatan ke atas penerbitan sekuriti untuk tempoh tidak melebihi satu tahun.

9.3.2 Tidak terdapat pasaran terdahulu bagi Saham kami

Sebelum Penyenaian kami, tidak terdapat pasaran awam bagi Saham kami. Oleh itu, terdapat risiko bahawa semasa Penyenaian, pasaran aktif bagi Saham kami mungkin tidak berkembang, atau sekiranya berlaku perkembangan, sama ada pasaran sedemikian boleh dikekalkan.

Tidak ada jaminan bahawa Harga Runcit Muktamad akan sepadan dengan harga di mana Saham kami akan didagangkan di Pasaran Utama semasa Penyenaian kami dan bahawa harga pasaran Saham kami tidak akan menurun di bawah Harga Runcit Muktamad kami. Terdapat beberapa faktor yang boleh menyebabkan harga Saham kami untuk mengalami turun naik, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pengumuman pembangunan berkaitan dengan perniagaan kami, turun naik dalam operasi perniagaan kami, keadaan industri umum, dan prestasi ekonomi global. Semua ini juga boleh memberikan kesan yang material dan buruk kepada kebolehan kami untuk mendapatkan modal pada satu masa dan pada harga Saham yang kami anggap sesuai.

9.3.3 Kebolehan kami untuk membayar dividen bergantung pada prestasi kewangan kami

Keupayaan kami untuk mengisytiharkan dividen kepada pemegang saham kami akan bergantung pada, antara lain, perolehan masa depan kami, keperluan modal, operasi perniagaan dan keadaan kewangan, kawalan pertukaran, aliran tunai dan pertimbangan lain yang dianggap relevan oleh Lembaga kami dari semasa ke semasa.

Faktor-faktor ini juga bergantung pada keperluan pasaran, operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami, keperluan modal dan kebolehan kami untuk melaksanakan rancangan masa hadapan kami. Kami juga mungkin dikehendaki mendapatkan kelulusan daripada beberapa pembiaya kami untuk mengisytiharkan dividen. Oleh itu, tiada jaminan bahawa kami akan dapat membayar dividen kepada pemegang saham kami.

9. FAKTOR RISIKO

Lembaga kami berniat untuk mengisytiharkan dividen bagi FYE2025 selepas Penyenaian kami. Walau bagaimanapun, jumlahnya belum lagi ditetapkan dan tertakluk kepada faktor yang telah dinyatakan di atas. Tambahan pula, Lembaga kami boleh, pada bila-bila masa dan untuk sebarang sebab yang dianggap munasabah, berputus untuk tidak membayar sebarang dividen bagi FYE2025 memandangkan dividen masa hadapan kami berada di bawah pertimbangan Lembaga kami. Anda harus mengambil perhatian bahawa sebarang pernyataan mengenai pembayaran dividen dalam Prospektus ini hanya menerangkan niat semasa Syarikat kami. Ini tidak akan membentuk kewajipan atau pernyataan yang mengikat di sisi undang-undang atas pihak Syarikat kami mahupun jaminan oleh Lembaga kami. Sekiranya kami tidak membayar dividen, atau membayar dividen pada tahap lebih rendah daripada yang dijangka oleh pelabur, harga pasaran Saham kami boleh terkesan dengan negatif dan nilai sebarang pelaburan dalam Saham kami akan menurun.

Lihat Seksyen 12.5 Prospektus ini untuk penerangan mengenai Dasar Dividen kami.

9.3.4 Harga Saham kami dan volum dagangan kami mungkin tidak menentu

Harga dagangan dan volum Saham kami mungkin tertakluk kepada turun naik sebagai tindak balas kepada pelbagai faktor, beberapa daripadanya tidak berada dalam kawalan kami dan mungkin tidak berkaitan atau tidak seimbang dengan operasi perniagaan dan keadaan kewangan kami. Faktor ini mungkin termasuk perubahan dalam cadangan atau cadangan penganalisis, keadaan ekonomi dan politik negara kami serta potensi pertumbuhan industri peralatan rumah dan barangan isi rumah.

Selain itu, harga dagangan dan volum Saham kami bergantung pada faktor luaran seperti prestasi bursa dunia dan aliran masuk atau keluar dana asing. Faktor-faktor ini akan menyumbang kepada ketidaktentuan volum dagangan yang disaksikan di Bursa Securities, sekali gus menambah risiko kepada harga pasaran Saham kami. Tidak ada jaminan bahawa harga dan dagangan Saham kami tidak akan tertakluk kepada turun naik.

9.3.5 Pemegang Saham Asing mungkin tidak dapat mengambil bahagian dalam penawaran hak masa hadapan atau terbitan ekuiti lain oleh kami

Sekiranya kami menawarkan, atau menyebabkan penawaran, kepada hak Pemegang Saham kami untuk melanggan Saham tambahan atau apa-apa hak dalam sebarang bentuk lain, kami akan mempunyai budi bicara berkenaan prosedur yang perlu diikuti dalam menyediakan hak sedemikian kepada Pemegang Saham asing kami atau dalam menyekat hak sedemikian untuk kebaikan Pemegang saham asing tersebut. Berkaitan dengan sebarang isu hak atau penawaran keutamaan Saham, kami boleh, di bawah kuasa kami sepenuhnya, memilih untuk tidak melanjutkan tawaran Saham kami di bawah terbitan hak kepada Pemegang Saham asing yang alamatnya berada di luar Malaysia. Oleh itu, Pemegang Saham asing sedemikian mungkin tidak dapat mengambil bahagian dalam penawaran hak kami.

9.3.6 Penawaran sejumlah besar Saham kami di pasaran awam pada masa hadapan boleh menyebabkan pencairan

Pemegang Saham kami mungkin mengalami pencairan dalam pegangan saham mereka setelah penawaran atau penjualan modal saham tambahan atau sekuriti berkaitan modal saham oleh Syarikat kami dalam penawaran pada masa hadapan. Lihat Seksyen 9.3.5 Prospektus ini. Sekiranya dana tambahan diperoleh melalui terbitan modal saham baharu atau sekuriti berkaitan modal saham selain daripada kadar prorata kepada Pemegang Saham sedia ada, peratusan pegangan saham Pemegang Saham sedia ada mungkin dikurangkan.

9. FAKTOR RISIKO

9.3.7 Kepentingan Promoter kami mungkin tidak sejajar dengan kepentingan pemegang saham kami

Sejurus sahaja selepas penyempurnaan IPO kami, Promoter kami akan memiliki secara agregat 73.0% daripada jumlah saham terbitan diperbesar kami semasa Penyenaian. Akibatnya, Promoter kami akan mempunyai kawalan yang berkesan ke atas hala tuju perniagaan dan pengurusan Syarikat kami termasuk pemilihan Pengarah, masa dan pembayaran dividen, dan boleh mempengaruhi keputusan perkara-perkara tertentu yang memerlukan undi pemegang saham kami melainkan Promoter kami dikehendaki untuk tidak mengambil bahagian dalam mengundi sama ada mengikut keperluan undang-undang dan/atau mengikut garis panduan atau peraturan-peraturan yang berkaitan. Oleh itu, mungkin terdapat risiko di mana kepentingan Promoter kami tidak sejajar dengan kepentingan pemegang saham kami yang lain.

9.3.8 Penjualan sejumlah besar Saham kami oleh Pemegang Saham Utama dan Pengurusan Kanan Utama kami boleh menyebabkan harga pasaran Saham kami untuk menurun

Setelah penyelesaian IPO dan Penyenaian kami, kami akan mempunyai 1,432,800,000 Saham dalam terbitan, yang mana sehingga 1,055,540,802 Saham, mewakili 74.5% daripada jumlah Saham yang diperbesar setelah Penyenaian kami, akan dipegang oleh Promoter, Pengurusan Kanan Utama dan Pemegang Saham Utama kami. Saham kami yang dijual dalam Penyenaian kami akan didagangkan di Pasaran Utama berikutan Penyenaian kami.

Ada kemungkinan bahawa Promoter, Pengurusan Kanan Utama dan/atau Pemegang Saham Utama kami boleh melupuskan sebahagian atau semua Saham kami yang dipegang oleh mereka selepas tempoh moratorium, menurut objektif pelaburan mereka tersendiri. Sekiranya Promoter, Pengurusan Kanan Utama dan/atau Pemegang Saham Utama kami menjual, atau dianggap berniat untuk menjual, sejumlah besar Saham kami, harga pasaran Saham kami boleh terjejas dengan teruk.

9.3.9 Mungkin berlaku kelewatan atau kegagalan Penyenaian kami

Penyenaian kami berpotensi untuk ditangguhkan atau digugurkan oleh kerana berlakunya mana-mana satu atau lebih daripada peristiwa yang berikut:

- (i) Penaja Jamin Bersama kami melaksanakan hak mereka menurut Perjanjian Penaja Jaminan untuk melepaskan diri daripada menunaikan kewajipan mereka di bawahnya;
- (ii) sekiranya kami tidak dapat memenuhi keperluan tebaran pegangan saham awam Bursa Securities untuk memiliki sekurang-kurangnya 25.0% daripada jumlah bilangan Saham kami yang mana Penyenaian kami dipohon harus dipegang oleh bilangan minimum 1,000 pemegang saham awam yang memegang tidak kurang daripada 100 Saham pada kemasukan kami ke Senarai Rasmi; dan
- (iii) pembatalan kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan sebelum Penyenaian kami atas apa jua sebab.

Di mana sebelum penerbitan dan peruntukan Saham IPO kami:

- (i) SC mengeluarkan perintah henti menurut Seksyen 245(7)(a) CMSA, permohonan akan dianggap ditarik balik dan dibatalkan dan kami atau Pemegang Saham yang Menjual itu hendaklah membayar balik semua wang yang telah dibayar berhubungan permohonan Saham IPO kami dalam tempoh 14 hari dari perintah berhenti, jika gagal kami akan bertanggungjawab untuk memulangkan wang tersebut dengan faedah pada kadar 10.0% setahun atau pada kadar lain yang mungkin ditentukan oleh SC; atau
- (ii) Penyenaian kami digugurkan selain menurut perintah henti oleh SC, pelabur tidak akan menerima sebarang Saham IPO, semua wang yang dibayar berhubungan dengan semua permohonan Saham IPO kami akan dikembalikan tanpa faedah.

9. FAKTOR RISIKO

Di mana selepas penerbitan dan peruntukan atau pemindahan Saham IPO kami:

- (i) SC mengeluarkan perintah henti menurut Seksyen 245(7)(b) CMSA, terbitan Saham IPO kami akan dianggap terbatal dan semua wang yang diterima daripada pemohon hendaklah dibayar balik dan jika ada wang tersebut tidak dibayar balik dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyampaian perintah henti, kami akan bertanggungjawab untuk memulangkan wang tersebut dengan faedah pada kadar 10.0% setahun atau pada kadar lain yang akan ditentukan oleh SC; atau
- (ii) Penyenaraian kami digugurkan selain menurut perintah henti oleh SC, pemulangan wang kepada pemegang saham kami hanya akan dicapai melalui pembatalan modal saham seperti yang disediakan di bawah Akta dan peraturan yang berkait. Pembatalan sedemikian boleh dilaksanakan dengan kebenaran pemegang saham kami melalui resolusi khas dalam mesyuarat agung, dan disokong sama ada oleh: (a) persetujuan oleh pemiutang kami (melainkan dispensasi dengan persetujuan sedemikian telah diberikan oleh Mahkamah Tinggi Malaya) dan pengesahan Mahkamah Tinggi Malaya, dalam hal ini tiada jaminan bahawa wang tersebut boleh dikembalikan dalam tempoh masa yang singkat atau sama sekali dalam keadaan sedemikian; atau (b) pernyataan kesolvenan daripada Pengarah kami.

10. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

10.1 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN KUMPULAN KAMI

10.1.1 Urus niaga pihak berkaitan

Di bawah Syarat Penyenaraian, “**urus niaga pihak berkaitan**” adalah urus niaga yang dimasuki oleh penerbit tersenarai atau anak syarikatnya yang melibatkan kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, pihak berkaitan. “Pihak berkaitan” perbadanan tersenarai ialah:

- (i) seorang pengarah, dengan maksud yang diberi dalam Seksyen 2(1) CMSA dan termasuk mana-mana orang yang merupakan atau telah menjadi dalam enam bulan sebelum tarikh pada mana terma urus niaga dipersetujui, seorang pengarah perbadanan tersenarai tersebut, anak syarikat atau syarikat pegangannya atau ketua eksekutif perbadanan tersenarai, anak syarikat atau syarikat pegangannya;
- (ii) seorang pemegang saham utama termasuk mana-mana orang yang merupakan atau telah menjadi dalam enam bulan sebelum tarikh pada mana terma urus niaga dipersetujui, seorang pemegang saham utama perbadanan tersenarai, anak syarikat atau syarikat pegangannya, mempunyai kepentingan atau kepentingan-kepentingan dalam satu atau lebih saham mengundi dalam perbadanan dan bilangan atau bilangan agregat saham-saham tersebut adalah:
 - (a) 10% atau lebih daripada jumlah bilangan saham mengundi dalam perbadanan; atau
 - (b) 5% atau lebih daripada jumlah bilangan saham mengundi dalam perbadanan di mana orang demikian ialah pemegang saham terbesar perbadanan tersebut; atau
- (iii) orang yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang saham utama demikian.

Dalam konteks Seksyen 10 ini, pemegang saham utama kami jatuh di bawah pentakrifan “pemegang saham utama” seperti dinyatakan di atas.

10. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN**10.1.2 Urus niaga pihak berkaitan material**

Kecuali seperti yang didedahkan di bawah, tiada urus niaga pihak berkaitan material yang dimasuki oleh Kumpulan kami yang melibatkan kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, Pengarah, pemegang saham utama dan/atau orang yang berkaitan dengan mereka bagi Tahun Kewangan dalam Semakan, FPE2024, dan tempoh kemudiannya dari 1 Oktober 2024 hingga LPD;

No.	Pihak yang berurusan	Sifat kepentingan	Jenis urus niaga	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2024	Dari 1 Oktober 2024 hingga LPD
				RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
(i)	Syarikat kami dan CKH	CKH ialah pemegang saham utama Syarikat kami Koo Bon Hak, Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat kami, juga pengarah, pengarah wakil dan pemegang saham utama CKH	(a) Pembelian produk Jenama CUCKOO dan alat ganti berhubung dengan produk demikian yang dibuat atau disumber oleh CKH termasuk penapis air dan penapis udara (" Produk CKH ") ⁽¹⁾	287,659 (mewakili 38.9% kos jualan Kumpulan kami)	204,448 (mewakili 30.9% kos jualan Kumpulan kami)	213,657 (mewakili 28.6% kos jualan Kumpulan kami)	217,445 (mewakili 34.0% kos jualan Kumpulan kami)	70,579 mewakili 21.0% kos jualan Kumpulan kami)
			(b) Lesen untuk menggunakan tanda dagangan bagi tujuan jualan, promosi dan pengedaran Produk CKH (" Yuran Royalti CKH ") ⁽¹⁾	30,921 (mewakili 4.2% kos jualan Kumpulan kami)	30,787 (mewakili 4.7% kos jualan Kumpulan kami)	30,633 (mewakili 4.1% kos jualan Kumpulan kami)	24,877 (mewakili 3.9% kos jualan Kumpulan kami)	13,521 (mewakili 4.0% kos jualan Kumpulan kami)

10. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

No.	Pihak yang berurusan	Sifat kepentingan	Jenis urus niaga	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2024	Dari 1 Oktober 2024 hingga LPD
				RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
			(c) Caj faedah ke atas amaun yang terhutang untuk Produk CKH dan Yuran Royalti CKH yang tertunggak ⁽¹⁾	15,495 (mewakili 8.3% PAT Kumpulan kami)	6,326 (mewakili 307.8% PAT Kumpulan kami)	10,208 (mewakili 11.8% PAT Kumpulan kami)	5,856 (mewakili 5.6% PAT Kumpulan kami)	455 (mewakili 1.1% PAT Kumpulan kami)
(ii)	Syarikat kami dan CUCKOO Electronics Malaysia	CUCKOO Holdings ialah pemegang saham sepunya Syarikat kami dan CUCKOO Electronics Malaysia Koo Bon Hak, Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat kami, juga pengarah dan pemegang saham utama CUCKOO Electronics Malaysia	(a) Penyewaan hartanah di Aras 16, Menara Bangkok Bank, Laman Sentral Berjaya, No. 105, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia, untuk kegunaan kami sebagai ibu pejabat kami ⁽²⁾	953 (mewakili 0.5% PAT Kumpulan kami)	953 (mewakili 46.4% PAT Kumpulan kami)	953 (mewakili 1.1% PAT Kumpulan kami)	715 (mewakili 0.7% PAT Kumpulan kami)	396 mewakili 1.0% PAT Kumpulan kami)
			(b) Penyewaan hartanah di Aras 15 EkoCheras, No. 693, Batu 5, Jalan Cheras, 56000 Kuala Lumpur, Malaysia untuk kegunaan kami sebagai pejabat ⁽³⁾	485 (mewakili 0.3% PAT Kumpulan kami)	485 (mewakili 23.6% PAT Kumpulan kami)	485 (mewakili 0.6% PAT Kumpulan kami)	364 (mewakili 0.4% PAT Kumpulan kami)	201 (mewakili 0.5% PAT Kumpulan kami)

10. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

No.	Pihak yang berurusan	Sifat kepentingan	Jenis urus niaga	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2024	Dari 1 Oktober 2024 hingga LPD
				RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
(iii)	Syarikat kami dan CUCKOO Electronics	CUCKOO Holdings ialah pemegang saham utama Sepunya Syarikat kami dan CUCKOO Electronics Koo Bon Hak, Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat kami, juga pengarah wakil dan pemegang saham utama CUCKOO Electronics	(a) Pembelian produk Jenama CUCKOO dan alat ganti berhubung dengan produk demikian yang dibuat atau disumber oleh CUCKOO Electronics termasuk periuk nasi dan dapur induksi (" Produk CKE ") ⁽⁴⁾ (b) Lesen untuk menggunakan tanda dagangan bagi tujuan jualan, promosi dan pengedaran Produk CKE (" Yuran Royalti CKE ") ⁽⁴⁾ (c) Caj faedah terhadap amaun yang terhutang untuk Produk CKE dan Yuran Royalti CKE yang tertunggak ⁽⁴⁾	603 (mewakili 0.1% kos jualan Kumpulan kami)	1,178 (mewakili 0.2% kos jualan Kumpulan kami)	510 (mewakili 0.1% kos jualan Kumpulan kami)	831 (mewakili 0.1% kos jualan Kumpulan kami)	442 (mewakili 0.1% kos jualan Kumpulan kami)
				333 (mewakili kurang daripada 0.1% kos jualan Kumpulan kami)	542 (mewakili 0.1% kos jualan Kumpulan kami)	152 (mewakili kurang daripada 0.1% kos jualan Kumpulan kami)	79 (mewakili kurang daripada 0.1% kos jualan Kumpulan kami)	36 (mewakili kurang daripada 0.1% kos jualan Kumpulan kami)
				110 (mewakili 0.1% PAT Kumpulan kami)	40 (mewakili 1.9% PAT Kumpulan kami)	26 (mewakili kurang daripada 0.1% PAT Kumpulan kami)	11 (mewakili kurang daripada 0.1% PAT Kumpulan kami)	2 (mewakili kurang daripada 0.1% PAT Kumpulan kami)

10. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

No.	Pihak yang berurusan	Sifat kepentingan	Jenis urus niaga	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2024	Dari 1 Oktober 2024 hingga LPD
				RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
(iv)	Syarikat kami dan HEH Resources Sdn Bhd ("HEH Resources")	Hoe Kian Huaw dan Hoe Kian Eu, pengarah dan pemegang saham utama HEH Resources, adalah adik beradik Hoe Kian Choon (Ketua Eksekutif, Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat kami)	Bekalan kit kebersihan, pek servis dan larutan pencuci ⁽⁵⁾ dan penyediaan perkhidmatan pembungkusan semula untuk penggilap kulit yang digunakan ke atas tilam, mesin basuh dan penyaman udara yang dijual oleh Kumpulan kami	3,330 (mewakili 0.5% kos jualan Kumpulan kami)	4,852 (mewakili 0.7% kos jualan Kumpulan kami)	4,602 (mewakili 0.6% kos jualan Kumpulan kami)	3,408 (mewakili 0.5% kos jualan Kumpulan kami)	1,495 (mewakili 0.4% kos jualan Kumpulan kami)
(v)	Syarikat kami dan Great Hoe Holdings	Hoe Kian Choon, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat kami, juga pengarah dan pemegang saham utama Great Hoe Holdings	(a) Penyewaan hartanah dengan alamat pos Aras 13A EkoCheras, No. 693, Batu 5, Jalan Cheras, 56000 Kuala Lumpur, untuk kegunaan kami sebagai pejabat ⁽⁶⁾	460 (mewakili 0.2% PAT Kumpulan kami)	460 (mewakili 22.4% PAT Kumpulan kami)	460 (mewakili 0.5% PAT Kumpulan kami)	345 (mewakili 0.3% PAT Kumpulan kami)	191 (mewakili 0.5% PAT Kumpulan kami)

10. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

No.	Pihak yang berurusan	Sifat kepentingan	Jenis urus niaga	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2024	Dari 1 Oktober 2024 hingga LPD
				RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
			(b) Penyewaan hartanah di Lot 753, Jalan Subang 3, Taman Perindustrian Subang, 47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia untuk kegunaan kami sebagai pusat pengedaran ⁽⁷⁾	1,729 (mewakili 0.9% PAT Kumpulan kami)	1,729 (mewakili 84.1% PAT Kumpulan kami)	1,729 (mewakili 2.0% PAT Kumpulan kami)	1,153 (mewakili 1.1% PAT Kumuplan kami)	-
(vi)	Syarikat kami, Wonderlab Resources Sdn Bhd (“ Wonderlab Resources ”) dan Mak Foong Ling	Mak Foong Ling, pasangan Hoe Kian Choon (Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat kami), merupakan pengarah dan pemegang saham utama Wonderlab Resources	Pemerolehan perniagaan perdagangan produk penjagaan kulit dan kosmetik Wonderlab Resources dan penyediaan perkhidmatan pembersihan ⁽⁸⁾	1,772 (mewakili 0.3% NA Kumpulan kami)	-	-	-	-
			Pembelian produk kecantikan termasuk kosmetik dan perkhidmatan kecantikan di Malaysia dan penyediaan servis penjagaan rumah ⁽⁹⁾	4,019 (mewakili 0.5% kos jualan Kumpulan kami)	-	-	-	-

10. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

No.	Pihak yang berurusan	Sifat kepentingan	Jenis urus niaga	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2024	Dari 1 Oktober 2024 hingga LPD
				RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
(vii)	Syarikat kami dan CUCKOO Singapore	Hoe Kian Choon, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat kami, juga pengarah dan pemegang saham utama CUCKOO Singapore (pegangan saham langsung sebanyak 13.7% ⁽¹⁰⁾ dalam CUCKOO Singapore)	Jualan produk Jenama CUCKOO kami	1,871 (mewakili 0.2% hasil Kumpulan kami)	2,321 (mewakili 0.2% hasil Kumpulan kami)	2,043 (mewakili 0.2% hasil Kumpulan kami)	1,898 (mewakili 0.2% hasil Kumpulan kami)	1,489 (mewakili 0.3% hasil Kumpulan kami)

Nota-nota:

- (1) Sila rujuk kepada Seksyen 7.21 Prospektus ini untuk terma utama perjanjian pengedaran antara Syarikat kami dan CKH.
- (2) Perjanjian sewa antara CUCKOO Electronics Malaysia dan Syarikat kami bertarikh 31 Oktober 2022 untuk menyewa hartanah demikian. Penyewaan awal adalah untuk tempoh dua tahun dan telah tamat pada 31 Oktober 2024, dan telah dilanjutkan sehingga 30 Jun 2025 atas terma dan syarat yang sama seperti yang ditetapkan dalam perjanjian penyewaan asal. Sewa bulanan ialah RM79,431.00. Perjanjian sewa boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak sebelum tamat tempoh penyewaan atau sebarang pembaharuan dengan syarat notis bertulis tiga bulan terdahulu diberi kepada pihak yang lain. Pihak-pihak telah bersetuju secara bersama untuk melanjutkan penyewaan hartanah ini sehingga 30 Jun 2025, tanpa memutuskan kesinambungan dan pada terma dan syarat sama seperti ditetapkan dalam perjanjian sewa asal.

10. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

- (3) Perjanjian sewa antara CUCKOO Electronics Malaysia dan Syarikat kami bertarikh 31 Oktober 2022 untuk menyewa hartanah demikian. Penyewaan awal adalah untuk tempoh dua tahun dan telah tamat pada 31 Oktober 2024, dan telah dilanjutkan sehingga 30 Jun 2025 atas terma dan syarat yang sama seperti yang ditetapkan dalam perjanjian penyewaan asal. Sewa bulanan ialah RM40,441.00. Perjanjian sewa boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak sebelum tamat tempoh penyewaan atau sebarang pembaharuan dengan syarat notis bertulis tiga bulan terdahulu diberi kepada pihak yang lain. Pihak-pihak telah bersetuju secara bersama untuk melanjutkan penyewaan hartanah ini sehingga 30 Jun 2025, tanpa memutuskan kesinambungan dan pada terma dan syarat sama seperti ditetapkan dalam perjanjian sewa asal.
- (4) Perjanjian pengedaran antara CUCKOO Electronics dan Syarikat kami bertarikh 1 Januari 2021, seperti ditambah melalui perjanjian bertarikh 16 Ogos 2024, untuk pelantikan Syarikat kami sebagai pengedar tunggal dan eksklusif bagi produk Jenama CUCKOO yang dibuat atau disumber oleh CUCKOO Electronics dari masa ke masa termasuk tetapi tidak terhad kepada periuk nasi, periuk serbaguna dan dapur induksi. Tempoh terkini perjanjian tamat pada 31 Disember 2025, dengan pembaharuan automatik bagi tempoh berturutan selama satu tahun, kecuali ditamatkan sebelumnya menurut perjanjian. Harga pembelian Produk CKE dinyatakan dalam invois yang dikeluarkan daripada CUCKOO Electronics kepada Syarikat kami. Tempoh kredit yang diberi kepada Kumpulan kami ialah 90 hari dari tarikh invois masing-masing.
- (5) Perjanjian antara HEH Resources dan Syarikat kami bertarikh 1 Januari 2023, untuk pembelian dan bekalan (i) kit kebersihan dan pek servis yang digunakan oleh Kumpulan Servis CUCKOO+ kami semasa menyenggara dan menyelenggarakan produk yang dijual oleh Kumpulan kami dan (ii) larutan pencuci yang digunakan ke atas tilam, mesin basuh dan penyaman udara yang dijual oleh Kumpulan kami. Tempoh perjanjian adalah untuk tiga tahun dan tamat pada 31 Disember 2025, dengan opsyen oleh Syarikat kami untuk melanjutkan tempoh untuk satu tahun lagi.
- (6) Perjanjian sewa antara Great Hoe Holdings dan Syarikat kami bertarikh 18 Oktober 2022 untuk penyewaan hartanah demikian. Penyewaan awal adalah untuk tempoh dua tahun dan telah tamat pada 31 Oktober 2024, dan telah dilanjutkan sehingga 30 Jun 2025 atas terma dan syarat yang sama seperti yang ditetapkan dalam perjanjian penyewaan asal. Sewa bulanan ialah RM38,308.50. Perjanjian sewa boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak sebelum tamat tempoh penyewaan dengan syarat bahawa notis bertulis tiga bulan terdahulu diberi kepada pihak yang lain. Pihak-pihak telah bersetuju secara bersama untuk melanjutkan penyewaan hartanah ini sehingga 30 Jun 2025, tanpa memutuskan kesinambungan dan pada terma dan syarat sama seperti ditetapkan dalam perjanjian sewa asal.
- (7) Perjanjian sewa kecil antara Great Hoe Holdings dan Syarikat kami bertarikh 1 Oktober 2021 untuk penyewaan hartanah demikian. Sewa kecil mempunyai tempoh tiga tahun dan dua bulan telah tamat tempoh pada 31 Disember 2024, dengan opsyen untuk memperbaharui bagi tempoh seterusnya selama tiga tahun dan dua bulan. Sewa bulanan ialah RM144,076.00. Pada LPD, Syarikat kami telah menamatkan perjanjian dan mengosongkan premis.

10. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

- (8) Perjanjian penjualan perniagaan antara Wonderlab Resources (sebagai penjual), Mak Foong Ling (sebagai penjanji) dan Syarikat kami (sebagai pembeli), seperti ditambah melalui perjanjian bertarikh 21 Julai 2021, untuk pemerolehan aset dan liabiliti Wonderlab Resources untuk perniagaan dagangan produk penjagaan kulit dan kosmetiknya, dan penyediaan perkhidmatan pembersihan ("**Pemerolehan Wonderlab**"). Jumlah pertimbangan belian ialah RM1,772,760.00 yang dijelaskan sepenuhnya secara tunai. Pertimbangan belian telah dicapai selepas mengambil kira penilaian aset sebanyak RM 6,884,790.00 seperti diberi oleh penilai bebas yang dilantik bersama oleh pihak-pihak, bersih daripada liabiliti yang diperoleh. Pemerolehan Wonderlab telah lengkap pada 10 Mei 2021.
- (9) Perjanjian pengedaran antara Wonderlab Resources dan Syarikat kami bertarikh 1 Januari 2020 untuk pelantikan Syarikat kami sebagai pengedar eksklusif untuk (i) produk kecantikan termasuk kosmetik dan / atau perkhidmatan kecantikan di Malaysia; dan (ii) servis penjagaan rumah profesional di bawah nama Wonderklean. Perjanjian ini telah ditamatkan selepas Pemerolehan Wonderlab.
- (10) Pada Januari 2018, Hoe Kian Choon memegang 9.1% kepentingan ekuiti dalam CUCKOO Singapore. Pegangan sahamnya dalam CUCKOO Singapore meningkat kepada 13.7% pada Mac 2023.

10. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

Pengarah kami mengesahkan bahawa urus niaga pihak berkaitan material di atas telah diuruskan pada asas selengan dan berasaskan terma dan syarat yang tidak memudaratkan Kumpulan kami selepas mengambil kira, antara lain, sebut harga dan invois daripada pihak ketiga untuk produk dan perkhidmatan serupa, laporan analisis hartanah dan penilaian perniagaan seperti yang dinilai oleh penilai bebas dan dokumentasi harga pemindahan Kumpulan kami. Seterusnya, kadar sewa setiap hartanah kami yang disewa daripada pihak berkaitan berada dalam lingkungan kadar sewa hartanah setanding berasaskan laporan analisis hartanah.

Selepas Penyenaraian kami, kami perlu memohon kelulusan pemegang saham kami setiap kali kami memasuki urus niaga pihak berkaitan material menurut Syarat Penyenaraian. Walau bagaimanapun, jika urus niaga pihak berkaitan boleh dianggap sebagai urus niaga pihak berkaitan yang berulang, kami boleh meminta mandat umum daripada pemegang saham kami (di mana mandat tersebut akan lazimnya diperbaharui seperti diperlukan di setiap AGM Syarikat kami) untuk memasuki urus niaga berulang demikian tanpa perlu memohon kelulusan berasingan setiap kali kami ingin memasuki urus niaga pihak berkaitan yang berulang sedemikian semasa tempoh kesahan mandat tersebut.

Tambahan lagi, untuk melindungi kepentingan Kumpulan kami dan pemegang saham tidak berkepentingan dan untuk mengurangkan sebarang potensi situasi konflik kepentingan, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko akan, antara lain, menyelia dan memantau sebarang urus niaga pihak berkaitan berulang dan termanya dan melaporkan kepada Lembaga kami untuk tindakan lanjut, seperti dinyatakan dalam Seksyen 10.2.1 Prospektus ini.

10.1.3 Urus niaga pihak berkaitan yang bersifat atau bersyarat luar biasa

Tiada urus niaga material yang bersifat atau bersyarat luar biasa, melibatkan barangan, perkhidmatan, aset ketara atau tidak ketara, kepada mana Kumpulan kami menjadi pihak dalam Tahun Kewangan dalam Semakan, FPE2024, dan tempoh kemudiannya sehingga LPD.

10.1.4 Pinjaman dan/atau bantuan kewangan yang dibuat kepada atau untuk manfaat pihak berkaitan yang tertunggak

Tiada pinjaman dan/atau bantuan kewangan (termasuk sebarang jenis jaminan) material tertunggak yang telah diberi oleh Kumpulan kami kepada atau untuk manfaat pihak berkaitan kami pada penghujung Tahun Kewangan dalam Semakan, 30 September 2024, dan LPD.

10. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

10.1.5 Pinjaman dan/atau bantuan kewangan yang dibuat oleh pihak berkaitan kepada atau untuk manfaat Kumpulan yang tertunggak

Kecuali seperti didedahkan di bawah, tiada pinjaman dan/atau bantuan kewangan (termasuk sebarang jenis jaminan) yang dibuat oleh pihak berkaitan kepada atau untuk manfaat Kumpulan kami pada penghujung Tahun Kewangan dalam Semakan, 30 September 2024, dan pada LPD.

No.	Pihak yang berurusan	Sifat kepentingan	Jenis urus niaga	Amaun tertunggak pada				
				31 Dis 2021 RM'000	31 Dis 2022 RM'000	31 Dis 2023 RM'000	30 Sep 2024	LPD RM'000
(1)	CKH dan Syarikat kami	CKH ialah pemegang saham utama Syarikat kami Koo Bon Hak, Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat kami, juga pengarah, pengarah wakil dan pemegang saham utama CKH.	(a) Penerimaan terma pembayaran semula yang lebih lama dari biasa untuk pembelian produk Jenama CUCKOO oleh kami daripada CKH ⁽¹⁾	113,470 (20.0% NA Kumpulan kami)	136,326 (19.3% NA Kumpulan kami)	150,602 (18.9% NA Kumpulan kami)	(2)-	(2)-
			(b) Pinjaman pemegang saham yang diberi oleh CKH kepada Syarikat kami (" Pinjaman CKH ") ⁽²⁾	76,454 (13.5% NA Kumpulan kami)	81,037 (11.5% NA Kumpulan kami)	36,642 (4.6% NA Kumpulan kami)	-	-
(2)	CUCKOO Electronics dan Syarikat kami	CUCKOO Holdings ialah pemegang saham sepunya Syarikat kami dan CUCKOO Electronics	Penerimaan terma pembayaran semula yang lebih lama dari biasa untuk pembelian produk CUCKOO oleh kami daripada CUCKOO Electronics ⁽¹⁾	685 (0.1% NA Kumpulan kami)	2,035 (0.3% NA Kumpulan kami)	179 (kurang daripada 0.1% NA Kumpulan kami)	(3)-	(3)-

10. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

No.	Pihak berurusan yang	Sifat kepentingan	Jenis urus niaga	Amaun tertunggak pada				
				31 Dis 2021 RM'000	31 Dis 2022 RM'000	31 Dis 2023 RM'000	30 Sep 2024	LPD RM'000
		Koo Bon Hak, Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat kami, juga pengarah, pengarah wakil dan pemegang saham utama CUCKOO Electronics						

Nota-nota:

- (1) Menurut perjanjian pengedaran bertarih 1 Januari 2021 antara (i) CKH dan Syarikat kami; dan (ii) CUCKOO Electronics dan Syarikat kami, Syarikat kami telah diberi tempoh pembayaran semula 24 bulan dari tarikh invoice oleh CKH dan CUCKOO Electronics masing-masing berhubung dengan pembelian produk oleh Kumpulan kami. CKH dan CUCKOO Electronics masing-masing berhak mengenakan caj faedah (yang sepatutnya pada asas selangan) ke atas amaun yang masih tertunggak 30 hari selepas tarikh invoice.

Tempoh pembayaran semula demikian lebih lama daripada tempoh pembayaran semula biasa yang diberi kepada Kumpulan kami oleh pembekal lain selama 30 hingga 90 hari. Oleh itu Syarikat kami mungkin telah menerima bantuan kewangan daripada Kumpulan CUCKOO Holdings.

Walau bagaimanapun, menurut (i) Perjanjian Pengedaran CKH, tempoh pembayaran semula telah disemak semula kepada 90 hari dari tarikh invoice atau tarikh dimuatkan seperti dinyatakan dalam bil muatan bagi setiap penghantaran produk, yang mana terkemudian; dan (ii) perjanjian tambahan yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2024 antara CUCKOO Electronics dan Syarikat kami ("**Perjanjian Pengedaran Tambahan CUCKOO Electronics**") tempoh pembayaran semula telah disemak semula kepada 90 hari dari tarikh dimuatkan seperti dinyatakan dalam bil muatan bagi setiap penghantaran produk.

10. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

Di bawah (i) Perjanjian Pengedaran CKH, CKH boleh mengenakan caj faedah ke atas amaun yang kekal tertunggak 30 hari dari tarikh invoice atau tarikh dimuatkan seperti dinyatakan dalam bil muatan bagi penghantaran produk, yang mana terkemudian; dan (ii) Perjanjian Pengedaran Tambahan CUCKOO Electronics, CUCKOO Electronics boleh mengenakan caj faedah ke atas amaun yang kekal tertunggak 30 hari selepas tarikh dimuatkan seperti dinyatakan dalam bil muatan. Pada LPD, caj faedah yang dikenakan ke atas amaun tertunggak menurut perjanjian pengedaran ini adalah berasaskan kemudahan bank sedia ada yang diberi kepada Syarikat kami.

- (2) Merujuk kepada nota (1) di atas, kami tidak lagi menerima bantuan kewangan daripada Kumpulan CUCKOO Holdings kerana syarat pembayaran balik kami dengan Kumpulan CUCKOO Holdings telah disemak kepada 90 hari selaras dengan yang biasanya disediakan kepada Kumpulan kami oleh pembekal lain selama 30 hingga 90 hari.
- (3) Pada 30 November 2021, Syarikat kami telah memasuki perjanjian pinjaman pemegang saham dengan CKH di mana jumlah perdagangan belum bayar sebanyak USD67,126,900 yang terhutang daripada Syarikat kami kepada CKH daripada pembelian produk Jenama CUCKOO oleh Syarikat kami telah ditukar kepada pinjaman pemegang saham. Menurut perjanjian pinjaman pemegang saham, tempoh adalah 24 bulan dari tarikh perjanjian dan amaun pinjaman akan dikenakan faedah sebanyak 2.0% setahun dikira berasaskan baki harian, atau kadar lain seperti yang boleh ditentukan pada asas selengan berkuat kuasa dari tarikh persetujuan. Sebelum penyelesaian penuh Pinjaman CKH pada Ogos 2024, caj faedah yang dikenakan pada masa itu ke atas amaun tertunggak menurut perjanjian pinjaman pemegang saham demikian adalah berasaskan kemudahan bank sedia ada yang diberi kepada Syarikat kami.

Lembaga kami berpendapat bahawa sebarang potensi situasi konflik kepentingan hasil daripada penerimaan bantuan kewangan daripada Kumpulan CUCKOO Holdings telah dikurangkan disebabkan:

- (i) Penerimaan bantuan kewangan melalui tempoh pembayaran semula selama 90 hari bagi amaun yang terhutang kepada Kumpulan CUCKOO Holdings bagi pembelian produk oleh Kumpulan kami daripada mereka adalah berasaskan terma komersil biasa dan setanding dengan yang lazimnya diberi oleh pembekal lain kami selama 30 hari sehingga 90 hari; dan
- (ii) Syarikat kami telah menjelaskan sepenuhnya semua amaun perdagangan dan bukan perdagangan sepenuhnya yang terhutang kepada Kumpulan CUCKOO Holdings yang melebihi tempoh pembayaran semula selama 90 hari pada 31 Ogos 2024, dan Pinjaman CKH menggunakan pinjaman bank dan dana yang dijana secara dalaman.

10. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

10.2 PEMANTAUAN DAN PENGAWASAN URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

10.2.1 Semakan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

Semasa Penyenaraian kami, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko kami akan, antara lain, menyemak terma semua urus niaga pihak berkaitan (termasuk urus niaga pihak berkaitan berulang), dan Pengarah kami akan melaporkan urus niaga sedemikian, jika ada, setiap tahun dalam laporan tahunan Syarikat kami. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko juga akan menyemak sebarang urus niaga, tatacara atau kelakuan yang menimbulkan persoalan integriti pihak pengurusan, termasuk urus niaga pihak berkaitan kami. Dalam menyemak urus niaga pihak berkaitan, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko akan mengambil kira, antara lain, (i) rasional dan kos/manfaat kepada Kumpulan kami, (ii) di mana boleh sebut harga perbandingan akan diambil kira, (iii) bahawa urus niaga adalah berasaskan terma komersil biasa dan tidak lebih memihak kepada pihak berkaitan berbanding yang lazimnya tersedia kepada pihak ketiga yang berurusan secara setaraf dan tidak memudaratkan kepentingan pemegang saham minoriti kami.

Semua semakan oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko dilaporkan kepada Lembaga untuk tindakan selanjutnya.

10.2.2 Dasar Kumpulan kami tentang urus niaga pihak berkaitan

Urus niaga pihak berkaitan disebabkan sifatnya, melibatkan konflik kepentingan antara Kumpulan kami dan pihak berkaitan dengan siapa kami memasuki urus niaga. Seperti didedahkan dalam Prospektus ini, ada antara Pengarah dan / atau pemegang saham utama kami yang juga pengarah dan, dalam beberapa kes, pemegang saham pihak berkaitan Kumpulan kami, dan berhubung dengan urus niaga pihak berkaitan ini, mungkin secara individu dan secara agregat mempunyai konflik kepentingan. Adalah dasar Kumpulan kami bahawa semua urus niaga pihak berkaitan perlu disemak oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko kami untuk memastikan bahawa mereka dirunding dan dipersetujui dalam kepentingan terbaik Kumpulan kami, pada asas selengan dan berasaskan terma komersil biasa yang tidak lebih memihak kepada pihak berkaitan berbanding yang lazimnya tersedia kepada pihak ketiga, dan tidak memudaratkan kepentingan pemegang saham minoriti kami.

Tambahan lagi, kami bercadang untuk mengguna pakai rangka kerja tadbir urus korporat yang menyeluruh yang memenuhi prinsip amalan terbaik untuk mengurangkan sebarang potensi situasi konflik kepentingan dan bertujuan supaya rangka kerja tersebut berpandukan Syarat Penyenaraian dan MCCG apabila Penyenaraian kami berlaku. Tatacara yang mungkin membentuk sebahagian daripada rangka kerja termasuk, antara lain, yang berikut:

- (i) Lembaga kami akan memastikan bahawa majoriti ahli Lembaga kami adalah Pengarah bebas dan akan menjalankan penilaian tahunan Pengarah bebas kami;
- (ii) Jika terdapat sebarang urus niaga pihak berkaitan yang dicadangkan yang melibatkan kepentingan secara langsung atau tidak langsung Pengarah kami, Pengarah berkepentingan kami akan mendedahkan kepada Lembaga kami jenis dan tahap kepentingan mereka termasuk semua perkara berhubung dengan urus niaga pihak berkaitan yang dicadangkan yang mereka sedar atau patut munasabah sedar, yang bukan dalam kepentingan terbaik kami. Pengarah berkepentingan kami juga akan menahan daripada mana-mana pertimbangan Lembaga kami dan mengundi ke atas resolusi relevan berhubung dengan urus niaga pihak berkaitan yang dicadangkan demikian; dan
- (iii) semua urus niaga pihak berkaitan yang sedia ada atau potensi perlu didedahkan oleh pihak berkepentingan untuk pelaporan pihak pengurusan. Pihak pengurusan kami akan mencadangkan urus niaga tersebut kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko kami untuk penilaian dan penaksiran yang kemudiannya, membuat syor kepada Lembaga kami.

10. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

Seterusnya, kami perlu memohon kelulusan pemegang saham kami setiap kali kami memasuki urusan niaga pihak berkaitan material menurut Syarat Penyenaraian. Walau bagaimanapun, jika urusan niaga pihak berkaitan dianggap urusan niaga pihak berkaitan berulang, kami boleh memohon mandat am daripada pemegang saham kami untuk memasuki urusan niaga tersebut. Orang berkepentingan akan menahan daripada mengundi ke atas resolusi relevan berhubung dengan urusan niaga pihak berkaitan yang dicadangkan di mesyuarat agung kami.

11. KONFLIK KEPENTINGAN

11.1 KEPENTINGAN DALAM ENTITI YANG PERDAGANGANNYA SAMA SEPERTI KUMPULAN KAMI, PELANGGAN KAMI DAN / ATAU PEMBEKAL KAMI

11.1.1 Penglibatan Pengarah dan pemegang saham utama kami dalam entiti yang perdagangannya serupa dengan Kumpulan kami

Kecuali seperti yang didedahkan di bawah, Pengarah dan pemegang saham utama kami tidak mempunyai sebarang kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, dalam entiti yang menjalankan perdagangan serupa dengan Kumpulan kami pada LPD:

<u>Pihak berkepentingan</u>	<u>Perbadanan berkepentingan</u>	<u>Aktiviti utama</u>	<u>Sifat kepentingan</u>
<ul style="list-style-type: none"> • Koo Bon Hak • CUCKOO Holdings • CKH 	<ul style="list-style-type: none"> • CUCKOO Holdings • Anak syarikat CUCKOO Holdings yang menjalankan perdagangan serupa dengan Kumpulan kami: <ul style="list-style-type: none"> - CKH - CUCKOO Electronics - Qingdao Cuckoo Electronics Co., Ltd. - Shenyang Homesys Trading Co., Ltd. - CUCKOO Liaoning Electronic Commerce Co., Ltd. - CUCKOO Electronics America, Inc. - CUCKOO Vina Co., Ltd. - CUCKOO Appliances Private Limited - CUCKOO Rental America, Inc - CUCKOO Oceania Pty. Ltd. - CUCKOO Indonesia <p>(bersama, “Anak Syarikat Terjejas”)</p>	Pembuatan, membaiki, memborong, peruncitan, import dan eksport peralatan rumah tangga, perkhidmatan pemasangan dan perkhidmatan selepas jualan	Koo Bon Hak, Pengarah dan pemegang saham utama kami, juga: <ul style="list-style-type: none"> (i) seorang pengarah dan pemegang saham utama CUCKOO Holdings; (ii) seorang pengarah dan pemegang saham utama setiap daripada Anak Syarikat Terjejas melalui pegangan sahamnya dalam CUCKOO Holdings; dan (iii) pengarah wakil CKH dan CUCKOO Electronics; dan (iv) ketua pegawai eksekutif CKH dan CUCKOO Electronics. <p>CUCKOO Holdings ialah pemegang saham utama bersama Syarikat kami dan setiap daripada Anak Syarikat Terjejas.</p> <p>CKH ialah pemegang saham utama bersama Syarikat kami dan beberapa antara Anak Syarikat Terjejas.</p>

11. KONFLIK KEPENTINGAN

Kecuali bagi CUCKOO Holdings dan CKH, yang kedua-duanya syarikat yang tersenarai di Bursa Korea, tiada antara Anak Syarikat Terjejas tersenarai di bursa saham yang diiktiraf dalam mana-mana bidang kuasa.

Lembaga kami berpendapat bahawa sebarang potensi situasi konflik kepentingan hasil daripada kepentingan Pengarah dan pemegang saham utama dalam syarikat-syarikat di atas yang menjalankan perdagangan serupa dengan Kumpulan kami dikurangkan kerana terdapat penggarisan yang asing dan jelas berhubung dengan pasaran sasaran geografi antara Kumpulan kami dan CUCKOO Holdings dan Anak Syarikat Terjejasnya. Ini adalah kerana, melalui perjanjian pengedaran antara (i) Syarikat kami dan CKH; dan (ii) Syarikat kami dan CUCKOO Electronics, kami diberi hak tunggal dan eksklusif untuk mengedar produk buatan dan / atau disumber daripada CKH dan CUCKOO Electronics, di Malaysia, Singapura dan Brunei. Seterusnya, Koo Bon Hak ialah Pengarah bukan eksekutif kami, dan tidak terlibat dalam pengurusan dan operasi harian Kumpulan kami.

Jadual di bawah menyatakan pasaran sasaran geografi masing-masing setiap Anak Syarikat Terjejas untuk pengedaran produk CKH dan / atau CUCKOO Electronics:

Entiti	Pasaran sasaran geografi ⁽¹⁾
CKH / CUCKOO Electronics	Republik Korea
Qingdao CUCKOO Electronics Co., Ltd. / Shenyang Homesys Trading Co., Ltd. / CUCKOO Liaoning Electronic Commerce Co., Ltd.	China
CUCKOO Electronics America, Inc.	A.S.
CUCKOO Vina Co., Ltd.	Vietnam
CUCKOO Appliances Private Limited	India
CUCKOO Rental America, Inc.	A.S.
CUCKOO Oceania Pty. Ltd.	Australia
CUCKOO Indonesia	Indonesia

Nota:

(1) Entiti masing-masing mengedar produk melalui saluran berbeza termasuk borong, runcit dan e-dagang.

11. KONFLIK KEPENTINGAN

11.1.2 Penglibatan Pengarah dan pemegang saham utama kami dalam entiti yang merupakan pelanggan dan / atau pembekal kami

Kecuali seperti yang didedahkan di bawah, Pengarah dan pemegang saham utama kami tidak mempunyai sebarang kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, dalam mana-mana entiti yang merupakan pelanggan dan / atau pembekal kami pada LPD:

No.	Entiti	Aktiviti utama	Jenis urus niaga	Sifat kepentingan
(i)	CKH (Pembekal)	Membuat, menyewa dan menjual perabot rumah, peralatan dapur dan peralatan elektrik	Membekal peralatan jenama CUCKOO termasuk tetapi tidak terhad kepada pembersih air, pembersih udara dan penyahlembapan udara) yang dijual oleh Kumpulan kami dan alat ganti berkaitan dengan produk tersebut	Koo Bon Hak, Pengarah dan pemegang saham utama kami, juga pengarah, pengarah wakil, pemegang saham utama dan Ketua Pegawai Eksekutif CKH. CKH ialah pemegang saham utama kami.
(ii)	CUCKOO Electronics (Pembekal)	Membuat dan menjual perabot rumah, alat dapur dan peralatan elektrik	Membekal peralatan dapur jenama CUCKOO (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, periuk nasi, periuk serbaguna dan dapur induksi) dan alat ganti berkaitan dengan produk tersebut	Koo Bon Hak, Pengarah dan pemegang saham utama kami, juga pengarah, pengarah wakil, pemegang saham utama dan Ketua Pegawai Eksekutif CUCKOO Electronics. CUCKOO Electronics ialah anak syarikat CUCKOO Holdings, pemegang saham utama kami.
(iii)	HEH Resources Sdn Bhd (“ HEH Resources ”) (Pembekal)	Memorong pelbagai barangan tanpa sebarang pengkhususan tertentu	Membekal kit kebersihan, pek servis dan larutan pencuci (termasuk penggilap kulit) yang digunakan ke atas tilam, mesin basuh dan penyaman udara yang dijual oleh Kumpulan kami	Hoe Kian Huaw dan Hoe Kian Eu, adik-beradik Hoe Kian Choon (ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah dan pemegang saham utama kami), ialah pengarah dan pemegang saham utama HEH Resources.
(iv)	A Kind Man Sdn Bhd (“ A Kind Man ”) (Pembekal)	Kursus pembangunan diri/motivasi; kreatif, aktiviti seni dan hiburan; perkhidmatan rundingan berkaitan dengan perhubungan awam dan komunikasi	Menyedia perkhidmatan pemasaran termasuk mempromosi produk kami melalui podcast, platform media sosial dan laman web, dan perkhidmatan produksi media.	Mak Foong Ling, pasangan Hoe Kian Choon (Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah dan pemegang saham utama kami), ialah pengarah dan pemegang saham tunggal A Kind Man.

11. KONFLIK KEPENTINGAN

Lembaga kami berpendapat bahawa sebarang potensi situasi konflik kepentingan berikutan daripada kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, Pengarah dan pemegang saham utama kami dalam syarikat di atas yang merupakan pembekal Kumpulan kami dikurangkan atas sebab yang berikut:

- (i) seperti dinyatakan dalam Seksyen 11.1.1 Prospektus ini, CUCKOO Holdings dan Anak Syarikat Terjejasnya (termasuk CKH dan CUCKOO Electronics) tidak bersaing dengan perniagaan dan operasi Kumpulan kami kerana Kumpulan kami ialah pengedar tunggal dan eksklusif produk CKH dan CUCKOO Electronics di Malaysia, Singapura dan Brunei. Perjanjian pengedaran dengan CKH dan CUCKOO Electronics membolehkan kami memanfaatkan jenama “CUCKOO” yang mantap dan bereputasi;
- (ii) kebergantungan Kumpulan kami kepada Kumpulan CUCKOO Holdings telah dan akan terus mengurangkan apabila Kumpulan kami mempelbagaikan pembelian kami melalui perkembangan segmen perniagaan kami sejak 2020 seperti WonderLab, WonderDewi, WonderKlean kami dan segmen CUCKOO Co-Created kami seperti LSK, Fujiare dan OGAWA Malaysia masing-masing sejak 2020, 2022 dan 2023);
- (iii) Koo Bon Hak ialah Pengarah bukan eksekutif kami dan beliau tidak terlibat dalam pengurusan dan operasi harian Kumpulan kami;
- (iv) urusan kami dengan entiti yang tersenarai di atas telah dan akan dijalankan pada asas selengan dan berasaskan terma dan syarat yang tidak memudaratkan Kumpulan kami selepas mengambil kira, antara lain, sebut harga dan invois daripada pihak ketiga untuk produk dan perkhidmatan serupa dan dokumentasi harga pemindahan Kumpulan kami; dan
- (v) HEH Resources dan A Kind Man bukan pembekal utama kami, dan kami tidak bergantung kepada mereka. Kumpulan kami dapat menyumber produk dan perkhidmatan serupa daripada pembekal lain, dan pembekal ini secara bersama menyumbang kurang daripada 5.0% jumlah kos jualan Kumpulan kami bagi setiap daripada Tahun Kewangan dalam Semakan.

Pada masa hadapan, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko kami akan mengawasi dan menyelia sebarang konflik kepentingan atau potensi situasi konflik kepentingan yang mungkin timbul. Kami telah menetapkan tatacara (seperti didedahkan dalam Seksyen 10.2 Prospektus ini) untuk memastikan bahawa urusan pihak berkaitan dijalankan pada asas selengan dan berasaskan terma dan syarat yang tidak memudaratkan Kumpulan kami. Sebarang urusan masa hadapan dengan pihak di mana Pengarah dan pemegang saham utama kami mempunyai kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, akan berasaskan tatacara yang ditubuhkan sedemikian untuk urusan pihak berkaitan dan menurut Syarat Penyenaraian.

11.2 PENGAKUAN OLEH PENASIHAT MENGENAI KONFLIK KEPENTINGAN

11.2.1 RHB Investment Bank

RHB Investment Bank Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, serta syarikat pegangannya, RHB Bank Berhad, dan anak syarikat dan syarikat bersekutu RHB Bank Berhad (bersama, “**Kumpulan Perbankan RHB**”) membentuk kumpulan kewangan pelbagai dan boleh memberi kemudahan kredit atau terlibat dalam perbankan peribadi, perbankan komersial dan urusan niaga perbankan pelaburan termasuk, antara lain, perniagaan pembrokeran, perdagangan sekuriti, pengurusan aset dan dana dan perkhidmatan urusan niaga kredit dalam urusan biasa perniagaannya dengan Syarikat dan anak syarikatnya (“**Kumpulan**”). Kumpulan Perbankan RHB telah terlibat dan mungkin pada masa hadapan, terlibat dalam urusan niaga dengan dan memberi perkhidmatan kepada Kumpulan kami tambahan kepada peranan yang dinyatakan dalam Prospektus ini.

11. KONFLIK KEPENTINGAN

Tambahan lagi, mana-mana ahli Kumpulan Perbankan RHB boleh pada bila-bila masa, dalam urusan biasa perniagaan, menawarkan perkhidmatannya atau untuk terlibat dalam mana-mana urusan niaga (untuknya sendiri atau sebaliknya) dengan mana-mana ahli Kumpulan kami, Pengarahnya, pemegang sahamnya, sekutunya dan / atau mana-mana entiti atau orang lain, memegang kedudukan beli atau jual dalam sekuriti yang diterbitkan oleh Syarikat kami dan / atau sekutu kami, memberi syor pelaburan dan / atau menerbit atau menyatakan pendapat penyelidikan bebas tentang sekuriti demikian, dan boleh mendagangkan atau sebaliknya membuat urusan niaga untuk sendiri atau untuk pelanggannya dalam sekuriti hutang atau ekuiti atau pinjaman kanan mana-mana ahli Kumpulan kami dan / atau sekutunya. Ini adalah hasil daripada perniagaan Kumpulan Perbankan RHB yang secara umum bertindak bebas daripada data sama lain dan dengan itu mungkin terdapat situasi di mana sebahagian daripada Kumpulan Perbankan RHB dan / atau pelanggannya kini mempunyai atau pada masa hadapan, mungkin mempunyai kepentingan atau mengambil tindakan yang bercanggah dengan kepentingan Kumpulan kami. Syarikat berkaitan dalam Kumpulan Perbankan RHB juga boleh melanggan Saham IPO kami yang akan ditawarkan di bawah Tawaran Institusi berikutan proses bookbuilding.

Pada LPD, Kumpulan Perbankan RHB dalam urusan biasa perniagaannya menawarkan pelbagai kemudahan dengan had gabungan kira-kira RM45.0 juta kepada Kumpulan kami ("**Kemudahan RHB**"). Kumpulan kami tidak akan menggunakan sebarang perolehan kasar yang dikumpulkan daripada Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan untuk membayar semula Kemudahan RHB.

Tidak kira yang di atas, RHB Investment Bank berpendapat bahawa yang disebut di atas tidak menimbulkan situasi konflik kepentingan dalam peranannya sebagai Penasihat Utama Tunggal, Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama, Penaja Jamin Pengurusan, dan Penaja Jamin Bersama atas sebab yang berikut:

- (i) Kemudahan RHB sebanyak RM45.0 juta diberi oleh Kumpulan Perbankan RHB pada asas selangan dan dalam urusan biasa perniagaan, dan Kemudahan RHB tidak material apabila dibandingkan dengan aset bersih bergabung teraudit berkaitan dengan pemilik RHB Bank Berhad pada 31 Disember 2024 sebanyak kira-kira RM32.5 bilion (mewakili kira-kira 0.14% aset bersih bergabung teraudit berkaitan dengan pemilik RHB Bank Berhad);
- (ii) Kemudahan RHB tidak bersyarat kepada RHB Investment Bank dilantik sebagai Penasihat Utama Tunggal, Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama, Penaja Jamin Pengurusan, dan Penaja Jamin Bersama untuk IPO;
- (iii) bahagian kewangan korporat RHB Investment Bank ("**RHB CF**") perlu di bawah lesen perbankan pelaburannya untuk mematuhi dengan dasar dan garis panduan ketat yang dikeluarkan oleh SC, Bursa Securities dan BNM yang mengawal operasi nasihat kami. Garis panduan tersebut memerlukan, antara lain, penubuhan dasar tembok Cina, pengasingan jelas antara aktiviti dagangan dan nasihat dan pembentukan jawatankuasa bebas untuk menyemak operasi perniagaan kami. Pasukan yang mengendalikan IPO Kumpulan di RHB Investment Bank bebas daripada pasukan yang mengendalikan kemudahan kredit. Seterusnya, tiada penglibatan oleh RHB CF dalam sebarang proses permohonan kredit yang diusahakan oleh jabatan lain dalam Kumpulan Perbankan RHB;
- (iv) RHB Investment Bank ialah bank pelaburan berlesen dan pelantikannya sebagai Penasihat Utama Tunggal, Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama, Penaja Jamin Pengurusan, dan Penaja Jamin Bersama adalah dalam urusan biasa perniagaan. Bank Pelaburan BHB tidak menerima atau memperoleh sebarang kepentingan kewangan kecuali bagi yuran profesional yang diterima berhubung dengan pelantikan yang disebut di atas; dan

11. KONFLIK KEPENTINGAN

- (v) Perlakuan Kumpulan Perbankan RHB dalam perniagaan perbankannya dikawal dengan ketat oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, CMSA dan kawalan dan semakan dalamannya sendiri yang termasuk, pemisahan struktur pelaporan, di mana aktivitinya dipantau dan disemak oleh pihak dan jawatankuasa bebas.

RHB Investment Bank telah mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan dalam peranannya sebagai Penasihat Utama Tunggal, Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama, Penaja Jamin Pengurusan, dan Penaja Jamin Bersama untuk IPO kami.

11.2.2 AmInvestment Bank

Bank AmInvestment, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, serta syarikat pegangannya, AMMB Holdings Berhad dan anak syarikat dan syarikat bersekutu AMMB Holdings Berhad (bersama, "**Kumpulan AmBank**") membentuk kumpulan kewangan pelbagai dan boleh memberi kemudahan kredit atau terlibat dalam urusan niaga perbankan peribadi, perbankan komersil dan perbankan pelaburan termasuk, antara lain, perniagaan pembrokeran, perdagangan, pengurusan aset dan dana dan perkhidmatan urusan niaga kredit dalam urusan biasa perniagaan dengan Kumpulan kami. Kumpulan AmBank telah terlibat dan mungkin terlibat pada masa hadapan, dalam urusan niaga dengan dan memberi perkhidmatan kepada Kumpulan kami tambahan kepada peranan yang dinyatakan dalam Prospektus ini.

Tambahan lagi, mana-mana ahli Kumpulan AmBank boleh pada bila-bila masa, dalam urusan biasa perniagaan, menawarkan untuk memberi perkhidmatannya atau untuk terlibat dalam mana-mana urusan niaga (untuknya sendiri atau sebaliknya) dengan mana-mana ahli Kumpulan kami, Pengarah kami, pemegang saham kami, sekutu kami dan / atau mana-mana entiti atau orang lain, memegang kedudukan beli atau jual dalam sekuriti yang diterbitkan oleh Syarikat kami dan / atau sekutu kami, memberi syor pelaburan dan / atau menerbit atau menyatakan pendapat penyelidikan bebas tentang sekuriti demikian, dan boleh mendagangkan atau sebaliknya membuat urusan niaga untuk sendiri atau untuk pelanggannya dalam sekuriti hutang atau ekuiti atau pinjaman kanan mana-mana ahli Kumpulan kami dan / atau sekutu kami. Ini adalah hasil daripada perniagaan Kumpulan AmBank yang secara umum bertindak bebas daripada data sama lain dan dengan itu mungkin terdapat situasi di mana sebahagian daripada Kumpulan AmBank dan / atau pelanggannya kini mempunyai atau pada masa hadapan, mungkin mempunyai kepentingan atau mengambil tindakan yang bercanggah dengan kepentingan Kumpulan kami. Syarikat berkaitan dalam Kumpulan AmBank juga boleh melanggan Saham IPO kami yang akan ditawarkan di bawah Tawaran Institusi berikutan proses bookbuilding.

Pada LPD, Kumpulan AmBank telah dalam urusan biasa perniagaannya menawarkan kemudahan kredit lanjutan dengan had bergabung sebanyak RM110.0 juta kepada Kumpulan kami ("**Kemudahan AmBank**"). Kumpulan kami tidak akan menggunakan sebarang perolehan kasar yang dikumpulkan daripada Terbitan Awam untuk membayar balik sebarang daripada Kemudahan AmBank.

Tidak kira yang di atas, Kumpulan AmBank berpendapat bahawa yang disebut di atas tidak menimbulkan situasi konflik kepentingan dalam peranannya sebagai Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama dan Penaja Jamin Bersama atas sebab yang berikut:

- (i) Kumpulan AmBank membentuk kumpulan kewangan pelbagai dan terlibat dalam urusan niaga yang luas seperti diserlahkan di atas. Bank AmInvestment ialah bank pelaburan berlesen dan pelantikannya sebagai Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama dan Penaja Jamin Bersama untuk IPO kami adalah dalam urusan biasa perniagaan. Seterusnya, Bank AmInvestment tidak menerima atau memperoleh sebarang kepentingan atau manfaat kewangan kecuali bagi yuran profesional yang diterima berhubung dengan pelantikannya sebagai Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama dan Penaja Jamin Bersama untuk IPO kami;

11. KONFLIK KEPENTINGAN

- (ii) Setiap daripada entiti dan jabatan kumpulan AmBank juga tertakluk kepada kawalan dan semakan dalaman, yang mengawal perkongsian maklumat antara entiti dan jabatan. Tambahan lagi, setiap jabatan dan entiti dalam Kumpulan AmBank mempunyai operasi berasingan dan berbeza dan keputusan dibuat bebas daripada satu sama lain. Tambahan kepada itu, perlakuan Bank AmInvestment dikawal oleh BNM; dan
- (iii) kemudahan kredit telah diberi oleh Kumpulan AmBank pada asas selengan dan dalam urusan biasa perniagaan, dan kemudahan kredit tersebut mewakili kira-kira 0.3% aset bersih teraudit Kumpulan AmBank sebanyak kira-kira RM19.44 bilion pada 31 Mac 2024.

AmInvestment Bank mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan dalam peranannya sebagai Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama dan Penaja Jamin Bersama.

11.2.3 Rahmat Lim & Partners

Rahmat Lim & Partners mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan sedia ada atau potensi dalam peranannya sebagai penasihat undang-undang kepada Syarikat kami berhubung dengan undang-undang Malaysia untuk IPO kami.

11.2.4 Clifford Chance Pte Ltd

Clifford Chance Pte Ltd mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan sedia ada atau potensi dalam peranannya sebagai penasihat undang-undang kepada Syarikat kami berhubung dengan undang-undang sekuriti persekutuan Amerika Syarikat dan undang-undang Singapura untuk IPO kami.

11.2.5 Jipyong LLC

Jipyong LLC mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan sedia ada atau potensi dalam peranannya sebagai penasihat undang-undang kepada Syarikat kami berhubung dengan undang-undang negara Korea untuk IPO kami.

11.2.6 Christopher & Lee Ong

Christopher & Lee Ong mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan sedia ada atau potensi dalam peranannya sebagai penasihat undang-undang kepada Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama, Penaja Jamin Pengurusan dan Penaja Jamin Bersama berhubung dengan undang-undang Malaysia untuk IPO kami.

11.2.7 Baker & McKenzie.Wong & Leow

Baker & McKenzie.Wong & Leow mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan sedia ada atau potensi dalam peranannya sebagai penasihat undang-undang kepada Penyelaras Global Bersama dan Bookrunner Bersama berhubung dengan undang-undang sekuriti persekutuan Amerika Syarikat untuk IPO kami.

11.2.8 KPMG PLT

KPMG PLT mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan sedia ada atau potensi dalam peranannya sebagai Juruaudit dan Akauntan Melapor untuk IPO kami.

11.2.9 Frost & Sullivan

Frost & Sullivan mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan sedia ada atau potensi dalam peranannya sebagai Penyelidik Pasaran Bebas untuk IPO kami.

12. MAKLUMAT KEWANGAN**12.1 MAKLUMAT KEWANGAN LAMPAU**

Maklumat kewangan disatukan lampau kami bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan telah dipetik daripada penyata kewangan disatukan teraudit yang terkandung dalam Laporan Akauntan yang disertakan dalam Seksyen 13 Prospektus ini.

Penyata kewangan kami telah disediakan mengikut MFRS dan IFRS. Tiada dasar perakaunan yang khusus untuk Kumpulan kami berhubung dengan jenis perniagaan atau industri yang Kumpulan kami terlibat. Untuk butiran lanjut mengenai dasar perakaunan Kumpulan kami, sila lihat nota Laporan Akauntan yang berkenaan sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 13 Prospektus ini.

Maklumat kewangan disatukan lampau kami hendaklah dibaca bersama-sama dengan Perbincangan dan Analisis Pihak Pengurusan Mengenai Keadaan Kewangan dan Keputusan Operasi sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 12.2 Prospektus ini dan Laporan Akauntan, serta notanya sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 13 Prospektus ini.

12.1.1 Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain disatukan teraudit lampau

	Teraudit			Tidak teraudit	Teraudit
	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2023	FPE2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Hasil	1,139,076	1,046,446	1,116,649	823,003	930,365
Kos jualan	(738,736)	(661,439)	(746,534)	(545,533)	(640,428)
GP	400,340	385,007	370,115	277,470	289,937
Pendapatan lain	17,653	12,458	3,825	3,362	3,280
Perbelanjaan pengagihan	(58,009)	(77,889)	(84,870)	(56,392)	(63,388)
Perbelanjaan pentadbiran	(51,303)	(201,059)	(62,740)	(44,155)	(53,835)
Rugi bersih atas rosot nilai instrumen	(20,661)	(27,772)	(52,258)	(43,498)	(36,014)
Keputusan daripada aktiviti operasi	288,020	90,745	174,072	136,787	139,980
Pendapatan kewangan	1,637	2,473	2,739	2,065	10,901
Kos kewangan	(40,230)	(41,246)	(38,180)	(37,460)	(14,597)
PBT	249,427	51,972	138,631	101,392	136,284
Perbelanjaan cukai	(62,991)	(49,917)	(51,762)	(42,286)	(32,595)
PAT	186,436	2,055	86,869	59,106	103,689
PAT berkaitan dengan:					
Pemilik Syarikat	186,694	2,440	87,260	59,232	104,003
Kepentingan bukan kawalan	(258)	(385)	(391)	(126)	(314)
PAT	186,436	2,055	86,869	59,106	103,689
Pendapatan/(perbelanjaan) komprehensif lain, ditolak cukai:					
Item yang atau mungkin dikelaskan semula kemudiannya kepada untung atau rugi:					
Perbezaan terjemahan mata wang asing untuk operasi asing	(70)	(502)	(706)	(550)	1,183
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh/tahun	186,366	1,553	86,163	58,556	104,872

12. MAKLUMAT KEWANGAN

	Teraudit			Tidak teraudit	Teraudit
	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2023	FPE2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Jumlah pendapatan komprehensif berkaitan dengan:					
Pemilik Syarikat	186,624	1,938	86,554	58,682	105,186
Kepentingan bukan kawalan	(258)	(385)	(391)	(126)	(314)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh/tahun	186,366	1,553	86,163	58,556	104,872

	Teraudit			Tidak teraudit	Teraudit
	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2023	FPE2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
EBITDA (RM'000) ⁽¹⁾	366,172	156,064	234,312	183,305	176,128
PAT dilaraskan (RM'000) ⁽²⁾	186,436	151,081	100,585	59,106	103,689
Margin EBITDA (%) ⁽³⁾	32.1	14.9	21.0	22.3	18.9
Margin GP (%) ⁽⁴⁾	35.1	36.8	33.1	33.7	31.2
Margin PBT (%) ⁽⁵⁾	21.9	5.0	12.4	12.3	14.6
Margin PAT (%) ⁽⁶⁾	16.4	0.2	7.8	7.2	11.1
Margin PAT dilaraskan (%) ⁽⁷⁾	16.4	14.4	9.0	7.2	11.1
EPS asas dan dicairkan (sen) ⁽⁸⁾	13.0	0.2	6.1	4.1	7.3

Nota-nota:

- (1) Jadual berikut menyatakan pengiraan untuk mendapatkan EBITDA kami bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan masing-masing (lihat nota 2 di bawah untuk maklumat mengenai penggunaan langkah-langkah bukan MFRS)):

	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2023	FPE2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
PBT	249,427	51,972	138,631	101,392	136,284
Tambah/(Tolak):					
Pendapatan kewangan	(1,637)	(2,473)	(2,739)	(2,065)	(10,901)
Kos kewangan	40,230	41,246	38,180	37,460	14,597
Susut nilai dan pelunasan	78,152	65,319	60,240	46,518	36,148
EBITDA	366,172	156,064	234,312	183,305	176,128

12. MAKLUMAT KEWANGAN

- (2) Jadual berikut menyatakan pengiraan untuk mendapatkan PAT dilaraskan kami bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan masing-masing:

	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2023	FPE2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
PAT	186,436	2,055	86,869	59,106	103,689
Tambah/(Tolak):					
Perbelanjaan					
berasaskan saham ^(a)	-	137,509	-	-	-
Cukai makmur	-	11,517	-	-	-
Perbelanjaan cukai tambahan yang timbul daripada SVDP2.0 ^(b)	-	-	13,716	-	-
PAT dilaraskan	186,436	151,081	100,585	59,106	103,689

Nota-nota:

- (a) Perbelanjaan berasaskan saham merujuk kepada bayaran sekali sahaja menurut skim opsyen saham pada harga pelaksanaan RM1.00 sesaham, untuk memberi ganjaran kepada Pengarah dan pasukan pengurusan utama kami, yang telah diberikan pada 15 Oktober 2022.
- (b) Untuk mengurangkan risiko cukai bahawa LHDN mungkin menganggap pendapatan faedah pajakan kewangan sebagai sebahagian daripada yang dianggap amaun keuntungan di bawah Peraturan-Peraturan Pajakan Cukai Pendapatan 1986 yang sepatutnya dikenakan cukai pendahuluan dan bukannya sepanjang tempoh kontrak sewa, kami telah menyertai Program Pendedahan Sukarela Khas 2.0.

EBITDA, margin EBITDA, PAT dilaraskan dan margin PAT dilaraskan ialah ukuran tambahan bagi prestasi dan kecairan kami yang tidak dikehendaki oleh atau dibentangkan mengikut MFRS atau IFRS dan tidak boleh dianggap sebagai alternatif kepada pendapatan bersih atau apa-apa ukuran prestasi lain yang diperoleh menurut MFRS atau IFRS atau sebagai alternatif kepada aliran tunai daripada aktiviti kendalian atau sebagai ukuran kecairan. Di samping itu, EBITDA, margin EBITDA, PAT dilaraskan dan margin PAT dilaraskan bukanlah istilah yang standard, dan oleh itu, perbandingan secara langsung bagi ukuran dengan nama yang serupa antara syarikat mungkin tidak dapat dilakukan. Syarikat lain mungkin mengira EBITDA, margin EBITDA, PAT dilaraskan dan margin PAT dilaraskan secara berbeza daripada kami, yang mengehendkan kegunaannya sebagai ukuran perbandingan.

- (3) Dikira berdasarkan EBITDA dibahagi dengan hasil.
- (4) Dikira berdasarkan GP dibahagi dengan hasil.
- (5) Dikira berdasarkan PBT dibahagi dengan hasil.
- (6) Dikira berdasarkan PAT dibahagi dengan hasil.
- (7) Dikira berdasarkan PAT dilaraskan dibahagi dengan hasil.
- (8) Dikira berdasarkan PAT berkaitan dengan pemilik Syarikat kami dibahagi dengan sebanyak 1,432,800,000 Saham diperbesar sebaik sahaja selepas IPO kami.

12. MAKLUMAT KEWANGAN**12.1.2 Penyata kedudukan kewangan disatukan terpilih**

	Audited			
	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aset bukan semasa	656,661	633,642	752,040	904,464
Hartanah, loji dan peralatan	135,778	86,094	100,557	76,887
Aset hak penggunaan	12,462	10,173	12,112	9,153
Aset tidak ketara	9,222	8,225	7,228	6,481
Perdagangan belum terima dan belum terima lain	486,727	505,707	600,545	771,006
Aset cukai tertunda	12,472	23,443	31,598	40,937
Aset semasa	500,008	608,552	522,968	586,582
Inventori	110,680	133,205	122,068	142,430
Perdagangan belum terima dan belum terima lain	295,216	330,859	308,743	328,339
Aset cukai semasa	162	202	202	212
Prabayaran	8,710	10,803	7,856	13,314
Tunai dan setara tunai	85,240	133,483	84,099	102,287
Jumlah aset	1,156,669	1,242,194	1,275,008	1,491,046
Liabiliti bukan semasa	240,746	98,849	14,433	158,155
Pinjaman dan peminjaman	106,239	53,655	-	155,298
Liabiliti pajakan	11,342	7,834	4,170	2,857
Perdagangan belum bayar dan belum bayar lain	123,165	37,360	10,263	-
Liabiliti semasa	348,680	437,040	463,219	504,041
Pinjaman dan peminjaman	55,533	58,533	59,952	154,431
Liabiliti pajakan	9,617	10,054	9,603	7,473
Perdagangan belum bayar dan belum bayar lain	175,548	266,992	306,759	261,443
Peruntukan	12,292	14,705	13,642	12,206
Liabiliti cukai semasa	29,655	14,749	8,247	14,779
Pendapatan tertunda	17,021	10,140	3,659	1,088
Liabiliti kontrak	49,014	61,867	61,357	52,621
Jumlah liabiliti	589,426	535,889	477,652	662,196
Modal saham	44,031	44,031	186,428	186,428
Rizab	524,146	663,593	612,638	644,446
Ekuiti berkaitan dengan pemilik Syarikat / NA	568,177	707,624	799,066	830,874
Kepentingan bukan kawalan	(934)	(1,319)	(1,710)	(2,024)
Jumlah ekuiti	567,243	706,305	797,356	828,850
Jumlah ekuiti dan liabiliti	1,156,669	1,242,194	1,275,008	1,491,046

12. MAKLUMAT KEWANGAN

12.2 PERBINCANGAN DAN ANALISIS PIHAK PENGURUSAN MENGENAI KEADAAN KEWANGAN DAN KEPUTUSAN OPERASI

Perbincangan dan analisis pihak pengurusan berikut mengenai prestasi kewangan dan keputusan operasi Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan hendaklah dibaca bersama dengan Laporan Akauntan sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 13 Prospektus ini.


12.2.1 Gambaran keseluruhan operasi kami

Kami adalah sebuah syarikat yang mempunyai visi untuk menjadi “Pencipta Kediaman Sihat”, khusus bagi memupuk gaya hidup sihat untuk pelanggan kami melalui peralatan rumah, barangan isi rumah, produk penjagaan kulit dan makanan bernutrisi, dan servis penjagaan rumah kami.

Perniagaan kami merangkumi empat segmen, iaitu, Jenama CUCKOO, CUCKOO Co-Created, WonderLab dan WonderDewi, dan WonderKlean. Lihat Seksyen 7.5 Prospektus ini untuk maklumat lanjut mengenai segmen ini.

Kami memperoleh hasil kami terutamanya daripada sewaan dan jualan terus produk kami, dan penyediaan perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan untuk produk sedemikian di bawah segmen Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created kami. Bagi FYE2021, FYE2022, FYE2023, FPE2023 dan FPE2024 hasil kami daripada sewaan dan jualan terus produk kami di bawah segmen Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created menyumbang sebanyak 64.6%, 59.2%, 61.4%, 60.9% dan 65.9% daripada jumlah hasil kami, manakala hasil daripada penyediaan perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan kami menyumbang sebanyak 34.0%, 39.6%, 37.8%, 38.3% dan 33.7% daripada jumlah hasil kami.

Sumbangan hasil kami oleh aktiviti perniagaan bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dinyatakan di bawah:



Nota:

- (1) Lain-lain merangkumi hasil daripada segmen WonderLab dan WonderDewi, segmen WonderKlean dan perkhidmatan sokongan dan penyelenggaraan IT kami.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Pada LPD, kami mempunyai operasi di Malaysia dan Singapura, manakala kami melantik CUCKOO Brunei sebagai subpedegar kami untuk pengedaran produk dan perkhidmatan kami di Brunei. Hasil kami diperolehi terutamanya dari Malaysia, yang menyumbang sebanyak 98.9%, 98.7%, 98.6%, 98.6% dan 98.9% daripada jumlah hasil kami masing-masing bagi FYE2021, FYE2022, FYE2023, FPE2023 dan FPE2024. Sila rujuk Seksyen 12.2.3(i) Prospektus ini untuk butiran lanjut.

Kami mengedarkan produk dan perkhidmatan kami melalui rangkaian pengedaran saluran omni. Saluran luar talian kami merangkumi Pasukan Jualan CUCKOO kami dan Kumpulan Servis CUCKOO+, cawangan runcit dan peruncit pihak ketiga. Saluran dalam talian kami merangkumi e-Brandstore, e-Brandshops dan platform e-dagang pihak ketiga. Lihat Seksyen 7.5.5 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai rangkaian pengedaran saluran omni kami.

12.2.2 Faktor penting yang mempengaruhi keadaan kewangan dan keputusan operasi kami secara material

(i) Keperluan modal pendahuluan yang besar untuk membiayai pertumbuhan perniagaan sewa kami

Model perniagaan kami yang terutamanya melibatkan penawaran pelan sewaan untuk produk kami kepada pelanggan kami, memerlukan kami mempunyai modal pendahuluan yang besar untuk membiayai pembelian produk daripada pembekal kami dan membayar komisen jualan. Di samping itu, terdapat ketakpadanan antara pengiktirafan hasil dan aliran tunai kendalian. Ini kerana hasil daripada penyewaan produk kami diiktiraf terlebih dahulu manakala aliran masuk tunai kendalian bergantung pada kutipan bayaran sewa daripada pelanggan kami mengikut syarat kontrak mereka. Oleh itu, kami memerlukan modal yang besar dan/atau aliran tunai operasi kendalian yang stabil untuk membiayai pertumbuhan perniagaan sewaan kami, dan keupayaan kami untuk mengembangkan sumber pembiayaan tepat pada masanya atau mengikut terima yang boleh diterima (lihat Seksyen 9.1.3 dan Seksyen 9.1.4 Prospektus untuk butiran lanjut).

Sejak kami memulakan perniagaan sewa kami, kami bergantung terutamanya pada sokongan Kumpulan CUCKOO Holdings untuk memberikan kami tempoh pembayaran balik yang lebih panjang iaitu selama 24 bulan untuk membiayai keperluan modal pendahuluan kami untuk pembelian produk Jenama CUCKOO, yang menyokong aliran tunai positif kami daripada aktiviti kendalian bagi Tahun Kewangan dalam Semakan. Tempoh pembayaran balik ini telah dipendekkan kepada 90 hari sejak Julai 2024. Di samping itu, pada 31 Julai 2024, kami telah menjelaskan semua perdagangan belum bayar belum jelas yang terhutang kepada Kumpulan CUCKOO Holdings yang belum jelas selama lebih daripada 90 hari. Pemendekan tempoh pembayaran balik dan penjelasan telah menyebabkan aliran tunai kami daripada aktiviti kendalian menjadi negatif bagi FPE2024. Jika dana yang dijana secara dalaman kami tidak mencukupi dan kami terus mengembangkan perniagaan sewa kami, aliran tunai kami daripada aktiviti kendalian berkemungkinan negatif bagi tempoh kewangan akan datang. Lihat Seksyen 12.3.1 Prospektus ini untuk maklumat lanjut tentang kecairan kami, dan Seksyen 4.5.3 Prospektus ini untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang keperluan modal kerja kami.

Bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan, kami telah menggunakan sejumlah besar aliran tunai kami untuk membayar balik Kumpulan CUCKOO Holdings, yang telah mengehendkan aliran tunai kami dan oleh itu, pertumbuhan hasil kami. Bagi FYE2021, FYE2022, FYE2023, FPE2023 dan FPE2024:

- (i) kami membayar RM614.7 juta, RM255.3 juta, RM287.2 juta, RM191.0 juta dan RM358.5 juta masing-masing kepada Kumpulan CUCKOO Holdings; dan

12. MAKLUMAT KEWANGAN

- (ii) jumlah yang masih belum dijelaskan kepada Kumpulan CUCKOO Holdings ialah sebanyak RM190.6 juta, RM219.4 juta, RM187.4 juta, RM180.1 juta dan RM47.2 juta masing-masing.

Di samping itu, keupayaan kami untuk mengembangkan perniagaan sewa kami bergantung pada keupayaan kami untuk mengutip daripada pelanggan kami. Lihat Seksyen 7.6 Prospektus untuk butiran semakan penilaian kredit yang kami jalankan terhadap pelanggan kami dan kadar kutipan kami.

(ii) Perbelanjaan buruh

Kami bergantung terutamanya pada pekerja kontrak dan kontraktor bebas untuk menjual produk dan perkhidmatan kami, dan untuk penyediaan perkhidmatan Kumpulan kami. Lihat Seksyen 7.5.5.1 Prospektus ini untuk butiran lanjut. Sehubungan itu, perbelanjaan berkaitan buruh mewakili sebahagian besar kos kami, dan apa-apa perubahan kepada perbelanjaan berkaitan buruh pada masa depan, seperti kenaikan gaji, kenaikan komisen, atau kenaikan upah minimum berkanun Malaysia, mungkin mempunyai kesan buruk terhadap keuntungan kami.

Jadual berikut menyatakan peratusan jumlah perbelanjaan buruh berbanding hasil Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan:

	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2023	FPE2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Upah, gaji dan faedah pekerja dan pekerja kontrak ⁽¹⁾	25,075	33,663	68,617	46,789	77,194
Komisen kontraktor bebas dan pekerja kontrak ⁽²⁾	328,537	318,686	333,210	245,658	243,442
Jumlah perbelanjaan buruh	353,612	352,349	401,827	292,447	320,636
Jumlah sebagai peratusan hasil ⁽³⁾	31.0%	33.7%	36.0%	35.5%	34.5%

Nota-nota:

- (1) Upah, gaji, faedah dan bayaran balik dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan pekerja tetap dan pekerja kontrak, serta faedah pekerja dan bayaran balik untuk perbelanjaan pengangkutan.
- (2) Komisen yang dibayar kepada kontraktor bebas dan pekerja kontrak dalam Pasukan Jualan CUCKOO, Pasukan Wonder Star dan Kumpulan Servis CUCKOO+.
- (3) Dikira berdasarkan jumlah perbelanjaan buruh dibahagi dengan hasil.

Semasa FYE2023, kami menukar strategi pengedaran kami daripada jualan langsung kepada strategi pengedaran saluran omni untuk memasarkan dan mengedarkan produk kami melalui pelbagai saluran luar talian dan dalam talian kami (lihat Seksyen 7.5.5 Prospektus ini untuk butiran lanjut tentang rangkaian pemasaran dan pengedaran saluran omni kami). Kami menjangkakan bahawa perubahan ini boleh mengurangkan intensiti buruh perniagaan kami pada masa depan.

12. MAKLUMAT KEWANGAN**(iii) Pelarasan atau peruntukan semula harga pindahan**

Pembelian produk kami daripada CKH dan CUCKOO Electronics dianggap sebagai urus niaga intra-kumpulan daripada perspektif harga pindahan Republik Korea dan Malaysia dan mungkin tertakluk pada penelitian oleh pihak berkuasa cukai di Republik Korea dan Malaysia sama ada urus niaga intra-kumpulan tersebut telah dijalankan pada asas selengan. Sehubungan itu: (i) CKH dan Syarikat kami; dan (ii) CUCKOO Electronics dan Syarikat kami, telah bersetuju untuk menerima pakai dasar penetapan harga pindahan berdasarkan kaedah margin bersih urus niaga yang margin keuntungan kendalian kami akan dilaraskan dengan merujuk kepada julat margin keuntungan kendalian bagi syarikat setanding yang terpilih di Malaysia untuk mematuhi prinsip selengan.

Berdasarkan dasar penentuan harga pindahan yang diterima pakai, analisis akan dijalankan untuk menentukan julat margin keuntungan kendalian yang dicapai oleh syarikat setanding yang terpilih di Malaysia, dan margin keuntungan kendalian kami kemudiannya akan ditanda aras berbanding julat margin keuntungan kendalian tersebut pada asas tahun ke tahun. Jika margin keuntungan kendalian kami berada di luar julat margin keuntungan kendalian tersebut, maka keuntungan kendalian kami akan dilaraskan untuk berada dalam julat margin keuntungan kendalian syarikat setanding yang terpilih di Malaysia, dan begitu juga sebaliknya. Bagi FYE2021 dan FYE2022, kami menanggung RM74.3 juta dan RM9.2 juta dalam pelarasan harga pindahan, manakala tiada pelarasan harga pindahan dilakukan bagi FYE2023, FPE2023 dan FPE2024.

(iv) Turun naik pertukaran mata wang asing

Keadaan kewangan dan keputusan operasi kami terdedah kepada risiko turun naik pertukaran mata wang asing antara RM dan USD. Bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan, 98.9%, 98.7%, 98.6%, 98.6% dan 98.9% hasil kami masing-masing diurus niaga dalam RM, dan 91.0%, 77.7%, 73.8%, 76.1% dan 68.4% jumlah pembelian kami masing-masing diurus niaga dalam USD. Harga pembelian produk di bawah segmen Jenama CUCKOO adalah terutamanya didenominasikan dalam USD. Apa-apa perubahan yang tidak menguntungkan dalam kadar pertukaran antara RM dan USD mungkin mempunyai kesan negatif terhadap prestasi kewangan kami.

Walaupun kami mungkin mengambil kira penampakan untuk turun naik pertukaran asing semasa menentukan harga untuk produk dan pelan sewaan kami, kami mungkin tidak dapat memindahkan kenaikan kos pembelian yang timbul daripada apa-apa kesan negatif pergerakan kadar pertukaran asing kepada pelanggan kami jika kesan negatif tersebut melebihi penampakan kami, kerana pelan sewaan kami adalah kontrak jangka panjang dengan jumlah pembayaran balik bulanan yang telah ditetapkan dan harga bagi kontrak sewaan kami terikat sepanjang tempoh kontrak.

Di samping itu, pendedahan kami dalam mata wang asing pada akhir setiap Tahun Kewangan dalam Semakan dan FPE2024 adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

	31 Dis 2021	31 Dis 2022	31 Dis 2023	30 Sep 2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Perdagangan belum terima dan belum terima lain	2,914	2,874	3,535	1,333
Pinjaman bank	(161,772)	(112,188)	-	-
Perdagangan belum bayar dan belum bayar lain	(190,609)	(219,398)	(187,423)	(47,205)
Jumlah	(349,467)	(328,712)	(183,888)	(45,872)

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Bagi FYE2021, FYE2022, FYE2023 dan FPE2024 kami mengiktiraf sebanyak kira-kira RM16.2 juta, RM21.7 juta, RM14.6 juta, RM17.6 juta masing-masing, dalam kerugian pertukaran asing atas amaun agregat terhutang kepada Kumpulan CUCKOO Holdings dan bank yang timbul daripada kenaikan nilai USD berbanding RM. Bagi FPE2024, kami mengiktiraf laba tukaran asing bersih sebanyak RM8.9 juta disebabkan oleh penyusutan nilai USD berbanding RM. Urus niaga dengan CUCKOO Brunei dan CUCKOO Singapore adalah dalam USD. Di samping itu, penyata kewangan CUCKOO Singapore disediakan dalam SGD, mata wang fungsinya. Pada LPD, kami tidak mengamalkan lindung nilai mata wang asing.

Kadar pertukaran mata wang asing yang digunakan dalam penyata kewangan disatukan kami bagi penukaran nilai yang didenominasikan dalam mata wang asing kepada RM diringkaskan dalam jadual berikut:

	Purata kadar pertukaran RM berbanding mata wang asing berikut					% perubahan dalam nilai RM berbanding mata wang asing berkenaan ⁽¹⁾		
						FYE2021-2022	FYE2022-2023	FPE2023-2024
	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2023	FPE2024			
SGD1.00	3.08	3.19	3.40	3.37	3.46	3.6	6.6	2.8
USD1.00	4.15	4.40	4.57	4.52	4.63	6.0	3.9	2.5

Nota:

- (1) Perubahan dalam nilai yang positif menunjukkan bahawa nilai RM menyusut nilai berbanding dengan mata wang asing yang berkenaan, manakala perubahan dalam nilai yang negatif menunjukkan bahawa nilai RM meningkat berbanding mata wang asing yang berkenaan.

(v) Keadaan ekonomi am dan perbelanjaan pengguna di Malaysia

Sebahagian besar perniagaan kami diperoleh daripada operasi kami di Malaysia, yang menyumbang sebanyak 98.9%, 98.7%, 98.6% dan 98.9% daripada hasil kami masing-masing pada FYE2021, FYE2022, FYE2023 dan FPE2024. Akibatnya, perniagaan kami bergantung pada, dan akan terus bergantung pada, perbelanjaan pengguna Malaysia dan keadaan ekonomi am Malaysia. Permintaan untuk, dan harga lazim, bagi produk kami berkait secara langsung dengan kekuatan ekonomi Malaysia, termasuk tahap pertumbuhan ekonomi keseluruhan. Memandangkan pinjaman kami adalah obligasi berfaedah, apa-apa kenaikan kadar faedah akan turut menjejaskan prestasi kewangan kami.

KDNK Malaysia telah berkembang pada CAGR sebanyak 3.0% antara 2019 dan 2024, dan dijangka berkembang pada CAGR sebanyak 4.1% dari 2024 hingga 2029. Secara amnya, keadaan positif dalam ekonomi Malaysia yang lebih luas menggalakkan perbelanjaan pelanggan pada produk dan perkhidmatan kami, manakala kelemahan ekonomi, yang secara amnya mengakibatkan pengurangan perbelanjaan pelanggan, mungkin mempunyai kesan yang berbeza atau lebih teruk terhadap perbelanjaan pada produk dan perkhidmatan kami. Lebih khusus lagi, kami juga bergantung pada keadaan industri peralatan rumah dan barangan isi rumah Malaysia. Lihat Seksyen 8 Prospektus untuk Laporan Penyelidikan Pasaran Bebas oleh Frost & Sullivan untuk butiran lanjut mengenai prospek industri penyewaan peralatan rumah dan barangan isi rumah di Malaysia.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Menurut sejarah, terdapat perubahan dalam peraturan cukai Malaysia dan perubahan ini menjejaskan kos, perbelanjaan dan margin kami, seperti cukai makmur, yang digubal oleh Akta Kewangan 2021, yang dibawahnya syarikat yang mempunyai pendapatan kena cukai sehingga RM100.0 juta dikenakan cukai pada kadar 24%, dan syarikat yang mempunyai pendapatan kena cukai melebihi RM100.0 juta dikenakan cukai pada kadar sekali sahaja sebanyak 33% untuk amaun yang melebihi RM100 juta. Cukai makmur berjumlah RM11.5 juta dikenakan kepada Syarikat kami pada FYE2022.

(vi) Kesan inflasi

Prestasi kewangan kami bagi Tahun Kewangan dalam Semakan tidak terjejas secara material oleh kesan inflasi. Namun begitu, tiada jaminan bahawa inflasi tidak akan menjejaskan keputusan operasi dan prestasi kewangan kami pada masa depan.

(vii) Dasar kerajaan, ekonomi, fiskal dan monetari

Perniagaan kami tertakluk pada risiko yang berkaitan dengan dasar kerajaan, ekonomi, fiskal atau monetari di Malaysia dan di negara yang kami beroperasi dan/atau mengurus niaga. Apa-apa perubahan yang tidak menguntungkan dalam dasar kerajaan, ekonomi, fiskal atau monetari sedemikian boleh menjejaskan operasi kami secara material.

12.2.3 Keputusan operasi

Bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan, hasil daripada segmen Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created kami secara bersama menyumbang sebanyak 98.7%, 98.8%, 99.2%, 99.2% dan 99.6% daripada jumlah hasil kami, dan 98.9%, 99.3%, 99.5%, 99.2% dan 100.0% daripada jumlah GP kami. Hasil dan sumbangan GP daripada segmen WonderLab dan WonderDewi, serta WonderKlean kami adalah tidak material bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan. Oleh itu, perbincangan dan analisis keputusan operasi kami tertumpu terutamanya pada segmen Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created kami.

Keputusan operasi Kumpulan kami adalah seperti berikut:

(i) Hasil

Hasil kami diperoleh terutamanya daripada penyewaan produk Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created kami, yang di bawahnya:

- (a) melalui kontrak sewa kami yang pemilikan produk kami dipindahkan kepada pelanggan kami setelah selesai pembayaran menurut syarat kontrak, kami mengiktiraf:
 - (1) jualan pajakan kewangan semasa penghantaran dan pemasangan (jika berkenaan) produk kami; dan
 - (2) pendapatan faedah pajakan kewangan sepanjang tempoh kontrak tersebut, mencerminkan kadar pulangan yang tetap; dan
- (b) melalui kontrak sewa kami yang pemilikan produk kami tidak dipindahkan kepada pelanggan kami setelah selesai pembayaran ansuran sewa bulanan di bawah syarat kontrak ("**Kontrak Pajakan Kendalian**"), kami mengiktiraf pendapatan sewa pada asas garis lurus sepanjang tempoh kontrak. Kami berhenti menawarkan Kontrak Pajakan Kendalian sejak Oktober 2020.

Hasil daripada jualan terus adalah daripada jualan produk yang pelanggan membuat pembayaran penuh harga belian produk tersebut terlebih dahulu. Hasil sedemikian diiktiraf ketika barang dihantar kepada pelanggan dan dipasang (jika berkenaan).

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Hasil daripada perkhidmatan penyelenggaraan adalah daripada penyediaan perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan kami termasuk jualan alat ganti, yang biasanya ditawarkan dengan produk Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created kami kepada pelanggan kami sepanjang tempoh kontrak sewa atau untuk satu tempoh yang terhad bagi jualan terus. Perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan kami juga tersedia sebagai pakej yang mungkin dijual secara berasingan daripada produk kami. Hasil sedemikian diiktiraf secara berkala sepanjang tempoh kontrak sewa, atau untuk satu tempoh yang terhad bagi pembelian secara terus.

12. MAKLUMAT KEWANGAN**Hasil mengikut segmen dan aktiviti perniagaan**

	Teraudit						Tidak teraudit		Teraudit	
	FYE2021		FYE2022		FYE2023		FPE2023		FPE2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Jenama CUCKOO	1,091,190	95.8	938,980	89.7	954,068	85.4	710,739	86.4	734,700	79.0
Penyewaan produk	650,236	57.1	465,949	44.5	501,645	44.9	371,691	45.2	412,751	44.4
-Jualan pajakan kewangan	318,584	28.0	217,073	20.7	293,918	26.3	213,564	26.0	301,061	32.4
-Pendapatan faedah pajakan kewangan	70,703	6.2	37,144	3.5	40,289	3.6	26,633	3.2	32,388	3.5
-Pendapatan sewa	260,949	22.9	211,732	20.2	167,438	15.0	131,494	16.0	79,302	8.5
Jualan terus	55,055	4.8	66,776	6.4	48,378	4.3	35,995	4.4	32,908	3.5
Perkhidmatan penyelenggaraan	385,899	33.9	406,255	38.8	404,045	36.2	303,053	36.8	289,041	31.1
CUCKOO Co-Created	32,928	2.9	95,353	9.1	153,859	13.8	105,528	12.8	191,721	20.6
Penyewaan produk	25,677	2.2	79,920	7.6	128,481	11.5	88,389	10.7	164,874	17.7
-Jualan pajakan kewangan	24,274	2.1	75,313	7.2	119,643	10.7	83,236	10.1	154,882	16.6
-Pendapatan faedah pajakan kewangan	1,403	0.1	4,607	0.4	8,838	0.8	5,153	0.6	9,992	1.1
Jualan terus	5,694	0.5	6,965	0.7	7,199	0.6	4,838	0.6	2,723	0.3
Perkhidmatan penyelenggaraan	1,557	0.1	8,468	0.8	18,179	1.6	12,301	1.5	24,124	2.6
Lain-lain ⁽¹⁾	14,958	1.3	12,113	1.2	8,722	0.8	6,736	0.8	3,944	0.4
Jumlah	1,139,076	100.0	1,046,446	100.0	1,116,649	100.0	823,003	100.0	930,365	100.0

Nota:

- (1) Lain-lain merangkumi hasil daripada segmen WonderLab dan WonderDewi dan segmen WonderKlean kami, serta hasil daripada perkhidmatan sokongan dan penyelenggaraan IT.

12. MAKLUMAT KEWANGAN**Hasil mengikut segmen perniagaan dan produk serta perkhidmatan**

	Teraudit						Tidak teraudit		Teraudit	
	FYE2021		FYE2022		FYE2023		FPE2023		FPE2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Jenama CUCKOO	1,091,190	95.8	938,980	89.7	954,068	85.4	710,739	86.4	734,700	79.0
<u>Produk</u>										
Penapis air	616,665	54.1	486,941	46.5	504,405	45.2	372,223	45.2	407,728	43.8
Penapis udara	79,846	7.0	40,887	3.9	42,915	3.8	33,094	4.0	27,955	3.0
Lain-lain ⁽¹⁾	8,780	0.8	4,897	0.5	2,703	0.3	2,369	0.3	9,976	1.1
<u>Perkhidmatan</u>										
Perkhidmatan penyelenggaraan	385,899	33.9	406,255	38.8	404,045	36.2	303,053	36.8	289,041	31.1
CUCKOO Co-Created	32,928	2.9	95,353	9.1	153,859	13.8	105,528	12.8	191,721	20.6
<u>Produk</u>										
Tilam	31,371	2.8	54,125	5.2	46,705	4.2	37,209	4.5	42,397	4.6
Penyaman udara	-	-	32,760	3.1	51,820	4.6	37,536	4.6	67,635	7.3
Kerusi urut	-	-	-	-	37,155	3.3	18,482	2.2	57,565	6.2
	1,557	0.1	8,468	0.8	18,179	1.6	12,301	1.5	24,124	2.6
<u>Perkhidmatan</u>										
Perkhidmatan penyelenggaraan	14,958	1.3	12,113	1.2	8,722	0.8	6,736	0.8	3,944	0.4
Lain-lain ⁽²⁾	1,139,076	100.0	1,046,446	100.0	1,116,649	100.0	823,003	100.0	930,365	100.0

Nota-nota:

- (1) Termasuk periuk serbaguna, peralatan dapur dan produk lain.
- (2) Lain-lain merangkumi hasil daripada segmen WonderLab dan WonderDewi dan segmen WonderKlean kami, serta hasil daripada perkhidmatan sokongan dan penyelenggaraan IT.

12. MAKLUMAT KEWANGAN**Hasil mengikut negara operasi**

	Teraudit				Tidak teraudit				Teraudit	
	FYE2021		FYE2022		FYE2023		FPE2023		FPE2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Malaysia	1,126,851	98.9	1,032,779	98.7	1,101,088	98.6	811,384	98.6	920,485	98.9
Singapura	5,945	0.5	7,175	0.7	7,291	0.7	5,509	0.7	5,282	0.6
Brunei	6,057	0.5	6,490	0.6	8,270	0.7	6,110	0.7	4,598	0.5
Lain-lain ⁽¹⁾	223	*	2	*	-	-	-	-	-	-
Jumlah	1,139,076	100.0	1,046,446	100.0	1,116,649	100.0	823,003	100.0	930,365	100.0

* Melambangkan kurang daripada 0.1%.

Nota:

- (1) Lain-lain termasuk hasil daripada Republik Korea dan Indonesia untuk penjualan produk terpakai kami yang disediakan oleh CKH dan dipulihkan oleh kami (secara ad-hoc).

Ulasan mengenai hasil**FPE2024 berbanding dengan FPE2023**

Hasil kami meningkat sebanyak RM107.4 juta atau 13.0% daripada RM823.0 juta bagi FPE2023 kepada RM930.4 juta bagi FPE2024 disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam hasil daripada segmen Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created.

Segmen Jenama CUCKOO

Hasil kami daripada segmen Jenama CUCKOO meningkat sebanyak RM24.0 juta atau 3.4% daripada RM710.7 juta bagi FPE2023 kepada RM734.7 juta bagi FPE2024 disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam hasil daripada jualan pajakan kewangan, yang diimbangi sebahagiannya oleh penurunan dalam hasil daripada pendapatan sewa dan perkhidmatan penyelenggaraan.

- (a) Hasil kami daripada jualan pajakan kewangan meningkat sebanyak RM87.5 juta atau 41.0% daripada RM213.6 juta bagi FPE2023 kepada RM301.1 juta bagi FPE2024 disebabkan oleh peningkatan sebanyak 40,276 unit yang terjual melalui pelan sewaan, merangkumi terutamanya penapis air Jenama CUCKOO. Ini didorong oleh bilangan kontrak sewa baharu yang lebih tinggi yang dimeterai oleh pelanggan sedia ada bagi FPE2024 disebabkan oleh diskaun promosi yang kami tawarkan kepada pelanggan sedia ada untuk memeterai kontrak sewa baharu.
- (b) Hasil kami daripada pendapatan sewa menurun sebanyak RM52.2 juta atau 39.7% daripada RM131.5 juta bagi FPE2023 kepada RM79.3 juta bagi FPE2024 disebabkan terutamanya oleh tamatnya tempoh atau penamatan Kontrak Pajakan Kendalian, yang kami menghentikan tawaran sejak Oktober 2020. Pada 30 September 2024, terdapat sebanyak 187,600 Kontrak Pajakan Kendalian yang aktif berbanding sebanyak 314,609 pada 30 September 2023.
- (c) Hasil kami daripada perkhidmatan penyelenggaraan menurun sebanyak RM14.0 juta atau 4.6% daripada RM303.0 juta bagi FPE2023 kepada RM289.0 juta bagi FPE2024 disebabkan terutamanya oleh penurunan sebanyak 13,819 dalam bilangan pesanan aktif.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Segmen CUCKOO Co-Created

Hasil kami daripada segmen CUCKOO Co-Created meningkat sebanyak RM86.2 juta atau 81.7% daripada RM105.5 juta bagi FPE2023 kepada RM191.7 juta bagi FPE2024 disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam hasil daripada jualan pajakan kewangan dan perkhidmatan penyelenggaraan.

- (a) Hasil kami daripada jualan pajakan kewangan meningkat sebanyak RM71.6 juta atau 86.1% daripada RM83.2 juta bagi FPE2023 kepada RM154.8 juta bagi FPE2024. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan sebanyak 19,542 unit yang terjual melalui pelan sewaan yang disumbangkan oleh semua produk CUCKOO Co-Created. Ini disebabkan terutamanya oleh aktiviti promosi yang kami mulakan pada Januari 2024 untuk penyaman udara dan pelancaran kerusiurut CUCKOO Co-Created kami dengan kerjasama OGAWA Malaysia pada Jun 2023.
- (b) Hasil kami daripada perkhidmatan penyelenggaraan meningkat sebanyak RM11.8 juta atau 96.1% daripada RM12.3 juta bagi FPE2023 kepada RM24.1 juta bagi FPE2024. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan sebanyak 42,380 dalam bilangan pesanan aktif.

FYE2023 berbanding dengan FYE2022

Hasil kami meningkat sebanyak RM70.2 juta atau 6.7% daripada RM1,046.4 juta bagi FYE2022 kepada RM1,116.6 juta bagi FYE2023 disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam hasil daripada segmen Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created kami

Segmen Jenama CUCKOO

Hasil kami daripada segmen Jenama CUCKOO kami meningkat sebanyak RM15.1 juta atau 1.6% daripada RM939.0 juta bagi FYE2022 kepada RM954.1 juta bagi FYE2023 disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam hasil daripada jualan pajakan kewangan, yang diimbangi sebahagiannya oleh penurunan dalam hasil daripada pendapatan sewa dan jualan terus.

- (a) Hasil kami daripada jualan pajakan kewangan meningkat sebanyak RM76.8 juta atau 35.4% daripada RM217.1 juta bagi FYE2022 kepada RM293.9 juta bagi FYE2023, disebabkan oleh peningkatan sebanyak 37,985 unit yang terjual melalui pelan sewaan, merangkumi terutamanya penapis air Jenama CUCKOO. Ini didorong oleh peningkatan dalam jualan disebabkan oleh lebih banyak aktiviti pemasaran dan promosi umum oleh Kumpulan kami (termasuk diskaun promosi yang kami tawarkan kepada pelanggan sedia ada untuk memeterai kontrak sewa baharu)
- (b) Hasil kami daripada pendapatan sewa menurun sebanyak RM44.3 juta atau 20.9% daripada RM211.7 juta pada FYE2022 kepada RM167.4 juta bagi FYE2023. Ini disebabkan oleh tamatnya tempoh atau penamatan Kontrak Pajakan Kendalian kami, yang kami menghentikan tawaran sejak Oktober 2020. Pada 31 Disember 2023, terdapat sebanyak 275,435 Kontrak Pajakan Kendalian yang aktif berbanding sebanyak 381,793 Kontrak Pajakan Kendalian yang aktif pada 31 Disember 2022.
- (c) Hasil kami daripada hasil daripada jualan terus produk menurun sebanyak RM18.4 juta atau 27.5% daripada RM66.8 juta bagi FYE2022 kepada RM48.4 juta bagi FYE2023 disebabkan oleh penurunan sebanyak 5,681 unit yang terjual, merangkumi terutamanya penapis air Jenama CUCKOO, disebabkan oleh penghentian komisen jualan tambahan yang ditawarkan oleh syarikat kami kepada kontraktor bebas untuk mempromosi jualan terus pada FYE2022.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Segmen CUCKOO Co-Created

Hasil kami daripada segmen CUCKOO Co-Created kami meningkat sebanyak RM58.5 juta atau 61.4% daripada RM95.4 juta bagi FYE2022 kepada RM153.9 juta bagi FYE2023 disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam hasil daripada jualan pajakan kewangan dan perkhidmatan penyelenggaraan.

- (a) Hasil kami daripada jualan pajakan kewangan meningkat sebanyak RM44.3 juta atau 58.9% daripada RM75.3 juta bagi FYE2022 kepada RM119.6 juta bagi FYE2023, disebabkan oleh peningkatan sebanyak 9,302 unit yang terjual melalui pelan sewaan, merangkumi terutamanya penyaman udara dan kerusiurut CUCKOO Co-Created. Ini berikutan pelancaran kerusiurut CUCKOO Co-Created kami dengan kerjasama OGAWA Malaysia pada Jun 2023.
- (b) Hasil kami daripada perkhidmatan penyelenggaraan meningkat sebanyak RM9.7 juta atau 114.7% daripada RM8.5 juta bagi FYE2022 kepada RM18.2 juta bagi FYE2023. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan sebanyak 25,606 dalam bilangan pesanan aktif.

FYE2022 berbanding dengan FYE2021

Hasil kami menurun sebanyak RM92.6 juta atau 8.1% daripada RM1,139.1 juta bagi FYE2021 kepada RM1,046.4 juta bagi FYE2022 disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam hasil daripada segmen Jenama CUCKOO kami, yang diimbangi sebahagiannya oleh hasil daripada segmen CUCKOO Co-Created.

Segmen Jenama CUCKOO

Hasil kami daripada produk Jenama CUCKOO menurun sebanyak RM152.2 juta atau 13.9% daripada RM1,091.2 juta bagi FYE2021 kepada RM939.0 juta bagi FYE2022 disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam hasil daripada jualan pajakan kewangan dan pendapatan sewa, yang diimbangi sebahagiannya oleh hasil daripada jualan terus dan perkhidmatan penyelenggaraan.

- (a) Hasil kami daripada jualan pajakan kewangan menurun sebanyak RM101.5 juta atau 31.9% daripada RM318.6 juta bagi FYE2021 kepada RM217.1 juta bagi FYE2022 disebabkan oleh penurunan sebanyak 43,792 unit yang terjual melalui pelan sewaan, merangkumi terutamanya penapis air Jenama CUCKOO, hasil daripada aktiviti pemasaran dan promosi kami serta komisen jualan tambahan yang diperkenalkan oleh Kumpulan kami untuk mempromosikan jualan terus.
- (b) Hasil kami daripada pendapatan sewa menurun sebanyak RM49.2 juta atau 18.9% daripada RM260.9 juta pada FYE2021 kepada RM211.7 juta bagi FYE2022 disebabkan terutamanya oleh tamatnya tempoh atau penamatan Kontrak Pajakan Kendalian kami, yang kami menghentikan tawaran sejak Oktober 2020. Pada 31 Disember 2022, terdapat sebanyak 381,793 Kontrak Pajakan Kendalian yang aktif berbanding dengan 440,996 Kontrak Pajakan Kendalian yang aktif pada 31 Disember 2021.
- (c) Hasil kami daripada perkhidmatan penyelenggaraan meningkat sebanyak RM20.4 juta atau 5.3% daripada RM385.9 juta bagi FYE2021 kepada RM406.3 juta bagi FYE2022 disebabkan terutamanya oleh kami memeterai kontrak baharu dengan nilai kontrak yang lebih tinggi walaupun mencatatkan pengurangan sebanyak 13,602 pesanan aktif bagi FYE2022.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

- (d) Hasil kami daripada jualan terus meningkat sebanyak RM11.7 juta atau 21.3% daripada RM55.1 juta bagi FYE2021 kepada RM66.8 juta bagi FYE2022 disebabkan oleh peningkatan sebanyak 2,170 unit yang terjual, yang merangkumi terutamanya penapis air Jenama CUCKOO. Ini adalah sejajar dengan aktiviti pemasaran dan promosi untuk mempromosikan jualan terus dan komisen jualan tambahan yang diperkenalkan oleh Kumpulan kami untuk menggalakkan jualan terus oleh kontraktor bebas kami.

Segmen CUCKOO Co-Created

Hasil kami daripada segmen CUCKOO Co-Created meningkat sebanyak RM62.4 juta atau 189.6% daripada RM32.9 juta bagi FYE2021 kepada RM95.4 juta bagi FYE2022 disebabkan oleh peningkatan dalam hasil daripada jualan pajakan kewangan, jualan terus dan perkhidmatan penyelenggaraan.

- (a) Hasil kami daripada jualan pajakan kewangan meningkat sebanyak RM51.0 juta atau 210.3% daripada RM24.2 juta bagi FYE2021 kepada RM75.3 juta bagi FYE2022, disebabkan oleh peningkatan sebanyak 14,664 unit yang terjual melalui pelan sewaan, yang merangkumi terutamanya tilam dan penyaman udara CUCKOO Co-Created. Ini berikutan pelancaran penyaman udara CUCKOO Co-Created kami dengan kerjasama Fujiire pada Januari 2022.
- (b) Hasil kami daripada hasil daripada jualan terus meningkat sebanyak RM1.3 juta atau 22.3% daripada RM5.7 juta bagi FYE2021 kepada RM7.0 juta bagi FYE2022. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan sebanyak 212 unit yang terjual, yang merangkumi terutamanya penyaman udara CUCKOO Co-Created, berikutan pelancaran penyaman udara CUCKOO Co-Created kami dengan kerjasama Fujiire pada Januari 2022.
- (c) Hasil kami daripada perkhidmatan penyelenggaraan meningkat sebanyak RM6.9 juta atau 443.9% daripada RM1.6 juta pada FYE2021 kepada RM8.5 juta pada FYE2022. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan sebanyak 21,136 dalam bilangan pesanan aktif.

12. MAKLUMAT KEWANGAN**(ii) Kos Jualan****Kos jualan mengikut komponen kos**

Kos jualan kami mengikut komponen kos bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

	Teraudit						Tidak teraudit		Teraudit	
	FYE2021		FYE2022		FYE2023		FPE2023		FPE2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Gaji, komisen dan perbelanjaan berkaitan	312,815	42.4	301,451	45.6	347,448	46.5	251,851	46.2	274,310	42.8
Kos produk dan alat ganti	282,881	38.3	230,909	34.9	265,527	35.6	194,540	35.7	249,990	39.1
Perkongsian hasil	14,338	1.9	26,512	4.0	51,043	6.8	33,351	6.1	61,610	9.6
Kos yang berkaitan dengan aset pajakan kendalian	84,130	11.4	54,820	8.3	41,213	5.5	33,265	6.0	17,831	2.8
Royalti jenama	28,048	3.8	31,330	4.7	30,785	4.1	22,713	4.2	24,956	3.9
Lain-lain ⁽¹⁾	16,524	2.3	16,417	2.5	10,518	1.4	9,813	1.8	11,731	1.8
Jumlah kos jualan	738,736	100.0	661,439	100.0	746,534	100.0	545,533	100.0	640,428	100.0

Nota:

(1) Termasuk perbelanjaan pengangkutan, simpanan gudang dan logistik, cukai jualan import dan duti kastam.

Kos jualan mengikut segmen perniagaan

Kos jualan kami mengikut aktiviti perniagaan dan produk bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

	Teraudit						Tidak teraudit		Teraudit	
	FYE2021		FYE2022		FYE2023		FPE2023		FPE2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Jenama CUCKOO	707,374	95.8	591,490	89.4	631,264	84.6	467,515	85.7	504,207	78.8
CUCKOO Co-Created	20,812	2.8	60,684	9.2	108,265	14.5	73,590	13.5	132,234	20.6
Lain-lain ⁽¹⁾	10,550	1.4	9,265	1.4	7,005	0.9	4,428	0.8	3,987	0.6
Jumlah kos jualan	738,736	100.0	661,439	100.0	746,534	100.0	545,533	100.0	640,428	100.0

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Nota:

- (1) Lain-lain merangkumi kos yang ditanggung di bawah segmen WonderLab dan WonderDewi, segmen WonderKlean dan kos kakitangan IT dan sewa pelayan.

Ulasan mengenai kos jualan

(a) Gaji, komisen dan perbelanjaan yang berkaitan

Gaji, komisen dan perbelanjaan yang berkaitan menyumbang sebanyak 42.4%, 45.6%, 46.2%, 46.5% dan 42.8% daripada jumlah kos jualan masing-masing bagi FYE2021, FYE2022, FYE2023, FPE2023 dan FPE2024. Gaji, komisen dan perbelanjaan berkaitan kami merangkumi gaji, komisen, upah, elaun, caruman berkanun dan perbelanjaan berkaitan yang dibayar kepada pekerja kontrak dan kontraktor bebas kami, mengikut mana yang berkenaan.

FPE2024 berbanding dengan FPE2023

Gaji, komisen dan perbelanjaan berkaitan kami meningkat sebanyak RM22.5 juta atau 8.9% daripada RM251.8 juta bagi FPE2023 kepada RM274.3 juta bagi FPE2024 disebabkan terutamanya oleh jumlah komisen yang dibayar kepada pekerja kontrak dan kontraktor bebas yang lebih tinggi kami hasil daripada jumlah jualan yang lebih tinggi daripada produk Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created.

FYE2023 berbanding dengan FYE2022

Gaji, komisen dan perbelanjaan berkaitan kami meningkat sebanyak RM45.9 juta atau 15.3% daripada RM301.5 juta bagi FYE2022 kepada RM347.4 juta bagi FYE2023 disebabkan terutamanya oleh (i) perubahan dalam struktur pampasan kami selepas kami mengguna pakai strategi rangkaian saluran omni yang menyebabkan jumlah komisen yang dibayar terlebih dahulu kepada pekerja kontrak kami yang lebih tinggi (ii) lebih banyak bilangan produk Jenama CUCKOO dan CUCKOO Co-Created terjual yang menyebabkan jumlah komisen dibayar kepada pekerja kontrak dan kontraktor bebas kami yang lebih tinggi.

FYE2022 berbanding dengan FYE2021

Gaji, komisen dan perbelanjaan berkaitan kami menurun sebanyak RM11.4 juta atau 3.6% daripada RM312.8 juta bagi FYE2021 kepada RM301.5 juta bagi FYE2022 disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam komisen yang dibayar kepada kontraktor bebas kami. Ini disebabkan terutamanya oleh bilangan produk yang terjual yang lebih rendah.

(b) Kos produk dan alat ganti

Kos produk dan alat ganti kami merangkumi kos pembelian produk, penapis, alat ganti dan barang pengganti, larutan pencuci dan penggilap daripada pembekal kami, dan pelarasan harga pindahan untuk produk yang dibeli daripada Kumpulan CUCKOO Holdings.

FPE2024 berbanding dengan FPE2023

Kos produk dan alat ganti kami meningkat sebanyak RM55.5 juta atau 28.5% daripada RM194.5 juta bagi FPE2023 kepada RM250.0 juta bagi FPE2024, yang timbul terutamanya daripada peningkatan sebanyak RM56.4 juta dalam kos produk disebabkan oleh bilangan produk terjual yang lebih tinggi, dan peningkatan dalam kos seunit bagi produk Jenama CUCKOO ditambah dengan peningkatan USD berbanding RM bagi FPE2024.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

FYE2023 berbanding dengan FYE2022

Kos produk dan alat ganti kami meningkat sebanyak RM34.6 juta atau 15.0% daripada RM230.9 juta bagi FYE2022 kepada RM265.5 juta bagi FYE2023 yang timbul terutamanya daripada (i) peningkatan sebanyak RM38.7 juta dalam kos produk disebabkan oleh bilangan produk terjual yang lebih tinggi dan peningkatan USD berbanding RM bagi FYE2023 (ii) tiada pelarasan harga pindahan bagi FYE 2023 (berbanding dengan pelarasan harga pindahan sebanyak RM9.2 juta bagi FYE2022) memandangkan margin keuntungan kendalian kami berada dalam julat syarikat setanding yang terpilih di Malaysia bagi FYE2023.

FYE2022 berbanding dengan FYE2021

Kos produk dan alat ganti kami menurun sebanyak RM52.0 juta atau 18.4% daripada RM282.9 juta bagi FYE2021 kepada RM230.9 juta bagi FYE2022 disebabkan terutamanya oleh penurunan sebanyak RM65.0 juta dalam pelarasan harga pindahan yang dibuat bagi FYE2022 memandangkan margin keuntungan kendalian kami lebih tinggi bagi FYE2021, sejajar dengan hasil daripada segmen Jenama CUCKOO kami yang lebih tinggi. Ini diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan kos sebanyak RM16.4 juta yang timbul daripada kos penapis dan alat ganti kerana kami menjalankan bilangan perkhidmatan penyelenggaraan selepas jualan yang lebih tinggi pada FYE2021, menyebabkan lebih banyak bilangan penapis dan alat ganti digunakan.

(c) Perkongsian hasil

Perkongsian hasil kami mewakili kos yang dibayar kepada rakan kongsi perniagaan kami iaitu, LSK dan OGAWA Malaysia, untuk tilam dan kerusi urut kami yang dijual di bawah segmen CUCKOO Co-Created kami, yang perlu dibayar apabila berjaya melakukan kutipan bulanan kami daripada pelanggan mengikut perjanjian pengedaran kami dengan rakan kongsi perniagaan kami. Ini mengurangkan keperluan kami untuk mempunyai perbelanjaan modal pendahuluan yang besar untuk membiayai pembelian produk kami daripada pembekal kami dan membayar komisen jualan memandangkan rakan kongsi perniagaan kami dibayar sebagaimana dan apabila kami menerima bayaran sewa daripada pelanggan kami (berdasarkan nisbah yang dipersetujui dengan setiap rakan kongsi perniagaan) sepanjang tempoh kontrak sewa. Lihat Seksyen 7.3.7 Prospektus ini untuk maklumat lanjut.

FPE2024 berbanding dengan FPE2023

Perkongsian hasil kami meningkat sebanyak RM28.3 juta atau 84.7% daripada RM33.3 juta bagi FPE2023 kepada RM61.6 juta bagi FPE2024 disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam amaun perkongsian hasil yang dibayar kepada LSK dan Ogawa Malaysia memandangkan bilangan tilam dan kerusi urut CUCKOO Co-Created yang kami jual melalui pelan sewaan yang lebih tinggi pada FPE2024.

FYE2023 berbanding dengan FYE2022

Perkongsian hasil kami meningkat sebanyak RM24.5 juta atau 92.5% daripada RM26.5 juta bagi FYE2022 kepada RM51.0 juta bagi FYE2023 yang timbul terutamanya daripada peningkatan dalam amaun perkongsian hasil kami yang dibayar kepada OGAWA Malaysia, memandangkan bilangan kerusi urut yang kami jual yang lebih tinggi berikutan pelancaran kerusi urut CUCKOO Co-Created dengan kerjasama OGAWA di Malaysia pada bulan Jun 2023.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

FYE2022 berbanding dengan FYE2021

Perkongsian hasil kami meningkat sebanyak RM12.2 juta atau 84.9% daripada RM14.3 juta bagi FYE2021 kepada RM26.5 juta bagi FYE2022 disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam amaun perkongsian hasil yang dibayar kepada LSK memandangkan bilangan tilam yang kami jual melalui pelan sewaan yang lebih tinggi.

(d) Kos yang berkaitan dengan aset pajakan kendalian

Kos kami yang berkaitan dengan aset pajakan kendalian merangkumi kos susut nilai, rosot nilai dan hapus kira untuk Kontrak Pajakan Kendalian kami. Kami telah berhenti menawarkan Kontrak Pajakan Kendalian sejak Oktober 2020, dan oleh itu, kos kami yang berkaitan dengan aset pajakan kendalian akan terus berkurangan sehingga semua Kontrak Pajakan Kendalian yang masih ada dengan pelanggan kami ditamatkan atau tamat tempoh. Bagi FYE2021, FYE2022, FYE2023, FPE2023 dan FPE2024 kos kami yang berkaitan dengan aset pajakan kendalian menyumbang sebanyak 11.4%, 8.3%, 5.5%, 6.0% dan 2.8% masing-masing daripada jumlah kos jualan kami.

12. MAKLUMAT KEWANGAN**(iii) GP dan margin GP**

GP dan margin GP kami mengikut segmen perniagaan bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

	FYE2021			FYE2022			FYE2023			FPE2023			FPE2024		
	GP		Margin GP ⁽²⁾	GP		Margin GP ⁽²⁾	GP		Margin GP ⁽²⁾	GP		Margin GP ⁽²⁾	GP		Margin GP ⁽²⁾
	RM'000	%	%	RM'000	%	%	RM'000	%	%	RM'000	%	%	RM'000	%	%
Jenama CUCKOO	383,816	95.9	35.2	347,490	90.3	37.0	322,804	87.2	33.8	243,224	87.7	34.2	230,493	79.5	31.4
CUCKOO Co-Created	12,116	3.0	36.8	34,669	9.0	36.4	45,594	12.3	29.6	31,938	11.5	30.3	59,487	20.5	31.0
Lain-lain ⁽¹⁾	4,408	1.1	29.5	2,848	0.7	23.5	1,717	0.5	19.7	2,308	0.8	34.3	(43)	*	(1.1)
Jumlah	400,340	100.0	35.1	385,007	100.0	36.8	370,115	100.0	33.1	277,470	100.0	33.7	289,937	100.0	31.2

Nota-nota:

- (1) Lain-lain merujuk kepada WonderLab dan WonderDewi, WonderKlean dan perkhidmatan sokongan dan penyelenggaraan IT.
- (2) Dikira berdasarkan GP dibahagi dengan hasil.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Ulasan mengenai GP dan margin GP

FPE2024 berbanding dengan FPE2023

GP kami meningkat sebanyak RM12.4 juta atau 4.5% daripada RM277.5 juta bagi FPE2023 kepada RM289.9 juta bagi FPE2024 disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam GP kami daripada segmen CUCKOO Co-Created kami, yang diimbangi sebahagiannya oleh penurunan dalam GP kami daripada segmen Jenama CUCKOO kami.

Margin GP kami menurun daripada 33.7% pada FPE2023 kepada 31.2% pada FPE2024 disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam margin GP kami daripada segmen Jenama CUCKOO kami.

Segmen Jenama CUCKOO

GP kami menurun sebanyak RM12.7 juta atau 5.2% daripada RM243.2 juta bagi FPE2023 kepada RM230.5 juta bagi FPE2024. Ini disumbangkan terutamanya oleh peningkatan yang lebih tinggi dalam kos produk dan alat ganti (berbanding dengan hasil kami) disebabkan oleh peningkatan dalam kos seunit produk Jenama CUCKOO ditambah dengan kenaikan USD berbanding RM bagi FPE2024.

Akibatnya, margin GP kami menurun daripada 34.2% pada FPE2023 kepada 31.4% pada FPE2024.

Segmen CUCKOO Co-Created

GP kami meningkat sebanyak RM27.5 juta atau 86.3% daripada RM31.9 juta bagi FPE2023 kepada RM59.4 juta bagi FPE2024 sejajar dengan peningkatan dalam hasil kami sebanyak 81.7% yang disumbangkan oleh peningkatan dalam jualan pajakan kewangan dan perkhidmatan penyelenggaraan.

Akibatnya, margin GP kami meningkat sedikit daripada 30.3% pada FPE2023 kepada 31.0% pada FPE2024.

FYE2023 berbanding dengan FYE2022

GP kami menurun sebanyak RM14.9 juta atau 3.9% daripada RM385.0 juta bagi FYE2022 kepada RM370.1 juta bagi FYE2023 disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam GP kami daripada segmen Jenama CUCKOO kami, yang diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan dalam GP kami daripada segmen CUCKOO Co-Created kami.

Margin GP kami menurun daripada 36.8% pada FYE2022 kepada 33.1% pada FYE2023 disebabkan terutamanya oleh penurunan margin GP kami daripada segmen Jenama CUCKOO dan segmen CUCKOO Co-Created kami.

Segmen Jenama CUCKOO

GP kami menurun sebanyak RM24.7 juta atau 7.1% daripada RM347.5 juta bagi FYE2022 kepada RM322.8 juta bagi FYE2023. Ini disumbangkan terutamanya oleh peningkatan yang lebih tinggi dalam kos produk dan alat ganti kami (berbanding dengan hasil kami), dan perubahan dalam struktur pampasan kami selepas kami mengguna pakai strategi rangkaian saluran omni pada FYE2023 yang menghasilkan jumlah komisen yang dibayar terlebih dahulu kepada pekerja kontrak kami yang lebih tinggi.

Akibatnya, margin GP kami menurun daripada 37.0% pada FYE2022 kepada 33.8% pada FYE2023.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Segmen CUCKOO Co-Created

GP kami meningkat sebanyak RM10.9 juta atau 31.5% daripada RM34.7 juta bagi FYE2022 kepada RM45.6 juta bagi FYE2023. Ini disumbangkan terutamanya oleh peningkatan dalam hasil sebanyak 61.4%, yang diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan yang lebih tinggi dalam amaun perkongsian hasil yang dibayar kepada rakan kongsi perniagaan kami, LSK, disebabkan oleh peningkatan dalam nisbah perkongsian hasil berkaitan dengan LSK yang dipersetujui semasa FYE2023, dan perubahan dalam struktur pampasan kami selepas kami mengguna pakai strategi rangkaian saluran omni pada FYE2023 yang menghasilkan jumlah komisen yang dibayar terlebih dahulu kepada pekerja kontrak kami yang lebih tinggi.

Akibatnya, margin GP kami menurun daripada 36.4% pada FYE2022 kepada 29.6% pada FYE2023.

FYE2022 berbanding dengan FYE2021

GP kami menurun sebanyak RM15.3 juta atau 3.8% daripada RM400.3 juta bagi FYE2021 kepada RM385.0 juta bagi FYE2022 disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam GP kami daripada segmen Jenama CUCKOO kami, yang diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan dalam GP kami daripada segmen CUCKOO Co-Created kami.

Margin GP kami meningkat daripada 35.1% pada FYE2021 kepada 36.8% pada FYE2022 disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam margin GP kami daripada segmen Jenama CUCKOO kami.

Segmen Jenama CUCKOO

GP kami menurun sebanyak RM36.3 juta atau 9.5% daripada RM383.8 juta bagi FYE2021 kepada RM347.5 juta bagi FYE2022 sejajar dengan penurunan dalam hasil kami sebanyak 13.9%, yang disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam jualan pajakan kewangan kami.

Walaupun demikian, margin GP kami meningkat daripada 35.2% pada FYE2021 kepada 37.0% pada FYE2022 disebabkan terutamanya oleh kos produk dan alat ganti yang lebih rendah yang timbul daripada: (i) pelarasan harga pindahan yang lebih rendah; dan (ii) kos berkaitan dengan aset pajakan kendalian yang lebih rendah.

Segmen CUCKOO Co-Created

GP kami meningkat sebanyak RM22.6 juta atau 186.1% daripada RM12.1 juta bagi FYE2021 kepada RM34.7 juta bagi FYE2022 sejajar dengan peningkatan dalam hasil kami sebanyak 189.6% yang disumbangkan oleh peningkatan dalam jualan pajakan kewangan.

Akibatnya, margin GP kami menurun sedikit daripada 36.8% pada FYE2021 kepada 36.4% pada FYE2022.

12. MAKLUMAT KEWANGAN**(iv) Pendapatan lain**

Pendapatan lain kami bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

	Teraudit						Tidak teraudit		Teraudit	
	FYE2021		FYE2022		FYE2023		FPE2023		FPE2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Pendapatan daripada pajakan kecil pajakan jangka pendek	7,949	45.1	9,372	75.1	298	7.8	280	8.3	77	2.3
Laba atas pembelian harga murah	5,391	30.5	-	-	-	-	-	-	-	-
Yuran lesen	2,260	12.8	649	5.2	280	7.3	257	7.6	23	0.7
Pendapatan pajakan	-	-	-	-	577	15.1	416	12.4	426	13.0
Yuran penalti	600	3.4	632	5.1	802	21.0	591	17.6	1,611	49.1
Tuntutan pampasan banjir	-	-	332	2.7	1,343	35.0	1,343	40.0	-	-
Jualan skrap	324	1.8	405	3.3	379	10.0	257	7.6	740	22.6
Lain-lain ⁽¹⁾	1,129	6.4	1,068	8.6	146	3.8	218	6.5	403	12.3
Jumlah	17,653	100.0	12,458	100.0	3,825	100.0	3,362	100.0	3,280	100.0

Nota:

- (1) Lain-lain termasuk bayaran kurier yang dikenakan oleh kami kepada pelanggan yang membeli produk WonderLab, yang jumlah keseluruhan setiap pesanan adalah kurang daripada RM100, Program Subsidi Upah, yang merupakan subsidi yang diberikan oleh kerajaan Malaysia kepada perusahaan kecil dan sederhana semasa pandemik Covid-19, skim sokongan pekerjaan dan sewa daripada IRAS, pampasan untuk alat ganti yang rosak, dan lain-lain.

Ulasan mengenai pendapatan lain**FPE2024 berbanding dengan FPE2023**

Pendapatan lain kami menurun sebanyak RM0.1 juta atau 2.4% daripada RM3.4 juta bagi FPE2023 kepada RM3.3 juta bagi FPE2024. Ini disebabkan terutamanya oleh ketiadaan pampasan yang diterima pada FPE2024 daripada tuntutan insurans sebanyak RM1.3 juta untuk kerosakan berkaitan banjir pada produk kami yang disimpan di gudang pihak ketiga bagi FPE2023, yang diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan sebanyak RM1.0 juta dalam pendapatan daripada yuran penalti yang dikenakan terhadap pelanggan kami yang menamatkan kontrak sewa mereka.

FYE2023 berbanding dengan FYE2022

Pendapatan lain kami menurun sebanyak RM8.7 juta atau 69.3% daripada RM12.5 juta bagi FYE2022 kepada RM3.8 juta bagi FYE2023 disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam pendapatan daripada pajakan kecil sebanyak RM9.1 juta hasil daripada perubahan strategi pengedaran kami kepada strategi pengedaran saluran omni pada FYE2023, yang di bawahnya kami memegang pajakan secara langsung dan bukannya memberi pajakan kecil kepada kontraktor bebas kami. Ini telah diimbangi sebahagiannya oleh pampasan berjumlah RM1.3 juta yang kami terima daripada tuntutan insurans untuk kerosakan berkaitan banjir pada produk kami yang disimpan di gudang pihak ketiga pada FYE2023.

12. MAKLUMAT KEWANGAN**FYE2022 berbanding dengan FYE2021**

Pendapatan lain kami menurun sebanyak RM5.2 juta atau 29.4% daripada RM17.7 juta bagi FYE2021 kepada RM12.5 juta bagi FYE2022 disebabkan terutamanya oleh laba sekali sahaja sebanyak RM5.4 juta yang timbul daripada pembelian WonderLab, yang diiktiraf pada FYE2021, dan penurunan sebanyak RM1.6 juta dalam pendapatan yuran lesen memandangkan terdapat penurunan dalam bilangan cawangan runcit baharu yang dibuka pada FYE2022.

(v) Perbelanjaan pengedaran

Perbelanjaan pengedaran kami bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan dinyatakan di bawah:

	Teraudit				Tidak teraudit				Teraudit	
	FYE2021		FYE2022		FYE2023		FPE2023		FPE2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Perbelanjaan pemasaran dan pengiklanan	25,619	44.2	33,724	43.3	34,086	40.1	20,089	35.6	20,989	33.2
Upah, gaji dan lain-lain	12,272	21.2	16,807	21.6	19,649	23.2	13,822	24.5	14,906	23.5
Komisen dan perbelanjaan berkaitan	17,020	29.3	18,599	23.9	16,235	19.1	11,620	20.6	15,391	24.3
Susut nilai aset hak penggunaan	2,447	4.2	3,754	4.8	8,213	9.7	6,109	10.8	7,103	11.2
Perbelanjaan perjalanan insentif	-	-	1,972	2.5	1,804	2.1	1,780	3.2	643	1.0
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	-	-	-	-	1,491	1.8	745	1.3	2,236	3.5
Lain-lain ⁽¹⁾	651	1.1	3,033	3.9	3,392	4.0	2,227	4.0	2,120	3.3
Jumlah	58,009	100.0	77,889	100.0	84,870	100.0	56,392	100.0	63,388	100.0

Nota:

- (1) Lain-lain termasuk hadiah dan ganjaran, perbelanjaan perjalanan dan hiburan serta perbelanjaan acara dan majlis dan perbelanjaan lain.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Ulasan mengenai perbelanjaan pengedaran

FPE2024 berbanding dengan FPE2023

Perbelanjaan pengedaran kami meningkat sebanyak RM7.0 juta atau 12.4% daripada RM56.4 juta bagi FPE2023 kepada RM63.4 juta bagi FPE2024 yang timbul terutamanya daripada: (a) peningkatan sebanyak RM3.8 juta dalam komisen dan perbelanjaan yang berkaitan disebabkan oleh kadar kutipan bagi bayaran sewa belum jelas yang lebih tinggi pada FPE2024; (b) peningkatan sebanyak RM1.5 juta dalam susut nilai ruang gudang dalam hab pengedaran kami di Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan yang kami mula gunakan dan mula susut nilai pada Julai 2023; dan (c) kenaikan sebanyak RM1.1 juta dalam upah, gaji dan perbelanjaan yang berkaitan disebabkan oleh pertambahan dalam bilangan kakitangan.

FYE2023 berbanding dengan FYE2022

Perbelanjaan pengedaran kami meningkat sebanyak RM7.0 juta atau 9.0% daripada RM77.9 juta bagi FYE2022 kepada RM84.9 juta bagi FYE2023 yang timbul terutamanya daripada: (a) peningkatan sebanyak RM4.5 juta dalam susut nilai aset hak penggunaan, memandangkan susut nilai tersebut diiktiraf pada FYE2023 berkenaan dengan cawangan runcit tertentu, dan bukan pada FYE2022 ketika cawangan runcit tersebut dipajak kecil oleh Syarikat kami kepada kontraktor bebas sebelum kami mengguna pakai strategi rangkaian saluran omni kami; (b) peningkatan sebanyak RM2.8 juta dalam upah, gaji dan perbelanjaan yang berkaitan disebabkan oleh pertambahan dalam bilangan kakitangan dan kenaikan gaji; dan (c) sebanyak RM1.5 juta yang timbul daripada permulaan susut nilai hartanah, loji dan peralatan hasil daripada pemerolehan hab pengedaran kami yang terletak di Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan pada Julai 2023. Ini telah diimbangi sebahagiannya oleh penurunan dalam komisen dan perbelanjaan berkaitan sebanyak RM2.4 juta disebabkan oleh kadar kutipan yang lebih rendah bagi bayaran sewa belum jelas pada FYE2023.

FYE2022 berbanding dengan FYE2021

Perbelanjaan pengedaran kami meningkat sebanyak RM19.9 juta atau 34.3% daripada RM58.0 juta bagi FYE2021 kepada RM77.9 juta bagi FYE2022 yang timbul terutamanya daripada: (a) peningkatan sebanyak RM8.1 juta dalam perbelanjaan pemasaran dan pengiklanan untuk peningkatan aktiviti pemasaran dan pengiklanan; (b) peningkatan sebanyak RM4.5 juta dalam upah, gaji dan perbelanjaan yang berkaitan disebabkan oleh pertambahan bilangan kakitangan dan kenaikan gaji; (c) peningkatan sebanyak RM1.6 juta dalam komisen dan perbelanjaan berkaitan disebabkan oleh kutipan bayaran sewa belum jelas yang lebih tinggi pada FYE2022; dan (d) peningkatan sebanyak RM1.9 juta dalam kos yang berkaitan dengan perjalanan insentif yang diberikan kepada kontraktor bebas kami pada FYE2022 untuk prestasi jualan mereka.

12. MAKLUMAT KEWANGAN**(vi) Perbelanjaan pentadbiran**

Perbelanjaan pentadbiran kami bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan dinyatakan di bawah:

	Teraudit						Tidak teraudit		Teraudit	
	FYE2021		FYE2022		FYE2023		FPE2023		FPE2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Perbelanjaan Berasaskan Saham	-	-	137,509	68.4	-	-	-	-	-	-
Upah, gaji dan lain-lain	12,654	24.7	16,557	8.2	20,012	31.9	15,772	35.7	15,891	29.5
Perbelanjaan yang berkaitan dengan pajakan jangka pendek	10,354	20.2	11,304	5.6	11,990	19.1	8,974	20.3	9,280	17.3
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	3,485	6.8	3,855	1.9	5,538	8.8	3,796	8.6	5,080	9.4
Subsidi sewa	8,761	17.1	9,418	4.7	451	0.7	451	1.0	-	-
Yuran profesional	1,218	2.4	3,487	1.7	1,565	2.5	1,257	2.8	6,041	11.2
Susut nilai aset hak penggunaan	2,194	4.3	2,345	1.2	2,253	2.6	1,752	4.0	1,650	3.1
Perkhidmatan penyelenggaraan IT	843	1.6	2,486	1.2	1,326	2.1	1,011	2.3	1,414	2.6
Utiliti	1,726	3.4	1,847	0.9	2,799	4.5	1,890	4.3	2,389	4.5
Insurans	660	1.3	615	0.3	1,702	2.7	1,171	2.7	1,012	1.9
Bayaran terdahulu terhapus kira	-	-	-	-	2,956	4.7	-	-	-	-
Latihan	775	1.5	957	0.5	1,252	2.0	710	1.6	1,089	2.0
Faedah kakitangan	616	1.2	1,312	0.7	1,002	1.6	670	1.5	1,032	1.9
Pelunasan tanda dagangan WonderLab	748	1.5	997	0.5	997	1.6	748	1.7	748	1.4
Penyelenggaraan	1,290	2.5	1,239	0.6	1,750	2.8	1,219	2.8	1,744	3.2
Caruman Skim Persaraan Swasta	1,296	2.5	1,118	0.6	735	1.2	588	1.3	130	0.2
Aktiviti promosi	850	1.7	867	0.4	681	1.1	523	1.2	579	1.1
Kerugian rosot nilai atas aset hak penggunaan	-	-	459	0.2	665	1.1	-	-	542	1.0
Caj kurier	705	1.4	540	0.3	434	0.7	335	0.8	211	0.4
Yuran pampasan	138	0.3	277	0.1	425	0.7	288	0.7	553	1.0
Lain-lain ⁽¹⁾	2,990	5.8	3,870	1.9	4,207	6.7	3,000	6.7	4,450	8.3
Jumlah	51,303	100.0	201,059	100.0	62,740	100.0	44,155	100.0	53,835	100.0

12. MAKLUMAT KEWANGAN**Nota:**

- (1) Lain-lain termasuk perbelanjaan berkaitan bangunan dan perbelanjaan pelbagai yang lain.

Ulasan mengenai perbelanjaan pentadbiran**FPE2024 berbanding dengan FPE2023**

Perbelanjaan pentadbiran kami meningkat sebanyak RM9.7 juta atau 21.9% daripada RM44.1 juta bagi FPE2023 kepada RM53.8 juta bagi FPE2024 disebabkan terutamanya oleh: (a) peningkatan sebanyak RM4.8 juta dalam yuran penasihat profesional untuk IPO kami dan yuran kemudahan pinjaman; dan (b) peningkatan sebanyak RM1.3 juta dalam susut nilai ruang pejabat dalam hab pengedaran kami di Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan yang kami mula gunakan dan mula susut nilai pada Julai 2023.

FYE2023 berbanding dengan FYE2022

Perbelanjaan pentadbiran kami menurun sebanyak RM138.4 juta atau 68.8% daripada RM201.1 juta bagi FYE2022 kepada RM62.7 juta bagi FYE2023 disebabkan terutamanya oleh: (a) pengiktirafan sekali sahaja sebanyak RM137.5 juta dalam Perbelanjaan Berasaskan Saham pada FYE2022, yang timbul di bawah skim opsyen saham untuk memberi ganjaran kepada Pengarah Eksekutif dan pasukan pengurusan kami. Opsyen saham sedemikian dilaksanakan sepenuhnya pada FYE2023; dan (b) penurunan subsidi sewa sebanyak RM9.0 juta, yang kami hentikan tawaran kepada kontraktor bebas kami berikutan bermulanya strategi pengedaran saluran omni kami pada FYE2023.

FYE2022 berbanding dengan FYE2021

Perbelanjaan pentadbiran kami meningkat sebanyak RM149.7 juta atau 291.9% daripada RM51.3 juta bagi FYE2021 kepada RM201.1 juta bagi FYE2022 yang timbul terutamanya daripada: (a) pengiktirafan sekali sahaja sebanyak RM137.5 juta dalam Perbelanjaan Berasaskan Saham pada FYE2022; (b) peningkatan sebanyak RM3.9 juta dalam upah, gaji dan perbelanjaan berkaitan pekerja yang lain disebabkan oleh pertambahan dalam bilangan kakitangan dan kenaikan gaji pada FYE2022; dan (c) peningkatan dalam yuran profesional sebanyak RM2.3 juta untuk IPO kami dan yuran profesional lain untuk Syarikat kami.

(vii) Kerugian bersih atas rosot nilai instrumen kewangan

Kerugian bersih kami atas rosot nilai instrumen kewangan bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan dinyatakan di bawah:

	Teraudit				Tidak teraudit				Teraudit	
	FYE2021		FYE2022		FYE2023		FPE2023		FPE2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Perdagangan belum terima	3,785	18.3	12,610	45.4	15,643	29.9	12,440	28.6	10,720	29.8
Pelaburan bersih dalam pajakan	16,573	80.3	15,231	54.8	36,582	70.1	31,058	71.4	25,294	70.2
Belum terima lain	232	1.1	(73)	(0.2)	33	*	-	-	-	-
Baki antara syarikat	71	0.3	4	*	-	-	-	-	-	-
Jumlah	20,661	100.0	27,772	100.0	52,258	100.0	43,498	100.0	36,014	100.0

* Melambangkan kurang daripada 0.1%.

12. MAKLUMAT KEWANGAN**Ulasan mengenai kerugian bersih atas rosot nilai instrumen kewangan****FPE2024 berbanding dengan FPE2023**

Kerugian bersih kami atas rosot nilai instrumen kewangan menurun sebanyak RM7.5 juta atau 17.2% daripada RM43.5 juta bagi FPE2023 kepada RM36.0 juta bagi FPE2024 disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam rosot nilai pelaburan bersih dalam pajakan berdasarkan penilaian jangkaan kerugian kredit ("ECL") di bawah MFRS 9 yang mencerminkan perubahan dalam risiko kredit perdagangan belum terima dan pelaburan bersih dalam pajakan pada akhir tempoh pelaporan.

FYE2023 berbanding dengan FYE2022

Kerugian bersih kami atas rosot nilai instrumen kewangan meningkat sebanyak RM24.5 juta atau 88.2% daripada RM27.8 juta bagi FYE2022 kepada RM52.3 juta bagi FYE2023 disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam rosot nilai pelaburan bersih dalam pajakan berdasarkan penilaian jangkaan kerugian kredit ("ECL") di bawah MFRS 9 yang (a) mencerminkan perubahan dalam risiko kredit perdagangan belum terima dan pelaburan bersih dalam pajakan pada akhir tempoh pelaporan dan (b) disebabkan oleh amaun perdagangan belum terima dan pelaburan bersih dalam pajakan yang lebih tinggi.

FYE2022 berbanding dengan FYE2021

Kerugian bersih kami atas rosot nilai instrumen kewangan meningkat sebanyak RM7.1 juta atau 34.4% daripada RM20.7 juta bagi FYE2021 kepada RM27.8 juta bagi FYE2022 disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam rosot nilai pelaburan bersih dalam pajakan berdasarkan penilaian ECL di bawah MFRS 9 yang mencerminkan perubahan dalam risiko kredit perdagangan belum terima dan pelaburan bersih dalam pajakan pada akhir tempoh pelaporan.

(viii) Pendapatan kewangan

Pendapatan kewangan kami bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan dinyatakan di bawah:

	Teraudit				Tidak teraudit				Teraudit	
	FYE2021		FYE2022		FYE2023		FPE2023		FPE2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Pendapatan faedah atas deposit yang disimpan di bank berlesen	1,167	71.2	2,061	83.3	2,712	99.0	2,041	98.8	2,028	18.6
Pendapatan faedah atas pelaburan bersih dalam pajakan kecil	470	28.8	412	16.7	27	1.0	24	1.2	6	0.1
Laba pertukaran asing bersih atas amaun terhutang kepada antara syarikat	-	-	-	-	-	-	-	-	8,867	81.3
Jumlah	1,637	100.0	2,473	100.0	2,739	100.0	2,065	100.0	10,901	100.0

12. MAKLUMAT KEWANGAN**Ulasan mengenai pendapatan kewangan****FPE2024 berbanding dengan FPE2023**

Pendapatan kewangan kami meningkat sebanyak RM8.8 juta atau 427.9% daripada RM2.1 juta bagi FPE2023 kepada RM10.9 juta bagi FPE2024 yang timbul terutamanya daripada pengiktirafan laba pertukaran asing bersih sebanyak RM8.9 juta atas amaun belum jelas kepada Kumpulan CUCKOO Holdings yang lebih rendah dan penurunan dalam kadar pertukaran asing yang digunakan untuk amaun terhutang kepada Kumpulan CUCKOO Holdings yang didenominasikan dalam USD.

FYE2023 berbanding dengan FYE2022

Pendapatan kewangan kami meningkat sebanyak RM0.2 juta atau 10.8% daripada RM2.5 juta bagi FYE2022 kepada RM2.7 juta bagi FYE2023 yang timbul terutamanya daripada peningkatan sebanyak RM0.6 juta dalam pendapatan faedah daripada deposit yang disimpan di bank berlesen disebabkan oleh kadar faedah yang lebih tinggi. Ini telah diimbangi oleh penurunan sebanyak RM0.4 juta dalam pendapatan faedah atas pelaburan bersih dalam pajakan kecil, kerana kami menghentikan pengaturanan pajakan kecil dengan kontraktor bebas kami berikutan bermulanya strategi pengedaran saluran omni kami pada FYE2023.

FYE2022 berbanding dengan FYE2021

Pendapatan kewangan kami meningkat sebanyak RM0.9 juta atau 51.1% daripada RM1.6 juta bagi FYE2021 kepada RM2.5 juta bagi FYE2022 yang timbul terutamanya daripada peningkatan sebanyak RM0.9 juta dalam pendapatan faedah daripada deposit yang disimpan di bank berlesen disebabkan oleh kadar faedah yang lebih tinggi dan baki bank yang lebih tinggi.

(ix) Kos kewangan

Kos kewangan kami bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

	Teraudit		Teraudit		Tidak teraudit		Tidak teraudit		Teraudit		Teraudit	
	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FYE2023	FPE2023	FPE2023	FPE2024	FPE2024	FPE2024	FPE2024	FPE2024	FPE2024
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Perbelanjaan faedah atas:												
- amaun terhutang kepada antara syarikat	15,602	38.8	6,366	15.4	10,234	26.8	9,325	24.9	5,867	40.2		
- caj bank dan pedagang	6,919	17.2	7,294	17.7	6,765	17.7	4,951	13.2	5,056	34.7		
- pinjaman dan peminjaman	198	0.5	4,801	11.6	5,556	14.5	4,832	12.9	3,010	20.6		
- liabiliti pajakan	1,359	3.4	1,135	2.8	981	2.6	734	2.0	664	4.5		
Kerugian pertukaran asing bersih atas amaun terhutang kepada antara syarikat	16,152	40.1	21,650	52.5	14,644	38.4	17,618	47.0	-	-		
Jumlah	40,230	100.0	41,246	100.0	38,180	100.0	37,460	100.0	14,597	100.0		

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Ulasan mengenai kos kewangan**FPE2024 berbanding dengan FPE2023**

Kos kewangan kami menurun sebanyak RM22.9 juta atau 61.0% daripada RM37.5 juta bagi FPE2023 kepada RM14.6 juta bagi FPE2024 yang timbul terutamanya daripada: (a) ketiadaan kerugian pertukaran asing bersih atas amaun mata wang asing belum jelas yang terhutang kepada Kumpulan CUCKOO Holdings Group yang timbul daripada amaun belum jelas yang lebih rendah kepada Kumpulan CUCKOO Holdings dan penurunan dalam kadar pertukaran asing yang digunakan untuk amaun terhutang kepada Kumpulan CUCKOO Holdings yang didenominasikan dalam USD; (b) penurunan dalam perbelanjaan faedah atas amaun terhutang kepada Kumpulan CUCKOO Holdings sebanyak RM3.5 juta disebabkan terutamanya oleh amaun belum jelas yang lebih rendah pada FPE2024; dan (c) penurunan dalam perbelanjaan faedah atas pinjaman dan peminjaman sebanyak RM1.8 juta disebabkan oleh penurunan dalam kadar faedah atas Pinjaman BOC sedia ada kami selepas kami memeterai pengaturan swap kadar faedah pada September 2023.

FYE2023 berbanding dengan FYE2022

Kos kewangan kami menurun sebanyak RM3.0 juta atau 7.4% daripada RM41.2 juta bagi FYE2022 kepada RM38.2 juta bagi FYE2023 disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam kerugian pertukaran asing bersih atas amaun mata wang asing belum jelas sebanyak RM7.0 juta yang timbul daripada: (a) amaun terhutang kepada Kumpulan CUCKOO Holdings, yang menurun daripada USD50.1 juta pada FYE2022 kepada USD40.9 juta pada FYE2023; dan (b) kerugian pertukaran asing bersih yang lebih rendah berkenaan dengan amaun belum jelas di bawah Pinjaman BoC, yang ditukar daripada USD kepada RM pada September 2023. Ini telah diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan sebanyak RM4.1 juta dalam perbelanjaan faedah atas pinjaman bank kami, dan amaun terhutang kepada Kumpulan CUCKOO Holdings hasil daripada peningkatan dalam kadar faedah.

FYE2022 berbanding dengan FYE2021

Kos kewangan kami meningkat sebanyak RM1.0 juta atau 2.5% daripada RM40.2 juta bagi FYE2021 kepada RM41.2 juta bagi FYE2022 yang timbul terutamanya daripada (a) peningkatan sebanyak RM5.5 juta dalam kerugian pertukaran asing bersih akibat perubahan dalam kadar pertukaran asing yang digunakan untuk amaun yang terhutang kepada Kumpulan CUCKOO Holdings, dan amaun belum jelas di bawah Pinjaman BoC yang didenominasikan dalam USD; dan (b) peningkatan dalam caj faedah atas pinjaman dan pinjaman bank sebanyak RM4.7 juta disebabkan oleh pinjaman bank tambahan sebanyak USD40.0 juta. Ini diimbangi sebahagiannya oleh penurunan sebanyak RM9.2 juta dalam perbelanjaan faedah atas amaun belum jelas kepada Kumpulan CUCKOO Holdings disebabkan terutamanya oleh amaun belum jelas yang lebih rendah pada FYE2022.

12. MAKLUMAT KEWANGAN**(x) PBT, PAT dan pencukaian**

PBT, PAT dan pencukaian kami bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan yang dinyatakan di bawah:

	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2023	FPE2024
PBT (RM'000)	249,427	51,972	138,631	101,392	136,284
Margin PBT	21.9%	5.0%	12.4%	12.3%	14.6%
Cukai (RM'000)	62,991	49,917	51,762	42,286	32,595
Kadar cukai berkesan ⁽¹⁾	25.3%	96.0%	37.3%	41.7%	23.9%
PAT (RM'000)	186,436	2,055	86,869	59,106	103,689
Margin PAT	16.4%	0.2%	7.8%	7.2%	11.1%

Nota:

(1) Dikira berdasarkan cukai dibahagi dengan PBT.

Ulasan mengenai PBT, PAT dan pencukaian**FPE2024 berbanding dengan FPE2023**

PBT kami meningkat sebanyak RM34.9 juta atau 34.4% daripada RM101.4 juta bagi FPE2023 kepada RM136.3 juta bagi FPE2024. Margin PBT kami meningkat daripada 12.3% bagi FPE2023 kepada 14.6% bagi FPE2024.

PAT kami meningkat sebanyak RM44.6 juta atau 75.5% daripada RM59.1 juta bagi FPE2023 kepada RM103.7 juta bagi FPE2024. Margin PAT kami meningkat daripada 7.2% bagi FPE2023 kepada 11.1% bagi FPE2024. Peningkatan dalam PBT dan PAT kami adalah disebabkan terutamanya oleh GP yang lebih tinggi dan penurunan dalam kos kewangan dan kerugian bersih atas rosot nilai instrumen kewangan.

Bagi FPE2024, kadar cukai berkesan kami ialah 23.9% yang sedikit lebih rendah daripada kadar cukai berkanun sebanyak 24.0%. Ini disebabkan terutamanya oleh: (i) kesan cukai yang timbul daripada perbelanjaan tidak dibenarkan sebanyak kira-kira RM3.6 juta yang ditanggung untuk yuran profesional dan susut nilai hartanah, loji dan peralatan tidak layak; dan (ii) lebihan peruntukan sebanyak RM3.4 juta dalam liabiliti cukai tertunda yang timbul daripada susut nilai hartanah, loji dan peralatan tidak layak.

Bagi FPE2023, kadar cukai berkesan kami ialah 41.7% yang lebih tinggi daripada kadar cukai berkanun sebanyak 24.0%. Ini disebabkan terutamanya oleh: (i) kesan cukai yang timbul daripada perbelanjaan tidak dibenarkan sebanyak kira-kira RM16.5 juta yang ditanggung yang merangkumi terutamanya perbelanjaan cukai tambahan sebanyak RM13.7 juta yang timbul daripada Program Pendedahan Sukarela Khas 2.0 yang kami sertai; dan (ii) kurangan peruntukan sebanyak RM1.2 juta pada tahun-tahun sebelumnya yang berkaitan dengan pendapatan faedah pajakan kewangan.

FYE2023 berbanding dengan FYE2022

PBT kami meningkat sebanyak RM86.6 juta atau 166.7% daripada RM52.0 juta bagi FYE2022 kepada RM138.6 juta bagi FYE2023 manakala margin PBT kami meningkat daripada 5.0% bagi FYE2022 kepada 12.4% bagi FYE2023. PAT kami meningkat sebanyak RM84.8 juta atau 41.3 kali ganda daripada RM2.1 juta bagi FYE2022 kepada RM86.9 juta bagi FYE2023 manakala margin PAT kami bertambah baik daripada 0.2% bagi FYE2022 kepada 7.8% bagi FYE2023.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

PBT dan PAT menjadi lebih baik disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan pentadbiran yang lebih rendah hasil daripada pengiktirafan sekali sahaja sebanyak RM137.5 juta dalam Perbelanjaan Berasaskan Saham pada FYE2022, yang diimbangi sebahagiannya oleh perbelanjaan cukai tambahan sebanyak RM13.7 juta pada FYE2023 menurut Program Pendedahan Sukarela Khas 2.0 yang kami sertai. Bagi Tahun Taksiran (“YA”) 2019, YA2020 dan YA2021 kami mengira cukai pendapatan kami mengikut pengolahan perakaunan bagi pajakan, yang dengannya pendapatan kami daripada kontrak sewa yang berkaitan dengan produk dikira sebagai pendapatan boleh cukai pendahuluan, dan potongan cukai dituntut atas kos produk, manakala pendapatan faedah pajakan kewangan dikira sebagai pendapatan boleh cukai sepanjang tempoh kontrak sewa. Memandangkan layanan cukai tertakluk pada tafsiran teknikal Peraturan Pajakan Cukai Pendapatan 1986 (“ITLR”), kami telah mengambil bahagian dalam Program Pendedahan Sukarela Khas 2.0 dan secara sukarela menyerahkan pendapatan faedah pajakan kewangan kami untuk dikenakan cukai terlebih dahulu dan bukannya sepanjang tempoh kontrak sewa untuk mengurangkan risiko bahawa LHDN mungkin menganggap pendapatan faedah pajakan kewangan sebagai sebahagian daripada yang dianggap keuntungan di bawah ITLR. LHDN menerima penyerahan kami dengan penuh percaya dan mengeluarkan taksiran tambahan berjumlah RM13.7 juta bagi YA2019 hingga YA2021, dan menyatakan bahawa tiada semakan lanjut sama ada melalui audit atau penyiasatan akan dilakukan pada masa depan bagi YA yang pendedahan sukarela telah dibuat. Cukai kena bayar tambahan tersebut telah dijelaskan sepenuhnya pada LPD.

Bagi FYE2023, kadar cukai berkesan kami ialah 37.3% yang lebih tinggi daripada kadar cukai berkesan sebanyak 24.0%. Ini terutamanya disebabkan oleh: (i) kesan cukai yang timbul daripada perbelanjaan tidak dibenarkan sebanyak RM16.2 juta yang ditanggung yang merangkumi terutamanya perbelanjaan cukai tambahan sebanyak RM13.7 juta yang timbul daripada Program Pendedahan Sukarela Khas 2.0 yang kami sertai; dan (ii) kurangan peruntukan sebanyak RM1.2 juta pada tahun-tahun sebelumnya yang berkaitan dengan pendapatan faedah pajakan kewangan.

Bagi FYE2022, kadar cukai berkesan kami ialah 96.0% yang lebih tinggi daripada kadar cukai berkesan sebanyak 24.0%. Ini disebabkan terutamanya oleh: (i) kesan cukai sebanyak RM28.4 juta yang timbul daripada perbelanjaan tidak dibenarkan yang merangkumi terutamanya Perbelanjaan Berasaskan Saham; dan (ii) perbelanjaan cukai tambahan sebanyak RM11.5 juta yang timbul daripada cukai makmur yang digubal oleh Akta Kewangan 2021 bagi pendapatan kena cukai yang melebihi RM100.0 juta pada kadar sekali sahaja sebanyak 33.0%. Ini diimbangi sebahagiannya oleh lebihan peruntukan dalam cukai pendapatan bagi tahun-tahun sebelumnya yang berkaitan dengan laba atas pemerolehan perniagaan, dan pengiktirafan aset cukai tertunda yang timbul daripada rosot nilai belum terima.

FYE2022 berbanding dengan FYE2021

PBT kami menurun sebanyak RM197.4 juta atau 79.2% daripada RM249.4 juta bagi FYE2021 kepada RM52.0 juta bagi FYE2022 manakala margin PBT kami menurun daripada 21.9% bagi FYE2021 kepada 5.0% bagi FYE2022. PAT kami menurun sebanyak RM184.3 juta atau 98.9% daripada RM186.4 juta bagi FYE2021 kepada RM2.1 juta bagi FYE2022 manakala margin PAT kami menurun daripada 16.4% bagi FYE2021 kepada 0.2% bagi FYE2022.

Penurunan dalam PBT dan PAT disebabkan terutamanya oleh GP yang lebih rendah, dan perbelanjaan pentadbiran yang lebih tinggi yang ditanggung bagi FYE2022 hasil daripada Perbelanjaan Berasaskan Saham sekali sahaja sebanyak RM137.5 juta.

Bagi FYE2021, kadar cukai berkesan kami ialah 25.3% yang lebih tinggi daripada kadar cukai berkesan sebanyak 24.0%. Ini disebabkan terutamanya oleh kesan cukai yang timbul daripada kurangan peruntukan dalam liabiliti cukai tertunda yang timbul daripada laba pertukaran asing yang belum terealisasi.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

12.3 KECAIRAN DAN SUMBER MODAL

12.3.1 Modal kerja

Modal kerja kami dibiayai melalui gabungan kedua-dua sumber dana dalaman dan luaran. Sumber dana dalaman kami merangkumi ekuiti pemegang saham dan tunai yang dijana daripada operasi kami, manakala sumber luaran adalah terutamanya kemudahan perbankan daripada institusi kewangan. Dana ini digunakan untuk operasi dan pertumbuhan kami.

Berdasarkan penyata kedudukan kewangan disatukan teraudit kami pada 30 September 2024, kami mempunyai tunai dan kesetaraan tunai sebanyak RM102.3 juta dan modal kerja sebanyak RM82.5 juta (dikira sebagai aset semasa ditolak liabiliti semasa). Selepas mengambil kira keperluan pembiayaan Kumpulan kami untuk perbelanjaan modal komited kami, tahap tunai dan baki bank kami yang sedia ada, kemudahan perbankan baharu yang mungkin diberikan kepada kami, jangkaan aliran tunai yang akan dijana daripada operasi kami dan anggaran perolehan bersih daripada Terbitan Awam, Lembaga kami berpendapat bahawa kami mempunyai modal kerja yang mencukupi untuk 12 bulan dari tarikh Prospektus ini.

12.3.2 Aliran tunai

Jadual di bawah menyatakan ringkasan penyata aliran tunai disatukan teraudit kami bagi Tahun Kewangan dalam Semakan dan Tempoh Kewangan dalam Semakan adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

	Teraudit			Tidak teraudit	Teraudit
	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2023	FPE2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti kendalian	60,613	149,496	103,389	89,827	(114,026)
Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	(4,166)	(25,825)	(40,630)	(40,662)	(216)
Tunai bersih yang (digunakan dalam)/daripada aktiviti pembiayaan	(49,929)	(74,930)	(111,475)	(76,228)	132,086
Peningkatan/(Penurunan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	6,518	48,741	(48,716)	(27,063)	17,844
Tunai dan kesetaraan tunai pada permulaan tahun/tempoh kewangan	78,717	85,240	133,483	133,483	84,099
Kesan turun naik kadar pertukaran atas tunai yang dipegang	5	(498)	(668)	(564)	344
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun/tempoh kewangan	85,240	133,483	84,099	105,856	102,287

Semua tunai dan kesetaraan tunai kami dipegang dalam RM dan mata wang asing termasuk USD dan SGD. Tiada sekatan undang-undang, kewangan atau ekonomi terhadap keupayaan anak syarikat kami untuk memindahkan dana kepada Syarikat kami dalam bentuk dividen tunai, tertakluk pada ketersediaan rizab boleh agih, pinjaman atau pendahuluan selaras dengan apa-apa kovenan kewangan yang berkenaan. Sila rujuk Seksyen 15.5 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai penghantaran balik modal dan pengiriman keuntungan daripada anak syarikat kami.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Ulasan mengenai aliran tunai

FYE2021

Tunai bersih daripada aktiviti kendalian

Tunai bersih kami daripada aktiviti kendalian ialah sebanyak RM60.6 juta setelah mengambil kira perubahan berikut:

- (i) peningkatan sebanyak RM168.6 juta dalam perdagangan belum terima dan belum terima lain yang disebabkan terutamanya oleh pelaburan bersih dalam pajakan yang lebih tinggi;
- (ii) penurunan sebanyak RM86.1 juta dalam perdagangan belum bayar dan belum bayar lain yang disebabkan terutamanya oleh penukaran perdagangan belum bayar yang terhutang kepada CKH kepada pinjaman pemegang saham;
- (iii) peningkatan sebanyak RM23.5 juta dalam inventori yang disebabkan terutamanya oleh barang dalam perjalanan yang lebih banyak;
- (iv) pembayaran faedah sebanyak RM23.9 juta; dan
- (v) pembayaran cukai sebanyak RM39.3.

Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan

Tunai bersih kami yang digunakan dalam aktiviti pelaburan ialah sebanyak RM4.2 juta, yang disebabkan terutamanya oleh perkara berikut:

- (i) RM3.6 juta digunakan untuk pembelian hartanah, loji dan peralatan yang merangkumi terutamanya: (a) pengubahsuaian pusat pengedaran dan cawangan runcit sebanyak RM1.6 juta; dan (b) komputer dan perisian sebanyak RM1.0 juta;
- (ii) RM1.8 juta digunakan untuk pemerolehan perniagaan penjagaan kecantikan daripada Wonderlab Resources (M) Sdn. Bhd.; dan
- (iii) RM1.2 juta untuk faedah yang diterima daripada deposit jangka pendek dengan institusi kewangan.

Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pembiayaan

Tunai bersih kami yang digunakan dalam aktiviti pembiayaan ialah sebanyak RM49.9 juta, yang disebabkan terutamanya oleh perkara berikut:

- (i) RM201.6 juta dalam pembayaran balik pinjaman daripada syarikat induk terdekat kami, CKH;
- (ii) RM10.7 juta dalam pembayaran liabiliti pajakan berkaitan dengan penyewaan premis yang telah diiktiraf mengikut MFRS 16 Pajakan;
- (iii) RM4.7 juta dalam pembayaran balik Pinjaman BoC; dan
- (iv) RM167.2 juta daripada penggunaan Pinjaman BoC yang digunakan untuk pembayaran balik amaun terhutang kepada Kumpulan CUCKOO Holdings.

FYE2022

Tunai bersih daripada aktiviti kendalian

Tunai bersih kami daripada aktiviti kendalian ialah sebanyak RM149.5 juta selepas mengambil kira perubahan berikut:

12. MAKLUMAT KEWANGAN

- (i) pertambahan dalam inventori sebanyak RM23.4 juta disebabkan oleh pertambahan dalam barang siap yang timbul daripada penurunan dalam jualan produk;
- (ii) peningkatan dalam perdagangan belum terima dan belum terima lain sebanyak RM60.3 juta disebabkan oleh pelaburan bersih dalam pajakan yang lebih tinggi; dan
- (iii) pembayaran cukai sebanyak RM75.8 juta.

Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan

Tunai bersih kami yang digunakan dalam aktiviti pelaburan ialah sebanyak RM25.8 juta, yang disebabkan terutamanya oleh perkara berikut:

- (i) RM19.7 juta digunakan untuk deposit bagi pemerolehan hab pengedaran kami di Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan;
- (ii) RM8.3 juta digunakan untuk pemerolehan hartanah, loji dan peralatan yang sebahagian besarnya merangkumi pemerolehan premis pejabat kami di Shah Alam (lihat Lampiran IV Prospektus ini untuk butiran lanjut); dan
- (iii) RM2.1 juta dalam faedah yang diterima daripada deposit jangka pendek dengan institusi kewangan.

Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pembiayaan

Tunai bersih kami yang digunakan dalam aktiviti pembiayaan ialah sebanyak RM74.9 juta, yang disebabkan terutamanya oleh perkara berikut:

- (i) RM58.4 juta dalam pembayaran balik Pinjaman BoC;
- (ii) RM11.7 juta dalam pembayaran liabiliti pajakan yang berkaitan dengan penyewaan premis yang telah diiktiraf mengikut MFRS 16, Pajakan; dan
- (iii) RM4.8 juta dalam faedah yang dibayar atas Pinjaman BoC.

FYE2023

Tunai bersih daripada aktiviti kendalian

Tunai bersih kami daripada aktiviti kendalian ialah sebanyak RM103.4 juta selepas mengambil kira perubahan berikut:

- (i) penurunan dalam inventori sebanyak RM11.1 juta disebabkan oleh barang siap yang lebih rendah sejajar dengan peningkatan dalam jualan produk;
- (ii) peningkatan dalam perdagangan belum terima dan belum terima lain dan prabayaran sebanyak RM147.3 juta yang disebabkan terutamanya oleh pelaburan bersih dalam pajakan yang lebih tinggi;
- (iii) peningkatan dalam perdagangan belum bayar dan belum bayar lain sebanyak RM42.0 juta yang disebabkan oleh pembelian daripada pembekal yang lebih tinggi; dan
- (iv) pembayaran cukai sebanyak RM66.4 juta.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan

Tunai bersih kami yang digunakan dalam aktiviti pelaburan ialah sebanyak RM40.6 juta, yang disebabkan terutamanya oleh perkara berikut:

- (i) RM43.3 juta digunakan untuk pemerolehan hartanah, loji dan peralatan yang sebahagian besarnya merangkumi baki pertimbangan belian untuk pemerolehan hab pengedaran kami di Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan; dan
- (ii) RM2.7 juta dalam faedah yang diterima daripada deposit jangka pendek dengan institusi kewangan.

Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pembiayaan

Tunai bersih kami yang digunakan dalam aktiviti pembiayaan ialah sebanyak RM111.5 juta, yang disebabkan terutamanya oleh perkara berikut:

- (i) RM57.1 juta dalam pembayaran balik Pinjaman BoC;
- (ii) RM42.2 juta dalam pembayaran balik pinjaman daripada syarikat induk terdekat kami, CKH;
- (iii) RM11.5 juta dalam pembayaran liabiliti pajakan yang berkaitan dengan penyewaan premis, yang telah diiktiraf mengikut MFRS 16, Pajakan; dan
- (iv) RM5.6 juta dalam faedah yang dibayar atas Pinjaman BoC; dan
- (v) RM4.9 juta diterima daripada terbitan saham oleh Syarikat kami menurut pelaksanaan opsyen saham pekerja yang diberikan pada FYE2022 kepada Pengarah Eksekutif dan kakitangan pengurusan kami.

FPE2023

Tunai bersih daripada aktiviti kendalian

Tunai bersih kami daripada aktiviti kendalian ialah sebanyak RM89.8 juta selepas mengambil kira perubahan berikut:

- (i) peningkatan dalam perdagangan belum bayar dan belum bayar lain sebanyak RM18.4 juta disebabkan terutamanya oleh pembelian daripada pembekal yang lebih tinggi;
- (ii) peningkatan dalam perdagangan belum terima dan belum terima lain sebanyak RM102.0 juta disebabkan terutamanya oleh pelaburan bersih dalam pajakan yang lebih tinggi;
- (iii) penurunan dalam inventori sebanyak RM16.9 juta disebabkan terutamanya oleh barang siap yang lebih rendah sejajar dengan peningkatan dalam jualan produk;
- (iv) pembayaran faedah sebanyak RM5.7 juta; dan
- (v) pembayaran cukai sebanyak RM57.1 juta.

Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan

Tunai bersih kami yang digunakan dalam aktiviti pelaburan ialah sebanyak RM40.7 juta, yang disebabkan terutamanya oleh perkara berikut:

- (i) RM42.7 juta digunakan untuk pemerolehan hartanah, loji dan peralatan yang sebahagian besarnya merangkumi baki pertimbangan belian untuk pemerolehan hab pengedaran kami di Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan; dan

12. MAKLUMAT KEWANGAN

- (ii) RM2.0 juta dalam faedah yang diterima daripada deposit jangka pendek dengan institusi kewangan.

Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pembiayaan

Tunai bersih kami yang digunakan dalam aktiviti pembiayaan ialah sebanyak RM76.2 juta, yang disebabkan terutamanya oleh perkara berikut:

- (i) RM40.8 juta dalam pembayaran balik Pinjaman BoC;
- (ii) RM27.2 juta dalam pembayaran balik pinjaman daripada syarikat induk terdekat kami, CKH;
- (iii) RM8.3 juta dalam pembayaran liabiliti pajakan yang berkaitan dengan penyewaan premis, yang telah diiktiraf mengikut MFRS 16, Pajakan;
- (iv) RM4.9 juta diterima daripada terbitan saham oleh Syarikat kami menurut pelaksanaan opsyen saham pekerja yang diberikan pada FYE2022 kepada Pengarah Eksekutif dan kakitangan pengurusan kami; dan
- (v) RM4.8 juta dalam faedah yang dibayar atas Pinjaman BoC.

FPE2024

Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti kendalian

Tunai bersih kami yang digunakan dalam aktiviti kendalian ialah sebanyak RM114.0 juta setelah mengambil kira perkara perubahan berikut:

- (i) peningkatan dalam perdagangan belum terima dan belum terima lain sebanyak RM232.8 juta disebabkan terutamanya oleh pelaburan bersih yang lebih tinggi dalam pajakan;
- (ii) peningkatan dalam inventori sebanyak RM20.4 juta disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam barang siap yang timbul daripada pembelian produk yang lebih tinggi;
- (iii) penurunan dalam perdagangan belum bayar dan belum bayar lain sebanyak RM12.0 juta disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik yang dibuat oleh Kumpulan kami kepada Kumpulan CUCKOO Holdings;
- (iv) pembayaran faedah sebanyak RM5.7 juta; dan
- (v) pembayaran cukai sebanyak RM35.4 juta.

Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan

Tunai bersih kami yang digunakan dalam aktiviti pelaburan adalah kira-kira sebanyak RM0.2 juta, yang disebabkan terutamanya oleh perkara berikut:

- (i) RM2.2 juta digunakan untuk pemerolehan hartanah, loji dan peralatan yang merangkumi terutamanya kos pengubahsuaian yang digunakan untuk cawangan runcit, Hab Latihan CUCKOO dan hab pengedaran; dan
- (ii) RM2.0 juta faedah yang diterima daripada deposit jangka pendek dengan institusi kewangan.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan

Tunai bersih kami daripada aktiviti pembiayaan ialah sebanyak RM132.1 juta, yang disebabkan terutamanya oleh perkara berikut:

- (i) RM305.0 juta diterima daripada penggunaan pinjaman dan peminjaman;
- (ii) RM73.4 juta dividen yang dibayar kepada pemegang saham kami pada 25 April 2024 (lihat Seksyen 12.5 Prospektus ini untuk maklumat lanjut);
- (iii) RM55.2 juta dalam pembayaran balik Pinjaman BoC dan pinjaman bertempoh lain;
- (iv) RM32.2 juta dalam pembayaran balik pinjaman daripada syarikat induk terdekat kami, CKH; dan
- (v) RM9.1 juta dalam pembayaran liabiliti pajakan berkaitan dengan penyewaan premis yang diiktiraf menurut MFRS 16, Pajakan.

12.3.3 Nisbah kewangan utama

Jadual berikut menyatakan nisbah kewangan utama kami yang tertentu bagi tahun/tempoh kewangan yang dinyatakan:

	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2024
Tempoh pusing ganti perdagangan belum terima (hari) ⁽¹⁾	217	283	307	337
Tempoh pusing ganti perdagangan belum bayar (hari) ⁽²⁾	150	76	88	82
Pusing ganti inventori (hari) ⁽³⁾	49	67	62	57
Nisbah semasa (kali) ⁽⁴⁾	1.4	1.4	1.1	1.2
Nisbah penggearan (kali) ⁽⁵⁾	0.3	0.2	0.1	0.4
Jumlah pinjaman ⁽⁶⁾	161,772	112,188	59,952	309,729

Nota-nota:

- (1) Dikira berdasarkan purata perdagangan belum terima kasar dan pelaburan bersih dalam pajakan pada permulaan dan akhir tahun/tempoh kewangan dibahagi dengan jumlah hasil bagi tahun/tempoh kewangan tersebut, dan didarab dengan bilangan hari pada tahun/tempoh kewangan.
- (2) Dikira berdasarkan purata perdagangan belum bayar pada permulaan dan akhir tahun/tempoh kewangan dibahagi dengan jumlah kos jualan bagi tahun/tempoh kewangan tersebut, dan didarab dengan bilangan hari pada tahun/tempoh kewangan.
- (3) Dikira berdasarkan purata inventori pada permulaan dan akhir tahun/tempoh kewangan dibahagi dengan jumlah kos jualan tahun/tempoh kewangan tersebut, dan didarab dengan bilangan hari pada tahun/tempoh kewangan.
- (4) Dikira berdasarkan aset semasa dibahagi dengan liabiliti semasa.
- (5) Dikira berdasarkan jumlah pinjaman bank serta jumlah liabiliti pajakan, dibahagi dengan jumlah ekuiti pada akhir tahun/tempoh kewangan.
- (6) Jumlah pinjaman terdiri daripada pinjaman bank berfaedah.

12. MAKLUMAT KEWANGAN**(a) Pusing ganti perdagangan belum terima**

Jadual di bawah menyatakan ringkasan pecahan perdagangan belum terima kami bagi tahun/tempoh kewangan yang dinyatakan:

	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pembuka perdagangan belum terima	586,666	769,273	852,233	1,025,881
- Pelaburan bersih dalam pajakan	530,303	729,668	806,536	963,612
- Perdagangan belum terima	56,363	39,605	45,697	62,269
Penutup perdagangan belum terima	769,273	852,233	1,025,881	1,263,232
- Pelaburan bersih dalam pajakan	729,668	806,536	963,612	1,192,778
- Perdagangan belum terima	39,605	45,697	62,269	70,454
Purata perdagangan belum terima	677,970	810,753	939,057	1,144,557
Jumlah hasil	1,139,076	1,046,446	1,116,649	930,365
Tempoh pusing ganti perdagangan belum terima (hari)⁽¹⁾	217	283	307	337

Nota:

- (1) Dikira berdasarkan purata perdagangan belum terima dibahagi dengan jumlah hasil bagi tahun kewangan tersebut, dan didarab dengan bilangan hari pada tahun/tempoh kewangan.

Kami biasanya menawarkan pelanggan korporat kami tempoh pembayaran sehingga 60 hari. Pelanggan kami yang membeli produk dan perkhidmatan melalui pelan sewaan, selain pelanggan korporat, membuat pembayaran terlebih dahulu, dengan bayaran baki dibuat setiap bulan sepanjang tempoh kontrak yang berkaitan.

Purata tempoh pusing ganti perdagangan belum terima kami meningkat daripada 307 hari pada 31 Disember 2023 kepada 337 hari pada 30 September 2024. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam jualan produk melalui pelan sewaan.

Purata tempoh pusing ganti perdagangan belum terima kami meningkat daripada 283 hari pada 31 Disember 2022 kepada 307 hari pada 31 Disember 2023. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam jualan produk yang memiliki pelan sewaan dengan tempoh yang lebih lama.

Purata tempoh pusing ganti perdagangan belum terima kami meningkat daripada 217 hari pada 31 Disember 2021 kepada 283 hari pada 31 Disember 2022. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam jualan produk yang memiliki pelan sewaan dengan tempoh yang lebih lama.

Pada 30 September 2024, kami mempunyai sebanyak RM70.5 juta dalam perdagangan belum terima belum jelas, yang merangkumi terutamanya bayaran sewa bulanan daripada pelanggan kami.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Jadual berikut menyatakan analisis pengusiaan untuk perdagangan belum terima kami pada 30 September 2024:

	Lampau tempoh (bulan)							Jumlah RM'000
	Semasa RM'000	1 RM'000	2 RM'000	3 RM'000	4 RM'000	5 RM'000	Lebih dari- pada 5 RM'000	
Perdagangan belum terima	349	11,610	4,102	2,977	2,824	2,019	46,573	70,454
% daripada jumlah perdagangan belum terima	0.5%	16.5%	5.8%	4.2%	4.0%	2.9%	66.1%	100.0%
Kutipan berikutnya hingga LPD	349	9,891	2,538	1,066	1,130	531	17,473	32,978
Perdagangan belum terima belum jelas pada LPD	-	1,719	1,564	1,911	1,694	1,488	29,100	37,476
% daripada jumlah perdagangan belum terima	-	2.4%	2.2%	2.7%	2.4%	2.1%	41.3%	53.1%

Kami tidak mempunyai apa-apa pendedahan yang signifikan kepada mana-mana pelanggan individu kerana nilai setiap bayaran sewa bulanan oleh mereka adalah rendah. Pelanggan kami tertakluk pada semakan penilaian kredit sebelum mereka dibenarkan membeli produk kami di bawah pelan sewaan. Secara amnya, keupayaan kami untuk mengutip bayaran daripada pelanggan berkurangan apabila jangka masa pembayaran tersebut telah lampau tempoh meningkat. Pada LPD, kami telah mengutip sebanyak kira-kira RM32.9 juta atau 46.9% daripada jumlah perdagangan belum terima yang belum dijelaskan pada 30 September 2024.

(b) Pusing ganti perdagangan belum bayar

	FYE2021 RM'000	FYE2022 RM'000	FYE2023 RM'000	FPE2024 RM'000
Pembuka perdagangan belum bayar	482,001	125,986	148,573	212,342
- Amaun terhutang kepada syarikat induk terdekat	463,192	66,759	98,966	140,339
- Amaun terhutang kepada perbadanan berkaitan	11,010	268	2,035	153
- Perdagangan belum bayar	1,455	4,703	8,675	34,431
- Akruan perdagangan	6,344	54,256	38,897	37,419
Penutup perdagangan belum bayar	125,986	148,573	212,342	169,150
- Amaun terhutang kepada syarikat induk terdekat	66,759	98,966	140,339	46,942
- Amaun terhutang kepada perbadanan berkaitan	268	2,035	153	263
- Perdagangan belum bayar	4,703	8,675	34,431	83,746
- Akruan perdagangan	54,256	38,897	37,419	38,199
Purata perdagangan belum bayar	303,994	137,280	180,458	190,746
Kos jualan	738,736	661,439	746,534	640,428
Tempoh pusing ganti perdagangan belum bayar (hari)⁽¹⁾	150	76	88	82

12. MAKLUMAT KEWANGAN**Nota:**

- (1) Dikira berdasarkan purata perdagangan belum bayar dibahagi dengan jumlah kos jualan bagi tahun kewangan tersebut, dan didarab dengan bilangan hari pada tahun/tempoh kewangan.

Pada Julai 2024, tempoh pembayaran balik kami untuk Kumpulan CUCKOO Holdings telah ditukar daripada 24 bulan kepada 90 hari. Berikutan itu, tempoh kredit biasa yang diberikan kepada kami oleh pembekal kami biasanya berkisar antara 30 hingga 90 hari. Kami telah memeterai pengaturan perkongsian hasil dengan LSK dan OGAWA Malaysia, yang di bawahnya pembayaran untuk pelan sewaan dibuat apabila berjaya membuat kutipan bulanan daripada pelanggan kami mengikut perjanjian pengedaran kami dengan mereka sepanjang tempoh kontrak sewa.

Tempoh pusing ganti perdagangan belum bayar kami menurun daripada 88 hari bagi FYE2023 kepada 82 hari bagi FPE2024. Ini disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik yang dibuat kepada Kumpulan CUCKOO Holdings pada FPE2024.

Tempoh pusing ganti perdagangan belum bayar kami meningkat daripada 76 hari bagi FYE2022 kepada 88 hari bagi FYE2023 disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam perdagangan belum bayar yang terhutang kepada LSK dan OGAWA Malaysia di bawah pengaturan perkongsian hasil yang perlu dibayar sepanjang tempoh kontrak sewa.

Tempoh pusing ganti perdagangan belum bayar kami bertambah baik daripada 150 hari pada 31 Disember 2021 kepada 76 hari pada 31 Disember 2022. Ini disebabkan terutamanya oleh penukaran perdagangan belum bayar yang terhutang kepada CKH kepada pinjaman pemegang saham.

Jadual berikut menyatakan analisis pengusuaian untuk perdagangan belum bayar kami pada 30 September 2024 adalah seperti berikut:

	Lampau tempoh (bulan)						
	Sema- sa	1			Lebih dari- pada 3		Jumlah
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	
Perdagangan belum bayar	22,302	26,319	30,493	958	50,879	130,951	
% daripada jumlah perdagangan belum bayar	17.0%	20.1%	23.3%	0.7%	38.9%	100.0%	
Bayaran berikutnya hingga LPD	<u>18,684</u>	<u>21,614</u>	<u>20,608</u>	<u>227</u>	<u>8,801</u>	<u>69,934</u>	
Perdagangan belum bayar belum jelas pada LPD	3,618	4,705	9,885	731	42,078	61,017	
% daripada jumlah perdagangan belum bayar	2.8%	3.6%	7.5%	0.6%	32.1%	46.6%	

Pada LPD, kami telah membayar sebanyak RM69.9 juta atau 53.4% daripada jumlah perdagangan belum bayar belum jelas kami pada 30 September 2024. Perdagangan belum bayar yang telah lampau tempoh adalah disebabkan terutamanya oleh pengaturan perkongsian hasil dengan rakan kongsi perniagaan kami.

12. MAKLUMAT KEWANGAN**(c) Pusing ganti inventori**

Inventori kami merangkumi barang siap dan barang dalam perjalanan, iaitu produk yang kami beli daripada CKH dan rakan kongsi perniagaan kami yang merupakan pembekal kami. Jadual di bawah menyatakan ringkasan pecahan inventori kami bagi tahun/tempoh kewangan yang dinyatakan:

	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Penutup inventori	110,680	133,205	122,068	142,430
Barang siap	76,441	118,754	98,057	121,310
Barang dalam perjalanan	34,239	14,451	24,011	21,120
Pembuka inventori	87,370	110,680	133,205	122,068
Purata inventori	99,025	121,943	127,637	132,249
Kos barang yang dijual	738,736	661,439	746,534	640,428
Pusing ganti inventori (hari) ⁽¹⁾	49	67	62	57

Nota:

- (1) Dikira sebagai purata pembuka dan penutup inventori bagi tahun/tempoh kewangan dibahagi dengan kos barang yang dijual bagi tahun/tempoh kewangan tersebut, didarab dengan bilangan hari dalam tahun/tempoh kewangan tersebut.

Tempoh pusing ganti inventori kami menurun daripada 62 hari bagi FYE2023 kepada 57 hari bagi FPE2024. Ini disebabkan terutamanya oleh kos jualan yang lebih tinggi sejajar dengan bilangan unit yang terjual yang lebih tinggi pada FPE2024.

Tempoh pusing ganti inventori kami bertambah baik daripada 67 hari bagi FYE2022 kepada 62 hari bagi FYE2023. Ini disebabkan terutamanya oleh kos jualan yang lebih tinggi sejajar dengan bilangan unit yang terjual yang lebih tinggi pada FYE2023.

Tempoh pusing ganti inventori kami meningkat daripada 49 hari bagi FYE2021 kepada 67 hari bagi FYE2022. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam barangan siap dan kos jualan yang lebih rendah, kedua-duanya sejajar dengan jualan produk yang lebih rendah.

(d) Nisbah semasa

Jadual berikut menyatakan nisbah semasa kami bagi tahun/tempoh kewangan yang dinyatakan di bawah:

	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aset semasa	500,008	608,552	522,968	586,582
Liabiliti semasa	348,680	437,040	463,219	504,041
Nisbah semasa (kali)	1.4	1.4	1.1	1.2

Nisbah semasa kami meningkat daripada 1.1 kali pada 31 Disember 2023 kepada 1.2 kali pada 30 September 2024 disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik kami kepada Kumpulan CUCKOO Holdings pada FPE2024, yang kami lakukan dengan menggunakan pinjaman bertempoh kami.

Nisbah semasa kami menurun daripada 1.4 kali pada 31 Disember 2022 kepada 1.1 kali pada 31 Disember 2023 disebabkan terutamanya oleh tunai dan kesetaraan tunai yang lebih rendah yang timbul daripada pembelian secara tunai hab pengedaran di Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Nisbah semasa kami kekal pada 1.4 kali pada 31 Disember 2021 dan 31 Disember 2022.

(e) Nisbah penggearan

Jadual berikut menyatakan nisbah penggearan kami bagi tahun/tempoh kewangan yang dinyatakan di bawah:

	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pinjaman dan peminjaman	161,772	112,188	59,952	309,729
Liabiliti pajakan	20,959	17,888	13,773	10,330
Jumlah ekuiti	567,243	706,305	797,356	828,850
Nisbah penggearan (kali)⁽¹⁾	0.3	0.2	0.1	0.4

Nota:

- (1) Dikira berdasarkan jumlah pinjaman dan peminjaman serta jumlah liabiliti pajakan, dibahagi dengan jumlah ekuiti.

Nisbah penggearan kami meningkat daripada 0.1 kali pada 31 Disember 2023 kepada 0.4 kali pada 30 September 2024 disebabkan terutamanya oleh penggunaan pinjaman bank pada FPE2024.

Nisbah penggearan kami menurun daripada 0.2 kali pada 31 Disember 2022 kepada 0.1 kali pada 31 Disember 2023 disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik Pinjaman BoC pada FYE2023.

Nisbah penggearan kami menurun daripada 0.3 kali pada 31 Disember 2021 kepada 0.2 kali pada 31 Disember 2022 disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik Pinjaman BoC pada FYE2022.

12.3.4 Pinjaman bank

Pada 30 September 2024, jumlah pinjaman bank belum jelas Kumpulan kami berjumlah RM309.7 juta, yang kesemuanya berkaitan dengan pinjaman bank berfaedah.

Untuk maklumat lanjut mengenai pinjaman bank kami, lihat Nota 13 Laporan Akauntan dalam Seksyen 13 Prospektus ini.

Kami belum pernah mungkir membayar sama ada faedah atau pokok untuk mana-mana pinjaman bank kami semasa Tahun Kewangan dalam Semakan, dan dari 1 Januari 2024 hingga dan termasuk LPD.

Pada LPD, kami tidak melanggar terma dan syarat atau kovenan yang berkaitan dengan pinjaman bank kami yang boleh menjejaskan secara material kedudukan kewangan dan keputusan operasi kami atau pelaburan dalam Saham kami. Tiada kebermusiman dalam trend pinjaman bank kami dan tiada sekatan terhadap penggunaan kemudahan perbankan komited kami.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Pada 30 September 2024, semua pinjaman bank kami adalah berfaedah termasuk RM10.9 juta pinjaman kadar tetap dan RM298.8 juta pinjaman kadar boleh ubah. Jadual berikut menyatakan profil kematangan pinjaman bank kami pada 30 September 2024:

	Kadar faedah berkontrak	Mengikut permintaan atau dalam tempoh 1 tahun	Dalam tempoh 1 tahun hingga 5 tahun	Lebih 5 tahun	Jumlah
	%	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pinjaman bertempoh	4.00 - 4.85%	154,431	155,298	-	309,729
Jumlah		154,431	155,298	-	309,729

Kami merancang untuk memenuhi obligasi tunai berkontrak kami melalui tunai dan kesetaraan tunai di tangan kami, serta tunai yang dijana daripada operasi masa depan dan pembiayaan daripada aktiviti pembiayaan lain (jika perlu).

Profil mata wang bagi pinjaman bank kami pada 30 September 2024:

	Kena bayar dalam tempoh 12 bulan	Kena bayar selepas 12 bulan	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000
RM / CNY ⁽¹⁾	10,900	-	10,900
Jumlah	10,900	-	10,900

Nota:

- (1) Pinjaman BoC kami didenominasikan dalam CNY, menurut pengaturan swap mata wang bersilang kami untuk melindungi nilai terhadap pendedahan mata wang asing asas di bawah pinjaman tersebut. Pada LPD, Pinjaman BoC telah dibayar balik sepenuhnya

12.3.5 Perbelanjaan dan penyahlaburan modal**Perbelanjaan modal**

Perbelanjaan modal kami bagi Tahun Kewangan dalam Semakan, dan FPE2024 dan dari 1 Oktober 2024 hingga LPD adalah seperti di bawah:

	FYE2021	FYE2022	FYE2023	FPE2024	Dari 1 Oktober 2024 hingga LPD
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Modal kerja dalam pelaksanaan	-	6,000	-	-	-
Bangunan	-	-	57,704	-	-
Perabot danengkapan	423	387	1,193	396	19
Peralatan	300	235	641	106	159
Komputer dan perisian	1,048	632	347	123	51
Kenderaan bermotor	70	232	455	-	-
Pengubahsuaian	1,925	828	2,599	1,531	529
Papan tanda	181	116	93	88	50
Jumlah	3,947	8,430	63,032	2,244	808

12. MAKLUMAT KEWANGAN

Perbelanjaan modal kami bagi FYE2021 merangkumi terutamanya komputer dan perisian yang dibeli untuk pekerja kami dan kos pengubahsuaian untuk cawangan runcit dan hab pengedaran kami.

Perbelanjaan modal kami bagi FYE2022 merangkumi terutamanya modal kerja dalam pelaksanaan untuk pemerolehan premis pejabat kami.

Perbelanjaan modal kami bagi FYE2023 merangkumi terutamanya kos berhubung dengan pembelian hab pengedaran di Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan, dan kos pengubahsuaian cawangan runcit dan hab pengedaran kami.

Perbelanjaan modal kami bagi FPE2024 merangkumi terutamanya kos pengubahsuaian cawangan runcit, Hab Latihan CUCKOO dan hab pengedaran kami.

Perbelanjaan modal kami untuk tempoh dari 1 Oktober 2024 hingga LPD merangkumi terutamanya kos pengubahsuaian untuk cawangan runcit dan Pusat Servis CUCKOO+ kami.

Penyahlaburan modal

Pada September 2022, kami telah melupuskan keseluruhan kepentingan ekuiti kami sebanyak 28.44% dalam CUCKOO Indonesia kepada pihak ketiga dengan jumlah pertimbangan tunai sebanyak RM152,000, berikutan keputusan pihak pengurusan kami untuk menumpukan pada pasaran sedia ada kami. Selain ini, kami tidak melakukan apa-apa penyahlaburan modal bagi Tahun Kewangan dalam Semakan, FPE2024 dan untuk tempoh dari 1 Oktober 2024 hingga LPD.

12.3.6 Komitmen modal material dan obligasi berkontrak

Komitmen modal material kami pada LPD adalah seperti berikut:

	Pada LPD
	RM'000
Diluluskan tetapi tidak dikontrak bagi:	
Pembukaan Brandshops	5,000
Menaik taraf sistem IT	5,600
Jumlah	10,600

Kami merancang untuk memenuhi komitmen modal material kami melalui perolehan daripada IPO kami, dengan apa-apa kekurangan akan dibiayai daripada dana yang dijana secara dalaman dan/atau pembiayaan luaran. Sila rujuk Seksyen 4.5 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai penggunaan perolehan kami.

Selain yang dinyatakan di atas, pada LPD, kami tidak mempunyai apa-apa komitmen modal material lain yang ditanggung atau diketahui akan ditanggung oleh kami yang mungkin mempunyai kesan buruk yang material terhadap keputusan kewangan kami.

12.3.7 Buku pesanan

Disebabkan oleh sifat perniagaan kami, kami tidak menggunakan buku pesanan.

12.3.8 Maklumat trend

Selain yang didedahkan dalam Prospektus ini, dan berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan Lembaga kami, tiada faktor, trend, ketidakpastian, tuntutan, komitmen atau peristiwa yang diketahui lain yang secara munasabah berkemungkinan mempunyai kesan material terhadap perniagaan, keadaan kewangan dan keputusan operasi kami atau menjadikan penyata kewangan disatukan lampau Kumpulan kami tidak menunjukkan prestasi dan kedudukan kewangan masa depan kami.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

12.3.9 Dasar dan objektif perbendaharaan

Salah satu tanggungjawab utama perbendaharaan adalah untuk memastikan bahawa kami mempunyai kecairan dan tunai untuk memenuhi obligasi kami apabila tiba masanya. Sumber utama kecairan kami ialah tunai dan baki bank kami, tunai yang dijana daripada operasi kami, serta pinjaman dan peminjaman kami. Adalah menjadi tanggungjawab perbendaharaan untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan mengawal risiko (kecairan, faedah, mata wang, kredit, undang-undang dan kawal selia) yang berkaitan dengan aktiviti ini, menggunakan teknik pengurangan yang sesuai.

Matlamat keseluruhan pengurusan modal kami adalah untuk memastikan kemampuan ekuiti pemegang saham, yang dengan itu mengukuhkan kapasiti kami untuk menyokong dan mengembangkan perniagaan kami untuk memaksimumkan nilai pemegang saham.

12. MAKLUMAT KEWANGAN**12.4 PERMODALAN DAN KETERHUTANGAN**

Jadual di bawah meringkaskan permodalan dan keterhutangan kami pada 31 Januari 2025, dan selepas dilaraskan untuk kesan Terbitan Awam dan penggunaan perolehan IPO sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 4.5 Prospektus ini.

	<u>Tidak teraudit</u>	<u>(I)</u>	<u>(II)</u>
	Pada 31 Jan 2025	Selepas Terbitan Awam	Selepas (I) dan penggunaan perolehan IPO kami
	RM'000	RM'000	RM'000
Keterhutangan			
<u>Semasa</u>			
<u>Bercagar dan tidak dijamin</u>			
Pinjaman bertempoh	106,800	106,800	66,800
<u>Tidak bercagar dan tidak dijamin</u>			
Pinjaman bertempoh	29,673	29,673	29,673
Kemudahan <i>Islamic multi trade lines</i>	10,695	10,695	10,695
Sewa beli	15	15	15
Liabiliti pajakan	7,357	7,357	7,357
	<u>154,540</u>	<u>154,540</u>	<u>114,540</u>
<u>Bukan semasa</u>			
<u>Bercagar dan tidak dijamin</u>			
Pinjaman bertempoh	82,700	82,700	82,700
<u>Tidak bercagar dan tidak dijamin</u>			
Pinjaman bertempoh	49,648	49,648	49,648
Liabiliti pajakan	3,394	3,394	3,394
	<u>135,742</u>	<u>135,742</u>	<u>135,742</u>
Jumlah keterhutangan	<u><u>290,282</u></u>	<u><u>290,282</u></u>	<u><u>250,282</u></u>
Ekuiti/permodalan pemegang saham:			
Modal saham	186,428	364,373	364,373
Rizab	676,347	670,449	670,449
Jumlah ekuiti berkaitan dengan pemilik Syarikat kami	862,775	1,034,822	1,034,822
Kepentingan tak mengawal	(2,236)	(2,236)	(2,236)
Jumlah permodalan/ekuiti pemegang saham	<u>860,539</u>	<u>1,032,586</u>	<u>1,032,586</u>
Jumlah permodalan dan keterhutangan	<u><u>1,150,821</u></u>	<u><u>1,322,868</u></u>	<u><u>1,282,868</u></u>
Nisbah penggearan (kali) ⁽¹⁾	0.34	0.28	0.24

Nota:

- (1) Dikira berdasarkan jumlah keterhutangan dibahagi dengan jumlah permodalan / ekuiti pemegang saham.

Pada LPD, kami tidak mempunyai apa-apa liabiliti luar jangka yang, apabila dikuatkuasakan, mungkin mempunyai kesan buruk yang material terhadap keputusan operasi atau kedudukan kewangan kami.

12. MAKLUMAT KEWANGAN

12.5 DASAR DIVIDEN

Tiada inferens patut dibuat daripada mana-mana pernyataan di atas tentang keuntungan masa depan sebenar kami atau keupayaan kami untuk membayar dividen pada masa depan.

Dividen sebenar yang mungkin disyorkan atau diisytiharkan oleh Lembaga kami dalam mana-mana tahun atau tempoh kewangan tertentu akan tertakluk pada faktor-faktor yang digariskan di bawah serta mana-mana faktor lain yang dianggap relevan oleh Lembaga kami. Dalam mempertimbangkan tahap pembayaran dividen, jika ada, atas syor Lembaga kami, kami berhasrat untuk mempertimbangkan pelbagai faktor termasuk:

- (i) tahap tunai, pengedaran, pulangan atas ekuiti dan perolehan tertahan kami;
- (ii) tahap unjuran perbelanjaan modal dan rancangan pertumbuhan/pelaburan lain kami; dan
- (iii) kovenan dan syarat terhad yang terpakai di bawah dokumen pembiayaan kami.

Pada LPD, Kumpulan kami mempunyai kemudahan perbankan dengan Bank of China (Malaysia) Berhad, Affin Islamic Bank Berhad, AmBank (M) Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad, yang kami dilarang daripada mengisytiharkan dividen tanpa kebenaran bertulis institusi kewangan tersebut. Sekatan ini akan kekal selagi kemudahan itu masih ada, melainkan terma diubah atau dipinda.

Keupayaan kami untuk mengisytiharkan dividen akan bergantung pada hasil kendalian, perolehan, keperluan modal, keadaan kewangan am dan faktor lain yang berkaitan termasuk kawalan pertukaran.

Kami menasaskan nisbah pembayaran sekurang-kurangnya 20% daripada keuntungan bersih kami berkaitan dengan pemilik Syarikat kami bagi setiap tahun kewangan secara penyatuan selepas mengambil kira modal kerja, modal penyelenggaraan (yang merujuk kepada modal yang digunakan terutamanya untuk penyelenggaraan cawangan runcit dan Pusat Servis CUCKOO+ kami) dan keperluan modal komited Kumpulan kami. Pengisytiharan dan pembayaran apa-apa dividen adalah tertakluk pada pengesahan Lembaga kami serta mana-mana undang-undang yang terpakai, syarat lesen dan obligasi kontrak serta dengan syarat pengagihan tersebut tidak akan memudaratkan keperluan tunai kami atau mana-mana rancangan yang diluluskan oleh Lembaga kami.

Pelabur harus ambil perhatian bahawa dasar dividen ini hanya menerangkan hasrat semasa kami dan tidak akan membentuk pernyataan yang mengikat secara sah berhubung dengan dividen masa depan kami yang tertakluk pada pengubahsuaian (termasuk tidak mengisytiharkannya) mengikut budi bicara Lembaga kami. Tidak ada jaminan bahawa kami akan dapat membayar dividen atau Lembaga kami akan mengisytiharkan dividen pada masa depan. Tidak ada jaminan juga bahawa dividen masa depan yang diisytiharkan oleh Lembaga kami, jika ada, tidak akan berbeza secara material daripada tahap dividen lampau. Lihat Seksyen 9.1.4 Prospektus ini untuk faktor-faktor yang boleh menjejaskan atau menyekat keupayaan kami untuk membayar dividen.

Kami tidak mengisytiharkan atau membayar apa-apa dividen kepada pemegang saham kami bagi FYE2021, FYE2022 dan FPE2024. Bagi FYE2023, kami mengisytiharkan dividen sebanyak RM73.4 juta (nisbah pembayaran dividen sebanyak 84.1%) yang telah dibayar pada 25 April 2024 ("**Dividen**"). Dividen tersebut dibiayai sepenuhnya melalui dana yang dijana secara dalaman. Pengarah kami mengesahkan bahawa melangkah ke hadapan, dividen yang diisytiharkan dan dibayar tidak dijangka akan menjejaskan rancangan dan strategi masa depan kami sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 7.4 Prospektus ini. Kami tidak berhasrat untuk mengisytiharkan apa-apa dividen sebelum Penyenaraian kami.

13. LAPORAN AKAUNTAN

Cuckoo International (MAL) Berhad
(No. Pendaftaran 201401026804 (1102894-H))
(Diperbadankan di Malaysia)
dan anak-anak syarikatnya

**Laporan Akauntan mengenai
Penyata Kewangan Disatukan**

13. LAPORAN AKAUNTAN

1

Cuckoo International (MAL) Berhad

(No. Pendaftaran 201401026804 (1102894-H))

(Diperbadankan di Malaysia)

dan anak-anak syarikatnya**Penyata kedudukan kewangan disatukan**

	Nota	30.9.2024 RM'000 Teraudit	31.12.2023 RM'000 Teraudit	31.12.2022 RM'000 Teraudit	31.12.2021 RM'000 Teraudit
Aset					
Hartanah, loji dan peralatan	3	76,887	100,557	86,094	135,778
Aset hak penggunaan	4	9,153	12,112	10,173	12,462
Aset tidak ketara	5	6,481	7,228	8,225	9,222
Perdagangan belum terima dan belum terima lain	8	771,006	600,545	505,707	486,727
Aset cukai tertunda	9	40,937	31,598	23,443	12,472
Jumlah aset bukan semasa		904,464	752,040	633,642	656,661
Inventori	10	142,430	122,068	133,205	110,680
Perdagangan belum terima dan belum terima lain	8	328,339	308,743	330,859	295,216
Aset cukai semasa		212	202	202	162
Prabayaran		13,314	7,856	10,803	8,710
Tunai dan setara tunai	11	102,287	84,099	133,483	85,240
Jumlah aset semasa		586,582	522,968	608,552	500,008
Jumlah aset		1,491,046	1,275,008	1,242,194	1,156,669
Ekuiti					
Modal saham	12	186,428	186,428	44,031	44,031
Rizab		644,446	612,638	663,593	524,146
Ekuiti yang berkaitan dengan pemilik Syarikat		830,874	799,066	707,624	568,177
Kepentingan bukan kawalan		(2,024)	(1,710)	(1,319)	(934)
Jumlah ekuiti		828,850	797,356	706,305	567,243
Liabiliti					
Pinjaman dan peminjaman	13	155,298	-	53,655	106,239
Liabiliti pajakan		2,857	4,170	7,834	11,342
Perdagangan belum bayar dan belum bayar lain	14	-	10,263	37,360	123,165
Jumlah liabiliti bukan semasa		158,155	14,433	98,849	240,746
Pinjaman dan peminjaman	13	154,431	59,952	58,533	55,533
Liabiliti pajakan		7,473	9,603	10,054	9,617
Perdagangan belum bayar dan belum bayar lain	14	261,443	306,759	266,992	175,548
Peruntukan	15	12,206	13,642	14,705	12,292
Liabiliti cukai semasa		14,779	8,247	14,749	29,655
Pendapatan tertunda	16	1,088	3,659	10,140	17,021
Liabiliti kontrak	17	52,621	61,357	61,867	49,014
Jumlah liabiliti semasa		504,041	463,219	437,040	348,680
Jumlah liabiliti		662,196	477,652	535,889	589,426
Jumlah ekuiti dan liabiliti		1,491,046	1,275,008	1,242,194	1,156,669

Nota pada muka surat 12 hingga 87 adalah sebahagian daripada penyata kewangan disatukan ini.

13. LAPORAN AKAUNTAN

2

Cuckoo International (MAL) Berhad

(No. Pendaftaran 201401026804 (1102894-H))

(Diperbadankan di Malaysia)

dan anak-anak syarikatnya**Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain disatukan**

	Nota	1.1.2024 hingga 30.9.2024 RM'000	1.1.2023 hingga 30.9.2023 RM'000 Tidak Teraudit	1.1.2023 hingga 31.12.2023 RM'000 Teraudit	1.1.2022 hingga 31.12.2022 RM'000 Teraudit	1.1.2021 hingga 31.12.2021 RM'000 Teraudit
Hasil	18	930,365	823,003	1,116,649	1,046,446	1,139,076
Kos jualan		(640,428)	(545,533)	(746,534)	(661,439)	(738,736)
Untung kasar		289,937	277,470	370,115	385,007	400,340
Pendapatan lain		3,280	3,362	3,825	12,458	17,653
Perbelanjaan pengagihan		(63,388)	(56,392)	(84,870)	(77,889)	(58,009)
Perbelanjaan pentadbiran		(53,835)	(44,155)	(62,740)	(201,059)	(51,303)
Rugi bersih atas rosot nilai instrumen kewangan	21	(36,014)	(43,498)	(52,258)	(27,772)	(20,661)
Keputusan daripada aktiviti operasi		139,980	136,787	174,072	90,745	288,020
Pendapatan kewangan	19	10,901	2,065	2,739	2,473	1,637
Kos kewangan	20	(14,597)	(37,460)	(38,180)	(41,246)	(40,230)
Kos kewangan bersih		(3,696)	(35,395)	(35,441)	(38,773)	(38,593)
Untung sebelum cukai	21	136,284	101,392	138,631	51,972	249,427
Perbelanjaan cukai	22	(32,595)	(42,286)	(51,762)	(49,917)	(62,991)
Untung bagi tempoh/tahun		103,689	59,106	86,869	2,055	186,436
Pendapatan/ (perbelanjaan) komprehensif lain, ditolak cukai						
Item yang atau mungkin dikelaskan semula kemudiannya kepada untung atau rugi						
Perbezaan terjemahan mata wang asing untuk operasi asing		1,183	(550)	(706)	(502)	(70)
Pendapatan/ (perbelanjaan) komprehensif lain bagi tempoh/tahun, ditolak cukai		1,183	(550)	(706)	(502)	(70)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh/tahun		104,872	58,556	86,163	1,553	186,366

13. LAPORAN AKAUNTAN

3

Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain disatukan (sambungan)

	Nota	1.1.2024 hingga 30.9.2024 RM'000	1.1.2023 hingga 30.9.2023 RM'000 Tidak Teraudit	1.1.2023 hingga 31.12.2023 RM'000 Teraudit	1.1.2022 hingga 31.12.2022 RM'000 Teraudit	1.1.2021 hingga 31.12.2021 RM'000 Teraudit
Untung/(Rugi) yang berkaitan dengan:						
Pemilik Syarikat		104,003	59,232	87,260	2,440	186,694
Kepentingan bukan kawalan		(314)	(126)	(391)	(385)	(258)
Untung bagi tempoh/tahun		<u>103,689</u>	<u>59,106</u>	<u>86,869</u>	<u>2,055</u>	<u>186,436</u>
Jumlah pendapatan/ (perbelanjaan) komprehensif yang berkaitan dengan:						
Pemilik Syarikat		105,186	58,682	86,554	1,938	186,624
Kepentingan bukan kawalan		(314)	(126)	(391)	(385)	(258)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh/tahun		<u>104,872</u>	<u>58,556</u>	<u>86,163</u>	<u>1,553</u>	<u>186,366</u>
Perolehan asas sesaham biasa (sen)	23	<u>8.07</u>	<u>4.75</u>	<u>6.94</u>	<u>0.21</u>	<u>16.08</u>
Perolehan dicairkan sesaham biasa (sen)	23	<u>8.07</u>	<u>4.75</u>	<u>6.94</u>	<u>0.20</u>	<u>16.08</u>

Nota pada muka surat 12 hingga 87 adalah sebahagian daripada penyata kewangan disatukan ini.

13. LAPORAN AKAUNTAN

4

Cuckoo International (MAL) Berhad

(No. Pendaftaran 201401026804 (1102894-H))

(Diperbadankan di Malaysia)

dan anak-anak syarikatnya**Penyata perubahan dalam ekuiti disatukan**

Teraudit	/-----Berkaitan dengan pemilik Syarikat-----/ /-----Tidak boleh diagihkan-----/						Jumlah ekuiti RM'000
	Modal saham RM'000	Rizab pilihan saham RM'000	Rizab terjemahan RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah RM'000	Kepentingan bukan kawalan RM'000	
Pada 1 Januari 2021	44,031	-	(23)	337,545	381,553	(676)	380,877
Perbezaan terjemahan mata wang asing untuk operasi asing	-	-	(70)	-	(70)	-	(70)
Jumlah perbelanjaan komprehensif lain bagi tahun tersebut	-	-	(70)	-	(70)	-	(70)
Untung/(Rugi) bagi tahun tersebut	-	-	-	186,694	186,694	(258)	186,436
Jumlah (perbelanjaan)/pendapatan komprehensif bagi tahun tersebut	-	-	(70)	186,694	186,624	(258)	186,366
Pada 31 Disember 2021/1 Januari 2022	44,031	-	(93)	524,239	568,177	(934)	567,243
Perbezaan terjemahan mata wang asing untuk operasi asing	-	-	(502)	-	(502)	-	(502)
Jumlah perbelanjaan komprehensif lain bagi tahun tersebut	-	-	(502)	-	(502)	-	(502)
Untung/(Rugi) bagi tahun tersebut	-	-	-	2,440	2,440	(385)	2,055
Jumlah (perbelanjaan)/pendapatan komprehensif bagi tahun tersebut	-	-	(502)	2,440	1,938	(385)	1,553
<i>Sumbangan oleh pemilik Syarikat:</i>							
- Urus niaga pembayaran berasaskan saham	-	137,509	-	-	137,509	-	137,509
Pada 31 Disember 2022	44,031	137,509	(595)	526,679	707,624	(1,319)	706,305
	Nota 12	Nota 12					

13. LAPORAN AKAUNTAN

5

Penyata perubahan dalam ekuiti disatukan (sambungan)

Teraudit	/----- Berkaitan dengan pemilik Syarikat -----/				Jumlah RM'000	Kepenting- an bukan kawalan RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
	Modal saham RM'000	Rizab pilihan saham RM'000	Rizab terjemahan RM'000	Perolehan tertahan RM'000			
Pada 1 Januari 2023	44,031	137,509	(595)	526,679	707,624	(1,319)	706,305
Perbezaan terjemahan mata wang asing untuk operasi asing	-	-	(706)	-	(706)	-	(706)
Jumlah perbelanjaan komprehensif lain bagi tahun tersebut	-	-	(706)	-	(706)	-	(706)
Untung/(Rugi) bagi tahun tersebut	-	-	-	87,260	87,260	(391)	86,869
Jumlah (perbelanjaan)/pendapatan komprehensif bagi tahun tersebut	-	-	(706)	87,260	86,554	(391)	86,163
<i>Sumbangan oleh pemilik Syarikat:</i>							
- Pilihan saham dilaksanakan	142,397	(137,509)	-	-	4,888	-	4,888
Pada 31 Disember 2023/1 Januari 2024	186,428	-	(1,301)	613,939	799,066	(1,710)	797,356
Perbezaan terjemahan mata wang asing untuk operasi asing	-	-	1,183	-	1,183	-	1,183
Jumlah pendapatan komprehensif lain bagi tempoh tersebut	-	-	1,183	-	1,183	-	1,183
Untung/(Rugi) bagi tempoh tersebut	-	-	-	104,003	104,003	(314)	103,689
Jumlah pendapatan/(perbelanjaan) komprehensif bagi tempoh tersebut	-	-	1,183	104,003	105,186	(314)	104,872
<i>Pembahagian kepada pemilik Syarikat:</i>							
- Dividen kepada pemilik Syarikat (Nota 27)	-	-	-	(73,378)	(73,378)	-	(73,378)
Pada 30 September 2024	186,428	-	(118)	644,564	830,874	(2,024)	828,850
	Nota 12	Nota 12					

13. LAPORAN AKAUNTAN

6

Penyata perubahan dalam ekuiti disatukan (sambungan)

Tidak Teraudit	/----- Berkaitan dengan pemilik Syarikat -----/				Jumlah RM'000	Kepentingan bukan kawalan RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
	Modal saham RM'000	Rizab pilihan saham RM'000	Rizab terjemahan RM'000	Perolehan tertahan RM'000			
Pada 1 Januari 2023	44,031	137,509	(595)	526,679	707,624	(1,319)	706,305
Perbezaan terjemahan mata wang asing untuk operasi asing	-	-	(550)	-	(550)	-	(550)
Jumlah perbelanjaan komprehensif lain bagi tempoh tersebut	-	-	(550)	-	(550)	-	(550)
Untung/(Rugi) bagi tempoh tersebut	-	-	-	59,232	59,232	(126)	59,106
Jumlah (perbelanjaan)/pendapatan komprehensif bagi tempoh tersebut	-	-	(550)	59,232	58,682	(126)	58,556
<i>Sumbangan oleh pemilik Syarikat:</i>							
- Pilihan saham dilaksanakan	142,397	(137,509)	-	-	4,888	-	4,888
Pada 30 September 2023	186,428	-	(1,145)	585,911	771,194	(1,445)	769,749
	Nota 12	Nota 12					

Nota pada muka surat 12 hingga 87 adalah sebahagian daripada penyata kewangan disatukan ini.

13. LAPORAN AKAUNTAN

7

Cuckoo International (MAL) Berhad

(No. Pendaftaran 201401026804 (1102894-H))

(Diperbadankan di Malaysia)

dan anak-anak syarikatnya**Penyata aliran tunai disatukan**

	1.1.2024 hingga 30.9.2024 RM'000	1.1.2023 hingga 30.9.2023 RM'000 Tidak Teraudit	1.1.2023 hingga 31.12.2023 RM'000 Teraudit	1.1.2022 hingga 31.12.2022 RM'000 Teraudit	1.1.2021 hingga 31.12.2021 RM'000 Teraudit
Aliran tunai daripada aktiviti operasi					
Untung sebelum cukai	136,284	101,392	138,631	51,972	249,427
<i>Pelarasan untuk:</i>					
Pelunasan tanda dagangan	747	747	997	997	748
Hutang lapuk dihapus kira	-	-	-	109	-
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	26,515	37,753	48,576	57,844	72,361
Susut nilai aset hak penggunaan	8,886	8,018	10,667	6,478	5,043
Kos kewangan	14,597	19,842	23,536	19,596	24,078
Pendapatan kewangan	(2,034)	(2,065)	(2,739)	(2,473)	(1,637)
Laba pembelian tawar-menawar atas pemerolehan perniagaan	-	-	-	-	(5,391)
Rugi/(Laba) atas penyahiktirafan aset hak penggunaan	65	-	-	-	(9)
Laba atas pelupusan syarikat bersekutu	-	-	-	(152)	-
Kerugian/(pembalikan) rosot nilai bersih pada hartanah, loji dan peralatan	(1,339)	(527)	(632)	(183)	6,071
Kerugian rosot nilai pada aset hak penggunaan	542	-	665	459	-
Rugi bersih atas rosot nilai instrumen kewangan	36,014	43,498	52,258	27,772	20,661
(Laba)/rugi direalisasi bersih pada pertukaran asing	(16,027)	14,066	7,090	14,207	19,657
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	735	557	640	1,339	8,966
Pembayaran berasaskan saham	-	-	-	137,509	-
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja	204,985	223,281	279,689	315,474	399,975
Perubahan dalam inventori	(20,362)	16,930	11,125	(23,396)	(23,549)
Perubahan dalam peruntukan	(1,436)	1,428	(1,063)	2,413	(513)
Perubahan dalam perdagangan belum terima dan belum terima lain dan prabayaran	(232,783)	(102,016)	(147,279)	(60,278)	(168,644)
Perubahan dalam pendapatan tertunda	(2,571)	(5,086)	(6,481)	(6,881)	(5,337)
Perubahan dalam liabiliti kontrak	(8,736)	(405)	(510)	12,853	7,500
Perubahan dalam perdagangan belum bayar dan belum bayar lain	(11,997)	18,424	42,046	(6,839)	(86,117)
Tunai (digunakan dalam)/dijana daripada operasi	(72,900)	152,556	177,527	233,346	123,315

13. LAPORAN AKAUNTAN

8

Penyata aliran tunai disatukan (sambungan)

	1.1.2024 hingga 30.9.2024 RM'000	1.1.2023 hingga 30.9.2023 RM'000	1.1.2023 hingga 31.12.2023 RM'000	1.1.2022 hingga 31.12.2022 RM'000	1.1.2021 hingga 31.12.2021 RM'000
	Teraudit	Tidak Teraudit	Teraudit	Teraudit	Teraudit
Aliran tunai daripada aktiviti operasi (sambungan)					
Tunai (digunakan dalam)/ dijana daripada operasi					
Faedah diterima	(72,900)	152,556	177,527	233,346	123,315
Faedah dibayar	6	24	27	412	470
Cukai dibayar	(5,720)	(5,685)	(7,746)	(8,428)	(23,881)
	<u>(35,412)</u>	<u>(57,068)</u>	<u>(66,419)</u>	<u>(75,834)</u>	<u>(39,291)</u>
Tunai bersih (digunakan dalam)/ daripada aktiviti operasi	<u>(114,026)</u>	<u>89,827</u>	<u>103,389</u>	<u>149,496</u>	<u>60,613</u>
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan					
Pemerolehan hartanah, loji dan peralatan	(2,244)	(42,703)	(43,342)	(8,348)	(3,561)
Pemerolehan perniagaan (Nota 29)	-	-	-	-	(1,772)
Deposit yang dibayar untuk pemerolehan hartanah, loji dan peralatan	-	-	-	(19,690)	-
Faedah yang diterima daripada deposit jangka pendek	2,028	2,041	2,712	2,061	1,167
Perolehan daripada pelupusan syarikat bersekutu	-	-	-	152	-
	<u>(216)</u>	<u>(40,662)</u>	<u>(40,630)</u>	<u>(25,825)</u>	<u>(4,166)</u>
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan					
Pengeluaran pinjaman dan peminjaman	305,000	-	-	-	167,208
Faedah yang dibayar atas pinjaman dan peminjaman	(3,010)	(4,832)	(5,556)	(4,802)	(197)
Perolehan daripada terbitan saham	-	4,888	4,888	-	-
Pembayaran liabiliti pajakan	(9,135)	(8,318)	(11,488)	(11,744)	(10,657)
Pembayaran balik pinjaman dan peminjaman	(55,223)	(40,763)	(57,114)	(58,384)	(4,654)
Pembayaran balik pinjaman daripada syarikat induk langsung	(32,168)	(27,203)	(42,205)	-	(201,629)
Dividen dibayar kepada pemilik Syarikat (Nota 27)	<u>(73,378)</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Tunai bersih daripada/ (digunakan dalam) aktiviti pembiayaan	<u>132,086</u>	<u>(76,228)</u>	<u>(111,475)</u>	<u>(74,930)</u>	<u>(49,929)</u>

13. LAPORAN AKAUNTAN

9

Penyata aliran tunai disatukan (sambungan)

	1.1.2024 hingga 30.9.2024 RM'000	1.1.2023 hingga 30.9.2023 RM'000	1.1.2023 hingga 31.12.2023 RM'000	1.1.2022 hingga 31.12.2022 RM'000	1.1.2021 hingga 31.12.2021 RM'000
	Teraudit	Tidak Teraudit	Teraudit	Teraudit	Teraudit
Peningkatan/(penurunan) bersih dalam tunai dan setara tunai	17,844	(27,063)	(48,716)	48,741	6,518
Kesan turun naik kadar pertukaran ke atas tunai yang dipegang	344	(564)	(668)	(498)	5
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari	84,099	133,483	133,483	85,240	78,717
Tunai dan setara tunai pada tempoh/tahun	102,287	105,856	84,099	133,483	85,240

Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai yang disertakan dalam penyata aliran tunai disatukan terdiri daripada amaun penyata kedudukan kewangan disatukan berikut:

	Nota	30.9.2024 RM'000	30.9.2023 RM'000	31.12.2023 RM'000	31.12.2022 RM'000	31.12.2021 RM'000
		Teraudit	Tidak Teraudit	Teraudit	Teraudit	Teraudit
Tunai dan baki bank	11	102,035	105,599	83,842	133,230	84,991
Deposit diletakkan dengan bank berlesen	11	252	257	257	253	249
		102,287	105,856	84,099	133,483	85,240

Pemerolehan hartanah, loji dan peralatan

Dalam tempoh/tahun kewangan, Kumpulan memperoleh hartanah, loji dan peralatan dengan kos agregat RM2,244,000 (1.1.2023 hingga 30.9.2023: RM62,393,000; 1.1.2023 hingga 31.12.2023: RM63,044,000; 1.1.2022 hingga 31.12.2022: RM9,300,000; 1.1.2021 hingga 31.12.2021: RM3,800,000) melalui berikut:

	1.1.2024 hingga 30.9.2024 RM'000	1.1.2023 hingga 30.9.2023 RM'000	1.1.2023 hingga 31.12.2023 RM'000	1.1.2022 hingga 31.12.2022 RM'000	1.1.2021 hingga 31.12.2021 RM'000
	Teraudit	Tidak Teraudit	Teraudit	Teraudit	Teraudit
Dipindahkan daripada inventori	-	-	12	870	239
Dipindahkan daripada deposit	-	19,690	19,690	82	-
Diselesaikan dengan wang tunai	2,244	42,703	43,342	8,348	3,561
	2,244	62,393	63,044	9,300	3,800

13. LAPORAN AKAUNTAN

10

Penyata aliran tunai disatukan (sambungan)**Aliran keluar tunai untuk pajakan sebagai pemajak**

	1.1.2024 hingga 30.9.2024 RM'000	1.1.2023 hingga 30.9.2023 RM'000	1.1.2023 hingga 31.12.2023 RM'000	1.1.2022 hingga 31.12.2022 RM'000	1.1.2021 hingga 31.12.2021 RM'000
	Teraudit	Tidak Teraudit	Teraudit	Teraudit	Teraudit
Termasuk dalam tunai bersih (digunakan dalam)/daripada aktiviti operasi:					
Faedah yang dibayar berkaitan dengan liabiliti pajakan (Nota 20)	664	734	981	1,135	1,359
Pembayaran berkaitan dengan pajakan jangka pendek (Nota 21)	9,275	8,980	11,990	11,688	10,205
Termasuk dalam tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti pembiayaan:					
Pembayaran liabiliti pajakan	9,135	8,318	11,488	11,744	10,657
Jumlah aliran keluar tunai untuk pajakan	19,074	18,032	24,459	24,567	22,221

Penyesuaian pergerakan liabiliti kepada aliran tunai yang timbul daripada aktiviti pembiayaan

Teraudit	Pinjaman bank RM'000	Liabiliti pajakan RM'000	Pinjaman daripada syarikat induk langsung RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2021	-	22,546	-	22,546
Penukaran kepada pinjaman pemegang saham daripada perdagangan belum bayar dan belum bayar lain	-	-	275,538	275,538
Perubahan bersih daripada aliran tunai pembiayaan	162,554	(10,657)	(201,629)	(49,732)
Pemerolehan pajakan baharu	-	10,135	-	10,135
Perubahan lain	(782)	(1,065)	2,545	698
Pada 31 Disember 2021/ 1 Januari 2022	161,772	20,959	76,454	259,185
Perubahan bersih daripada aliran tunai pembiayaan	(58,384)	(11,744)	-	(70,128)
Pemerolehan pajakan baharu	-	8,622	-	8,622
Perubahan lain	8,800	51	4,583	13,434
Pada 31 Disember 2022	112,188	17,888	81,037	211,113

13. LAPORAN AKAUNTAN

11

Penyata aliran tunai disatukan (sambungan)

Penyesuaian pergerakan liabiliti kepada aliran tunai yang timbul daripada aktiviti pembiayaan (sambungan)

Teraudit	Pinjaman bank RM'000	Liabiliti pajakan RM'000	Pinjaman daripada syarikat induk langsung RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2022	161,772	20,959	76,454	259,185
Perubahan bersih daripada aliran tunai pembiayaan	(58,384)	(11,744)	-	(70,128)
Pemerolehan pajakan baharu	-	8,622	-	8,622
Perubahan lain	8,800	51	4,583	13,434
Pada 31 Disember 2022/ 1 Januari 2023	112,188	17,888	81,037	211,113
Perubahan bersih daripada aliran tunai pembiayaan	(57,114)	(11,488)	(42,205)	(110,807)
Pemerolehan pajakan baharu	-	7,332	-	7,332
Perubahan lain	4,878	41	(2,190)	2,729
Pada 31 Disember 2023/ 1 Januari 2024	59,952	13,773	36,642	110,367
Perubahan bersih daripada aliran tunai pembiayaan	249,777	(9,135)	(32,168)	208,474
Pemerolehan pajakan baharu	-	5,809	-	5,809
Perubahan lain	-	(117)	(4,474)	(4,591)
Pada 30 September 2024	309,729	10,330	-	320,059
Tidak Teraudit				
Pada 1 Januari 2023	112,188	17,888	81,037	211,113
Perubahan bersih daripada aliran tunai pembiayaan	(40,763)	(8,318)	(27,203)	(76,284)
Pemerolehan pajakan baharu	-	4,626	-	4,626
Perubahan lain	4,877	3	8,857	13,737
Pada 30 September 2023	76,302	14,199	62,691	153,192

Nota pada muka surat 12 hingga 87 adalah sebahagian daripada penyata kewangan disatukan ini.

13. LAPORAN AKAUNTAN

12

Cuckoo International (MAL) Berhad

(No. Pendaftaran 201401026804 (1102894-H))

(Diperbadankan di Malaysia)

dan anak-anak syarikatnya**Nota-nota kepada penyata kewangan disatukan**

Cuckoo International (MAL) Berhad ialah sebuah syarikat awam liabiliti berhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Alamat tempat perniagaan utama dan pejabat berdaftar Syarikat adalah seperti berikut:

Tempat perniagaan utama

16th Floor, Menara Bangkok Bank
Laman Sentral Berjaya
No.105, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Pejabat berdaftar

B-21-1, Level 21
Tower B, Northpoint Mid Valley City
No. 1, Medan Syed Putra Utara
59200 Kuala Lumpur

Syarikat terutamanya terlibat dalam perdagangan dan penyewaan peralatan rumah, tilam dan perabot, perdagangan produk penjagaan kecantikan, menyediakan perkhidmatan penjagaan rumah dan aktiviti pemegang pelaburan, manakala aktiviti utama anak-anak syarikat adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan disatukan.

Syarikat induk langsung dan muktamad semasa tempoh kewangan ialah Cuckoo Homesys Co. Ltd. dan Cuckoo Holdings Co., Ltd. Kedua-dua syarikat itu telah diperbadankan di Republik Korea dan disenaraikan di Bursa Saham Korea.

1. Asas penyediaan**(a) Pernyataan pematuhan**

Penyata kewangan disatukan Syarikat dan anak syarikatnya (bersama-sama dirujuk sebagai "Kumpulan" dan secara individu dirujuk sebagai "entiti Kumpulan") telah disediakan berhubung dengan penyenaian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham terbitan diperbesar Syarikat di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Penyenaian") dan bukan untuk tujuan lain.

Penyata kewangan disatukan Syarikat bagi tempoh kewangan berakhir 30 September 2024 dan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, 2022, 2021 telah disediakan menurut Piawaian Perakaunan MFRS seperti yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("Piawaian Perakaunan MFRS") dan Piawaian Perakaunan IFRS yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa ("Piawaian Perakaunan IFRS").

13. LAPORAN AKAUNTAN

13

1. Asas penyediaan (sambungan)**(a) Pernyataan pematuhan (sambungan)**

Berikut ialah piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan Piawaian Perakaunan MFRS yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum diterima pakai oleh Kumpulan:

Piawaian Perakaunan MFRS, tafsiran dan pindaan berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2025

- Pindaan kepada MFRS 121, *Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing – Kekurangan Kebolehtukaran*

Piawaian Perakaunan MFRS, tafsiran dan pindaan berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2026

- Pindaan kepada MFRS 9, *Instrumen Kewangan* dan MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan – Pengelasan dan Pengukuran Instrumen Kewangan*
- Pindaan yang merupakan sebahagian daripada Penambahbaikan Tahunan – Jilid 11:
 - Pindaan kepada MFRS 1, *Penerimaan Pakai Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia*
 - Pindaan kepada MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan*
 - Pindaan kepada MFRS 9, *Instrumen Kewangan*
 - Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan*
 - Pindaan kepada MFRS 107, *Penyata Aliran Tunai*
- Pindaan kepada MFRS 9, *Instrumen Kewangan* dan MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan – Kontrak yang Merujuk kepada Elektrik Bergantung kepada Alam Semula Jadi*

Piawaian Perakaunan MFRS, tafsiran dan pindaan berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2027

- MFRS 18, *Pembentangan dan Pendedahan dalam Penyata Kewangan*
- MFRS 19, *Anak Syarikat tanpa Kebertanggungjawaban Awam: Pendedahan*

Piawaian Perakaunan MFRS, tafsiran dan pindaan berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas tarikh yang belum disahkan

- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan* dan MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – Penjualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Bersekutu atau Usaha Sama*

Kumpulan merancang untuk menggunakan piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan yang dinyatakan di atas, jika berkenaan:

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2025 bagi pindaan yang berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2025;
- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2026 bagi pindaan yang berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2026; dan
- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2027 bagi piawaian perakaunan yang berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2027.

13. LAPORAN AKAUNTAN

14

1. Asas penyediaan (sambungan)**(a) Pernyataan pematuhan (sambungan)**

Penggunaan awal piawaian perakaunan, tafsiran dan pindaan yang dinyatakan di atas dijangka tidak akan mempunyai mana-mana kesan kewangan yang ketara kepada penyata kewangan Kumpulan tempoh semasa dan tempoh sebelumnya.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan disatukan telah disediakan pada asas kos lampau.

(c) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan disatukan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan mata wang fungsian Syarikat. Semua maklumat kewangan dibentangkan dalam RM dan telah dibundarkan kepada ribu terdekat, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan disatukan selaras dengan Piawaian Perakaunan MFRS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penggunaan dasar perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh akan datang terlibat.

Tiada bidang ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal yang ketara dalam menggunakan dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam Nota 25 – pengukuran jangkaan kerugian kredit ("ECL").

2. Perubahan dalam dasar perakaunan material**Pengelasan Liabiliti sebagai Liabiliti Semasa atau Bukan Semasa dan Liabiliti Bukan Semasa dengan Perjanjian**

Kumpulan telah menerima pakai pindaan kepada MFRS 101, *Pengelasan Liabiliti sebagai Liabiliti Semasa atau Bukan Semasa dan Liabiliti Bukan Semasa dengan Perjanjian* mulai 1 Januari 2024. Pindaan ini menjelaskan keperluan tertentu untuk menentukan sama ada liabiliti harus dikelaskan sebagai semasa atau bukan semasa dan memerlukan pendedahan baharu untuk liabiliti pinjaman bukan semasa yang tertakluk kepada perjanjian dalam masa 12 bulan selepas tempoh pelaporan (Nota 13).

Kumpulan telah menganalisis semua peminjaman sedia ada dan menentukan bahawa pindaan baharu tidak menyebabkan perubahan dalam pengelasan peminjaman Kumpulan. Juga tiada kesan retrospektif ke atas penyata kedudukan kewangan disatukan secara perbandingan.

13. LAPORAN AKAUNTAN

15

3. Hartanah, loji dan peralatan

	<i>/---Tertakluk kepada pajakan operasi---/</i>												Jumlah RM'000
27. Dividen

Dividen yang diiktiraf oleh Syarikat:

	RM sesaham	Jumlah amaun RM'000	Tarikh pembayaran
30.9.2024			
Interim 2023 biasa	1.50	<u>73,378</u>	25 April 2024

Para Pengarah tidak mengesyorkan mana-mana dividen akhir yang perlu dibayar bagi tempoh kewangan dalam semakan.

28. Pihak berkaitan**Urus niaga pihak berkaitan signifikan**

Urus niaga pihak berkaitan telah dimeterai dalam perjalanan biasa perniagaan di bawah terma yang dirundingkan. Urus niaga pihak berkaitan penting Kumpulan ditunjukkan di bawah. Baki yang berkaitan dengan urus niaga di bawah ditunjukkan dalam Nota 8 dan 14.

	1.1.2024 hingga 30.9.2024 RM'000 Teraudit	1.1.2023 hingga 30.9.2023 RM'000 Tidak Teraudit	1.1.2023 hingga 31.12.2023 RM'000 Teraudit	1.1.2022 hingga 31.12.2022 RM'000 Teraudit	1.1.2021 hingga 31.12.2021 RM'000 Teraudit
A. Syarikat induk langsung					
Pembelian barangan	217,445	151,242	213,657	204,448	287,659
Perbelanjaan faedah	5,856	9,272	10,208	6,326	15,495
Yuran royalti	<u>24,877</u>	<u>22,596</u>	<u>30,633</u>	<u>30,787</u>	<u>30,921</u>
B. Syarikat berkaitan					
Pembelian barangan	831	510	510	1,178	603
Pajakan premis	1,079	1,079	1,438	1,438	1,438
Yuran royalti	<u>79</u>	<u>117</u>	<u>152</u>	<u>542</u>	<u>333</u>
C. Pihak berkaitan					
Pemerolehan perniagaan	-	-	-	-	1,772
Pembelian barangan	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>4,019</u>
D. Syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang besar					
Pajakan premis	<u>1,497</u>	<u>1,641</u>	<u>2,189</u>	<u>2,189</u>	<u>2,189</u>

13. LAPORAN AKAUNTAN

86

28. Pihak berkaitan (sambungan)**Urus niaga pihak berkaitan signifikan (sambungan)**

	1.1.2024 hingga 30.9.2024 RM'000 Teraudit	1.1.2023 hingga 30.9.2023 RM'000 Tidak Teraudit	1.1.2023 hingga 31.12.2023 RM'000 Teraudit	1.1.2022 hingga 31.12.2022 RM'000 Teraudit	1.1.2021 hingga 31.12.2021 RM'000 Teraudit
E. Kakitangan pengurusan utama					
Pengarah					
Imbuan	861	691	924	1,031	954
Manfaat pekerja jangka pendek lain	576	486	554	820	1,014
	<u>1,437</u>	<u>1,177</u>	<u>1,478</u>	<u>1,851</u>	<u>1,968</u>
Kakitangan pengurusan utama lain					
Manfaat pekerja jangka pendek	1,925	2,199	2,935	3,201	2,556
	<u>3,362</u>	<u>3,376</u>	<u>4,413</u>	<u>5,052</u>	<u>4,524</u>

Kakitangan pengurusan utama lain terdiri daripada orang selain daripada Pengarah entiti Kumpulan, mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti entiti Kumpulan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

29. Pemerolehan perniagaan**Wonderlab Resources (M) Berhad (“Wonderlab”)**

Pada 1 April 2021, Kumpulan memperoleh perniagaan penjagaan kecantikan daripada Wonderlab Resources (M) Berhad, pihak berkaitan, dengan jumlah pertimbangan RM1,772,000. Pemerolehan perniagaan penjagaan kecantikan Wonderlab telah mengembangkan lagi operasi Kumpulan dan kepelbagaian produk.

Berikut meringkaskan pertimbangan yang dipindahkan, dan amaun aset diperoleh yang diiktiraf dan liabiliti yang diambil alih pada tarikh pemerolehan:

Nilai saksama pertimbangan dipindahkan

	1.4.2021 RM'000
Tunai dan setara tunai	<u>1,772</u>

13. LAPORAN AKAUNTAN

87

29. Pemerolehan perniagaan (sambungan)**Aset boleh dikenal pasti yang diperoleh dan liabiliti ditanggung**

	Nota	1.4.2021 RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	3	386
Aset tidak ketara – Tanda Dagangan	5	9,970
Inventori		2,743
Perdagangan belum terima dan belum terima lain		382
Perdagangan belum bayar dan belum bayar lain		(3,925)
Liabiliti cukai tertunda	9	(2,393)
Jumlah aset bersih boleh dikenal pasti		<u>7,163</u>

Laba daripada pemerolehan perniagaan

Laba daripada pemerolehan perniagaan telah diiktiraf sebagai keputusan daripada pemerolehan seperti berikut:

	1.1.2021 hingga 31.12.2021 RM'000
Jumlah pertimbangan dipindahkan	1,772
Nilai saksama aset bersih boleh dikenal pasti	<u>(7,163)</u>
Laba daripada pemerolehan perniagaan yang diiktiraf dalam untung atau rugi	<u>(5,391)</u>

Kos berkaitan pemerolehan

Kumpulan menanggung kos berkaitan pemerolehan sebanyak RM23,000 yang sebahagian besarnya terdiri daripada yuran penilaian. Yuran penilaian telah dimasukkan dalam perbelanjaan pentadbiran dalam penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain disatukan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

30. Peristiwa berikut**Penyenaraian**

Pada 21 Januari 2025, Syarikat telah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Securities.

Menurut penyenaraian, tawaran awam permulaan ("IPO") Syarikat sehingga 365,364,000 saham biasa dalam Syarikat akan terdiri daripada terbitan awam sebanyak 143,280,000 dan tawaran untuk penjualan sehingga 222,084,000 saham sedia ada. Daripada 365,364,000 saham ini, sehingga 143,280,000 akan diperuntukkan kepada rakyat Malaysia dan institusi asing, 179,100,000 akan diperuntukkan kepada pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Perindustrian, 28,656,000 saham akan diperuntukkan secara terbuka untuk permohonan oleh rakyat Malaysia, manakala 14,328,000 saham akan diperuntukkan untuk orang yang layak yang menyumbang kepada kejayaan Kumpulan.

13. LAPORAN AKAUNTAN



KPMG PLT
(LLP0010081-LCA & AF 0758)
Chartered Accountants
Level 10, KPMG Tower
8, First Avenue, Bandar Utama
47800 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telephone +60 (3) 7721 3388
Fax +60 (3) 7721 3399
Website www.kpmg.com.my

Lembaga Pengarah
Cuckoo International (MAL) Berhad
16th Floor, Menara Bangkok Bank
Laman Sentral Berjaya
No.105, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

11 Mac 2025

Tuan/Puan,

Pendapat Akauntan Pelapor mengenai penyata kewangan disatukan yang terkandung dalam Laporan Akauntan Cuckoo International (MAL) Berhad

Pendapat mengenai Penyata Kewangan Disatukan

Kami telah mengaudit penyata kewangan disatukan Cuckoo International (MAL) Berhad (“Cuckoo” atau “Syarikat”) dan anak-anak syarikatnya (“Kumpulan”), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan disatukan pada 30 September 2024, 31 Disember 2023, 31 Disember 2022 dan 31 Disember 2021 dan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain disatukan, penyata perubahan dalam ekuiti disatukan dan penyata aliran tunai disatukan bagi tempoh dan tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota kepada penyata kewangan disatukan, termasuk maklumat dasar perakaunan material, seperti yang dibentangkan di muka surat 1 hingga 87. Penyata kewangan disatukan Syarikat telah disediakan untuk dimasukkan ke dalam prospektus Syarikat berhubung dengan penyenaiaan dan sebut harga untuk keseluruhan modal saham diperbesar Syarikat di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”) dan bukan untuk tujuan lain.

Pada pendapat kami, penyata kewangan disatukan memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan disatukan Kumpulan pada 30 September 2024, 31 Disember 2023, 31 Disember 2022 dan 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan dan aliran tunai disatukan bagi tempoh dan tahun yang berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Perakaunan MFRS seperti yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“Piawaian Perakaunan MFRS”) dan Piawaian Perakaunan IFRS seperti yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (“Piawaian Perakaunan IFRS”).

13. LAPORAN AKAUNTAN



*Cuckoo International (MAL) Berhad ("Cuckoo" atau "Syarikat")
Laporan Akauntan mengenai
Penyata Kewangan Disatukan*

Asas Pendapat

Kami menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diterangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian *Tanggungjawab Akauntan Pelapor untuk Audit Penyata Kewangan Disatukan* dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami bebas daripada Kumpulan mengikut *Undang-undang Kecil (mengenai Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional)* Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan *Kod Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa)* Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain selaras dengan Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Tanggungjawab Para Pengarah untuk Penyata Kewangan Disatukan

Lembaga Pengarah Syarikat ("para Pengarah") bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan disatukan Syarikat yang memberikan pandangan yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan MFRS dan Piawaian Perakaunan IFRS. Para Pengarah juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman yang ditentukan oleh para Pengarah adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan disatukan Syarikat yang bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan disatukan Syarikat, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, mendedahkan, mengikut kesesuaian, perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan para pengarah sama ada berhasrat untuk membubarkan Kumpulan atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Tanggungjawab Akauntan Pelapor untuk Audit Penyata Kewangan Disatukan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan munasabah tentang sama ada penyata kewangan disatukan Syarikat secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, namun bukan jaminan bahawa audit yang dikendalikan selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan kewujudan salah nyata material. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangka secara munasabah dapat mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan disatukan ini.

13. LAPORAN AKAUNTAN



*Cuckoo International (MAL) Berhad ("Cuckoo" atau "Syarikat")
Laporan Akauntan mengenai
Penyata Kewangan Disatukan*

Tanggungjawab Akauntan Pelapor untuk Audit Penyata Kewangan Disatukan (sambungan)

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata material penyata kewangan disatukan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas pendapat kami. Risiko kegagalan mengesan salah nyata material terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko tidak mengesan salah nyata material yang diakibatkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan disengajakan, salah nyata atau mengatasi kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman mengenai kawalan dalaman relevan kepada audit untuk merangka prosedur audit yang sesuai dengan keadaan tersebut, namun tidak bertujuan untuk memberikan pendapat ke atas keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Pengarah.
- Membuat kesimpulan tentang kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh para Pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material wujud berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan untuk meneruskan sebagai usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan disatukan Syarikat atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubahsuai pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi hingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Kumpulan berhenti untuk diteruskan sebagai usaha berterusan.
- Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan disatukan Syarikat secara menyeluruh, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan disatukan Syarikat mewakili urusan niaga dan peristiwa yang mendasari dengan cara yang memberikan pandangan yang benar dan saksama.
- Merancang dan melaksanakan pengauditan kumpulan untuk mendapatkan bukti audit sesuai yang mencukupi berkenaan maklumat kewangan entiti atau unit perniagaan dalam Kumpulan sebagai asas untuk membentuk pendapat mengenai penyata kewangan disatukan Syarikat. Kami bertanggungjawab ke atas arahan, penyeliaan dan semakan kerja audit yang dilakukan untuk tujuan audit kumpulan. Kami tetap bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan para Pengarah mengenai, antara perkara lain, skop yang dirancang dan masa audit serta penemuan audit signifikan, termasuk apa-apa kekurangan signifikan dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

13. LAPORAN AKAUNTAN



*Cuckoo International (MAL) Berhad ("Cuckoo" atau "Syarikat")
Laporan Akauntan mengenai
Penyata Kewangan Disatukan*

Perkara Lian

Maklumat perbandingan untuk penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain disatukan, penyata perubahan dalam ekuiti disatukan dan penyata aliran tunai disatukan dan nota kepada penyata kewangan disatukan Syarikat bagi tempoh kewangan berakhir 30 September 2023 belum diaudit.

Sekatan ke atas Pengedaran dan Penggunaan

Laporan ini dibuat semata-mata kepada Syarikat dan untuk dimasukkan ke dalam prospektus Syarikat berhubung dengan penyenaian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham diperbesar Syarikat di Pasaran Utama Bursa Securities Berhad dan tidak boleh digunakan untuk mana-mana tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang lain untuk kandungan laporan ini.


KPMG PLT
(LLP0010081-LCA & AF 0758)
Akauntan Bertauliah


Eric Kuo Sze-Wei
Nombor Kelulusan: 03473/11/2025 J
Akauntan Bertauliah

14. LAPORAN AKAUNTAN MELAPOR MENGENAI PRO FORMA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN



KPMG PLT
(LLP0010081-LCA & AF 0758)
Chartered Accountants
Level 10, KPMG Tower
8, First Avenue, Bandar Utama
47800 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telephone +60 (3) 7721 3388
Fax +60 (3) 7721 3399
Website www.kpmg.com.my

Lembaga Pengarah
Cuckoo International (MAL) Berhad
16th Floor, Menara Bangkok Bank
Laman Sentral Berjaya
No.105, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Tarikh: 11 Mac 2025

Tuan/Puan,

Cuckoo International (MAL) Berhad (“Cuckoo” atau “Syarikat”) dan anak-anak syarikatnya (“Kumpulan”)

Laporan mengenai penyusunan pro forma penyata kedudukan kewangan disatukan untuk dimasukkan ke dalam prospektus Syarikat berhubung dengan tawaran awam permulaan sehingga 365,364,000 saham biasa dalam Syarikat (“Saham”) (“IPO”) (“Prospektus”) bersempena dengan penyenaiaan dan sebut harga bagi keseluruhan Saham terbitan diperbesar di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (“Penyenaiaan”).

Kami telah menyelesaikan tugas jaminan kami untuk melaporkan penyusunan pro forma penyata kedudukan kewangan disatukan Syarikat pada 30 September 2024 (“Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan”). Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan nota-nota berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Lampiran A, yang telah kami cop untuk tujuan pengenalan. Kriteria terpakai pada asas Lembaga Pengarah Syarikat (“Pengarah”) telah menyusun Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan diterangkan dalam nota-nota kepada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan. Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan disediakan mengikut keperluan Bab 9 Garis Panduan Prospektus yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“Garis Panduan Prospektus”) dan Nota Panduan untuk Penerbit Pro Forma Maklumat Kewangan yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia.

Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan telah disusun oleh para Pengarah untuk dimasukkan ke dalam Prospektus semata-mata untuk menggambarkan kesan peristiwa atau urusan niaga seperti yang dinyatakan dalam nota Lampiran A pada penyata kedudukan kewangan disatukan Syarikat pada 30 September 2024, seolah-olah peristiwa atau urusan niaga ini telah berlaku pada 30 September 2024. Sebagai sebahagian daripada proses ini, maklumat mengenai kedudukan kewangan Kumpulan telah dipetik oleh para Pengarah daripada penyata kewangan disatukan interim teraudit Syarikat bagi tempoh berakhir 30 September 2024, di mana laporan audit bertarikh 20 Februari 2025 telah dikeluarkan.

14. LAPORAN AKAUNTAN MELAPOR MENGENAI PRO FORMA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN



*Cuckoo International (MAL) Berhad (“Cuckoo” atau “Syarikat”)
Laporan mengenai penyusunan Pro Forma Penyata Kedudukan
Kewangan Disatukan untuk dimasukkan ke dalam Prospektus
bersempena dengan Penyenaraian
11 Mac 2025*

Tanggungjawab Para Pengarah untuk Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan

Para Pengarah bertanggungjawab untuk menyusun Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan pada asas dinyatakan dalam nota Lampiran A seperti yang dikehendaki oleh Garis Panduan Prospektus.

Pengurusan Kualiti dan Kebebasan Akauntan Pelapor

Firma kami menggunakan Piawaian Diluluskan Malaysia mengenai Pengurusan Kualiti, ISQM 1, *Pengurusan Kualiti untuk Firma yang Menjalankan Audit dan Semakan Penyata Kewangan, atau Tugas Jaminan atau Perkhidmatan Berkaitan Lain*, yang memerlukan firma untuk mereka bentuk, melaksanakan dan mengendalikan sistem pengurusan kualiti termasuk dasar atau prosedur mengenai pematuhan kepada keperluan etika, piawaian profesional dan keperluan undang-undang dan kawal selia yang berkenaan.

Kami telah mematuhi kebebasan dan keperluan etika lain *Undang-undang Kecil (mengenai Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional)* Institut Akauntan Malaysia, yang diasaskan pada prinsip asas integriti, objektiviti, kecekapan profesional dan penjagaan yang sewajarnya, kerahsiaan dan tingkah laku profesional.

Tanggungjawab Akauntan Pelapor

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat sebagaimana diperlukan oleh Garis Panduan Prospektus mengenai sama ada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan telah disusun, dalam semua aspek material, oleh para Pengarah pada asas yang diterangkan dalam nota Lampiran A.

Kami telah melaksanakan tugas kami selaras dengan Piawaian Diluluskan Malaysia mengenai Tugas Jaminan (ISAE) 3420, *Tugas Jaminan untuk Melaporkan mengenai Penyusunan Pro Forma Maklumat Kewangan Dimasukkan dalam Prospektus*. Piawaian ini menghendaki kami untuk merancang dan melaksanakan prosedur untuk mendapatkan jaminan munasabah mengenai sama ada para Pengarah telah menyusun, dalam semua aspek material, Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan pada asas yang dinyatakan dalam nota Lampiran A.

Untuk tujuan tugas ini, kami tidak bertanggungjawab untuk mengemas kini atau mengeluarkan semula mana-mana laporan atau pendapat ke atas apa-apa maklumat kewangan lampau yang digunakan dalam penyusunan Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan, dan kami, sepanjang tugas ini, melaksanakan audit atau menyemak maklumat kewangan yang digunakan dalam penyusunan Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan.

Tujuan untuk memasukkan Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dalam Prospektus adalah semata-mata untuk menggambarkan kesan peristiwa atau urusan niaga penting ke atas maklumat kewangan yang belum dilaraskan Kumpulan seolah-olah peristiwa tersebut telah berlaku atau urusan niaga tersebut telah dijalankan pada tarikh lebih awal yang dipilih bagi tujuan lustrasi. Sehubungan itu, kami tidak memberikan sebarang jaminan bahawa keputusan sebenar peristiwa atau urusan niaga tersebut adalah seperti yang dibentangkan.

14. LAPORAN AKAUNTAN MELAPOR MENGENAI PRO FORMA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN



*Cuckoo International (MAL) Berhad (“Cuckoo” atau “Syarikat”)
Laporan mengenai penyusunan Pro Forma Penyata Kedudukan
Kewangan Disatukan untuk dimasukkan ke dalam Prospektus
bersempena dengan Penyenaraian
11 Mac 2025*

Tanggungjawab Akauntan Pelapor (sambungan)

Tugas jaminan yang munasabah untuk melaporkan mengenai sama ada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan telah disusun, dalam semua aspek material, pada asas kriteria terpakai melibatkan pelaksanaan prosedur untuk menilai sama ada kriteria terpakai yang digunakan oleh para Pengarah dalam penyusunan Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan memberikan asas munasabah untuk membentangkan kesan signifikan boleh dikaitkan secara langsung kepada peristiwa atau urusan niaga, dan untuk mendapatkan bukti sesuai yang mencukupi mengenai sama ada:

- pelarasan pro forma berkaitan memberikan kesan yang sesuai kepada kriteria tersebut; dan
- Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan mencerminkan penggunaan yang betul pelarasan tersebut kepada maklumat kewangan yang tidak dilaraskan.

Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, berdasarkan pemahaman kami mengenai sifat Kumpulan, peristiwa atau urusan niaga berhubung dengan Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan telah disusun, dan lain-lain keadaan tugas yang berkaitan.

Tugas ini juga melibatkan penilaian pembentangan Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan secara menyeluruh.

Kami percaya bahawa bukti yang telah kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas bagi pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan telah disusun, dalam semua aspek material, pada asas yang dinyatakan dalam nota Lampiran A.

Perkara Lian

Laporan kami mengenai Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan telah disediakan untuk dimasukkan ke dalam Prospektus bersempena dengan Penyenaraian dan tidak boleh digunakan untuk mana-mana tujuan lain.


KPMG PLT
(LLP0010081-LCA & AF 0758)
Akauntan Bertauliah


Eric Kuo Sze-Wei
Nombor Kelulusan: 03473/11/2025 J
Akauntan Bertauliah

14. LAPORAN AKAUNTAN MELAPOR MENGENAI PRO FORMA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN

Lampiran A

Cuckoo International (MAL) Berhad (“Syarikat”) dan anak-anak syarikat (secara kolektif, "Kumpulan")
Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan nota-nota yang berkaitan

Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan

Pro forma penyata kedudukan kewangan disatukan Syarikat pada 30 September 2024 (“Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan”) seperti yang dinyatakan di bawah telah disediakan hanya untuk tujuan penggambaran demi menunjukkan kesan urus niaga yang dirujuk dalam Nota 2 seolah-olah urus niaga ini telah dilaksanakan pada 30 September 2024, dan hendaklah dibaca bersama dengan nota kepada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan tersebut.

		Pro Forma I	Pro Forma II	Pro Forma III
		Selepas pelarasan untuk peristiwa seterusnya	Selepas Pro Forma I dan IPO	Selepas Pro Forma II dan penggunaan perolehan
	Pada 30 September 2024*	RM'000	RM'000	RM'000
	Nota			
Aset				
Hartanah, loji dan peralatan		76,887	76,887	76,887
Aset hak penggunaan		9,153	9,153	9,153
Aset tidak ketara		6,481	6,481	6,481
Perdagangan belum terima dan belum terima lain		771,006	771,006	771,006
Aset cukai tertunda		40,937	40,937	40,937
Jumlah aset bukan semasa		904,464	904,464	904,464
Inventori		142,430	142,430	142,430
Perdagangan belum terima dan belum terima lain		328,339	328,339	328,339
Aset cukai semasa		212	212	212
Prabayaran		13,314	13,314	13,314
Tunai dan baki bank	3(a)	102,287	117,982	246,356
Jumlah aset semasa		586,582	602,277	730,651
Jumlah aset		1,491,046	1,506,741	1,635,115

* Ditetik daripada penyata kewangan disatukan interim teraudit Syarikat bagi tempoh berakhir 30 September 2024.



14. LAPORAN AKAUNTAN MELAPOR MENGENAI PRO FORMA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN

Lampiran A

Cuckoo International (MAL) Berhad (“Syarikat”) dan anak-anak syarikat (secara kolektif, "Kumpulan")
Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan nota-nota yang berkaitan

		Pada 30 September 2024*	Pro Forma I Selepas pelarasan untuk peristiwa seterusnya	Pro Forma II Selepas Pro Forma I dan IPO	Pro Forma III Selepas Pro Forma II dan penggunaan perolehan
	Nota	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Ekuiti					
Modal saham	3(b)	186,428	186,428	364,373	364,373
Rizab	3(c)	644,446	644,446	634,875	634,875
Ekuiti berkaitan dengan pemilik Syarikat		830,874	830,874	999,248	999,248
Keperluan bukan kawalan		(2,024)	(2,024)	(2,024)	(2,024)
Jumlah ekuiti		828,850	828,850	997,224	997,224
Liabiliti					
Pinjaman dan peminjaman	3(d)	155,298	160,298	160,298	160,298
Liabiliti pajakan		2,857	2,857	2,857	2,857
Jumlah liabiliti bukan semasa		158,155	163,155	163,155	163,155
Pinjaman dan peminjaman	3(d)	154,431	165,126	165,126	125,126
Liabiliti pajakan		7,473	7,473	7,473	7,473
Perdagangan belum bayar dan belum bayar lain	3(e)	261,443	261,443	277,900	261,443
Peruntukan		12,206	12,206	12,206	12,206
Liabiliti cukai semasa		14,779	14,779	14,779	14,779
Pendapatan tertunda		1,088	1,088	1,088	1,088
Liabiliti kontrak		52,621	52,621	52,621	52,621
Jumlah liabiliti semasa		504,041	514,736	531,193	474,736
Jumlah liabiliti		662,196	677,891	694,348	637,891
Jumlah ekuiti dan liabiliti		1,491,046	1,506,741	1,691,572	1,635,115

* Ditetik daripada penyata kewangan disatukan interim teraudit Syarikat bagi tempoh berakhir 30 September 2024.



2

14. LAPORAN AKAUNTAN MELAPOR MENGENAI PRO FORMA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN

Lampiran A

Cuckoo International (MAL) Berhad (“Syarikat”) dan anak-anak syarikat (secara kolektif, "Kumpulan")
Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan nota-nota yang berkaitan

Maklumat tambahan

	Pada 30 September 2024	Pro Forma I Selepas pelarasan untuk peristiwa seterusnya	Pro Forma II Selepas Pro Forma I dan IPO	Pro Forma III Selepas Pro Forma II dan penggunaan perolehan
Bilangan saham biasa ('000)	1,289,520	1,289,520	1,432,800	1,432,800
Aset bersih sesaham berkaitan dengan pemilik Syarikat ^ (RM)	0.64	0.64	0.70	0.70
Aset bersih sesaham # (RM)	0.64	0.64	0.70	0.70
Nisbah penggearing >	0.39	0.41	0.34	0.30

[^] Berdasarkan ekuiti berkaitan dengan pemilik Syarikat berbanding bilangan saham biasa dalam Syarikat.

[#] Berdasarkan jumlah ekuiti berbanding bilangan saham biasa dalam Syarikat.

[>] Dikira berdasarkan jumlah peminjaman bank dan jumlah liabiliti pajakan dibahagikan dengan jumlah ekuiti.

(baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong)



14. LAPORAN AKAUNTAN MELAPOR MENGENAI PRO FORMA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN

Lampiran A

Cuckoo International (MAL) Berhad ("Syarikat") dan anak syarikat (secara kolektif, "Kumpulan") Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan nota-nota yang berkaitan

Nota kepada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan

Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan telah disediakan untuk dimasukkan ke dalam prospektus Syarikat berhubung dengan tawaran awam permulaan sehingga 365,364,000 saham biasa dalam Syarikat ("Saham") ("IPO") ("Prospektus") bersempena dengan penyenaaran dan sebut harga bagi keseluruhan Saham terbitan diperbesar di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Penyenaaran") dan tidak boleh digunakan untuk mana-mana tujuan lain.

1. Asas penyediaan

Kriteria terpakai pada asas Lembaga Pengarah Syarikat ("Pengarah") telah menyusun Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan adalah seperti yang diterangkan di bawah. Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan disediakan menurut keperluan Bab 9 Garis Panduan Prospektus yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Nota Panduan untuk Penerbit Pro Forma Maklumat Kewangan yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia.

Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan telah disediakan berdasarkan penyata kewangan disatukan interim teraudit Syarikat bagi tempoh berakhir 30 September 2024, yang disediakan menurut Piawaian Perakaunan MFRS seperti yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan Piawaian Perakaunan IFRS seperti yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa, dan dengan cara yang konsisten dengan format penyata kedudukan kewangan dan dasar perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan, dan diselaraskan untuk peristiwa dan urusan niaga yang diperincikan dalam Nota 2.

Pelarasan pro forma adalah sesuai untuk tujuan penyediaan Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan.

Laporan audit bertarikh 20 Februari 2025 mengenai penyata kewangan disatukan interim teraudit Syarikat bagi tempoh berakhir 30 September 2024 tidak tertakluk kepada mana-mana kelayakan, pengubahsuaian atau penafian pendapat.

Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan tidak semestinya menunjukkan kedudukan kewangan yang akan dicapai seolah-olah IPO benar-benar berlaku pada tarikh masing-masing. Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan telah disediakan untuk tujuan ilustrasi sahaja.

2. Pelarasan pro forma kepada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan

Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan menggambarkan kesan peristiwa atau urusan niaga berikut:

2.1 Pro Forma I – Pelarasan untuk peristiwa seterusnya

Pengeluaran pinjaman berjangka dan barisan pelbagai perdagangan

(a) AmBank (M) Berhad

Selepas pinjaman berjangka RM50.00 juta dikeluarkan daripada AmBank (M) Berhad pada 19 Ogos 2024 untuk penyelesaian sebahagian daripada pendahuluan daripada syarikat induk langsungnya, Cuckoo Homesys Co., Ltd. ("CKH"), Syarikat pada 21 Oktober 2024 telah mengeluarkan lagi pinjaman berjangka RM5.00 juta daripada AmBank (M) Berhad untuk membiayai/menabung amaun minimum yang diperlukan untuk dikekalkan dalam Akaun Rizab Perkhidmatan Hutang.



14. LAPORAN AKAUNTAN MELAPOR MENGENAI PRO FORMA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN

Lampiran A

Cuckoo International (MAL) Berhad ("Syarikat") dan anak syarikat (secara kolektif, "Kumpulan")
Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan nota-nota yang berkaitan

2. Pelarasan pro forma kepada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan (sambungan)

2.1 Pro Forma I – Pelarasan untuk peristiwa seterusnya (sambungan)

(b) RHB Islamic Bank Berhad

Pada 31 Disember 2024, Syarikat telah mengeluarkan RM10.70 juta daripada kemudahan Barisan Pelbagai Perdagangan Islam yang diberikan oleh RHB Islamic Bank Berhad untuk tujuan modal kerja.

2.2 Pro Forma II – IPO

IPO melibatkan tawaran awam permulaan sehingga 365,364,000 Saham dalam Syarikat yang terdiri daripada yang berikut:

(i) Terbitan Awam

Terbitan awam sehingga 143,280,000 Saham baharu ("Saham Terbitan") pada harga indikatif RM1.29 setiap Saham Terbitan meningkatkan jumlah perolehan kasar kira-kira RM184.83 juta.

(ii) Tawaran Jualan

Tawaran jualan oleh CKH, Koo Bon Hak, Hoe Kian Choon, Mak Foong Ling, Toh Seng Lee, Goh Hui Teng, Lye Siew Lay, Tan Yu Liang dan Mak Wai Hoong (secara kolektif, "Pemegang Saham Jualan") sehingga 222,084,000 Saham sedia ada ("Saham Tawaran") pada harga indikatif RM1.29 setiap Saham Tawaran.

Syarikat tidak akan menerima mana-mana perolehan daripada Tawaran Jualan. Perolehan kasar sebanyak RM286.49 juta daripada Tawaran Jualan akan terakru sepenuhnya kepada Pemegang Saham Jualan.

(baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong)



14. LAPORAN AKAUNTAN MELAPOR MENGENAI PRO FORMA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN

Lampiran A

Cuckoo International (MAL) Berhad ("Syarikat") dan anak syarikat (secara kolektif, "Kumpulan")
Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan nota-nota yang berkaitan

2. Pelarasan pro forma kepada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan (sambungan)

2.3 Pro Forma III – Penggunaan Perolehan

Jumlah perolehan kasar daripada Terbitan Awam sebanyak RM184.83 juta bertujuan untuk digunakan seperti berikut:

	RM'juta
Modal kerja	104.72
Pembayaran balik peminjaman ⁽¹⁾	40.00
Perbelanjaan modal ⁽²⁾	10.60
Modal kerja untuk pengembangan perniagaan Singapura ⁽³⁾	10.00
Anggaran perbelanjaan penyenaian ⁽⁴⁾	19.51
	184.83

Nota:

- (1) Kumpulan telah memperuntukkan RM40.00 juta daripada jumlah perolehan kasar untuk pembayaran balik peminjaman. Ini adalah berhubung dengan pembayaran balik sebahagian pinjaman berjangka berjumlah RM220.00 juta yang diperoleh daripada Bank of China (Malaysia) Berhad untuk tujuan menyelesaikan amaun perdagangan terhutang kepada CKH.
- (2) Kumpulan telah memperuntukkan RM10.60 juta daripada jumlah perolehan kasar untuk perbelanjaan modal berhubung dengan perkara berikut:

	RM'juta
Pembukaan "Brandshops"	5.00
Menaik taraf sistem teknologi maklumat	5.60
	10.60

Pada tarikh praktik terkini 28 Februari 2025, Syarikat masih belum memeterai sebarang perjanjian mengikat kontrak atau mengeluarkan sebarang pesanan pembelian berhubung dengan perbelanjaan modal di atas. Sehubungan itu, penggunaan perolehan yang diperuntukkan untuk perbelanjaan modal tidak ditunjukkan dalam Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan.

- (3) Kumpulan telah memperuntukkan RM10.00 juta untuk modal kerja bagi pengembangan perniagaan Singapura. Pada tarikh praktik terkini 28 Februari 2025, Syarikat masih belum memeterai sebarang perjanjian mengikat kontrak atau mengeluarkan sebarang pesanan pembelian berhubung dengan pengembangan perniagaan Singapura. Sehubungan itu, penggunaan perolehan yang diperuntukkan untuk pengembangan perniagaan Singapura tidak ditunjukkan dalam Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan.
- (4) Anggaran perbelanjaan penyenaian terdiri daripada yang berikut:

	RM'juta
Yuran profesional	11.90
Yuran kawal selia	1.10
Yuran komisen	4.45
Lain-lain yang terdiri daripada yuran dan perbelanjaan untuk mencetak, menterjemah, jerayawara dan pengiklanan, perbelanjaan di luar poket dan luar jangka	2.06
	19.51

Jumlah anggaran perbelanjaan penyenaian yang akan ditanggung oleh Syarikat dianggarkan lebih kurang RM19.51 juta. Pada 30 September 2024, RM3.06 juta telah diiktiraf dalam untung atau rugi Kumpulan. Baki anggaran perbelanjaan penyenaian sebanyak RM16.45 juta telah terakru dalam perdagangan belum bayar dan belum bayar lain yang mana RM6.88 juta yang berkaitan secara langsung dengan Terbitan Awam akan didebitkan terhadap modal saham Syarikat, dan baki anggaran perbelanjaan penyenaian sebanyak RM9.57 juta akan dcaj kepada untung atau rugi Kumpulan.



14. LAPORAN AKAUNTAN MELAPOR MENGENAI PRO FORMA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN

Lampiran A

Cuckoo International (MAL) Berhad ("Syarikat") dan anak syarikat (secara kolektif, "Kumpulan")
Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan nota-nota yang berkaitan

3. Kesan ke atas Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan

(a) Pergerakan tunai dan baki bank

	RM'000
Baki pada 30 September 2024	102,287
Kesan Pro Forma I:	
- Pengeluaran pinjaman berjangka barisan pelbagai perdagangan	<u>15,695</u>
Pro Forma I	117,982
Kesan Pro Forma II:	
- Perolehan daripada Terbitan Awam	<u>184,831</u>
Pro Forma II	302,813
Kesan Pro Forma III:	
- Pembayaran balik peminjaman sedia ada menggunakan perolehan daripada Terbitan Awam	(40,000)
- Anggaran perbelanjaan penyenaian	<u>(16,457)</u>
Pro Forma III	<u><u>246,356</u></u>

(b) Pergerakan modal saham

	RM'000
Baki pada 30 September 2024/Pro Forma I	186,428
Kesan Pro Forma II:	
- Terbitan Awam	184,831
- Anggaran perbelanjaan penyenaian berkaitan langsung dengan Terbitan Awam	<u>(6,886)</u>
Pro Forma II dan III	<u><u>364,373</u></u>

(c) Pergerakan rizab (perolehan tertahan)

	RM'000
Baki pada 30 September 2024/Pro Forma I	644,446
Kesan Pro Forma II:	
- Anggaran perbelanjaan penyenaian yang dicaj kepada untung atau rugi Kumpulan	<u>(9,571)</u>
Pro Forma II dan III	<u><u>634,875</u></u>

(baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong)



14. LAPORAN AKAUNTAN MELAPOR MENGENAI PRO FORMA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN

Lampiran A

Cuckoo International (MAL) Berhad ("Syarikat") dan anak syarikat (secara kolektif, "Kumpulan")
Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan nota-nota yang berkaitan

3. Kesan ke atas Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan (sambungan)

(d) Pergerakan pinjaman dan peminjaman – bukan semasa

	RM'000
Baki pada 30 September 2024	155,298
Kesan Pro Forma I:	
- Pengeluaran pinjaman berjangka	<u>5,000</u>
Pro Forma I, II dan III	<u><u>160,298</u></u>

Pergerakan pinjaman dan peminjaman – semasa

	RM'000
Baki pada 30 September 2024	154,431
Kesan Pro Forma I:	
- Pengeluaran barisan pelbagai perdagangan	<u>10,695</u>
Pro Forma I dan II	165,126
Kesan Pro Forma III:	
- Pembayaran balik peminjaman menggunakan perolehan daripada Terbitan Awam	<u>(40,000)</u>
Pro Forma III	<u><u>125,126</u></u>

(e) Pergerakan perdagangan belum bayar dan belum bayar lain

	RM'000
Baki pada 30 September 2024/Pro Forma I	261,443
Kesan Pro Forma II:	
- Anggaran perbelanjaan penyenaian terakru	<u>16,457</u>
Pro Forma II	277,900
Kesan Pro Forma III:	
- Pembalikan anggaran perbelanjaan penyenaian terakru apabila pembayaran menggunakan perolehan daripada Terbitan Awam	<u>(16,457)</u>
Pro Forma III	<u><u>261,443</u></u>

(baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong)



15. MAKLUMAT TAMBAHAN

15.1 MODAL SAHAM

- (i) Tiada sekuriti akan diumpuk atau diterbit atas asas Prospektus ini melebihi enam bulan selepas tarikh terbitan Prospektus ini.
- (ii) Pada tarikh Prospektus ini, kami hanya mempunyai satu kelas saham dalam Syarikat kami, iaitu, saham biasa, kesemuanya setaraf antara satu sama lain. Tiada hak istimewa yang terikat kepada Saham kami.
- (iii) Kecuali bagi Saham baharu yang diterbitkan menurut skim opsyen saham pekerja dan Terbitan Bonus seperti didedahkan dalam Seksyen 6 Prospektus ini, tiada saham, debentur, waran, opsyen, sekuriti boleh ditukar atau modal belum dipanggil Syarikat kami dan anak-anak syarikat kami telah diterbit atau dicadangkan untuk diterbit sebagai berbayar penuh atau sebahagiannya, secara tunai atau sebaliknya daripada tunai, semasa Tahun Kewangan dalam Semakan, dan sehingga tarikh Prospektus ini.
- (iv) Kecuali bagi Saham Terbitan yang disimpan untuk langganan oleh Orang yang Layak seperti didedahkan dalam Seksyen 4 Prospektus ini, buat masa ini tiada skim lain yang melibatkan Pengarah dan pekerja kami dalam modal saham Syarikat kami atau mana-mana anak syarikat kami.
- (v) Pada tarikh Prospektus ini, tiada mana-mana modal saham Syarikat kami atau mana-mana anak syarikat kami berada di bawah opsyen atau dipersetujui secara bersyarat atau tanpa syarat untuk diletak di bawah opsyen.
- (vi) Kecuali seperti didedahkan dalam Prospektus ini dan kecuali seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan kami seperti dihasilkan semula dalam Seksyen 15.2 di bawah dan Akta, tiada sekatan lain ke atas pegangan atau undian atau pemindahan Saham kami.

15.2 PETIKAN PERLEMBAGAAN KAMI

Peruntukan-peruntukan yang berikut dihasilkan semula daripada Perlembagaan kami dan keseluruhannya tertakluk melalui rujukan kepada Perlembagaan kami dan undang-undang terpakai. Perkataan, terma dan ungkapan yang terdapat dalam peruntukan yang berikut akan mempunyai maksud yang sama seperti digunakan dalam Perlembagaan kami kecuali ditakrifkan sebaliknya di sini atau konteks memerlukan sebaliknya.

Perkataan	Maksud
Akta	Ertinya Akta Syarikat 2016 dan sebarang modifikasi statutori, pindaan atau penggubalan semula termasuk sebarang dan setiap sub-perundingan yang kini berkuat kuasa yang dibuat di bawahnya dan sebarang undang-undang bertulis yang kini berkuat kuasa berhubung dengan syarikat dan menjejaskan Syarikat.
Lembaga	Ertinya Lembaga Pengarah Syarikat kini dan di mana konteks membenarkan atau memerlukan, akan bererti Pengarah yang bilangannya tidak kurang dari kuorum yang diperlukan yang bertindak sebagai lembaga Pengarah.
Akta Depositori Pusat	Ertinya Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dan sebarang modifikasi statutori, pindaan atau penggubalan semula yang kini berkuat kuasa.
Klausa	Ertinya klausa dalam Perlembagaan ini seperti asalnya digubal atau seperti ditukar dari masa ke masa melalui resolusi khas.

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

Perkataan	Maksud
CMSA	Ertinya Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan sebarang modifikasi statutori, pindaan atau penggubalan semula yang kini berkuat kuasa.
Syarikat	CUCKOO International (MAL) Berhad [No. Pendaftaran 201401026804 (1102894-H)]
Perlembagaan	Ertinya Perlembagaan ini seperti asalnya digubah atau seperti ditukar dari masa ke masa dengan meluluskan resolusi khas.
Depository	Ertinya Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd [No. Pendaftaran 198701006854 (165570-M)] dan termasuk pengganti hak milik dan penyerah hak yang dibenarkan.
Pengarah	Ertinya pengarah Syarikat kini seperti ditakrifkan dalam Seksyen 2(1) CMSA, dan termasuk pengarah silih ganti atau penama yang dilantik sewajarnya.
Bursa atau Saham	Ertinya Bursa Malaysia Securities Berhad [No. Pendaftaran 200301033577 (635998-W)] dan termasuk pengganti hak milik dan pemegang serah hak yang dibenarkan.
Tersenarai	Ertinya dimasukkan ke dalam Senarai Rasmi Bursa Securities dan "penyenaraian" akan diertikan sewajarnya.
Syarat Penyenaraian	Ertinya Syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities termasuk sebarang pindaan kepadanya yang boleh dibuat dari masa ke masa.
Ahli	Ertinya mana-mana orang yang namanya dimasukkan dalam Daftar Ahli termasuk Pendeposit yang namanya terdapat dalam Rekod Pendeposit kecuali Depository dan/atau syarikat penamanya dalam peranannya sebagai pemegang amanah biasa.
Promoter	Berhubung dengan prospektus yang diterbitkan oleh atau berkaitan dengan sebuah perbadanan, ertinya promoter perbadanan tersebut yang merupakan pihak kepada penyediaan prospektus atau mana-mana bahagian relevan prospektus; tetapi tidak termasuk mana-mana orang yang hanya disebabkan tindakannya dalam peranan profesional.
Peraturan	Ertinya Peraturan Depository dan sebarang lampiran kepadanya seperti yang boleh dipinda atau diubah dari masa ke masa.
Setiausaha	Ertinya mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas sebagai setiausaha Syarikat di bawah Seksyen 236 Akta dan akan termasuk setiausaha bersama, sementara, pembantu atau timbalan dan mana-mana orang yang dilantik oleh Pengarah untuk melaksanakan mana-mana tugas setiausaha.
Sekuriti atau Sekuriti-sekuriti	Ertinya sekuriti-sekuriti seperti ditakrifkan dalam Seksyen 2 CMSA.
Saham	Ertinya saham dalam Syarikat yang termasuk saham biasa, saham keutamaan atau jenis saham lain yang boleh diterbitkan dan diumpuk oleh Syarikat dari masa ke masa.

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

15.2.1 Imbuan, Kuasa Mengundi dan Meminjam Pengarah

Peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan kami berhubung dengan imbuan, kuasa mengundi dan meminjam pengarah adalah seperti berikut:

Imbuan

Klausa 112 – Imbuan Pengarah

“Yuran dan sebarang manfaat yang perlu dibayar kepada Pengarah dari masa ke masa, akan tertakluk kepada kelulusan tahunan pemegang saham di mesyuarat agung dan akan (kecuali resolusi demikian memperuntukkan sebaliknya) dibahagikan antara Pengarah sepertimana yang mereka persetujui, kecuali bahawa mana-mana Pengarah, yang hanya memegang jawatan bagi sebahagian daripada tempoh berhubung mana yuran demikian perlu dibayar, akan layak hanya untuk bertaraf dalam pembahagian demikian untuk sebahagian daripada yuran berhubung dengan tempoh di mana dia telah memegang jawatan, SENTIASA DENGAN SYARAT bahawa:

- (a) yuran yang perlu dibayar kepada Pengarah bukan eksekutif akan dibuat melalui jumlah tetap, dan bukan melalui komisen ke atas atau peratusan keuntungan atau perolehan;
- (b) gaji yang perlu dibayar kepada Pengarah eksekutif tidak akan termasuk komisen ke atas atau peratusan perolehan;
- (c) yuran dan sebarang manfaat yang perlu dibayar kepada Pengarah tidak akan ditambah kecuali menurut resolusi biasa yang diluluskan di mesyuarat agung, di mana notis penambahan yang dicadangkan telah diberi dalam notis mengadakan mesyuarat; dan
- (d) sebarang yuran yang dibayar kepada Pengarah silih ganti akan dipersetujui antaranya dan Pengarah yang menamakannya dan akan dibayar daripada imbuan Pengarah tersebut.”

Klausa 113 – Pembayaran balik dan Imbuan Khas

- “(1) Pengarah akan layak dibayar balik semua perbelanjaan perjalanan atau perbelanjaan munasabah lain yang mungkin ditanggung dalam menghadiri dan pulang dari mesyuarat Pengarah atau mana-mana jawatankuasa Pengarah atau mesyuarat agung atau sebaliknya, bagaimanapun, dalam atau berhubung dengan perniagaan Syarikat dalam melaksanakan tugas mereka sebagai Pengarah.
- (2) Jika melalui pengaturan dengan Pengarah, mana-mana Pengarah akan melaksanakan atau memberi sebarang tugas atau perkhidmatan khas di luar tugas biasanya sebagai seorang Pengarah khususnya, tanpa mengehadkan keumuman yang di atas, jika mana-mana Pengarah yang sanggup akan dipanggil untuk melaksanakan perkhidmatan tambahan atau membuat sebarang usaha khas untuk pergi atau tinggal jauh daripada tempat perniagaan atau tempat tinggal biasanya untuk sebarang tujuan Syarikat atau dalam memberi perhatian khas kepada perniagaan Syarikat sebagai Ahli jawatankuasa Pengarah, Pengarah boleh membayarnya imbuan khas, tambahan kepada yuran Pengarahnya, dan imbuan khas tersebut boleh dibuat melalui jumlah tetap, atau sebaliknya seperti yang boleh diatur/ditentukan oleh Lembaga.”

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

Klausu 146 – Pengarah Boleh Melantik Pengarah Urusan dan Terma Pelantikan

“Pengarah boleh dari masa ke masa melantik seorang atau lebih antara mereka menjadi Pengarah Urusan atau Pengarah Urusan. Tertakluk kepada Klausu 104(1) dan sejauh mana dibenarkan oleh Akta dan Syarat Penyenaraian, pelantikan sedemikian akan tertakluk kepada pelantikan semula atau pada terma yang mereka fikirkan wajar. Pengarah boleh memberi Pengarah Urusan atau Pengarah Urusan demikian, kuasa yang diletak pada Pengarah secara umumnya, seperti yang mereka fikirkan wajar. Pengarah Urusan atau Pengarah Urusan, atau mana-mana orang yang melaksanakan fungsi Pengarah Urusan, dalam sebarang nama pun, akan tertakluk kepada kawalan Lembaga.”

Klausu 147 – Imbuhan Pengarah Urusan

“Imbuhan Pengarah Urusan atau Pengarah-pengarah Urusan akan tertakluk kepada terma mana-mana perjanjian yang dimasuki dalam sebarang kes tertentu, menerima imbuhan (sama ada melalui gaji, bonus, pencen, gratuiti atau penyertaan dalam keuntungan, atau sebahagiannya dalam satu cara dan sebahagian dalam cara yang lain dan manfaat lain apabila mereka bersara) seperti yang boleh ditentukan oleh Lembaga kami. Sebaliknya, atau melalui mana-mana atau kesemua kaedah ini tetapi imbuhan demikian tidak akan termasuk komisen ke atas atau peratusan perolehan.”

Kuasa mengundi

Klausu 128 – Kuorum

“Kuorum yang perlu untuk menjalankan urusan Pengarah adalah dua (2) Pengarah. Seorang pengarah dikira dalam kuorum berhubung dengan resolusi walaupun pengarah tersebut tidak layak untuk mengundi.”

Klausu 129 – Prosiding Mesyuarat

“Mesyuarat Pengarah, yang kini di mana kuorum telah hadir, akan kompeten untuk melaksanakan kesemua atau mana-mana kuasa, kebenaran dan budi bicara melalui atau di bawah Perlembagaan ini, diletak pada atau boleh dilaksanakan oleh Pengarah secara umum. Tertakluk kepada Perlembagaan ini, sebarang persoalan yang timbul di mana-mana mesyuarat Pengarah akan diputuskan melalui undi majoriti.”

Klausu 130 – Pengerusi Mempunyai Undi Penentu

“Tertakluk kepada Klausu 88, Pengerusi akan mempunyai undi kedua atau penentu, KECUALI di mana hanya dua (2) Pengarah membentuk kuorum, atau di mana hanya dua (2) Pengarah kompeten untuk mengundi terhadap persoalan yang dipertimbangkan.”

Klausu 133 – Pengerusi dan Timbalan Pengerusi

“Pengarah boleh dari masa ke masa melantik dan mengeluarkan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga dan menentukan tempoh mereka masing-masing memegang jawatan. Pengarah yang dilantik sedemikian, atau dalam ketiadaannya, Timbalan Pengarah akan mengetuai semua mesyuarat Pengarah, tetapi jika tiada Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dilantik, atau jika di mana-mana mesyuarat Pengerusi atau Timbalan Pengerusi tidak hadir dalam masa lima belas (15) minit selepas masa yang ditetapkan untuk mengadakanannya, Pengarah yang hadir akan memilih salah seorang daripada bilangan mereka untuk bertindak sebagai Pengerusi mesyuarat demikian.”

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

Klausa 135 – Pengarah Menahan daripada Mengundi ke atas Urus Niaga Berkepentingan

“Seorang Pengarah tidak akan mengundi atau menyertai sebarang perbincangan berhubung dengan mana-mana kontrak atau kontrak yang dicadangkan atau pengaturan di mana dia mempunyai kepentingan, secara langsung atau tidak langsung. Tanpa menjejaskan keumuman yang di atas, seorang Pengarah juga tidak akan mengundi berhubung dengan mana-mana kontrak atau kontrak yang dicadangkan atau pengaturan dengan mana-mana syarikat lain di mana dia berkepentingan, sama ada sebarang pegawai syarikat lain tersebut atau sebagai pemegang saham atau Sekuriti dalam syarikat lain tersebut.”

Klausa 137 – Pengarah Boleh Mengundi ke atas Pemberian Sandaran atau Indemniti Di Mana Dia Berkepentingan

“Tertakluk kepada Klausa 138, seorang Pengarah boleh mengundi berhubung dengan:

- (a) sebarang pengaturan untuk memberi Pengarah sendiri atau mana-mana Pengarah lain sebarang sandaran atau indemniti berhubung dengan wang yang dipinjamkannya kepada atau obligasi yang diusahakannya untuk manfaat Syarikat; atau
- (b) sebarang pengaturan untuk Syarikat memberi sebarang sandaran kepada pihak ketiga berhubung dengan hutang atau obligasi Syarikat untuk mana Pengarah sendiri atau mana-mana Pengarah lain telah menanggung tanggungjawab secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya di bawah jaminan atau indemniti atau melalui deposit sandaran.

Melalui resolusi biasa Syarikat, peruntukan Klausa ini boleh pada bila-bila masa digantung atau dilonggarkan pada sebarang tahap dan, sama ada secara umum atau berhubung dengan kontrak, pengaturan atau urus niaga tertentu, dan sebarang kontrak, pengaturan atau urus niaga khusus yang dijalankan mengingkari Klausa ini, boleh disahkan.”

Klausa 109(1) – Pengarah Silih Ganti

“Seorang Pengarah boleh melantik seorang untuk bertindak sebagai silih gantinya, DENGAN SYARAT BAHAWA orang demikian bukan Pengarah sedia ada, orang demikian tidak bertindak sebagai silih ganti untuk lebih daripada satu Pengarah, pelantikan diluluskan oleh majoriti Ahli Lembaga lain, dan sebarang yuran yang dibayar oleh Syarikat kepada Pengarah silih ganti akan ditolak daripada imbuhan Pengarah tersebut. Pengarah silih ganti akan layak menerima notis semua mesyuarat dan untuk menghadiri, berucap dan mengundi di mana-mana mesyuarat demikian di mana pelantiknya tidak hadir. Sebarang pelantikan yang dibuat sedemikian boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh pelantik, dan sebarang pelantikan atau pembatalan di bawah Klausa ini akan dibuat melalui notis bertulis yang dihantar kepada Setiausaha Syarikat. Seorang Pengarah silih ganti akan dengan sendirinya tamat menjadi Pengarah silih ganti jika pelantiknya atas sebarang sebab tidak lagi menjadi seorang Pengarah.”

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

Kuasa meminjam

Klausula 117 – Kuasa Meminjam Pengarah

- “(1) Setakat yang dibenarkan Akta, Syarat Penyenggaraan dan Perlembagaan, Pengarah boleh melaksanakan semua kuasa Syarikat untuk meminjam wang dan untuk memajak atau mencagar perusahaan, harta dan modal belum dipanggilnya, atau mana-mana bahagian daripadanya, dan untuk menerbitkan debentur dan sekuriti lain sama ada secara langsung atau sebagai sandaran kolateral untuk sebarang hutang, liabiliti atau obligasi Syarikat atau mana-mana pihak ketiga berkaitan, SENTIASA DENGAN SYARAT bahawa tiada apa yang terkandung dalam Perlembagaan ini akan membenarkan Pengarah untuk meminjam sebarang wang atau memajak atau mencagar mana-mana perusahaan, harta atau modal belum dipanggil Syarikat atau Anak syarikatnya atau untuk menerbitkan debentur dan sekuriti lain sama ada secara langsung atau sebagai sandaran untuk sebarang hutang, liabiliti atau obligasi pihak ketiga tidak berkaitan. Juga dengan syarat Pengarah tidak akan menerbitkan sebarang sekuriti hutang yang boleh ditukar kepada saham biasa tanpa kelulusan terdahulu Syarikat di mesyuarat Ahli-ahli.
- (2) Pengarah akan menyebabkan daftar sewajarnya disimpan menurut Seksyen 60 Akta tentang semua pajakan dan cagaran yang khususnya menjejaskan harta Syarikat dan akan mematuhi dengan sewajarnya keperluan-keperluan Akta berhubung dengan pendaftaran pajakan dan cagaran yang dinyatakan atau sebaliknya.
- (3) Tertakluk kepada Akta, jika Pengarah atau mana-mana antara mereka, atau mana-mana orang lain, akan menjadi bertanggungjawab secara peribadi untuk pembayaran sebarang jumlah yang terutamanya perlu dibayar oleh Syarikat, Pengarah boleh melengkapkan atau menyebabkan dilengkapkan mana-mana pajakan, cagaran atau sandaran ke atas atau menjejaskan keseluruhan atau mana-mana bahagian aset Syarikat melalui indemniti untuk menjamin Pengarah, atau orang yang menjadi bertanggungjawab seperti disebut di atas, daripada sebarang kerugian berhubung dengan liabiliti demikian.”

15.2.2 Perubahan kepada modal saham

Peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan kami berhubung dengan perubahan dalam modal saham adalah seperti berikut:

Klausula 10 – Kuasa Pengarah untuk Mengumpul Saham

- “(1) Tanpa menjejaskan sebarang hak istimewa yang dahulunya diberi kepada pemegang mana-mana saham atau kelas saham sedia ada, dan tertakluk kepada peruntukan Akta, Akta Depositori Pusat, Syarat Penyenggaraan, Perlembagaan ini dan peruntukan sebarang resolusi Syarikat, Pengarah dibenarkan, untuk:
- (a) mengumpul saham atau memberi sebarang hak untuk melanggan saham, di bawah tawaran yang dibuat kepada pemegang saham berkadar dengan pegangan saham pemegang saham;
 - (b) mengumpul saham atau memberi hak untuk melanggan saham atas terbitan bonus kepada pemegang saham berkadar dengan pegangan saham pemegang saham;
 - (c) mengumpul saham kepada Promoter Syarikat di mana Promoter tersebut telah bersetuju untuk mengambilnya;

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

- (d) mengumpul saham atau memberi sebarang hak di mana saham akan diterbitkan sebagai balasan atau sebahagian daripada balasan untuk Syarikat memperoleh saham atau aset. Pemegang saham perlu dimaklumkan tentang tujuan menerbitkan saham sedemikian sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum terbitan saham tersebut.”

Klausa 12 – Kuasa untuk Menerbitkan Saham Keutamaan

“Syarikat akan mempunyai kuasa untuk menerbitkan saham keutamaan yang boleh, atau atas opsyen Syarikat boleh (yang bertaraf sama dengan atau mengambil prioriti kepada saham keutamaan yang sudah diterbitkan), untuk ditebus oleh Pengarah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta dan Perlembagaan ini.”

Klausa 15 – Pembelian Saham Sendiri

“Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta dan aturan, peraturan, perintah, garis panduan atau keperluan yang dikeluarkan oleh Bursa dan/atau mana-mana pihak berkuasa relevan lain dari masa ke masa, Syarikat boleh melalui resolusi biasa membeli sahamnya sendiri. Sebarang saham dalam Syarikat, yang dibeli oleh Syarikat, akan diuruskan menurut Akta, garis panduan atau keperluan yang dikeluarkan oleh Bursa dan/atau mana-mana pihak berkuasa relevan lain dari masa ke masa.”

Klausa 60 – Penambahan Modal Saham

“Syarikat boleh, dari masa ke masa, sama ada semua saham yang kini diterbitkan telah dibayar penuh atau tidak, melalui resolusi biasa menambah modal sahamnya melalui pewujudan dan terbitan saham baharu, modal baharu demikian dalam amaun yang akan dibahagikan menjadi saham dengan amaun masing-masing dan membawa hak atau tertakluk kepada syarat atau sekatan berhubung dengan dividen, pemulangan modal atau sebaliknya seperti Syarikat boleh mengarahkan dalam resolusi yang membenarkan penambahan demikian.”

Klausa 61- Terbitan Saham Baharu kepada Ahli Sedia Ada

“Tertakluk kepada Syarat Penyenaraian, dan sebarang arahan sebaliknya yang mungkin diberikan oleh Syarikat di mesyuarat agung, semua saham baharu atau Sekuriti boleh ditukar lain akan, sebelum diterbitkan, ditawarkan kepada orang yang pada tarikh tawaran layak untuk menerima notis daripada Syarikat tentang mesyuarat agung berkadar, sedekat yang dibenarkan oleh keadaan, kepada amaun saham atau Sekuriti sedia ada kepada mana mereka berhak. Tawaran tersebut akan dibuat melalui notis menyatakan bilangan saham atau Sekuriti yang ditawarkan, dan mengehendkan masa dalam mana tawaran tersebut, jika tidak diterima, akan dianggap telah ditolak, dan, selepas tamat tempoh masa tersebut, atau apabila menerima tanda daripada orang kepada siapa tawaran dibuat bahawa dia menolak untuk menerima saham atau Sekuriti yang ditawarkan, Pengarah boleh melupuskan saham atau Sekuriti tersebut dalam cara sepertimana mereka fikirkan paling memanfaatkan Syarikat. Begitu juga, Pengarah boleh melupuskan sebarang saham atau Sekuriti baharu yang (disebabkan nisbah saham atau Sekuriti baharu kepada saham atau Sekuriti yang dipegang oleh orang yang layak menerima tawaran saham atau Sekuriti baharu) tidak dapat, pada pendapat Pengarah, ditawarkan dengan mudah di bawah Klausa ini. Bagi mengelak sebarang keraguan, di mana kelulusan Ahli-ahli diperoleh di mesyuarat agung untuk sebarang terbitan saham atau Sekuriti boleh ditukar, termasuk kelulusan yang diperoleh di bawah Seksyen 75 dan 76 Akta, kelulusan demikian akan dianggap sebagai arahan sebaliknya yang diberi di mesyuarat agung yang akan menjadikan hak terlebih dahulu tidak terpakai. Dalam sebarang kes dan berhubung dengan sebarang terbitan saham atau Sekuriti boleh ditukar, hak terlebih dahulu Ahli-ahli adalah khusus seperti terkandung dalam Perlembagaan dan dengan itu, peruntukan-peruntukan Seksyen 85 Akta berhubung dengan hak terlebih dahulu kepada Saham baharu tidak akan terpakai.”

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

Klausa 62 – Perubahan Modal Saham

“Tertakluk kepada undang-undang atau keperluan-keperluan terpakai, Syarikat boleh dari masa ke masa menukar modal sahamnya dengan meluluskan resolusi biasa untuk:

- (a) menggabung dan membahagikan kesemua atau mana-mana antara modal sahamnya, kadar antara amaun yang dibayar dan amaun, jika ada, yang belum dibayar terhadap setiap saham yang disubbahagikan, akan sama seperti dalam kes saham daripada mana saham yang disubbahagikan diperoleh;
- (b) menukar semua atau mana-mana antara saham berbayarnya menjadi stok dan boleh menukar balik stok tersebut menjadi saham berbayar;
- (c) subbahagikan sahamnya atau mana-mana antara saham, yang mana terdapat dalam subpembahagian, kadar antara amaun yang dibayar dan amaun, jika ada, yang belum dibayar terhadap setiap saham yang disubbahagikan akan sama seperti dalam kes saham daripada mana saham yang disubbahagikan diperoleh;
- (d) membatalkan mana-mana saham, yang pada tarikh resolusi diluluskan, yang tidak diambil atau dipersetujui untuk diambil oleh mana-mana orang atau yang telah dirampas, dan mengurangkan amaun modal sahamnya dengan amaun saham yang telah dibatalkan; dan
- (e) tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan Akta, menukar dan/atau mengelaskan semula mana-mana kelas saham menjadi sebarang kelas saham lain.”

Klausa 63 – Pengurangan Modal

Syarikat boleh melalui resolusi khas, mengurangkan modal sahamnya menurut Seksyen 115 untuk mengurangkan modal sahamnya dengan cara yang dibenarkan undang-undang, dan (di mana terpakai) tertakluk kepada kelulusan relevan yang perlu diperolehi.

15.2.3 Pemindahan sekuriti

Peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan kami berhubung dengan pemindahan sekuriti adalah seperti berikut:

Klausa 49 – Pemindahan Sekuriti

“Pemindahan sebarang Sekuriti Tersenarai atau kelas Sekuriti Tersenarai dalam Syarikat akan dibuat melalui kemasukan buku oleh Depository menurut Peraturan dan, tidak kira Seksyen 105, 106 dan 110 Akta, tetapi tertakluk kepada Seksyen 148(2) Akta dan sebarang pengecualian yang boleh dibuat daripada mematuhi Seksyen 148(1) Akta, Syarikat akan dihalang daripada mendaftar dan memberi kesan kepada sebarang pendaftaran Sekuriti Tersenarai.”

Klausa 50 – Surat cara Pemindahan

- “(1) Setiap surat cara pemindahan (bagi sebarang saham yang bukan Sekuriti Dideposit) perlu dihantar ke pejabat Pendaftar bersama sijil saham yang terkandung dalamnya (jika ada) dan bukti seperti yang munasabah diperlukan oleh Pengarah untuk membuktikan hak pemindah untuk membuat pemindahan dan tandatangannya pada surat cara pemindahan yang dilengkapkan dan disetem, dan tertakluk kepada kuasa yang diletak pada Pengarah oleh Perlembagaan atau peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain dan jika diperlukan, bukti munasabah Kewarganegaraan, Syarikat akan mendaftar penerima pindahan sebagai pemegang saham.

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

- (2) Yuran tidak melebihi RM3.00 (tidak termasuk duti setem) atau sebarang amaun yang akan ditentukan dari masa ke masa oleh Bursa boleh dikenakan untuk setiap pemindahan dan akan jika diperlukan oleh Pengarah dibayar sebelum pendaftarannya.”

Klausa 51 – Orang yang Kurang Upaya

“Tiada saham dalam sebarang keadaan akan dipindahkan kepada mana-mana kanak-kanak, bankrap atau orang yang kurang siuman.”

Klausa 52 – Penolakan Pemindahan dan Notis Penolakan

- “(1) Tertakluk kepada Seksyen 106 dan sebarang peruntukan relevan lain Akta, Pengarah boleh menolak atau melewatkan pendaftaran saham, yang bukan Sekuriti Dideposit, kepada orang yang mereka tidak meluluskan. Depository boleh menolak untuk mendaftar sebarang pemindahan Sekuriti Dideposit jika ia tidak mematuhi Akta Depositori Pusat atau Peraturan.
- (2) Jika Pengarah meluluskan resolusi untuk menolak atau melewatkan pendaftaran pemindahan, mereka akan, dalam masa tujuh hari dari kelulusan resolusi, memberi broker pendaftaran, pemindah dan penerima pindahan notis bertulis resolusi menyatakan penolakan dan alasan tepat baginya.”

Klausa 53 – Ketidakbertanggungjawaban Syarikat, Pengarah dan Pegawainya Berhubung dengan Pemindahan

“Sama ada Syarikat atau Pengarahnya atau mana-mana pegawainya akan menanggung sebarang liabiliti untuk mendaftar atau bertindak terhadap pemindahan saham yang kononnya dibuat oleh pihak yang memadai, walaupun yang sama mungkin, disebabkan sebarang penipuan atau sebab lain yang tidak diketahui oleh Syarikat atau Pengarahnya atau pegawai lain sebagai tidak sah beroperasi atau tidak memadai untuk memindahkan hak milik dalam saham yang dicadangkan atau dikatakan dipindahkan, dan walaupun pemindahan boleh, antara pemindah dan penerima pindahan, boleh diketepikan, dan tidak kira bahawa Syarikat mungkin mempunyai notis bahawa surat cara pemindahan telah ditandatangani atau dilengkapi dan dihantar oleh pemindah dengan nama penerima pindahan dikosongkan atau butiran saham yang dipindahkan atau sebaliknya dalam cara yang cacat. Dan dalam setiap kes sedemikian, orang yang didaftar sebagai penerima pindahan, wasinya, pentadbir dan yang diberi kuasa sahaja akan berhak diiktiraf sebagai pemegang saham demikian dan pemegang sebelumnya akan, sejauh mana berkaitan dengan Syarikat, dianggap telah memindahkan keseluruhan hak miliknya.”

15.2.4 Hak, keutamaan dan sekatan yang terikat kepada setiap kelas sekuriti berhubung dengan undian, dividen, pembubaran dan sebarang hak istimewa

Peruntukan dalam Perlembagaan kami berkaitan dengan hak, keutamaan dan sekatan yang terikat kepada setiap kelas sekuriti berhubung dengan undian, dividen, pembubaran dan sebarang hak istimewa adalah seperti berikut:

Klausa 13 – Hak Pemegang saham Keutamaan

- “(1) Kecuali sepertimana khususnya diperuntukkan sebaliknya di bawah Perlembagaan ini berhubung dengan mana-mana kelas tertentu saham keutamaan dan tertakluk kepada Akta, pemegang saham keutamaan akan mempunyai hak yang sama seperti pemegang saham biasa berhubung dengan penerimaan notis, laporan dan penyata kewangan teraudit, dan menghadiri mesyuarat agung Syarikat.

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

- (2) Kecuali sepertimana khususnya diperuntukkan sebaliknya di bawah Perlembagaan ini berhubung dengan mana-mana kelas tertentu saham keutamaan, pemegang saham keutamaan hanya akan mempunyai hak untuk mengundi di mana-mana mesyuarat yang dipanggil dalam keadaan yang berikut:
- (a) terhadap cadangan untuk mengurangkan modal saham Syarikat; atau
 - (b) terhadap cadangan untuk pelupusan keseluruhan harta, perniagaan dan perusahaan Syarikat; atau
 - (c) terhadap cadangan yang menjejaskan hak dan kelebihan yang terikat kepada saham keutamaan; atau
 - (d) apabila dividen atau sebahagian daripada dividen ke atas saham keutamaan tertunggak melebihi enam bulan; atau
 - (e) terhadap cadangan untuk menggulung Syarikat; atau
 - (f) semasa penggulungan Syarikat; atau
 - (g) sebarang keadaan lain seperti yang boleh diperuntukkan oleh Akta dari masa ke masa.
- (3) Pemegang saham keutamaan perlu layak diutamakan menerima pulangan modal berbanding pemegang saham biasa apabila Syarikat digulung.”

Klausu 25 – Modifikasi Hak

“Jika pada bila-bila masa modal saham Syarikat, disebabkan terbitan saham keutamaan atau sebaliknya dibahagikan menjadi kelas berbeza saham, pembayaran semula modal saham keutamaan demikian atau kesemua atau mana-mana hak dan kelebihan yang terikat kepada setiap kelas saham boleh tertakluk kepada peruntukan Seksyen 91 Akta, Perlembagaan ini dan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, ditukar, diubah suai, dikurangkan, dijejaskan, dimansuhkan atau diurus melalui resolusi khas. Resolusi khas tersebut akan diluluskan oleh sekurang-kurangnya tiga perempat (3/4) pemegang saham terbitan kelas tersebut di mesyuarat berasingan pemegang kelas tersebut.

Semua peruntukan yang terkandung selepas ini berhubung dengan mesyuarat agung akan terpakai dengan pindaan kepada setiap mesyuarat sedemikian kecuali kuorum adalah sekurang-kurangnya dua (2) orang yang hadir memegang atau mewakili satu pertiga (1/3) saham terbitan kelas tersebut (tidak termasuk saham yang dipegang sebagai saham perbendaharaan) dan bagi mesyuarat tertanggung satu orang memegang saham kelas demikian.

Sentiasa dengan syarat bahawa jika majoriti yang perlu untuk resolusi khas demikian tidak diperoleh dalam cara yang disebut di atas di mesyuarat berasingan, persetujuan bertulis boleh diperoleh daripada Ahli-ahli yang memegang sekurang-kurangnya tiga perempat (3/4) saham terbitan kelas tersebut dalam masa dua (2) bulan dari tarikh mesyuarat, persetujuan bertulis jika diperoleh akan mempunyai kuasa dan kesahan resolusi khas yang diluluskan di mesyuarat tersebut. Kepada setiap resolusi sedemikian peruntukan Seksyen 91 Akta, akan terpakai dengan adaptasi yang perlu.”

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

Klausa 26 – Hak Istimewa terhadap Sebarang Kelas Saham

“Hak istimewa yang terikat kepada mana-mana kelas saham yang mempunyai hak keutamaan tidak akan, kecuali diperuntukkan sebaliknya dengan jelas oleh terma terbitan saham demikian, berhubung dengan penyertaan dalam keuntungan atau aset Syarikat dalam beberapa atau semua aspek dianggap telah ditukar oleh pewujudan atau terbitan saham seterusnya yang bertaraf sama rata dengan kelas saham tersebut.”

Klausa 89 – Undian ahli

“Tertakluk kepada sebarang hak istimewa atau sekatan berhubung dengan undian yang terikat kepada mana-mana kelas atau kelas-kelas saham atau menurut Klausa-klausa ini, terhadap resolusi yang akan diputuskan dengan mengangkat tangan, seorang pemegang saham biasa atau saham keutamaan yang mendakwa sebagai Ahli atau wakil atau proksi atau wakil sah Ahli dan layak mengundi, akan berhak kepada satu (1) undi ke atas sebarang persoalan di mana-mana mesyuarat agung, dan dalam kes undian, setiap Ahli yang hadir secara sendiri atau melalui proksi atau melalui wakil sah atau wakil lain yang dibenarkan, akan mempunyai satu (1) undi bagi setiap saham yang dipegang olehnya. Orang yang berhak kepada lebih daripada satu (1) undi tidak perlu menggunakan kesemua undinya atau membuang semua undi yang digunakan dalam undian dalam cara yang sama.”

Klausa 163 – Dividen Berkadar dengan Amaun Berbayar

“Tertakluk kepada hak orang (jika ada) yang layak kepada saham dengan hak istimewa berhubung dengan dividen, semua dividen akan diisytiharkan dan dibayar menurut amaun yang berbayar terhadap saham berhubung mana dividen dibayar, tetapi tiada amaun yang dibayar ke atas saham mendahului panggilan akan dilayan bagi tujuan Klausa ini sebagai berbayar terhadap saham tersebut. Semua dividen akan dibahagikan dan dibayar pro rata menurut amaun yang berbayar terhadap saham tersebut semasa mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tempoh berhubung mana dividen dibayar, kecuali bahawa jika mana-mana saham diterbitkan atas terma yang memperuntukkan bahawa ia akan bertaraf untuk dividen seolah-olah berbayar (secara keseluruhan atau sebahagiannya) dari tarikh tertentu, saham demikian akan bertaraf untuk dividen sewajarnya.”

Klausa 164 – Dividen

“Pengarah boleh, jika difikirkan wajar, dari masa ke masa membayar kepada Ahli-ahli dividen seperti yang dilihat oleh Pengarah sebagai wajar memandangkan keuntungan Syarikat mengambil kira kesolvenan Syarikat. Jika pada bila-bila masa modal saham Syarikat dibahagikan menjadi kelas yang berbeza, Pengarah boleh membayar dividen berhubung dengan saham tersebut dalam modal Syarikat yang memberi pemegang hak keutamaan berhubung dengan dividen dan, dengan syarat Pengarah bertindak secara bona fide, mereka tidak akan menanggung sebarang tanggungjawab kepada pemegang saham yang memberi sebarang hak keutamaan untuk sebarang kerugian yang dialami disebabkan pembayaran dividen ke atas mana-mana saham yang mempunyai hak tertunda atau bukan keutamaan. Pengarah juga boleh membayar pada separuh tahun, atau jarak waktu lain yang sesuai yang akan mereka tentukan, sebarang dividen yang perlu dibayar pada kadar tetap, jika mereka berpendapat bahawa keuntungan mewajarkannya.”

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

Klausa 191 – Pengagihan aset dalam Bentuk Sebenar

“Jika Syarikat digulung (sama ada pembubaran adalah sukarela, di bawah seliaan, atau oleh Mahkamah), pembubar boleh, dengan kebenaran resolusi khas Syarikat dan tertakluk kepada Akta, membahagikan antara Ahli secara in specie atau barangan keseluruhan atau mana-mana bahagian aset Syarikat (sama ada terdiri daripada harta sama jenis atau tidak) dan boleh bagi tujuan tersebut menetapkan nilai yang dia anggap adil kepada mana-mana harta yang akan dibahagikan seperti yang disebut di atas dan boleh menentukan bagaimana pembahagian akan dilakukan antara Ahli-ahli atau kelas Ahli yang berbeza. Pembubar boleh, dengan kebenaran serupa, meletak hak keseluruhan atau mana-mana bahagian aset demikian, kepada pemegang amanah atas sebarang amanah untuk manfaat penyumbang sebagai pembubar, dengan kebenaran serupa, fikirkan wajar, tetapi supaya tiada Ahli akan dipaksa menerima sebarang saham atau Sekuriti lain di mana terdapat liabiliti padanya.”

15.3 SEKURITI DIDEPOSIT DAN HAK PENDEPOSIT

Oleh kerana Saham kami dicadangkan untuk sebut harga pada Senarai Rasmi, Saham demikian perlu ditetapkan sebagai saham yang perlu dideposit dengan Bursa Depository. Apabila ditetapkan sedemikian, seorang pemegang Saham kami perlu mendeposit Sahamnya dengan Bursa Depository pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan, jika tidak Pendaftar Saham kami perlu memindahkan Sahamnya kepada Menteri Kewangan dan Saham demikian tidak boleh didagangkan di Bursa Securities.

Berurusan dalam Saham kami yang dideposit dengan Bursa Depository hanya boleh dibuat oleh orang yang mempunyai akaun sekuriti dengan Bursa Depository (“**Pendeposit**”) melalui kemasukan dalam akaun sekuriti Pendeposit tersebut.

Seorang Pendeposit yang namanya terdapat dalam Rekod Pendeposit yang disimpan oleh Bursa Depository berhubung dengan Saham kami akan dianggap sebagai pemegang saham Syarikat kami dan akan layak kepada semua hak, manfaat, kuasa dan keutamaan dan tertakluk kepada semua liabiliti, tugas dan obligasi berhubung dengan, atau hasil daripada, Saham demikian.

15.4 BATASAN HAK UNTUK MEMILIKI SEKURITI DAN/ATAU MELAKSANAKAN HAK MENGUNDI

Tertakluk kepada Seksyen 15.3 di atas dan Klausa 91 dan 93 yang telah dihasilkan semula daripada Perlembagaan kami, tiada had ke atas hak untuk memiliki Saham kami, termasuk sebarang had ke atas hak pemegang saham pemastautin atau asing untuk memegang atau melaksanakan hak mengundi ke atas Saham kami yang dikenakan oleh undang-undang atau Perlembagaan kami.

Klausa 91 – Undian Ahli yang Kurang Siuman

“Mana-mana Ahli yang tidak siuman atau orangnya atau hartanya boleh diurus dalam sebarang cara di bawah undang-undang berhubung dengan penyakit mental, boleh mengundi, sama ada dengan mengangkat tangan atau melalui undian, oleh jawatankuasa, penerima, curator bonis atau penjaga sahnya yang lain atau orang lain yang telah dilantik sewajarnya untuk menguruskan hartanya. Mana-mana antara jawatankuasa atau orang lain sedemikian boleh mengundi sama ada melalui proksi atau wakil sah, dengan syarat bukti kebenaran, seperti Pengarah boleh memerlukan, orang yang mendakwa untuk mengundi, akan dideposit di Pejabat tidak kurang daripada empat puluh lapan (48) jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat atau mesyuarat tertangguh, atau dalam kes undian, tidak kurang daripada dua puluh empat (24) jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan undian.”

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

Klausa 93 – Ahli yang Engkar

“Tiada Ahli akan layak hadir atau mengundi di mana-mana mesyuarat agung atau untuk melaksanakan sebarang kelebihan sebagai seorang Ahli atau dikira dalam kuorum kecuali semua panggilan atau jumlah lain yang perlu dibayar segera olehnya berhubung dengan saham dalam Syarikat telah dibayar.”

15.5 PENGHANTARAN BALIK MODAL, PENGIRIMAN KEUNTUNGAN DAN PERCUKAIAN

15.5.1 Malaysia

Pada LPD, tiada undang-undang, dekri, peraturan kerajaan atau keperluan-keperluan lain di Malaysia yang mungkin menjejaskan penghantaran balik modal dan pengiriman keuntungan oleh Syarikat kami kepada pemegang saham kami.

Percukai pendapatan di Malaysia ditadbir di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 Malaysia. Semua perbadanan di Malaysia perlu mengguna pakai sistem dividen satu peringkat. Oleh itu, semua dividen yang diagihkan kepada pemegang saham kami di bawah dividen satu peringkat tidak dikenakan cukai. Tambahan pula, kerajaan Malaysia tidak mengenakan cukai pegangan ke atas pembayaran dividen. Oleh demikian, dividen yang akan dibayar kepada pemegang saham yang merupakan bukan pemastautin cukai di Malaysia tidak tertakluk kepada cukai pegangan di Malaysia. Tiada cukai keuntungan modal hasil daripada pelupusan saham tersenarai.

Berdasarkan pada Akta Kewangan 2024, cukai dividen pada kadar 2% akan dikenakan ke atas pendapatan dividen bercukai tahunan melebihi RM100,000 yang diterima oleh pemegang saham individu (pemastautin dan bukan mastautin) serta individu yang memegang saham melalui penama dengan pengecualian tertentu, berkuat kuasa dari tahun taksiran 2025.

15.5.2 Singapura

Pada LPD, tiada undang-undang kerajaan, dekri, peraturan atau keperluan-keperluan lain di Singapura yang boleh menjejaskan penghantaran pulang modal dan pengiriman keuntungan oleh CUCKOO Singapore kepada Syarikat kami.

Akta Cukai Pendapatan 1947 Singapura mengawal pencukaian pendapatan di Singapura. Semua perbadanan di Singapura mengguna pakai sistem cukai korporat satu peringkat di mana cukai yang dibayar oleh syarikat Pemastautin Singapura berhubung pendapatan boleh dicukainya ialah cukai muktamad dan semua dividen yang dibayar oleh syarikat demikian tidak dicukai di bawah pemegang saham. Seterusnya, kerajaan Singapura tidak mengenakan cukai tahanan ke atas bayaran dividen.

15.6 KONTRAK MATERIAL

Kecuali seperti didedahkan di bawah, Kumpulan kami tidak memasuki sebarang kontrak material yang bukan dalam perjalanan biasa perniagaan Kumpulan kami dalam tempoh yang dirangkumi oleh Tahun Kewangan dalam Semakan, dan seterusnya sehingga tarikh Prospektus ini.

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

15.6.1 Perjanjian penjualan perniagaan bertarikh 31 Mac 2021, seperti ditambah melalui perjanjian bertarikh 21 Julai 2021, untuk penjualan dan pemindahan perniagaan Wonderlab Resources (M) Sdn Bhd kepada Syarikat kami

Pada 31 Mac 2021, Syarikat kami memasuki perjanjian penjualan perniagaan dengan Wonderlab Resources (M) Sdn Bhd ("**Wonderlab Resources**") dan Mak Foong Ling (sebagai pemilik sah dan benefisial keseluruhan modal saham terbitan Wonderlab Resources) untuk penjualan dan pemindahan perniagaan Wonderlab Resources kepada Syarikat kami untuk jumlah balasan tunai sebanyak RM1,772,760.00.

Perjanjian tambahan menetapkan tarikh berkuat kuasa bagi pemindahan dan penggabungan perniagaan sebagai 1 April 2021.

15.6.2 Perjanjian jual beli bertarikh 5 September 2022 berhubung dengan pemerolehan hartanah di bawah Geran Mukim 67, Lot 831, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Negeri Selangor

Pada 5 September 2022, Syarikat kami memasuki perjanjian jual beli dengan Mega Logistic Holdings (M) Sdn Bhd untuk memperoleh sebidang tanah perindustrian bersama bangunan pejabat empat tingkat dan gudang satu tingkat yang dibina di atasnya yang dikenali sebagai Geran Mukim 67, Lot 831, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Negeri Selangor berukuran lebih kurang 1.2141 hektar, yang kini digunakan sebagai hab pengedaran kami, untuk jumlah balasan tunai sebanyak RM55.5 juta.

Perjanjian jual beli telah lengkap pada 9 Februari 2023.

15.6.3 12 perjanjian jual beli berhubung dengan pemerolehan 12 bidang tanah strata yang membentuk pejabat kami di Aras 13B, Subplace Boulevard, Pusat Komersil Vestland, No. 6, Jalan Juruanalisis U1/35, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor

Pada 28 Januari 2022, Syarikat kami memasuki 12 perjanjian jual beli dengan Sg. Besi Construction Sdn Bhd untuk pembelian 12 bidang tanah strata yang membentuk pejabat kami di Aras 13B, Subplace Boulevard, Pusat Komersil Vestland, No. 6, Jalan Juruanalisis U1/35, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor untuk jumlah balasan tunai sebanyak RM6.0 juta.

Setiap perjanjian jual beli tersebut telah lengkap pada 2 November 2022.

15.6.4 Perjanjian Penaja Jaminan Runcit bertarikh 10 Mac 2025

Pada 10 Mac 2025, Syarikat kami telah menandatangani Perjanjian Penaja Jaminan Runcit dengan Penaja Jamin Pengurusan dan Penaja Jamin Bersama untuk penaja jaminan 42,984,000 Saham Terbitan di bawah Tawaran Runcit. Sila rujuk kepada Seksyen 4.7.1 Prospektus ini untuk terma penting Perjanjian Penaja Jaminan Runcit.

15.6.5 Perjanjian Penempatan Utama Induk bertarikh 10 Mac 2025

Pada 10 Mac 2025, Syarikat kami memeterai Perjanjian Penempatan Utama Induk dengan Pemegang Saham Menjual, Penyelaras Global Bersama, Bookrunner Bersama dan Pelabur Utama untuk penempatan 64,724,000 Saham IPO, menurut Tawaran Institusi pada Harga Institusi atas terma dan tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Penempatan Utama Induk dan perjanjian penempatan utama individu yang berkaitan.

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

15.6.6 Surat berkunci berhubung dengan IPO dan Penyenaiaan kami bertarikh 10 Mac 2025

Pada 10 Mac 2025, surat berkunci telah dikeluarkan oleh Syarikat kami dan Pemegang Saham Menjual, selain daripada Mak Foong Ling yang tidak akan memegang sebarang Saham selepas IPO kami, kepada Penyelaras Global Bersama dan Bookrunner Bersama berhubung dengan pengaturan berkunci untuk IPO dan Penyenaiaan kami. Sila rujuk kepada Seksyen 4.7.3 Prospektus ini untuk butiran mengenai pengaturan berkunci.

15.7 LITIGASI MATERIAL

Pada LPD, Kumpulan kami tidak terlibat dalam sebarang litigasi atau timbang tara material, sama ada sebagai plaintif atau defendan, yang mempunyai kesan buruk ke atas perniagaan atau kedudukan kewangan Kumpulan kami, dan Pengarah kami mengesahkan bahawa tiada prosiding undang-undang yang berlangsung atau diancam, atau tentang sebarang fakta yang mungkin menimbulkan sebarang prosiding yang mungkin mempunyai kesan material dan buruk ke atas kedudukan kewangan atau perniagaan kami.

15.8 PERSETUJUAN

Persetujuan bertulis Penasihat Utama Tunggal, Penaja Jamin Pengurusan, Penaja Jamin Bersama, Penyelaras Global Bersama, Penaja Jamin Utama Bersama, penasihat undang-undang, Setiausaha Syarikat, Pendaftar Saham dan Rumah Terbitan seperti disenaraikan dalam Direktori Korporat Prospektus ini untuk dimasukkan dalam Prospektus ini nama mereka dalam bentuk dan konteks di mana nama tersebut terdapat telah diberi sebelum terbitan Prospektus ini dan tidak kemudiannya ditarik balik.

Persetujuan bertulis Juruaudit dan Akauntan Melapor untuk dimasukkan namanya, Laporan Akauntan dan surat Akauntan Melapor tentang pro forma penyata kedudukan kewangan bergabung Kumpulan kami pada 30 September 2024 dan semua rujukan kepadanya dalam bentuk dan konteks yang terkandung dalam Prospektus ini telah diberi sebelum terbitan Prospektus ini dan tidak kemudiannya ditarik balik.

Persetujuan bertulis Frost & Sullivan untuk dimasukkan namanya, Laporan IMR dan semua rujukan kepadanya dalam bentuk dan konteks yang terkandung dalam Prospektus ini telah diberi sebelum terbitan Prospektus ini dan tidak kemudiannya ditarik balik.

15.9 DOKUMEN TERSEDIA UNTUK PEMERIKSAAN

Salinan dokumen yang berikut boleh diperiksa di pejabat berdaftar kami di B-21-1, Aras 21, Tower B, Northpoint Mid Valley City, No. 1, Medan Syed Putra Utara, 59200 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan semasa waktu pejabat bagi tempoh enam bulan dari tarikh Prospektus ini:

- (i) Perlembagaan kami;
- (ii) kontrak material seperti dirujuk dalam Seksyen 15.6 Prospektus ini;
- (iii) penyata kewangan disatukan teraudit Syarikat kami dan anak-anak syarikat kami bagi FYE2021, FYE2022, FYE2023, dan FPE2024;
- (iv) penyata kewangan disatukan teraudit anak-anak syarikat kami bagi FYE2021, FYE2022 dan FYE2023;
- (v) surat Akauntan Melapor tentang pro forma penyata kedudukan kewangan bergabung Kumpulan kami seperti dimasukkan dalam Seksyen 14 Prospektus ini;

15. MAKLUMAT TAMBAHAN

- (vi) Laporan Akauntan seperti dimasukkan dalam Seksyen 13 Prospektus ini;
- (vii) Laporan IMR seperti dimasukkan dalam Seksyen 8 Prospektus ini; dan
- (viii) surat persetujuan yang dirujuk dalam Seksyen 15.8 Prospektus ini.

16. TATACARA PERMOHONAN

RINGKASAN TATACARA PERMOHONAN DAN PENERIMAAN INI TIDAK MENGANDUNGI TATACARA TERPERINCI SERTA TERMA DAN SYARAT PENUH DAN ANDA TIDAK BOLEH BERGANTUNG PADA RINGKASAN INI UNTUK TUJUAN MANA-MANA PERMOHONAN SAHAM IPO KAMI. ANDA MESTILAH MERUJUK KEPADA TATACARA TERPERINCI SERTA TERMA DAN SYARAT SEBAGAIMANA DIBENTANGKAN DALAM “TATACARA TERPERINCI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN” YANG MENGIRINGI SALINAN ELEKTRONIK PROSPEKTUS KAMI DI LAMAN WEB BURSA SECURITIES. ANDA JUGA HENDAKLAH MENGHUBUNGI RUMAH TERBITAN BAGI PERTANYAAN LANJUT.

Melainkan ditakrifkan sebaliknya, semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam seksyen ini akan membawa maksud yang sama seperti yang diberikan kepadanya dalam Prospektus kami.

Melainkan konteks memerlukan selainnya, perkataan yang digunakan dalam bentuk tunggal merangkumi bentuk majmuk, dan begitu juga sebaliknya.

16.1 PEMBUKAAN DAN PENUTUPAN PERMOHONAN

PEMBUKAAN TEMPOH PERMOHONAN : 10:00 pagi, 26 Mac 2025

PENUTUPAN TEMPOH PERMOHONAN : 5:00 petang, 10 April 2025
OD

Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada tarikh dan masa yang dinyatakan di atas, kami akan mengiklankan notis perubahan dalam akhbar harian Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia yang diedarkan secara meluas di Malaysia dan membuat pengumuman di laman web Bursa Securities.

Permohonan lewat tidak akan diterima.

16.2 KAEDAH PERMOHONAN

Semua Permohonan mestilah selaras dengan Prospektus kami dan Perlembagaan kami. Pengemukakan Borang Permohonan tidak bermakna bahawa Permohonan akan berjaya.

Jenis Permohonan dan kategori pelabur	Kaedah Permohonan
Permohonan oleh Orang Awam Malaysia:	
(a) Individu	Borang Permohonan Putih atau Permohonan Saham Elektronik atau Permohonan Saham Internet
(b) Bukan Individu	Borang Permohonan Putih sahaja
Permohonan oleh Orang yang Layak	Borang Permohonan Merah Jambu sahaja
Permohonan oleh pelabur institusi dan terpilih	Penyelaras Global Bersama dan Bookrunner Bersama kami akan menghubungi pelabur terpilih secara langsung. Mereka hendaklah mengikuti arahan Penyelaras Global Bersama dan Bookrunner Bersama kami.
Permohonan oleh pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh MITI	MITI akan menghubungi pelabur Bumiputera secara langsung. Mereka hendaklah mengikuti arahan MITI.

16. TATACARA PERMOHONAN

16.3 KELAYAKAN

16.3.1 Umum

Anda mesti mempunyai akaun CDS dan alamat surat-menyurat di Malaysia. Sekiranya anda tidak mempunyai akaun CDS, anda boleh membuka satu akaun CDS dengan menghubungi mana-mana ADA yang dibentangkan dalam Seksyen 12 Tatacara Terperinci Permohonan dan penerimaan yang mengiringi salinan elektronik Prospektus kami di laman web Bursa Securities. Akaun CDS mestilah atas nama diri anda. Akaun CDS yang tidak sah, penama atau pihak ketiga tidak akan diterima bagi Permohonan.

Hanya **SATU** Borang Permohonan bagi setiap kategori daripada setiap pemohon akan dipertimbangkan dan **PERMOHONAN MESTILAH BAGI SEKURANG-KURANGNYA 100 SAHAM IPO ATAU GANDAAN 100 SAHAM IPO.**

PERMOHONAN BERGANDA TIDAK AKAN DITERIMA MELAINKAN DIBENARKAN SECARA NYATA DALAM TERMA DAN SYARAT INI. PEMOHON YANG MENGEMUKAKAN PERMOHONAN BERGANDA ATAS NAMA DIRINYA SENDIRI ATAU MENGGUNA NAMA ORANG LAIN, DENGAN ATAU TANPA KEBENARAN MEREKA, MELAKUKAN KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 179 CMSA DAN SEKIRANYA DISABITKAN, BOLEH DIKENAKAN HUKUMAN DENGAN DENDA MINIMUM SEBANYAK RM1,000,000 DAN TEMPOH PENJARA SEHINGGA 10 TAHUN DI BAWAH SEKSYEN 182 CMSA.

PEMOHON TIDAK DIBENARKAN UNTUK MENGEMUKAKAN PERMOHONAN BERGANDA DALAM KATEGORI PERMOHONAN YANG SAMA.

PEMOHON YANG INGIN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN DENGAN MENGGUNAKAN AKAUN BANK BERSAMA HENDAKLAH MENGHUBUNGI INSTITUSI KEWANGAN YANG MENGURUSKAN PERMOHONAN UNTUK MEMASTIKAN NAMA DALAM AKAUN BANK BERSAMA ADALAH SEPADAN DENGAN NAMA DALAM AKAUN CDS MEREKA. LANGKAH INI MEMINIMUMKAN RISIKO PERMOHONAN IPO DITOLAK DISEBABKAN PERBEZAAN NAMA. SYARIKAT, PENASIHAT UTAMA TUNGGAL DAN RUMAH TERBITAN KAMI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ATAS SEBARANG ISU YANG TIMBUL SELEPASNYA.

16.3.2 Permohonan oleh Orang Awam Malaysia

Anda hanya boleh memohon Saham IPO kami jika anda memenuhi kesemua di bawah:

- (i) anda mestilah merupakan salah satu berikut:
 - (a) warganegara Malaysia yang sekurang-kurangnya 18 tahun pada tarikh Permohonan; atau
 - (b) perbadanan/ institusi yang diperbadankan di Malaysia dengan majoriti warganegara Malaysia dalam lembaga pengarah/ pemegang amanah anda dan jika anda mempunyai modal saham, lebih daripada separuh modal saham terbitan, tidak termasuk modal saham keutamaan, dipegang oleh warganegara Malaysia; atau
 - (c) dana persaraan, koperasi, yayasan, dana wang simpanan, dana pencen yang ditubuhkan atau beroperasi di Malaysia.
- (ii) anda bukan pengarah atau kakitangan Rumah Terbitan atau ahli keluarga terdekat pengarah atau kakitangan Rumah Terbitan.

16. TATACARA PERMOHONAN

- (iii) anda mestilah mengemukakan Permohonan dengan menggunakan hanya salah satu kaedah berikut:
- (a) Borang Permohonan Putih;
 - (b) Permohonan Saham Elektronik; atau
 - (c) Permohonan Saham Internet.

16.3.3 Permohonan oleh Orang yang Layak

Orang yang Layak akan diperuntukkan Borang Permohonan Merah Jambu dan surat daripada kami yang memperincikan peruntukan masing-masing. Orang yang layak mestilah mengikuti nota dan arahan dalam dokumen tersebut dan jika berkenaan, dalam Prospektus ini. Semua Borang Permohonan Merah Jambu yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan kepada Kumpulan kami melalui Jabatan Sumber Manusia atau Kewangan.

Orang yang Layak yang telah membuat permohonan dengan menggunakan Borang Permohonan Merah Jambu masih boleh memohon Saham IPO kami yang diperuntukkan kepada Orang Awam Malaysia dengan menggunakan Borang Permohonan Putih atau melalui Permohonan Saham Elektronik atau Permohonan Saham Internet.

16.4 PERMOHONAN DENGAN MENGGUNAKAN BORANG PERMOHONAN

Borang Permohonan mestilah dilengkapkan selaras dengan nota dan arahan yang terkandung dalam kategori Borang Permohonan masing-masing. Permohonan yang dibuat pada jenis Borang Permohonan yang tidak betul atau yang tidak mematuhi **SECARA KETAT** terma Prospektus kami atau kategori Borang Permohonan masing-masing atau nota dan arahan yang tercetak dalamnya atau yang tidak boleh dibaca tidak akan diterima.

Amaun PENUH yang perlu dibayar ialah RM1.29 bagi setiap Saham IPO.

Bayaran mestilah dibuat atas nama "**MIH SHARE ISSUE ACCOUNT NO. 665**" dan dipalang "**A/C PAYEE ONLY**" dan diendorskan pada bahagian belakang dengan nama dan alamat anda.

Setiap Borang Permohonan yang dilengkapkan, berserta dengan kiriman wang yang betul dan salinan dokumen berkaitan yang senang dibaca boleh dikemukakan dengan salah satu cara berikut:

- (i) dihantar melalui **POS BIASA** dalam sampul rasmi yang disediakan ke alamat berikut:

Malaysian Issuing House Sdn Bhd
(No. Pendaftaran 199301003608 (258345-X))
11th Floor, Menara Symphony
No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim
Seksyen 13
46200 Petaling Jaya
Selangor

ATAU

Peti Surat 00010
Pejabat Pos Jalan Sultan
46700 Petaling Jaya
Selangor

16. TATACARA PERMOHONAN

- (ii) **DIHANTAR DENGAN TANGAN DAN DIMASUKKAN** ke dalam kotak masuk yang disediakan di bahagian hadapan Menara Symphony, No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan,

agar sampai tidak lewat dari jam 5.00 petang pada 10 April 2025 atau tarikh dan masa lain yang ditetapkan dalam mana-mana perubahan tarikh dan masa penutupan.

Kami, bersama dengan Rumah Terbitan, tidak akan mengeluarkan sebarang pemberitahuan penerimaan Borang Permohonan atau wang Permohonan anda. Sila rujuk semua pertanyaan anda berhubung dengan Borang Permohonan kepada Rumah Terbitan.

Cara yang disebutkan di atas tidak terpakai kepada pengemukaan Borang Permohonan Merah Jambu. Semua Borang Permohonan Merah Jambu yang dilengkapkan hendaklah dikemukakan kepada Kumpulan kami melalui Jabatan Sumber Manusia atau Kewangan.

16.5 PERMOHONAN DENGAN MENGGUNAKAN PERMOHONAN SAHAM ELEKTRONIK

Hanya individu warganegara Malaysia boleh memohon Saham IPO kami yang ditawarkan kepada Orang Awam Malaysia dengan cara Permohonan Saham Elektronik.

Permohonan Saham Elektronik boleh dibuat melalui ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian berikut dan cawangan-cawangan mereka, iaitu, Affin Bank Berhad, Alliance Bank Malaysia Berhad, AmBank (M) Berhad, CIMB Bank Berhad, Malayan Banking Berhad, Public Bank Berhad dan RHB Bank Berhad (di cawangan terpilih Sahaja). Yuran pemprosesan akan dikenakan oleh Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian masing-masing (melainkan dikecualikan) bagi setiap Permohonan Saham Elektronik.

Tatacara, terma dan syarat yang tepat bagi Permohonan Saham Elektronik dipaparkan pada skrin ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian berkenaan.

16.6 PERMOHONAN DENGAN MENGGUNAKAN PERMOHONAN SAHAM INTERNET

Hanya individu warganegara Malaysia boleh menggunakan Permohonan Saham Internet untuk memohon Saham IPO kami yang ditawarkan kepada Orang Awam Malaysia.

Permohonan Saham Internet boleh dibuat melalui laman web perkhidmatan kewangan internet Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet, iaitu Affin Bank Berhad, Alliance Bank Malaysia Berhad, CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd (*sebelum ini dikenali sebagai CGS-CIMB Securities Sdn. Bhd.*), Malacca Securities Sdn Bhd, Malayan Banking Berhad, Moomoo Securities Malaysia Sdn Bhd dan Public Bank Berhad. Yuran pemprosesan akan dikenakan oleh Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet masing-masing (melainkan dikecualikan) bagi setiap Permohonan Saham Internet.

Tatacara, terma dan syarat yang tepat bagi Permohonan Saham Internet dibentangkan pada laman web perkhidmatan kewangan internet Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet masing-masing.

16.7 KUASA LEMBAGA KAMI DAN RUMAH TERBITAN KAMI

Rumah Terbitan atas kebenaran Lembaga kami, mempunyai hak untuk:

- (i) menolak Permohonan yang:

16. TATACARA PERMOHONAN

- (a) tidak mematuhi arahan dalam Prospektus ini, Borang Permohonan, Permohonan Saham Elektronik dan Permohonan Saham Internet (di mana berkenaan); atau
 - (b) tidak boleh dibaca, tidak lengkap atau tidak tepat; atau
 - (c) disertakan oleh pengirim wang dengan pengeluaran yang tidak betul, atau dalam bentuk yang tidak sesuai; atau
- (ii) menolak atau menerima mana-mana Permohonan, secara keseluruhan atau sebahagiannya, atas asas tidak berdiskriminasi tanpa perlu memberi sebarang alasan baginya; dan
 - (iii) memasukkan ke dalam bank semua wang Permohonan (termasuk daripada pemohon yang tidak berjaya / berjaya separa sahaja) yang mana kemudiannya akan dikembalikan, di mana berkenaan (tanpa faedah), selaras dengan Seksyen 16.9 di bawah.

Sekiranya anda berjaya dalam Permohonan anda, Lembaga kami mempunyai hak untuk meminta anda untuk tampil secara sendiri di pejabat berdaftar Rumah Terbitan pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan kepada anda untuk memastikan Permohonan anda adalah asal dan sah. Lembaga kami tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan atau ketidakterimaan notis tersebut dan mereka juga tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perbelanjaan yang anda tanggung atau yang anda akan tanggung untuk tujuan mematuhi peruntukan ini.

16.8 TERLEBIH / TERKURANG LANGGANAN

Sekiranya berlaku terlebih langganan, Rumah Terbitan akan melakukan pengundian dengan cara yang diluluskan oleh Pengarah kami untuk menentukan penerimaan Permohonan dengan cara yang adil dan saksama. Dalam menentukan cara pengundian, Pengarah kami akan mempertimbangkan hasrat untuk mengumpul dan memperuntukkan Saham IPO kami kepada bilangan pemohon yang munasabah dengan tujuan untuk meluaskan tapak pemegang saham Syarikat kami serta mewujudkan pasaran yang cair dan mencukupi bagi Saham kami.

Asas peruntukan saham IPO kami dan keputusan pengundian berhubung dengannya akan disediakan oleh Rumah Terbitan kepada SC, Bursa Securities, semua surat khabar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris utama serta dipaparkan di laman web Rumah Terbitan di www.mih.com.my dalam tempoh satu Hari Pasaran selepas tarikh pengundian.

Menurut Syarat Penyenaraian, kami dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya 25.0% daripada jumlah bilangan Saham yang penyenaraian dipohon untuk dipegang oleh bilangan minimum 1,000 pemegang saham awam yang memegang tidak kurang daripada 100 Saham seorang semasa penerimaan masuk kami ke Senarai Rasmi dan penyempurnaan IPO kami. Kami menjangka untuk mencapai syarat ini pada masa Penyenaraian. Sekiranya syarat ini tidak dipenuhi, kami mungkin tidak dibenarkan meneruskan Penyenaraian kami. Sekiranya ini berlaku, wang yang dibayar berkenaan dengan semua Permohonan akan dipulangkan dengan sepenuhnya (tanpa faedah atau mana-mana bahagian hasil atau manfaat yang terhasil daripadanya) dan jika wang tersebut tidak dipulangkan dengan penuh dalam tempoh 14 hari selepas Syarikat kami bertanggungjawab untuk berbuat demikian, peruntukan Seksyen 243(2) CMSA akan terpakai sewajarnya.

Sekiranya berlaku terkurang langganan Tawaran Runcit, tertakluk kepada peruntukan penarikan balik dan pengagihan semula yang dibentangkan dalam Seksyen 4.1.4 Prospektus ini, mana-mana Saham IPO tersebut di atas yang tidak dipohon kemudiannya akan dilanggan oleh Penaja Jamin Bersama kami berdasarkan terma dan syarat Perjanjian Penaja Jaminan.

16. TATACARA PERMOHONAN

16.9 PEMOHON YANG TIDAK BERJAYA / SEPARA BERJAYA

Jika anda tidak berjaya / berjaya separa dalam Permohonan anda, wang Permohonan anda (tanpa faedah) akan dipulangkan kepada anda dengan cara berikut.

16.9.1 Bagi permohonan dengan cara Borang Permohonan

- (i) Wang Permohonan atau bakinya, menurut yang mana berkenaan, akan dipulangkan kepada anda melalui sampul surat "A" Rasmi yang ditulis alamat dan dilekatkan setem sendiri yang anda sediakan melalui pos biasa (bagi permohonan yang tidak berjaya sepenuh) atau dengan mengkreditkan ke dalam akaun bank anda (akaun bank yang sama yang anda telah berikan kepada Bursa Depository untuk tujuan dividen/pengagihan tunai) atau jika anda tidak memberikan maklumat akaun bank tersebut kepada Bursa Depository, baki wang Permohonan akan dipulangkan melalui draf jurubank yang dihantar dengan pos biasa / berdaftar kepada alamat terakhir anda yang disimpan dengan Bursa Depository (bagi permohonan yang berjaya separa sahaja) dalam masa 10 Hari Pasaran dari tarikh pengundian akhir atas risiko anda sendiri.
- (ii) Sekiranya Permohonan ditolak disebabkan anda tidak memberi nombor Akaun CDS, wang Permohonan anda akan dipulangkan melalui draf jurubank dihantar melalui pos biasa/pos berdaftar ke alamat anda yang dinyatakan pada NRIC atau mana-mana dokumen pengenalan sementara rasmi yang sah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan dari semasa ke semasa atau kad kuasa (jika anda ialah ahli anggota tentera atau polis) atas risiko anda sendiri.
- (iii) Sebilangan Permohonan akan disimpan untuk menggantikan mana-mana Permohonan yang berjaya diundi yang selepas itu ditolak. Wang Permohonan berhubung dengan Permohonan ini yang selepas itu ditolak atau tidak berjaya atau hanya berjaya separa akan dikembalikan (tanpa faedah) oleh Rumah Terbitan menurut item (i) atau (ii) di atas (menurut yang mana berkenaan).
- (iv) Rumah Terbitan mempunyai hak untuk memasukkan ke dalam akaun bank kesemua wang Permohonan daripada pemohon yang tidak berjaya. Wang ini akan dipulangkan (tanpa faedah) dalam masa sepuluh Hari Pasaran dari tarikh pengundian akhir dengan mengkreditkan ke dalam akaun bank anda (akaun bank yang sama yang anda telah berikan kepada Bursa Depository untuk tujuan dividen/pengagihan tunai) atau melalui pengeluaran draf jurubank yang dihantar dengan pos biasa/berdaftar kepada alamat anda terakhir yang disimpan dengan Bursa Depository jika anda tidak memberikan maklumat akaun bank tersebut kepada Bursa Depository atau menurut item (ii) di atas (menurut yang mana berkenaan).

16.9.2 Bagi permohonan dengan cara Permohonan Saham Elektronik dan Permohonan Saham Internet

- (i) Rumah Terbitan akan memaklumkan kepada Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian atau Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet mengenai Permohonan yang gagal atau berjaya separa dalam masa dua Hari Pasaran selepas tarikh pengundian. Akaun penuh wang Permohonan atau bakinya akan dikreditkan (tanpa faedah) ke dalam akaun anda dengan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian atau Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet (atau diaturkan dengan Institusi Kewangan Bertauliah) dalam masa dua Hari Pasaran selepas menerima pengesahan daripada Rumah Terbitan.
- (ii) Anda boleh menyemak akaun anda pada Hari Pasaran kelima dari tarikh pengundian.

16. TATACARA PERMOHONAN

- (iii) Sebilangan Permohonan akan disimpan untuk menggantikan mana-mana Permohonan yang berjaya diundi yang selepas itu ditolak. Wang Permohonan berhubung dengan Permohonan ini yang selepas itu ditolak akan dikembalikan (tanpa faedah) oleh Rumah Terbitan dengan mengkreditkan ke dalam akaun anda dengan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian atau Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet (atau diaturkan dengan Institusi Kewangan Bertauliah) tidak lebih daripada sepuluh Hari Pasaran dari tarikh pengundian akhir. Bagi Permohonan yang dipegang sebagai simpanan dan yang selepas itu tidak berjaya atau berjaya separa, Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian berkenaan akan dimaklumkan mengenai Permohonan yang gagal atau berjaya separa dalam masa dua Hari Pasaran selepas tarikh pengundian akhir. Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian akan mengkreditkan wang Permohonan atau mana-mana bahagiannya (tanpa faedah) dalam masa dua Hari Pasaran selepas penerimaan pengesahan daripada Rumah Terbitan.

16.10 PEMOHON YANG BERJAYA

Sekiranya anda berjaya dalam permohonan anda:

- (i) Saham IPO kami yang diumpukkan kepada anda akan dikreditkan ke dalam akaun CDS anda.
- (ii) Notis pengumpulan akan dihantar kepada anda ke alamat terakhir anda yang disimpan dengan Bursa Depository, atas risiko anda sendiri, sebelum Penyenaarai kami. Ini adalah satu-satunya pengesahan penerimaan Permohonan anda.
- (iii) Menurut Seksyen 14(1) SICDA, Bursa Securities telah menetapkan Saham kami sebagai sekuriti ditetapkan. Oleh itu, Saham IPO kami yang diterbitkan/ditawarkan melalui Prospektus kami akan didepositkan terus dengan Bursa Depository dan sebarang dagangan dalam Saham ini akan dilaksanakan selaras dengan SICDA dan Peraturan Bursa Depository.
- (iv) Selaras dengan Seksyen 29 SICDA, semua dagangan dalam Saham kami akan dibuat secara kemasukan buku melalui akaun CDS. Tiada sijil saham fizikal akan dikeluarkan kepada anda dan anda tidak berhak untuk mengeluarkan sebarang sekuriti didepositkan yang dipegang secara bersama dengan Bursa Depository atau penamanya selagi Saham kami tersenarai di Bursa Securities.
- (v) Sekiranya Harga Runcit Akhir adalah lebih rendah daripada Harga Runcit, perbezaan itu akan dibayar balik kepada anda tanpa sebarang faedah ke atasnya. Bayaran balik akan dikreditkan ke dalam akaun bank anda untuk tujuan dividen tunai/agihan jika anda telah memberikan maklumat akaun bank tersebut kepada Bursa Depository atau dihantar, dalam bentuk cek, melalui pos biasa ke alamat anda yang dikekalkan dengan Bursa Directory jika anda belum memberikan maklumat akaun bank sedemikian kepada Bursa Depository, atau dengan mengkreditkan ke dalam akaun anda dengan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Elektronik untuk permohonan yang dibuat melalui Permohonan Saham Elektronik atau dengan mengkreditkan ke dalam akaun anda dengan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet untuk permohonan yang dibuat melalui Permohonan Saham Internet, dalam tempoh 10 Hari Pasaran dari tarikh pengundian akhir permohonan, atas risiko anda sendiri.

16. TATACARA PERMOHONAN

16.11 PERTANYAAN

Pertanyaan berhubung dengan permohonan anda boleh dirujuk seperti berikut:

<u>Cara permohonan</u>	<u>Pihak untuk dirujuk pertanyaan</u>
Borang Permohonan	Telefon Khidmat Pertanyaan Rumah Terbitan pada no. telefon +603 7890 4700
Permohonan Saham Elektronik	Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian
Permohonan Saham Internet	Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet dan Institusi Kewangan Bertauliah

Anda juga boleh menyemak status Permohonan anda di laman web Rumah Terbitan di www.mih.com.my, dengan memasukkan Nombor Akaun CDS anda di laman tersebut pada tarikh pengumpulan pada 3:00 petang. Secara alternatif, anda boleh menghubungi mana-mana ADA semasa waktu pejabat pada nombor telefon yang dinyatakan dalam senarai ADA yang mengiringi salinan elektronik Prospektus kami di laman web Bursa Securities.

LAMPIRAN I: UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG MENGAWAL

Undang-undang dan peraturan yang mengawal Kumpulan kami di Malaysia, pasaran teras kami, dan yang material kepada operasi kami diringkaskan di bawah. Yang berikut tidak bertujuan untuk memberi gambaran menyeluruh tentang semua undang-undang dan peraturan relevan kepada mana perniagaan kami tertakluk dan hanya bertujuan untuk memberi maklumat am kepada pelabur. Ia tidak bertujuan sebagai pengganti kepada nasihat profesional bebas. Ketidakpatuhan kepada undang-undang dan peraturan relevan di bawah boleh menyebabkan penalti kewangan dan/atau penjara dan/atau sebarang perintah lain dibuat.

(a) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (“LGA”), Ordinan Pelesenan Perdagangan 1949 (“TLO”) Sabah, dan Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996 (“LAO”), Ordinan Pelesenan Perniagaan, Pekerjaan dan Perdagangan 1958 (“BPTLO”) dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (Pengiklanan) 2012 (“LA(A)BL”) Sarawak

Di bawah LGA, pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia boleh menjadikan undang-undang kecil yang boleh dikuatkuasakan dalam bidang kuasanya, termasuk berkaitan dengan pelesenan perniagaan, perdagangan dan pengiklanan. Kebanyakan majlis tempatan mempunyai Undang-undang Kecil (Pelesenan) Perdagangan, Perniagaan dan Perindustrian yang menetapkan bahawa tiada orang akan menjalankan sebarang perdagangan, perniagaan atau perindustrian di mana-mana tempat atau premis dalam majlis tempatan masing-masing kecuali dia berlesen. Pihak berkuasa tempatan boleh menetapkan denda untuk sebarang pelanggaran undang-undang kecil, aturan atau peraturan tidak melebihi RM2,000 atau tempoh penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan dalam kes kesalahan berterusan jumlah tidak melebihi RM200 bagi setiap hari semasa kesalahan tersebut berterusan selepas disabit kesalahan. Hukuman untuk pelanggaran sebarang undang-undang kecil, aturan atau peraturan akan berbeza berasaskan undang-undang kecil setiap majlis tempatan perbandaran.

Di Sabah, TLO mengenakan ke atas mana-mana orang yang menjalankan sebarang perniagaan tanpa lesen perdagangan sah, denda empat kali ganda amaun yuran lesen dan denda tambahan sebanyak RM10 bagi setiap hari atau sebahagian hari untuk kesalahan berterusan selepas disabit kesalahan.

Di Sarawak, BPTLO mengenakan denda mutlak sebanyak RM1,000 ke atas orang yang didapati bersalah menjalankan perniagaan tanpa lesen perdagangan sah; dan LA(A)BL mengenakan denda tidak melebihi RM5,000 dan penjara tidak melebihi enam bulan kerana tidak mempunyai lesen papan tanda untuk ketidakpatuhan demikian jika didapati bersalah, dan dalam kes kesalahan berterusan, denda seterusnya tidak melebihi RM200 bagi setiap hari semasa kesalahan tersebut berterusan.

Seterusnya, menurut LGA, mana-mana orang yang gagal mempamerkan atau menunjukkan lesen-lesennya di premis boleh didenda tidak melebihi RM500 atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Peruntukan penalti yang serupa juga didapati dalam LAO Sarawak di mana denda mutlak sebanyak RM2,000 akan dikenakan ke atas mereka yang didapati bersalah melakukan kesalahan sedemikian.

(b) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (“SDBA”), Undang-undang Kecil Bangunan 1951 (“BBL”) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 2022 (“UBBL”) dan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 Sabah (“Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah”), dan Undang-undang Bangunan yang terkandung dalam Jadual Keempat Ordinan Bangunan 1994 Sarawak (“Ordinan Bangunan Sarawak”)

SDBA memperuntukkan keseragaman undang-undang dan dasar berkaitan dengan perkara-perkara kerajaan tempatan berhubung dengan jalan, parit dan bangunan di Semenanjung Malaysia. Menurut SDBA, tiada orang akan menduduki atau membenarkan diduduki mana-mana bangunan atau sebahagian daripadanya kecuali CCC telah dikeluarkan, dan sebarang kegagalan dalam pematuhan boleh dikenakan denda sehingga RM250,000 atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya apabila disabit kesalahan.

LAMPIRAN I: UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG MENGAWAL

Berhubung dengan negeri Sabah, seperti diterima pakai, **UBBL** yang telah dikeluarkan menurut Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah, memperuntukkan bahawa tiada orang akan menduduki atau membenarkan untuk diduduki mana-mana bangunan atau sebahagian daripadanya kecuali CCC atau separa CCC, yang mana berkenaan, telah dikeluarkan di bawah UBBL berhubung dengan bangunan demikian. Mana-mana orang yang melanggar sebarang peruntukan UBBL melakukan kesalahan dan akan, apabila disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan dalam kes kesalahan berterusan, untuk dikenakan denda seterusnya tidak melebihi RM5,000 bagi setiap hari semasa kesalahan berterusan selepas disabit kesalahan. Di mana UBBL tidak diterima pakai oleh pihak berkuasa tempatan relevan, BBL kekal terpakai dan menurut mana, tiada orang akan menduduki atau membenarkan diduduki mana-mana bangunan atau sebahagian daripadanya kecuali CCC telah dikeluarkan. Mana-mana orang yang melanggar peruntukan ini akan melakukan kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 apabila disabit kesalahan, dan dalam kes kesalahan yang berterusan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100 bagi setiap hari di mana kesalahan tersebut diteruskan.

Berhubung dengan negeri Sarawak, Ordinan Bangunan Sarawak memperuntukkan bahawa tiada orang akan menduduki atau membenarkan diduduki mana-mana bangunan atau sebahagian daripadanya kecuali permit menduduki, permit separa menduduki atau permit menduduki sementara (persamaan CCC di Sarawak) telah dikeluarkan di bawah Undang-undang Bangunan Sarawak Ordinan Bangunan untuk bangunan demikian dan sebarang kegagalan untuk mematuhi akan menjadikan orang demikian bersalah melakukan kesalahan, di mana penaltinya adalah denda tidak melebihi RM10,000 dan, dalam kes kesalahan berterusan kepada denda seterusnya tidak melebihi RM300 setiap hari semasa mana kesalahan diteruskan selepas notis untuk tidak lagi menduduki bangunan telah dikeluarkan kepada orang demikian.

(c) **Akta Perlindungan Pengguna 1999 ("CPA")**

CPA memperuntukkan perlindungan pengguna dan terpakai berhubung dengan semua barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan atau dibekalkan kepada satu atau lebih pengguna dalam perdagangan termasuk sebarang urusan niaga perdagangan yang dijalankan melalui kaedah elektronik. Peruntukan CPA akan berkesan tidak kira sebarang perkara sebaliknya dalam sebarang perjanjian dan setiap pembekal dan setiap pengilang yang bertujuan untuk mengecualikan mana-mana peruntukan CPA melakukan kesalahan.

Antara lain, CPA (i) melarang tingkah laku mengelirukan dan menipu, representasi palsu dan amalan tidak adil berhubung dengan penyediaan barangan dan perkhidmatan, (ii) memperuntukkan pengawalan keselamatan barangan dan perkhidmatan, (iii) mengawal terma kontrak tidak adil, (iv) mengawal urusan niaga jualan kredit, (v) memperuntukkan jaminan tersirat dan nyata berkaitan dengan bekalan barangan dan perkhidmatan, (vi) memperuntukkan hak terhadap pembekal dan pengilang berhubung dengan jaminan, dan (vii) memperuntukkan liabiliti untuk produk cacat.

Dalam kes badan korporat, pelanggaran peruntukan CPA boleh, bergantung kepada kesalahan, menyebabkan liabiliti denda tidak melebihi RM250,000 dan untuk kesalahan kedua atau kemudiannya tidak melebihi RM500,000. Dalam kes kesalahan berterusan, pesalah mungkin tambahan lagi dikenakan denda tidak melebihi RM2,000 bagi setiap hari atau sebahagian hari semasa mana kesalahan berterusan selepas disabit kesalahan.

LAMPIRAN I: UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG MENGAWAL

Tambahan lagi, Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus niaga Perdagangan Elektronik) 2024 ("**Peraturan Perdagangan Elektronik**") yang dibuat menurut CPA memperuntukkan peraturan tertentu berhubung dengan tempat pasaran dalam talian. Antara lain, Peraturan Perdagangan Elektronik memperuntukkan bahawa mana-mana pembekal tempat pasaran dalam talian akan mendedahkan maklumat yang ditetapkan di tempat pasaran dalam talian, dan maklumat demikian tidak akan didedahkan oleh pembekal tempat pasaran dalam talian jika dia mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa ianya palsu atau mengelirukan. Seterusnya, maklumat yang didedahkan oleh pembekal tempat pasaran dalam talian tentang tempat pasaran dalam talian hendaklah dalam bahasa kebangsaan, dan mana-mana bahasa lain boleh digunakan sebagai tambahan kepada bahasa kebangsaan. Selain itu, Peraturan Perdagangan Elektronik juga memperuntukkan bahawa mana-mana pembekal tempat pasaran dalam talian akan menyediakan kaedah sewajarnya untuk membolehkan pembeli untuk membetulkan sebarang kesilapan sebelum atau selepas pengesahan pesanan yang dibuat oleh pembeli dan mengakui penerimaan pesanan kepada pembeli tanpa kelewatan tanpa sebab.

Sebuah badan korporat yang gagal mematuhi Peraturan Urus Niaga Perdagangan Elektronik melakukan kesalahan dan akan, apabila disabit kesalahan, dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 dan untuk kesalahan kedua atau kemudiannya didenda tidak melebihi RM200,000. Tambahan lagi, badan korporat tersebut akan didenda tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari atau sebahagian hari semasa mana kesalahan berterusan selepas disabit kesalahan.

(d) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA")

PDPA mengawal pemprosesan data peribadi dalam perjalanan urus niaga komersil di Malaysia dan dikuatkuasakan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Secara umum, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 menyatakan tujuh keperluan perlindungan data utama yang perlu dipatuhi oleh pengguna data, merupakan orang yang sama ada dengan sendiri atau bersama atau secara bersama dengan orang lain memproses sebarang data peribadi atau mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemprosesan sebarang data peribadi, tetapi tidak termasuk pemproses, di Malaysia yang termasuk (i) keperluan untuk memperoleh persetujuan sebelum memproses data peribadi seorang individu, (ii) keperluan untuk memberi notis bertulis kepada individu dalam kedua-dua Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu menyatakan, antara lain, tujuan untuk mana data peribadi tersebut akan diproses, kelas pihak ketiga kepada siapa data peribadi akan didedahkan, dan hak individu; dan (ii) obligasi untuk memastikan bahawa data peribadi yang dikutip akan diproses dalam cara selamat dan terjamin. Pengguna data yang melanggar keperluan-keperluan perlindungan data melakukan kesalahan dan akan, apabila disabit kesalahan, didenda tidak melebihi RM300,000 atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(e) Akta Pekerjaan 1955 ("EA"), Ordinan Buruh 1950 Sabah ("Ordinan Buruh Sabah") dan Ordinan Buruh 1958 Sarawak ("Ordinan Buruh Sarawak"), dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ("IRA")

EA mengawal undang-undang tentang pekerjaan di Semenanjung Malaysia manakala Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak mengawal undang-undang buruh masing-masing di Sabah dan Sarawak. Akta-akta ini mengandungi peruntukan berhubung dengan, antara lain, cuti, bayaran lebih masa dan tempoh notis penamatan. IRA, yang terpakai di seluruh Malaysia, memperuntukkan antara lain pengawalan hubungan antara majikan dan pekerja. Di bawah IRA, tiada pekerja akan ditamatkan pekerjaan tanpa sebab atau alasan wajar oleh majikannya.

LAMPIRAN I: UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG MENGAWAL

Kontraktor bebas bukan pekerja di bawah EA, Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak atau dianggap “buruh” (yang termasuk pekerja) di bawah IRA. Oleh itu, hak kontraktor bebas *prima facie* tidak dilindungi oleh perundangan yang disebut di atas. Tidak kira yang ini, jika seorang majikan mengenakan kawalan terlebih terhadap kontraktor bebas, Mahkamah mungkin memutuskan bahawa kontraktor bebas sebenarnya seorang pekerja. Contoh di mana Mahkamah telah memutuskan bahawa majikan telah mengenakan kawalan terlebih terhadap kontraktor bebas termasuk di mana majikan (a) memberi caruman statutori seperti caruman EPF, EIS dan SOCSO kepada kontraktor bebas, (b) memberi cuti tahunan berbayar, cuti sakit berbayar, bayaran lebih masa, manfaat pemberhentian kerja, dan insurans perubatan kepada kontraktor bebas, (c) mengambil tindakan disiplin terhadap kontraktor bebas, (d) menentukan tugas yang perlu dijalankan oleh kontraktor bebas dan kontraktor bebas mempunyai hanya sedikit atau tiada budi bicara berhubung dengan cara pelaksanaan kerja/perkhidmatan, atau (e) menyediakan kepada kontraktor bebas alat dan peralatan, serta kakitangan apabila melaksanakan kerja/perkhidmatan tersebut.

(f) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (“OSHA”)

OSHA memperuntukkan, antara lain, peruntukan untuk menjamin keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang semasa bekerja, dan untuk melindungi yang lain terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan berhubung dengan aktiviti orang semasa bekerja.

Di bawah OSHA, adalah tugas setiap majikan untuk memastikan, sejauh mana praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan untuk bekerja bagi kesemua pekerjanya. Seterusnya, OSHA juga memperuntukkan bahawa adalah tugas setiap majikan dan setiap orang yang bekerja sendiri untuk menjalankan usahanya dalam cara yang memastikan, sejauh mana praktik, bahawa dia dan orang lain, yang bukan pekerjanya, tidak terdedah kepada risiko kepada keselamatan dan kesihatan mereka.

Orang yang melanggar yang di atas akan melakukan kesalahan dan akan, apabila disabit kesalahan, didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(g) Kanun Tanah Negara 1965 (Disemak 2020) (“NLC”), Ordinan Tanah Sabah (“Ordnan Tanah Sabah”) dan Kanun Tanah Sarawak (“Kanun Tanah Sarawak”)

NLC mengawal hal-hal tanah di Semenanjung Malaysia, dan merupakan akta yang meminda dan menggabungkan undang-undang berhubung dengan tanah dan tempoh pegangan tanah, pendaftaran hak milik tanah dan urusan berkaitannya dan kutipan hasil daripadanya di Semenanjung Malaysia manakala di Negeri Sabah dan Sarawak, Ordinan Tanah Sabah dan Kanun Tanah Sarawak masing-masing terpakai.

(h) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (“FSA”)

Seksyen 28 FSA memperuntukkan bahawa setiap premis yang ditetapkan memerlukan perakuan bomba yang mengesahkan bahawa premis mematuhi keperluan-keperluan keselamatan nyawa, menghalang kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran di bawah FSA.

Seksyen 33 FSA memperuntukkan bahawa di mana tiada perakuan bomba berkuat kuasa berhubung dengan mana-mana premis ditetapkan, pemilik premis bersalah melakukan kesalahan, dan akan, apabila disabit kesalahan, didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

LAMPIRAN I: UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG MENGAWAL**(i) Akta Bekalan Elektrik 1990 (“ESA”) dan Peraturan Elektrik 1994 (“Peraturan Elektrik”)**

Peraturan 97(1) Peraturan Elektrik yang diterbitkan menurut ESA memperuntukkan bahawa tertakluk kepada peruntukan Peraturan Elektrik, tiada orang akan mengilang, mengimport, mempamer, menjual atau mengiklan (a) sebarang peralatan domestik, (b) sebarang peralatan voltan rendah yang biasanya dijual terus kepada orang awam, atau (c) sebarang peralatan voltan rendah yang tidak memerlukan kemahiran khas dalam pengendaliannya, kecuali peralatan tersebut diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga (yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2011) (“EC”). Kelulusan ini diberi dalam bentuk “**Perakuan Kelulusan**”. Seterusnya, peraturan 97C(1) Peraturan Elektrik memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang mengilang atau mengimport sebarang peralatan di bawah peraturan 97 Peraturan Elektrik akan memohon untuk didaftarkan bersama EC, dalam cara yang boleh ditentukan oleh EC. Peraturan 101A memperuntukkan bahawa bagi tujuan penggunaan cekap tenaga elektrik, sebelum permohonan untuk Perakuan Kelulusan di bawah peraturan 97, mana-mana orang yang mengilang, mengimport, menjual atau menawarkan untuk jualan atau penyewaan sebarang peralatan di bawah peraturan tersebut, akan memastikan bahawa peralatan demikian memenuhi piawaian ujian pelaksanaan tenaga, piawaian pelaksanaan tenaga minimum, dan penarafan kecekapan seperti dinyatakan dalam Peraturan Elektrik. Tambahan lagi, Garis Panduan untuk Kelulusan yang dikeluarkan oleh EC (“**Garis Panduan Kelulusan EC**”) memperuntukkan jenis-jenis peralatan yang diperlukan untuk memenuhi piawaian pelaksanaan tenaga dan penarafan kecekapan minimum, dan ini termasuk peti sejuk, penyaman udara dan mesin basuh baju. Apabila mematuhi kesemua keperluan, peralatan akan dipasang dengan label penarafan kecekapan. Garis Panduan Kelulusan EC seterusnya memperuntukkan bahawa peralatan elektrik yang telah diluluskan untuk diimport masuk ke Malaysia akan mematuhi ujian konsainan untuk setiap kumpulan atau menyertai skim pemerakuan produk oleh SIRIM, dalam tempoh keesahan Perakuan Kelulusan.

Seterusnya, Peraturan 98 Peraturan Elektrik memperuntukkan bahawa di mana peralatan telah diluluskan untuk pengilangan, import, dipamer, jualan atau pengiklanan oleh EC, orang kepada siapa Perakuan Kelulusan telah dikeluarkan di bawah peraturan 97 boleh diperlukan oleh EC untuk menanda atau melabelkan peralatan tersebut dan dia akan berbuat demikian dalam cara yang akan ditentukan oleh EC.

Peraturan 122 Peraturan Elektrik memperuntukkan bahawa, kecuali sebaliknya dijadikan kesalahan di bawah ESA, orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan Elektrik akan melakukan kesalahan dan akan, apabila disabit kesalahan, didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. ESA memperuntukkan bahawa orang yang gagal mematuhi kanun, garis panduan, atau arahan EC yang diterbitkan di bawah ESA melakukan kesalahan dan akan, apabila disabit kesalahan, didenda tidak melebihi RM200,000 atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Seterusnya, mana-mana orang yang, antara lain, mengimport atau menjual sebarang peralatan supaya menyebabkan atau mungkin menyebabkan bahaya kepada nyawa atau anggota manusia atau kerosakan kepada sebarang peralatan atau sebarang harta lain melakukan kesalahan dan bagi setiap kesalahan akan, apabila disabit kesalahan, didenda tidak melebihi RM1,000,000 atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(j) Akta Perihal Dagangan 2011 (“TDA”)

TDA bertujuan untuk memudahkan amalan dagangan baik dan melindungi kepentingan pengguna dengan menyingkirkan perihal dagangan palsu dan penyata, kelakuan dan amalan palsu atau mengelirukan berhubung dengan bekalan barangan dan perkhidmatan.

Dengan menyediakan perihal dagangan palsu, sebuah syarikat melakukan kesalahan dan akan, apabila disabit kesalahan, didenda tidak melebihi RM250,000, dan bagi kesalahan kedua atau seterusnya, didenda tidak melebihi RM500,000.

LAMPIRAN I: UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG MENGAWAL

Dengan menyediakan penyata mengelirukan, sebuah syarikat melakukan kesalahan dan akan, apabila disabit kesalahan, didenda tidak melebihi RM500,000, dan bagi kesalahan kedua atau seterusnya, didenda tidak melebihi RM1,000,000.

Di bawah Perintah Perihal Dagangan (Pemerakuan dan Penandaan Halal) 2011, semua makanan dan barangan tidak akan diterangkan sebagai halal atau ditandakan sebagai boleh dimakan atau digunakan orang Muslim kecuali diperakui sebagai halal oleh Jabatan Pembangunan Islam Malaysia atau dalam kes makanan dan barangan diimport oleh badan pemerakuan halal asing yang diiktiraf, dan ditandakan dengan logo halal yang ditetapkan atau nama badan pemerakuan halal asing yang diiktiraf. Sebarang ketidakpatuhan keperluan sedemikian oleh sebuah badan korporat akan didenda tidak melebihi RM200,000, dan bagi kesalahan kedua atau seterusnya, didenda tidak melebihi RM500,000.

LAMPIRAN II: KELULUSAN, LESEN, PERMIT DAN PENDAFTARAN UTAMA

Butiran kelulusan, lesen, permit dan pendaftaran utama yang diperoleh oleh Kumpulan kami untuk operasi perniagaan kami pada LPD adalah seperti berikut:

No.	Syarikat/ Alamat	Deskripsi kelulusan/ Lesen/ Permit/ Pendaftaran	No. Lesen/ Akaun/ No. Rujukan	Tempoh kesahan	Pihak berkuasa	Syarat utama yang dikehendaki	Status pematuhan
Premis perniagaan dan lesen pengiklanan atau bersamaan dengannya ("BPAL")							
1.	Syarikat / Aras 16, Menara Bangkok Bank, Laman Sentral Berjaya, No. 105, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur	BPAL	DBKL.JPPP/01761/09/2017/PR01 <i>* Kemas kini setakat 13 November 2024.</i>	Sehingga 7 November 2025	Majlis Bandaraya Kuala Lumpur	Pekerja di premis hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 50% warganegara Malaysia.	Dipatuhi
2.	Syarikat / Aras 13A & 15 EkoCheras, Jalan Cheras, Taman Midah, 56000 Kuala Lumpur	BPAL	DBKL.JPPP/00899/03/2019/PR01 <i>* Kemas kini setakat 13 November 2024.</i>	Sehingga 1 November 2025	Majlis Bandaraya Kuala Lumpur City Hall	Pekerja di premis lah terdiri daripada sekurang-kurangnya 50% warganegara Malaysia.	Dipatuhi
3.	Syarikat / 1000 Jalan IKS Juru, Taman Industri Ringan Juru, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang	BPAL	PRI/01/20221224/9886	Sehingga 31 Disember 2025	Majlis Bandaraya Seberang Perai	Tiada	N/A
4.	Syarikat / Lot 48A, Jalan Kilang, SEDCO Industrial Estate, Kolombong Off Mile 5 ½, 88450 Kota Kinabalu, Sabah	Lesen perdagangan	824784	Sehingga 31 Disember 2025	Datuk Bandar Kota Kinabalu	Tiada	N/A
5.	Syarikat / Lot 48A, Jalan Kilang, SEDCO Industrial Estate, Kolombong Off Mile 5 ½, 88450 Kota Kinabalu, Sabah	Lesen pengiklanan	A02403762	Sehingga 31 Disember 2025	Datuk Bandar Kota Kinabalu	Tiada	N/A
6.	Syarikat / Lot 831, Jalan Subang 6, Taman Perindustrian, Sungai	BPAL	MPSJ/LES/600/03/05232-24	Sehingga 16 Januari 2026	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Tiada	N/A

LAMPIRAN II: KELULUSAN, LESEN, PERMIT DAN PENDAFTARAN UTAMA

No.	Syarikat/ Alamat	Deskripsi kelulusan/ Lesen/ Permit/ Pendaftaran	No. Lesen/ Akaun/ No. Rujukan	Tempoh kesahan	Pihak berkuasa	Syarat utama yang dikehendaki	Status pematuhan
		8. Prince Top CP- PN012G				seperti dinyatakan dalam perakuan.	Dipatuhi
		9. Queen Stand CP-QN1401SW				4. Kegunaan logo pada produk/premis/perkhidmatan yang diluluskan hendaklah disertai dengan nombor rujukan dan nombor piawaian seperti dinyatakan dalam perakuan untuk produk/premis/perkhidmatan demikian.	Diambil perhatian
		10. Penapis Komposit Karbon Sedi				5. Permohonan pembaharuan hendaklah dikemukakan paling awal enam bulan atau tidak lewat daripada tiga bulan sebelum tamat tempoh perakuan.	
10.	Syarikat / Aras 16, Menara Bangkok Bank Laman Sentral Berjaya, No. 105, Jalan Ampang, Kuala Lumpur (Dikilang oleh: Cuckoo Homesys Co., Ltd / 349, Emtibeuibuk-Ro, Siheung-Si, Gyeonggi-Do, 15117 Gyeonggi-Do, Republik Korea)	Perakuan halal berhubung dengan: 1. Penapis Mendapan 2. Penapis Mendapan (NSF) 3. Titan CP-TN100S 4. Vivid CP-VN701HW 5. Warrior CP-WS601HW 6. Xcel CP-XN502HB, HM, HW	A212820	Sehingga 15 Disember 2025	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	1. Sebarang perubahan kemudiannya kepada butiran nama atau alamat syarikat kilang atau premis, jenama, bahan, pembekal atau sebarang yang berkaitan hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dan/atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)/Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) untuk tindakan lanjut. 2. Pemegang perakuan hendaklah mempamerkan logo pada produk/premis/perkhidmatan seperti dinyatakan dalam perakuan.	Diambil perhatian Dipatuhi Dipatuhi

LAMPIRAN II: KELULUSAN, LESEN, PERMIT DAN PENDAFTARAN UTAMA

No.	Syarikat/ Alamat	Deskripsi kelulusan/ Lesen/ Permit/ Pendaftaran	No. Lesen/ Akaun/ No. Rujukan	Tempoh kesahan	Pihak berkuasa	Syarat utama yang dikehendaki	Status pematuhan
						3. Perakuan hendaklah dipamerkan hanya di alamat seperti dinyatakan dalam perakuan.	Dipatuhi
						4. Kegunaan logo pada produk/premis/perkhidmatan yang diluluskan hendaklah disertai dengan nombor rujukan dan nombor piawaian seperti dinyatakan dalam perakuan untuk produk/premis/perkhidmatan demikian.	Diambil perhatian
						5. Permohonan pembaharuan hendaklah dikemukakan paling awal enam bulan atau tidak lewat daripada tiga bulan sebelum tamat tempoh perakuan.	

Perakuan Pendaftaran Suruhanjaya Tenaga

11.	Syarikat / Aras 16, Menara Bangkok Bank, Laman Sentral Berjaya, No. 105, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur	Perakuan Pendaftaran untuk mengilang / mengimport peralatan elektrik	JKKE/K1/16/00315 JKKE/KK/16/00062	Sehingga 6 Jun 2025	Suruhanjaya Tenaga	Tiada	N/A
-----	---	--	--------------------------------------	------------------------	-----------------------	-------	-----

LAMPIRAN II: KELULUSAN, LESEN, PERMIT DAN PENDAFTARAN UTAMA



No.	Syarikat/ Alamat	Deskripsi kelulusan/ Lesen/ Permit/ Pendaftaran	No. Lesen/ Akaun/ No. Rujukan	Tempoh kesahan	Pihak berkuasa	Syarat utama yang dikehendaki	Status pematuhan
<u>Perakuan Kelulusan Suruhanjaya Tenaga</u>							
12.	Syarikat	Pelbagai Perakuan Kelulusan berhubung dengan produk peralatan elektrik yang diimport seperti pembersih air, pembersih udara, periuk masak nasi dan periuk serba guna	Pelbagai Perakuan Kelulusan	Pelbagai tarikh terbitan dengan kesahan selama satu tahun	Suruhanjaya Tenaga	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peralatan ini hendaklah menjalani ujian konsainan oleh SIRIM. 2. Peralatan yang telah lulus ujian konsainan hendaklah dipasang dengan label yang dikeluarkan oleh SIRIM. 3. Peralatan yang gagal ujian konsainan hendaklah dipulangkan ke negara asal atau dihapuskan. 4. Permohonan untuk pembaharuan Perakuan Kelulusan bersama dengan bayaran hendaklah dibuat tidak kurang daripada 14 hari sebelum tamat tempoh kelulusan tersebut (Peraturan 106, Peraturan Elektrik (Pindaan) 2003). 	<p>Dipatuhi</p> <p>Dipatuhi</p> <p>Diambil perhatian</p> <p>Diambil perhatian</p>

LAMPIRAN III: HAK HARTA INTELEK, PATEN, TANDA DAGANGAN DAN PENDAFTARAN

Kecuali seperti yang didedahkan di bawah dalam Lampiran III ini dan pada LPD, tiada hak harta intelek, paten, tanda dagangan dan pendaftaran lain yang Kumpulan kami bergantung kepada secara material.

(1) Tanda dagangan menurut Perjanjian Pengedaran CKH

Pada LPD, menurut terma Perjanjian Pengedaran CKH, Kumpulan kami telah diberi lesen untuk menggunakan tanda dagangan yang berikut berhubung dengan mana CUCKOO Holdings merupakan pemilik berdaftar bagi kegunaan jualan, promosi dan pengedaran produk jenama CUCKOO di Malaysia:

No.	Pemilik berdaftar	Tanda dagangan	No. permohonan	Pihak berkuasa yang menerbitkan	Kelas / Deskripsi tanda dagangan	Tempoh kesahan	Status
1	CUCKOO Holdings		2010020981	MyIPO	Kelas 11: Periuk elektrik; autoklaf [periuk tekanan elektrik]; dapur induksi elektromagnetik untuk tujuan rumah tangga; pelembap udara elektromagnetik untuk tujuan rumah tangga; penyaman udara; kipas elektrik; cerek elektrik; pembakar roti elektrik, mesin kopi elektrik, ketuhar gelombang mikro; perkakasan pembasmi kuman pinggan mangkuk untuk tujuan rumah tangga; bidet; pembersih udara untuk tujuan rumah tangga; peralatan tempat tidur elektrik; peti sejuk elektrik; alat pemanas elektrik; penyahlembap untuk tujuan rumah tangga; pembersih air untuk tujuan rumah tangga; penapis untuk air minuman; pengion air untuk tujuan rumah tangga; kesemuanya termasuk dalam kelas 11.	2 November 2010 sehingga 2 November 2030	Didaftarkan
2	CUCKOO Holdings		2017003473	MyIPO	Kelas 21: Periuk masak perlahan bukan elektrik; kualiti leper [bukan elektrik]; periuk goreng, bukan elektrik; periuk tekanan, bukan elektrik; periuk masak nasi [bukan elektrik]; stimbot, bukan dipanaskan elektrik; bekas kaserol; termos penebat; kualiti memasak leper bukan elektrik; gril [alat memasak]; cerek bukan elektrik; kesemuanya termasuk dalam kelas 21.	31 Mac 2017 sehingga 31 Mac 2027	Didaftarkan
3	CUCKOO Holdings	CUCKOO HEALTHY HOME	TM2020025670	MyIPO	Kelas 3: Pelembap bibir; Krim bibir; Topeng kecantikan; Pek topeng untuk tujuan kosmetik; Serum untuk tujuan kosmetik; Pelembap kulit; Minyak pelembap untuk kulit; Minyak muka; Krim kulit; Krim kosmetik berkhasiat; Krim muka dan badan; Pembersih muka; Sabun; Buih pembersih kulit; Losyen pembersih kulit; Krim pembersih kulit; Susu pembersih; Penyegar kulit; Penyegar untuk tujuan kosmetik; Krim pengelupas; Pengelupas; Wangian; Minyak badan; Kosmetik;	2 November 2020 sehingga 2 November 2030	Didaftarkan







LAMPIRAN III: HAK HARTA INTELEK, PATEN, TANDA DAGANGAN DAN PENDAFTARAN

No.	Pemilik berdaftar	Tanda dagangan	No. permohonan	Pihak berkuasa yang menerbitkan	Kelas / Deskripsi tanda dagangan	Tempoh kesahan	Status
					Losyen kulit; Pembilas rambut; Syampu rambut; Pelembap rambut; Syampu rambut tanpa ubat; Syampu badan; Persediaan dan bahan membuang bulu; Krim tangan; Kapas dan putik kapas untuk tujuan kosmetik.		
					Kelas 11: Pelembap elektrik untuk tujuan rumah tangga; Penapis untuk pelembap elektrik untuk rumah tangga; pelembap pembersih udara; Penapis udara; Pembersih untuk pembersih udara; Pembersih udara rumah tangga; Periuk serba guna; Periuk nasi elektrik; Alat masak, elektrik; Periuk nasi tekanan elektrik; Periuk elektrik; Bidet; Penapis untuk bidet; Mangkuk tandas dengan jet air bidet berintegrasi; Pili untuk mangkuk tandas; Alat elektrolisis air; Alat pengsteril air; Pengion air untuk tujuan rumah tangga; Pancuran mandi; Penyembur kepala pancuran; Penapis air untuk pancuran air; Hos pancuran air; Kepala pancuran air; Pemanas air segera; Pili air; Kipas elektrik; Penyaman udara; Penyaman udara mudah alih; Penjana udara dingin elektrik berjenis penyaman udara untuk tujuan rumah tangga; Hud dapur untuk tujuan rumah tangga; Hud penyari untuk dapur, Peranti dan pemasangan pengalihan udara; Dapur elektrik berciri istimewa untuk tujuan rumah tangga; Plat panas elektrik untuk tujuan rumah tangga; Dapur induksi elektromagnetik untuk tujuan rumah tangga; Dapur induksi; Dapur elektrik; Ketuhar mikro; Penapis air untuk tujuan rumah tangga; Penapis untuk pembersih air; Penyedia air panas dan dingin elektrik; Penapis air luaran; Penapis air untuk sinki; Penapis penyahlembap untuk tujuan rumah tangga; Penyahlembap untuk tujuan rumah tangga; Pembakar kopi elektrik; Perkolator kopi, elektrik; Mesin kopi elektrik untuk tujuan rumah tangga.		

CUCKOO Holdings ialah pemilik berdaftar tanda dagangan "CUCKOO" di Singapura dan pasaran sasaran Rantau seperti dinyatakan dalam Seksyen 11.1.1 Prospektus ini. CUCKOO Holdings, CKH, dan CUCKOO Electronics ialah pemilik berdaftar bersama tanda dagangan "CUCKOO" di Republik Korea.

LAMPIRAN III: HAK HARTA INTELEK, PATEN, TANDA DAGANGAN DAN PENDAFTARAN**(2) Harta intelek yang dimiliki oleh Kumpulan**

Pada LPD, Kumpulan kami ialah pemilik berdaftar hak harta intelek, paten, tanda dagangan dan pendaftaran yang berikut di mana Kumpulan kami bergantung secara material:

No.	Pemilik berdaftar	Tanda dagangan	No. permohonan	Pihak berkuasa yang menerbitkan	Kelas / Deskripsi tanda dagangan	Tempoh kesahan	Status
1	Syarikat	  	TM2021006428	MyIPO	Kelas 20: Tilam; tilam spring; tilam jerami; pelapis tilam; pelapis tilam; pelapis tilam bergetah; pelapis tilam bergetah; bantal sokongan kepala; bantal sokongan leher; bantal; katil dengan tapak divan; tapak katil divan; katil divan dengan ruang simpanan; katil divan; lapisan bulu burung [pelapis tilam]; tapak tilam; kusyen tilam; bantal peluk.	9 Mac 2021 sehingga 9 Mac 2031	Didaftarkan
2	Syarikat	  	TM2022001530	MyIPO	Kelas 11: Alat pembersih udara; unit pembersih udara; penyaman udara; penyaman udara untuk kenderaan; alat pendingin udara; penyahlembap udara; alat pewangi udara; pengering udara; pemasangan penapis udara; penapis udara untuk unit penyaman udara; penapis udara untuk tujuan rumah tangga; penapis udara untuk kegunaan rumah tangga; penapis udara untuk pemasangan perindustrian; penapis udara untuk tujuan perindustrian; pembersih udara untuk kegunaan perindustrian; sistem penyegar udara; pengendali udara; pelembap udara; pembersih udara; pembersih udara untuk kereta; pembersih udara untuk tujuan rumah tangga; pembersih udara untuk kegunaan rumah tangga; alat pembersih udara; pembersih udara, elektrik; alat dan mesin pembersih udara; mesin pembersih udara; unit pembersih udara; unit pembersih udara untuk kegunaan perindustrian; pensteril udara; alat pensteril udara; pensteril udara; alat pensteril udara;	19 Januari 2022 sehingga 19 Januari 2032	Didaftarkan

LAMPIRAN III: HAK HARTA INTELEK, PATEN, TANDA DAGANGAN DAN PENDAFTARAN

No.	Pemilik berdaftar	Tanda dagangan	No. permohonan	Pihak berkuasa yang menerbitkan	Kelas / Deskripsi tanda dagangan	Tempoh kesahan	Status
					<p>pencuci udara; sistem penyegar udara; alat pewangi udara elektrik; pembersih udara elektrik; kipas aliran axial untuk penyaman udara; pemasangan penyaman udara pusat untuk tujuan rumah tangga; pemasangan penyaman udara pusat untuk tujuan perindustrian; alat penyaman udara tingkap; unit penyaman udara lekap tingkap; alat penyaman udara; alat dan pemasangan penyaman udara; alat penyaman udara untuk bangunan komersil; alat penyaman udara untuk tujuan rumah tangga; alat penyaman udara untuk tujuan perindustrian; alat penyaman udara untuk kegunaan perindustrian; penapis penyaman udara; pemasangan penyaman udara; pemasangan dan alat penyaman udara; pemasangan penyaman udara untuk kereta; pemasangan penyaman udara untuk tujuan komersil; pemasangan penyaman udara untuk tujuan rumah tangga; pemasangan penyaman udara untuk tujuan perindustrian; pemasangan penyaman udara untuk kenderaan; panel penyaman udara untuk kegunaan dalam peti sejuk masuk; unit penyaman udara; kipas elektrik merupakan sebahagian pemasangan penyaman udara rumah tangga; kipas elektrik untuk penyaman udara; penyejat untuk alat penyaman udara; penyedut udara [pengalihan udara atau penyaman udara]; kipas [penyaman udara]; pemasangan penyaman udara domestik; kipas untuk alat penyaman udara; kipas untuk pemasangan penyaman udara; kipas [bahagian pemasangan penyaman udara]; unit penyaman udara kediaman; pemasangan dan alat pengalihan udara [penyaman udara]; pemasangan pengalihan udara [penyaman udara] untuk bangunan; pemasangan pengalihan udara [penyaman udara] untuk makmal; pemasangan pengalihan udara [penyaman udara] untuk kenderaan; kipas axial untuk penyaman udara; pemasangan penyaman udara pusat; alat pemanas dan penyaman udara gabungan; alat penyaman udara domestik; hud untuk alat penyaman udara; alat pelembap untuk kegunaan bersama alat penyaman udara; pemutar [sebahagian alat penyaman udara]; alat pewangi udara; alat pembersih udara; alat untuk menapis udara; penyegar udara elektrik; pewangi bilik elektrik; penyejat untuk penyaman udara; penapis untuk pembersih udara; penapis</p>		

LAMPIRAN III: HAK HARTA INTELEK, PATEN, TANDA DAGANGAN DAN PENDAFTARAN

No.	Pemilik berdaftar	Tanda dagangan	No. permohonan	Pihak berkuasa yang menerbitkan	Kelas / Deskripsi tanda dagangan	Tempoh kesahan	Status
					untuk penyaman udara; pembersih udara rumah tangga; pembersih udara perindustrian; unit pengendali udara.		

LAMPIRAN IV: HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN MATERIAL

Butiran hartanah material kami, sama ada dimiliki atau disewa/disewakan, pada LPD, adalah dinyatakan seperti berikut. Pada LPD, Kumpulan kami tidak memiliki sebarang loji dan peralatan.

(1) Hartanah yang dimiliki oleh Kumpulan kami

No.	Pemilik berdaftar / Butiran geran / Alamat pos	Kategori penggunaan tanah / Sekatan kepentingan/ Syarat nyata / Tempoh pegangan	Deskripsi / Penggunaan semasa	Anggaran keluasan tanah / Kawasan binaan (kaki persegi)	Tarikh pengeluaran CCC	Bebanan	NBV teraudit pada 31 Disember 2024 (RM'000)
1.	Syarikat / GM 67, Lot 831, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Negeri Selangor / No. 3, Jalan Subang 6, Taman Perindustrian Subang USJ 1, 47600 Subang Jaya, Selangor	<u>Kategori penggunaan tanah:</u> Industri <u>Sekatan kepentingan:</u> Tiada <u>Syarat nyata:</u> Bangunan perindustrian <u>Tempoh pegangan:</u> Kekal	Satu unit gudang dan pejabat empat tingkat / Gudang dan pejabat	130,685 / 93,804	19 Disember 2007 dan 20 Februari 2017	Tiada	50,491
2.	Sg. Besi Construction Sdn Bhd ⁽¹⁾ / Geran induk: GRN 335450, Lot 74612, Bandar Glenmarie, Daerah Petaling, Negeri Selangor / Aras 13B, Subplace Boulevard, Pusat Komersil Vestland, No. 6, Jalan Juruanalisis U1/35, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	Geran induk: <u>Kategori penggunaan tanah:</u> Bangunan <u>Sekatan kepentingan:</u> Tiada <u>Syarat nyata:</u> Bangunan Komersil <u>Tempoh pegangan:</u> Kekal	Unit pejabat / Pejabat tingkat 14	10,803 (kawasan binaan)	2 November 2022	Tidak terpakai	5,000

Nota:

- (1) Syarikat kami ialah pemilik berdaftar menurut 12 perjanjian jual beli yang kami masuki dengan Sg. Besi Construction Sdn Bhd pada 28 Januari 2022 untuk pembelian 12 bidang strata yang merupakan pejabat kami di Aras 13B, Subplace Boulevard, Pusat Komersil Vestland, No. 6, Jalan Juruanalisis U1/35, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor untuk jumlah balasan sebanyak RM6.0 juta. 12 perjanjian jual beli tersebut telah lengkap pada 2 November 2022. Pada LPD, geran strata untuk hartanah belum lagi dikeluarkan. Sila lihat Seksyen 15.6.3 Prospektus ini.

LAMPIRAN IV: HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN MATERIAL**(2) Hartanah material yang disewa oleh Kumpulan kami**

No.	Penyewa	Tuan tanah	Alamat pos	Deskripsi / Penggunaan semasa	Tarikh pengeluaran CCC	Anggaran keluasan disewa (kaki persegi)	Tempoh sewaan/ Sewa bulanan
1.	Syarikat	CUCKOO Electronics Malaysia	Level 16, Menara Bangkok Bank, Laman Sentral Berjaya, No. 105, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur	Uni pejabat tingkat 16 / Ibu pejabat Malaysia	12 Mei 2015	12,035	Dari 1 November 2024 hingga 30 Jun 2025 / RM79,431.00 setiap bulan
2.	Syarikat	Great Holdings	Hoe Level 13A EkoCheras, No. 693, Batu 5, Jalan Cheras, 56000 Kuala Lumpur	Unit pejabat tingkat 14 / Pejabat	17 Februari 2017	8,513	Dari 1 November 2024 hingga 30 Jun 2025 / RM38,308.50 setiap bulan
3.	Syarikat	CUCKOO Electronics Malaysia	Level 15 EkoCheras, No. 693, Batu 5, Jalan Cheras, 56000 Kuala Lumpur	Unit pejabat tingkat 15 / Pejabat	17 Februari 2017	8,987	Dari 1 November 2024 hingga 30 Jun 2025 / RM40,441.00 setiap bulan
4.	Syarikat	Ooi Kooi Keat dan Moi Boon Leng	No. 1000, Jalan IKS Juru, Taman Industri Ringan Juru, 14100 Simpang Empat, Pulau Pinang	Gudang satu tingkat dan pejabat dua tingkat / Gudang bersama pejabat	17 September 2008 ⁽¹⁾	17,976	Dari 1 Mei 2023 hingga 30 April 2025 / RM27,000.00 setiap bulan
5.	Syarikat	Bismakaya Sdn Bhd	Lot 48A, Jalan Kilang, SEDCO Industrial Estate, Kolombong Off Mile 5 1/2, 88450 Kota Kinabalu, Sabah	Dua unit gudang perindustrian ringan / Gudang bersama pejabat	2 September 2002 ⁽¹⁾	4,520	Dari 1 Mei 2023 hingga 30 April 2026 / RM31,900.00 setiap bulan
6.	CUCKOO Singapore	Vico Construction Pte. Ltd.	11 Irving Place #11-01 Tai Seng Point Singapore 369551	Unit pejabat tingkat 11 / Ibu pejabat Singapura	N/A	3,900	Dari 1 Jun 2023 hingga 31 Mei 2025 / SGD8,800 setiap bulan

LAMPIRAN IV: HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN MATERIAL

Nota:

- (1) Sila rujuk kepada Seksyen 7.17 Prospektus ini untuk maklumat lanjut berhubung CCC ini.